

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: KAMPUNG BAGAN NAKHODA OMAR (BNO)

1. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
 - a) Apakah status terkini permohonan untuk membatalkan kawasan tanah kerajaan di Bagan Simpang Empat BNO, Pekan Bagan Nakhoda Omar, Daerah Sabak Bernam seluas lebih kurang 56.5 ekar daripada rizab Melayu Sungai Lang GN 925-28 dan digantikan dengan kawasan berstatus tanah kerajaan dengan keluasan yang sama di kawasan KM 50.5 Sungai Panjang, Mukim Sungai Panjang, Daerah Sabak Bernam?

JAWAPAN :

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 12/2012 bertarikh 4 April 2012 telah menolak permohonan membatalkan kawasan tanah kerajaan di Bagan Simpang Empat BNO, Pekan Bagan Omar, Daerah Sabak Bernam seluas lebih kurang 56.50 ekar daripada Rizab Melayu Sungai Lang GN 925-28 dan digantikan dengan kawasan berstatus tanah kerajaan dengan keluasan yang sama di kawasan KM50.5 Sg. Panjang, Mukim Sg. Panjang, Daerah Sabak Bernam kerana tanah ganti bukan status yang sama iaitu tanah pekan.

Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam telah berusaha mencari tanah gantian. Walau bagaimanapun, tanah gantian dengan keluasan yang sama tidak berada di satu kawasan yang sama iaitu tanah pekan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK: SUKAN PERAHU LAYAR

2. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
 - a) Apakah usaha yang telah dan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan Selangor dalam memberi sokongan kepada aktiviti Sukan Perahu Layar?
 - b) Adakah Pantai Batu Laut yang merupakan salah satu lokasi Sukan Perahu Layar yang aktif diberi perhatian peruntukan bagi menaiktaraf kemudahan prasarana?

JAWAPAN :

- a) Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor dalam memberi sokongan kepada aktiviti Sukan Perahu Layar yang juga merupakan persatuan sukan negeri yang bergabung dengan Majlis Sukan Negeri Selangor. Antara program yang dilaksanakan untuk sukan ini adalah program pembangunan atlit-atlit pelapis negeri di bawah Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) dari Majlis Sukan Negara, program pembangunan tahunan dari Majlis Sukan Negeri Selangor untuk menyertai kejohanan, program binaan seperti bengkel,klinik dan juga kem. Selain itu juga, pihak Majlis Sukan Negeri Selangor juga memperuntukkan bantuan kewangan khusus untuk program SUKMA yang meliputi penyertaan ke kejohanan yang lebih banyak, latihan intensif dan juga program – program binaan yang khusus kepada sukan ini. Program SUKMA adalah program latihan berterusan untuk peningkatan prestasi pungutan pingat di kejohanan SUKMA.
- b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak memberi tumpuan untuk meningkatkan kemudahan prasarana kerana penumpuan pihak Majlis Sukan Negeri Selangor adalah kepada program pembangunan dan mencari bakat pelayar negeri untuk kesinambungan program pembangunan dan SUKMA yang sedia ada. Walaubagaimanapun, kemudahan asas telah diperuntukkan oleh kerajaan Selangor bagi memudahkan atlit – atlit perahu layar berlatih. Antara kemudahan yang telah dibina untuk sukan ini adalah membina asrama atlit, bilik jurulatih dan sebuah tanjakan (ramp) untuk memudahkan atlit-atlit berlatih. Buat masa ini, kemudahan ini masih berada dalam keadaan yang baik. Kerajaan negeri juga akan menilai semula kemudahan dan keperluan prasarana di pusat pelayaran Batu Laut mengikut keperluan dan berperingkat-peringkat sekiranya perlu diperingkatkan atau dibaiki.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI SELANGOR

3. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:
 - a) Sila nyatakan secara terperinci bagaimanakah kedudukan kewangan terkini Negeri Selangor ?
 - b) Sila nyatakan apakah faktor utama yang mempengaruhi prestasi kewangan Negeri Selangor ?
 - c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memperkasakan kedudukan kewangan Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Kumpulan wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor terdiri dari Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan yang dipegang oleh wang tunai dan pelaburan. Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2012 berjumlah RM2,619.44 juta terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan RM1,180.85 juta, Akaun Amanah Disatukan RM1,417.70 juta dan Akaun Pinjaman Disatukan RM20.89 juta. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, Wang Awam Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan masing-masing berjumlah RM392.09 juta dan RM2,227.35 juta. Pada 31 Mei 2013, Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor adalah berjumlah RM2,824.18 juta terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan RM1,401.68 juta dan Akaun Amanah Disatukan RM1,422.50 juta. Wang Awam Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan pada 31 Mei 2013, masing-masing berjumlah RM436.83 juta dan RM2,387.35 juta.
- b) Prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2012 dan 2011 berakhir masing-masing dengan lebihan semasa sebanyak RM268.10 juta dan RM180.50 juta. Lebihan terkumpul Akaun Hasil Disatukan seperti pada 31 Disember 2012 adalah berjumlah RM1,180.85 juta berbanding RM912.75 juta pada tahun 2011. Faktor utama yang mempengaruhi prestasi kewangan Negeri Selangor ini adalah pertumbuhan hasil pada tahun 2012 dimana hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2012 adalah sebanyak RM1,954.81 juta berbanding hasil tahun 2011 berjumlah RM1,634.01 juta iaitu peningkatan sebanyak RM320.80 juta (19.63%). Peningkatan ketara direkodkan pada kutipan hasil premium geran tanah

sebanyak RM869.91 juta pada tahun 2012 berbanding RM533.04 juta pada tahun 2011.

- c) Langkah-langkah proaktif yang oleh Kerajaan Negeri bagi memperkasakan kedudukan kewangan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-
- i. Perbendaharaan Negeri Selangor pada 23 Jun 2012 telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2012 - Garis Panduan Perbelanjaan Berhemah bagi memperkemaskan dan membuat penambahbaikan terhadap garis panduan perbelanjaan berhemah dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil kira ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna;
 - ii. mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri. Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisen di samping memberi pulangan faedah yang optimum. Bagi tahun 2012, Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip hasil daripada faedah ke atas pelaburan sebanyak RM52 juta berbanding RM14 juta pada tahun 2007;
 - iii. meneruskan pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Bahagian Teknologi Maklumat, SUK sebagai satu pasukan (Ops. Kutip). Di antara pendekatan yang dilaksanakan melalui Ops. Kutip adalah seperti berikut:-
 - 1) Polisi '*Knock Door*' iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
 - 2) mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
 - 3) memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
 - 4) sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Daerah dan Tanah tanpa teragak-agak akan terus menguatkucasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.

- iv. Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Daerah dan Tanah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah iaitu:-
- a) mengenalpasti serta mengasingkan semua hakmilik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
 - b) membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Daerah dan Tanah di kawasan pedalaman;
 - c) membuka kaunter pada waktu rehat; dan
 - d) menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara online dan pusat pembayaran di kaunter PBT.
- v. Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan di Peringkat Daerah ianya dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Jawatankuasa tersebut berfungsi untuk melaksanakan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hakmilik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua Pejabat Daerah dan Tanah; dan
- vi. Kerajaan Negeri turut mewujudkan pasukan *Taskforce Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah* di 4 Pejabat Daerah dan Tanah iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah. Pada tahun 2012, tunggakan hasil Kerajaan Negeri Selangor adalah berjumlah RM352.12 juta berbanding RM425.27 juta pada tahun 2011 dengan pengurangan sebanyak RM73.15 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: MANIFESTO KEDIAMAN SENDIRI

4. Manifesto Pakatan di PRU ke-12 meliputi antaranya membantu setiap rakyat Selangor untuk mendapatkan kediaman sendiri.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- Nyatakan bilangan rakyat yang telah dibantu untuk memiliki rumah sendiri dari 2008 hingga 2013?
- Nyatakan skim-skim perumahan untuk membantu mereka?

JAWAPAN:

- Untuk makluman Yang Berhormat secara keseluruhannya, seramai 15,105 orang pemohon telah dibantu oleh Kerajaan Negeri untuk memiliki rumah kos rendah dari tempoh tahun 2008 hingga 2013. Manakala seramai 1,568 orang pemohon telah dibantu oleh Kerajaan Negeri untuk memiliki rumah mampu milik semenjak mula diperkenalkan dari tahun 2011 sehingga 30 Mei 2013. Pecahan tawaran mengikut jenis rumah adalah seperti Jadual di bawah:
 - Pemohon yang berjaya ditawarkan RKR dari tahun 2008 sehingga 30 Mei 2013.

Bil.	Daerah	2008	2009	2010	2011	2012	2013	Jumlah
1.	Klang	203	164	680	1,585	1,576	387	4,595
2.	Petaling	712	414	829	2,201	1,373	818	6,347
3.	Gombak	45	97	171	457	457	0	1,227
4.	H. Langat	326	247	211	332	527	36	1,679
5.	Sepang	25	27	5	7	2	0	66
6.	K. Langat	24	8	5	0	1	0	38
7.	K. Selangor	61	37	210	636	209	0	1,153
8.	H. Selangor	0	0	0	0	0	0	0
9.	S. Bernam	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		1,396	994	2,111	5,218	4,145	1,241	15,105

- ii) Pemohon yang berjaya ditawarkan Rumah Mampu Milik dari tahun 2011 sehingga 30 Mei 2013.

Bil.	Daerah	2011	2012	2013	Jumlah
1.	Hulu Langat	134	12	0	146
2.	Gombak	0	1,422	0	1,422
	JUMLAH	134	1,434	0	1,568

- b) Ketika ini Kerajaan Negeri telah memperkenalkan dua (2) skim perumahan mampu milik iaitu:

i) **Rumah Kos Rendah**

- Harga jualan di bawah RM42,000.00 seunit.
- Untuk golongan berpendapatan di bawah RM2,500.00 sebulan.

ii) **Rumah Mampu Milik Selangor**

- Harga jualan diantara RM85,000.00 sehingga RM120,000.00 seunit (tempoh sementara).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: TANAH PERKUBURAN ORANG ISLAM

5. Tapak bagi tanah perkuburan orang Islam telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri 2008.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah tanah perkuburan tersebut akan siap dan boleh digunakan?
- b) Siapakah yang akan menguruskannya?

JAWAPAN :

- a) Sebarang keperluan penyelenggaraan tapak perkuburan orang Islam boleh memohon kepada UPEN melalui Pejabat Tanah dan Daerah menggunakan peruntukan 'Caruman Tabung Perkuburan'.
- b) Tapak perkuburan Islam adalah dibawah warta JAIS/Wakaf Irsod MAIS dan dikawal selia oleh pihak JAIS. Namun pengurusan tapak tersebut di buat oleh ahli kariah atau masjid berdekatan mengikut pecahan kariah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK: PeBT

6. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- Sejauh manakah Dasar PeBT telah dilaksanakan?
 - Setinggi manakah prestasi pelaksanaan dasar PeBT?
 - Sila kemukakan dokumen perancangan PeBT dalam aspek ekonomi, modal insan dan pendidikan dalam tempoh tahun 2013-2018?

JAWAPAN :

- Buat masa ini tiada dasar khusus untuk Penggerak Belia Tempatan (PeBT), walaubagaimanapun Kerajaan Negeri sedang membuat dasar belia negeri Selangor dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia. Hasil kajian tersebut akan dijadikan Dasar Belia Negeri Selangor.
- Pelaksanaan program-program Penggerak Belia Tempatan adalah berdasarkan 6 bidang iaitu kepimpinan, sukan, ekonomi, kesukarelaan, kebudayaan dan pendidikan. Prestasi program berdasarkan pecahan bidang tersebut adalah seperti berikut :

Bil	Bidang	Prestasi 100%
1.	Sukan	60
2.	Kepimpinan	15
3.	Ekonomi	10
4.	Kesukarelaan	10
5.	Kebudayaan	5
6.	Pendidikan	5
	Jumlah	100

- Kerajaan negeri masih di dalam proses merancang dan mengenal pasti pendekatan yang strategik dalam meningkatkan penglibatan serta pencapaian Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dalam aspek ekonomi, modal insan dan pendidikan bagi tempoh 2013 – 2018.


**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : WIFI PERCUMA

7. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
 - a) Apakah prestasi pelaksanaan program WiFi percuma di seluruh Negeri Selangor?
 - b) Berapakah kos keseluruhan yang telah dibelanjakan?
 - c) Bilakah peluasaan program WiFi percuma akan dilaksanakan?

JAWAPAN :

- a) Sejak Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan program WiFi percuma di seluruh Negeri Selangor pada tahun 2010. Penggunaannya amat menggalakkan ia bertambah dari masa ke semasa. Penambahan pengguna ini meningkat dengan mendadak apabila kerajaan negeri memperluaskan lagi sebanyak 112 lokasi WiFi di seluruh Negeri Selangor dengan menggunakan peruntukan Geran Selangorku. Jadual di bawah menunjukkan pertambahan penggunaan WiFi percuma di seluruh Negeri Selangor



- b) Kerajaan Negeri telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma ini bermula pada tahun 2010 secara berperingkat. Jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan mengikut syarikat yang telibat adalah seperti jadual berikut.

Tahun 2010 - 2012				
Bil	Lokasi	Kos Setahun	Kos Keseluruhan	Syarikat yang Terlibat
1	Dataran Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
2	Kompleks PKNS Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
3	Seksyen 2 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
4	Seksyen 3 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
5	Seksyen 9 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
6	Kuala Kubu Bharu, Hukul Selangor	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
Tahun 2012				
7	112 Lokasi (56 DUN x 2 Lokasi)		RM 248,741.67 (9.05% drpd 2,747,959.86)	Extol Corporation (M) Sdn Bhd
	Jumlah Kos Keseluruhan		RM 572,741,67	

- c) Berikutan penambahan pengguna perkhidmatan WiFi percuma yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri yang telah bermula sejak 2010, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dengan memperluaskan lagi perkhidmatan WiFi percuma ini ke seluruh Negeri Selangor dengan penambahan sebanyak 112 lokasi di setiap DUN dengan menggunakan peruntukan Geran Selangorku.

Setiap DUN diperlukan sebanyak 2 lokasi. Bagi mengenal pasti kawasan-kawasan terpilih, setiap DUN telah diminta untuk mengemukakan cadangan kepada STANDCO Sains, Teknologi dan Inovasi bagi memastikan semua mendapat kemudahan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK: PELABURAN NEGERI

8. Kerajaan Pakatan Selangor mendakwa hampir RM50 bilion pelaburan dan 123,000 peluang pekerjaan berjaya dihasilkan sepanjang lima tahun pentadbirannya

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pecahan jumlah pelaburan, nama pelabur mengikut daerah dan bidang dari 2008-2012?
- b) Nyatakan pecahan jumlah pekerjaan dan nama kilangnya mengikut daerah?
- c) Berapakah jumlah potensi pelaburan untuk 2013?

JAWAPAN:

- a) Projek perkilangan yang telah diluluskan di negeri Selangor bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti berikut;-

Jadual 1 : Projek Perkilangan Yang diluluskan Di Negeri Selangor Mengikut Tahun bagi Tempoh 2008 hingga 2012

Tahun	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal pelaburan (RM)
2008	302	30,980	2,866,163,788	9,004,746,225	11,870,910,013
2009	278	22,753	2,752,526,768	4,007,064,183	6,759,590,951
2010	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,848	10,641,835,401
2011	263	20,750	4,504,853,012	4,237,146,599	8,741,999,611
2012	252	22,719	7,305,494,367	4,429,323,568	11,734,817,935
Jumlah	1,420	125,067	22,924,024,488	26,825,129,423	49,749,153,911

Sumber : MIDA

Maklumat terperinci berkenaan projek-projek yang diluluskan tidak dapat dinyatakan oleh pihak MIDA kepada pihak umum tanpa mendapat persetujuan daripada pihak syarikat kerana dikhuatiri ianya akan memberi kesan kepada perancangan perniagaan syarikat.

Jadual 2 : Projek Perkilangan Yang diluluskan Di Negeri Selangor Mengikut Industri bagi Tempoh 2008 hingga 2012

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Food Manufacturing	118	8,643	2,282,340,015	2,903,817,841	5,186,157,856
Beverages & Tobacco	8	1,222	206,238,965	302,930,773	509,169,738
Textiles & Textile Products	27	1,766	135,423,775	161,638,754	297,062,529
Leather & Leather Products	1	12	10,118,000	0	10,118,000
Wood & Wood Products	45	2,338	331,826,254	99,077,988	430,904,242
Furniture & Fixtures	77	7,134	409,860,387	85,603,054	495,463,441
Paper, Printing & Publishing	30	2,739	346,123,986	866,474,875	1,212,598,861
Chemical & Chemical Products	114	3,920	1,742,873,735	2,626,693,461	4,369,567,196
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	16	857	182,687,724	730,157,814	912,845,538
Rubber Products	66	10,420	1,347,299,092	301,508,288	1,648,807,380
Plastic Products	112	6,105	852,769,013	591,615,031	1,444,384,044
Non-Metallic Mineral Products	34	1,813	341,910,536	2,007,991,873	2,349,902,409
Basic Metal Products	74	4,584	1,806,936,169	1,986,578,392	3,793,514,561
Fabricated Metal Products	130	6,461	1,057,929,918	732,081,210	1,790,011,128
Machinery & Equipment	185	12,078	1,617,295,575	1,448,579,156	3,065,874,731
Electronics & Electrical Products	147	30,108	1,245,445,592	9,891,144,429	11,136,590,021
Transport Equipment	189	20,286	8,557,401,936	1,913,784,078	10,471,186,014
Scientific & Measuring Equipment	28	1,726	337,506,355	119,073,825	456,580,180
Lain-Lain Industri	19	855	112,037,465	56,378,580	168,416,045
Jumlah	1,420	123,067	22,924,024,492	26,825,129,422	49,749,153,914

Sumber : MIDA

- b) Pecahan pelaburan dan potensi peluang pekerjaan yang diwujudkan mengikut daerah bagi tempoh 2008 sehingga 2012 adalah seperti berikut;-

Daerah	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Petaling	553	51,291	7,292,921,827	12,092,385,493	19,385,307,320
Klang	360	28,965	5,854,013,693	5,635,403,979	11,489,417,672
Kuala Selangor	60	5,997	905,706,769	270,912,894	1,176,619,663
Hulu Langat	170	10,036	1,634,578,184	1,582,173,039	3,216,751,223
Gombak	118	10,979	1,850,395,745	533,921,005	2,384,316,750
Kuala Langat	70	4,869	1,020,555,042	2,056,775,856	3,077,330,898
Hulu Selangor	24	3,407	2,719,710,563	419,785,202	3,139,495,765
Sepang	20	3,200	789,578,834	2,721,922,932	3,511,501,766
Sabak Bernam	3	202	16,441,807	845,895	17,287,702
Lain-Lain Kawasan	42	4,121	840,122,027	1,511,003,127	2,351,125,154
Jumlah	1,420	123,067	22,924,024,491	26,825,129,422	49,749,153,913

Sumber : MIDA

- c) Bagi tempoh Januari hingga Mac 2013, sebanyak 43 projek telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 618,723,695. Daripada jumlah ini sebanyak RM 312,461,057 adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 306,262,638 adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak 2,542 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Berdasarkan perkembangan dan keadaan ekonomi dunia, Kerajaan Negeri mensasarkan jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM 8 bilion.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK: PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN

9. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
 - a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan pilihanraya Kerajaan Tempatan seperti mana yang dijanjikan di dalam manifesto Pakatan Rakyat Selangor?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sedang merangka langkah-langkah bagi melaksanakan pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk tujuan tersebut satu Rang Undang-undang Enakmen Pemilihan Ahli Majlis Tempatan sedang disediakan dan dijangka akan dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri pada tahun 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN

10. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:
- Senaraikan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bagi tahun 2007-2013.
 - Senaraikan jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk membina perpustakaan cawangan/bandar/desa mengikut pecahan daerah bagi tahun 2007-2013 dan sasaran pembinaan perpustakaan baru untuk 2013-2018.
 - Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan budaya membaca dan mempelbagaikan penyampaian ilmu untuk melahirkan warga negeri yang minat menuntut ilmu?

JAWAPAN:

- a) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor menerima peruntukan dari Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi keperluan perbelanjaan mengurus.

Bagi tahun 2007 sehingga 2013 terimaan peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bagi perbelanjaan mengurus adalah sebagaimana berikut:

Bil	Tahun	Peruntukan Kerajaan
1.	2007	RM 5,498,815.00
2.	2008	RM 5,498,815.00
3.	2009	RM 4,687,740.00
4.	2010	RM 2,417,000.00
5.	2011	RM 2,658,700.00
6.	2012	RM 7,462,073.00
7.	2013	RM 7,333,492.00
JUMLAH		RM 35,556,635.00

- b) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah mula ditubuhkan pada 1971 bermula dengan pengambilalihan Kelab Buku Kuala Lumpur (*KL Book Club*). Perpustakaan ini mula berpindah ke Shah Alam pada tahun 1986 dan pada 15 Mac 1988 ia diberi nama Perpustakaan Raja Tun Uda. Manakala pada Mei 2011 PPAS telah berpindah ke bangunan baru di Seksyen 13, Shah Alam dan memulakan perkhidmatan pada 22 Julai 2011. Bangunan baru ini merupakan hadiah dari DYMM Sultan Selangor kepada rakyat sempena perisytiharan Selangor Maju 2005.

Semenjak penubuhannya sehingga kini, PPAS telah mempunyai 98 buah perpustakaan di seluruh Selangor. Bermula dengan proses Penjenamaan Semula (*Rebranding*) yang dijalankan pada Mei 2009, PPAS memulakan misi penjenamaan semula perpustakaan dengan konsep baru yang menggabungkan ilmu, spiritual, santai, selesa, moden dan kreatif. Konsep ini menggunakan idea-idea moden dan kreatif dari restoran, kedai buku moden, pusat membeli belah, hotel dan kafe siber namun diadaptasi dengan kos mampu milik yang boleh dinikmati oleh semua golongan masyarakat.

Berikut merupakan taburan perpustakaan mengikut jenis perpustakaan:

Jenis Perpustakaan	Bilangan
Pusat	1
Daerah	7
Cawangan	4
Pekan	10
Desa	57
Desa (PNM)	16
Bergerak	3
Jumlah	98

Berikut merupakan taburan perpustakaan yang dibina bermula tahun 2007 sehingga kini dan juga perancangan PPAS untuk pembinaan bermula 2013 – 2018.

Pecahan Taburan Perpustakaan Mengikut Daerah (2007-2013)

Tahun Daerah	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	Jumlah
Petaling	-	-	-	1	-	-	-	1
Klang	-	-	-	-	1	-	1	2
Hulu Langat	-	-	-	1	1	2	1	5
Kuala Langat	-	-	-	-	-	-	-	0
Hulu Selangor	-	-	-	1	-	-	-	1
Kuala Selangor	-	2	-	-	-	-	-	2
Sabak Bernam	-	-	-	-	-	-	-	0
Gombak	-	-	-	-	-	1	-	1
Sepang	-	1	-	-	-	1	1	3
Jumlah	0	3	0	3	2	4	3	15

PECAHAN PERUNTUKAN YANG DISALURKAN MENGIKUT DAERAH

DAERAH	PERUNTUKAN (RM)	
	Persekutuan	Negeri
Kuala Selangor	317,195.98	
Sepang		444,500.00
Hulu Selangor		40,000.00
Hulu Langat		2,425,000.00
Petaling		110,000.00
Klang		330,000.00
Gombak		195,000.00
JUMLAH		3,861,695.98

Cadangan Pembinaan dan menaiktaraf Perpustakaan Baru 2013-2018

DAERAH	2013	2014	2015	2016	2017	2018
KLANG	√	√				
KUALA SELANGOR	√					√
SABAK BERNAM	√					
HULU LANGAT				√		
KUALA LANGAT		√	√			
HULU SELANGOR					√	
SEPANG	√			√		

Namun begitu, pihak PPAS akan menyediakan lain-lain cadangan dan perancangan projek pembinaan yang akan dibentangkan dan diperincikan dalam penyediaan RMK11 (2016-2020).

- c) Kerajaan Negeri Selangor melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS),setiap tahun sentiasa merancang program-program bagi menggalakkan budaya membaca serta mempelbagaikan penyampaian ilmu.

Program-program menggalakkan budaya membaca dikalangan masyarakat, dirancang dengan **melibatkan semua kategori komuniti** iaitu, kanak-kanak, remaja, dewasa serta warga emas.

Antara langkah-langkah yang di ambil adalah seperti berikut :

1. HARI ILMU NEGERI SELANGOR

Bermula pada 26 Jun 2010, Kerajaan Negeri Selangor telah mengisytiharkan Hari Ilmu Negeri Selangor, majlis perasmian telah disempurnakan oleh D.Y.M.M Sultan Selangor. Program ini mengajak rakyat meneruskan budaya membaca dengan menjenama gerakan membaca. Saban tahun, hari ilmu akan diisi dengan program-program bermanfaat seperti membaca serentak beramai-ramai melalui kempen “*15 minutes reading break*”, bacaan kegemaran saya, puisi, pidato, kuiz dan sebagainya.

Tahun	Tema	Pencapaian	Catatan
2010	<ul style="list-style-type: none"> - Pelancaran Gerakan Menulis Perdana 2010 Tema : Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan' - '<i>The Largest Outdoor Reading Event in Malaysia</i>' 	15,271 peserta	<p><i>Disempurnakan oleh:</i> <i>D.Y.M.M. Sultan Selangor</i></p> <p><i>Malaysia Book of Records</i></p>
2011	<ul style="list-style-type: none"> - Konvensyen Penulis - Tokoh Penulis Selangor 2011 - Berhenti Sebentar, Jom Baca (<i>15 minutes reading break</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> 300 penulis 2,125 peserta 	Di Pusat konvensyen Shah Alam
2012	<ul style="list-style-type: none"> - Tokoh Penulis Selangor 2012 - Tokoh Pustakawan Selangor 2012 - Baca & Amalkan (<i>15 minutes reading break</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> Seorang Seorang 7,275 penyertaan 	<p>Anjuran EXCO Pendidikan, Pendidikan Tinggi & Pembangunan Modal Insan</p> <p>Dilaksanakan di 9 daerah Negeri Selangor</p>
2013	<ul style="list-style-type: none"> - Baca, Amal dan Sumbangkan - Gerakan Menulis Perdana Ke 2 Tema: Mengehsangkan Insan Di Negeri Selangor' 	741 naskah buku	Sumbangan buku oleh pengunjung pesta buku.

2. PESTA BUKU NEGERI SELANGOR

Pesta Buku negeri Selangor telah bermula pada tahun 2006 dan telah mendapat sambutan dari masyarakat sehingga ia dinamakan sebagai Pesta Buku ke 2 terbesar selepas Pesta buku Kuala Lumpur. Pesta Buku Selangor bertujuan bagi memberi peluang kepada komuniti untuk memilih dan memperolehi bahan bacaan berkualiti tinggi serta terkini.

Perkara	Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2011	Tahun 2012	Tahun 2013
Tarikh	24 Julai – 3 Ogos	25 Jun – 5 Julai	24 Jun – 3 Julai	29 Jun- 9 Julai	24 Mei – 3 Jun
Tempat	Kompleks PKNS	Kompleks PKNS	Pusat Konvensyen Shah Alam	Pusat Konvensyen Shah Alam	Pusat Konvensyen Shah Alam
Pempamer	64	58	75	86	81
Gerai/Booth	114	114	157	163	163
Pengunjung	390,961	423,315	353,530	348,235	312,290
Pendaftaran Kahlian Baru	2,027	904	1,661	3,161	3,225

3. PROGRAM GALAKAN MEMBACA DAN MENUNTUT ILMU

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dengan kerjasama Jawatankuasa Gerakan Membaca Daerah telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sama ada di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah.

Diantara aktiviti dan program menuntut ilmu yang dilaksanakan adalah:

1. Program Jom Baca (*15 minutes reading break*)
2. Gerakan Menulis Perdana; ‘Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan’
3. Gerakan Menulis Perdana Ke 2; ‘Mengehsangkan Insan Di Negeri Selangor’
4. Bicara buku (karya penulis tempatan)
5. Kuiz eksplorasi minda
6. Kuiz roda ilmu
7. Pertandingan bercerita, membaca pantas dan tulisan jawi,
8. Pidato, sajak dan puisi.
9. Seminar sejarah lisan
10. Sambutan Hari Buku Kanak-kanak Antarabangsa
11. Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia dan sebagainya

Berikut adalah statistik program dan aktiviti yang dijalankan di seluruh negeri Selangor perbandingan 2010-2012:

Tahun	Jumlah Aktiviti
2010	472 aktiviti
2011	892 aktiviti
2012	1,692 aktiviti

4. PENJENAMAAN SEMULA BANGUNAN-BANGUNAN PERPUSTAKAAN.

Perpustakaan kini telah ditransformasikan menjadi hub ilmuan, hub pendidikan dan pusat tumpuan komuniti (*community centric*) dengan konsep Penjenamaan Semula Perpustakaan (*rebranding*) dan Perpustakaan sebagai Rumah Kedua Ku (*Library My Second Home*).

Matlamat utama adalah bagi membantu kerajaan mengurangkan kadar jenayah sosial. Bermula pada tahun 2009, bangunan-bangunan perpustakaan mula dijenama, dengan konsep yang lebih menarik melibatkan

1. Buku-buku dan bahan penyelidikan terkini
2. Infrastruktur
3. Ruang bacaan yang lebih santai
4. Perabot yang serba moden
5. Perkhidmatan multimedia
6. Internet dan wifi percuma,
7. Pusat siber rakyat,
8. Kemudahan kafetaria dan surau serta tandas yang bersih.

Berikut adalah perpustakaan yang dibaikpulih dengan konsep penjenamaan semula (*rebranding*) dan telah berjaya menjadikan lebih ramai masyarakat berminat untuk menuntut ilmu:

Bil	Tarikh Pembukaan/ Perasmian	Perpustakaan
1.	15/4/2010	Perpustakaan Bukit Beruntung
2.	20/4/2010	Perpustakaan Semenyih
3.	18/10/2010	Perpustakaan Sri Manja
4.	31/5/2011	Perpustakaan Sri Perantau
5.	18/10/2011	Perpustakaan Ampang Water Front
6.	9/6/2012	Perpustakaan Pandan Jaya
7.	21/2/2013	Perpustakaan Kajang
8.	24/3/2013	Perpustakaan Rawang
9.	1/7/2013	Perpustakaan Sungai Udang

Sesungguhnya usaha-usaha bagi menggalakkan budaya membaca dan penyampaian ilmu oleh kerajaan Negeri tidak tertumpu kepada perpustakaan atau sekolah malah menjadi tanggungjawab sosial semua pihak termasuk jabatan/agensi/anak syarikat serta sektor korporat negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: MENARA TINJAU

11. Taman Rimba Ampang dan Menara Tinjau “Look Out Point”

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Siapakah yang bertanggungjawab terhadap (penjagaan) Taman Rimba Ampang yang tidak diselenggarakan dengan baik?
- b) Adakah kerajaan bercadang untuk menaik taraf taman tersebut?
- c) Bilakah Menara Tinjau akan dibuka semula dan apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil terhadap bangunan yang di ketagorikan tidak selamat itu?

JAWAPAN :

- a) Penyerahan secara rasmi Taman Rimba Ampang kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah dibuat pada 1 Mei 2013. Selepas penyerahan tersebut, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bertanggungjawab atas penyelenggaraan dan pengurusan Taman Rimba Ampang. Ianya bukanlah tidak diselenggara dengan baik, tetapi kerosakan kemudahan yang ada adalah disebabkan insiden banjir lumpur akibat dari kejadian hujan yang luar biasa dan tanah runtuh pada tahun 2012.
- b) Jabatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan serta menaiktaraf terhadap kemudahan yang sedia ada. Namun begitu, ianya perlu dilaksanakan secara terancang bagi memastikan keindahan semulajadi tidak terjejas. Pada masa ini, tumpuan diberikan terhadap pembaikan kerosakan kemudahan yang sedia ada. Jabatan juga telah membuat permohonan melalui Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk mendapatkan peruntukan daripada Kementerian Pelancongan (MOTOUR) sebanyak RM1.075 juta bagi tahun 2014 dan 2015.
- c) Kerajaan Negeri telah selesai menjalankan kajian cerun yang dibuat oleh pihak yang dilantik iaitu Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd (IKRAM). Kajian ini adalah penilaian terhadap status kestabilan cerun dan tanah. Melalui keputusan pihak IKRAM, mereka mendapat hampir keseluruhan kawasan Menara Tinjau adalah tidak selamat untuk sebarang aktiviti dijalankan kerana struktur tanah yang tidak selamat.

Kajian IKRAM ini telah dijalankan melalui 2 Fasa iaitu Fasa pertama dijalankan bermula pada pertengahan November 2012 sehingga awal Februari 2013. Kerja-kerja Fasa 1 ini meliputi Kerja Lapangan dan Kajian Geoteknikal. Fasa 2 pula telah berjalan pada pertengahan Februari 2013 sehingga selesai pada April 2013. Kerja-kerja Fasa 2 ini melibatkan Kerja-kerja Merekabentuk Terperinci & Penyediaan Dokumen Tender. Kajian pihak IKRAM mendapati kawasan tersebut tidak selamat untuk digunakan bagi sebarang aktiviti akibat terdapatnya pergerakan tanah di hampir seluruh kawasan tersebut termasuk Menara Tinjau.

Buat masa ini, semua aktiviti perniagaan telah ditutup dan sementara kes mahkamah berjalan, pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah diarah untuk menjaga kawalan keselamatan di kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK: KERAJAAN PRIHATIN

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah konsep pelaksanaan program Kerajaan Prihatin?
 - Nyatakan manfaat hasil program yang dilaksanakan?
 - Beri statistik rakyat yang terlibat dalam program ini?

JAWAPAN:

- Konsep pelaksanaan Program Kerajaan Prihatin adalah, Program ini merupakan satu program yang bertujuan untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah yang selesa sebagai tempat berteduh dan secara tidak langsung dapat membantu golongan sasar untuk keluar dari garis kemiskinan. Proses pemberian bantuan Program Kerajaan Prihatin adalah melalui permohonan daripada pemohon kepada Pejabat Daerah dan dipanjangkan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (Seksyen Sektoral). Kajian atau siasatan akan dilaksanakan melalui proses turun padang dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Bantuan Rumah Program Kerajaan Prihatin yang akan diadakan secara berkala. Keputusan mesyuarat tersebut akan dibawa untuk pengesahan Ketua Jabatan dan Pegawai Daerah untuk makluman dan lantikan kontraktor untuk proses berikutnya.
- Manfaat yang diperolehi daripada Program Kerajaan Prihatin, selain dapat memberi keselesaan kepada mereka yang kurang berkemampuan, program ini juga dapat meningkatkan taraf kehidupan dan secara tidak langsung dapat mengurangkan statistik kemiskinan di Negeri Selangor serta mewujudkan kehidupan yang sihat, selesa dan sistem kekeluargaan yang lebih baik dengan menyediakan keperluan asas yang sempurna.
- Berikut ini adalah statistik penerima bagi bantuan Program Kerajaan Prihatin:

**JUMLAH BANTUAN PROGRAM KERAJAANPRIHATIN DARI TAHUN 2008 - 2012
MENGIKUT PECAHAN DAERAH DAN KAUM**

BIL	DAERAH	2008				2009				2010				2011				2012				JUMLAH										
		BINA BARU		BAIKPULIH		BINA BARU		BAIKPULIH		BINA BARU		BAIKPULIH		BINA BARU		BAIKPULIH		BINA BARU		BAIKPULIH												
		M	C	I	M	C	I	M	C	I	M	C	I	M	C	I	M	C	I	M	C	I										
1	Klang	20	-	-	10	-	-	29	-	2	13	-	-	11	1	1	8	-	1	13	-	2	12	1	-	-	-	-	-	126		
2	Petaling	7	-	-	-	-	-	15	1	-	3	-	-	4	-	-	5	-	-	2	-	1	3	-	-	2	-	1	2	-	-	46
3	Kuala Langat	23	-	-	13	1	-	17	-	-	14	-	-	16	-	2	14	-	-	8	-	1	16	-	1	-	-	-	-	-	126	
4	Hulu Langat	10	-	-	3	-	-	6	-	1	12	-	-	5	-	2	8	-	-	10	-	1	5	1	-	1	-	-	1	1	-	67
5	Sabak Bernam	27	2	2	59	-	-	8	-	1	43	-	-	1	-	2	8	-	1	5	-	3	22	1	-	-	-	-	-	-	-	185
6	Kuala Selangor	13	-	1	34	-	-	18	-	4	22	1	2	13	2	1	14	1	1	12	1	1	17	2	4	-	-	1	-	-	-	165
7	Gombak	12	-	2	15	-	-	12	1	1	11	-	-	2	-	7	-	1	5	-	2	13	-	2	-	-	-	-	-	-	-	86
8	Hulu Selangor	5	-	1	8	-	-	5	3	-	10	-	-	5	2	2	4	-	1	8	3	1	2	3	-	-	-	-	-	-	-	63
9	Sepang	7	-	-	10	-	1	9	-	-	13	2	-	2	-	1	11	-	-	2	2	7	-	-	-	-	-	-	-	-	67	
	JUMLAH	124	2	6	152	1	1	119	5	9	141	3	2	57	7	11	79	1	5	63	6	14	97	8	7	3	0	4	3	1	0	931

Petunjuk	Kaum
M	Melayu
C	Cina
I	India

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)**

TAJUK: PEMUTIHAN KILANG

13. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan jumlah kilang yang telah mohon dalam proses pemutihan, yang telah diluluskan dan kilang yang masih ingkar berbuat demikian sejak tahun 2008 sehingga akhir bulan April, 2013 mengikut jenis perniagaan, di kawasan DUN Teluk Datuk, Sijangkang dan Morib?

JAWAPAN :

- a) Berikut adalah laporan permohonan pemutihan kilang bagi kawasan DUN Teluk Datuk, Sijangkang dan Morib, Daerah Kuala Langat :

PERKARA	JUMLAH
Jumlah lot terlibat	209 lot
Jumlah permohonan	63 permohonan
Jumlah lulus	60 permohonan
Jumlah telah bayar	51 permohonan
Jumlah belum bayar	9 permohonan
Jumlah premium tambahan telah bayar	RM 6,972,761.50
Jumlah premium tambahan belum bayar	RM 1,928,876.00
Jumlah Lot yang tidak membuat permohonan	146 lot

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN DESA

14. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Apakah program Pembangunan Desa yang akan dimulakan pada tahun ini?
 - Huraikan pelan pembangunan yang bagaimakah yang ingin dilaksanakan?
 - Kampung kategori manakah yang akan diberi keutamaan untuk memulakan program ini?

JAWAPAN :

- Pembangunan Desa merupakan satu subjek utama dalam pembangunan negara. Pelan perancangan pembangunan desa sebaik sahaja Malaysia mencapai kemerdekaan bermula dari Rancangan Malaysia kedua. Negeri Selangor melalui perancangan tersebut telah berkembang menjadi negeri perbandaran. Pembangunan Negeri Selangor ini telah mencakupi 90% daripada perbandaran seluruh Selangor.

Namun begitu, Kerajaan Negeri Selangor masih memandang serius tentang pembangunan desa kerana masih terdapat seramai lebih kurang 2 juta penduduk negeri Selangor yang merangkumi demografi masyarakat desa yang ketinggalan dari segi pembangunan. Pada masa ini, aktiviti-aktiviti yang menyumbang kepada sumber pendapatan penduduk desa adalah bergantung kepada pertanian, penternakan, industri kecil sederhana dan sebagainya.

Penduduk desa masih jauh ketinggalan dari segi pendapatan per kapita berbanding penduduk bandar. Atas kesedaran ini, Kerajaan Negeri Selangor ingin meningkatkan pendapatan dan juga mewujudkan konsep keempunyaan sesuatu projek yang mendatangkan pendapatan kepada mereka. Kerajaan Negeri ingin mengubah strategi pembangunan desa kearah satu konsep yang menyeluruh dan holistik bagi memastikan pembangunan kampung secara bersepadu dan mampan bagi tujuan meningkatkan pendapatan penduduk kampung dan mewujudkan nilai keempunyaan penduduk setempat dapat dilaksanakan. Bagi merealisasikan konsep pembangunan sebegini, sistem sokongan yang kukuh yang melibatkan jaringan keselamatan, "*land reform*", khidmat sokong jabatan-jabatan berkaitan seperti Jabatan Pertanian, MARDI dan juga khidmat sokongan kewangan amat diperlukan. Program pembangunan desa yang ingin direalisasikan oleh Kerajaan Negeri Selangor merupakan salah satu program di mana ia merupakan satu platform untuk mendekatkan penduduk luar bandar supaya tidak tercicir daripada arus kemajuan di Negeri Selangor ini.

Sumbangan sektor pertanian dan penternakan oleh kawasan luar bandar adalah tidak boleh disangkal lagi. Walaupun bukan menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negeri Selangor, tetapi sektor pertanian dan penternakan seperti tanaman padi, kelapa sawit, kelapa, penternakan lembu daging dan ayam menjadi pendukung kepada ekonomi negeri. Bagi sektor pelancongan pula, Kerajaan Negeri melihat keberhasilan produk pelancongan desa seperti *homestay*, produk kraftangan serta penghasilan kerepek oleh IKS telah menjadi satu sumber pendapatan tambahan kepada masyarakat kampung. Usaha penambahbaikan ke atas pertanian, penternakan dan pelancongan ini kelak akan dapat dinikmati oleh rakyat dengan peningkatan sumber pendapatan serta taraf hidup yang lebih baik dan selesa melalui industri yang diceburi.

- b) Kerajaan Negeri telah merangka Urustadbir untuk Pembangunan Desa secara Bersepadu dan Mampan yang terdiri daripada oleh Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Pelaksana. Jawatankuasa Pemandu akan diketuai oleh Y.A.B Dato Menteri Besar Selangor dengan ahli-ahlinya terdiri daripada Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Ahli MMKN dan Pengarah UPEN. Jawatankuasa Pelaksana pula akan diketuai oleh Dato Saifuddin Nasution Bin Ismail dan ahli-ahlinya terdiri daripada Ahli Dewan Negeri , UPEN, dan Pegawai Daerah. Dengan adanya kaedah ini, barulah projek Pembangunan Desa ini dapat dipantau dari peringkat bawah iaitu ketua kampung dan masyarakatnya sehingga ke peringkat tertinggi iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Pada masa ini, kerajaan negeri sedang meneliti implikasi kewangan yang akan terlibat dalam projek Pembangunan Desa secara holistik ini.
- c) Dalam pembangunan desa secara holistik ini, kesemua kampung akan diambil kira dan ianya akan dijalankan secara berfasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK: PROGRAM MERAKYAT EKONOMI SELANGOR (MES)

15. Kerajaan Selangor telah melaksanakan Program Merakyat Ekonomi Selangor(MES) sebagai satu usaha perkongsian hasil negeri bersama seluruh rakyat tetapi masih terhad pada kelompok tertentu.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pihak kerajaan negeri mengenal pasti dan mengambil langkah-langkah menambah baik perjalanan MES seperti syarat-syarat dan meliputi semua golongan?
- b) Apakah langkah-langkah utama yang akan diambil oleh kerajaan negeri dalam usaha meningkatkan promosi program MES di kalangan rakyat?

JAWAPAN :

- a) Program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor (MES) telah diperkenalkan sebagai satu usaha perkongsian hasil negeri bersama rakyat bersetujuan dengan agenda "Hasil Negeri Untuk Rakyat". Namun demikian, ianya dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan agar "Hasil Negeri untuk Rakyat" dapat dipenuhi secara maksimum.

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mencuba mengenal pasti dan mengambil langkah-langkah pro aktif dalam menambah baik perjalanan MES termasuk syarat-syarat bagi memastikan manfaatnya dapat dinikmati oleh semua golongan. Oleh itu, pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memantau perlaksanaan setiap program dari masa ke semasa bagi memastikan ianya berjalan dengan lancar melalui laporan yang dikemas kini dari masa ke semasa kepada Pihak Berkuasa Negeri. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menerima dan mengambil kira segala cadangan atau apa jua teguran yang diterima bagi memastikan penambahbaikan dapat dijalankan.

- b) Bagi meningkatkan promosi program MES di kalangan rakyat, pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan segala maklumat mengenai program MES dapat disampaikan kepada rakyat di antaranya:
- i. Penyediaan maklumat di portal rasmi MES iaitu mes.selangor.gov.my;
 - ii. Penyediaan maklumat serta borang berkaitan di Pusat Khidmat DUN bagi urusan atau pertanyaan berkaitan program MES;
 - iii. Penerbitan risalah MES untuk edaran masyarakat;
 - iv. Pengedaran risalah Merakyatkan Ekonomi Selangor kepada 9 Daerah di Selangor;
 - v. Promosi komprehensif ke atas program MES melalui billboard, broshur, laman web dan ruangan editor di media cetak arus perdana;
 - vi. Kaunter penerangan MES di Hari Bertemu Pelanggan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang diadakan 2 kali setahun;
 - vii. Kaunter penerangan MES di Majlis Sambutan Ulang Tahun Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor;

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PENGGUNAAN GERAN SELANGORKU

16. RM300 juta diperuntukkan untuk Geran ‘Selangorku’ bagi pelaksanaan pelbagai program.

Bertanya kepada Y.A.B Dato’ Menteri Besar:

- Apakah prestasi penggunaan geran RM300 juta tersebut?
- Nyatakan projek, program dan kos yang telah dibelanjakan?
- Apakah impak dan manfaatnya kepada rakyat?

JAWAPAN :

- Isu **Infrastruktur** jelas mendapat lebih perhatian memandangkan permintaan terhadapnya sentiasa tinggi di mana sebanyak RM32.8 juta dibelanjakan dari peruntukan sebanyak RM50 juta. Ini diikuti dengan **Infrastruktur Sukan** sebanyak RM5.6 juta dan seterusnya **Pengukuhan Demokrasi** sebanyak RM4 juta. Butiran adalah seperti mana jadual berikut:

BIL	TAJUK GERAN	PERUNTUKAN	KOMITMEN	BAKI
1	INFRASTRUKTUR	50,000,000.00	32,848,040.15	17,151,959.85
2	INFRASTRUKTUR SUKAN	30,000,000.00	5,620,806.50	24,379,193.50
3	PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000,000.00	4,086,972.02	913,027.98
4	PEMERKASAAN WANITA	30,000,000.00	3,430,505.63	26,569,494.37
5	SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000,000.00	3,038,062.71	26,961,937.29
6	PENERANGAN MAKLUMAT NEGERI	10,000,000.00	1,681,300.12	8,318,699.88
7	KEUSAHAWANAN MUDA	30,000,000.00	1,507,757.20	28,492,242.80
8	PROGRAM PEJABAT KE RAKYAT	20,000,000.00	1,230,085.00	18,769,915.00
9	PROGRAM PENGUKUHAN BUDAYA	3,000,000.00	335,930.00	2,664,070.00
10	PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR	5,000,000.00	318,548.50	4,681,451.50
11	PEMBASMIAN RASUAH & PENYELEWENGAN	15,000,000.00	250,000.00	14,750,000.00
12	PROGRAM JANGKAAN KEHIDUPAN BANDAR	10,000,000.00	248,741.67	9,751,258.33
13	PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	22,000,000.00	202,276.38	21,797,723.62
14	PENINGKATAN KEHIDUPAN HIDUP RAKYAT	5,000,000.00	190,000.00	4,810,000.00
15	PENGENALAN GAJI MINIMA	10,000,000.00	50,000.00	9,950,000.00
16	DARI KEBAJIKAN KEPADA PEKERJA	20,000,000.00	0.00	20,000,000.00
17	KEHIDUPAN BANDAR	5,000,000.00	0.00	5,000,000.00

300,000,000.00 55,039,025.88 244,960,974.12

- b) Butiran program geran serta kos adalah sebagaimana jadual di atas. Manakala bagi program Infrastruktur pula, projek-projek yang dijalankan di PBT serta PTD terbabit adalah seperti mana jadual di bawah.

Hampir 66.5% (atau 147 projek) dari keseluruhan 221 projek infrastruktur melibatkan kerja-kerja penurapan jalan, 19.9% (atau 44 projek) kerja-kerja menaiktaraf longkang dan 4% (atau 9 projek) untuk mengadakan lampu jalan.

JUMLAH PROJEK INFRASTRUKTUR YG TELAH DILULUSKAN MENGIKUT PBT / PTD

PBT / PTD	Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3	Fasa 4	Fasa 5	Fasa 6	Fasa 7	Jumlah	Komitmen	Turap Jalan	Naiktaraf Longkang	Lampu Jalan	Jalan Lorong	Bonggol Jalan	Cat & Balik Jalan	Lampu I Syria	Lebar Jalan	Jalan Rizab	Baikpulih "Railing"	Jambatan Motosikal	Jejantas	Mitigasi Banjir	Naiktaraf Dewan Orangramai	Pembenteng	Rumah Sampah	Trek Joging	Tempat Letak Kereta	JUMLAH
JKR		1	4	10				15	1,770,167	14	1															15		
MBPJ			5	1	1	1	8	1,880,684		4	4															8		
MBSA	2	7	10	2	4	2	27	4,049,719		24	3															27		
MDHS	1			4				589,301		3	1	1														5		
MDKL	3	2	2	4	4			15	1,874,889	10	4				1											15		
MDKS	3	11	1		3			18	1,422,468	3	6	5		2			1								18			
MDSB	4	2			2			8	467,782	4	3	1													8			
MPAJ	2	2	3		4	3	2	16	4,015,144	9	5			1											16			
MPK	1		2	4	3	1	1	12	2,794,907	11															12			
MPKj	1		2		7	2		12	2,036,800	3	9														12			
MPS	2			6	9			17	2,162,780	11	5	1													17			
MPSJ		1	2	1	3	3	10	2,756,103		4	1			2			1	1							10			
PPTD Gombak																												
PTD Gombak						8	1	9	1,381,731	7	1														1			
PTD Hulu Langat					1			1	78,780	1															1			
PTD Hulu Selangor								1	80,000																1			
PTD Klang		1		3	1	2	7	768,292		6					1										7			
PTD Kuala Langat				12	3		15	1,866,147		10	2	2	1												15			
PTD Kuala Selangor				7	3		10	1,147,639		8		1			1										10			
PTD Petaling					1			1	158,750	1															1			
PTD Sabak Bernam					9			9	817,168	9															9			
PTD Sepang					1	3	1	5	728,790	5															5			
SUK																												
TOTAL	19	17	20	35	84	32	14	221	32,848,040	147	44	9	3	1	2	2	2	1	1	1	2	1	1	1	221			

PECAHAN PROJEK INFRASTRUKTUR

KATEGORI PROJEK	Jumlah dan %	JUMLAH KOS	% Kos
Bonggol Jalan	1	0.45%	91,320
Cat & Baiki Jalan	2	0.90%	85,630
Jalan Lorong	3	1.36%	304,854
Jalan Rizab	1	0.45%	143,575
Jambatan Motosikal	1	0.45%	118,539
Lampu Isyarat	2	0.90%	189,870
Lampu Jalan	9	4.07%	565,079
Lebar Jalan	2	0.90%	185,560
Mitigasi Banjir	1	0.45%	336,270
Naiktaraf Dewan Orangramai	2	0.90%	421,935
Naiktaraf Longkang	44	19.91%	5,488,204
Pembentung	1	0.45%	91,105
Rumah Sampah	1	0.45%	132,749
Tempat Letak Kereta	1	0.45%	58,180
Turap Jalan	147	66.52%	24,002,731
Jejantas	1	0.45%	435,660
Trek Joging	1	0.45%	146,780
Baikpulih "Railing"	1	0.45%	50,000
TOTAL	221	100.00%	32,848,040
			100.00%

- c) Dengan adanya kemudahan infrastruktur yang lebih baik seperti kerja-kerja menaiktaraf jalan, longkang dan parit, pembinaan jambatan serta lampu jalan telah banyak membantu memberi kehidupan yang lebih selesa kepada rakyat, menjadikan jalan raya lebih selamat kepada pengguna serta membantu mengatasi masalah-masalah banjir kilat yang kerap melanda disebabkan keadaan longkang dan parit yang tidak diselenggara.

Dari sudut lain pula, penubuhan Pusat Komuniti Wanita (PKW) di setiap DUN, impak positif ekonomi dapat dirasai dalam memperkasa dan memperdaya golongan wanita dengan kemahiran-kemahiran seperti memasak, menjahit dan sebagainya. Program seperti Laman Dapur pula dapat menjana pendapatan tambahan kepada peserta melalui pengeluaran hasil pertanian.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK: ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT 2010

17. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -
- Apakah status pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat?
 - Adakah pegawai-pegawai maklumat telah dilantik dan dilatih?
 - Adakah lembaga rayuan telah ditubuhkan?

JAWAPAN :

- Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011** telah dikuatkuasakan mulai 5 Mac 2013 melalui pemberitahuan dalam Warta Sel P.U. 23 bertarikh 5 Mac 2013. Bersekali dengan penguatkuasaan Enakmen ini, dua undang-undang subsidiari di bawah Enakmen ini, iaitu **Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) (Akses Kepada Maklumat) 2012** dan **Kaedah-Kaedah Badan Maklumat Negeri (Negeri Selangor) 2012** turut berkuatkuasa pada tarikh berkenaan.
- Seramai 41 orang pegawai dari Jabatan-Jabatan negeri, Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan negeri dan Badan-Badan Berkanun negeri telah dilantik menjadi Pegawai Maklumat bagi jabatan masing-masing. Pelantikan ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-11/2013 dan telah diwartakan dengan tarikh kuatkuasa pelantikan mulai 5 Mac 2013, iaitu tarikh kuatkuasa Enakmen. Pegawai-pegawai ini telah diberikan pendedahan dan latihan berhubung tugas-tugas Pegawai Maklumat dan peruntukan-peruntukan Enakmen melalui dua (2) siri latihan yang telah diadakan pada bulan Disember 2012 dan bulan Mac 2013 yang lalu.
- Lembaga Rayuan yang dikenali sebagai Badan Maklumat Negeri telah ditubuhkan sebagaimana keperluan seksyen 17 Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke-11/2013 telah meluluskan nama-nama calon yang dikemukakan untuk dilantik sebagai Pengerusi dan Ahli-Ahli Badan Maklumat Negeri tersebut.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : KAWASAN CERUN DI NEGERI SELANGOR

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah - langkah drastik Kerajaan Negeri melalui PBT untuk memastikan kesemua kawasan - kawasan cerun di Negeri Selangor sentiasa berada pada tahap selamat ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah mengarahkan setiap PBT Selangor untuk menubuhkan unit cerun bagi tujuan menyediakan inventori seterusnya melaksanakan kerja pemantauan cerun di kawasan PBT masing-masing . PBT perlu melaporkan kepada Kerajaan Negeri sekiranya didapati terdapat cerun berisiko yang perlu dilaksanakan penstabilan untuk tujuan pertimbangan bantuan peruntukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : KES DENGGI

19. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Berapakah jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada tahun 2011 dan 2012? sila berikan taburan kes menurut daerah.
 - Apakah langkah-langkah untuk mengurangkan jumlah kes-kes demam denggi ini?

JAWAPAN :

- a) Jumlah kes demam denggi di Selangor pada tahun 2011 adalah sebanyak 7769 kes yang dilaporkan manakala pada tahun 2012 adalah sebanyak 9113 kes. Peningkatan sebanyak 17% dilaporkan.

Taburan kes mengikut daerah adalah seperti berikut :

KES DENGGI NEGERI SELANGOR- TAHUN 2012/ 2011

DAERAH	TAHUN 2012	TAHUN 2011
Petaling	2,554	2,074
Gombak	970	1,468
Klang	2,291	1,366
Hulu Langat	2,242	1,995
Hulu Selangor	261	260
Kuala Langat	189	165
Kuala Selangor	272	259
Sepang	214	89
Sabak Bernam	120	93
JUMLAH	9,113	7,769

- b) Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor untuk mengawal kejadian demam denggi ialah:
- i. Penekanan kepada masyarakat tentang pencegahan jangkitan denggi melalui konsep '**Kebersihan Setiap Hari, Setiap Masa & Di Mana Jua** ("Everyday Cleanliness, Everytime, Everywhere") . Ini memerlukan kerjasama dari Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan aktiviti pembersihan dan kutipan sampah pukal dilaksanakan secara teratur dan berjadual.
 - ii. Penubuhan skuad denggi dan pasukan COMBI ('Communication For Behavioral Impact') di kalangan persatuan penduduk, agensi kerajaan, agensi swasta dan pertubuhan bukan kerajaan untuk mempertingkatkan penglibatan masyarakat tempatan dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi seperti 'gotong-royong', pemeriksaan rumah untuk tempat pembiakan nyamuk Aedes dan pembuangan sampah secara teratur..
 - iii. Mesyuarat Mingguan Jawatankuasa Wabak Denggi Daerah, yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, diadakan di semua daerah yang mengalami wabak denggi. Tujuan utama mesyuarat ini ialah untuk meningkatkan koordinasi pelbagai agensi kerajaan/ bukan kerajaan/ NGO dan persatuan penduduk untuk mengatasi faktor risiko pembiakan nyamuk Aedes di lokaliti wabak denggi.
 - iv. Menjalankan langkah-langkah kawalan denggi, seperti semburan kabus dan larvisiding, dengan pantas bila kes denggi dilaporkan oleh klinik/ hospital kerajaan & swasta.
 - v. Bekerjasama dengan sekolah-sekolah melalui Program Bebas Denggi Sekolah untuk memastikan tiada pembiakan nyamuk Aedes di semua sekolah-sekolah.
 - vi. Penguatkuasaan undang-undang, dengan kompaun minima RM 500, terhadap semua premis yang dikesan positif untuk pembiakan nyamuk Aedes. Ini juga termasuk penutupan tapak binaan yang didapati positif untuk pembiakan nyamuk Aedes.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: KAFA MENENGAH

20. Manifesto PRU-13 Pakatan mahu membina sebuah KAFA Menengah di Selangor.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- Apakah konsep operasi KAFA sedia ada berbanding KAFA Menengah?
- Di manakah kawasan akan dibina KAFA ini?

JAWAPAN :

- Konsep operasi KAFA sedia ada dan KAFA Menengah adalah seperti berikut:-

KAFA RENDAH	KAFA MENENGAH
1- Murid berumur dari 7 -12 tahun	1- Murid berumur dari 13 hingga 16 tahun
2- Murid Sekolah Rendah Kebangsaan	2- Murid Sekolah Menengah Kebangsaan yang berhampiran
3- Pelaksanaan Sekolah 5 hari seminggu	3- Pelaksanaan sekolah adalah 3 hari satu minggu
4- Kurikulum Al-Quran, Fardhu Ain dan Bahasa Arab	4. Kurikulum al-Quran dan fardhu ain
5- Operasi berjalan di bangunan sendiri, di masjid, di surau	5. Operasi berjalan di bangunan Sekolah Rendah Agama (SRA), masjid dan Surau
	6- Menampung pelajar yang gagal masuk ke Sekolah Agama Menengah

b) KAFA Menengah ini sedang diusahakan untuk beroperasi di Sekolah-sekolah Rendah Agama berikut :-

- i. SRA. Bukit Sentosa Fasa 1, Hulu Selangor,
- ii. SRA. Bandar Tasik Puteri, Gombak
- iii. SRA. Saujana Utama, Kuala Selangor
- iv. SRA. Jalan Kebun, Klang
- v. SRA. Bandar Bukit Puchong, Sepang
- vi. SRA. Medan Harun, Petaling
- vii. SRA. Kampung Medan, Kuala Langat
- viii. SRA. Pandan Indah, Hulu Langat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: ISU BANJIR KILAT

21. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri Selangor menangani isu banjir kilat di kawasan Kg. Giching, Lembah Paya dan Kg. Labu Lanjut?

JAWAPAN :

a) **Tindakan Jangka Masa Pendek**

1. Perlaksanaan kerja-kerja mendalamkan dan melebarkan Sg. Chinchang, membentuk semula benteng sungai serta membaiki pintu kawalan air 'flap gate' di laluan Sg. Chinchang dengan menggunakan peruntukan dengan anggaran kos sebanyak RM 1 juta.

Tindakan jangka masa panjang

1. Adalah disyorkan agar kerja-kerja menaiktaraf perlu dilaksanakan terhadap Sg Jijan yang mana aliran tersebut akan bersambung ke Sg Chinchang dan Sg. Labu.
2. Skop kerja terlibat termasuk
 - Kerja pelebaran dan mendalamkan sungai
 - Pengkuhan tebing dan benteng/dinding penahan banjir 'flood wall',
 - Menaiktaraf jambatan/lintasan,
 - Menaiktaraf pintu kawalan air serta pembinaan rumah pam.
3. Anggaran kos berjumlah RM47 juta termasuk pengambilan balik tanah, pengalihan utiliti, kerja ukur serta siasatan tanah.
4. Kekangan semasa adalah berkaitan isu berkaitan hak milik tanah yang mana kawasan ini melibatkan banyak kawasan hak milik. Projek pembinaan boleh dilaksanakan segera sekiranya masalah pengambilan tanah selesai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)

TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK

22. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- Berapakah jumlah rumah mampu milik telah dibina oleh Kerajaan Negeri Selangor atau melalui agensi-agensinya dalam setiap tahun sejak 2008 sehingga 2012?
 - Berapakah jumlah rumah mampu milik akan dibina dan dicadang dibina oleh Kerajaan Negeri Selangor atau agensi-agensinya mengikut kawasan pentadbiran setiap PBT dalam tahun 2013 sehingga 2015?
 - Apakah syarat-syarat kelayakan dalam permohonan rumah mampu milik?

JAWAPAN :

- Untuk makluman Y.B, konsep perumahan mampu milik mula diperkenalkan oleh kerajaan negeri pada Tahun 2011. Keadaan ini timbul akibat daripada tindakan proaktif kerajaan negeri untuk mengkaji semula syarat-syarat pembangunan sedia ada seperti pembinaan 20 peratus rumah kos rendah, 20 peratus rumah kos sederhana rendah dan 10 peratus rumah kos sederhana yang telah digunakan sejak tahun 2000 lagi supaya ianya masih relevan untuk diperaktikkan berdasarkan kepada keadaan ekonomi semasa. Sehubungan itu, sehingga kini, hanya terdapat dua projek perumahan mampu milik sahaja yang telah siap dibina dan telah ditawarkan kepada pembeli yang layak iaitu Bukit Botak di Selayang dan Seksyen 3 di Bandar Baru Bangi.

Untuk makluman Y.B juga, projek perumahan mampu milik Bukit Botak, Selayang mempunyai 1,422 unit dengan harga jualan RM99,000 seunit berkeluasan 850 kaki persegi hingga 2,200 kaki persegi. Bagi projek di Seksyen 3 Bandar Baru Bangi pula, jumlah unit yang dibina adalah 124 unit berkeluasan di antara 700 hingga 800 kaki persegi dan dijual pada harga RM60,000 hingga RM90,000 seunit. Kedua-dua projek tersebut telah dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

b) Untuk makluman Y.B, Kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) telah merancang serta mensasarkan pembinaan rumah mampu milik sebanyak 11,356 unit menjelang tahun 2021. Pembinaan rumah mampu milik ini akan dibina secara berfasa iaitu Fasa 1 akan dibina dalam tahun 2010 hingga 2013 adalah sebanyak 1,775 unit manakala Fasa 2 sebanyak 9,581 unit yang akan dibina dalam tahun 2014 hingga 2021. Pecahan perincian projek mengikut fasa pembangunan di kawasan pentadbiran PBT adalah seperti berikut :

i) Fasa 1 (2010 – 2013)

PBT	Projek	Unit
Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Seksyen U12, Shah Alam	104
	Sutera Damansara, Sg Buloh	236
Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Kg Seri Temenggung	418
	Seksyen 5, Kota Puteri	198
Majlis Perbandaran Klang (MPK)	Jalan Md Sidin	210
Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Antara Gapi	129
Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	Pusat Rehat & Rawat Ladang Air Manis	480
Jumlah		1,775

ii) Fasa 2 (2014 – 2021)

PBT	Projek	Unit
Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Seksyen U10, Shah Alam	600
	Seksyen U12	850
Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Kota Puteri	1,064
Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	Selangor Science Park 2	840
Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Antara Gapi	1,227
	Bernam Jaya	5,000
Jumlah		9,581

- c) Syarat-syarat kelayakan bagi permohonan Rumah Mampu Milik mestilah mematuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
- i) Warganegara Malaysia;
 - ii) Berumur 18 tahun ke atas;
 - iii) Pendapatan isi rumah di antara RM2,500.00 hingga RM5,000.00 sebulan;
 - iv) Belum memiliki sebarang jenis rumah di Negeri Selangor. Pemohon yang telah memiliki rumah kos rendah selama lima (5) tahun ke atas boleh memohon rumah mampu milik sebagai rumah kedua tetapi tertakluk kepada syarat had kelayakan pendapatan pemohon;
 - v) Pembelian rumah untuk didiami dan bukan untuk disewa; dan
 - vi) Hartanah ini hanya boleh dipindahmilik setelah 5 tahun dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

TAJUK: JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI

23. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Sila nyatakan keberkesanan peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan negeri ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri di dalam memastikan kebajikan rakyat yang memerlukan adalah terjaga dan terpelihara.

JAWAPAN :

- a) JKM Selangor melalui peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan Negeri telah berjaya membantu individu atau keluarga yang kurang berkemampuan dan berkeperluan dalam meringankan kesulitan kewangan mereka buat sementara waktu sehingga mereka dapat berdikari. Peruntukan yang disalurkan juga dapat memenuhi kehendak keperluan asas mereka bagi memastikan mereka tidak terpinggir dari masyarakat. Ianya berkesan bagi membantu rakyat untuk terus hidup di dalam komuniti dan seterusnya menikmati kehidupan yang lebih bermakna dan sejahtera.

JKM Selangor juga melalui peruntukan kerajaan Negeri telah membantu mangsa-mangsa yang terlibat dengan bencana di Selangor seperti kebakaran, ribut dan juga banjir. Mangsa-mangsa ini dibantu melalui pusat-pusat pemindahan yang dibuka dan diselenggara oleh JKM. Ini adalah bagi memastikan yang rakyat negeri Selangor yang menerima musibah tidak dilupakan oleh Kerajaan. Bantuan yang dihulurkan juga berkesan bagi memastikan agar mereka tabah dan sabar dalam menghadapi dugaan kehidupan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PROGRAM SPIES

24. Program SPIES adalah bertujuan membangunkan modal insan negeri.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik peserta dan kelompok sasar SPIES dari 2008 hingga 2013?
- b) Bagaimakah kejayaan dan impak program SPIES diukur?

JAWAPAN :

- a) Program SPIES bermula 24 Ogos 2008 - Mei 2013 dan telah melibatkan sebanyak **1,429** sesi **kursus** dengan penyertaan seramai **113,012** orang seperti berikut :

BIL	SASARAN PESERTA	JUMLAH PESERTA 2008 – MEI 2013						Jumlah
		2008	2009	2010	2011	2012	Mei 2013	
1	Remaja / Belia	3,003	11,622	9,426	9,138	10,627	6,486	50,302
2	Penjawat Awam	135	3,217	9,088	5,381	3,139	734	21,694
3	Warga Pendidik	850	1,615	3,824	3,413	2,396	733	12,831
4	Kanak-Kanak	411	-	-	-	-	-	411
5	Pimpinan Masyarakat	845	1,330	1,403	3,258	1,956	236	9,028
6	Keluarga	714	2,200	2,350	1,180	3,935	3,229	13,608
7	Pelajar IPT / Siswa	1,800	1,376	590	256	551	70	4,643
8	Warga Industri	160	-	-	-	-	285	445
9	Warga Emas	-	50	-	-	-	-	50
	JUMLAH	7,918	21,410	26,681	22,626	22,604	11,773	113,012

- b) Program SPIES adalah program pengupayaan atau memberdayakan insan (*empowering*) untuk menjadi insan yang ehsan (cemerlang) dengan menggunakan semaksimum potensi intrinsik keinsanan iaitu **Spiritual, Physical, Intelek, Emosi dan Sosial** (*effective utilization of all intrinsic human potentials to be the best of himself / herself*). Program pembangunan modal insan SPIES bersifat holistik dan bersepada adalah hasil kreatif dan inovatif Kerajaan Negeri Selangor untuk membangunkan modal paling utama iaitu modal insan.

Perlu diingatkan program SPIES **BUKAN sekadar kursus. Kursus hanyalah pengenalan kepada SPIES. Program SPIES sebenarnya adalah penerapan budaya positif dan produktif bermula di dalam jentera kerajaan hingga ke akar umbi.**

Setiap projek / program SPIES yang dirancang adalah untuk pelaksanaan peringkat jangkamasa panjang dan sentiasa memastikan kesinambungan projek / program secara berterusan dan mestilah berdaya tahan atau “sustainable” yang menepati 4 perkara berikut:

- i. Setiap **projek/program bersifat lestari** - sentiasa berterusan dan berkembang;
- ii. **Ketahanan individu/isirumah dan komuniti** - Individu, isirumah dan komuniti yang berdaya tahan bersedia menerima perubahan melalui proses membuat keputusan yang jelas, kolaborasi dan pengurusan sumber dalaman dan luaran kepada komuniti;
- iii. **Persekutaran yang lestari** - persekitaran yang lestari mesti menjaga asas sumber-sumber yang stabil, mengelakkan eksloitasi sumber dan memelihara alam dan *biodiversity* (*perlu kerjasama pelbagai pihak*);
- iv. **Perubahan struktur** - dimensi struktur kemiskinan perlu diberi penekanan melalui pemerkasaan setiap isirumah di kampung dan golongan miskin (*perlu kerjasama pelbagai pihak*).

Oleh itu, bagi memastikan kejayaan dan impak program SPIES, maka Pemantauan dan Penilaian (P & P) telah dibuat dengan mefokuskan kepada aspek berikut :

- i) Setiap program SPIES yang dilaksanakan;
- ii) Konsultan sebagai syarikat pelaksana; dan
- iii) Keberkesanan dan pengawalan kos.

Pengukuran keberkesanan program dibuat berdasarkan 2 model P & P yang telah digunakan iaitu model *Kirk Patrick* seperti berikut :

Tahap pertama	Reaksi	Semasa program dilaksanakan. melihat reaksi peserta.
Tahap kedua	Kefahaman	Selepas tamat kursus – ujian kefahaman/soalan semasa temubual/borang penilaian.
Tahap ketiga	Tingkahlaku	Selepas 3 bulan program. Adakah berlaku perubahan tingkahlaku yang baik.
Tahap keempat	Hasil	Selepas 6 bulan program. Adakah masih mengekalkan tingkahlaku yang baik secara berterusan.

Pengukuran bagi program Pembudayaan SPIES D'Village (PSD) dan program Pembudayaan SPIES Organisasi (PSO) pula ialah dengan menggunakan Model P & P iaitu Model CIPP – Stufflebeam Model yang digunakan di *Hawai (model for evaluating learning spaces)* yang mengandungi 4 bahagian utama iaitu **Context, Input, Process, Product**. Secara umum, 4 bahagian ini berkait dengan persoalan apakah keperluan yang perlu dibuat, bagaimana sepatutnya dibuat, adakah telah dibuat dan adakah ianya berjaya?

- *Impak* : adakah sampai kepada sasaran yang betul?
- *Keberkesanan*: Adakah keperluan mereka terpenuhi?
- *Sustainability*: Adakah kemajuan atau penambahbaikan berterusan?
- *Transportability*: Adakah dapat dipindahkan dan adaptasi untuk kegunaan ditempat lain dengan berkesan?

Kaedah pengumpulan data pengukuran kejayaan dan impak kepada program SPIES ini telah dibuat melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif. **Kaedah kuantitatif** dengan menggunakan (i) borang penilaian dan (ii) borang soal selidik. **Kaedah kualitatif** pula ialah melalui (i) reaksi peserta (ii) pemerhatian (iii) temubual (iv) temuduga kumpulan fokus.

Pemantauan dan penilaian program SPIES telah dilaksanakan oleh konsultan pemantau yang dilantik oleh kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak konsultan SPIES bagi program latihan.

Pelaksanaan dan pemantauan Program Pembudayaan SPIES D'Village (PSD) dibuat oleh konsultan pemantau dengan kerjasama 2 ahli jawatankuasa audit sekretariat PSD di kampung-kampung (terdiri daripada jawatankuasa masjid, jawatankuasa kampung dan sukarelawan yang telah menghadiri kursus SPIES Profesional – kandungan modul SPIES Profesional adalah menekankan mengenai perubahan *mindset*, kepimpinan, pemikiran kreatif, pengurusan projek/program, pengurusan kewangan, kaedah penyediaan pelaporan).

Manakala pemantauan Program Pembudayaan SPIES Di Organisasi (PSO) ialah melibatkan konsultan pemantau dengan kerjasama 2 ahli jawatankuasa audit sekretariat PSO di ijabatan (terdiri peserta alumni SPIES Profesional dan kandungan modul Pembudayaan SPIES Organisasi merangkumi perubahan mindset, kepimpinan, pemikiran kreatif, pengurusan projek/program, pengurusan kewangan, kaedah penyediaan pelaporan).

Kejayaan program pembudayaan SPIES bolehlah dilihat daripada kecemerlangan modal insan di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dengan peningkatan kehadiran pengunjung (**tahun 2008 – April 2013 seramai 5,122,060 orang**), pertambahan bilangan keahlian PPAS (**tahun 2008 – April 2013 seramai 234,025 orang**) dan sambutan yang menggalakkan semasa berlangsungnya pesta buku (**tahun 2009 – Mei 2013 seramai 1,828,331 pengunjung**). Maklumat terperinci di **Lampiran 1**.

LAMPIRAN 1**JUMLAH PENGUNJUNG HARIAN DI PERPABADAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR (PPAS)TAHUN BERMULA TAHUN 2008 – APRIL 2013**

TAHUN	JUMLAH
2008	768,863
2009	840,698
2010	857,233
2011	859,187
2012	1,302,987
2013 (JAN – APRIL)	493,092
JUMLAH BESAR	5,122,060

STATISTIK KEAHLIAN PPAS BAGI TAHUN 2008 HINGGA APRIL 2013

Tahun	Dewasa	Remaja	Kanak-kanak	Jumlah
2008	10,846	8,934	15,904	35,684
2009	12,745	11,048	18,391	42,184
2010	14,652	12,777	20,956	48,385
2011	15,057	11,331	18,323	44,711
2012	17,510	13,171	16,674	47,355

Tahun	Dewasa	Remaja	Kanak-kanak	Jumlah
2013 (Jan-April)	6,019	4,464	5,223	15,706
Jumlah	76,829	61,725	95,471	234,025

PENCAPAIAN PELAKSANAAN PESTA BUKU PPAS : TAHUN 2009 – APRIL 2013

Perkara	Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2011	Tahun 2012	Tahun 2013
Tarikh	24 Julai – 3 Ogos	25 Jun – 5 Julai	24 Jun – 3 Julai	29 Jun – 9 Julai	24 Mei – 3 Jun
Tempat	Kompleks PKNS	Kompleks PKNS	Pusat Konvensyen Shah Alam	Pusat Konvensyen Shah Alam	Pusat Konvensyen Shah Alam
Pengunjung	390,961	423,315	353,530	348,235	312,290
Jumlah	1,828,331				

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK: PUSAT DIALISIS RAKYAT

25. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- Senaraikan Pusat Dialisis Rakyat (PDR) yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008.
 - Nyatakan jumlah pesakit yang telah mendapat manfaat melalui PDR.
 - Adakah Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan PDR di DUN Kuala Kubu Bharu? Jika tidak, nyatakan sebab?

JAWAPAN :

- Setakat ini Kerajaan Negeri Selangor telah memiliki lima (5) Pusat Dialisis Rakyat (PDR). Sejumlah tiga (3) daripadanya telah beroperasi sepenuhnya, satu (1) baru memulakan perkhidmatan dan satu (1) lagi masih menunggu kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Sehingga kini seramai tujuh puluh tiga (73) orang telah menikmati kemudahan yang disediakan ini. Pecahannya adalah seperti berikut, dua puluh tujuh (27) orang menerima perkhidmatan di PDR Ampang, dua (2) orang di PDR Lembah Keramat, lapan belas (18) orang di PDR Taman Medan dan dua puluh enam (26) orang di PDR Sementa.
- Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk mewujudkan Pusat Dialisis Rakyat di setiap kawasan Dewan Negeri Selangor. Namun, ia bergantung kepada kelulusan daripada Kementerian Kesihatan (KKM). Untuk makluman, Pusat Dialisis Rakyat yang terletak di Lembah Keramat (DUN Hulu Kelang) baru saja memulakan operasinya sementara di Jalan Kebun (DUN Sri Muda) masih menunggu kelulusan KKM setelah kerja-kerja ubahsuai dibuat mengikut keperluan lebih dua (2) tahun yang lalu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : REFORMASI SISTEM DATA TANAH

26. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Bagaimakah rakyat dapat manfaat dari projek tersebut?
 - Berapa kos yang telah digunakan untuk membina sistem tersebut?

JAWAPAN :

- a) Terdapat dua (2) sistem aplikasi yang telah dibangunkan oleh kerajaan negeri iaitu :

Bil	Nama Sistem	Kegunaan Dan Ciri-ciri Sistem
1.	Selangor Land Information System (SeLIS)	<ul style="list-style-type: none">• Mengurus dan mengawalselia maklumat aset kerajaan negeri (tanah) terdiri seperti berikut :<ul style="list-style-type: none">▪ ‘Virgin Land’;▪ Lesen Pendudukan Sementara (LPS);▪ Luput Notis 5A;▪ Luput Tempoh Pajakan ;▪ Tanah Yang Dirampas Notis 8A;▪ Tanah Rizab Hutan;▪ Lain-lain Rizab (rizab jalan, rizab sungai, rizab kemudahan awam dan lain-lain).• Sistem dibangunkan dengan menggunakan teknologi web dan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS).• Penggunaan sistem adalah di PTGS dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) bagi pengguna yang berdaftar.

Bil	Nama Sistem	Kegunaan Dan Ciri-ciri Sistem
2.	Land Bank Library System (LBLS)	<ul style="list-style-type: none"> • Menyimpan secara imej dokumen urusniaga dan bukan urusniaga tanah. • Pengguna adalah dikalangan kakitangan PTGS. • Memudahkan urusan orang awam dalam memohon carian salinan sah dokumen urusniaga dan bukan urusniaga.

Antara manfaat yang akan diperolehi oleh rakyat dari projek tersebut adalah:

1. Selangor Land Information System (SeLIS) :
 - i. Pangkalan data aset kerajaan negeri akan disimpan secara sistematik dan berpusat bagi memudahkan urusan pembangunan.
 - ii. Pangkalan data yang diintegrasikan dengan teknologi GIS dan Google Earth akan memudahkan kerajaan negeri menyelenggara aset berkenaan.
 - iii. Pangkalan data boleh diakses secara atas talian dengan menggunakan Teknologi antaramuka pengguna dengan tumpuan diberikan dari segi tahap capaian dan keselamatan data.
 - iv. Format data adalah standard bagi seluruh negeri Selangor bagi memudahkan kerajaan negeri mengurus maklumat tersebut untuk rakyat.
 - v. Merupakan inisiatif yang baik bagi meningkatkan kecekapan pengurusan Maklumat aset kerajaan negeri.
 - vi. Sistem penyampaian kepada rakyat akan lebih cekap dan berkesan.
 - vii. Urustadbir tanah lebih professional – lebih baik, cepat dan kos efektif.

2. Land Bank Library System (LBLS) :
- i. Memudahkan kerajaan mengurus dokumen urusniaga dan bukan urusniaga tanah dalam bentuk imej bagi memudahkan urusan carian salianan sah dokumen.
 - ii. Memudahkan orang awam membuat urusan carian sah dokumen di kaunter Pejabat Tanah Dan Galian Selangor.

b) Kos yang digunakan untuk membangunkan sistem aplikasi :

- i. Selangor Land Information System (SeLIS)

BIL	AKTIVITI	KOS (RM)
1.	Pembangunan Pangkalan Data GIS dan Latihan Untuk setiap Pejabat Tanah Dan Daerah	198,000.00
2.	Pembekalan Peralatan ICT	100,000.00
3.	Pembekalan Perisian ICT	119,000.00
4.	Perkhidmatan Pembangunan Aplikasi Selangor Land Information System (SeLIS)	85,000.00
5.	Perkhidmatan Latihan	37,600.00
6.	Perkhidmatan TOT Untuk Pasukan Teknikal	10,000.00
7.	Perkhidmatan Penyelenggaraan	93,000.00
	JUMLAH	640,900.00

ii. Land Bank Library System (LBLS)

BIL	AKTIVITI	KOS (RM)
1.	Digitization	4,054,166.60
2.	Site Preparation	45,000.00
3.	Management Boxes	100,000.00
4.	Moving Charges	40,000.00
5.	LBLS System and Implementation	474,000.00
	JUMLAH	4,713,166.60

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: PENYELENGGARAAN JALAN, PARIT, LONGKANG DAN RUMPUT
TEPI JALAN BAGI JALAN-JALAN JKR DAN JALAN-JALAN LUAR
BANDAR**

27. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Mohon penjelasan YAB Dato Menteri Besar, sejauh manakah peranan kerajaan Selangor melaksanakan dan melakukan pemantauan terhadap aspek penyelenggaraan jalan, parit, longkang dan rumput tepi jalan bagi jalan-jalan JKR dan jalan-jalan luar bandar?

JAWAPAN :

- a) Penyelenggaraan jalan dibahagikan kepada dua Konsesi di mana Jalan Persekutuan adalah di bawah Syarikat Konsesi Roadcare Sdn.Bhd dan Jalan Negeri di bawah Syarikat Konsesi KPS HCM Sdn.Bhd. Jalan pula dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu Jalan Protokol, Jalan Utama, Jalan Sekunder dan Jalan Minor di mana kategori-kategori jalan ini memainkan peranan di dalam jadual penyelenggaraan. Panjang keseluruhan Jalan Negeri oleh konsesi KPS HCM mengikut kategorinya adalah seperti berikut :

Bil	Kategori Jalan	Panjang (KM)
1	Jalan Protokol	156.84
2	Jalan Utama	829.04
3	Jalan Sekunder	1975.0
4	Jalan Minor	974.33
	JUMLAH	3935.21

Untuk semua kategori jalan ini pihak konsesi menjalankan kerja kerja penyelenggaraan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan dipersetujui seperti di dalam Kontrak Penyelenggaraan Jangka Panjang. Jadual penyelenggaraan adalah seperti berikut :

Bil	Penyelenggaraan	Butiran															
1	Potholes	<ul style="list-style-type: none"> Lubang dipermukaan jalan, berukuran tidak kurang 200mm garis pusat dan tidak kurang 25 mm dalam. Ditampal dalam tempoh 24 jam 															
2	Keretakan jalan	<ul style="list-style-type: none"> Garisan retak lebih daripada 2 mm lebar dan 1 m panjang. 															
3	Bahu jalan	<ul style="list-style-type: none"> Melibatkan kerja mengred semula, memadat dan membentuk tanah atau batu kerikil mengikut ketetapan standard specification for road works JKR/SPJ/1998. Mengurangkan aras antara permukaan jalan dan bahu jalan seeloknya permukaan jalan 10 mm lebih tinggi dari bahu jalan. 															
4	Potong rumput	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan bahu jalan sentiasa bersih, kemas dan rumput tidak mempunyai ketinggian melebihi 150 mm. Rumput harus dipotong dari ketinggian 50 mm dari aras tanah. Jadual penyelenggaraan rumput <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Kategori jalan</th><th>Tempoh</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>Jalan Protokol</td><td>12 kali setahun</td></tr> <tr> <td>2</td><td>Jalan Utama</td><td>8 kali setahun</td></tr> <tr> <td>3</td><td>Jalan sekunder</td><td>6 kali setahun</td></tr> <tr> <td>4</td><td>Jalan Minor</td><td>3 kali setahun</td></tr> </tbody> </table>	Bil	Kategori jalan	Tempoh	1	Jalan Protokol	12 kali setahun	2	Jalan Utama	8 kali setahun	3	Jalan sekunder	6 kali setahun	4	Jalan Minor	3 kali setahun
Bil	Kategori jalan	Tempoh															
1	Jalan Protokol	12 kali setahun															
2	Jalan Utama	8 kali setahun															
3	Jalan sekunder	6 kali setahun															
4	Jalan Minor	3 kali setahun															

5	Perabut Jalan	<ul style="list-style-type: none"> • Membersihkan guardrails, barriers, papantanda jalan, kilometer post dan lampu isyarat. • Jadual penyelenggaraan perabut jalan <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Kategori jalan</th><th>Tempoh</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>Jalan Protokol</td><td>1 kali setiap 6 bulan</td></tr> <tr> <td>2</td><td>Jalan Utama</td><td>1 kali setiap 18 bulan</td></tr> <tr> <td>3</td><td>Jalan sekunder</td><td>1 kali setiap 18 bulan</td></tr> <tr> <td>4</td><td>Jalan Minor</td><td>1 kali setiap 24 bulan</td></tr> </tbody> </table>	Bil	Kategori jalan	Tempoh	1	Jalan Protokol	1 kali setiap 6 bulan	2	Jalan Utama	1 kali setiap 18 bulan	3	Jalan sekunder	1 kali setiap 18 bulan	4	Jalan Minor	1 kali setiap 24 bulan
Bil	Kategori jalan	Tempoh															
1	Jalan Protokol	1 kali setiap 6 bulan															
2	Jalan Utama	1 kali setiap 18 bulan															
3	Jalan sekunder	1 kali setiap 18 bulan															
4	Jalan Minor	1 kali setiap 24 bulan															

6	Longkang	Jadual penyelenggaraan longkang													
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Kategori jalan</th><th>Tempoh</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>Jalan Protokol</td><td>1 kali setiap 6 bulan</td></tr> <tr> <td>2</td><td>Jalan Utama</td><td>1 kali setiap 12 bulan</td></tr> <tr> <td>3</td><td>Jalan sekunder</td><td>1 kali setiap 12 bulan</td></tr> <tr> <td>4</td><td>Jalan Minor</td><td>1 kali setiap 18 bulan</td></tr> </tbody> </table>	Bil	Kategori jalan	Tempoh	1	Jalan Protokol	1 kali setiap 6 bulan	2	Jalan Utama	1 kali setiap 12 bulan	3	Jalan sekunder	1 kali setiap 12 bulan	4
Bil	Kategori jalan	Tempoh													
1	Jalan Protokol	1 kali setiap 6 bulan													
2	Jalan Utama	1 kali setiap 12 bulan													
3	Jalan sekunder	1 kali setiap 12 bulan													
4	Jalan Minor	1 kali setiap 18 bulan													

Aspek Pemantauan :

Selepas pihak Konsesi selesai menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan, konsesi tersebut diminta menghantar laporan bergambar kerja-kerja yang telah dilaksanakan. Selain itu pihak JKR Daerah akan diminta untuk menjalankan siasatan adakah kerja-kerja tersebut benar-benar telah dilakukan sebelum sebarang pembayaran dibuat.

Aduan-aduan dari orang awam juga diambil kira dan siasatan serta tindakan lanjut diambil ke atas pihak konsesi untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan tersebut.

Isu yang timbul adalah disebabkan oleh kekerapan kerja penyelenggaraan yang dibuat. Kerja-kerja memotong rumput misalnya di antara 1 bulan sekali sehingga 4 bulan sekali dan kerja-kerja pembersihan longkang di antara sekali setahun sehingga dua kali setahun. Hal ini menyebabkan rumput-rumput dilihat tidak dipotong dengan sempurna manakala parit dan longkang pula tidak dibuat pembersihan. Oleh yang demikian, pihak kerajaan negeri bercadang untuk meningkatkan kekerapan kerja-kerja penyelenggaraan rumput dan juga pembersihan longkang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK: MASALAH PEMOTONGAN BEKALAN AIR

28. Masalah pemotongan air di Ruvena Villa, Putra Perdana, Dengkil tunggakan bil air meter pukal mencecah RM780.000.00

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah rakyat di kawasan ini?
- b) Adakah bantuan/tindakan yang sama juga akan diberikan kepada kawasan lain yang menghadapi kemelut yang serupa?
- c) Nyatakan langkah jangka panjang yang akan diambil untuk memastikan masalah ini tidak akan berulang lagi.

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan analisis yang dibuat oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS), punca menyebabkan masalah pemotongan air di Ruvena Villa adalah disebabkan dua (2) faktor berikut:
 - i- Paip air dalaman di bawah tanah mengalami kebocoran di kebanyakan kawasan dalam pangaspuri tersebut.
 - ii- Peratus pembayaran caj dan bil air oleh penduduk sangat rendah iaitu sekitar 50% sahaja.

Atas dasar keprihatinan ke atas 3,670 penduduk di Pangaspuri Ruvena Villa, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 6 Jun 2013, bersetuju untuk membaikpulih paip dalaman tersebut dengan anggaran kos RM300,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Ribu sahaja). Selain itu, Syarikat Bekalan Air Sdn. Bhd. (SYABAS) tidak dibenarkan untuk membuat pemotongan bekalan air berdasarkan tunggakan bil air meter pukal sehingga kerja-kerja baikpulih paip dalaman berkenaan selesai. Walau bagaimanapun, Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan penduduk Pangaspuri Ruvena Villa masih bertanggungjawab untuk membayar bil air semasa.

Manakala, untuk mendapatkan komitmen daripada pemilik yang mempunyai tunggakan caj dan bil air, JMB Ruvena Villa juga diminta mengemukakan senarai nama pemilik-pemilik terbabit kepada Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Sepang supaya notis kesalahan dapat dikeluarkan kepada mereka. Mana-mana pemilik yang masih ingkar untuk mematuhi notis tersebut, prosiding bagi tindakan pendakwaan ke mahkamah akan diambil oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor selanjutnya.

- b) Kerajaan Negeri akan membuat kajian terlebih dahulu untuk mengenalpasti punca berlakunya tunggakan bil air yang tinggi di kawasan-kawasan berkaitan supaya langkah penyelesaian yang diambil dapat menangani isu ini secara komprehensif.
- c) Kerajaan Negeri telah pun mewajibkan semua pangaspuri melaksanakan migrasi meter air pukal kepada meter air individu supaya setiap individu akan bertanggungjawab ke atas bil air masing-masing dan tindakan pemotongan bekalan air hanya dibuat ke atas mereka yang mempunyai tunggakan sahaja.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pendakwaan ke mahkamah ke atas pemilik-pemilik yang tidak membayar caj termasuklah bil air, insuran, cukai tanah dan sebagainya. Langkah ini penting kerana berdasarkan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], hakmilik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata adalah hakmilik semua pemilik dan mereka bertanggungjawab untuk menyenggara dan mengurus bangunan pangaspuri sendiri.

Namun begitu, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah pro-aktif dengan mewujudkan **Skim Bantuan Baikpulih Bangunan atau Caring Government For Residents' Improvement Aid (CERIA)** pada tahun 2010 bertujuan meningkatkan dan taraf kualiti bangunan dan persekitaran pangaspuri kos rendah dan sederhana rendah termasuk membuat kerja-kerja baikpulih sistem paip dalaman.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)

TAJUK: PENGENDALIAN SAMPAH

29. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- Sila nyatakan berapa tahun lagi negeri masih akan menggunakan kaedah tapak pelupusan sampah.
 - Apakah rancangan negeri selepas kapasiti tapak pelupusan sampah tidak cukup untuk menampung sampah yang semakin tambah?
 - Sila nyatakan apakah rancangan negeri untuk mengamalkan konsep baru untuk pengelolaan sampah domestik seperti pembahagian sampah berdasarkan jenisnya?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri tidak merancang untuk membuka kawasan tapak pelupusan sampah baru kerana faktor tanah yang terhad. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri sedang mengkaji dan meneroka teknologi baru sebagai alternatif untuk mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan sampah. Setakat ini, jangka hayat tapak pelupusan sampah sedia ada adalah seperti di **Lampiran 1**.
- Kerajaan Negeri sedang melihat dan mengkaji secara terperinci mengenai sistem terkini pelupusan untuk dibangunkan. Memandangkan kos pembangunan yang terlalu tinggi bagi sistem berteknologi tinggi seperti loji *incinerator* dan seumpamanya, Kerajaan Negeri telah melihat opsyen-opsyen kaedah pelupusan lain seperti loji MRF serta pengkomposan. Namun begitu keperluan tapak pelupusan sanitari amat penting kerana kaedah ini masih memerlukan pembuangan terakhir selepas diproses. Kerajaan Negeri juga melihat bahawa tapak pelupusan sedia ada mungkin akan diperluaskan bagi menampung kadar penghasilan sisa pepejal yang semakin meningkat.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius bagi memastikan pembuangan sampah berkurangan dan dapat mewujudkan alam sekitar yang bersih dan hijau. Dengan itu Kerajaan Negeri telah melakukan pelbagai program antaranya ialah "Kempen Kitar Semula" bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam semula sekitar. Program '3R' (*reuse, reduce, recycle*) juga diperkenalkan kepada semua pihak di semua peringkat punca bagi mengurangkan pembuangan sisa pepejal dan program "Hari Tanpa Beg Plastik" yang dilaksanakan pada setiap hari Jumaat bagi bangunan-bangunan kerajaan dan pada setiap hari Sabtu dilaksanakan diseluruh pasaraya-pasaraya di Negeri Selangor.

Lampiran 1

Tapak Pelupusan	Kapasiti	Tahun Operasi	Jangka hayat	Kendalian
Tapak Pelupusan Sanitari Jeram, Kuala Selangor	2700 tan/hari	2007	Sehingga Disember 2016	Worldwide Holdings Berhad
Tapak Pelupusan Sanitari Tanjong Duabelas,Kuala Langat.	400 tan/hari	2010	Sehingga tahun 2050	Worldwide Holdings Berhad
Transfer Station Seksyen 21, Shah Alam	1200 tan/hari	2007	Konsesi Selama 25 Tahun	Worldwide Holdings Berhad
Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil	200 tan/hari	2004	Konsesi selama 20 tahun	Worldwide Holdings Berhad.
Tapak Pelupusan Sisa Lengai Kuang	120 tan/hari	2007	Konsesi selama 20 tahun	Worldwide Holdings Berhad.
Tapak Pelupusan Sisa Lengai Sg. Kertas	20 tan/hari	2011	Konsesi selama 10 tahun	Worldwide Holdings Berhad.
Tapak Pelupusan Secara Terbuka Bukit Beruntong	100-120 tan/sehari	2007	Sehingga tahun 2018	Majlis Daerah Hulu Selangor
Tapak Pelupusan Secara Terbuka Sungai Sabai	80-100 tan/sehari	2001	Sehingga tahun 2018	Majlis Daerah Hulu Selangor
Tapak Pelupusan Secara Terbuka Panchang Bedena	60 tan/sehari	1984	Sehingga tahun 2023	Majlis Daerah Sabak Bernam

***sumber: Worldwide Holdings Berhad & PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: IBU TUNGGAL

30. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- Apakah status perlaksanaan Bantuan Sokongan Keluarga untuk biaya nafkah anak bagi pasangan Islam yang bercerai?
 - Apakah status 2019 orang ibu tunggal yang menyaman kerajaan negeri tetapi ditolak oleh mahkamah?

JAWAPAN :

- Pembentangan nafkah anak bagi pasangan Islam yang bercerai oleh Bahagian Sokongan Keluarga adalah merupakan suatu pendahuluan nafkah yang diberikan bagi meringankan bebanan yang ditanggung oleh ibu-ibu tunggal ketika proses penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah dilakukan di Mahkamah Syariah. Penerima-penerima yang telah dikenal pasti sebagai layak akan menerima bantuan pendahuluan nafkah mengikut jumlah nafkah yang diperintahkan oleh Mahkamah selama tempoh 6 bulan atau sehingga suatu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh jawatankuasa yang dilantik khas.

Pembayaran pendahuluan nafkah yang dibayar oleh Bahagian Sokongan Keluarga ini bukanlah suatu bantuan mutlak, tetapi ia merupakan suatu pendahuluan nafkah yang akan dikutip semula oleh Bahagian Sokongan Keluarga daripada pihak bekas suami atau bapa yang telah ingkar melaksanakan perintah nafkah selepas kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah yang dilakukan di Mahkamah Syariah selesai. Dengan kata lain, pembayaran nafkah oleh Bahagian Sokongan Keluarga ini bukanlah dengan matlamat untuk mengambil alih tanggungjawab bekas suami atau bapa dalam melaksanakan tanggungjawab agama dan undang-undang. Sebaliknya ia bertujuan untuk membantu meringankan bebanan ibu dan anak-anak serta membantu memastikan perintah Mahkamah Syariah dikuatkuasakan terhadap mereka yang bertanggungjawab.

Sehingga kini, Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Selangor telah meluluskan seramai 56 orang penerima pendahuluan nafkah yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM186,650.00. Sumber kewangan pembayaran pendahuluan nafkah tersebut adalah daripada dana Akaun Amanah Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Selangor yang disumbangkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Lembaga Zakat Selangor. Pada masa ini, Bahagian Sokongan Keluarga masih membuat bayaran pendahuluan nafkah bulanan mengikut perintah Mahkamah kepada 32

orang ibu tunggal yang sedang dalam proses untuk menguatkuasakan perintah nafkah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

- b) Pada 13 mei 2013 lalu, Mahkamah Rayuan telah membatalkan kes saman Murtini binti Kasman dan 2019 ibu tunggal yang lain terhadap Kerajaan Negeri Selangor. Murtini dan 2019 ibu tunggal tersebut telah diberi oleh mahkamah jangka masa sehingga 12 jun 2013 untuk memfail rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan tersebut. Sehingga kini tiada notis rayuan difailkan, dengan itu kes ini telah selesai.

Dalam kenyataan-kenyataan semasa menerima memorandum dari mereka yang berdemonstrasi berhampiran perkarangan Dewan negeri ini, ketika selepas saman dibuat, ketika kes didengar dan keputusan ditetapkan serta akhir sekali apabila Mahkamah Rayuan menolak kes saman tersebut, Kerajaan Selangor sentiasa berhasrat untuk memelihara kepentingan golongan ibu tunggal sebaik mungkin dan menyeru kesemua 2020 ibu tunggal terbabit untuk segera mendaftar jika belum dan akan diproses pendaftaran mereka sewajarnya. Mereka yang telah mendaftar dan layak akan diberi skim-skim dan perkhidmatan yang boleh dimanfaatkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : RIZAB NEGERI MELEBIHI RM2.62 BILION

31. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Bagaimana dan apakah sumber-sumber yang membolehkan rizab negeri mencatat lebih RM2.62 bilion pada akhir tahun 2012?
 - Apakah pecahan-pecahan rizab RM2.62 bilion ini dalam bentuk tunai, bukan tunai dan lain-lain?
 - Berapakah unjuran rizab negeri pada akhir tahun 2013?

JAWAPAN :

- Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2012 adalah meningkat sebanyak 34.74% iaitu daripada RM1,944.00 juta pada tahun 2011 kepada RM2,619.44 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh lebihan terimaan hasil berbanding perbelanjaan pada tahun 2012 berjumlah RM268.10 juta dan peningkatan terimaan amanah sebanyak RM386.45 juta. Peningkatan ketara direkodkan pada kutipan hasil premium geran tanah sebanyak RM869.91 juta pada tahun 2012 berbanding RM533.04 juta pada tahun 2011 dan terimaan bersih Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri sebanyak RM311.43 juta pada tahun 2012.
- Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan adalah dipegang oleh wang tunai dan pelaburan. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, Wang Awam Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan adalah masing-masing berjumlah RM392.09 juta dan RM2,227.35 juta. Baki Wang Tunai tahun 2012 adalah terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan berjumlah RM3.19 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan berjumlah RM1.40 juta dan Wang Tunai Dalam Bank berjumlah RM387.50 juta (Akaun Semasa sebanyak RM52.50 juta dan Deposit Dalam Negeri/Simpanan Tetap dengan tempoh kurang tiga bulan sebanyak RM335.00 juta. Manakala Pelaburan yang berjumlah RM2,227.35 juta adalah terdiri daripada Deposit Dalam Negeri/Simpanan Tetap melebihi tempoh tiga bulan berjumlah RM1,605.00 juta. Jaminan Bank Pertanian Malaysia berjumlah RM10 juta, pelaburan Tabung Warisan Negeri Selangor dan Tabung Amanah Bencana Alam berjumlah RM366.94 juta dan juga saham berjumlah RM245.41 juta.

- c) Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor pada akhir tahun 2013 diunjurkan akan mengalami penurunan sekitar 17.80% berikutan berlakunya peningkatan belanjawan tambahan bagi tahun 2013 terutamanya bagi penambahan siling Kumpulan Wang Amanah Pinjaman kepada Badan-badan Berkanun dan Badan Lain yang bertujuan pemberian pinjaman kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : PENYAKIT KENCING TIKUS (LEPTOSPIROSIS)

32. Terdapat laporan berlaku kes penyakit kencing tikus (leptospirosis) di Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status penularan kes penyakit tersebut?
- b) Apakah langkah yang diambil oleh pihak PBT atau Jabatan Kesihatan dan keberkesanannya?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 8/6/2013, sejumlah 1,461 notifikasi kes Leptospirosis telah dilaporkan di seluruh Selangor. Walaubagaimanapun, hanya 67 kes telah disahkan Leptospirosis. dan daripada jumlah tersebut, 1 kematian telah sahkan disebabkan Leptospirosis (berbanding dengan 8 kematian pada tahun 2012).

Peningkatan notifikasi kes dilihat ketara bermula tahun 2010, tetapi ini adalah berikutan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia kepada semua fasiliti kesihatan untuk melaporkan semua kes yang sah, termasuk kes yang disyaki leptospirosis bermula pada tahun tersebut.

- b)
 1. Setiap kes yang disahkan Leptospirosis wajib dinotifikasi dan pencarian kes lain secara aktif (*Active Case Detection*) akan dijalankan bagi mencari faktor risiko jangkitan (seperti terdapat urungan atau tanda-tanda kehadiran tikus atau persekitaran yang kotor iaitu sampah sarap yang boleh mengundang kehadiran tikus).
 2. Jabatan Kesihatan juga telah mengedarkan surat (*Alert*) berkenaan wabak Leptospirosis kepada agensi-agensi lain dengan maksud memberi makluman risiko jangkitan yang dikaitkan dengan aktiviti lasak atau berkhemah di tempat rekreasi / hutan / jeram dan sebagainya.

3. Jabatan Kesihatan giat memberikan pendidikan kesihatan kepada kes dan juga kontak tentang jangkitan Leptospirosis dan pencegahan penyakit ini. Selain itu, Pejabat Kesihatan Daerah telah mengedarkan risalah dan juga poster ke lokaliti yang berisiko serta ke sekolah – sekolah dalam memberikan pendedahan serta kesedaran (awareness) berkaitan penyakit ini.
4. Pihak Jabatan Kesihatan juga telah mengadakan pertemuan dengan pengusaha resort dan pusat rekreasi bagi memaklumkan berkenaan perlunya pemasangan papan tanda amaran risiko kesihatan di resort masing – masing bertujuan meningkatkan kesedaran pengunjung mengenai risiko jangkitan serta keperluan mendapatkan rawatan segera dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pendedahan. Walaubagaimanapun, pendirian notis amaran bahaya Leptospirosis secara sukarela tidak mendapat sambutan yang baik daripada pengusaha –pengusaha pelancongan. Oleh itu, disyorkan Kerajaan Negeri melalui PBT dapat menguatkuaskan keperluan mendirikan notis amaran sebagai pra – syarat wajib sebelum memperolehi/memperbaharui lesen perniagaan pusat pelancongan. Adalah dimaklumkan, daerah Hulu Selangor secara proaktif telah menetapkan pra-syarat mendirikan notis amaran ini sebelum pengusaha – pengusaha pusat pelancongan boleh memperbaharui/memperolehi lesen mereka.
5. Jabatan juga bercadang untuk mengadakan perbincangan serta pertemuan dengan PBT bagi membincangkan serta menyelesaikan isu yang berkaitan dengan penularan penyakit Leptospirosis serta kawalan dan pencegahan penyakit ini terutama dalam membendung infestasi tikus di lokaliti perumahan dan premis makanan.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : SJKC SG LONG DAN SJKC KAJANG 2

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berikut pengumuman pihak Lembaga Pengarah SJKC Sg Long dan SJKC Kajang 2 bahawa kos pembinaannya yang disalurkan oleh kerajaan pusat mungkin tidak mencukupi, apakah rancangan kerajaan untuk membantu pembinaan kedua-dua sekolah tersebut agar pembinaannya tidak terbengkalai ?

JAWAPAN :

- a) Jawatankuasa Tetap Pendidikan, menyediakan peruntukan bagi program bantuan sekolah yang bertujuan membaik pulih bangunan sekolah, membina bangunan tambahan, membeli alat kelengkapan sekolah dan penambahbaikan pengurusan sekolah.

Pihak sekolah boleh memohon bantuan ini, dengan memenuhi syarat-syarat yang tertentu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: KEGAGALAN PASUKAN SUKMA NEGERI MENJUARAI
KEJOHANAN SUKMA KEBANGSAAN.**

34. Sejak kebelakangan ini, pasukan Sukan Sukma Negeri Selangor gagal untuk menjadi juara dalam kejohanan Sukma Kebangsaan.

Bertanya kepada Y.A,B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Sukan Negeri bagi memastikan pasukan Sukma Negeri menjadi juara dalam pertandingan Sukma Kebangsaan di masa hadapan?
- b) Adakah semua kelab sukan Negeri mempunyai gelanggang latihan dan alatan mencukupi untuk persediaan awal?
- c) Adakah bajet yang disediakan mencukupi untuk atlit negeri menjalani latihan?

JAWAPAN:

- a) Bagi menghadapi setiap kejohanan sukan Malaysia, Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor telah menyediakan program ke arah meningkat prestasi atlit untuk menjadi juara di SUKMA. Antara langkah – langkah adalah meningkatkan lagi sesi latihan pasukan, menganjurkan program binaan yang meninggalkan impak yang positif ke dalam diri atlit Selangor dan juga melantik jurulatih – jurulatih berpengalaman. Walaupun pelbagai langkah yang diambil untuk mengejar juara, terdapat jugakekangan – kekangan yang cuba diselesaikan dalam masa yang singkat.

Antara langkah-langkah lain yang diberi perhatian oleh pihak Majlis adalah membeli peralatan baru yang lebih berteknologi terkini, mewujudkan Program Khas iaitu satu program yang menumpukan kepada sukan – sukan yang mempertandingkan banyak pingat di SUKMA dan juga meneruskan latihan secara berterusan sepanjang tahun.

- b) Majlis Sukan Negeri mempunyai lebih 40 persatuan sukan negeri iaitu badan sukan yang bergabung dengan Majlis Sukan Negeri Selangor untuk tujuan pembangunan khusus dalam persediaan atlit. Buat masa ini, pihak majlis menghadapi masalah kerana tiada gelanggang atau pusat latihan sendiri. Ini kerana pusat latihan yang ada di Negeri ini di punyai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak swasta. Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor terpaksa membelanjakan lebih banyak peruntukan untuk menyewa apabila ingin menjalankan program latihan sepanjang tahun.

Selain daripada itu juga, permasalahan yang timbul apabila menggunakan atau menyewa pusat latihan di luar, atlit tidak dapat menjalankan latihan dengan baik kerana terpaksa berkongsi bersama-sama dengan masyarakat atau komuniti setempat. Oleh yang demikian, pihak majlis tidak dapat melaksanakan program latihan secara berterusan kerana terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk kemudahan dan prasarana latihan walaupun ianya berada di bawah seliaan pihak PBT.

Pihak Majlis Sukan Negeri mengakui bahawa terdapat beberapa Persatuan Sukan Negeri atau pasukan menghadapi masalah untuk menjalani latihan biasa atau latihan pusat kerana tiada gelanggang dan kemudahan sendiri. Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor juga mengakui bahawa banyak persatuan sukan menghadapi masalah peralatan untuk latihan dan pertandingan. Peralatan yang ada sekarang ini kebanyakannya telah lama dan ketinggalan dari segi teknologi. Peralatan baru memerlukan kos yang tinggi.

- c) Bajet yang disediakan oleh Kerajaan Negeri iaitu sebanyak RM 5 juta setahun yang merangkumi SUKMA dan pembangunan adalah tidak mencukupi untuk atlit negeri menjalani latihan lebih-lebih lagi latihan sepanjang tahun. Menurut kajian Sains Sukan pembangunan atlit yang telah matang (teknikalnya) adalah lebih kurang mengikut kitaran olimpik (Olympic cycle) iaitu 4 tahun. Ini bermakna sesuatu program yang intensif itu memerlukan masa 3-4 tahun untuk melihat hasilnya. Walaupun setelah tamat SUKMA, atlit-atlit ini tidak boleh dibiarkan dan harus memasuki fasa latihan seterusnya dan proses ini adalah proses berterusan sepanjang tahun.

Bajet untuk atlit menjalani latihan bukanlah hanya memberi elauan semata-mata kepada atlit. Ianya merangkumi semua keperluan dan kemudahan asas yang perlu disediakan untuk atlit.

Berikut adalah keperluan untuk penyediaan pasukan untuk mengurus persediaan atlit prestasi tinggi (SUKMA sahaja):

1. Sewa gelanggang/pusat latihan
2. Elauan pengangkutan atlit
3. Kejohanan pendedahan – peringkat kebangsaan dan antarabangsa sekurang-kurangnya 5 kali
4. Elauan jurulatih
5. Program binaan atlit – kem berfasa sekurang-kurangnya 4 kali satahun
6. Peralatan latihan dan kejohanan
7. sewa penginapan
8. insurans
9. makanan tambahan dan rawatan

Jika dilihat secara spesifiknya, lebih kurang RM 4.3 juta diperlukan hanya untuk persediaan bagi pasukan SUKMA setiap tahun yang secara puratanya untuk 20 jenis sukan yang akan dipertandingkan.

Perbelanjaan mengurus dan membangun untuk sukan-sukan yang kejohanan SUKMA pada tahun berikutnya juga perlu diambil perhatian kerana ianya sukan yang berbeza dan memerlukan perbelanjaan seperti:-

1. Sewa gelanggang/pusat latihan
2. Elaun pengangkutan atlit
3. Kejohanan pendedahan – peringkat kebangsaan dan antarabangsa sekurang-kurangnya 5 kali
4. Elaun jurulatih
5. Program binaan atlit – kem berfasa sekurang-kurangnya 4 kali setahun
6. Peralatan latihan dan kejohanan
7. sewa penginapan
8. insurans
9. makanan tambahan dan rawatan

Setiap tahun lebih 20 jenis sukan yang akan bertanding di SUKMA. Dan setiap tahun juga perbelanjaan akan berbeza-beza mengikut jenis sukan dan keperluan yang dinyatakan di atas tidak termasuk perbelanjaan mengurus kontinen semasa SUKMA iaitu:

1. bayaran pendaftaran
2. pengangkutan
3. elaun pasukan
4. pakaian kontingen
5. pakaian pertandingan
6. elaun urusetia dan pegawai

Buat masa ini pihak majlis menerima RM5 juta setahun tetapi dibahagikan kepada 2 kategori besar iaitu SUKMA, pembangunan Sukan dan SUKSES. Seperti yang telah diuraikan diatas, bajet untuk penyediaan pasukan SUKMA sahaja mencecah hampir RM 5 juta untuk sukan-sukan SUKMA pada tahun itu manakala pihak majlis memerlukan bajet tambahan untuk menampung keperluan sukan-sukan yang akan bertanding di SUKMA pada tahun berikutnya kerana persediaan atlit hendaklah secara berterusan sepanjang tahun.

Selain daripada itu, paling kritikal adalah peralatan yang digunakan oleh kebanyakan pasukan sudah ketinggalan dari segi teknologi dan pasukan memerlukan peralatan yang baru dan berdaya saing dengan atlit negeri lain. Oleh yang demikian, pihak majlis terpaksa mencari dana untuk menukar ganti peralatan yang diperlukan. Elemen – elemen yang disebutkan adalah keperluan asas untuk program persediaan atlet prestasi tinggi dan kebanyakannya memerlukan bajet yang tinggi.

Pihak majlis perlu ada pecahan bajet yang lebih komprehensif untuk tujuan pembangunan sukan dan persediaan atlit prestasi tinggi. Malahan, perbelanjaan bagi meningkatkan kemudahan, prasarana dan peralatan yang lebih baik perlu diadakan bagi memastikan proses-proses pembangunan sukan dan persediaan atlit tidak terjejas dan mampu bersaing ke tahap yang lebih tinggi.

LAMPIRAN 1

PECAHAN PERBELANJAAN -PERBELANJAAN UNTUK PENYEDIAAN PASUKAN SUKMA

PERBELANJAAN PROGRAM PERSEDIAAN PASUKAN

BULAN	JAN 2013	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUMLAH
PERKARA							
KEM BINAAN SUKMA BERPERINGKAT (2 PERINGKAT RM10K X 20 SUKAN)	400,000						400,000.00
KEJOHANAN (RM 15K X 20 SUKAN X 5 KALI SETAHUN)	1,500,000						1,500,000.00
BENGKEL SAINS SUKAN (RM 5,000 X 3 KALI)	15,000						15,000.00
JUMLAH							<u>1,915,000.00</u>

PERBELANJAAN MENGURUS PENYEDIAAN PASUKAN

BULAN	JAN 2013	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUMLAH
PERKARA							
ELAUN ATLET RM 400 X 400 ORANG	160,000	160,000	160,000	160,000	160,000	160,000	960,000.00
ELAUN JURULATIH RM 3500 X 40 ORANG	140,000	140,000	140,000	140,000	140,000	140,000	840,000.00
ELAUN PENGURUS (RM 500 X 25 ORANG)		12,500	12,500	12,500	12,500	12,500	62,500.00
SEWAAN VENUE LATIHAN (RM 3000 X 19 SUKAN)	57,000	57,000	57,000	57,000	57,000	57,000	342,000.00
SEWA PENGINAPAN (RM 200 X 50 ORANG)		10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	50,000.00
SKIM APPERANTIS	200,000						200,000.00
JUMLAH							<u>2,454,500.00</u>

KESELURUHAN **4,369,500.00**

LAMPIRAN 2

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS KONTINGEN SUKMA

Bil	Perkara	Anggaran	Jumlah
1)	Persediaan Pasukan		
	i. Elaun Pasukan Semasa SUKMA	196,450.00	1,253,650.00
	ii. Skim Pemberian Bonus Pingat Emas	50,700.00	
	iii. Insentif Kemenangan SUKMA	906,500.00	
	iv. Sains Sukan	100,000.00	
2)	Pentadbiran/Urusetia/Publisiti & Promosi		
	i. Pengurusan Bilik Sekretariat	11,800.00	96,420.00
	ii. Pakaian Korporat	6,400.00	
	iii. Komunikasi Radio (walkie Talkie)	9,000.00	
	iv. Hadiah dan Cenderamata	23,000.00	
	v. Jurugambar	10,000.00	
	vi. Promosi & Publisiti	19,300.00	
	vii. Bendera	11,920.00	
	viii. kontinjensi	5,000.00	
3)	Pengurusan Acara		
	i. Watikah Perlantikan Bapa Angkat (telah dijalankan)	2,750.00	211,400.00
	ii. Kem Kontinjen SUKMA	100,500.00	
	iii. Majlis Penyerahan Bendera	33,150.00	
	iv. Lawatan	5,000.00	
	v. Mesyuarat Kontinjen	5,000.00	
	vi. Jamuan Kontinjen (SUKMA)	15,000.00	
	vii. Majlis Penyerahan Insentif	50,000.00	
4)	Elaun Jawatankuasa/Pegawai & Kakitangan/Petugas Perubatan	91,485.00	
5)	Logistik		
	i. Penginapan / Bilik Urusetia	31,500.00	1,024,237.00
	ii. Pakaian Kontinjen	200,000.00	
	iii. Peralatan & Pakaian Pasukan	713,987.37	
	iv. Pengangkutan	78,750.00	
6)	Penyokong (Pasukan Sorak)	42,500.00	
JUMLAH ANGGARAN KESELURUHAN		RM	2,719,692.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PENGURUSAN AIR

35. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Sejauh manakah perkembangan perundingan mengenai pengurusan air Selangor mendapat kerjasama dari Kerajaan Persekutuan?
 - Apakah sebenarnya dalih-dalih dan syarat-syarat yang diletakkan oleh Kerajaan Persekutuan yang merumitkan kerjasama bagi pengurusan air di Selangor?
 - Apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air di Negeri Selangor sekiranya ia berlaku?

JAWAPAN :

- Sepanjang tahun 2008 hingga 2012, Kerajaan Persekutuan sentiasa menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Selangor hendaklah menyelesaikan apa-apa isu pengambilalihan syarikat konsesi air melalui transaksi komersial *willing buyer willing seller* tanpa penglibatan Kerajaan Persekutuan, walaupun tanggung jawab mengenai perkhidmatan dan bekalan air telah diletakkan bersama kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di bawah Perlembagaan Malaysia melalui pindaan Perlembagaan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) 2005 yang memindahkan perkhidmatan dan bekalan air dari Senarai Negeri kepada Senarai Bersama di bawah Senarai Perundangan, Perlembagaan Persekutuan.
- Pindaan Perlembagaan pada tahun 2005 telah meletakkan air di bawah Senarai 111- Senarai Bersama. Melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Selain dari itu, Kerajaan Negeri Selangor telah menswastakan perkhidmatan bekalan air semenjak tahun 1994 dan penswastaan sepenuhnya telah dilaksanakan pada tahun 2004. Melalui penswastaan ini, Perjanjian Konsesi telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dan Syarikat Konsesi Air.

Dalam proses untuk mengambil alih semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi untuk diuruskan oleh Kerajaan Negeri sepenuhnya, ia perlu melalui proses *deprivatisation* yang akan melibatkan banyak pihak. *Deprivatisation* akan menjurus kepada penamatkan perjanjian konsesi

sedia ada. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

Oleh yang demikian, dalam melaksanakan pengambilalihan semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian di mana sejumlah pampasan perlu untuk disediakan untuk dibayar kepada Pemegang Konsesi. Sekiranya Pemegang Konsesi tidak dibayar pampasan yang setimpal, perkara ini boleh mendedahkan Kerajaan Negeri kepada tindakan undang-undang dan pada masa yang sama Kerajaan Negeri boleh dianggap bertindak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.

Pemegang Konsesi menuntut nilai pampasan yang tinggi walaupun Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membayar 12% sebagai pulangan kepada pelaburan yang dibuat serta mengambil alih semua liabiliti berkaitan air.

Keengganan Kerajaan Persekutuan untuk turut serta bersama Kerajaan Negeri di dalam rundingan pengambilalihan syarikat konsesi telah melambatkan penstrukturran semula dimuktamadkan walaupun Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif dalam sektor air sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655).

Kerajaan Persekutuan sering berpandangan bahawa dalam merealisasikan pelaksanaan Model Holistik yang dicadangkan, Kerajaan Negeri Selangor hendaklah menyelesaikan apa-apa isu pengambilalihan syarikat konsesi air melalui transaksi komersial *willing buyer willing seller* tanpa penglibatan Kerajaan Persekutuan, manakala penglibatan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) pula dalam inisiatif penstrukturran semula industri perkhidmatan air negara termasuk di Negeri Selangor adalah terhad kepada pengambilalihan liabiliti dan aset air berkaitan sahaja setelah pengambilalihan ekuiti diselesaikan oleh Kerajaan Negeri.

- c) Untuk tempoh 20 tahun akan datang, dijangkakan akan berlaku pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi. Pertambahan penduduk serta pertumbuhan ekonomi yang rancak secara langsung akan mendorong kepada permintaan air bersih yang lebih tinggi manakala pembekalan air tidak berubah. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil langkah positif untuk memastikan rakyat Selangor sentiasa mendapat bekalan air yang mencukupi.

Pada ketika ini, semua data berkenaan dengan permintaan dan pembekalan air adalah dipegang oleh SYABAS. Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Jawatan Kuasa Pemantauan Air Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan memantau operasi SYABAS supaya bekalan air yang semakin menipis dari segi rizab dapat diagihkan kepada pengguna tanpa sebarang gangguan. Bagi tujuan pemantauan ini, beberapa data diperlukan dari SYABAS, namun SYABAS enggan mengemukakan data-

data yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri walaupun surat telah dikeluarkan kepada SYABAS.

Oleh itu, penyelesaian menyeluruh ke atas semua masalah operasi dan pengurusan industri perkhidmatan air adalah melalui penstrukturkan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor melalui Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan operator loji pembersihan air seperti Splash, Abass dan Puncak Niaga serta agensi yang terlibat dan Suruhanjaya Air Negara (SPAN) langkah-langkah mitigasi telah dilakukan seperti berikut:

- i) Hanya melepaskan air dari empangan berdasarkan keperluan optimum loji sahaja.
- ii) Menjalin persefahaman yang mantap bagi semua pihak berkepentingan dalam mengurus sumber air supaya bekalan air bersih tidak terganggu.
- iii) Memantau paras air di muka sauk bagi memastikan kuantiti air yang dipam adalah mencukupi dan tidak memberi kesan ke atas operasi pam air mentah hingga mengakibatkan kegagalan.
- iv) Sentiasa memantau dan bertindak sewajarnya sekiranya simpanan air mencapai tahap 50%.
- v) Masyarakat umumnya senitasa diminta berjimat cermat terhadap penggunaan air sewaktu musim kemarau.

Selain itu, LUAS sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan air di Negeri Selangor turut mengambil kira beberapa langkah yang perlu di ambil sekiranya berlaku masalah air di Negeri Selangor. Salah satu penyelesaiannya adalah penggunaan **sumber air alternatif** iaitu menggunakan air permukaan seperti air tasik, lombong dan sebagainya untuk keperluan harian. Sumber air bumi juga merupakan penyelesaian terhadap kekurangan bekalan air di Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, sumber air bumi masih belum meluas penggunaannya dan perlu dikomersialkan.

Beberapa projek sumber air tambahan telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi, antaranya adalah seperti berikut:-

- i. **Loji Rawatan Air Sg Labu / KLIA Alternative Water Supply Scheme**
Projek ini dioperasikan oleh Konsortium Air Selangor Berhad (KASB) bermula pada 01 Julai 2012 dan boleh mengeluarkan air sebanyak **105 JLH**.
- ii. **Membaik pulih Kapasiti Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1 (SSP1)**

Kerja-kerja membaik pulih ini telah siap sepenuhnya pada 31 Mac 2013 dan kapasiti pengeluaran Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1 (SSP1) dapat ditingkatkan pengeluaran dari 760 JLH kepada 950 JLH, iaitu peningkatan sebanyak **190 JLH**.

- iii. **Projek Mitigasi 2**
Untuk menambah baik sistem agihan air bagi membolehkan air terawat diagihkan kepada pengguna. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2015.

Antara projek yang sedang dalam perancangan untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah:-

- i. Kajian untuk meningkatkan sumber air mentah (yield) di Sungai Selangor dengan membangunkan Hybrid Off River Augmentation Storage (HORAS) yang mana rancanganini adalah selari dengan cadangan Kerajaan Persekutuan mengenai “Penggunaan Storm Water di hiliran sungai sebagai sumber air terawat” yang dibentangkan semasa Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara;
- ii. Projek menambah baik sistem pam air bersih ke Kolam Imbangan Bukit Mayong bagi tujuan meningkatkan kapasiti pengeluaran rumah pam tersebut bagi menampung permintaan bekalan di kawasan Klang;
- iii. Kajian mengenai keupayaan kapasiti air bawah tanah untuk digunakan sebagai sumber air melalui kaedah River Bank Filteration (RBF); dan
- iv. Mengaktifkan semula Loji Sungai Damansara (Loji Bukit Jelutong) yang terletak di Pusat bandar Shah Alam.

Selain dari pelaksanaan projek-projek, SYABAS hendaklah dipastikan dapat mengurangkan kadar NRW. Di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS, SYABAS menjanjikan penurunan NRW kepada 20% pada tahun 2011 dengan perbelanjaan sebanyak RM784.1 juta. Namun kadar NRW pada tahun 2011 yang dapat dicapai oleh pihak SYABAS adalah melebihi 32% dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM995.70 juta, jauh melebihi amanu yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. (Setakat April 2013, kadar NRW ditunjukkan sebanyak 35%)

Ini membuktikan bahawa walaupun SYABAS telah diberikan peruntukan yang jauh melebihi amaun yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi, namun SYABAS masih gagal untuk menurunkan NRW kepada kadar yang sepatutnya. Kegagalan tersebut telah menyebabkan negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terlepas peluang untuk mendapatkan penjimatan kira-kira 663 JLH yang sepatutnya dihasilkan dari penurunan NRW seperti dijanjikan Syabas. Kapasiti 663JLH itu adalah lebih kurang jumlah air yang dikeluarkan oleh Loji Sungai Semenyih yang dianggarkan boleh menampung keperluan 353,000 akaun atau dari bilangan orang, boleh menampung penggunaan untuk seramai 1.2 juta orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: GAJI MINIMUM RM1,500

36. Kerajaan negeri dilihat komited untuk melaksana skim gaji minimum RM1,500 khasnya di syarikat milik negeri melalui Geran Selangorku

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah skim ini dapat diteruskan tanpa geran tersebut?
- b) Bagaimana skim ini dapat diperluaskan di kalangan penjawat awam negeri pula?

JAWAPAN :

- a) Di dalam program Geran SelangorKU 2012, terdapat peruntukan bagi Pengenalan Gaji Minima. Skim Pengenalan Gaji Minima ini boleh diteruskan walaupun tiada saluran Geran SelangorKU dibuat, ini kerana syarikat-syarikat Kerajaan Negeri yang di bawah MBI tidak mempunyai kakitangan yang digaji di bawah polisi gaji minima
- b) Untuk memperluaskan skim gaji minima ini kepada penjawat awam negeri, pihak Kerajaan Negeri sendiri perlu mengkaji kembali sistem penggajian penjawat awam negeri yang ada buat masa ini dengan mengambil kira semua aspek yang akan terlibat. Ini kerana penggajian penjawat awam negeri mempunyai skala gaji yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: DASAR MEMBANTU WANITA BEKERJAYA DI SELANGOR

37. Kaum wanita memerlukan bantuan daripada kerajaan dari segi dasar untuk membantu mereka menempuh di alam pekerjaan tanpa terlalu bimbang dengan anak-anak kecil.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Bilakah dan adakah kerajaan akan menetapkan dasar yang lebih ketat terhadap pasaraya-pasaraya besar dan kawasan komersial untuk menyediakan tempat penyusuan ibu dan kemudahan taska, taski, tadika dan sebagainya?
- b) Nyatakan bilangan taska, taski dan tadika serta bilangan ibu yang telah menerima manfaat daripada program Tunas sejak permulaannya sehingga sekarang.

JAWAPAN :

- a) Perkara ini sedia diberi perhatian oleh kerajaan Negeri Selangor. Ia suatu prioriti yg perlu mengambil kira peraturan dan undang2 kecil PBT. Ia akan dikuatkuasakan secara berperingkat pada tahun 2014 akan datang.
- b) Setakat Jun 2013 jumlah pelajar yang telah menerima bantuan skim tunas ialah sebanyak 2961 pelajar. Berdasarkan jumlah tersebut bilangan ibu yang telah menerima bantuan tersebut dianggarkan sebanyak 2900 orang. Ini kerana ada beberapa orang ibu yang mempunyai sekurang-kurangnya 2 orang anak yang menerima bantuan ini.

Perincian jumlah penerima manfaat Program Tunas sejak permulaannya adalah seperti berikut :

JENIS TADIKA				
BIL	TASKA	TASKI	TADIKA	LAIN-LAIN
1	1	114	39	21
JUMLAH KESELURUHAN				174

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : WIFI

38. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:
- Senaraikan lokasi yang telah dipasangkan WIFI bagi tahun 2008-2013 mengikut pecahan PBT dan apakah kriteria yang digunakan bagi menentukan lokasi pemasangan WIFI.
 - Senaraikan jumlah peruntukan dan syarikat yang terlibat dalam pemasangan WIFI mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008-2013.
 - Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor bagi menaik tarafkan serta menambahkan lokasi pemasangan WIFI dan badan manakah yang bertanggungjawab untuk memantau dan meluluskan pemasangan ini.

JAWAPAN:

- Kerajaan Negeri telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma ini bermula pada tahun 2010 secara berperingkat. Lokasi WiFi mengikut pecahan PBT adalah seperti jadual berikut.

Majlis Bandaraya Shah Alam		
Bil	Lokasi	DUN
1	Dataran Shah Alam	N40
2	Kompleks PKNS Shah Alam	N40
3	Seksyen 2 Shah Alam	N40
4	Seksyen 3 Shah Alam	N40
5	Seksyen 9 Shah Alam	N40
6	Dewan Wawasan, Kg Paya Jaras Dalam	N38
7	Medan InfoDesa, Kg Paya Jaras	N38
8	Masjid Al-Azhariah, Jalan Kepau 18/4 Shah Alam	N40
9	Dewan Meranti MBSA, Jalan Cangkul 19/3, Seksyen 19	N41
10	Dewan Merbau MBSA, Seksyen 17B	N41
11	Lot 1658, Jalan Sultan Raja, Batu 3, Kg Jawa, SS 36	N49
12	Medan Selera Sangkang, Seksyen 30	N50
13	Medan Selera Plaza Sri Muda, Seksyen 25	N50

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Bil	Lokasi	DUN
1	Surau Desa Mentari, Petaling Jaya	N32
2	Dewan Orang Ramai PJS 6, Petaling Jaya	N32
3	Dewan MBPJ Jalan PJS4/19, Taman Indah Jaya	N33
4	Surau Pangsapuri Impian Baiduri, PJ Selatan	N33
5	Surau Nur Fatimah, Flat Gasing Indah, Jalan 5/46	N34
6	Surau Othmaniah, Seksyen 8, PJ	N34
7	Bangunan Selera Wawasan, Jalan SS 3/33, Taman Universiti	N35
8	Dewan Seri Setia, Jalan SS9A/1, PJ	N35
9	Ming Tien Food Court, Taman Megah, Petaling Jaya	N36
10	Medan Selera SS2/63	N36
11	Pangsapuri Idaman, Jalan PJU 10/1, Damansara Damai	N37
12	Idaman Corner, Jalan Masjid, Kampung Sungai Kayu Ara	N37
13	Dewan MBSA, Jalan Nova, Seksyen U5, Shah Alam	N39
14	PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang, PJU 1A	N39

Majlis Bandaraya Subang Jaya

Bil	Lokasi	DUN
1	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Sri Serdang, Taman Puchong Utama	N29
2	Balai Masyarakat Kg Sri Aman, Kg Seri Aman Dalam	N29
3	Pangsapuri Kos Rendah (Ceria), Seksyen 4, Taman Kinrara	N30
4	Pasar Pagi Taman Kinrara, Seksyen 3, Puchong	N30
5	Pangsapuri Kos Rendah Angsana, USJ 1	N31
6	Pangsapuri Kos Rendah SS19, Jalan SS19/17, Subang Jaya	N31

Majlis Perbandaran Selayang

Bil	Lokasi	DUN
1	Pusat Khidmat Rakyat Ahli Majlis Zon 24 Bandar Tasik Puteri	N13
2	Masjid Nurul Yaqin, Kg Melayu Sri Kundang, Rawang	N13
3	Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Selayang, Taman Bersatu	N14
4	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Rawang (Country Homes), Bandar Country Homes	N14
5	Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Selayang, Taman Selayang Jaya	N15
6	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Taman Templer, Bandar Baru Selayang	N15
7	Pusat Khidmat DUN Batu Caves, Taman Maniah Mulia	N16
8	Balai Penghulu Mukim Batu, Jalan Sungai Tua	N16
9	Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Gombak Setia, Taman Gombak	N17
10	Pejabat PAS Kawasan Gombak, Taman Sri Gombak	N17

Majlis Perbandaran Klang		
Bil	Lokasi	DUN
1	Pejabat Pengsapuri Mutiara Bukit Raja 2, Mutiara Bukit Raja 2, Klang	N40
2	Pejabat JKKK Meru, Kg Meru, MPK Jalan Meru Tambahan	N42
3	Ewan Corner, Persimpangan Jalan Haji Salleh dan Jalan Kasim	N42
4	Bilik Gerakan Utama PR Zon Utara, Kampung Tok Muda	N43
5	Pejabat JKKK Kg Tok Muda, Kampung Tok Muda	N43
6	Dewan Serbaguna Taman Berkeley (Taman Eng Ann), Jalan Serindit 10	N44
7	Dewan Sungai Pinang, Majlis Perbandaran Klang	N44
8	Surau Haji Abbas, Kg Delek	N45
9	Transit Az-Zahrah, Telok Gadong Kecil	N45
10	Flat Bandar Armada Putra, Bandar Armada Putra, Pulau Lumut	N46
11	Balai JKKK Pandamaran Jaya, Pelabuhan Klang	N46
12	Pusat Khidmat Pandamaran, Pelabuhan Klang	N47
13	SJK (C) Pandamaran A, Jalan Besar Pandamaran, Klang	N47
14	Medan Selera Selva, Klang	N48
15	Pusat Khidmat DUN Persiaran Raja Muda Musa, Klang	N48
16	Pejabat DUN Seri Andalas, Taman Sri Mewah 4, Klang	N49

Majlis Perbandaran Ampang Jaya		
Bil	Lokasi	DUN
1	Bazaar MPAJ Taman Melawati, Pejabat Jawatankuasa Penduduk (JKP), Taman Melawati	N18
2	Pusat Komuniti Rakyat Sri Pangsa AU3/1, Ulu Klang	N18
3	Dewan Kg Melayu Ampang Tambahan, Kawasan Perumahan Kg Melayu Ampang	N19
4	Flat Permai Court 2, Taman Dato Ahmad Razali	N19
5	Pejabat DUN Lembah Jaya, Taman Dagang Jaya	N20
6	Badan Pengurusan Pangsapuri Sri Intan, Taman Sri Intan, Jalan Ampang Indah	N20
7	Surau Ubudiah, Jalan Pandan Indah 3/3B, Pandan Indah	N21
8	Masjid Nurul Hidayah, Jalan H, Kampung Pandan Dalam	N21
9	Dewan Orang Ramai Taman Putra, Taman Putra	N22
10	Pejabat Ahli Majlis Zon 21, Kg Cheras Baru	N22

Majlis Perbandaran Kajang		
Bil	Lokasi	DUN
1	Balai Raya Taman Quepacs, Jalan Koop Cuepacs 5A, Taman Cuepacs Fasa 2	N23
2	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Dusun Tua, No 4A Jalan 2/5. Taman Pinggiran Delima, Batu 14	N23
3	Pusat Aktiviti Kg Rinching Hulu	N24
4	Balai Kg Ku Kg Sesapan Batu Minangkabau	N24
5	Pusat Komuniti, Sungai Kantan	N25
6	Pusat Khidmat ADUN Kajang, Kawasan Sungai Chua	N25
7	Pusat Komuniti DUN Bangi, Seksyen 7	N26
8	No 8, Jalan 1/4 , Pusat Khidmat Masyarakat	N26
9	Balai Raya JKKK Kg Sungai Balak, Batu 13, Jalan Cheras	N27
10	Pusat Khidmat Masyarakat Majlis Perwakilan Penduduk Zon 5, Taman Indah	N27
11	Bazaar Rakyat, Jalan SK 6/1	N28
12	Balai Masyarakat, Taman Muhibbah	N28

Majlis Perbandaran Sepang		
Bil	Lokasi	DUN
1	Masjid Ar-Raudah, Jalan 1, Kg Hulu Teris	N54
2	Balai Raya Desa Putra	N55
3	Dewan Penduduk Desa Seri Melor, Sungai Merab Luar	N55
4	Pusat Khidmat Masyarakat, Bandar Baru Salak Tinggi	N56
5	Pusat Penjaja Taman Seroja, Bandar Baru Salak Tinggi	N56

Majlis Daerah Sabak Bernam		
Bil	Lokasi	DUN
1	Balai JKJK, Sg Air Tawar, Sg Air Tawat	N01
2	Surau Al-Khairiah, Jalan Kampung Dato' Hormat, Sungai Air Tawar	N01
3	Pekan Batu 39, Taman Perpaduan	N02
4	Balai Rakyat, Taman Berjaya	N02
5	Dewan Binjai Jaya, Kg Kelompok Binjai	N03
6	Balai Raya JKJK, Sungai Panjang	N03
7	Balai Raya Kg Penerangan, Parit 5	N04
8	Dewan Seri Sekinchan, Taman Ria	N04

Majlis Daerah Kuala Selangor		
Bil	Lokasi	DUN
1	Dewan Orang Ramai Sungai Selisik, Kg Sekolah Sungai Selisik	N05
2	Dewan Dato' Hormat, Pekan Tanjong Karang	N08
3	Tingkat 1, No 29A, Pusat Bandar Tanjong Karang	N08
4	Medan Selera Darul Maarif Masiman, Simpang 3, Kampung Parit Serong	N09
5	Dewan Mini Bukit Raja, Kg Permatang	N09
6	PKM Taman Paduka, Taman Paduka	N10
7	Perkarangan Masjid Sultan Ibrahim, Jalan Besar	N10
8	Pejabat JKKG Kg Setia	N11
9	Rumah Kedai A77, Jalan Besar	N11
10	Masjid Jamek Pekan Sungai Buloh	N12
11	Pejabat JKKG, Kampung Bukit Kuching Tengah, Jeram	N12

Majlis Daerah Hulu Selangor		
Bil	Lokasi	DUN
1	Pusat Khidmat Masyarakat, Balai Raya Kg Hulu Bernam	N05
2	Pejabat Majlis Daerah Hulu Selangor, Kuala Kubu Bharu	N06
3	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Kuala Kubu Bharu	N06
4	Apartment Kenangan, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung	N07
5	Dataran Sentosa, Bandar Bukit Sentosa, BS1 Batang Kali	N07

Majlis Daerah Kuala Langat		
Bil	Lokasi	DUN
1	Gerai MDKL, Jalan Sekolah, Taman Sri Medan	N51
2	Balai Raya Taman Rambai, Kuala Langat	N51
3	Kampung Sg Sedu, Kg Sungai Sedu	N52
4	Pusat Khidmat Masyarakat Jalan Bunga Pekan	N52
5	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Morib, Jalan Bunga Pekan	N53
6	Pusat Penerangan Majlis Daerah Kuala Langat, Pantai Morib Baru	N53
7	Pusat Khidmat Masyarakat, Jalan Besar, Kg Batu Laut	N54

Bagi menentukan lokasi WiFi oleh Kerajaan Negeri Selangor pemilihan dibuat adalah berdasarkan kepada keperluan dan kriteria yang diambil kira adalah di kawasan-kawasan yang mempunyai banyak tumpuan, tarikan dan konsentrasi aktiviti komersil atau aktiviti penduduk seperti:

- i) Lobi atau kaunter di premis-premis kerajaan
- ii) Medan-medan selera PBT
- iii) Kawasan riadah / taman awam / dataran awam
- iv) Hub pengangkutan awam seperti terminal bas, kenderaan awam, stesen LRT, komuter
- v) Kawasan institusi pendidikan / pengajian tinggi / kolej
- vi) Premis-premis perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
- vii) Masjid / surau

- viii) Pusat khidmat, balai JKKK, perpustakaan, pusat komuniti, dewan orang ramai/serbaguna, Pusat Siber Rakyat (PSR)
 - ix) Taman perumahan dan kediaman kos rendah dan sederhana rendah
 - x) Premis-premis perniagaan, restoran dan kedai-kedai
- b) Kerajaan Negeri telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma ini bermula pada tahun 2010 secara berperingkat. Jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan mengikut syarikat yang terlibat adalah seperti jadual berikut.

Tahun 2010 - 2012				
Bil	Lokasi	Kos Setahun	Kos Keseluruhan	Syarikat Yang Terlibat
1	Dataran Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communication Sdn Bhd
2	Kompleks PKNS Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communication Sdn Bhd
3	Seksyen 2 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communication Sdn Bhd
4	Seksyen 3 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communication Sdn Bhd
5	Seksyen 9 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communication Sdn Bhd
6	Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communication Sdn Bhd
Tahun 2012				
7	112 Lokasi (56 DUN x 2 Lokasi)		RM248,741.67 (9.05% drpd 2,747,959.86)	Extol Corporation (M) Sdn Bhd
	Jumlah Kos Keseluruhan		RM572,741.67	

- c) Sehingga kini bilangan hot spot WiFi yang telah bermula pada tahun 2010 adalah sebanyak 118 lokasi. Ia meliputi keseluruhan negeri Selangor baik di bandar maupun di luar bandar kerana pada tahun 2012 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 2 lokasi setiap DUN. Kerajaan Negeri juga sedang dalam merancang untuk menambahkan lagi bilangan hot spot WiFi setiap DUN bagi meluaskan lagi kawasan liputan perkhidmatan WiFi percuma

Bahagian Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat PBT adalah badan yang akan memantau perlaksanaan WiFi percuma ini.

**PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK: STATUS HAK MILIK TANAH KAMPUNG TRADISI

39. Pemberian hak milik tanah bagi kampung tradisi telah banyak diselesaikan oleh kerajaan negeri Selangor:-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah tanah bagi kampung tradisi yang telah diberikan status hak milik sepanjang tempoh Mac 2008 sehingga April 2013 mengikut pecahan DUN?
- b) Berapakah jumlah pemilik tanah yang telah ditawarkan status hak milik tetapi masih belum melunaskan bayaran premium sepanjang tempoh Mac 2008 sehingga April 2013 mengikut pecahan DUN?

JAWAPAN :

- a) Sejak tahun 2008, sebanyak 609 tanah-tanah milik Kerajaan Negeri di kampung-kampung tradisional telah diberi status hakmilik kepada individu dengan keluasan 423.9166 ekar dan sebanyak 102 TOL telah diberi kepada syarikat dengan keluasan 80.90 ekar. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut :

DAERAH	DUN	BILANGAN PERMOHONAN
Hulu Selangor	Hulu Bernam - Kg. Baru A & B Hulu Bernam - Kg. Pasir Puteh Kalumpang Kuala Kubu Baharu - Kg. Pasir Kerling - Kg. Bukit Rasa Batang Kali - Kg. Sentosa Batang Kali - Kg. Batu 30	15 7 19
Petaling		-
Klang		-

DAERAH	DUN	BILANGAN PERMOHONAN
Sepang		-
Kuala Selangor	Malawati	-
	Jeram	281
	Ijok	81
	Sungai Burong	-
	Permatang	-
Kuala Langat		-
Hulu Langat		500
Sabak Bernam		-
Gombak		-
JUMLAH		903

- b) Sepanjang tempoh Mac 2008 sehingga April 2013, jumlah pemilik tanah yang telah ditawarkan status hak milik tetapi masih belum melunaskan bayaran premium mengikut pecahan DUN adalah seperti berikut :

DAERAH	DUN	JUMLAH PERMOHONAN YANG BELUM MENJELASKAN PREMIUM
Hulu Selangor	Hulu Bernam - Kg. Baru A & B Hulu Bernam - Kg. Pasir Puteh Kalumpang Kuala Kubu Baharu - Kg. Pasir Kerling - Kg. Bukit Rasa Batang Kali - Kg. Sentosa Batang Kali - Kg. Batu 30	- - 1
Petaling		-
Klang		-

DAERAH	DUN	JUMLAH PERMOHONAN YANG BELUM MENJELASKAN PREMIUM
Sepang		-
Kuala Selangor	Malawati	-
	Jeram	181
	Ijok	48
	Sungai Burong	-
	Permatang	-
Kuala Langat		381
Hulu Langat		-
Sabak Bernam		-
Gombak		-
JUMLAH		611

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: PENCERAMAH BERTAULIAH

40. Petaulahan kepada ceramah penting untuk mengekang ajaran Islam yang menyimpang.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- Nyatakan jumlah penceramah yang diberi tauliah untuk tahun 2013 mengikut daerah?
- Apakah proses dan kriteria pemilihan penceramah tersebut?
- Apakah langkah untuk mengekang penceramah tanpa tauliah?

JAWAPAN:

- Jumlah penceramah tahun 2013 mengikut daerah :

DAERAH	BILANGAN
GOMBAK	29
HULU LANGAT	14
HULU SELANGOR	5
KLANG	10
KUALA LANGAT	10
KUALA SELANGOR	4
PETALING	34
SABAK BERNAM	6
SEPANG	5
LUAR SELANGOR	9
JUMLAH	126

- b) Kelayakan Pemohon Tauliah :
- 1) beragama Islam dari kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - 2) berumur 18 tahun;
 - 3) sihat tubuh badan dan sempurna akal;
 - 4) berakhhlak dengan akhlak Islam;
 - 5) tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah oleh Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah;
 - 6) mempunyai pengetahuan agama Islam sekurang-kurangnya di peringkat Empat Sanawi atau yang setaraf dengannya;
 - 7) lulus ujian bertulis atau temuduga yang dijalankan oleh Jawatankuasa, jika dikehendaki oleh Jawatankuasa;
 - 8) mendapat kebenaran bertulis dari majikan;
 - 9) bermastautin dalam Negeri Selangor.

Kaedah Permohonan Tauliah

1. Melalui Jawatankuasa Tauliah, 4 kategori telah dikeluarkan untuk mengenalpasti penceramah / tenaga pengajar yang berkelayakan, sesuai dengan ilmu dan pengetahuan yang mereka miliki. Kategori tersebut ialah:
 - a) Kategori Di : Berceramah
 - b) Kategori D2:Mengajar Fardhu Ain / Pengajian Berkitab
 - c) Kategori D3: Mengajar Al-Quran
 - d) Kategori Khas :D4
2. Individu yang berminat untuk mendapatkan tauliah perlu mengisi borang permohonan dan mengemukakannya kepada pihak urusetia melalui Pejabat Agama Islam Daerah yang berhampiran.
3. Setelah permohonan diterima dan disemak, pemohon akan dipanggil temuduga bagi mengenal pasti kesesuaian permohonan dengan kelayakan yang dimiliki.
4. Pihak urusetia akan menghantar senarai nama pemohon yang telah ditemuduga kepada Ibu pejabat Polis Kontinjen Negeri Selangor (IPK) untuk tujuan tapisan keselamatan.
5. Setelah mendapat keputusan daripada pihak IPK, satu mesyuarat Jawatankuasa Tauliah akan dilaksanakan bagi memutuskan individu yang layak dan menetapkan kategori tauliah yang bersesuaian dengan pemohon.

6. Kad tauliah yang diberikan kepada semua pemegang tauliah adalah berkuat kuasa tidak melebih daripada lima (5) tahun. Ini bertujuan untuk memudahkan tapisan keselamatan dan kawalan dibuat ke atas penceramah dari semasa ke semasa.
- c) JAIS sentiasa memantau penceramah-penceramah di masjid dan surau-surau di negeri Selangor. Bagi penceramah yang tidak mempunyai tauliah mengajar dan berceramah pihak pengajur perlu membuat permohonan kebenaran khas kepada Setiausaha Jawatankuasa Tauliah di Bahagian Dakwah, JAIS. Pekeliling dan arahan Pengarah JAIS telah dikeluarkan melalui Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah bagi memastikan semua nazir dan pengurus surau menjemput penceramah yang mempunyai tauliah sahaja dalam aktiviti ceramah dan pengajian agama di masjid dan surau yang dianjurkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PELABURAN NEGERI SELANGOR

41. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- Sila kemukakan jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Negeri Selangor sehingga bulan Jun 2013 mengikut pecahan daerah ?
- Sila senaraikan jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Negeri Selangor dan Negeri-negeri lain secara perbandingan sehingga Jun 2013.
- Sila nyatakan apakah faktor utama yang menyebabkan Selangor terus dipilih sebagai destinasi pelaburan oleh pelabur-pelabur domestik dan luar ?

JAWAPAN:

- Bagi tempoh Januari hingga Mac 2013, sebanyak 43 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 618,723,695. Pecahan pelaburan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Klang	13	1,419	65,447,203	188,981,440	254,428,643
Petaling	17	714	164,802,319	49,537,295	214,339,614
Hulu Langat	5	164	15,499,175	61,592,667	77,091,842
Gombak	4	67	31,306,165	3,091,165	34,397,330
Hulu Selangor	3	108	28,784,377	3,060,071	31,844,448
Kuala Langat	1	69	6,621,818	0	6,621,818
Kuala Selangor	0	0	0	0	0
Sepang	0	0	0	0	0
Sabak Bernam	0	0	0	0	0
Jumlah	43	2,541	312,461,057	306,262,638	618,723,695

Sumber : MIDA

- b) Jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Negeri Selangor berbanding negeri-negeri lain bagi tempoh Januari hingga Mac 2013 adalah seperti berikut; -

State	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Johor	32	5,912	1,635,169,906	4,017,078,283	5,652,248,189
Sarawak	4	809	154,044,424	2,888,994,490	3,043,038,914
Penang	21	2,684	739,316,542	111,091,776	850,408,318
Selangor	43	2,542	312,461,057	306,262,638	618,723,695
Negeri Sembilan	9	1,669	103,602,674	380,473,221	484,075,895
Perak	10	1,172	43,174,268	373,137,844	416,312,112
Kedah	11	1,611	255,729,753	65,486,990	321,216,743
Pahang	2	367	8,646,732	212,764,488	221,411,220
W. P. Kuala Lumpur	3	57	38,937,504	5,082,000	44,019,504
Sabah	4	477	35,624,774	0	35,624,774
Terengganu	2	84	5,718,791	24,628,980	30,347,771
Melaka	2	78	15,386,209	0	15,386,209
Kelantan	1	30	6,630,000	0	6,630,000
W. P. Labuan					0
Perlis					0
Jumlah	144	17,492	3,354,442,634	8,385,000,710	11,739,443,344

Sumber : MIDA

- c) Faktor-faktor utama yang menyebabkan Selangor terus dipilih sebagai destinasi pelaburan oleh pelabur-pelabur domestik dan luar dalam seperti berikut; -
- i. Polisi dan kestabilan politik.
 - ii. Insentif pelaburan yang menarik daripada Kerajaan Persekutuan.
 - iii. Dasar Kerajaan Negeri yang mesra pelabur.
 - iv. Kedudukan Negeri Selangor yang strategik dan berdekatan dengan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan pintu masuk utama.
 - v. Kemudahan asas yang lengkap serta jalinan hubungan jalan raya yang terbaik.
 - vi. Kemudahan pelabuhan dan lapangan terbang untuk import dan eksport.
 - vii. Kemudahan pendidikan dan perubatan untuk pelabur asing (*expatriate*).
 - viii. Kemudahan tempat rekreasi seperti kelab golf dan pusat membeli belah yang bertaraf dunia.
 - ix. Pengguna bahasa Inggeris yang meluas memudahkan para pelabur berkomunikasi dengan pekerja tempatan.
 - x. Hak Perlindungan harta intelek
 - xi. Penawaran buruh berkemahiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PROJEK DATUM JELATEK

42. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Apakah status terkini pembinaan projek Datum Jelatek di Taman Keramat Kuala Lumpur
 - Apakah status terkini berkaitan aduan penduduk di kawasan terlibat, apakah telah diselesaikan?
 - Benarkah dakwaan yang mengatakan projek ini membuka ruang yang terlalu besar kepada pembeli rakyat asing?

JAWAPAN :

- Kebenaran Merancang (KM) dan Lesen Pembangunan dan Permit Pengiklanan/*Advertising Permit & Developer License* (APDL) dalam proses permohonan dan dijangka diperolehi pada akhir bulan Julai 2013.

Pelan pembangunan projek Datum Jelatek di Taman Keramat Kuala Lumpur di mana "Building Plan" telah diluluskan pada 8 Mei 2013. Penyerahan tapak kepada kontraktor telah diberikan pada 30 Mei 2013.

- Antara aduan-aduan yang dikemukakan oleh penduduk/Badan Bertindak Datum Jelatek ialah projek ini dikatakan membelakangkan kepentingan dan hak Bumiputera, orang Melayu tersisih, kediaman penduduk akan dirobohkan, warga asing dibenarkan memiliki kediaman di kawasa Melayu, projek ini hanya menguntungkan warga asing seperti dari Singapura serta banyak lagi.

Ingin dijelaskan bahawa Projek Datum Jelatek adalah gabungan perkongsian bijak antara PKNS, Kerajaan Negeri Selangor dan penduduk sekitar bagi membaiki mutu hidup rakyat di kawasan Jelatek dan sekitarnya.

Sebenarnya tidak ada satu pun unit Projek Datum Jelatek dijual kepada mana-mana pelabur asing termasuk pelabur dari Singapura mahupun China. Ini adalah kerana PKNS masih belum memperolehi Lesen Pemajuan dan Permit Iklan (APDL).

Ekspo Hartanah di Singapura hanyalah salah satu usaha promosi penjenamaan PKNS sebagai pemaju harta tanah yang kompetitif. PKNS memberi jaminan bahawa kepentingan pegangan Bumiputera akan dipertahankan. Dasar ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri.

PKNS turut memberi jaminan 50 peratus kuota jualan kepada Bumiputera dan 10 peratus diskaun kepada Bumiputera dipatuhi. Ramai individu Bumiputera telah menunjukkan minat yang tinggi untuk membeli unit-unit di Datum Jelatek.

Projek ini juga akan menyediakan 200 unit ruang niaga mampu milik berbanding 48 unit pada projek asal untuk usahawan Bumiputera.

Penaiktarafan Jalan Enggang dan Jalan Jelatek tidak akan menjasikan atau merobohkan mana-mana kediaman rumah di jalan-jalan tersebut. Ini kerana penaiktarafan jalan-jalan tersebut hanya akan melibatkan tanah rezab jalan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

PKNS secara keseluruhannya membelanjakan sebanyak RM25 juta untuk membayar pampasan kepada penduduk asal flat Jelatek manakala RM52 juta lagi dibelanjakan untuk bayaran premium tanah.

Mengenai dakwaan pembinaan Skybar seperti yang didakwa sesetengah pihak, PKNS menafikan sekeras-kerasnya yang kemudahan itu akan dibina, tetapi sebaliknya adalah Sky Ring.

PKNS prihatin dan peka dengan maklumbalas yang diberikan penduduk. Sehubungan dengan itu, PKNS telah mengambil tindakan yang sewajarnya antaranya:

- i) Mengeluarkan 15,000 risalah bagi menerangkan mengenai projek Datum Jelatek dan manfaatnya kepada penduduk
- ii) Mengadakan 3 kali sesi penerangan kepada penduduk
- iii) Mendapatkan respon pakar industri harta tanah mengenai cadangan pembangunan projek ini

Ingin ditegaskan lagi sekali bahawa sebanyak 192 keluarga penduduk asal telah menerima pampasan berjumlah RM25 juta atau 13 kali ganda daripada harga belian asal. Projek pembangunan semula ini sejajar dengan matlamat kerajaan untuk memperbaharui bangunan usang di kawasan bandar yang bukan sahaja dapat meningkatkan nilai harta tanah Bumiputera malahan hasil daripada keuntungan projek ini akan disalurkan semula kepada rakyat.

- c) Kenyataan ini adalah tidak benar memandangkan pihak syarikat Datum Corp International Sdn Bhd harus mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu memastikan 50% daripada pembangunan harus dimiliki oleh Bumiputera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

TAJUK: MODAL INSAN DI KALANGAN BELIA

43. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan perancangan-perancangan yang telah diambil untuk meningkatkan bilangan modal insan yang berkemahiran dan berpendidikan di kalangan belia di Negeri Selangor.
- b) Sila nyatakan sejauh manakah keberkesanan dan tindakan susulan program pembangunan modal insan melalui aktiviti-aktiviti SPIES.

JAWAPAN :

- a) Antara perancangan dan langkah - langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan penglibatan belia dalam modal insan yang berkemahiran adalah mengadakan program – program berikut :
 - i) Melalui tajaan pelajar di kolej INPENS khususnya kepada pelajar - pelajar yang berpendapatan rendah dengan jumlah tajaan sebanyak **RM6,500** dan jumlah Pelajar yang telah ditajakan adalah seramai **1,137 orang**;
 - ii) Menganjurkan beberapa program kerjaya khusus untuk belia bagi memberikan pendedahan mengenai peluang – peluang perniagaan yang boleh diceburi serta maklumat – maklumat bantuan kewangan;
 - iii) Menganjurkan program-program seminar dan kursus keusahawanan khususnya untuk memberi pendedahan awal mengenai bidang keusahawanan kepada golongan belia seperti berikut :
 - 1) Kursus Asas Keusahawanan;
 - 2) Kursus Pemasaran;
 - 3) Kursus Pengurusan Kewangan; dan
 - 4) Kursus Rancangan Perniagaan
 - iv) Program Jom Kerja **berbentuk Karnival** yang telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor bermula tahun 2009 – 2013 dengan pencapaian seramai **2,946 pemohon** yang berjaya di temuduga, selain itu pemohon diberi pendedahan khidmat nasihat serta pengalaman cara bagaimana sesi temuduga diadakan; dan

- v) Program Jom Kerja berbentuk **Kursus Kerja Berkualiti** menjadi satu platform kepada para peserta untuk bertemu dengan bakal majikan untuk mencari peluang pekerjaan sedia ada. Kursus ini dijalankan selama dua hari dan akan membina kekuatan peserta melalui modul pembangunan insan yang terancang demi melahirkan tenaga kerja yang berkualiti. Pada tahun 2012 sebanyak 11 program telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan penyertaan seramai 800 orang.

Selain itu, pihak kerajaan dengan kerjasama Kumpulan Peransang Selangor Berhad telah melaksanakan Program Rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS) bertujuan untuk membantu para siswazah Selangor yang masih belum mendapat pekerjaan dalam mempertingkat pengetahuan dengan menyediakan kursus - kursus kemahiran umum dan khusus.

Objektif utama Program RKSS ini adalah untuk membantu para siswazah Selangor yang masih belum mendapat pekerjaan untuk mempertingkat pengetahuan dan keupayaan diri mereka melalui penyediaan latihan samada dalam bentuk kemahiran umum (*softskill*) atau kemahiran - kemahiran khusus seperti kemahiran teknikal dan sebagainya. Program ini dilaksanakan dalam dua (2) fasa utama iaitu :

- Fasa I: Penyediaan kursus dan latihan yang strategik untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, nilai diri dan keyakinan siswazah-siswazah dalam negeri Selangor bagi membolehkan mereka lebih bersedia untuk mendapatkan pekerjaan atau memulakan perusahaan perniagaan sendiri; dan
- Fasa II: Penyediaan Latihan di Tempat Kerja (On-The-Job Training) dan usaha untuk membuat rekomendasi kepada majikan-majikan yang relevan bagi siswazah-siswazah yang telah menamatkan kursus

Program Rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS) secara percuma kepada mahasiswa Selangor (lepasan Diploma dan Ijazah) sejak **September 2011 hingga Disember 2012 seramai 735 orang** telah terlibat di dalam program ini. Manakala pada tahun 2013, **Program Rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS)** telah ditukar kepada **Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)**, di mana majlis pelancaran telah diadakan sempena Karnival RKRS di Stadium Tertutup Kuala Selangor pada 15-16 Disember 2013. Program RKRS terbuka kepada belia, mahasiswa, surirumah dan pesara ditawarkan secara percuma dan telah berjaya melibatkan **seramai 655 orang**. Maklumat terperinci mengenai senarai kursus seperti **di lampiran A**.

- b) Program pembangunan modal insan merupakan program yang perlu dijalankan secara berterusan dan untuk melihat keberkesanan program ini mengambil masa yang panjang. Pembangunan kemanusiaan ini bukan sekadar diukur keberkesanan dan kejayaannya dalam bentuk kebendaan akan tetapi ia lebih menjurus kepada pembinaan nilai kemanusiaan sejagat merentasi sempadan agama, bangsa dan warna kulit.

Program ini juga menjuruskan kepada pembentukan insan yang bertamadun dan mempunyai nilai hidup yang tinggi bagi menyokong pembentukan sebuah masyarakat yang cemerlang dan berintigriti.

Program SPIES yang telah mula dilaksanakan pada Ogos 2008 telah memberi impak kepada rakyat Negeri Selangor berdasarkan sambutan dan komitmen kehadiran dalam setiap program yang dilaksanakan dan permintaan masyarakat terhadap pelaksanaan program SPIES. Program SPIES dirancang mengikut beberapa fasa iaitu :

Fasa	Tahun
(i) Fasa kesedaran	2008 - 2011
(ii) Fasa pengembangan	2012 - 2014
(iii) Fasa pengukuhan	2015 - 2017

Program SPIES peringkat **fasa kesedaran** telah berjaya memberi impak seperti berikut:

- i. Kesedaran kepentingan pembangunan modal insan dalam melahirkan masyarakat cemerlang; dan
- ii. Kesedaran kepentingan pembangunan modal insan bagi mengawal penglibatan aktiviti gejala sosial.

Bermula Ogos 2008 sehingga Mei 2013 seramai **113,012** orang peserta yang telah mengikuti program SPIES.

Manakala program SPIES peringkat **fasa pengembangan** telah berjaya melahirkan seramai 737 duta SPIES dan 1200 orang ahli Briged Amal.

Hasil dari pelaksanaan program SPIES Kerajaan Negeri juga telah mengadakan program susulan seperti berikut :

- i) Program Jom Kerja yang telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor dengan pencapaian seramai 2,946 pemohon yang berjaya di temuduga, selain itu pemohon diberi pendedahan khidmat nasihat serta pengalaman cara bagaimana sesi temuduga diadakan;
- ii) Pelancaran Program Pembudayaan SPIES yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 19 Februari 2013. Ini adalah kerana program pembangunan insan adalah satu program berterusan dan bukan berbentuk kursus setahun sekali sahaja;
- iii) Program SPIES D'Village (PSD) dilaksanakan bertujuan untuk mengalikasikan pembudayaan SPIES dalam masyarakat. Oleh itu, satu manual PSD telah disediakan dan latihan diberikan kepada Jawatankuasa Sekretariat PSD yang terdiri dari Jawatankuasa masjid, Jawatankuasa kampung dan sukarelawan di peringkat kampung yang dikenalpasti;
- iv) Program Pembudayaan SPIES di Organisasi (PSO) bagi melaksanakan pembudayaan SPIES dalam organisasi dan satu manual PSO telah dibuat dan diberi latihan kepada Jawatankuasa Sekretariat PSO di peringkat jabatan yang dikenalpasti;
- v) Cadangan penubuhan Institut SPIES akan dilaksanakan bagi melicinkan pelaksanaan program pembudayaan SPIES dan pelaksanaan SPIES bagi jangka masa panjang. Pendataan maklumat peserta dan pengukuran keberkesanan program akan dibuat bagi melihat impak program pembudayaan SPIES.

LAMPIRAN A

RKRS 2011 – 2012

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
1.	Pembangunan Kemahiran Siswazah	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran sebagai eksekutif dan pentadbir • Pengurusan diri yang berkesan di tempat kerja 	2 Minggu (14 hari)	Malaysian Institute of Management (MIM)	42
2.	Pembangunan Usahawan Muda	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran sebagai usahawan yang berdedikasi, bersemangat waja, berfikiran jauh dan mempunyai daya saing tinggi 	4 Minggu (30 hari)	Corporate Education Development Centre (CEDC)	57
3.	Perbankan dan Kewangan Islam	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan asas dalam perbankan dan kewangan Islam 	11 Minggu (33 jam)	Pusat Pengajian At-Tibyan dan MIM	38
4.	Pentadbir IT (<i>IT Administrator</i>), Sijil Keselamatan & Selenggara LAN dan Sijil Membaiki Komputer)	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran dalam pengurusan perkakasan (<i>server, suis, penghala dll</i>), reka bentuk web dsb. • Kemahiran dalam pengurusan server, <i>reka bentuk rangkaian & keselamatan</i> dan penyelesaian masalah. • Kemahiran membaiki dan penyelesaian masalah (<i>perkakasan & perisian</i>) 	5 Minggu (25 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	47

RKRS 2011 – 2012

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
5.	Fiber Untuk Juruteknik	<ul style="list-style-type: none"> Kemahiran dalam pengendalian kabel fiber optik dan <i>rangkaian</i>. 	2 Minggu (10 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	60
6.	Kreativiti Dan Inovasi	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahuan tentang kreativiti dan inovasi. 	1 Minggu (5 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	13
7.	Pengurusan & Operasi Halal	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahuan tentang pengurusan pengsijilan halal Malaysia. 	2 Minggu (10 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	196
8.	Adobe Photoshop & Microsof Office	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahuan & kemahiran reka bentuk menggunakan perisian Adobe Photoshop & Microsoft Office 	3 Minggu (15 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	18
9.	Industri Maritim/ Perkapalan	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahuan & kemahiran dalam bidang marin/perkapalan laut dalam 	4 Minggu (30 hari)	Myous Maritime Sdn. Bhd.	45
10.	Pembuatan Pakaian Lelaki dan Wanita	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahuan dan kemahiran pembuatan pakain lelaki dan wanita 	12 Minggu (3 bulan)	Akademik Jahitan Kamsiah	47
11.	Percetakan Segera (Flash Stamp Printing)	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahun dan kemahiran keusahawanan dalam bidang percetakan segera 	3 hari	ANQR Flash Stamp Agency Sdn. Bhd.	83
12.	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahun dan kemahiran pengurusan pusat pendidikan awal kanak-kanak 	4 Minggu (1 bulan)	Pro-Intellect Consultancy Sdn. Bhd.	30

RKRS 2011 – 2012

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
13.	Penjagaan rambut (Hairdressing)	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang berdandan/penjagaan rambut (hairdressing) 	16 Minggu (4 bulan)	MSI Academy Sdn. Bhd.	15
14.	Perunding Pelancongan (Tourist Guide)	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang perundingan pelancongan 	16 Minggu (4 bulan)	MSI Academy Sdn. Bhd.	14
15.	Penternakan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang penternakan lembu, kambing, ayam, itik, burung puyuh 	1 Minggu (6 hari)	Akademik MJ Fatonah Sdn. Bhd.	30
JUMLAH KESELURUHAN					735

RKRS 2013

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
1.	Pembangunan Kemahiran Siswazah	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran sebagai eksekutif dan pentadbir • Pengurusan diri yang berkesan di tempat kerja 	2 Minggu (14 hari)	Malaysian Institute of Management (MIM)	60
2.	Perbankan dan Kewangan Islam	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan asas dalam perbankan dan kewangan Islam 	11 Minggu (33 jam)	Pusat Pengajian At-Tibyan dan MIM	13

RKRS 2013

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
3.	Pentadbir IT (<i>IT Administrator</i>), Sijil Selenggara LAN dan Sijil Membaiki Komputer)	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran dalam pengurusan perkakasan (<i>server, suis, penghala dll</i>), reka bentuk web dsb. • Kemahiran dalam pengurusan server, <i>reka bentuk rangkaian & keselamatan dan penyelesaian masalah.</i> • Kemahiran membaiki dan penyelesaian masalah (perkakasan & perisian 	5 Minggu (25 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	19
4.	Juruteknik Fiber Optik	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran dalam pengendalian kabel fiber optik dan rangkaian. 	2 Minggu (10 hair)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	51
5.	Pengurusan & Operasi Halal	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan tentang pengurusan pengsijilan halal Malaysia. 	2 Minggu (10 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	49
6.	Adobe Photoshop, Animation & Microsoft Office	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan & kemahiran reka bentuk menggunakan perisian Adobe Photoshop & Microsoft Office 	3 Minggu (15 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	15
7.	Industri Maritim/ Perkapalan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan & kemahiran dalam bidang marin/perkapalan laut dalam 	4 Minggu (30 hari)	Myous Maritime Sdn. Bhd.	30

8.	Pembuatan Pakaian Lelaki dan Wanita	<ul style="list-style-type: none">• Pengetahuan dan kemahiran pembuatan pakain lelaki dan wanita	12 Minggu (3 bulan)	Akademik Jahitan Kamsiah	30
----	-------------------------------------	--	------------------------	--------------------------------	----

RKRS 2013

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
9.	Percetakan Segera (Flash Stamp Printing)	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang percetakan segera 	3 hari	ANQR Flash Stamp Agency Sdn. Bhd.	63
10.	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahuan dan kemahiran pengurusan pusat pendidikan awal kanak-kanak 	4 Minggu (1 bulan)	Pro-Intellect Consultancy Sdn. Bhd.	60
11.	Keusahawanan Perkhidmatan Perakaunan	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang perakaunan 	1 Minggu (5 hari)	A. Razak & Co	60
12.	Penternakan	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang penternakan lembu, kambing, ayam, itik, burung puyuh 	1 Minggu (6 hari)	Akademik MJ Fatonah Sdn. Bhd.	60
13.	Bakeri	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang bakeri ; kek, roti & pastri 	1 Bulan (30 hari)	My Chef Enterprise Sdn Bhd	60
14.	Kerjaya Mutawwif	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahuan dalam kerjaya sebagai Konsultan, Mutawwif Umrah dan Haji 	5 Hari	AMTC Services Sdn Bhd	60

RKRS 2013

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA	
15.	Kemahiran Teknikal Komputer, Keusahawanan & Tenaga Pengajar Microsoft	<ul style="list-style-type: none"> Pengetahuan dalam keusahawanan, kemahiran teknikal IT & pembangunan kendiri 	1 Bulan (30 Hari)	Skali Community Engangement Sdn Bhd	25	
	JUMLAH KESELURUHAN					655

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)

TAJUK: PERUMAHAN MAMPU MILIK

44. Manifesto PRU-13 Pakatan mahu memperuntukkan RM100 juta untuk Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) merangka dasar dan menyedia rumah mampu milik untuk rakyat.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah peranan LPHS menyedia rumah mampu milik sebelum ini?
- b) Bagaimanakah dana ini akan digunakan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sebelum ini lebih fokus kepada kawalan pemilikan dan pengagihan rumah rumah kos rendah, kepada golongan yang berpendapatan rendah dan golongan yang berkelayakan untuk memiliki rumah kos rendah di Negeri Selangor. Kemudiannya bermula awal tahun 2013 fungsinya dikembangkan dengan pengawalan pemilikan terhadap rumah kos sederhana rendah, rumah kos sederhana dan rumah-rumah mampu milik. Ini kerana semua pemaju yang disyaratkan untuk menyediakan rumah-rumah tersebut perlu mendapatkan senarai nama pembeli daripada LPHS.

Berdasarkan kepada kelulusan Bajet Negeri Selangor 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berbormat Dato' Menteri Besar pada tahun lepas telah mengumumkan sebanyak RM50 juta diperuntukkan kepada LPHS untuk membangunkan Rumah Mampu Milik yang berkonseptan Pre-Fabricated - IBS (Pasang Siap). Dana ini kemudiannya telah ditambah kepada RM100 juta berdasarkan kepada Manifesto PRU-13 Pakatan Rakyat.

Ketika ini LPHS sedang mengenalpasti beberapa tapak cadangan tanah milik Kerajaan Negeri yang berpotensi lagi strategik untuk didirikan dengan Projek Perumahan Mampu Milik Selangor. Kerajaan berhasrat untuk menjadikan perumahan mampu milik ini yang lebih komprehensif, rekabentuk terkini, penyediaan kemudahan yang lengkap, selesa dan harga jualan yang mampu milik iaitu tidak lebih daripada RM150,000 seunit. Buat permulaan dijangkakan sebanyak tidak kurang 300 unit akan mula dibina sebaik sahaja Kajian Fisibiliti Projek siap disediakan yang dijangka kerja-kerja tanah akan bermula pada Disember 2013.

Penyediaan Rumah Mampu Milik Berkonsep Pre-Fabricated – IBS ini dijangka akan membantu Kerajaan Negeri dalam menambahkan lagi stok Rumah Mampu Milik selain daripada penyediaannya oleh PKNS, PNSB dan pemaju-pemaju swasta yang lain bagi memenuhi keperluan semasa dan akan datang .

- b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, dana ini akan digunakan sebagai Dana Pusingan untuk membangunkan Projek-Projek Perumahan Mampu Milik yang seteruskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK: PELANCONGAN

45. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- Adakah Kerajaan Negeri telah mewartakan kawasan sekitar Taman Tasik Pandan Perdana sebagai kawasan Rekreasi Awam tanpa unsur komersil?
 - Adakah Kerajaan Negeri bersedia menjadikan Bukit Saga suatu lokasi pelancongan?
 - Berapakah anggaran bajet 2013 diperuntukkan untuk pelancongan di DUN Teratai?

JAWAPAN :

- Majlis Perbandaran Ampang Jaya tiada maklumat berkaitan pewartaan kawasan rekreasi di Tasik Pandan Perdana.
- Bukit Saga adalah tempat yang strategik untuk menyaksikan panorama Bandaraya Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun sehingga kini, pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) belum mempunyai perancangan atau peruntukan bagi menjadikannya sebagai pusat atau destinasi pelancongan.
- Pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya tiada peruntukan khusus untuk pelancongan. Pihak Majlis perlu mengenal pasti terlebih dahulu apakah produk pelancongan yang ingin dimajukan di kawasan DUN Teratai sebelum boleh diangkat untuk pertimbangan pihak Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : KAJIAN SEMULA KADAR PREMIUM TANAH KOMERSIAL

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meneliti semula kadar premium tanah komersial seperti di Cyberjaya yang terlalu tinggi sehingga menyamai kadar premium tanah industri ?

JAWAPAN:

- a) Kadar premium tanah bagi Negeri Selangor dikira selaras dengan Kaedah Tanah Selangor Tahun 2003 (pindaan 2005). Kadar kiraan tersebut adalah tetap dan tidak berubah sehingga kini. Kadar pengiraan premium ini digunakan di semua daerah di Selangor pada kadar yang sama. Walau bagaimanapun, jumlah premium tanah yang perlu dibayar adalah bergantung kepada nilai harga tanah semasa yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Sebagai contoh, kadar premium tanah bagi mengubah syarat tanah kepada perniagaan (komersial) di bawah Seksyen 124(1)(a) dan (c), 124A dan 204B KTN kadar premium tambahan yang dikenakan seperti berikut :

Tukar Syarat Tanah Daripada	Kepada Perniagaan (Komersial)
Pertanian	30% daripada nilai tanah yang diluluskan x luas
Kediaman	15% daripada nilai tanah yang diluluskan x luas

Tukar Syarat Tanah Daripada	Kepada Industri
Pertanian	Ringan : 20% daripada nilai tanah yang diluluskan x luas
	Sederhana : 25% daripada nilai tanah yang diluluskan x luas
	Berat : 30% daripada nilai tanah yang diluluskan x luas
Kediaman	Ringan : 5% daripada nilai tanah yang diluluskan x luas
	Sederhana : 10% daripada nilai tanah yang diluluskan x luas
	Berat : 15% daripada nilai tanah yang diluluskan x luas

Bagi tujuan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 KTN, bagi tujuan perniagaan (komersial), kadar premium yang dikenakan adalah seperti berikut :

i. Perniagaan	$\frac{3}{4} \times 1/100 \times \text{nilai tanah yang diluluskan} \times 99 \text{ tahun} \times \text{luas}$
ii. Industri	$\frac{3}{4} \times 1/100 \times \text{nilai tanah yang diluluskan} \times 99 \text{ tahun} \times \text{luas}$

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk meminda kadar premium tanah bagi tujuan perniagaan (komersial) yang dikenakan di Cyberjaya kerana jumlah premium yang perlu dibayar adalah bergantung kepada nilai tanah semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK: BANJIR KILAT

47. Kejadian banjir kilat kerap berlaku di Negeri Selangor yang mengakibatkan kemusnahan harta benda dan kerosakan infrastruktur.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah banjir kilat ini termasuk dalam kategori bencana yang akan menerima sumbangan daripada pihak Kerajaan Negeri ?
- b) Apakah langkah penyelesaian bagi mengatasi masalah banjir kilat tersebut?

JAWAPAN :

- a) Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor tidak mempunyai maklumat berkenaan perkara ini memandangkan ia di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah Daerah Gombak.
- b) Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor melalui JPS Daerah Gombak telah mengambil jalan penyelesaian untuk jangka pendek bagi mengatasi banjir kilat yang berlaku di Selangor khususnya di kawasan Gombak Setia dengan menjalankan kerja-kerja pembersihan tebasan parit secara berkala tiga (3) kali setahun.

Sehubungan dengan itu, kerja-kerja penyelenggaraan seperti pengorekan kelodak bagi parit-parit dan sungai yang cetek turut dijalankan untuk mengatasi masalah banjir kilat khususnya di Gombak Setia.

Walaubagaimanapun, JPS Negeri Selangor melalui JPS Daerah Gombak turut merangka cadangan kerja untuk jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir kilat yang mana termasuk pembinaan kolam takungan banjir serta projek menaiktaraf sistem saliran mengikut keperluan dan kapasiti yang bersesuaian di kawasan Gombak Setia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK: POTONGAN CUKAI PINTU & PREMIS KOMERSIAL

48. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto PRU 12 yang memberi mengurangkan cukai pintu kediaman sebanyak 20% dan cukai premis komersil sebanyak 10%.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status semasa manifesto ini?
- b) Nyatakan jumlah pengurangan pendapatan PBT jika manifesto ini dilaksana?
- c) Sepanjang tempoh lima tahun lalu, adakah berlaku kenaikan cukai di PBT-PBT?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan dasar pengurangan (diskaun) cukai pintu kepada pemilik pangsapuri kos rendah telah dilaksanakan pada Penggal Kedua Cukai Taksiran Tahun 2012 (Julai – Disember 2012).

- b) Dengan pelaksanaan diskau 25 peratus bagi kediaman pangsapuri kos rendah berikut jumlah pengurangan hasil cukai di setiap PBT:

Bil.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH UNIT	PURATA KADAR CUKAI SATU UNIT PINTU (RM)	NILAIAN DISKAUN 25% (RM)	JUMLAH NILAIAN DISKAUN 25% (RM)
1	MBSA	18,402	150.00	37.50	690,075.00
2	MBPJ	19,322	117.00	29.25	565,168.50
3	MPK	15,272	150.00	37.50	572,700.00
4	MPSJ	28,816	145.00	36.25	1,044,580.00
5	MPAJ	31,672	202.00	50.50	1,599,436.00
6	MPS	21,695	129.50	32.38	702,484.10
7	MPKJ	38,387	126.00	31.50	1,209,190.20
8	MPSP	2,725	98.00	24.50	66,762.50
9	MDHS	12,362	119.99	30.00	370,860.00
10	MDKS	708	82.46	20.62	14,598.96
11	MDKL	1,882	121.73	30.43	57,269.26
12	MDSB	Tiada Pangsapuri Kos Rendah			
Jumlah		191,243			6,893,124.82

- c) Tiada berlaku kenaikan cukai di PBT Negeri Selangor sepanjang tempoh 5 tahun dari tahun 2008. Malahan bagi PBT yang berkemampuan seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menurunkan kadar cukai taksiran bagi kediaman strata yang terdiri daripada apartmen dan kondominium sebanyak 2 peratus. Penurunan kadar yang dilaksanakan oleh MBPJ ini berikutan kemampuan kewangan MBPJ yang kukuh.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)

TAJUK: GAJI MINIMA

49. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- Berapakah pekerja Kerajaan Negeri Selangor, Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun Negeri yang mendapat gaji di bawah RM1,100, iaitu gaji minimum yang dicadangkan oleh Manifesto Kerajaan Rakyat?
 - Adakah kerajaan bercadang untuk memperbetulkan situasi ini?

JAWAPAN :

- Berdasarkan rekod yang dikemas kini, bilangan penjawat awam Kerajaan Negeri Selangor, Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun Negeri yang mendapat gaji di bawah RM1,500.00 sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Manifesto Kerajaan Rakyat bagi gaji minimum adalah seperti berikut:-
 - Data yang menunjukkan jumlah pecahan mengikut julat gaji (mengambil kira gaji pokok sahaja):**

Agensi	Julat Gaji	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak
Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor (meliputi Pejabat Daerah/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Jabatan / Agensi)	RM0 - RM500.00	0	0
	RM500.01 - RM1000.00	955	576
	RM1000.01 - RM1500.00	5585	1247
JUMLAH		6540	1823
JUMLAH KESELURUHAN		8363 orang	

- ii) Data yang menunjukkan jumlah pecahan mengikut gred jawatan (**mengambil kira gaji pokok sahaja**):

Gred	Kelayakan Minimum	Skim Perkhidmatan	Jumlah		
			Tetap	Kontrak	
1-16	Tamat Darjah Enam/PMR/SRP	Pelbagai Skim	3526	581	
17-26	SPM/Sijil		2987	1226	
27-40	Diploma/STPM		27	16	
Jumlah			6540	1823	
Jumlah Keseluruhan			8363 orang		

Untuk makluman, anggota Kumpulan Pelaksana (Gred 1 hingga 40) juga menikmati elaun-elaun tetap bulanan seperti berikut:

- i) Elaun Tetap Perumahan (ITP) - RM180.00
 - ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) - RM95.00 – RM220.00
 - iii) Bantuan Sara Hidup (BSH) - RM150.00 – RM300.00
- Jumlah anggaran bulanan** - **RM425.00 (minimum)**
RM700.00 (maksimum)

Selain itu, anggota Kumpulan Pelaksana juga diberikan **Kadar Kenaikan Gaji Tahunan** berjumlah **RM80.00 (minimum) hingga RM180.00 (maksimum) setahun**. Secara perbandingannya, hanya sekitar **1,500 orang (6.5%)** anggota sahaja yang menikmati emolumen bulanan di bawah kadar RM1,500.00 berbanding 23,000 orang anggota perkhdmatan awam yang berkhidmat di Jabatan / Agensi Negeri Selangor buat masa ini.

- b). Kerajaan Negeri sentiasa memberikan **Ilatihan-latihan peningkatan kemajuan kerjaya** kepada semua Penjawat Awam Negeri Selangor. Ini bertujuan bagi melahirkan Penjawat Awam yang kompeten dan mempunyai nilai tambah agar lebih diterima bagi menyandang jawatan-jawatan yang lebih tinggi demi kemajuan kerjaya di masa akan datang.

Di bawah Sistem Saran Malaysia (SSM), anggota Kumpulan Pelaksana (Gred 1-40) diberikan kelebihan untuk **dinaikkan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP)** selepas 13 tahun berkhidmat. Secara tidak langsung, inisiatif ini mampu meningkatkan jumlah emolumen bulanan dan motivasi kerja anggota yang berkenaan. Pelaksanaan perkara ini diperjelaskan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) bertarikh 14 Mei 2009.

Berdasarkan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013, **gaji minimum anggota perkhidmatan awam secara keseluruhannya telah dinaikkan** dengan mengambil kira perkembangan keadaan ekonomi semasa. Selain itu, kelayakan minimum pelantikan anggota perkhidmatan awam juga telah dinaikkan ke Penilaian Menengah Rendah (PMR) daripada Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

TAJUK: REZAB PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

50. Rezab perbendaharaan Negeri Selangor telah mencecah rekod yang baru.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah pertambahan rezab perbendaharaan Negeri Selangor dalam tahun 2012?
- b) Apakan punca utama pertambahan rezab perbendaharaan Negeri Selangor dalam tahun 2012?
- c) Adakah pertambahan rezab tersebut telah dijangka dan dirancang semasa belanjawan Negeri Selangor 2012 disediakan?

JAWAPAN :

- a) Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2012 adalah meningkat sebanyak 34.74% iaitu daripada RM1,944.00 juta pada tahun 2011 kepada RM2,619.44 juta pada tahun 2012.
- b) Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh lebihan terimaan hasil berbanding perbelanjaan pada tahun 2012 berjumlah RM268.10 juta dan peningkatan terimaan amanah sebanyak RM386.45 juta. Bagi lebihan terimaan hasil berbanding perbelanjaan pada tahun 2012 adalah disumbangkan oleh pertumbuhan hasil pada tahun 2012 di mana hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2012 telah mencatatkan peningkatan sebanyak RM320.80 juta (19.63%) iaitu RM1,954.81 juta berbanding tahun 2011 berjumlah RM1,634.01 juta. Peningkatan ketara direkodkan pada kutipan hasil premium geran tanah sebanyak RM869.91 juta pada tahun 2012 berbanding RM533.04 juta pada tahun 2011 dan terimaan bersih Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri sebanyak RM311.43 juta.

- c) Kerajaan Negeri Selangor pada dasarnya mengamalkan belanjawan berimbang di mana semasa penyediaan belanjawan Negeri Selangor perbelanjaan yang dirancang adalah berdasarkan anggaran hasil yang akan diterima. Walaubagaimanapun, dengan usaha-usaha yang berterusan bagi meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor di samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik (*value for money*) telah menyumbang kepada pengukuhan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor. Contohnya adalah Pengwujudan sistem tender terbuka di dalam semua perolehan Kerajaan Negeri dan usaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah seperti mengenal pasti serta mengasingkan semua hakmilik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil; membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Daerah dan Tanah di kawasan pedalaman; membuka kaunter pada waktu rehat; dan menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara online dan pusat pembayaran di kaunter PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: JOM SHOPPING S.M.U.E

51. Skim Mesra Usia Emas.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah kerajaan bercadang untuk meneruskan program jom shopping kepada semua ahli?
- b) Kenapakah kuota untuk jom shopping di beri sama rata mengikut dun sedangkan pendaftaran amat jauh berbeza antara satu-satu Dun (mengikut kepadatan jumlah penduduk).

JAWAPAN :

- a) Setiap program yang baik, bermanfaat dan dapat membantu rakyat meringankan bebanan mereka akan sentiasa menjadi keutamaan kerajaan negeri. Demikian juga program JOM Shopping ini yang dilihat cukup baik dalam menjadi saluran penyampaian hasil negeri kepada rakyat. Ia juga dapat menjadi penghubung antara kerajaan dengan rakyat di samping mengeratkan lagi hubungan antara Ahli-ahli Dewan Negeri dengan rakyat di bawah pentadbiran mereka.

Walau bagaimanapun, keputusan sama ada untuk meneruskannya atau digantikan dengan program baru adalah bergantung kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Segala kesan positif dan negatif akan dilihat secara keseluruhan agar ia benar-benar memberi manfaat kepada rakyat sebelum sebarang keputusan itu akan dibuat.

- b) Kerajaan Negeri tidak pernah mengenakan kuota untuk program JOM Shopping. Ia adalah berdasarkan siapa yang dahulu didaftarkan akan dipanggil terlebih dahulu dan seterusnya.

Namun apabila berlaku pembubaran Dewan Negeri Selangor pada bulan Mei 2013 yang lalu, tanggungjawab Pusat Khidmat Masyarakat telah dengan sendirinya termansuh. Ini bermakna, mereka tidak lagi boleh mewakili Kerajaan Negeri bagi melaksanakan program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Tanggungjawab ini telah dipindahkan kepada Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (anak syarikat MBI). Bagi memudahkan lagi pemantauan ketika PRU13 ini, had 300 peserta telah diberikan kepada setiap Ahli Dewan Negeri sebagaimana yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 4/2013 yang lalu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PEMILIKAN GERAN TANAH PERSENDIRIAN

52. Manifesto PRU-13 Pakatan mahu meningkatkan kecekapan memproses urusan milikan tanah dengan tawaran Pemilikan Geran Tanah Persendirian.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah proses urusan milikan tanah sekarang
- b) Bagaimanakah mekanisme peningkatan kecekapan dilakukan?
- c) Apakah insentif bagi tawaran pemilikan geran tanah persendirian?

JAWAPAN :

- a)
 - i. Dasar Kerajaan Negeri masa kini adalah memberimilik tanah kepada individu yang telah mengusahakan tanah tersebut dan bagi rumah kediaman, pemberimilikan tanah adalah kepada individu yang telah membina rumah dan mendudukinya mengikut Pekeliling PTGS Bil.6/2011.
 - ii. Mengikut Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 3/2013, kelulusan permohonan bagi Lesen Penduduk Sementara hanya diberi kepada pemohon bagi tempoh setahun bagi tahun 2013 sahaja.
- b) Pejabat Tanah Daerah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi menyelesaikan permohonan-permohonan tanah di peringkat daerah seminggu sekali bergantung kepada permohonan sebelum mengangkat permohonan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
- c) Insentif bagi tawaran pemilikan geran tanah persendirian sebagaimana yang di nyatakan dalam Pekeliling PTGS 6/2011 bagi tujuan kediaman adalah bayaran premium secara pilihan RM 1,000 atau potongan 30% dari jumlah premium jika dijelaskan dalam tempoh 6 bulan bagi rumah kediaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)**

TAJUK: PROGRAM ZON BERSIH

53. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- Sila menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan dalam Program Zon Bersih melalui PBT masing-masing sejak ia di perkenalkan,
 - Adakah Kerajaan Negeri bercadang memperluaskan Program Zon Bersih ke semua kampung-kampung di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- Untuk makluman, Kerajaan Negeri mula memperkenalkan Program Zon Bersih sejak tahun 2010 sehingga 2013 dan telah menyalurkan sejumlah RM4,800,000.00 kepada semua PBT bagi tujuan pelaksanaan program.
- Kerajaan Negeri buat masa ini sedang mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan Program Zon Bersih ini. Hasil kajian tersebut akan membantu Kerajaan Negeri untuk memutuskan sama ada ianya wajar diteruskan, ditambahbaik, diperluaskan atau diberhentikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : PROGRAM CERIA

54. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- Berapa banyak permohonan-permohonan yang telah dilaksanakan dan ditolak semenjak ia dilaksanakan ?
- Berapa banyak permohonan-permohonan yang di dalam senarai menunggu?

JAWAPAN :

- Sebanyak 113 permohonan telah ditawarkan mengikut fasa sehingga Mei 2013. Manakala 13 daripada 113 penerima tawaran telah menolak tawaran sekaligus digugurkan daripada senarai penerima. Status pelaksanaan bagi 100 penerima tawaran Skim CERIA adalah seperti berikut:-

Fasa	Status					Jumlah
	Siap	Dalam pelaksanaan	Proses perolehan	Proses penyelesaian isu teknikal	Proses melengkapkan surat akujanji	
I (Tahun 2011)	20	-	-	-	-	20
II (Tahun 2012)	47	4	2	3	2	58
III (Tahun 2012)	4	10	5	2	1	22
Jumlah	68	14	7	5	3	100

Setakat ini, terdapat 5 permohonan yang telah ditolak atas sebab-sebab berikut:-

- i. Pemohon **bukan** di bawah kategori kos rendah (julat harga belian pertama/daripada pemaju RM42,000.00 dan ke bawah) dan kos sederhana rendah (julat harga belian pertama/daripada pemaju : atas RM42,000.00 sehingga RM72,000.00); dan
 - ii. pangaspuri pemohon bukan terletak di Negeri Selangor.
- b) Setakat 5 Mei 2013, terdapat 99 permohonan yang diletakkan di bawah senarai menunggu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK: PEMBINAAN RUMAH DI BAWAH PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN

55. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Mohon YAB Dato' Menteri Besar nyatakan berapakah jumlah sasaran kerajaan bagi membantu membina rumah di bawah program kerajaan prihatin sepanjang 5 tahun lepas dan setakat ini berapakah jumlah yang telah dibina?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor tidak meletakkan sebarang sasaran dalam menjayakan Program Kerajaan Prihatin, memandangkan jumlah kelulusan bagi tujuan bina baru dan baik pulih rumah bergantung kepada permohonan yang diterima dan jumlah kelulusan yang dikeluarkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Bantuan Rumah Program Kerajaan Prihatin yang dibuat secara berkala. Jumlah permohonan dan kelulusan adalah berbeza bagi setiap tahun. Statistik jumlah bantuan Program Kerajaan Prihatin dari tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti dilampiran.

LAMPIRAN

JUMLAH BANTUAN PROGRAM KERAJAANPRIHATIN DARI TAHUN 2008 - 2012
MENGIKUT PECAHAN DAERAH DAN KAUM

BIL	DAERAH	2008						2009						2010						2011						2012						JUMLAH	
		BINA BARU			BAIKPULIH			BINA BARU			BAIKPULIH			BINA BARU			BAIKPULIH			BINA BARU			BAIKPULIH			BINA BARU			BAIKPULIH				
		M	C	I	M	C	I	M	C	I	M	C	I	M	C	I	M	C	I	M	C	I	M	C	I	M	C	I	M	C	I		
1	KLANG	20	-	-	10	-	-	29	-	2	13	-	-	11	1	1	8	-	1	13	-	2	12	1	-	-	-	2	-	-	-	126	
2	PETALING	7	-	-	-	-	-	15	1	-	3	-	-	4	-	-	5	-	-	2	-	1	3	-	-	2	-	1	2	-	-	46	
3	KUALA LANGAT	23	-	-	13	1	-	17	-	-	14	-	-	16	-	2	14	-	-	8	-	1	16	-	1	-	-	-	-	-	126		
4	HULU LANGAT	10	-	-	3	-	-	6	-	1	12	-	-	5	-	2	8	-	-	10	-	1	5	1	-	1	-	-	-	1	1	-	67
5	SABAK BERNAM	27	2	2	59	-	-	8	-	1	43	-	-	1	-	2	8	-	1	5	-	3	22	1	-	-	-	-	-	-	-	185	
6	KUALA SELANGOR	13	-	1	34	-	-	18	-	4	22	1	2	13	2	1	14	1	1	12	1	1	17	2	4	-	-	1	-	-	-	165	
7	GOMBAK	12	-	2	15	-	-	12	1	1	11	-	-	-	2	-	7	-	1	5	-	2	13	-	2	-	-	-	-	-	-	-	86
8	HULU SELANGOR	5	-	1	8	-	-	5	3	-	10	-	-	5	2	2	4	-	1	8	3	1	2	3	-	-	-	-	-	-	-	63	
9	SEPANG	7	-	-	10	-	1	9	-	-	13	2	-	2	-	1	11	-	-	2	2	7	-	-	-	-	-	-	-	-	67		
	JUMLAH	124	2	6	152	1	1	119	5	9	141	3	2	57	7	11	79	1	5	63	6	14	97	8	7	3	0	4	3	1	0	931	

PETUNJUK	KAUM
M	MELAYU
C	CINA
I	INDIA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: PENDIDIKAN ISLAM RENDAH

56. Pendidikan Islam penting untuk pemantapan sahsiah dan akhlak sejak kecil.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah enrolmen pelajar di Sekolah Rendah Agama JAIS, swasta dan KAFA dari 2008 hingga 2013?
- b) Nyatakan jumlah pelajar yang tidak mengikuti sistem pendidikan Islam?
- c) Bagaimanakah strategi JAIS untuk memastikan tiada keciciran pelajar?

JAWAPAN :

- a) Enrolmen pelajar di Sekolah Rendah Agama JAIS. Swasta dan KAFA dari 2008 hingga 2013 adalah seperti dalam lampiran Data pelajar

DATA PELAJAR
TAHUN 2008/ 2009/2010/2011/2012/2013
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

PRA SEKOLAH

DAERAH	BILANGAN PELAJAR						CATATAN
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	
S BERNAM	175	247	252	237	245	214	
K SELANGOR	160	132	128	135	151	152	
PETALING	117	135	176	184	171	178	
KLANG	245	276	266	236	224	237	
K LANGAT	147	127	117	115	119	125	
SEPANG	71	104	99	111	75	68	
H LANGAT	109	96	99	97	98	94	
GOMBAK	125	74	75	89	72	104	
H SELANGOR	66	60	121	131	120	61	
JUMLAH	1215	1251	1333	1335	1275	1233	
Rujuk Riten:	OGOS	NOV	OGOS	SEPT	OKT	APR	

Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain Integrasi (KAFA Integrasi)

DAERAH	BILANGAN PELAJAR						CATATAN
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	
S BERNAM	1259	1275	1206	1200	1195	1105	
K SELANGOR	6651	6877	6909	6930	6801	6120	
PETALING	28880	29983	29152	28942	28401	29124	
KLANG	6244	6475	6628	7612	8082	8407	
K LANGAT	2141	2236	2474	2570	2309	2292	
SEPANG	3302	3547	3735	3839	4023	4363	
H LANGAT	18936	19944	19814	19573	18901	19482	
GOMBAK	15010	15407	15262	16127	16031	16253	
H SELANGOR	2767	785	880	560	766	775	
JUMLAH	85190	86529	86060	87353	86509	87921	
Rujuk Riten:	OGOS	NOV	NOV	N0V.	OKT	APR	

Sekolah Rendah Agama (SRA)

DAERAH	BILANGAN PELAJAR						CATATAN
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	
S BERNAM	9312	9187	9347	9192	8910	8575	
K SELANGOR	11024	10909	10704	10611	10347	12258	
PETALING	13998	14318	14964	15330	16612	16710	
KLANG	29011	29036	29282	28911	29293	29651	
K LANGAT	13734	13795	13642	13727	13581	13522	
SEPANG	4684	5151	6019	6494	7847	8516	
H LANGAT	16360	10598	16086	16881	17245	17997	
GOMBAK	9746	9411	10006	10133	10184	10505	
H SELANGOR	7695	10598	10849	11681	11719	11702	
JUMLAH	115564	113003	120899	122960	125738	129436	
Rujuk Riten:	OGOS	NOV	NOV	OKT	OKT	APR	

Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI)

DAERAH	BILANGAN PELAJAR						CATATAN
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	
S BERNAM	880	373	363	324	254	211	
K SELANGOR	431	427	401	392	392	322	
PETALING	1982	1980	2141	2103	2079	2035	
KLANG	777	848	827	790	790	666	
K LANGAT	385	406	439	434	429	430	
SEPANG	449	433	487	490	463	434	
H LANGAT	1499	1564	1517	1455	1455	1364	
GOMBAK	1229	1253	1225	1219	601	1153	
H SELANGOR	0	0	0	0	0	0	
JUMLAH	7632	7284	7400	7207	6463	6615	
Rujuk Riten:	OGOS	NOV	OGOS	JUL	OKT	APR	

Maahad Integrasi Tahfiz Sains(MITST)

DAERAH	BILANGAN PELAJAR						CATATAN
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	
S BERNAM		0	0	0		100	
K SELANGOR		0	0	0			
PETALING		0	0	0			
KLANG		116	172	239	294	350	
K LANGAT	58	173	231	283	343	344	
SEPANG		0	0	0			
H LANGAT		0	0	0			
GOMBAK		0	0	0			
H SELANGOR		0	0	0			
JUMLAH	58	289	403	522	637	794	
Rujuk Riten:	OGOS	NOV	SEPT	OGOS	SEPT	APR	

Sekolah Agama Menengah (SAM)

DAERAH	BILANGAN PELAJAR						CATATAN
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	
S BERNAM	3363	3761	3867	3922	4035	3960	
K SELANGOR	1633	1701	1706	1737	1743	1756	
PETALING	2191	2445	2423	2370	2496	2554	
KLANG	1935	2035	2036	1925	2040	2051	
K LANGAT	1550	1777	1731	1819	1820	1799	
SEPANG	807	1320	1308	1354	1349	1301	
H LANGAT	1177	938	854	936	860	854	
GOMBAK	717	763	697	708	736	776	
H SELANGOR	1155	1045	1122	1127	1139	1248	
	14528	15785	15744	15898	16218	16299	
Rujuk Riten:	OGOS	OKT	JUL	APRIL	JUNE	JAN	

- b) Perbandingan murid Islam Di Selangor 6 – 12 Tahun (2011)

Sekolah Kebangsaan	Sekolah JAIS	Perbezaan
342,451	235,575 69% Bersekolah	106,876 31% Tidak Bersekolah Agama

- c) Strategi JAIS untuk memastikan tiada keciran pelajar adalah :
- i. Menggalakkan penubuhan kelas KAFA di masjid-masjid, surau dan Taman-taman Perumahan
 - ii. Mempermudah pendaftaran sekolah-sekolah persendirian dan swasta
 - iii. Memberi pinjaman buku teks untuk mata pelajaran Agama

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: MIGRASI BELIA DARI LUAR BANDAR KE BANDAR

57. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Migrasi belia dari luar bandar ke bandar semakin ketara, apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh Kerajaan Selangor?

JAWAPAN :

- a) Proses urbanisasi yang pesat di Malaysia adalah akibat daripada kpesatan aktiviti migrasi luar bandar ke bandar. Untuk mengawal proses urbanisasi secara berkesan, langkah mengawal migrasi ini perlu diambil. Antara langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut :-
- i) Sektor pertanian perlu dimajukan dengan memberi bantuan kewangan, bantuan nasihat dan menyatukan kawasan tanah pertanian yang sempit dalam konsep pertanian bersepadu. Kaedah moden diperkenalkan seperti menggalakkan penggunaan bijih benih yang bermutu tinggi, penggunaan jentera, baja organik, racun serangga supaya hasil pengeluaran dapat ditingkatkan. Di samping itu, pihak kerajaan juga perlu memperbaiki kemudahan infrastruktur di luar bandar. Bekalan elektrik, air, kemudahan perhubungan dan pengangkutan perlu dibina di kawasan luar bandar. Dengan kemajuan luar bandar dan meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, maka mereka tidak akan berhijrah ke bandar. Keadaan ini dapat mengawal proses urbanisasi yang pesat.
- ii) Kerajaan juga boleh mengurangkan aliran penduduk luar bandar ke bandar dengan membuka tanah-tanah baru untuk pertanian. Kawasan-kawasan pertanian baru diteroka di bawah Rancangan Pembangunan Tanah FELDA. Di bawah program ini, segala kemudahan asas disediakan di kawasan baru ini termasuk rumah kediaman, air, elektrik, jalan raya, klinik dan sekolah. Pertanian dilakukan dengan menanam tanaman jualan seperti getah dan kelapa sawit di bawah FELDA dan tenaga kerja terdiri daripada petani yang dipilih untuk menyertai program ini. Program ini telah dapat meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar dan telah berjaya mengalihkan arah aliran penduduk desa dan bandar ke kawasan-kawasan ini.

- iii) Untuk mengurangkan aliran penduduk kawasan desa boleh digalakkan untuk membangunkan dalam sektor industri desa seperti industri memproses hasil-hasil pertanian, industri kraftangan dan industri makanan. Dengan ini, kawasan luar bandar akan dimajukan. Contoh, perkembangan industri kraftangan seperti industri membuat tembikar di Sayong Perak, industri batik dan songket di Terengganu, industri barang-barang kemas perak di Kelantan.

- iv) Usaha-usaha memodenkan ekonomi luar bandar dibantu dengan pinjaman kewangan oleh kerajaan negeri serta khidmat nasihat oleh badan-badan tertentu. Dengan proses memodenkan ekonomi luar bandar, penduduk luar bandar akan terlibat dalam sektor-sektor ekonomi moden ini dan mewujudkan peluang bagi mereka untuk memajukan ekonomi diri sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PENDAPATAN NEGERI SELANGOR UNTUK PEMBANGUNAN SELANGOR

58. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- Apakah jenis pendapatan yang diperolehi kerajaan negeri? Senaraikan dan nyatakan nilai pendapatan tersebut.
 - Apakah pendapatan lain yang boleh dijana di masa akan datang?
 - Apakah usaha kerajaan negeri, memastikan kutipan cukai pendapatan daripada Selangor oleh kerajaan persekutuan dikembalikan pada kadar yang lebih tinggi berbanding sekarang?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri memperoleh 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Sehingga 31 Disember 2012, nilai pendapatan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1,954,813,072.75.

Jadual 1: Hasil Negeri Selangor Sehingga 31 Disember 2012

PERIHAL	RM
Cukai Tanah	463,523,574.70
Cukai Parit & Talair	24,858,118.56
Cukai Hasil Hutan	25,233,882.47
Royalti Air	0.00
Cukai Hiburan	39,481,564.49
JUMLAH HASIL CUKAI	553,097,140.22
Bayaran Pendaftaran, Lesen dan Permit	58,543,173.33
Perkhidmatan Dan Bayaran	118,915,464.29
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	873,179,926.16
Sewaan	6,151,465.14
Keuntungan Pembiayaan Dan	60,132,980.62

Perolehan	
Denda dan Hukuman	17,733,696.12
Sumbangan Dan Bayaran Ganti	12,000,000.00
JUMLAH HASIL BUKAN CUKAI	1,146,656,705.66
Pulang Balik Perbelanjaan	19,932,499.87
Terimaan Daripada lain Agensi Kerajaan	235,126,727.00
JUMLAH TERIMAAN BUKAN HASIL	255,059,226.87
JUMLAH HASIL	1,954,813,072.75

- b) Hasil yang diterima adalah hasil tradisi kepada Kerajaan Negeri dan tiada pendapatan lain yang dijangka boleh dijana di masa akan datang.
- c) Bagi memastikan Pemberian Kerajaan Persekutuan dipertingkatkan untuk masa-masa hadapan, Pentadbiran ini telah mengambil beberapa inisiatif di antaranya dengan mengangkat kertas cadangan ke Majlis Kewangan Negara (MKewN) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Bagi tahun 2013, Pentadbiran ini telah mengangkat 2 Kertas Cadangan iaitu:-
 - i) Kertas Cadangan Penarikan Pengecualian Cukai Hiburan Bagi Taman Tema Di Malaysia; dan
 - ii) Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan Kerajaan Persekutuan Bagi Membaiayai Bantuan Am Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : KAFA MENENGAH

59. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Bila dan di manakah Kerajaan Negeri akan membina sebuah KAFA Menengah?
 - b) Berapakah kos keseluruhan yang akan dibelanjakan?
 - c) Apakah syarat-syarat kemasukan pelajar ke sekolah tersebut?

JAWAPAN :

- a) Dicadangkan KAFA Menengah akan dilaksanakan di Sekolah-sekolah berikut mulai tahun 2014
 - i. SRA. Bukit Sentosa Fasa 1, Hulu Selangor,
 - ii. SRA. Bandar Tasik Puteri, Gombak
 - iii. SRA. Saujana Utama, Kuala Selangor
 - iv. SRA. Jalan Kebun, Klang
 - v. SRA. Bandar Bukit Puchong, Sepang
 - vi. SRA. Medan Harun, Petaling
 - vii. SRA. Kampung Medan, Kuala Langat
 - viii. SRA. Pandan Indah, Hulu Langat
- b) Anggaran kos peruntukan tambahan yang diperlukan untuk operasi KAFA Menengah adalah sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Empat Puluh Sembilan Ribu Enam Ratus (RM249,600.00) setahun untuk membayar elauan tenaga pengajar menggunakan peruntukan melantik Guru KAFA sedia ada.
(2 orang guru X 3 sekolah x RM 1300 X 12 Bulan = RM 249,600.00)
- c) Kemasukan pelajar ke KAFA Menengah terbuka kepada :-
 - i. Calon-calon yang telah mengikut sistem persekolahan di Sekolah Rendah Agama (SRA) / Kelas Al-Quran Fardhu Ain Integrasi (KAFAI) Berumur 13 tahun untuk tingkatan 1

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PUSAT HIBURAN

60. Didapati kewujudan banyak pusat-pusat hiburan; rumah urut, pusat siber dan lain-lain sama ada beroperasi secara sah atau haram di kawasan tadbiran PBT.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan statistik jumlah pusat hiburan dan jenisnya mengikut PBT dari tahun 2008 hingga 2013?
- Apakah kaedah untuk membanteras pertambahan pusat hiburan sama ada yang sah atau haram?
- Apakah peranan agensi-agensi kerajaan berkaitan bagi membendung gejala sosial yang dikhuatiri berlaku hasil daripada pertambahan pusat hiburan ini?

JAWAPAN :

- Berikut adalah statistik pusat hiburan mengikut jenis di setiap PBT dari tahun 2008 hingga tahun 2013 :

BIL.	PBT	JENIS PUSAT HIBURAN	STATISTIK PUSAT HIBURAN					
			2008	2009	2010	2011	2012	2013
1.	MBSA	Pusat bowling	1	-	-	-	1	-
		Karaoke	1	1	1	1	-	2
		Pusat hiburan keluarga	-	2	1	-	-	1
		Live band	-	-	1	1	-	3
		Pusat permainan kanak-kanak	-	-	1	3	1	-
		Snuker	-	-	1	1	-	-
		Pool	-	-	1	1	1	2
		Taman tema salji	-	-	-	1	-	-
		Pipe music	-	-	-	1	-	2
		Panggung wayang	-	-	-	-	2	-

BIL.	PBT	JENIS PUSAT HIBURAN	STATISTIK PUSAT HIBURAN					
			2008	2009	2010	2011	2012	2013
2.	MBPJ	Dj music	-	-	-	-	-	2
		lounge	-	-	-	-	-	1
		JUMLAH	2	3	6	9	5	13
3.	MPK	Pusat hiburan AM	59	52	47	46	69	100
		Snooker & Pool	36	30	52	28	32	43
		JUMLAH	95	82	99	74	101	143
4.	MPAJ	Karaoke	6	6	6	7	7	10
		Pub	2	2	2	2	2	3
		Lounge	43	43	42	44	35	50
		Kelab Malam	1	1	1	1	1	1
		JUMLAH	147	134	150	128	146	207
5.	MPSJ	Pub	24	26	32	34	35	35
		Disko	3	5	4	4	1	1
		Karaoke	8	11	12	12	13	13
		Kiosk karaoke	5	6	5	5	5	5
		Snuker/pool/fussball	8	13	17	16	18	18
		Live band / pipe muzik	41	93	49	47	55	55
		Pusat hiburan keluarga	15	16	18	18	19	22
		Pawagam	4	5	5	5	6	6
		Boling	6	6	6	6	6	6
		Taman tema	1	1	1	1	1	1
		Kelab / rumah awam	5	5	5	5	5	5
		Juke box	-	-	-	-	1	1

BIL.	PBT	JENIS PUSAT HIBURAN	STATISTIK PUSAT HIBURAN					
			2008	2009	2010	2011	2012	2013
		JUMLAH	120	187	154	153	165	168
6.	MPS		38	44	49	58	63	72
	JUMLAH		38	44	49	58	63	72
7.	MPKj	Pusat hiburan keluarga	9	7	10	9	9	10
		Pub	8	13	8	8	8	8
		Snuker	3	6	4	4	3	3
		Karaoke	13	9	10	11	13	11
		Pawagam	2	2	2	2	2	2
		Kiosk karaoke	2	3	2	3	2	0
	JUMLAH		37	40	36	37	37	34
8.	MPSp	Hotel						
		Pub	4	1	1	-	-	-
		Pusat Snooker						
	JUMLAH		4	1	1	-	-	-
9.	MDKL	Hiburan Awam/ Keluarga	2	2	3	2	3	2
	JUMLAH		2	2	3	2	3	2
10.	MDHS	Pusat Snooker	6					
		Pusat Karaoke	3					
		Pusat Bowling	1					
	JUMLAH		10					
11.	MDKS	TIADA MAKLUMBALAS						
12.	MDSB	Snooker	10	-	-	3	-	-
		Karaoke	5	2	-	-	-	-
	JUMLAH		15	2	-	3	-	-

- b) Kaedah untuk membanteras pertambahan pusat hiburan sama ada yang sah atau haram adalah seperti berikut:-
- i. PBT telah tidak membenarkan kelulusan lesen-lesen baru bagi rumah urut bagi mengatasi masalah.
 - ii. Melaksanakan tindakan kompaun ke atas premis – premis di atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen termasuk kepada pemilik premis.
 - iii. Melaksanakan tindakan sitaan dengan menyita peralatan seperti komputer yang berada di premis.
 - iv. Mengkaji semula syarat-syarat kelulusan lesen
 - v. Melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi – agensi kerajaan.
- c) Puan Speaker, berikut adalah peranan agensi-agensi kerajaan berkaitan bagi membendung gejala sosial yang dikhuatiri berlaku hasil daripada pertambahan pusat hiburan ini:-
- i. Polis - memastikan tiada sebarang aktiviti perjudian, pelacuran dan tidak berniaga lebih masa.
 - ii. Pejabat Kesihatan Daerah - memastikan tiada jualan minuman beralkohol yang tidak dibenarkan.
 - iii. Imigresen - memeriksa pengusaha premis tidak menggaji pekerja yang di bawah umur atau bukan warganegara yang bekerja tanpa pas & permit.
 - Seksyen 6(1)(C) Akta Imigresen 1953/63 (Akta 155) : tidak mempunyai pasport
 - Peraturan 17(B) & Peraturan 11(7)(A) Peraturan-peraturan Imigresen 1963 – pekerja bukan warganegara tanpa pas & permit kerja.
 - Jabatan Agama Islam - memastikan premis tidak membuat sebarang aktiviti bercanggah dengan ajaran agama.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK: PELANCONGAN

61. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan sektor pelancongan di Hulu Selangor dan DUN Kuala Kubu Baharu.
 - Nyatakan peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan untuk menaik taraf dan juga membaiki tapak-tapak pelancongan di Kerling dan Kuala Kubu Bharu pada tahun ini.

JAWAPAN :

- Beberapa perancangan telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri khususnya melalui UPEN dan Tourism Selangor Sdn.Bhd. (TSSB). Melalui UPEN Selangor, Kerajaan Negeri akan membuat perancangan bagi pelancongan warisan. Perancangan tersebut adalah untuk menjadikan kawasan di bandar Kuala Kubu Baharu sebagai “Warisan Bandar Taman”. Antara program-program yang akan dilaksanakan bagi pembangunan sektor pelancongan di Hulu Selangor adalah seperti program Wings of KKB – Genting (Selangor Bird Race), Fun Ride to KKB – Genting (Program Berbasikal) dan juga untuk mewujudkan Tourist Information Centre (TIC).
- Bagi tahun 2013, Kerajaan Negeri tidak menyalurkan peruntukan untuk menaiktaraf dan juga membaiki kawasan tapak pelancongan di Kerling Kuala Kubu Baharu. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui pihak UPEN telahpun menyalurkan peruntukan bagi kawasan rekreasi Sungai Kedondong iaitu membaikpulih gazebo dan juga tapak perkhemahan. Peruntukan yang disalurkan melalui Majlis Daerah Hulu Selangor adalah berjumlah RM50,000.00 (Lima Puluh Ribu Sahaja).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: PROGRAM PEMBANGUNAN SEMULA RUMAH-RUMAH RAKYAT
YANG TELAH USANG(URBAN RENEWAL)**

62. Terdapat rumah-rumah rakyat kos rendah yang telah terlalu usang; sebahagiannya merupakan rumah satu bilik atau dua bilik yang tidak lagi sesuai untuk didiami.

Bertanya kepada Y.AB. Dato' Menteri Besar:-.

- a) Berapa banyakkah projek-projek rumah kos rendah yang telah melebihi 25 tahun yang terdapat di Negeri Selangor?
- b) Berapa jumlah unit rumah kos rendah satu bilik dan dua bilik yang melebihi 25 tahun?
- c) Apakah rancangan kerajaan Negeri untuk membina semula rumah-rumah kos rendah yang usang ini?

JAWAPAN:

- a) Projek-projek rumah kos rendah yang melebihi usia 25 tahun yang telah dibina oleh PKNS adalah sebanyak 33,198 unit rumah.
- b) Projek-projek rumah kos rendah satu bilik dan dua bilik yang melebihi usia 25 tahun adalah sebanyak 33,198 di mana unit rumah yang mempunyai 1 bilik adalah sebanyak 2,699 unit dan rumah yang mempunyai 2 bilik adalah sebanyak 30,499 unit. Perincian adalah seperti Lampiran A.
- c) Kerajaan negeri di bawah program *urban redevelopment* telah mengenalpasti banyak pangsapuri-pangsapuri yang usang perlu dibangunkan semula. Oleh itu, PKNS telah mengenalpasti projek pembangunan semula seperti:

Bil	Projek	Status
1	Datum Jelatek	Dalam perlaksanaan dan dijangka projek dimulakan pada awal tahun 2014 dan dijangka siap pada tahun 2018
2	Rumah Pangsa Seksyen 17, Petaling Jaya	
3	Rumah Pangsa Seksyen 16, Petaling Jaya	
4	Rumah Pangsa Jalan Kuching, Kuala Lumpur	Dalam peringkat kajian
5	Rumah Pangsa Kampung Baru, Kuala Lumpur	
6	Rumah Pangsa Jln Enggang, AU2, Keramat	

LAMPIRAN A: PERUMAHAN KOS RENDAH YANG MEMPUNYAI 1 BILIK DAN 2 BILIK YANG MELEBIHI 25 TAHUN

BIL	PERUMAHAN	KAWASAN / DAERAH	TAHUN DI BINA	BIL. BILIK		JUMLAH
				1 BILIK	2 BILIK	
1	Rumah sesebuah (Papan) Lembah Jaya Pkt. 1	Ampang	1965		77	77
2	Rumah teres 1 tkt. Ampang Ulu Klang (AJ)Pkt. 1	Ampang	1966		140	140
3	Rumah sesebuah (Papan) Lembah Jaya Pkt. 2	Ampang	1966		241	241
4	Pinjaman Melayu Ampang Jaya	Ampang	1970		20	20
5	Rumah teres 1 blk di Bl. 8, Ulu Klang	Ampang	1978		262	262
6	Rumah pangsa lama Taman Keramat AU2 K.L.	Ampang	1980	400	288	688
7	LRMD Kg. Melaiyu Ampang Pkt 1 & 2.	Ampang	1982		192	192
8	LRMD Kg. Tasek, Ampang	Ampang	1983		208	208
9	LRMD Kg. Tasek, Ampang	Ampang	1984		308	308
10	Pangsapuri 5 tkt. ALJ3/1 Ulu Klang	Ampang	1985		820	820
11	Pangsapuri 5 tkt. ALJ3/10 Ulu Klang	Ampang	1985		220	220
12	LRMD di Kg. Tasek, Ampang	Ampang	1985		44	44
13	Rumah teres 1 tkt. di Seksyen 1, Bangi	Bangi	1978		233	233
14	Rumah teres 1 tkt. (Jenis A) Seksyen 1, Bangi	Bangi	1979		77	77
15	LRMD di Ladang West Country, Seksyen 5, Bangi	Bangi	1987		276	276
16	Pangsapuri 5 tkt.(Jubilee Perak) Seksyen 4, Bangi	Bangi	1988		488	488
17	Rumah teres Telok Datuk Banting	Banting	1981		78	78
18	Rumah Teres Murah di Rawang Batu 16 Peringkat 1	Gombak	1977		58	58
19	Rumah Teres Murah di Kuang	Gombak	1978		26	26
20	Rumah Teres Murah di Batu 16, Rawang 1A & 1B	Gombak	1981		148	148
22	Pinjaman Melayu Kajang	Kajang	1970		16	16
23	Rumah Teres Murah di Kg Idaman Peringkat 1	Klang	1975		101	101
24	Rumah Teres Murah di Jalan Meru 2	Klang	1976		100	100
25	Rumah Teres Murah di Kg Idaman Peringkat 2A	Klang	1977		58	58
26	Rumah Teres Murah di Batu 4 1/2, Jalan Kapar	Klang	1979		73	73
27	Rumah Teres Murah di Batu 12, Jalan Kapar	Klang	1981		46	46
28	Rumah Teres Murah di Kg Pendamar	Klang	1981		107	107
29	Rumah Teres Murah di Kg Idaman 2B	Klang	1981		57	57
30	Rumah Teres Murah di Kg Idaman 2C	Klang	1984		271	271
31	Rumah Teres Murah di Batu 12, Jalan Kapar Tambahan	Klang	1985		59	59
32	Rumah Teres Murah di Meru 4	Klang	1985		201	201
33	Rumah Teres Murah di Golden Hope	Klang	1986		310	310
34	Rumah Teres Murah di Batu Belah	Klang	1987		200	200
35	Pandamaran Phase 1, Pelabuhan Klang	Klang	1968		458	458
36	Pinjaman Melayu, Klang	Klang	1969		4	4
37	Kampung Kuantan Klang, Pkt. 1	Klang	1970		257	257
38	Pinjaman Melayu, Klang	Klang	1970		4	4
39	Pandamaran , Pelabuhan Klang Pkt. 11	Klang	1971		352	352
40	Pandamaran Pelabuhan Klang Pkt. 4	Klang	1974		137	137
41	Teres 1 tkt pkt. 3 & 4, Pandamaran	Klang	1976		365	365
42	LRMD Pandamaran Jaya	Klang	1985		495	495
43	Rumah Teres Murah di Telok Panglima Garang 1	Kuala Langat	1973		43	43
44	Rumah Teres Murah di Jalan Raba Banting Peringkat 1	Kuala Langat	1975		128	128
45	Rumah Teres Murah di Sg Jarum Peringkat 1	Kuala Langat	1975		81	81
46	Rumah Teres Murah di Telok Panglima Garang 2	Kuala Langat	1978		87	87
47	Rumah Teres Murah di Banting Jalan Raba Peringkat 2A	Kuala Langat	1978		82	82
48	Rumah Teres Murah di Sg Manggis 1	Kuala Langat	1979		110	110
49	Rumah Teres Murah di Jalan Raba Banting 2B	Kuala Langat	1979		82	82
50	Rumah Teres Murah di Sg Jarum 3	Kuala Langat	1981		83	83
51	Rumah Teres Murah di Sg Manggis Tambahan	Kuala Langat	1981		135	135
52	Rumah Teres Murah di Kg Cantik Juagra	Kuala Langat	1983		149	149
53	Rumah Teres Murah di Kg Permatang Pasir	Kuala Langat	1985		99	99
54	Rumah Teres Murah di Tanjung Sepat	Kuala Langat	1985		153	153
55	Rumah Teres Murah di Telok Panglima Garang	Kuala Langat	1987		205	205
56	Rumah Teres Murah di Kg Sg Rambai	Kuala Langat	1987		230	230
57	Rumah Pangsa Kg. Baru, Sg. Baru, K.L	Kuala Lumpur	1966		22	22

58	Kg. Bahru, Phase 1, Kuala Lumpur	Kuala Lumpur	1969		105	105
59	Pinjaman Melayu Kg. Sri Delima	Kuala Lumpur	1970		14	14
60	Rumah pangsa Jalan Tun Razak, K.Lumpur	Kuala Lumpur	1971		13	13
61	Rumah pangsa lama Jalan Sg. Baru, Kg. Baru K.L.	Kuala Lumpur	1972	80	184	264
62	Rumah pangsa (17 lkt) Kg. Kerinch K.Lumpur	Kuala Lumpur	1974		176	176
63	Rumah pangsa lama Jln. Tun Razak, K.L	Kuala Lumpur	1975	182	72	254
64	Rumah pangsa Jalan Kuching, K.Lumpur	Kuala Lumpur	1975		13	13
65	Rumah pangsa Jalan Kuching, Kuala Lumpur	Kuala Lumpur	1978	554	24	578
66	Jalan Kuching, Kuala Lumpur	Kuala Lumpur	1980		139	139
67	Rumah Pangsa Pusat Bandar Datuk Keramat K.L	Kuala Lumpur	1980		108	108
68	Rumah pangsa lama (4 lkt) Kg. Kerinch, K. Lumpur	Kuala Lumpur	1980	449	3	452
69	LRMD Bengkel Mara Utara Pkt. 1 K.Lumpur	Kuala Lumpur	1983		209	209
70	Rumah Teres Murah di Sekinchan	Kuala Selangor	1975		50	50
71	Rumah Teres Murah di Kuala Selangor Peringkat 1	Kuala Selangor	1975		60	60
72	Rumah Teres Murah di Pasir Penambang 1	Kuala Selangor	1977		55	55
73	Rumah Teres Murah di Jeram 1	Kuala Selangor	1980		72	72
74	Rumah Teres Murah di Batang Berjuntai 3 (aranan bina 3)	Kuala Selangor	1982		100	100
75	Rumah Teres Murah di Pekan Kuala Selangor 2	Kuala Selangor	1984		144	144
76	Rumah Teres Murah di Jeram 2	Kuala Selangor	1984		130	130
77	Rumah Teres Murah di Kg Kuantan	Kuala Selangor	1986		120	120
78	Rumah Teres Murah di Ijok (Kg Baru)	Kuala Selangor	1987		171	171
79	Rumah Teres Murah di Bukit Badong	Kuala Selangor	1987		121	121
80	Rumah Teres Murah di Batang Berjuntai 3	Kuala Selangor	1988		178	178
81	Rumah Teres Murah di Sri Kembangan	Petaling	1979		837	837
82	Rumah Teres Murah di Paya Jaras	Petaling	1981		102	102
83	Rumah Teres Murah di Kg Subang 1A dan 18	Petaling	1981		281	281
84	Rumah Teres Murah di Batu 13 1/2, Puchong	Petaling	1981		92	92
85	Rumah Teres Murah di Kg Kayu Ara (Rumah Panjang)	Petaling	1982		100	100
86	Rumah Teres Murah di Puchong Batu 13 1/2	Petaling	1983		176	176
87	Rumah Teres Murah di Seksyen 17, Petaling Jaya	Petaling	1985		198	198
88	Rumah Teres Murah di Kg Subang 2	Petaling	1987		131	131
89	Rumah Teres Murah di Kg Sg Kayu Ara	Petaling	1987		131	131
90	Rumah Teres Murah di Sri Kembangan	Petaling Jaya	1979		837	837
91	Rumah Teres Murah di Paya Jaras	Petaling Jaya	1981		102	102
92	Rumah Teres Murah di Kg Subang 1A dan 18	Petaling Jaya	1981		281	281
93	Rumah Teres Murah di Batu 13 1/2, Puchong	Petaling Jaya	1981		92	92
94	Rumah Teres Murah di Kg Kayu Ara (Rumah Panjang)	Petaling Jaya	1982		100	100
95	Rumah Teres Murah di Puchong Batu 13 1/2	Petaling Jaya	1983		176	176
96	Rumah Teres Murah di Seksyen 17, Padang Jaya	Petaling Jaya	1985		198	198
97	Rumah Teres Murah di Kg Subang 2	Petaling Jaya	1987		131	131
98	Rumah Teres Murah di Kg Sg Kayu Ara	Petaling Jaya	1987		131	131
99	Seksyen 14, Petaling Jaya, Pkt. 1	Petaling Jaya	1963		96	96
100	Seksyen 14, Petaling Jaya, Pkt. 2	Petaling Jaya	1963		79	79
101	Rumah deret 1 lkt di Seksyen 8, Petaling Jaya	Petaling Jaya	1964		4	4
102	Seksyen 14, Petaling Jaya, Pkt. 5	Petaling Jaya	1965		102	102
103	Seksyen 14, Petaling Jaya, Pkt. 6	Petaling Jaya	1965		135	135
104	Seksyen 14, Petaling Jaya, Pkt. 8	Petaling Jaya	1966		67	67
105	Sg. Way, Pkt. 1, Petaling Jaya	Petaling Jaya	1967		163	163
106	Rumah Pangsa Seksyen 17, Petaling Jaya	Petaling Jaya	1967		12	12
107	Seksyen 51A, Petaling Jaya, Pkt. 11	Petaling Jaya	1968		157	157
108	Seksyen 51A, Petaling Jaya, Pkt. 12	Petaling Jaya	1968		167	167
109	Seksyen 8, Petaling Jaya	Petaling Jaya	1968		76	76
110	Sg. Way, Pkt. 2, Petaling Jaya	Petaling Jaya	1968		7	7
111	Seksyen 14, Petaling Jaya, Pkt. 6	Petaling Jaya	1969		1	1
112	Rumah teres 1 lkt. Sg. Way Pkt. 2	Petaling Jaya	1970		266	266
113	Rumah pangsa lama Seksyen 17, Petaling Jaya, Pkt. 1	Petaling Jaya	1971		320	320
114	Seksyen 51A, Petaling Jaya	Petaling Jaya	1972		2	2
115	Tapak Maha, Jalan Klang Lama	Petaling Jaya	1976		206	206
116	Seksyen 51A, Petaling Jaya	Petaling Jaya	1977		170	170

117	Rumah pangsa SS8, Petaling Jaya	Petaling Jaya	1977	556	556
118	Rumah pangsa SS3/39	Petaling Jaya	1980	520	520
119	Rumah pangsa lama Seksyen 17, P.Jaya Pkt. 2	Petaling Jaya	1980	240	240
120	Tapak Maha, Jalan Klang Lama PJS	Petaling Jaya	1981	137	137
121	LRMD Kg. Medan, Jln. Klang Lama, PJS	Petaling Jaya	1982	95	95
122	LRMD Petaling Tin, Jln. Klang Lama Pkt. 1 PJS	Petaling Jaya	1982	407	407
123	LRMD Ph. 3B, Tapak Maha, Jln. Klang Lama PJS	Petaling Jaya	1982	40	40
124	Kg. Lindungan PJS, Cluster Link	Petaling Jaya	1983	152	152
125	LRMD Petaling Ting Pkt. 2 PJS	Petaling Jaya	1983	210	210
126	LRMD Kg. Medan PJS	Petaling Jaya	1983	102	102
127	LRMD Tapak Maha, Jln. Klang Lama PJS	Petaling Jaya	1984	497	497
128	LRMD Ph. 2 Pt. 8, Tapak Maha, PJS	Petaling Jaya	1984	152	152
129	LRMD & Pangapuri Kg. Lindungan PJS	Petaling Jaya	1985	955	955
130	LRMD Kg. Medan, PJS	Petaling Jaya	1986	739	739
131	Teres 1 lkt di Seri Kembangan	Petaling Jaya	1986	190	190
132	LRMD di Jalan Klang Lama PJS	Petaling Jaya	1987	48	48
133	LRMD di Jalan Klang Lama PJS	Petaling Jaya	1987	64	64
134	LRMD di Jalan Klang Lama PJS	Petaling Jaya	1987	48	48
135	Rumah Teres Murah di Sg Besar Peringkat 1	Sabak Bernam	1975	54	54
136	Rumah Teres Murah di Sabak Bernam Peringkat 1	Sabak Bernam	1976	66	66
137	Rumah Teres Murah di Sg Besar 2	Sabak Bernam	1980	180	180
138	Rumah Teres Murah di Sabak Bernam 2 (A&B)	Sabak Bernam	1981	137	137
139	Rumah Teres Murah di Sabak Bernam 2 (A&B)	Sabak Bernam	1982	150	150
140	Rumah Teres Murah di Sg Besar 3A	Sabak Bernam	1987	130	130
141	Pinjaman Melayu, Gombak, Selayang	Selayang	1970	20	20
142	Rumah deret 1 lkt di Sg. Tua, Pkt. 1, Selayang	Selayang	1972	308	308
143	Rumah teres 1 lkt. di Sg. Tua, Pkt. 2	Selayang	1976	204	204
144	Rumah Teres Murah di Salak Tinggi	Sepang	1977	30	30
145	Rumah Teres Murah di Sungai Pelek Peringkat 2	Sepang	1978	50	50
146	Rumah Teres Murah di Tanjung Emas	Sepang	1981	56	56
147	Rumah Teres Murah di Bandar Baru Salak 1A	Sepang	1983	104	104
148	Rumah Teres Murah di Salak Tinggi 2	Sepang	1985	103	103
149	Rumah Teres Murah di Pekan Sg Pelek 2	Sepang	1985	72	72
150	Rumah Teres Murah di Salak Tinggi 2 Bhg. 3A	Sepang	1987	203	203
151	Rumah Teres Murah di Salak Tinggi 2 Bhg. 3B	Sepang	1987	94	94
152	Rumah Teres Murah di Sg Merab 2	Sepang	1987	100	100
153	LRMD Seri Kembangan, Serdang	Serdang	1984	339	339
154	Rumah pangsa di Seksyen 16, Shah Alam	Shah Alam	1970	478	448
155	Seksyen 16, Shah Alam	Shah Alam	1978	8	8
156	LRMD di Seksyen 16, Shah Alam	Shah Alam	1972	589	589
157	Rumah pangsa 5 lkt. Seksyen 2, Shah Alam	Shah Alam	1978	160	160
158	Pangsapuri 5 tkt. di Seksyen 3, Shah Alam	Shah Alam	1979	384	384
159	LRMD Seksyen 17, Shah Alam	Shah Alam	1984	182	182
160	LRMD Seksyen 19, Shah Alam	Shah Alam	1986	668	668
161	LRMD di Seksyen 19D, Shah Alam	Shah Alam	1986	458	458
162	Rumah Teres Murah di Batu 8, Ulu Langat	Hulu Langat	1973	60	60
163	Rumah Teres Murah di Sg Chua	Hulu Langat	1974	51	51
164	Rumah Teres Murah di Batu 14, Sg Kantan	Hulu Langat	1976	114	114
165	Rumah Teres Murah di Sungai Ramai Luar	Hulu Langat	1978	69	69
166	Rumah Teres Murah di Sungai Makau	Hulu Langat	1978	77	77
167	Rumah Teres Murah di Batu 9 1/2, Cheras	Hulu Langat	1978	91	91
168	Rumah Teres Murah di Kg Jambu	Hulu Langat	1979	93	93
169	Rumah Teres Murah di Batu 6, Bangi Phase 1	Hulu Langat	1980	41	41
170	Rumah Teres Murah di Kg Tasek Tambahan	Hulu Langat	1981	1006	1006
171	Rumah Teres Murah di Kg Tasek tambahan	Hulu Langat	1981	115	115
172	Rumah Teres Murah di Bangi, Batu 6 Peringkat 1	Hulu Langat	1981	64	64
173	Rumah Teres Murah di Beranang	Hulu Langat	1981	124	124
174	Rumah Teres Murah di Bukit Kundang	Hulu Langat	1981	61	61
175	Rumah Teres Murah di Kg Tasek Tambahan	Hulu Langat	1982	46	46

176	Rumah Teres Murah di Bangi Batu 1/2 Phase 1	Hulu Langat	1986		89	89
177	Rumah Teres Murah di Sg Makau 2	Hulu Langat	1987		197	197
178	Rumah Teres Murah di Kuala Kubu Baru Peringkat 1	Ulu Selangor	1973		30	30
179	Rumah Teres Murah di Sg Choh Peringkat 1	Ulu Selangor	1977		25	25
180	Rumah Teres Murah di Sungai Choh Peringkat 2	Ulu Selangor	1978		24	24
181	Rumah Teres Murah di Kalumpang Peringkat 2	Ulu Selangor	1978		24	24
182	Rumah Teres Murah di Kalumpang 1A	Ulu Selangor	1978		35	35
183	Rumah Teres Murah di Serendah	Ulu Selangor	1979		48	48
184	Rumah Teres Murah di Batang Kai Phase 1A	Ulu Selangor	1981		74	74
185	Rumah Teres Murah di Batang Kai Peringkat 1B	Ulu Selangor	1982		74	74
186	Rumah Teres Murah di Batang Kai Peringkat 3	Ulu Selangor	1984		47	47
			JUMLAH BESAR	2,699	30,499	33,198

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PREMIS HARAM MESIN JUDI

63. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Berapa banyakkah premis haram mesin judi, mesin kuda yang terdapat di Negeri Selangor dan senaraikan mengikut lokaliti pihak berkuasa tempatan.
 - Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak MPK untuk membanteras dan menutup terus premis-premis mesin kuda ini? Sejauh manakah keberkesanannya?

JAWAPAN :

- a) Berikut adalah bilangan senarai premis haram mesin judi dan mesin kuda mengikut PBT masing-masing :

BIL	PBT	JENIS PERNIAGAAN	
		MESIN JUDI	MESIN KUDA
1.	MBSA	31	
2.	MBPJ	316	
3.	MPK	-	
4.	MPAJ	TIADA MAKLUMBALAS	
5.	MPSJ	582	
6.	MPS	TIADA MAKLUMBALAS	-
7.	MPKJ	TIADA MAKLUMBALAS	
8.	MPS_P	-	-
9.	MDKL	-	-
10.	MDHS	TIADA MAKLUMBALAS	
11.	MDKS	-	-
12.	MDSB	TIADA MAKLUMBALAS	
JUMLAH		929	

b) Tindakan yang telah diambil terhadap premis haram mesin judi dan mesin kuda adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara berterusan.
- ii. Mengadakan operasi bersepadu bersama lain-lain agensi seperti pihak PDRM.
- iii. Membuat permohonan pemotongan bekalan elektrik kepada pihak Polis di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 (Akta 289).

Berikut adalah Statistik tindakan yang telah diambil bagi tempoh Januari hingga 31 Mei 2013 seperti berikut:

Bil	Bulan	Jumlah Pemeriksaan	Tindakan	
			Sita	Kompaun
1.	Januari	34	27	7
2.	Februari	19	14	1
3.	Mac	52	7	34
4.	April	18	12	-
5.	Mei	25	17	7
	Jumlah	148	77	49

Statistik permohonan pemotongan bekalan elektrik bagi tempoh Januari hingga 31 Mei 2013 seperti berikut:

- i. Bulan Jan 2013 - 26 permohonan.
 - ii. Bulan Feb 2013 - 13 permohonan.
 - iii. Bulan Mac 2013 - 6 permohonan.
 - iv. Bulan Apr 2013 - 12 permohonan.
 - v. Bulan Mei 2013 - 17 permohonan.
-
- | | |
|---------------|----------------------|
| Jumlah | 74 permohonan |
| <hr/> | |

Statistik tindakan bersama lain-lain agensi kerajaan bagi tempoh Januari hingga 31 Mei 2013 adalah seperti berikut:

- i. PDRM - 2 kali.
 - ii. Pejabat Agama Islam Klang - 3 kali.
 - iii. Agensi Anti Dadah Kebangsaan - 1 kali.
-
- | | |
|---------------|---------------|
| Jumlah | 6 kali |
| <hr/> | |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SAINS

64. Manifesto PRU-13 kerajaan negeri mahu menambah jumlah Maahad Integrasi Tahfiz Sains di Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah konsep pembelajaran di maahad ini?
- b) Bagaimanakah peruntukan kewangan untuk membina maahad ini?

JAWAPAN :

- a) Konsep pembelajaran di Maahad ini ;
 - i. Kurikulum menghafaz 30 juzuk Al-Quran , belajar sukatan Al-Azhar dan kurikulum baru Sekolah Menengah (Sains Tulin atau Teknikal)
 - ii. Pelajar berumur 13 - 17 tahun, berminat dan berkemampuan menghafaz Al-Quran. Tinggal di asrama sepenuhnya untuk mendapat Tarbiah 24 jam.
 - iii. Mengimarahkan masjid sekolah sebagai jantung kehidupan.
 - iv. Guru yang berjati diri tinggi dan sangat komited dengan Islam serta dakwahnya.
- b) Peruntukan kewangan untuk membina MITS dan masjid di Alam Impian adalah sebanyak **RM 29,000,000.00**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

**TAJUK: PERUNTUKAN GERAN SISTEM MAKLUMAT REKOD JALAN RAYA
MALAYSIA (MARRIS)**

65. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- a) Adakah kerajaan negeri akan mengamalkan kaedah baru untuk memberi peruntukan MARRIS dengan mengikut kepanjangan jalanraya dan bukan peruntukan yang tetap untuk setiap DUN?
 - b) Adakah peruntukan MARRIS yang disalurkan kepada setiap PBT akan ditambahkan dalam tahun 2013?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PASAR BARU TAMAN SRI MUDA

66. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Berikan status terkini pembinaan pasar baru di Taman Sri Muda ?
 - Bila pembinaan akan dimulakan dan jangkaan tarikh siap?
 - Berapakah anggaran kos pembinaannya dan berapakah harga sewaannya satu bulan?

JAWAPAN :

- Majlis Kerajaan Negeri Ke 5/2012 pada 8 Februari 2012 telah bersetuju agar pihak PTG Selangor mengambil tindakan untuk menyegerakan pewartaan tanah tersebut supaya MBSA dapat menyediakan perancangan pembangunan bagi tanah yang dimaksudkan dan seterusnya ditender berdasarkan kepada Gross Development Value (GDV). Peniaga dibenarkan beroperasi di tapak sedia ada sehingga bangunan pasar baru siap dibina.

Tanah tersebut telah diwartakan bagi tujuan Kawasan Tempat Letak Kereta (TLK) di atas lot 32974, Taman Sri Muda, Seksyen 25, Mukim Klang, Daerah Klang pada 23 Julai 2012.

Perbincangan dengan pemilik tanah yang baru iaitu AEH Development Sdn. Bhd. telah diadakan bagi membenarkan peniaga beroperasi di tanah milik mereka sehingga pembangunan siap memandangkan peniaga telah menduduki tanah milik mereka dan sebahagian tanah tapak kawasan tempat letak kenderaan tersebut. Pemilik telah bersetuju memberi tempoh terakhir sehingga penghujung tahun 2012 sahaja.

Pada masa ini pihak Majlis telah pun menyediakan terma rujukan (TOR) dan Pelan Bangunan Pasar Baru Taman Sri Muda. Pasar baru ini mengandungi :

- 69 unit gerai di tingkat bawah sebagai ruang pasar basah (wet market) yang menjual bahan-bahan segar seperti ikan, ayam, daging dan sayur-sayuran.
- 67 unit gerai di tingkat 1 sebagai ruang pasar kering (dry market) yang menjual barang-barang kering seperti bawang, telur dan lain-lain.
- 24 unit gerai makan di tingkat 2
- 3 tingkat Tempat Letak Kereta (TLK).

- b) Pembinaan dijangka akan dimulakan pada awal tahun 2014 dan dijangkakan siap dalam tempoh 2 tahun.
- c) Kos pembinaan dianggarkan sebanyak RM17.5 juta. Bagi menjana keuntungan *Return Of Investment* (ROI) dalam tempoh 15 tahun dengan faedah 5% harga sewaan 1 bulan. Dianggarkan sewaan sebanyak RM700.00 sehingga RM1,500.00 bagi 1 unit gerai bergantung kepada keluasan lantai yang disewakan oleh Majlis. Dijangkakan pihak Majlis akan menerima kutipan sewaan sebanyak RM131,200.00 sebulan.

**PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK: PEMBANGUNAN BELIA DAN INFRASTRUKTUR SUKAN

67. Program pembangunan belia dan infrastruktur sukan sangat penting dalam membina generasi pemimpin masa hadapan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah dan bajet dalam membangunkan infrastruktur sukan negeri dalam tempoh Mac 2008 sehingga April 2013 mengikut pecahan DUN?
- b) Berapakah jumlah dan bajet program sukan negeri Selangor dalam tempoh Mac 2008 sehingga April 2013 mengikut pecahan DUN?
- c) Apakah jenis-jenis sukan yang menjadi fokus kerajaan negeri Selangor dan apakah program yang dirangka untuknya?

JAWAPAN :

- a) Bagi meningkatkan penglibatan rakyat khususnya golongan belia terlibat dalam aktiviti sukan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM800,000.00 bagi menaik taraf dan membaik pulih kemudahan sukan.
- b) Program sukan Negeri Selangor yang telah dan sedang dijalankan adalah di peringkat daerah yang melibatkan pihak Majlis Sukan Daerah (MSD). Pada 2008, sebanyak RM15 ribu setahun diperuntukkan untuk setiap daerah sehingga tahun 2012.

Bermula pada tahun 2013, peruntukkan kepada daerah-daerah telah dinaikkan kepada RM 20 ribu kepada 5 Majlis Daerah iaitu:-

1. Majlis Daerah Petaling
2. Majlis Daerah Klang
3. Majlis Daerah Sepang dan
4. Majlis Daerah Hulu Langat dan
5. Majlis Daerah Gombak

Manakala 4 daerah selebihnya telah diperuntukkan sebanyak RM 100 ribu kepada:

1. Majlis Daerah Sabak Bernam
2. Majlis Daerah Kuala Selangor
3. Majlis Daerah Kuala Langat
4. Majlis Daerah Hulu Selangor

Peruntukan ini berdasarkan program khusus untuk daerah. Bagi 4 daerah yang mendapat peruntukan khas RM100 ribu setahun, ianya adalah untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan Sukan Daerah (PSKD).

c) Buat masa ini, jenis – jenis sukan yang menjadi fokus kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor adalah sukan – sukan yang menawarkan banyak (>10) pingat emas. Antara sukan yang disenaraikan adalah :

- Angkat berat – 32 pingat
- Sukan akuatik – 48 pingat
- Sukan olahraga – 45 pingat
- Sukan menembak 26 pingat
- Sukan memanah – 24 pingat
- Sukan gimnastik – 21 pingat
- Sukan Lumba basikal – 30 pingat
- Sukan kanu – 18 pingat

Objektif program khas ini yang ditubuhkan pada tahun 2013 adalah untuk memantapkan lagi persediaan pasukan sukan program khas secara terperinci. Antara program yang dirancangkan adalah:

1. Menyertai kejohanan yang lebih tinggi di peringkat antarabangsa sebagai pendedahan supaya atlit-atlit terpilih ini dapat mengukur tahap prestasi masing-masing dan juga menimba pengalaman yang berbeza.
2. Menjalani latihan secara intensif (harian) sepanjang tahun.
3. Menjalankan program bertindik (attachment) dengan negara-negara luar seperti pendidikan jurulatih dan latihan atlit dan termasuk juga dengan pihak universiti.
4. Kem binaan untuk memantapkan juga aspek kerohanian dan mental supaya ianya seiring dengan pencapaian fizikal dan teknikal.

Adalah menjadi harapan pihak majlis agar Program Khas ini dapat dijalankan sepanjang tahun dan mendapat sokongan padu dari pihak kerajaan negeri untuk bersama-sama membantu untuk mengejar kejuaraan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK: KEKURANGAN BEKALAN AIR

68. Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) menasihati rakyat agar berjimat menggunakan air kerana rizab air bersih terawat yang semakin berkurangan.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Nyatakan jumlah air bersih terawat dan rizab air dari tahun 2008 hingga 2013 berbanding permintaan?
- b) Apakah langkah segera untuk mengatasi masalah ini?
- c) Apakah status kelulusan perintah pembangunan loji rawatan air Langat Dua.

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan Kajian Semula Sumber Air Negara (2000-2050), dengan keluasan Negeri Selangor sebanyak 8,396 km dan taburan hujan tahunan sebanyak 2,190mm, jumlah air larian permukaan adalah sebanyak 6.38 billion meter padu setahun bersamaan dengan 17,000 juta liter sehari (JLH) setelah mengambil kira jumlah penyejatan dan susupan semula air bumi.

Di Negeri Selangor, terdapat tujuh (7) empangan utama yang membekalkan air untuk tujuan bekalan air. Sehingga hari ini, kesemua empangan di Negeri Selangor mempunyai kapasiti air untuk dirawat dan masih berada di tahap yang tidak membimbangkan.

Terdapat 34 Loji Rawatan Air di Negeri Selangor yang beroperasi untuk merawat air terawat bagi dibekalkan kepada SYABAS. Kapasiti reka bentuk 34 loji adalah sebanyak 4,606 JLH. Keupayaan pengeluaran kesemua loji ini adalah sebanyak 4,832 JLH, namun jumlah air terawat yang boleh diagihkan oleh SYABAS kepada pengguna adalah berubah-ubah seperti berikut:-

4371JLH	12 Mac 2012
4411 JLH	19 Julai 2012
4436 JLH	01 September 2012
4546 JLH	22 Januari 2013
4566 JLH	05 Mac 2013
4661JLH	01 April 2013

Manakala, purata jumlah air terawat yang dibilkan kepada pengguna setakat April 2013 adalah sebanyak 3013JLH.

SYABAS mendakwa bahawa rizab air pada ketika ini adalah di bawah 1% berdasarkan kepada pengiraan pengeluaran purata semasa loji berbanding sebanyak 4700JLH berbanding kapasiti boleh agih sebanyak 4661JLH.

Mengikut pengiraan Kerajaan Negeri Selangor, berdasarkan kepada keupayaan pengeluaran 34 Loji Rawatan Air sebanyak 4832JLH berbanding 4661 keupayaan boleh agih SYABAS, rizab air yang ada adalah dianggarkan sebanyak 3.5%.

Sekiranya dibandingkan kapasiti boleh agih sebanyak 4661 JLH dengan jumlah purata air yang dibilkan kepada pengguna sebanyak 3013JLH (mengikut rekod pada April 2013), dianggarkan sebanyak 1658JLH atau 35% air terawat hilang sebagai air tidak berhasil (NRW). Justeru itu, sekiranya masalah NRW tidak diatasi. Maka sebanyak mana jua air terawat dari mana-mana sumber yang dimasukkan ke dalam sistem agihan, sebanyak 35% akan hilang sebagai NRW sedangkan kos setiap meter padu air tersebut telah pun dikira dan ditanggung oleh pengguna dalam bentuk tarif.

- b) (jawapan ini turut menjawab sekali soalan (c) Pengurusan Air dari YB Tuan Dr Abd Rani bin Osman (Meru))

Untuk tempoh 20 tahun akan datang, dijangkakan akan berlaku pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi. Pertambahan penduduk serta pertumbuhan ekonomi yang rancak secara langsung akan mendorong kepada permintaan air bersih yang lebih tinggi manakala pembekalan air tidak berubah. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil langkah positif untuk memastikan rakyat Selangor sentiasa mendapat bekalan air yang mencukupi.

Pada ketika ini, semua data berkenaan dengan permintaan dan pembekalan air adalah dipegang oleh SYABAS. Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Jawatan Kuasa Pemantauan Air Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan memantau operasi SYABAS supaya bekalan air yang semakin menipis dari segi rizab dapat diagihkan kepada pengguna tanpa sebarang gangguan. Bagi tujuan pemantauan ini, beberapa data diperlukan dari SYABAS, namun SYABAS enggan mengemukakan data-data yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri walaupun surat telah dikeluarkan kepada SYABAS.

Oleh itu, penyelesaian menyeluruh ke atas semua masalah operasi dan pengurusan industri perkhidmatan air adalah melalui penstrukturkan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor melalui Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan operator loji pembersihan air seperti Splash, Abass dan Puncak Niaga serta agensi yang terlibat dan Suruhanjaya Air Negara (SPAN) langkah-langkah mitigasi telah dilakukan seperti berikut:

- i) Hanya melepaskan air dari empangan berdasarkan keperluan optimum loji sahaja.
- ii) Menjalin persefahaman yang mantap bagi semua pihak berkepentingan dalam mengurus sumber air supaya bekalan air bersih tidak terganggu.
- iii) Memantau paras air di muka sauk bagi memastikan kuantiti air yang dipam adalah mencukupi dan tidak memberi kesan ke atas operasi pam air mentah hingga mengakibatkan kegagalan.
- iv) Sentiasa memantau dan bertindak sewajarnya sekiranya simpanan air mencapai tahap 50%.
- v) Masyarakat umumnya senitasa diminta berjimat cermat terhadap penggunaan air sewaktu musim kemarau.

Selain itu, LUAS sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan air di Negeri Selangor turut mengambil kira beberapa langkah yang perlu di ambil sekiranya berlaku masalah air di Negeri Selangor. Salah satu penyelesaiannya adalah penggunaan **sumber air alternatif** iaitu menggunakan air permukaan seperti air tasik, lombong dan sebagainya untuk keperluan harian. Sumber air bumi juga merupakan penyelesaian terhadap kekurangan bekalan air di Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, sumber air bumi masih belum meluas penggunaannya dan perlu dikomersialkan.

Beberapa projek sumber air tambahan telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi, antaranya adalah seperti berikut:-

- i. **Loji Rawatan Air Sg Labu / KLIA Alternative Water Supply Scheme**
Projek ini dioperasikan oleh Konsortium Air Selangor Berhad (KASB) bermula pada 01 Julai 2012 dan boleh mengeluarkan air sebanyak **105 JLH**.

- ii. **Membaik pulih Kapasiti Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1 (SSP1)**

Kerja-kerja membaik pulih ini telah siap sepenuhnya pada 31 Mac 2013 dan kapasiti pengeluaran Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1 (SSP1) dapat ditingkatkan pengeluaran dari 760 JLH kepada 950 JLH, iaitu peningkatan sebanyak **190 JLH**.

- iii. **Projek Mitigasi 2**

Untuk menambah baik sistem agihan air bagi membolehkan air terawat diagihkan kepada pengguna. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2015.

Antara projek yang sedang dalam perancangan untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah:-

- 1) Kajian untuk meningkatkan sumber air mentah (yield) di Sungai Selangor dengan membangunkan Hybrid Off River Augmentation Storage (HORAS) yang mana rancanganini adalah selari dengan cadangan Kerajaan Persekutuan mengenai “Penggunaan Storm Water di hiliran sungai sebagai sumber air terawat” yang dibentangkan semasa Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara;
- 2) Projek menambah baik sistem pam air bersih ke Kolam Imbangan Bukit Mayong bagi tujuan meningkatkan kapasiti pengeluaran rumah pam tersebut bagi menampung permintaan bekalan di kawasan Klang;
- 3) Kajian mengenai keupayaan kapasiti air bawah tanah untuk digunakan sebagai sumber air melalui kaerah River Bank Filteration (RBF); dan
- 4) Mengaktifkan semula Loji Sungai Damansara (Loji Bukit Jelutong) yang terletak di Pusat bandar Shah Alam.

Selain dari pelaksanaan projek-projek, SYABAS hendaklah dipastikan dapat mengurangkan kadar NRW. Di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS, SYABAS menjanjikan penurunan NRW kepada 20% pada tahun 2011 dengan perbelanjaan sebanyak RM784.1 juta. Namun kadar NRW pada tahun 2011 yang dapat dicapai oleh pihak SYABAS adalah **melebihi 32%** dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM995.70 juta, jauh melebihi amaun yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. (Setakat April 2013, kadar NRW ditunjukkan sebanyak 35%)

Ini membuktikan bahawa walaupun SYABAS telah diberikan peruntukan yang jauh melebihi amaun yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi, namun SYABAS masih gagal untuk menurunkan NRW kepada kadar yang sepatutnya. Kegagalan tersebut telah menyebabkan negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terlepas peluang untuk mendapatkan penjimatan kira-kira 663 JLH yang sepatutnya dihasilkan dari penurunan NRW seperti dijanjikan Syabas. Kapasiti 663JLH itu adalah lebih kurang jumlah air yang dikeluarkan oleh Loji Sungai Semenyih yang dianggarkan boleh menampung keperluan 353,000 akaun atau dari bilangan orang, boleh menampung penggunaan untuk seramai 1.2 juta orang.

- c) Kelulusan Pelan Pembangunan masih ditangguhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sehingga persefahaman bersama dapat dicapai dengan Kerajaan Persekutuan mengenai penstrukturkan semula Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) supaya mempertimbangkan hasrat Kerajaan Negeri Selangor agar Kerajaan Negeri Selangor melalui anak syarikat kepentingannya diberi hak bagi perkara-perkara berikut:-

- i) pembangunan pakej utama projek Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) yang melibatkan kerja-kerja pembinaan LRAL 2; dan
- ii) pengoperasian dan penyelenggaraan Loji Rawatan Air Langat 2 diberikan kepada Kerajaan Negeri Selangor melalui anak syarikat kepentingannya.

Hasrat Kerajaan Negeri Selangor di atas adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- 1) Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sejumlah 443 ekar tanah milik Kerajaan Negeri daripada 990 ekar keseluruhan tanah untuk pembinaan Skim LRAL 2 tanpa sebarang balasan;
- 2) Kerajaan Negeri Selangor adalah pihak yang telah menandatangani Perjanjian Jual Beli Air Mentah dengan Kerajaan Negeri Pahang dan segala bayaran harga air mentah kepada Kerajaan Negeri Pahang akan dibayar oleh Kerajaan Negeri Selangor;
- 3) Lesen Air Mentah akan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor; dan
- 4) Terdapat keputusan Jemaah Menteri pada 16/1/2008 yang menyatakan persetujuan Kerajaan Persekutuan untuk KDEB dilantik sebagai Syarikat Pengendali dan Penyelenggaraan (O & M) LRAL 2 setelah ia siap di bina.

Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa Projek LRA 2 dan Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor hendaklah dibincangkan bersekali supaya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mencapai persefahaman di dalam memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Berapakah jumlah unit Rumah Mampu Milik yang telah dibina oleh kerajaan dan nyatakan lokasinya.
 - Berapakah jumlah unit yang akan dibina pada 5 tahun yang akan datang dan berapa unit yang dicadangkan di kawasan Balakong?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Y.B, konsep perumahan mampu milik mula diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada Tahun 2011. Sehingga kini, hanya terdapat dua projek perumahan mampu milik sahaja yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) iaitu Bukit Botak di Selayang dan Seksyen 3 di Bandar Baru Bangi.

Untuk makluman Y.B juga, projek perumahan mampu milik Bukit Botak, Selayang mempunyai 1,422 unit dengan harga jualan RM99,000 seunit berkeluasan 850 kaki persegi hingga 2,200 kaki persegi. Bagi projek di Seksyen 3 Bandar Baru Bangi pula, jumlah unit yang dibina adalah 124 unit berkeluasan di antara 700 hingga 800 kaki persegi dan dijual pada harga RM60,000 hingga RM90,000 seunit.

- b) Untuk makluman Y.B, Kerajaan Negeri bersama-sama beberapa pemaju swasta telah membuat perancangan yang komprehensif mengenai keperluan perumahan mampu milik dalam usaha untuk memastikan rakyat Selangor mampu memiliki rumah idaman mereka. Oleh itu, pembinaan rumah mampu milik bukan hanya terhad kepada pihak kerajaan sahaja malah pihak swasta juga turut dipertanggungjawabkan.

Untuk makluman Y.B juga, Kerajaan Negeri melalui PKNS dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) telah mensasarkan pembinaan rumah mampu milik sebanyak 11,356 unit menjelang tahun 2021. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan 24 projek kepada pihak pemaju swasta untuk membina rumah mampu milik. Walaubagaimanapun, jumlah unit yang perlu dibina tidak dapat dikemukakan disebabkan pemaju belum mengemukakan pelan cadangan pembangunan serta pelan Kebenaran Merancang kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan khusus bagi penyediaan rumah mampu milik di kawasan Balakong. Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pentadbir Tanah Daerah (PTD) ketika ini masih lagi dalam proses untuk mengenalpasti tanah-tanah milik Kerajaan Negeri yang strategik untuk dibangunkan dengan Projek Perumahan Mampu Milik Selangor.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PROJEK PEMBERSIHAN DAN PEMBANGUNAN PINGGIRAN SUNGAI KLANG

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Apakah status projek pembersihan dan pembangunan pinggiran Sungai Klang dan berapakah tempoh perlaksanaannya serta jangkaan siap ?

JAWAPAN:

- Pelaksanaan keseluruhan pemuliharaan dan pembangunan Sungai Klang meliputi tempoh 30 tahun. Sehingga 2012 Kerajaan Negeri telah menyiapkan fasa kajian dan perancangan dengan penyediaan Laporan berikut:-
 - Laporan Analisis & Inventori Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang;
 - Executive Summary – Klang River Rehabilitation and Development Project;
 - Laporan Pelan Tindakan Kawasan Mengikut Keutamaan Kawasan Fasa 1 (MPK);
 - Laporan Cadangan Awal Projek – Projek Pembangunan Di Bawah Projek Pemuliharaan & Pembangunan Sungai Klang (PPPSK) Fasa 1 – MPK untuk dijadikan rujukan dan panduan tindakan di peringkat PBT.

Pada masa ini, beberapa kajian dan laporan-laporan berkaitan Sungai Klang iaitu :-

- i) Laporan Yesteryears of Sungai Klang – mendokumenkan imej-imej dan gambar masa lalu sekitar Sungai Klang;
- ii) Laporan Discharge sepanjang Sungai Klang dalam Kawasan MPK (Fasa 1) - untuk mengenalpasti dan membuat pemetaan punca-punca saliran yang mengalir ke dalam Sungai Klang serta mengenalpasti tahap dan sumber pencemaran (akan diikuti dengan kajian bagi kawasan MBSA, MPSJ dan MBPJ);

Kerajaan Negeri melalui KDEB sedang berusaha mengenal pasti pelabur-pelabur yang berminat dalam pembangunan Sungai Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

TAJUK: CAPAIAN MAKLUMAT

71. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- Sila nyatakan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan capaian maklumat di kawasan luar bandar di Negeri Selangor.
 - Sila nyatakan keberkesanan promosi pemberian wifi percuma di kawasan-kawasan luar bandar di Negeri Selangor.

JAWAPAN :

- Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi meluaskan capaian maklumat kepada rakyat Negeri Selangor adalah :
 - Menyediakan kemudahan Wifi Percuma kepada kepada rakyat

Kerajaan Negeri Selangor telah mula memberikan perkhidmatan WiFi secara percuma bermula pada tahun 2010 dengan pelaksanaan Projek WIFI atau dikenali sebagai "Wireless Selangor" ianya adalah usaha kerajaan negeri memperluaskan kemudahan wayarles jalur lebar (*internet broadband*) dan akses internet (*internet accessibility*) ke semua kawasan dalam Negeri Selangor. Perkhidmatan yang ditawarkan ini, membolehkan kemudahan capaian internet tanpa wayar ini akan dinikmati oleh rakyat Selangor dengan PERCUMA.

Berdasarkan sambutan dan penerimaan rakyat Selangor, pada tahun 2012 dengan menggunakan peruntukan Geran Selangorku, Kerajaan Negeri Selangor telah menambah lagi lokasi perkhidmatan WiFi untuk rakyat negeri Selangor sebanyak 112 lokasi di seluruh Negeri Selangor. Penambahan lokasi ini meliputi kawasan bandar dan luar bandar

- Menyediakan Pusat Siber Rakyat (PSR)

Kerajaan Negeri juga mengambil langkah bagi mengurangkan jurang capaian internet dan informasi ialah penubuhan Pusat Siber Rakyat yang dibiayai oleh Kerajaan dengan konsep menggabungkan ilmu, maklumat dan pengetahuan dengan menggunakan medium berbentuk fizikal dan digital dan menjadikan PSR untuk penyebaran ilmu ICT bagi masyarakat luar bandar. Ia juga sebagai salah satu usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan. PSR yang ditubuhkan ini juga adalah bagi meningkatkan pendidikan komputer dan mengupayakan komuniti luar

bandar mendapat akses dan menggunakan maklumat bagi meningkatkan taraf sosial dan ekonomi mereka. Beberapa program khusus juga akan dirangka dan dilaksanakan bagi melengkapkan orang kurang upaya, warga emas, pengusaha perusahaan mikro, ibu tunggal, belia dan golongan miskin di bandar dengan penggunaan perkhidmatan ICT dan seterusnya membantu peningkatan proses pembelajaran, khususnya kepada mereka yang kurang kemampuan.

PSR ini telah dilaksanakan pada tahun 2009 hingga 2011, 15 lokasi seperti berikut telah diwujudkan:-

- 1) PSR Perpustakaan Awam Bestari Jaya, Kuala Selangor
- 2) PSR Perpustakaan Klang
- 3) PSR Perpustakaan Awam Semenyih, Hulu Langat
- 4) PSR perpustakaan Desa Kampung Melayu Ampang, Gombak
- 5) PSR Sultan Abdul Samad, Banting
- 6) PSR Dewan Kempas, Seksyen 19, Shah Alam
- 7) PSR Pusat Komuniti Kampung Kuantan, Klang
- 8) PSR Perpustakaan Daerah Sabak Bernam
- 9) PSR Perpustakaan Daerah Gombak
- 10) PSR Perpustakaan Hulu Selangor, Kuala Kubu Baru
- 11) PSR Perpustakaan Pekan Dataran Sabak Bernam
- 12) PSR Perpustakaan Pekan Rawang
- 13) PSR Perpustakaan Cawangan Pelabuhan Klang
- 14) PSR Perpustakaan Pekan Sg Pelek
- 15) PSR Perpustakaan Pekan Hulu Bernam

Pada tahun ini pula lima(5) PSR lagi akan dibangunkan dan ditempatkan di Perpustakaan Desa dan Pekan iaitu:

- 1) PSR Perpustakaan Kompleks PKNS, Kuala Selangor
- 2) PSR Perpustakaan Bangi, Hulu Langat
- 3) PSR Perpustakaan pekan Sekinchan, Kuala Selangor
- 4) PSR Perpustakaan pekan Sungai Udang, Klang
- 5) PSR Perpustakaan Desa Kalumpang, Hulu Selangor

iii. Menyediakan aplikasi-aplikasi elektronik Kerajaan

Melalui kemudahan infrastruktur komunikasi yang disediakan, seperti penyediaan Wifi percuma juga, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dan menggalakkan agensi –agensi di bawahnya untuk menyedia dan membangunkan aplikasi-aplikasi kerajaan elektronik bagi mewujudkan nilai kepada masyarakat untuk mempelajari dan menguasai ICT. Kemajuan dalam Teknologi Maklumat (ICT) yang cepat dan luas, pertembungan teknologi komunikasi dan ICT dan persaingan *business* telah memberikan tekanan kepada agensi-agensi kerajaan untuk berubah dari segi bagaimana *business* atau cara kerja harus dijalankan. Dengan

itu agensi kerajaan atau organisasi di bawah kerajaan Negeri perlu peka mengguna dan mengeksplotasi ICT secara berkesan supaya kekuatan dan kemampuan organisasi dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan atau rakyat adalah lancar dan cekap.

Penggunaan aplikasi elektronik yang kian berkembang akan menjadi sebahagian cara hidup dan cara bekerja, dan rakyat perlu digalakkan untuk menggunakan aplikasi ini bagi memastikan urusan rakyat Negeri Selangor dapat dipermudahkan. Secara tidak langsung ini dapat menggalakkan rakyat menggunakan internet dalam urusan harian mereka.

- b) Beberapa kaedah dan cara mempromosikan pemberian WiFi percuma yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri. Antaranya adalah pengumuman senarai lokasi wifi percuma yang diletakkan di dalam portal rasmi Kerajaan Negeri Selangor. Pengumuman melalui media sosial seperti facebook dan twitter WiFi Selangorku juga telah diwujudkan. Maklum balas yang diterima daripada media sosial ini amat baik sekali menerusi komen-komen orang awam yang tidak sabar menanti perkhidmatan WiFi percuma ini di lokasi kediaman, tempat kerja serta institusi pendidikan mereka. Selain itu juga satu majlis perasmian yang disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Selangor telah dilaksanakan di kawasan luar bandar bagi mempromosikan perkhidmatan WiFi percuma ini kepada rakyat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : PROJEK DATUM JELATEK OLEH PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

72. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah status terkini projek berkenaan?
 - Apakah bentuk-bentuk faedah atau manfaat khusus yang diterima oleh pemilik asal premis berkenaan?
 - Apakah kerajaan negeri bercadang untuk meneruskan projek pembangunan semula seperti projek Datum Jelatek di bandar-bandar utama di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kebenaran Merancang (KM) dan Lesen Pembangunan dan Permit Pengiklanan/*Advertising Permit & Developer License* (APDL) dalam proses permohonan dan dijangka diperolehi pada akhir bulan Julai 2013.

Pelan pembangunan projek Datum Jelatek di Taman Keramat Kuala Lumpur di mana "Building Plan" telah diluluskan pada 8 Mei 2013. Penyerahan tapak kepada kontraktor telah diberikan pada 30 Mei 2013.

- b) Harga PKNS telah memperuntukkan sejumlah RM25 juta untuk bayaran pampasan kepada pemilik-pemilik asal. Pampasan yang diberikan kepada pemilik unit kediaman/rumah dan lot kedai adalah seperti berikut:

Bil	Lot	Penilaian semasa	Harga PKNS tawarkan
1	Kediaman / Rumah	RM75,000 hingga RM80,000	RM200,000 hingga RM250,000
2	Kedai	RM200,000 hingga RM250,000	RM500,000

Selain itu, pemilik-pemillik asal juga diberi pilihan untuk memiliki produk-produk harta tanah PKNS seperti Banglo, Semi-D dan Rumah Teres di Antara Gapi.

PKNS melalui Program Retail 200 akan mengenalpasti, memilih dan melatih 200 usahawan-usahawan bumiputera melalui 200 lot yang akan diwujudkan dalam projek Datum Jelatek.

PKNS juga memberikan "Yuran Kesusahan" kepada 58 penyewa bazar MPAJ iaitu sebanyak RM24,000 seunit. Selain itu, penyewa bazar MPAJ dipindahkan ke lot-lot kedai PKNS di AU3 dengan tawaran kadar sewa yang murah.

- c) Pembangunan Datum Jelatek di Pusat Bandar Keramat adalah pembangunan semula (urban redevelopment) yang dilaksanakan bersesuaian dengan keadaan setempat.

Walau bagaimanapun, konsep pembangunan semula seperti ini akan diteruskan mengikut konsep setempat dan permintaan penduduk tempatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK: PEMELIHARAN ALAM SEKITAR

73. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -
- Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menjunjung Perjanjian Cancun?
 - Sila berikan jumlah penggunaan beg plastik di Selangor sebelum dan selepas kempen "*No Plastic Bag Day*".

JAWAPAN :

- Perjanjian Cancun adalah satu perjanjian dan keputusan signifikan oleh komuniti antarabangsa untuk menangani cabaran jangka masa panjang perubahan iklim secara kolektif dan komprehensif serta bertujuan untuk mengambil tindakan konkret untuk meningkatkan tindak balas global. Perjanjian ini dibuat pada 11 Disember 2010 di Cancun, Mexico semasa persidangan 2010 United Nations Climate Change Conference.

Bagi menangani isu perubahan iklim secara bersepadu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menyediakan Dasar Perubahan Iklim Negara yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 20 November 2009. Dasar ini digubal bagi mengarusperdanakan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh Kementerian dan agensi dalam mengambil tindakan menangani isu perubahan iklim.

Dalam usaha mengurangkan emisi karbon berdasarkan intensiti karbon sehingga 40 peratus menjelang tahun 2020 berbanding tahun 2005, Kerajaan telah menyediakan kerangka atau *Road Map* yang meliputi tiga program utama iaitu, **Kecekapan Penggunaan Tenaga (Energy Efficiency - EE)**, **Tenaga Boleh Diperbaharui (Renewable Energy - RE)** dan **Pengurusan Sisa Pepejal**.

Bagi program *EE*, Kerajaan Negeri akan memberikan insentif melalui diskaun kepada Infrastructure Service Fund (ISF) untuk membangunkan bangunan hijau (Green Building).

Bagi Program *RE*, Kerajaan Negeri akan membangunkan mikro hidro di desa dan luar bandar. Salah satu tempat yang telah dibina mikro hidro berlokasi di Kg Orang Asli Tanjung Rambai Genting Peras, Hulu Langat.

Bagi pengurusan sisa pepejal pula, EXCO Kerajaan Tempatan dicadangkan untuk mengaji projek-projek ‘waste to energy’. PBT-PBT juga disyorkan untuk sertai Program SEDA. Selain daripada itu, Garis Panduan Kejiranan Hijau telah diluluskan untuk dilaksanakan di semua PBT, dan dipandu oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD).

Di samping program-program utama seperti yang telah dinyatakan, keluasan hutan Negeri juga harus dikekalkan pada tahap sekurang-kurangnya 31% daripada jumlah keluasan tanah Negara. Ini untuk menjamin penyerapan dan penyimpanan karbon dioksida secara berterusan.

Bagi usaha mengurangkan emisi karbon dalam jangka masa panjang, Kerajaan Negeri pada 3 April 2013 telah komisyenkan satu kajian yang komprehensif dan terperinci untuk menetapkan kriteria dan ukuran pengurangan Green House Gases (GHG).

- b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai data berkaitan jumlah penggunaan beg plastik di Selangor sebelum kempen ‘Hari Tanpa Beg Plastik’ diperkenalkan. Mengikut anggaran dan laporan yang diterima daripada pengusaha-pengusaha, lebih dari 5 juta beg plastik telah berjaya dikurangkan pada tahun pertama kempen ini dijalankan pada tahun 2010.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK: ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT

74. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status dan sejauh manakah Enakmen ini telah dilaksanakan terhadap agensi berkenaan?
- b) Berapa ramaikah pegawai yang telah dilatih dan ditugaskan untuk membolehkan orang awam memperoleh maklumat yang berkepentingan awam seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen?
- c) Apakah program-program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menggalakkan dan memberi informasi kepada orang awam bagi menggunakan Enakmen ini dengan sebaik mungkin?

JAWAPAN:

- a) **Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011** telah dikuatkuasakan mulai 5 Mac 2013 melalui pemberitahuan dalam Warta Sel P.U. 23 bertarikh 5 Mac 2013. Bersekali dengan penguatkuasaan Enakmen ini, dua undang-undang subsidiari di bawah Enakmen ini, iaitu **Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) (Akses Kepada Maklumat) 2012** dan **Kaedah-Kaedah Badan Maklumat Negeri (Negeri Selangor) 2012** turut berkuatkuasa pada tarikh berkenaan.

Dengan berkuatkuasanya Enakmen ini, semua “**jabatan**” iaitu mana-mana jabatan Kerajaan Negeri, kerajaan tempatan (Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan) dan mana-mana entiti yang dimiliki atau dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri (iaitu Badan-Badan Berkanun dan anak-anak syarikat kerajaan negeri) sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 2 Enakmen adalah tertakluk kepada Enakmen ini dan berkewajiban untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

- b) Seramai 41 orang pegawai dari Jabatan-Jabatan negeri, Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan negeri dan Badan-Badan Berkanun negeri telah dilantik menjadi Pegawai Maklumat bagi jabatan masing-masing. Pelantikan ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-11/2013 dan telah diwartakan dengan tarikh kuatkuasa pelantikan mulai 5 Mac 2013, iaitu tarikh kuatkuasa Enakmen. Pegawai-pegawai ini telah diberikan pendedahan dan latihan berhubung tugas-tugas Pegawai Maklumat dan peruntukan-peruntukan Enakmen melalui dua (2) siri latihan yang telah diadakan pada bulan Disember 2012 dan Mac 2013 yang lalu.

- c) Fokus utama Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor pada peringkat awal pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 adalah penyediaan infrastruktur-infrastruktur yang mencukupi dari segi perundangan, kesiapsiagaan Jabatan dan latihan pemahaman Enakmen untuk para Pegawai Maklumat.

Selepas berkuatkuasanya Enakmen ini mulai 5 Mac 2013, beberapa langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memberikan makluman mengenai Enakmen ini kepada orang ramai adalah seperti berikut:-

- i- Sidang akhbar berhubung penguatkuasaan Enakmen dan penubuhan Badan Maklumat Negeri oleh Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, YB Cik Elizabeth Wong pada 25 Mac 2013;
- ii- Makluman mengenai penguatkuasaan Enakmen serta butiran perhubungan Pegawai-Pegawai Maklumat diletakkan di laman web Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor;
- iii- Poster dan pamphlet makluman mengenai Enakmen ini akan ditampal dan diedarkan di setiap Jabatan negeri sebagai promosi dan panduan kepada orang awam; dan
- iv- Edaran pamphlet dan / atau pembukaan *booth* bagi menyebarkan maklumat mengenai Enakmen ini semasa pelaksanaan program-program anjuran Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK: PROGRAM BELIA DAN ANAK MUDA

75. Golongan belia dan anak muda adalah merupakan kelompok yang perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah peluang pekerjaan disediakan oleh anak syarikat kerajaan negeri kepada Belia?
- b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi membantu anak muda yang terhimpit dengan kos sara hidup yang tinggi seperti perlu menganggung yuran tinggi anak-anak di tadika dan taska?
- c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membina Pusat Kegiatan Belia di semua DUN?

JAWAPAN :

- a) Secara umumnya, anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor bekerjasama dalam memberi peluang pendidikan kepada Belia dalam menyediakan Latihan Teknikal yang dikendalikan oleh *Inspen International College* dan Latihan Siswazah oleh Perangsang. Usaha-usaha ini merupakan titik permulaan kepada Belia dalam membantu mereka mendapatkan peluang pekerjaan pada masa hadapan.
- b) Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah sebagaimana berikut :-
 - i) Kerajaan Negeri perlu membina tadika dan taska di bawah Jabatan masing-masing dengan peruntukan yuran bulanan adalah lebih murah berbanding dengan yuran tadika dan taska di tempat yang lain.
 - ii) Selain itu, Kerajaan Negeri juga perlu memperuntukkan insentif untuk penjagaan anak-anak di tadika dan taska.
- c) Pihak Kerajaan Negeri sememangnya bercadang dan berusaha untuk membina pusat kegiatan Belia di semua Dun di seluruh Negeri Selangor dengan cara berperingkat-peringkat. Oleh itu, Pihak Kerajaan telah membuktikan dengan membina Dataran Anak Muda di Dun Ijok, Tanjung Karang dan Meru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: PERKEMBANGAN EKONOMI

76. Selangor adalah negeri termaju dan penyumbang utama KDNK negara.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah indikator penting perkembangan ekonomi negeri 2013?
- b) Apakah pencapaian utama ekonomi Selangor sejak lima tahun pentadbiran kerajaan Pakatan?
- c) Apakah dasar dan hala tuju ekonomi negeri respons terhadap kelembapan ekonomi dunia?

JAWAPAN:

- a) Dalam menilai pertumbuhan ekonomi sesebuah negara atau negeri, indikator ekonomi makro memainkan peranan yang penting sebagai asas unjuran pencapaian keseluruhan sesebuah negeri. Mengambil kira faktor tersebut, nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri Selangor pada tahun 2012 dicatatkan sebanyak 6.1 peratus. Peratusan KDNK ini adalah berdasarkan pengiraan sektor-sektor dalam KDNK yang terdiri daripada Sektor Utama - Pertanian dan Perlombongan & Pengkuarian, Sektor Perindustrian – Pembuatan dan Pembinaan, serta Sektor Perkhidmatan – Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi, Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran, Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan, Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain.

Namun demikian, Kerajaan Negeri Selangor juga mengenal pasti bahawa keadaan sosial – ekonomi rakyat negeri Selangor juga menjadi salah satu indikator penting dalam perkembangan ekonomi Negeri dengan memberi penekanan kepada tahap keselesaan yang dinikmati oleh rakyat. Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif bagi membasmikan kemiskinan bandar dan luar bandar secara serius. Inisiatif penyediaan jaringan keselamatan (safety net) seperti bantuan memulakan perniagaan akan dapat membantu meringankan kos sara hidup yang semakin tinggi yang dialami rakyat.

- b) Kemajuan Negeri Selangor terus berkembang pesat ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi. Sejak tahun 2008, purata pertumbuhan ekonomi negeri bagi tahun sehingga 2012 adalah pada kadar 5 hingga 6%. Ini membuktikan negeri Selangor berada dalam landasan yang betul dalam menjadi pamacu kepada ekonomi Malaysia dengan menyumbangkan kadar peratusan KDNK tertinggi untuk negara Malaysia berbanding dengan negeri yang lain. Pertumbuhan KDNK Selangor bermula dari tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan peningkatan sekitar 5.0 peratus hingga 6 peratus kecuali pada tahun 2009 bilamana penguncupan ekonomi dicatatkan pada kadar -1.6% akibat ketidakstabilan ekonomi global terutama di Amerika Syarikat dan kebanyakan negara Kesatuan Eropah. Sebagai rekod, Negeri Selangor terus kekal menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia melebihi 20% dari tahun 2008 hingga 2012. Hal ini membuktikan kecekapan tadbir urus (*good governance*) dan pengurusan kewangan yang cemerlang diamalkan Kerajaan Negeri.

Pertumbuhan ekonomi negeri yang stabil dan konsisten juga didorong oleh nilai pelaburan domestik dan asing (DDI dan FDI) yang masuk ke dalam negeri Selangor. Mengikut rekod yang diberikan MIDA, sepanjang tahun 2008 hingga 2012, Selangor menduduki kedudukan pertama dari segi jumlah pelaburan masuk ke dalam negeri dengan nilai sebanyak RM50 billion sepanjang 5 tahun tersebut. Ini membuktikan bahawa Selangor terus maju berbanding terdahulu dan berbanding negeri-negeri lain.

- c) Negeri Selangor tidak terlepas dari perubahan ekonomi dunia dan negara di mana berdasarkan prestasi di peringkat nasional, KDNK Malaysia pada tahun 2009 iaitu semasa berlakunya ketidakstabilan ekonomi global terutama di Amerika Syarikat dan kebanyakan negara kesatuan Eropah adalah sebanyak -1.6 peratus menyebabkan KDNK negeri Selangor menguncup kepada -1 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Menjadi negeri termaju di Malaysia, urusan perdagangan antara Selangor dengan negara – negara ekonomi dunia yang sebelum ini rancak telah sedikit tergendala tempias dari krisis ekonomi global. Peristiwa kegawatan ekonomi global yang dialami pada awal tahun 2009 dan 2010 memberi pengalaman berharga kepada pentadbiran Kerajaan Negeri dalam menghadapi krisis ekonomi yang mungkin berlaku. Dengan pelaksanaan inisiatif dan langkah – langkah proaktif seperti penubuhan Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja Selangor, *Selangor Retrenchment Helpline* serta Pasukan Petugas Khas Pemudahcara (PEMUDAH) Selangor berjaya membawa negeri ini keluar dari krisis ekonomi global dan terus memacu pertumbuhan ekonomi negeri dengan cekap dan berjaya. Mengambil kira kejayaan daripada pengalaman tersebut, Kerajaan Negeri akan sentiasa dalam keadaan siap siaga dan bersedia bagi melaksanakan dasar – dasar serta polisi – polisi yang efektif dan berkesan bagi menghadapi sebarang krisis ekonomi global.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: PEMILIHAN AHLI MAJLIS MELALUI PILIHANRAYA DAN ELAUN AHLI MAJLIS

77. Kerajaan bercadang untuk mengadakan pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui cara pilihanraya.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan sudah menyediakan draf pelaksanaannya dan dijangkakan paling awal ianya dapat dilaksanakan?
- b) Adakah kerajaan setuju bahawa elaun bulanan Ahli Majlis adalah terlalu rendah dan ianya perlu dinaikkan mengikut peredaran masa?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sedang merangka langkah-langkah bagi melaksanakan pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk tujuan tersebut satu Rang Undang-undang Enakmen Pemilihan Ahli Majlis Tempatan sedang disediakan dan dijangka akan dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri pada tahun 2014.
- b) Kerajaan Negeri akan mengkaji sama ada elaun Ahli Majlis semasa adalah bersesuaian dan perlu dinaikkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN

78. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Berapa banyak program PeBT seluruh Selangor sehingga Mac 2013 ?
 - Nyatakan jumlah sumbangan korporat dari anak-anak syarikat kerajaan negeri untuk pembangunan belia dan sukan negeri? Sila asingkan untuk belia dan sukan ?

JAWAPAN :

- a) Jumlah keseluruhan program yang telah dijalankan di seluruh Negeri Selangor bermula Januari 2013 sehingga Mac 2013 adalah 37 program yang merangkumi kesemua Teras Belia iaitu kepimpinan, kemasyarakatan, sukan, keusahawanan, pendidikan dan seni budaya.

BIL.	PeBT	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1	MBPJ	CHAPTER TWO "THE GYPSY, THE KNIGHT & THE NUTCRACKER"	26.1.2013	Dewan Sivik MBPJ
2		KARNIVAL BELIA PETALING JAYA	3.3.2013	Seksyen 6 Kota Damansara
3		SANTAI BELIA PETALING JAYA	10.3.2013	Tmn. Dato' Hormat PJS 10
4	MBSA	REVOLUSI MANIA SELANGORKU PARLIMEN SUBANG	24.2.2013	Padang Awam, Paya Jaras
5		REVOLUSI MANIA SELANGORKU PARLIMEN KOTA RAJA	28.4.2013	Giant, Kota Kemuning
6		REVOLUSI MANIA SELANGORKU PARLIMEN SHAH ALAM	9.3.2013	Alam Avenue, Seksyen 16 Shah Alam
7	MPAJ	KARNIVAL SUKAN PeBT MPAJ	17.2.2013	Sekitar Ampang
8		KONVOI PERMOTORAN BELIA (KPB 2013) KE RUMAH - RUMAH KEBAJIKAN AMPANG JAYA	6.4.2013	Sekitar Ampang

9		KARNIVAL SANTAI BELIA (KSB 2013) SEMPENA SAMBUTAN 5 TAHUN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR "LONGGOK-LONGGOK ANAK MUDA"	7.4.2013	Tapak Pasar Malam Ukay Perdana
10	MDKL	CINTA RASUL, JOM MAULID	10.2.2013	Dataran Morib
11		FESTIVAL KEBUDAYAAN PONGGAL	23.2.2013	Pantai Morib
12		PROGRAM BELAJAR MENGGUNAKAN PARAMOTOR	23.2.2013	Pulau Indah
13		MINI OLIMPIK PeBT MDKL	30 & 31.3.13	Sekitar Kuala Langat
14	MPS	KEJOHANAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH (TERTUTUP)	24.2.2013	Tmn. Selasih & Pdg Melayu Batu Caves
13		HARI PENDIDIKAN BELIA SELANGORKU	24.2.2013	Dewan Beringin, Tmn Seri Gombak
14		MALAM KESENIAN DAN KEBUDAYAAN SELANGORKU	2.3.2013	Tmn. Selayang Utama
15	MDSB	HIMPUNAN ANAK MUDA SABAK BERNAM	17.2.2013	SBCC & BATU 40, Sabak Bernam
16		FORUM PERDANA HAL EHWAL ISLAM	2.3.2013	Dataran Tunggak 10, Sg. Besar
17		PERTANDINGAN MEMANCING PeBT MDSB	3.3.2013	Pantai Sg. Labu, Sekinchan
18		KEMBARA ILMU ANAK MUDA SELANGORKU	6.4.2013	Sg. Besar - Pantai Morib
19	MDHS	KONVOI DAN ZIARAH BELIA PeBT MDHS	9-10.3.2013	Sekitar Daerah Hulu Selangor
20		BERSANTAI BERSAMA BELIA HULU SELANGOR	30.3.2013	Kg. Asam Kumbang KKB
21		JOM MENGAIL SIAKAP	14.4.2013	Kolam Siakap Batu 30, Batang Kali
21		KEJ. KABBADI TERBUKA HULU SELANGOR	20.4.2013	Dewan Serbaguna KKB
22	MDKS	PERLAWANAN BOLA SEPAK PIALA Y.B TN. DR. AHMAD YUNUS HAIRI DAN	24.2.2013	Jln. Jepun, Tg. Karang

		KONSERT KESENIAN RAKYAT		
23		GOTONG ROYONG KECERIAAN MASJID, SEKOLAH, BALAI JKKK SERTA SANTAI ANAK MUDA	10.3.2013	Dataran Jaya Setia
24	MPKJ	KEJOHANAN FUTSAL TERTUTUP DUN BALAKONG	24.2.2013	Balakong
25		SEMENYIH WALK HUNT	3.3.2013	Pekan Semenyih
26		SANTAI BELIA BERSAMA SELEBRITI 2013	9.3.2013	Gelanggang Futsal Sg. Semungkis
27		SANTAI BERSAMA ORANG ASAL KUALA PONSON	17.2.2013	Kg. Kuala Ponson, Dusun Tua
28		EKSPRESI ANAK MUDA	17.2.2013	Stadium Bangi Sek. 15
29		SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT DUN KAJANG	16.2.2013	Masjid Batu 10, Cheras
30		ALFARABI BATTLE OF BAND	10.2.2013	Dewan Serbaguna MPK, Meru
31	MPK	FESTIVAL BELIA KLANG	10.2.2013	Dewan Orang Ramai Kg. Teluk Nipah, Pulau Indah
32		KARNIVAL MESRA SELEBRITI	24.2.2013	Pdg Masyarakat MPK, Tmn. Seri Andalas
33		PERTANDINGAN SELANGORKU FUTSAL MANIA DAN LADIES WALK HUNT	3.3.2013	Kg. Labu Lanjut Sepang
34	MPSp	PERTANDINGAN BOLA SEPAK 7 SEBELAH DAN PLAY STATION	3.3.2013	Pdg Bola Sepak, Tmn Dengkil Jaya
		JOM MENGAIL 2013	7.4.2013	Kolam Batu Menangis, Kg. Sg Merab Ulu Sepang
35		PeBT SEPANG TRACK DAY	9.3.2013	Salak Tinggi
36		MENCARI HARTA KARUN	24.2.2013	Kg. Bt 14 Puchong - Kg. Org Asli Sg Rasau Hilir Puchong
37	MPSJ	KARNIVAL SUKAN INDOOR	24.2.2013	Kompleks 3C MPSJ

- b) Tiada sumbangan kewangan korporat dari anak-anak syarikat negeri bagi pembangunan belia. Hanya pihak JAIS (Bahagian Dakwah) sahaja yang memberi sumbangan dari segi pembiayaan pembayaran penceramah bagi program-program yang dikendalikan oleh bahagian Pembangunan Belia

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: SEKOLAH AGAMA

79. Di kawasan Ampang dan Pandan terdapat tapak untuk dibina Sekolah Menengah Agama.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Di atas permintaan yang tinggi, bilakah agaknya sekolah ini akan dibina?

JAWAPAN :

- a) Tapak-tapak sekolah Agama Menengah di Ampang dan Pandan sedang dikenal pasti kesesuaianya dari segi keluasan, kedudukan dan lain . Ia akan dimasukkan dalam perancangan pembangunan Rancangan Malaysia ke Sebelas sekiranya kajian mendapati ia sesuai dan peruntukkan telah diperolehi

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)

TAJUK: PENSTRUKTURAN INDUSTRI AIR

80. Kerajaan negeri yang baru dibentuk berikrar untuk menyelesaikan masalah pengurusan industri air negeri secepat mungkin.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kerajaan negeri yakin dapat menyelesaikan walaupun gagal 5 tahun lalu?
- b) Apakah langkah dan faktor yang membolehkan masalah ini segera di atas?

JAWAPAN:

- a) Pindaan Perlembagaan pada tahun 2005 telah meletakkan air di bawah Senarai 111- Senarai Bersama. Melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Selain dari itu, Kerajaan Negeri Selangor telah menswastakan perkhidmatan bekalan air semenjak tahun 1994 dan penswastaan sepenuhnya telah dilaksanakan pada tahun 2004. Melalui penswastaan ini, Perjanjian Konsesi telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dan Syarikat Konsesi Air.

Dalam proses untuk mengambil alih semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi untuk diuruskan oleh Kerajaan Negeri sepenuhnya, ia perlu melalui proses *deprivatisation* yang akan melibatkan banyak pihak. *Deprivatisation* akan menjurus kepada penamatkan perjanjian konsesi sedia ada. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

Oleh yang demikian, dalam melaksanakan pengambilalihan semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian di mana sejumlah pampasan perlu untuk disediakan untuk dibayar kepada Pemegang Konsesi. Sekiranya Pemegang Konsesi tidak dibayar pampasan yang

setimpal, perkara ini boleh mendedahkan Kerajaan Negeri kepada tindakan undang-undang dan pada masa yang sama Kerajaan Negeri boleh dianggap bertindak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.

Pemegang Konsesi menuntut nilai pampasan yang tinggi walaupun Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membayar 12% sebagai pulangan kepada pelaburan yang dibuat serta mengambil alih semua liabiliti berkaitan air.

Keengganan Kerajaan Persekutuan untuk turut serta bersama Kerajaan Negeri di dalam rundingan pengambilalihan syarikat konsesi telah melambatkan penstrukturkan semula dimuktamadkan walaupun Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif dalam sektor air sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 3(1) Akta 655.

Memandangkan industri perkhidmatan air di Negeri Selangor semakin berada dalam keadaan yang membimbangkan baik dari segi operasi dan kewangan, Kerajaan Negeri Selangor berharap agar perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan dalam waktu yang terdekat ini dapat menyelesaikan keadaan tersebut berpaksikan kepada matlamat untuk memuktamadkan penstrukturkan semula di bawah Model Holistik dengan berlandaskan perundangan sedia ada dan mengutamakan kepentingan rakyat serta tidak merugikan mana-mana pihak yang terlibat dalam industri ini.

Berdasarkan kepada kenyataan media oleh YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air, jelas menunjukkan kesediaan Kerajaan Persekutuan untuk berbincang dan membantu Kerajaan Negeri Selangor dalam hal perkara berkaitan industri bekalan air di negeri Selangor tanpa mengambil kira fahaman politik yang ada.

- b) Sepanjang tahun 2008 hingga 2012, Kerajaan Persekutuan sentiasa menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Selangor hendaklah menyelesaikan apa-apa isu pengambilalihan syarikat konsesi air melalui transaksi komersial *willing buyer willing seller* tanpa penglibatan Kerajaan Persekutuan, walaupun tanggung jawab mengenai perkhidmatan dan bekalan air telah diletakkan bersama kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di bawah Perlembagaan Malaysia melalui pindaan Perlembagaan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) 2005 yang memindahkan perkhidmatan dan bekalan air dari Senarai Negeri kepada Senarai Bersama di bawah Senarai Perundangan, Perlembagaan Persekutuan.

Ditambah pula, Kerajaan Persekutuan hendaklah mempunyai kuasa eksekutif dalam sektor air sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 3(1) Akta WSIA yakni "Kerajaan Persekutuan hendaklah mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara yang berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan bekalan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan"

Dari peruntukan perundangan sedia ada, jelas penstruktur semula ini boleh dimuktamadkan dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri Selangor berpegang kepada kenyataan media oleh YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air, yang jelas menunjukkan kesediaan Kerajaan Persekutuan untuk berbincang dan membantu Kerajaan Negeri Selangor dalam hal perkara berkaitan industri bekalan air di negeri Selangor tanpa mengambil kira fahaman politik yang ada.

Memandangkan industri perkhidmatan air di Negeri Selangor semakin berada dalam keadaan yang membimbangkan baik dari segi operasi dan kewangan, Kerajaan Negeri Selangor berharap agar perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan dalam waktu yang terdekat ini dapat menyelesaikan masalah ini berpaksikan kepada matlamat untuk memuktamadkan penstruktur semula di bawah Model Holistik dengan berlandaskan perundangan sedia ada dan mengutamakan kepentingan rakyat serta tidak merugikan mana-mana pihak yang terlibat dalam industri ini. Apatah lagi, salah satu rasionalnya peruntukan Akta 655 dan yang merupakan kepentingan negara adalah keperluan untuk menstrukturkan semula sektor perkhidmatan air di setiap negeri menerusi pengusaha air yang holistik oleh kerajaan negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL OLEH PBT

81. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:
 - a) Sila nyatakan apakah keberkesanan pengurusan sisa pepejal yang dikendalikan sendiri oleh PBT ?
 - b) Sila nyatakan berapakah jumlah penjimatan yang dapat diperolehi oleh setiap PBT jika dibandingkan semasa pengurusan dibawah Syarikat Alam Flora ?
 - c) Sila kemukakan pendekatan-pendekatan proaktif yang dilakukan oleh pihak PBT dalam menangani permasalahan sisa pepejal.

JAWAPAN:

- a) Pengurusan sisa pepejal yang dikendalikan sendiri oleh PBT berkesan dalam mengurangkan kos yang selama ini dibayar kepada syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) dengan cara melantik secara terus syarikat-syarikat yang sebelum ini menjadi sub-kontraktor syarikat kepada AFSB. Di samping dengan pengendalian sendiri, pihak PBT juga dapat memantau kerja-kerja pengendalian sampah secara terus dan pegawai atau kakitangan PBT yang mengendalikan pengurusan sampah ini dapat mempelajari dan menangani masalah pengurusan sisa pepejal di kawasan PBT masing-masing.
- b) Jumlah penjimatan yang diperolehi PBT berbanding kendalian syarikat AFSB sebanyak **RM53,876,942.41** seperti di **Lampiran 1**.
- c) Antara langkah proaktif yang telah dijalankan oleh pihak PBT seperti:-
 - i. **Talian hotline** – aduan sampah;
 - ii. **Skuad Rayau** - mencari dan mengutip sampah;
 - iii. **Unit Flying Squad** atau **Unit Tindakan Khas** – menjalankan kerja *back-up* kutipan sampah;
 - iv. **Perjumpaan secara terus** - pihak PBT dengan kontraktor;
 - v. **Pengezonan semula** – kawasan kendalian diperkecilkan ; dan
 - vi. **Kutipan sampah dua (2) kali sehari-** kawasan pusat bandar

Lampiran 1

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	SEMASA AFSB SETAHUN (RM)	SELEPAS AFSB SETAHUN (RM)
1.	MBSA	22,402,126.68	18,909,789.28
2.	MBPJ	60,800,000.00	45,400,000.00
3.	MPSJ	28,270,000.00	20,400,000.00
4.	MPKj	23,040,000.00	16,721,847.60
5.	MPS	29,596,009.67	18,965,196.10
6.	MPK	19,075,296.96	15,135,378.00
7.	MPAJ	18,626,358.60	14,779,440.00
8.	MPSp	7,881,918.00	7,036,237.44
9.	MDKS	4,000,000.00	3,700,000.00
10.	MDSB	3,809,891.00	1,977,240.00
11.	MDHS	TIADA BERKAITAN	
12.	MDKL	3,202,744.32	3,802,274.40
JUMLAH		220,704,345.23	166,827,402.82
JUMLAH PENJIMATAN		RM53,876,942.41	

***sumber: Semua PBT, Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: DASAR PENGURUSAN TANAH NEGERI SELANGOR

82. Tawaran memiliki tanah kepada warga Selangor telah diwar-warkan sejak 2011, namun sehingga hari ini maklumat berkenaan tidak dapat diperolehi hatta di Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- Apakah status tanah yang ditawarkan?
- Apakah syarat-syarat layak untuk pemilikan tanah tersebut?

JAWAPAN :

- Pada bulan Jun 2011, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program bagi pemilikan tanah kepada warga Selangor. Program ini dilaksanakan khas kepada individu yang telah mengusahakan dan menduduki tanah tersebut sebelum 2008.

Berikut adalah jumlah hakmilik yang telah dikeluarkan mengikut pecahan daerah :

BIL	DAERAH	JUMLAH
1	Hulu Selangor	1210
2	Hulu Langat	1328
3	Kuala Selangor	307
4	Petaling	536
5	Sepang	604
6	Kuala Langat	25
7	Gombak	1213
8	Sabak Bernam	1736
9	Klang	39
JUMLAH		6998

b) Syarat-syarat kelayakan untuk pemilikan Tanah Kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman adalah seperti berikut :

- i. Individu yang telah lama menduduki Tanah Kerajaan secara haram;
- ii. Individu yang telah luput tempoh pajakan; dan

Individu yang telah menduduki dan memegang Lesen menduduki sementara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK: PERTANIAN

83. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- Mohon YAB Dato' Menteri Besar beri penjelasan apakah jenis pertanian utama di negeri Selangor yang diberi tumpuan utama?
 - berapakah jumlah bajet yang telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut?

JAWAPAN :

- Kerajaan negeri memberi fokus utama kepada projek peningkatan hasil padi, projek TKPM dan juga projek pembangunan sayur-sayuran dan juga buah-buahan di samping membantu petani yang mengusahakan tanaman lain seperti kelapa, bunga dan nurseri, herba, cendawan, umbisi dan juga nanas. Industri Asas Tani juga diberikan tumpuan untuk membanyakkan industri hiliran hasil pertanian.
- Bajet pembangunan bagi projek-projek yang dinyatakan di atas bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:

PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
Pembangunan Taman Agroteknologi	1,400,000.00
Pembangunan Tanaman Makanan	5,040,000.00
Pembangunan Tanaman Industri	300,000.00
Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan	200,000.00
Pembangunan Industri Asas Tani	1,251,000.00
Pembangunan Pertanian Bersepadu	700,000.00
Pembangunan Tanah Terbiar	250,000.00
JUMLAH	9,141,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : BANJIR KILAT HULU SELANGOR

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Senaraikan perbelanjaan Majlis Daerah Hulu Selangor untuk menyelesaikan masalah-masalah banjir kilat di dalam DUN Batang Kali dari tahun 2008 hingga 2013.
 - Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Majlis Daerah Hulu Selangor dalam menyelesaikan masalah-masalah banjir berkenaan.
 - Namakan kawasan-kawasan kerap banjir termasuk banjir kilat yang di dalam tindakan Majlis Daerah Hulu Selangor di dalam DUN Batang Kali.

JAWAPAN:

- Urus setia Dewan tidak menerima sebarang jawapan.
- Langkah-langkah yang telah diambil oleh MDHS untuk atasi banjir adalah seperti berikut :-
 - i) Kg. Sg. Masin/Kg. Genting Malek
 - akan dibuat parit monsun yang berkapasiti besar untuk bawa air dari seksyen 4 ke seksyen 2 (dilaksanakan oleh pemaju Ligamas)
 - ii) Kg. Taman Seri Batang Kali
 - Membaiki parit-parit yang rosak yang menghalang sistem saliran dan berfungsi.
- Lokasi :-
 - i) Taman Seri Batang Kali
 - ii) Bandar Utama Batang Kali
 - iii) Kg. Batu 30 Hulu Yam Lama
 - iv) Taman Seri Cahaya Batang Kali
 - v) Taman Desa Anggerik Serendah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

**TAJUK: SKIM MEMBANTERAS KEMISKINAN DAN PENYELENGGARAAN
PANGSAPURI KOS RENDAH**

85. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- Sila nyatakan skim membanteras kemiskinan yang akan dilaksanakan di DUN Teratai dalam tahun 2013-2017 dan berapakah peruntukan tahun 2013 yang telah diagihkan dan bakinya?
 - Sama ada Kerajaan Negeri bersedia untuk tubuhkan 1 unit khas pemberian lif rumah pangsapuri kos rendah memandangkan isu ini sentiasa berulang?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri dalam usaha untuk membasmi kemiskinan fokus kepada isu perumahan untuk orang miskin, penjanaan pendapatan, pendidikan dan kesihatan. Usaha ini diselaraskan bagi membantu mereka yang memerlukan dengan sasaran jangka panjang memastikan mereka dapat berdikari. Program-program yang dirancang dan dilaksanakan tidak hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan DUN yang tertentu, tetapi dilaksanakan secara menyeluruh untuk semua rakyat Negeri Selangor. Program-program tersebut adalah seperti berikut :-

1. Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin

Melalui Program Kerajaan Prihatin, bantuan rumah telah dibina dengan kos maksima sebanyak RM35,000.00 sementara itu bantuan baik pulih juga diwujudkan bagi membantu golongan sasar mendapat kemudahan tempat tinggal yang lebih selesa.

2. Program Kemahiran Teknikal

Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan Program Kemahiran Teknikal dengan kerjasama Kolej Internasional INPENS di Kuala Selangor dimana peluang melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran ini dibuka kepada seluruh pelajar miskin di Negeri Selangor untuk menyambung pengajian ke peringkat tertinggi dan ini diharap dapat mengelakkan jurang pendidikan dan masalah keciciran di kalangan pelajar terutama sekali pelajar luar bandar.

3. Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan

Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor diwujudkan bertujuan membantu golongan sasar berdikari dan menambahbaik perusahaan atau bidang tertentu yang telah diusahakan bagi menambah pendapatan sedia ada. Program ini diselaraskan dengan memberi bantuan berbentuk peralatan dan mesin kepada pemohon yang layak diberi bantuan.

4. Bantuan Kesihatan

Subsidi bagi Rawatan Haemodialisis untuk pesakit buah pinggang.

Bantuan pembelian kanta untuk pembedahan katarak.

Bantuan kos pembedahan sehingga RM2,000.00.

Derma peralatan sakit: Kerajaan Negeri menderma 1 mesin dialisis berharga RM50,000 kepada Persatuan Haemodialisis di Klang. 20 kerusi roda dan topang didermakan kepada individu yang memerlukan dengan kerjasama kerajaan negeri dan Kelab Rotary. Kerajaan negeri juga menyediakan bantuan kepada kanak-kanak yang memerlukan kerusi roda khas berharga RM2,000 hingga RM5,000 setiap satu.

5. Program Bantuan Niaga

Memberi bantuan peralatan, ruang dan peluang perniagaan khusus kepada peniaga kecil dan mereka yang berminat untuk memulakan perniagaan serta mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap bidang niaga.

Menyediakan Pakej bantuan niaga berbentuk kiosk dan produk MiMBAR Selangor kepada peserta bagi menambah pendapatan sampingan.

6. Program Microkredit

Memberi bantuan pinjaman mikrokredit **TANPA FAEDAH & CAJ PENGURUSAN** dari **RM1,000-RM5,000** dalam jangkamasa pendek iaitu selama **18 bulan**.

Program ini diwujudkan khusus untuk **PENIAGA KECIL** menambah dana perniagaan dan mestilah mampu membayar semula pinjaman mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

7. Program Bantuan Kerja

Merupakan inisiatif baru yang mengambil dasar ‘**Workfare**’ bagi membantu rakyat Selangor lebih berdikari dan dapat menjana pendapatan sampingan dengan tawaran pakej-pakej bantuan kerja yang disediakan.

8. Pakej MiMBAR Kleaner

MiMBAR Selangor menyediakan peralatan mencuci permaidani berjumlah RM9,000 kepada rakyat negeri Selangor yang menepati syarat-syarat kelayakan bagi menambahkan pendapatan sampingan. Pakej ini adalah secara berkumpulan yang terdiri daripada 3 orang. Namun jumlah pinjaman dan bayaran balik pinjaman adalah secara persendirian.

9. Program-program yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS)

LZS (MAIS) telah merangka agenda dalam membentuk asnaf yang bukan sahaja mengeluarkan diri daripada kepompong kemiskinan, tetapi juga dapat memenuhi keperluan rohani menjadi insan yang rabbani.

Secara keseluruhannya, jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk program-program pembasmian kemiskinan berpandukan pada bilangan permohonan dari DUN Teratai

- b) Berdasarkan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], hakmilik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata adalah hakmilik semua pemilik dan mereka bertanggungjawab untuk menyenggara dan mengurus bangunan pangsapuri sendiri. Namun begitu, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah pro-aktif dengan mewujudkan **Skim Bantuan Baikpulih Bangunan atau Caring Government For Residents' Improvement Aid (CERIA)** pada tahun 2010 bertujuan meningkatkan dan taraf kualiti bangunan dan persekitaran pangsapuri kos rendah dan sederhana rendah khususnya bagi kerja-kerja baikpulih lif.

Bermula tahun 2010 sehingga setakat 31 Mei 2013, butiran kawasan yang telah mendapat bantuan Skim CERIA bagi kerja baikpulih lif seperti berikut:

JUMLAH KAWASAN PANGSAPURI : 30 KAWASAN PANGSAPURI

JUMLAH UNIT LIF DIBAIKPULIH : 117 UNIT LIF

KOS BAIK PULIH : RM6,388,467.46

(RUJUK SENARAI)

BIL.	PANGSAPURI	DUN	BIL. UNIT LIF DIBAIKPULI H	JUMLAH KOS (RM)
1.	DESA MENTARI	SERI SETIA	27	557,300.00
2.	TAMAN PERMAI INDAH	PELABUHAN KLANG	8	600,000.00
3.	TAMAN AMPANG MEWAH	LEMBAH JAYA	6	480,000.00
4.	FLAT 700, PANDAN PERDANA	TERATAI	2	177,400.00
5.	SRI INTAN	LEMBAH JAYA	1	122,000.00
6.	FLORA DAMANSARA A & B	BUKIT LANJAN	4	220,000.00
7.	DESA PERANGSANG A & B	TAMAN MEDAN	2	105,830.00
8.	TAMAN MEDAN JAYA BLOK C	TAMAN MEDAN	2	20,151.00
9.	DESA MENTARI BLOK 1	SERI SETIA	2	41,240.00
10.	TAMAN SRI AMAN	KAMPUNG TUNKU	3	140,500.00
11.	MENTARI, U5	KOTA DAMANSARA	3	44,400.00
12.	MAWAR & CEMPAKA	KOTA ANGGERIK	5	392,840.00
13.	PENDAMAR 7A	PELABUHAN KLANG	2	115,000.00
14.	DAHLIA, BUKIT RAJA	KOTA ANGGERIK	2	238,200.00
15.	DESA MENTARI, BLOK 2	SERI SETIA	2	52,816.98
16.	DESA MENTARI, BLOK 3	SERI SETIA	2	54,471.98
17.	PUCHONG PERMAI, F9-F10	SERI SERDANG	1	71,500.00
18.	PUCHONG PERMAI, F5-F8	SERI SERDANG	1	74,500.00
19.	TAMAN BUKIT SEGAR, BLOK A1	TERATAI	1	66,370.00
20.	TAMAN BUKIT SEGAR, A5-A6	TERATAI	4	331,570.00
21.	PENDAMAR 7B	PELABUHAN KLANG	3	325,910.00
22.	DAHLIA & CEMPAKA, TAMAN TUN TEJA (FASA 1)	RAWANG	4	383,250.00
23.	DELIMA & KENANGA, TAMAN TUN TEJA (FASA 2)	RAWANG	4	96,200.00

24.	TAMAN BUNGA NEGARA BLOK 37-39, SEKSYEN 27	SRI MUDA	6	338,012.50
25.	HAPPY MANSION	BUKIT GASING	2	177,000.00
26.	CENGAL, TAMAN MAS	DENGKIL	2	144,500.00
27.	GOLDEN VILLA, BLOK G	SRI MUDA	2	167,850.00
28.	ANGGERIK, SERI KEMBANGAN	SERI KEMBANGAN	2	74,155.00
29.	PELANGI DAMANSARA A, B & C	BUKIT LANJAN	6	425,000.00
30.	MAWAR, TAMAN BUNGA RAYA	BATANG KALI	6	350,500.00
JUMLAH			117	6,388,467.46

Kerajaan Negeri telah menetapkan syarat kepada kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja baikpulih lif untuk mendapat perakuan daripada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan terlebih dahulu bagi memastikan lif yang telah dibaikpulih adalah selamat untuk digunakan penduduk. Seterusnya, setelah kerja-kerja baikpulih lif selesai, tanggungjawab penjagaan lif diserahkan kepada JMB/MC.

Walau bagaimanapun, faktor utama yang menyebabkan lif pangsapuri kos rendah sentiasa berlaku kerosakan dan tidak berfungsi kerana gejala vandalisme. Sehubungan dengan itu, mohon Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk turun padang ke kawasan pangsapuri berkaitan untuk bersama JMB/MC memberi pendidikan kepada penduduk-penduduk akan kepentingan tanggungjawab masing-masing dalam menjaga lif di kawasan pangsapuri mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: PERLAKSANAAN PROJEK MELALUI TAWARAN TENDER
TERBUKA NEGERI SELANGOR**

86. Terdapat projek-projek yang ditawarkan melalui tender terbuka, telah lewat disiapkan mengikut jadual seperti dalam tawaran tender.

Bertanya kepada Y.A,B Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak projek yang ditawarkan melalui tender terbuka sepanjang tahun 2008-2012 dan berapa banyak projek yang telah terbengkalai atau lewat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan?
- b) Senaraikan projek-projek yang lewat siap mengikut nama projek, nama syarikat dan nilai projek mengikut daerah dalam negeri Selangor.
- c) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi memastikan projek ditawarkan melalui tender terbuka kerajaan siap dilaksanakan mengikut tarikh yang ditetapkan?

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan jumlah projek melalui tender terbuka yang ditawarkan sepanjang tahun 2008-2012 dan bilangan projek yang ditamatkan dan lewat dari jadual:-

Bil	Tahun	Bil Projek yang ditenderkan	Bil projek yang ditamatkan	Bil projek yang lewat dari jadual
1.	2008	18	1	0
2.	2009	24	0	0
3.	2010	47	1	0
4.	2011	65	2	1
5.	2012	74	7	2
	JUMLAH	228	11	3

- b) Senarai projek-projek tender yang lewat siap dan projek tender yang ditamatkan mengikut Nama Projek, Nama Syarikat dan Nilai projek adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Projek	Nama Syarikat	Nilai Projek (RM)	Catatan
1.	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	Hisniaga Bina Sdn. Bhd.	4,216,512.95	Projek lewat kerana hak milik tanah belum selesai.
2.	Kerja-kerja Pembinaan Kolam Takungan Banjir Serta Kerja-kerja Lain Yang Berkaitan di Kawasan Perindustrian Bukit Raja, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	Asas Kasturi (M) Sdn. Bhd	2,550,209.00	Projek lewat kerana Kontraktor lewat menerima lukisan pembinaan.
3.	Cadangan Membina dan Menyiapkan 1 Blok 4 Tingkat, sebuah bangunan kantin dan kerja-kerja lain yang berkaitan di SRA Bandar Bukit Puchong, Daerah Sepang Selangor	Trisaga Construction Sdn Bhd	6,250,000.00	Tarikh tamat : 26 November 2010
4.	Membina dan Menyiapkan SRA Seksyen 24, Shah Alam, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	Base Fokus Sdn Bhd	4,772,722.00	Tarikh tamat : 18 Julai 2012
5.	Menaiktaraf Laluan Negeri B58 Jalan Banting-Raba, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan	Inspirasi Perkara Sdn Bhd	32,950,004.80	Tarikh tamat : 9 Julai 2012

6.	Membina dan Menyiapkan Masjid Dato' Haji Kamaruddin, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	Mywa Synergy Sdn Bhd	7,100,500.00	Tarikh tamat : 31 Oktober 2012
7.	Membina dan Menyiapkan Blok 4 Tingkat Bangunan Sekolah, Kantin dan lain-lain kerja untuk SRA Sungai Tangkas dalam Daerah Hulu Langat Selangor	Mamfor Construction Sdn Bhd	5,272,420.00	Tarikh tamat : 1 Februari 2013
8.	Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Masjid Jamek Raja Uda, Seksyen 16 Shah Alam, Daerah Petaling Selangor Darul Ehsan	Cater Construction Enterprise Sdn Bhd	1,572,680.00	Tarikh tamat : 28 September 2012
9.	Membina Jalan Penyambung Dan Menaiktaraf Jalan Abdul Manan di Antara Jalan Kapar dan Jalan Meru, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	UA Construction Sdn Bhd	3,300,113.50	Tarikh tamat : 16 Mei 2013
10.	Cadangan Membina dan Menyiapkan Masjid Seksyen 7, Di Jalan Kristal 7/70, Seksyen 7, Shah Alam, Daerah Petaling, Shah Alam	Lanhill Consolidated (M) Sdn Bhd	7,305,208.60	Tarikh tamat : 17 Mei 2013
11.	Membina Dan Menyiapkan Sebuah Kunci Air Bagi Menaiktaraf Sistem Saliran Di Bagan Nakhoda Omar (BNO) Daerah Sabak Bernam Selangor Darul Ehsan	Myasas Engineering Sdn Bhd	1,233,838.00	Tarikh tamat : 22 Ogos 2011

12.	Membina Dan Menyiapkan Parit Konkrit Berbentuk ‘U’ Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Panchang Bedena, Sungai Besar, Daerah Sabak Bernam, Selangor	Sole Resources Sdn Bhd	2,496,320.00	Tarikh tamat : 14 Ogos 2012
13.	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Seputeh di Kampung Tasik Permai Mukim Ampang Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan – Fasa 1	Lestari Services Sdn Bhd	746,270.00	Tarikh tamat : 23 November 2012

c)

I Di peringkat pra-kontrak dan pengurusan kontrak:-

- i) Selaras dengan Arahan Perbendaharaan, semua kontraktor yang ditawarkan projek bernilai melebihi RM200,000.00 hendaklah mengemukakan bon pelaksanaan dengan nilai yang telah ditetapkan di antara 2.5% sehingga 5%. Bon Pelaksanaan adalah suatu bentuk jaminan sebagai pegangan kerajaan bagi melindungi kepentingan dan memastikan kontraktor melaksanakan tanggungjawabnya di bawah obligasi kontrak termasuk memastikan projek siap dijadualkan ;
- ii) Kerajaan berhak mengenakan *Liquidated Ascertain Damages (LAD)* mengikut nilai yang ditetapkan di dalam kontrak sebagai denda yang dikenakan di atas kelewatan pihak kontraktor;
- iii) Menyemak pengalaman dan prestasi kontraktor sebelum dibuat pengesyoran untuk tawaran kerja; dan
- iv) Meminta kontraktor mengemukakan program kerja sebagaimana klausa 12.0 Syarat-syarat kontrak

II Di peringkat koordinasi projek dan pos-kontrak:-

- i) Memastikan masalah hakmilik tanah dan masalah utiliti telah diselesaikan terlebih dahulu sebelum melaksanakan tender; dan
- ii) Memperkasakan peranan Pegawai Pengguna sebagai pemantau kemajuan kerja di tapak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : KOMPLEKS ISLAM BERSEPADU

87. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bila dan di manakah Kerajaan Negeri akan membina tiga buah Kompleks Islam Bersepadu?
- b) Berapakah kos keseluruhan yang akan dibelanjakan?
- c) Apakah ciri-ciri pusat pendidikan dan pusat komuniti yang terdapat dalam kompleks tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sedang merancang untuk menaik taraf dua buah masjid yang sedang dalam pembinaan iaitu Masjid Alam Impian dan Masjid Teluk Gadong kepada Kompleks Islam Bersepadu dan akan membina sebuah lagi masjid bertaraf sama untuk dimasukkan dalam perancangan seboleh-bolehnya pada tahun depan.
- b) Kos keseluruhan belum dapat ditentukan lagi dan bergantung kepada keperluan pembinaan bagi setiap kompleks tersebut.
- c) Kompleks tersebut dirancang akan menggabungkan pusat pendidikan daripada peringkat pra hingga ke KAFA menengah. Ia juga dirancang supaya merangsang kepada penyertaan belia, wanita dan remaja dalam lingkungan masjid seperti gelanggang futsal dan dewan serbaguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU

88. Manifesto PRU-13 Pakatan mahu memajukan Tanah Rizab Melayu agar lebih tersusun dan bernilai.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- Nyatakan jumlah kawasan Tanah Rizab Melayu mengikut daerah?
- Apakah strategi dan kaedah untuk membangunkan tanah tersebut agar lebih bernilai?

JAWAPAN :

- Berikut pecahan kawasan Tanah Rizab Melayu mengikut daerah:

BIL	DAERAH	BILANGAN TANAH RIZAB	JUMLAH KELUASAN (ekar)
1.	Sabak Bernam	13	191,419.004
2.	Kuala Selangor	66	57,779.831
3.	Klang	14	19,913.801
4.	Gombak	19	11,543.458
5.	Petaling	7	2,776.141
6.	Hulu Langat	15	33,473.474
7.	Kuala Langat	14	45,272.742
8.	Sepang	16	24,802.360
9.	Hulu Selangor	29	39,353.69
JUMLAH		193	426,434.50

- Salah satu strategi untuk membangunkan tanah rizab Melayu ialah dengan menggalakkan pemilik tanah membangunkan tanah-tanah tersebut bagi tujuan perumahan atau perniagaan. Melalui Pekeliling PTG bil.3/1994, kerajaan Negeri telah memberikan insentif dengan memberikan kadar premium yang lebih rendah kepada permohonan untuk menukar syarat tanah-tanah rizab Melayu berbanding dengan tanah bukan rizab Melayu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK: RUMAH KOS RENDAH DAN MAMPU MILIK

89. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- Apakah statistik permohonan dan permohonan yang berjaya mengikut daerah untuk rumah kos rendah dan rumah mampu milik dari tahun 2008 sehingga 2013?
 - Apakah purata tempoh dari permohonan sehingga mendapat unit?

JAWAPAN :

- a) Statistik permohonan rumah kos rendah (RKR) mengikut daerah dari tahun 2008 hingga 30 Mei 2013 adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	2008	2009	2010	2011	2012	2013	JUMLAH	
1.	Klang	106	62	119	321	1,040	1,115	2,763	
2.	Petaling	387	246	397	659	545	983	3,217	
3.	Gombak	24	34	32	66	199	363	718	
4.	H. Langat	100	151	282	121	444	413	1,511	
5.	Sepang	15	30	3	2	7	36	93	
6.	K. Langat	24	11	3	0	4	9	51	
7.	K. Selangor	44	37	70	217	42	43	453	
8.	H. Selangor	1	0	0	0	9	173	183	
9.	S. Bernam	3	1	9	9	10	5	37	
10.	Terbuka*	1,235	904	2,272	1,572	1,964	142	8,089	
		JUMLAH	1,939	1,476	3,187	2,967	4,264	3,282	17,115

*Pemohon terbuka untuk menerima mana-mana pilihan kawasan.

Manakala permohonan yang berjaya ditawarkan RKR dari tahun 2008 sehingga 30 Mei 2013 adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	2008	2009	2010	2011	2012	2013	JUMLAH
1.	Klang	203	164	680	1,585	1,576	387	4,595
2.	Petaling	712	414	829	2,201	1,373	818	6,347
3.	Gombak	45	97	171	457	457	0	1,227
4.	H. Langat	326	247	211	332	527	36	1,679
5.	Sepang	25	27	5	7	2	0	66
6.	K. Langat	24	8	5	0	1	0	38
7.	K. Selangor	61	37	210	636	209	0	1,153
8.	H. Selangor	0	0	0	0	0	0	0
9.	S. Bernam	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		1,396	994	2,111	5,218	4,145	1,241	15,105

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah permohonan rumah mampu milik (RMM) yang didaftarkan adalah bermula dari tahun 2011 memandangkan RMM mula diperkenalkan pada akhir tahun 2010. Berikut adalah statistik permohonan RMM yang telah didaftarkan dari tahun 2011 hingga 30 Mei 2013:

BIL.	DAERAH	2011	2012	2013	JUMLAH
1.	Klang	1	14	29	44
2.	Petaling	12	72	495	579
3.	Gombak	5	15	38	58
4.	Hulu Langat	647	83	123	853
5.	Sepang	1	2	13	16
6.	Kuala Langat	1	2	1	4
7.	Kuala Selangor	0	2	2	4
8.	Hulu Selangor	0	1	87	88
9.	Sabak Bernam	0	0	9	9
10.	Terbuka*	1	0	1	2
JUMLAH		668	191	798	1,657

*Pemohon terbuka untuk menerima mana-mana pilihan kawasan

Pemohon yang telah berjaya ditawarkan RMM sehingga 30 Mei 2013 pula adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	2011	2012	2013	JUMLAH
1.	Hulu Langat	134	12	0	146
2.	Gombak	0	1,422	0	1,422
	JUMLAH	134	1,434	0	1,568

- b) Purata tempoh dari permohonan sehingga mendapat unit adalah untuk tempoh 24 bulan. Walau bagaimanapun, bergantung kepada penawaran rumah-rumah jenis ini. Setakat ini dari tahun 2008 sehingga 30 Mei 2013 terdapat 15,105 pemohon yang telah ditawarkan bagi RKR dan 1,568 pemohon yang telah ditawarkan RMM. Kerajaan Negeri amat prihatin di atas permintaan rumah mampu milik dan rumah kos rendah yang mengatasi jumlah unit rumah yang dibina. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan membina 5,000 unit RMM dan 5,000 unit RKR dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT

90. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

- Senaraikan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Jawatankuasa Bandar Selamat mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008-2013.
- Apakah program-program yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Bandar Selamat bagi meningkatkan tahap keselamatan bandar dan mengurangkan kadar jenayah?
- Senaraikan projek-projek yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Bandar Selamat mengikut pecahan PBT bagi tahun 2013.

JAWAPAN:

- Berikut adalah senarai jumlah peruntukan yang disalurkan kerpa da Jawatankuasa Bandar Selamat mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008-2013 :

PBT	JUMLAH PERUNTUKAN					
	2008	2009	2010	2011	2012	2013
MBSA	-		RM1.8j	RM1.5j	RM2.1j	RM2.1j
MBPJ	RM43,500	RM43,500	RM43,500	RM2,543,500	RM2,434,500	RM3,434,500
MPK	-	-	RM1.5j	RM1.7j	RM2.3j	RM3,678,000.00
MPAJ	-	-	-	RM1.5j	RM2.1j	RM2.4j
MPSJ	-	-	RM2,198,275.40	RM1,262,430.00	RM2,095,314.00	RM2.4j
MPS	TIADA MAKLUMBALAS					
MPKj			RM1.7 j		RM2.1j	
MPSp	-	-	-	RM 500,000.00	RM 800,000.00	-
MDKL	-	-	-	RM 500,000.00	RM 841,000.00	-
MDHS	-	-	-	RM 500,00.00	RM 650,000.00	-
MDKS	-	-	-	RM 530,000.00	RM 730,000.00	RM 30,000.00
MDSB				RM 300,000.00	RM 350,000.00	
JUMLAH						

- b) Dengan adanya peruntukan yang diterima, pelbagai program telah dijalankan oleh Jawatankuasa Bandar Selamat PBT bagi meningkatkan tahap Keselamatan Bandar dan mengurangkan kadar jenayah di Selangor. Program-program yang dijalankan oleh PBT adalah seperti berikut :

BIL	PBT	PROGRAM YANG DIJALANKAN
1.	MBSA	<p>a. NKRA Bandar Selamat : Penyediaan 4 Langkah Segera di bawah peruntukan JPBD Semenanjung Malaysia (Persekutuan) sebanyak RM2.1 Juta iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pengasingan Pejalan Kaki dan Rel Penghadang ii. Pencahayaan iii. Pemasangan Papan tanda Amaran Jenayah iv. Pemasangan Cermin Keselamatan <p>b. Projek Pemasangan CCTV di bawah peruntukan Negeri Selangor</p> <ul style="list-style-type: none"> i. 50 unit CCTV
2.	MBPJ	<p>a. Pelaksanaan 5 langkah segera meliputi projek-projek berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pencahayaan ii. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor iii. Cermin Keselamatan iv. Pemasangan papan tanda peringatan jenayah v. Tempat letak motosikal berkunci (dikawasan perniagaan dan kawasan rumah pangsa kos rendah) <p>b. Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) ditubuhkan di kawasan Petaling Jayadi mana RM5,000 diberikan sebagai elauan kepada setiap pasukan.</p> <p>c. Rukun Tetangga dan persatuan penduduk perlu mendaftar dengan MBPJ, polis dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Selangor.</p> <p>d. MBPJ giat menjalankan aktiviti Publisiti dan Promosi bersama Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga dengan mengadakan pameran dan taklimat bersama pihak PDRM mengenai kepentingan menjaga keselamatan.</p>
3.	MPK	<p>a. Majlis Perbandaran Klang bekerjasama dengan IPD Klang (Utara & Selatan) dengan mengenal pasti lokasi <i>hotspot</i> jenayah dan pemasangan 5 langkah segera (pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, cermin</p>

BIL	PBT	PROGRAM YANG DIJALANKAN
		<p>keselamatan, papan tanda dan tempat letak motosikal berkunci);</p> <p>b. Hebahana program bandar selamat melalui pameran dan risalah; dan</p> <p>c. Pemasangan CCTV menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri di kawasan <i>hotspot</i></p>
4.	MPSJ	<p>Program-program yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Bandar Selamat adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pengasingan lorong pejalan kaki ii) Pencahayaan iii) Cermin Keselamatan iv) Papan tanda cegah jenayah v) Tempat letak motorsikal berkunci
5.	MPAJ	<p>Lima (5) Langkah Program Bandar Selamat untuk dilaksanakan di MPAJ adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pencahayaan b) Rel Pengadang c) Cermin keselamatan d) Tempat letak motor berkunci e) Papan tanda peringatan/amaran
6.	MPS	<p>a. Program-program yang diberi keutamaan melibatkan 6 langkah iaitu :-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pencahayaan ii. Menyediakan rel penghadang/ pengasingan laluan pejalan kaki iii. Pemasangan tempat letak motosikal berkunci iv. Pemasangan cermin Keselamatan v. Pemasangan papan tanda pencegahan jenayah vi. Pemasangan CCTV
7.	MPSepang	<p>a. Jawatankuasa Program Bandar Selamat Majlis Perbandaran Sepang, lima (5) langkah yang akan dan sedang dilaksanakan oleh Majlis adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pencahayaan ; ii. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor ; iii. Penyediaan tempat letak motosikal berkunci ; iv. Penyediaan dan pemasangan papan tanda peringatan jenayah ; v. Penyediaan dan pemasangan cermin keselamatan
8.	MPKj	<p>Melaksanakan 5 langkah utama Program Bandar Selamat iaitu pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki, cermin keselamatan, papan tanda dan tempat letak motosikal berkawal di 48 lokasi hotspot jenayah yang dikenalpasti</p>

BIL	PBT	PROGRAM YANG DIJALANKAN
		oleh IPD Kajang
9.	MDKL	<p>a. Menjalankan projek-projek pemasangan elemen pencegahan jenayah seperti pemasangan cermin keselamatan, pemasangan rel penghadang, pencahayaan di tempat-tepat cenderung berlaku jenayah, pemasangan papan tanda peringatan jenayah dan lain-lain</p> <p>b. Program sosial seperti kesedaran pihak awam dalam membanteras jenayah seperti ceramah, pengawasan kejiranan, Kepolisian Masyarakat dan lain-lain.</p>
10.	MDHS	<p>a. MDHS melalui Jawatankuasa Pembangunan Mampan dan Bandar Selamat menjalankan 4 langkah segera bagi mengurangkan kadar jenayah jalanan di dalam Daerah Hulu Selangor. Antara langkah-langkah yang terlibat adalah :-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pengasingan laluan pejalan kaki dengan kenderaan bermotor ii. Penyediaan cermin keselamatan di kawasan terlindung iii. Pemasangan papan tanda peringatan jenayah iv. Pemasangan tempat letak motosikal. <p>Berikut adalah kawasan-kawasan yang terlibat di dalam pelaksanaan Program Bandar Selamat:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Bandar Utama Batang Kali -Penyediaan laluan pejalan kaki dan rel pengadang sepanjang 840 meter. <ul style="list-style-type: none"> - Pemasangan papan tanda peringatan jenayah. b. Bandar Kuala Kubu Baharu - Penyediaan laluan pejalan kaki dan rel pengadang sepanjang 260 meter. <ul style="list-style-type: none"> - Pemasangan papan tanda peringatan jenayah. - Pemasangan tempat letak motosikal berkunci. c. Bukit Beruntung - Penyediaan laluan pejalan kaki dan rel (Taman Bunga Raya) pengadang sepanjang 190 meter.
11.	MDKS	Langkah-langkah Program Bandar Selamat bagi mengurangkan kadar jenayah di Kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor adalah seperti berikut:-

BIL	PBT	PROGRAM YANG DIJALANKAN
		<ul style="list-style-type: none"> i. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor ii. Pencahayaan iii. Cermin Keselamatan iv. Pemasangan tempat letak motosikal berkunci v. Papan tanda peringatan jenayah
12.	MDSB	<p>Program yang telah dilaksanakan dibawa Jawatankuasa Bandar Selamat ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i Pencahayaan ii Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor iii Rel penghadang jalan iv Papantanda pencegahan jenayah dan; v Cermin keselamatan.

- c) Berikut adalah senarai projek-projek yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Bandar Selamat mengikut pecahan PBT bagi tahun 2013.

BIL	PBT	PROJEK YANG DILAKSANAKAN BAGI TAHUN 2013
1.	MBSA	<ul style="list-style-type: none"> 1. Program Pemutihan Kawasan Blackspot Pekan Subang 2. Pemasangan CCTV bagi 50 buah unit di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Selangor (SSCS) 3. Projek Menaiktaraf Program Bandar Selamat melalui pemasangan laluan pejalan kaki, rel penghadang, pencahayaan, papantanda keselamatan, cermin keselamatan, dan tempat letak motosikal berkunci di bawah belanja pembangunan Majlis.
2.	MBPJ	<ul style="list-style-type: none"> 1. Program Pemutihan Kawasan Blackspot di Flat Desa Mentari dan PPRT Putra Damai, Lembah Subang 2. Pasukan keselamatan Kejiranran Petaling Jaya (PKKPJ) 3. Pemasangan lampu LED di lorong belakang rumah
3.	MPK	<p>Pada tahun 2013, Majlis Perbandaran Klang telah diberi peruntukan sebanyak RM3.5 juta dari Kerajaan Persekutuan bagi Pelaksanaan Program Pemutihan Black Spot di bawah Program NKRA Bandar Selamat. Di bawah Program Pemutihan Kawasan Black Spot, Majlis Perbandaran Klang telah memilih 2 lokasi bagi pelaksanaan program iaitu :</p>

BIL	PBT	PROJEK YANG DILAKSANAKAN BAGI TAHUN 2013
		<p>Taman Bayu Perdana & Taman Chi Liung, Klang Taman Kem & Taman Berembang, Pelabuhan Klang</p> <p>Dibawah Program pemutihan Kawasan Black Spot bagi tahun 2013, pihak Majlis akan melaksanakan pemasangan eleman langkah segera bandar selamat serta mengaturkan program-program kemasyarakatan bersama masyarakat setempat.</p>
4.	MPAJ	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor dan tempat letak motosikal berkunci 2. Pencahayaan
5.	MPSJ	<p>Senarai projek di bawah Jawatankuasa Kecil Bandar Selamat, MPSJ (Program <i>Black Spot</i> – NKRA) tahun 2013 adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pencahayaan ii. Laluan pejalan kaki/basikal iii. Pemasangan rel penghadang iv. Cermin keselamatan v. Tempat letak motorsikal berkunci vi. Papan tanda jenayah
6.	MPS	TIADA MAKLUMBALAS
7.	MPKj	<p>a) Projek-projek dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Bandar Selamat, MPKj Tahun 2013.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membaiki rel penghadang di Jalan Bukit, Kajang ii. Memasang lampu jalan di Fasa 9, Bandar Tasik Kesuma iii. Memasang tempat letak motosikal berkunci di kawasan komersil baru iaitu di Semenyih Parklands dan Taman Pelangi Semenyih 2. iv. Memotong rumput / semak samun di sekitar kawasan ‘hot spot’ Bandar Kajang v. Menyiapkan kerja pemasangan 60 CCTV di bawah peruntukan SUK Selangor <p>Melaksanakan kajian ‘Blackspot’ di bawah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia</p>

BIL	PBT	PROJEK YANG DILAKSANAKAN BAGI TAHUN 2013
8.	MPSp	<p>Bagi tahun 2013, di bawah Jawatankuasa Program Bandar Selamat Majlis Perbandaran Sepang, empat (4) langkah telah disyaratkan kepada pihak pemaju oleh Majlis semasa kelulusan Kebenaran Merancang seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pencahayaan ; ii. Penyediaan dan pemasangan papan tanda peringatan jenayah ; iii. Penyediaan laluan pejalan kaki ; dan iv. Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan premis perniagaan
9.	MDKL	<p>Secara dasarnya, projek langkah segera pencegahan jenayah di bawah Bandar Selamat MDKL untuk tahun 2013 tidak dilaksanakan. Namun, program-program keselamatan seperti kesedaran keselamatan di tempat awam, kempen-kempen keselamatan dan pengedaran risalah keselamatan akan dilaksanakan di peringkat daerah.</p>
10.	MDHS	<p>MDHS hanya memantau dan menyelaras Projek Pemasangan 8 unit Kamera Litar Tertutup (CCTV) PBT Selangor di kawasan Kuala Kubu Bharu.</p>
11.	MDKS	<p>PBT membuat pemantauan melalui Jawatankuasa Bandar Selamat yang mana di dalam Jawatankuasa tersebut dinamakan sebagai Program Bandar Selamat seperti :-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor b. Pemasangan CCTV c. Pencahayaan d. Kawalan Pihak Polis di kawasan Hot Spot e. dan menggunakan /aplikasi 17 program kriteria Program Bandar Selamat
12.	MDSB	TIADA PERUNTUKAN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PEMBAYARAN CUKAI

91. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Berapakah jumlah pembayaran cukai rakyat Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2011 dan 2012 dan berapa peratuskah penyumbangan tersebut dibandingkan dengan negeri-negeri lain?
 - Menurut amalan kerajaan persekutuan sebelum tahun 2008, berapa peratuskah dari jumlah pembayaran cukai disalurkan kembali kepada Kerajaan Negeri Selangor?
 - Bagaimana sekarang, selepas Negeri Selangor diperintah oleh pakatan rakyat. adakah amalan sama diteruskan atau bagaimana?

JAWAPAN :

- Cukai pendapatan rakyat Negeri Selangor adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Pentadbiran ini tidak mempunyai maklumat berhubung perkara ini.
- Amalan Kerajaan Persekutuan ialah menyalurkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk Pemberian-Pemberian sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta-Akta dan Perjanjian. Pemberian tersebut adalah seperti berikut:-

Bil	Sumber Undang-Undang	Jenis Geran
i.	Keputusan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara tahun 1978 Berdasarkan Perkara 80 (5) Perlembagaan Persekutuan , Kerajaan Negeri dibenarkan menuntut sejumlah bayaran perkhidmatan bagi projek yang dilaksanakan.	Pemberian 5% bagi Projek Kerajaan Persekutuan yang Dijalankan oleh Kerajaan Negeri
ii.	Keputusan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara tahun 1987 Persetujuan Jemaah Menteri pada 18 Februari 1987 dan Majlis Kewangan Negara pada 5 Mac 1987 berpandukan kepada Perkara 74 (1), 80 (1) dan 82 Perlembagaan Persekutuan , Kerajaan Persekutuan akan membiayai 50% daripada	Pemberian Bagi Perbelanjaan Mengurus (50%) Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai

	<p>perkara-perkara di butiran (i), (iv), dan (viii), Jadual 3 Senarai Bersama bagi membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri.</p> <p>Pemberian ini melibatkan bantuan 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan-jabatan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor (ii) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri (iii) Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (iv) Majlis Sukan Negeri Selangor 	Bersama
iii.	<p>Perkara 109 (1)(a), Perlembagaan Persekutuan.</p> <p>(a) pemberian yang dikenali sebagai pemberian ikut kepala, yang hendaklah dihitung mengikut peruntukan Bahagian I Jadual Kesepuluh;</p>	Pemberian Bilangan Penduduk (“Capitation Grant”)
iv.	<p>Perkara 109 (1)(b), Perlembagaan Persekutuan.</p> <p>(a) pemberian bagi penyenggaraan jalan Negeri, yang dikenali sebagai pemberian jalan Negeri, yang hendaklah dihitung mengikut peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh.</p>	Geran Jalanraya berdasarkan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS)
v.	<p>Perkara 109 (6), Perlembagaan Persekutuan. Pemberian Dari Kumpulan Wang Simpanan Negeri (State Reserved Fund)</p> <p>Kumpulan wang ini diwujudkan di bawah Perkara 109 (6), Perlembagaan Persekutuan. Majlis Kewangan Negara pada 12 Mac 1983 telah meluluskan Pemberian daripada Kumpulan Wang ini diperluaskan kepada projek-projek pembangunan negeri.</p>	Pemberian Berdasarkan Tahap Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Tahap)
vi.	<p>Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977</p> <p>Pemberian berdasarkan prinsip “revenue sharing” iaitu apabila terdapat pertambahan di dalam hasil Kerajaan Persekutuan di sesuatu tahun kewangan jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya, negeri-negeri akan mendapat Pemberian ini.</p>	Pemberian Pertambahan Hasil

<p>vii. Terbahagi kepada dua seperti berikut:</p> <p>a) Pemberian pampasan untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Pemberian ini dibuat melalui Akta Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan) 1981.</p> <p>b) Pemberian pampasan untuk Wilayah Persekutuan Putrajaya Pemberian berdasarkan Perjanjian Penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya bertarikh 7 November 2000.</p>	<p>Pemberian Khas Negeri Selangor (Pemberian Pampasan Kuala Lumpur Dan Putrajaya)</p>
--	---

- c) Untuk makluman Y.B. tiada pengurangan dalam jumlah pemberian yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri malah meningkat daripada tahun ke tahun seperti di dalam Jadual di bawah:-

TAHUN	JUMLAH TERIMAAN (RM)
2008	300,966,292.00
2009	315,627,131.00
2010	351,659,938.00
2011	368,356,025.00
2012	416,971,395.00
2013 (Setakat 31 Mei 2013)	173,738,080.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: KEMAJUAN DESA

92. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- Apakah halu tuju pembangunan desa sejak lima tahun pentadbiran Pakatan?
 - Apakah dasar dan program lima tahun ke hadapan?
 - Bagaimanakah masyarakat desa dapat menikmati arus kemajuan Selangor?

JAWAPAN :

- Pembangunan Desa merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan kawasan di luar bandar terutamanya di kawasan-kawasan kampung dapat menikmati arus kemajuan di Negeri Selangor ini dari segi ekonomi, taraf hidup dan sebagainya di samping pelbagai kemudahan awam dan infrastruktur.
- Kerajaan Negeri Selangor dalam proses merangka satu dasar iaitu Pembangunan Desa Bersepadu dan Mampan di mana ia bertujuan untuk merapatkan jurang di antara masyarakat di bandar dengan masyarakat luar bandar dari pelbagai aspek terutamanya taraf ekonomi di kawasan luar bandar.
- Masyarakat desa dapat menikmati arus kemajuan Selangor dengan ada pelbagai program yang akan direncanakan bagi memastikan masyarakat desa tidak terlepas daripada arus kemajuan Selangor. Sebagai contoh, kerajaan Selangor sedang merangka satu dasar bagi merapatkan jurang diantara penduduk bandar dengan luar bandar di samping program-program sampingan yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)**

TAJUK: MENAIKTARAF JALAN

93. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri menaik taraf Jalan Kampung Lombong, Saujana Putra berkeadaan rosak serius kerana ia berkepentingan memberikan kemudahan pandu lalu dari Saujana Putra ke Taman Mas, Taman Putra Prima dan kawasan perumahan sekitarnya dan sebaliknya?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan memang bercadang untuk menaiktaraf Jalan Kg. Lombong dari Jalan Kebun di Daerah Klang hingga ke Jalan Saujana Putra. Untuk fasa 1, jalan dari Jalan Kebun ke persimpangan Jalan Lombong Perak 3 akan ditender pada Ogos 2013 dan seterusnya fasa 2 hingga Saujana Putra akan dilaksanakan didalam RMK 11. Disamping itu, jalan alternatif yang menghubungkan Kota Kemuning melalui Jalan Kg. Lombong hingga Saujana Putra sedang dinaiktaraf oleh pihak swasta iaitu Tetuan Rimbau Sdn Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : TANAH REVOLUSI HIJAU

94. Tanah Revolusi Hijau di Kampung Johan Setia, Daerah Klang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Huraikan secara terperinci perancangan kerajaan negeri di kawasan terlibat untuk 5 tahun akan datang kerana masalah pembinaan kilang haram kian meruncing.
- b) Apakah pelan bagi mengatasi masalah kebakaran di situ?
- c) Perincikan jumlah pemohon tanah pertanian di kawasan terlibat dan kenapa hingga kini masalah tanah bertindih belum diselesaikan.

JAWAPAN :

- a) Tanah tersebut mula diberimilik 1990an sebagai kawasan Revolusi hijau yang di zon untuk tujuan pertanian. Kemudian pada mesyuarat MMKN bertarikh 24/7/2007 Bil 21/2007 permohonan tukar syarat dibekukan dan dikekalkan zon pertanian.

Pengubahan Rancangan Tempatan MPK telah mengezonkan kawasan ini sebagai kawasan zon pertanian dengan aktiviti yang dibenarkan meliputi pertanian komersial, pertanian persendirian, Inap desa. Kawasan lot bersebelahan jalan utama dibenarkan aktiviti pedagang. Cadangan zoning adalah perniagaan seluas 64 ekar, perumahan 963 ekar dan pertanian 3240 ekar.

Selaras dengan tekanan dan keperluan pembangunan semasa, pihak MPK mempunyai perancangan untuk membangunkan kawasan sebagai pembangunan bercampur meliputi 3 konsep telah dikenal pasti iaitu 'Mix Development', 'Agro Base', pusat pentadbiran atau institusi baru Walaubagaimanapun perancangan ini masih belum dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri. Kerajaan Negeri akan meneliti semula perancangan yang dicadangkan oleh MPK.

Secara amnya, kawasan Johan Setia merupakan tanah gambut, ia memerlukan pelaburan dari segi infrastruktur untuk menyediakannya bagi sebarang tujuan pembangunan. Perkara ini perlu diperlu diperhalusi oleh Kerajaan Negeri dan MPK untuk memastikan pembangunan infrastruktur dapat disediakan untuk membangunkan kawasan ini.

b)

- i) Membuat kolam tadahan sebagai punca air apabila berlaku kebakaran
- ii) Membuat saliran atau parit di sekeliling persempadan kebun hak milik persendirian bagi mengelakkan kebakaran merebak.
- iii) Pentadbir Tanah Klang dikehendaki mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pelanggaran syarat tanah dan pembakaran ke atas tanah dengan mengeluarkan Notis 7A, 7B dan 8 dengan segera. Dalam masa yang sama, Pejabat Daerah Klang akan bekerjasama dengan MPK, JAS, JPS dan Agensi berkaitan melaksanakan perkara ini.
- iv) Mengadakan dan membuat telaga (tubewall) berhampiran kawasan yang kerap berlaku kebakaran sebagai punca air bagi memadam kebakaran.

c)

- i) Tanah ini telah diberikan milik kepada 1712 individu dalam akhir 1980 an dan awal 1990 an. Jumlah kawasan yang terlibat yang telah diberi milik ialah 3857 ekar. Senarai nama adalah dilampirkan.
- ii) Sebenarnya pertindihan kawasan yang dibangkitkan bukan kawasan revolusi hijau Johan Setia tetapi ialah kawasan Kampung Sri Nadi yang bersebelahan dengan Rancangan Revolusi Hijau Johan Setia dan terdapat isu pencerobohan tanah Kerajaan (kawasan lapang) di kawasan ini. Pentadbir Tanah Klang/MPK dikehendaki mengambil tindakan penguatkuasaan segera ke atas isu ini.
- iii) Terdapat isu aduan pertindihan oleh penanam sayur yang sebahagian besarnya terdiri dari kaum Cina dan India. Mereka ini sebenarnya mengusahakan dan menceroboh sebahagian tanah milik yang terbiar di para I tersebut.

**PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK: PEMBANGUNAN PERUMAHAN BUKIT BOTAK

95. Penempatan semula setinggan Bukit Botak, Selayang telah berjaya diselesaikan melalui pembangunan semula perumahan Bukit Botak:-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan penduduk perumahan Bukit Botak yang telah mendapat kunci untuk mendiami rumah mereka?
- b) Adakah rumah di Bukit Botak telah mendapat Sijil Layak Menduduki sepenuhnya?
- c) Berapakah keluarga yang telah menduduki (mendiami) rumah mereka di Perumahan Bukit Botak sekarang?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 17 Jun 2013, sejumlah 48 pemilik telah mengambil kunci kediaman masing-masing di mana mereka ini telah membuat bayaran secara tunai membeli rumah-rumah berkenaan. Manakala baki rumah sebanyak 1,377 unit dijangka akan menerima kunci sebelum akhir tahun 2013 memandangkan menunggu kelulusan urusan pinjaman bank dan penyediaan dokumen perjanjian S&P oleh peguam.
- b) Kawasan perumahan Bukit Botak telah memperolehi Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) sepenuhnya pada 28 April 2013.
- c) Buat masa ini terdapat hanya sebuah keluarga yang telah mendiami rumah mereka di Bukit Botak. Manakala 47 unit rumah yang telah mengambil kunci akan mendiami kediaman masing-masing selepas kerja-kerja pengubahsuaian dalaman oleh pemilik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK: MANIFESTO PROGRAM RAKYAT MISKIN

96. Manifesto Pakatan Selangor di PRU ke-12 iaitu menjalankan program bagi membolehkan rakyat miskin terutamanya petani dan nelayan mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi di atas garis kemiskinan.

Bertanya kepada Y.A.B.. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status pelaksanaan manifesto ini?
- b) Berapakah bilangan mereka yang telah mendapat manfaat?

JAWAPAN :

- a) Status Manifesto Pakatan Selangor semasa PRU-12 adalah sedang dalam pelaksanaan di mana program-program yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Veterinar adalah program yang berterusan di bawah Program Pembangunan Ekonomi Nelayan, Petani dan Penternak.
- b) Berbagai program telah dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Ekonomi Nelayan, Petani dan Penternak seperti berikut :-

Antara Program Yang dijalankan untuk menambah pendapatan petani adalah Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset menjadi fokus utama Kerajaan Negeri pada tahun ini.. Konsep ini penting dalam usaha pembangunan lestari di mana penghakupayaan dapat berlaku dengan penglibatan aktif pemimpin dan penduduk menggunakan aset setempat secara optimum.

Program ini memberi pengiktirafan khusus kepada pemimpin tempatan yang memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan individu dan komuniti di kawasannya. Ia juga merupakan salah satu strategi kearah peningkatan hasil padi. Oleh kerana itu beberapa siri latihan telah diberikan kepada ahli-ahli jawatankuasa komuniti di kawasan tumpuan dengan penekanan kepada kemahiran kepimpinan, kemahiran berfikir dan juga pendedahan kepada konsep Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset (Asset-Based Community Development (ABCD)).

Melalui program ini, seramai 429 petani telah menanam padi menggunakan kaedah ini dan melibatkan keluasan 647 hektar. Penggunaan kaedah ini dapat mengurangkan kos pesawah sehingga 40% berbanding kos menggunakan kaedah penanaman secara konvensional dan pesawah terlibat berjaya meningkatkan pengeluaran hasil dari 6.9 metrik tan sehektar pada Musim 1/2011 kepada 7.5 metrik tan sehektar pada Musim 1/2012. Pengurangan kos dan peningkatan hasil membantu meningkatkan pendapatan pesawah yang terlibat

Namun selain pengurangan kos dan pengamalan pertanian yang mesra alam, program ini mampu menjana purata pendapatan tambahan sebanyak RM 2000 sebulan untuk petani dan pesawah yang terlibat di mana sehingga 2012, dianggarkan sebanyak RM337,590.00 pendapatan dijana hasil penjualan produk-produk Natural Farming yang dinamakan Sri Anak, Sri Bunga, Sri Buah.

Sehingga tahun 2013, sebanyak 6 Pusat Komuniti Pertanian Lestari (Natural Farming) yang telah ditubuhkan di kawasan barat laut iaitu:

1. Sri D'9. Parit 9, Sg. Leman, Sabak Bernam
2. Sri D'1, Pt 1 Banat, Sabak Bernam
3. Sri D'Dorani, Pt2,Sg. Haji Dorani, Sabak Bernam
4. Sri D'Lima, Sg. Nipah, Sabak Bernam
5. Sri D'Nipah, Sg. Nipah 2, Sabak Bernam
6. Sri Kencana, Sg. Burung,Kuala Selangor

Berdasarkan kejayaan Program ABCD di daerah barat laut, program ini telah diperluaskan ke daerah-daerah lain di Negeri Selangor dan pada tahun 2013, lima (5) lagi pusat komuniti telah ditubuhkan.

Pengenalan kepada sistem tanaman berbilang di kawasan kelapa dimana penanam kelapa digalakkan untuk menanam tanaman selingan seperti koko, nanas dan kopi bagi mengantikan tanaman selingan pisang yang telah dilanda wabak moko. Dengan ini dapat memaksimumkan penggunaan tanah serta memberi pendapatan sampingan kepada petani tersebut.

Selain itu, petani-petani juga digalakkan untuk menghasilkan produk hiliran yang berasaskan hasil pertanian. Melalui Program Industri Asas Tani (IAT) . Produk-produk makanan hasil dari ladang akan diberi nilai tambah melalui gredding, pembungkusan dan pemprosesan minima, manakala produk IAT akan diberi penjenamaan dan pembungkusan yang lebih menarik supaya dapat menawan pengguna kelas menengah dan tinggi.

Jumlah penternak akuakultur Selangor mengikut sistem ternakan adalah seperti berikut :-

Sistem	Bilangan Penternak
Kolam Air Tawar	286
Kolam Air Payau	154
Sangkar Air Tawar	11
Sangkar Air Payau	50
Bekas Lombong	15
Tangki Simen	153
Kerang	750
Ikan Hiasan	11
Jumlah	1,430

Jumlah penternak kerang di Negeri Selangor pada tahun 2012 adalah seperti berikut:

Daerah	Bilangan peserta
Klang	54
Kuala Selangor	366
Sabak Bernam	330
JUMLAH	750

Jumlah penternak mengikut jenis ternakan utama yang direkodkan pada tahun 2012 adalah seperti berikut :

JENIS TERNAKAN	BILANGAN PENTERNAK (ORANG)
LEMBU PEDAGING	622
LEMBU TENUSU	102
KAMBING / BEBIRI	677
AYAM PEDAGING	171
AYAM PENELUR	27
JUMLAH KESELURUHAN	1599

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: USAHA MENINGKATKAN MENINGKATKAN SEKTOR PERTANIAN,
PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

97. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan sektor pertanian, penternakan dan perikanan di DUN Sg. Pelek?

JAWAPAN :

a)

- I. Antara projek pertanian yang dilaksanakan di Dun Sg. Pelik adalah Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan Ulu Chucuh di mana TKPM ini berkeluasan 100 ha dengan jumlah peserta seramai 22 orang. TKPM ini mengeluarkan hasil tanaman umbisi dan sayuran di mana pengeluaran hasil pada tahun 2012 adalah 1448 metrik tan dengan nilai RM2.17 juta.
- II. Aktiviti pertanian lain pula adalah projek pemulihan dan penanaman semula dusun buah-buahan seperti durian, longan dan kelapa dengan keluasan 60 ha, dan peserta seramai 50 orang di sekitar kawasan Bagan Lalang, Pekan Sg. Pelek dan Kg. Labu Lanjut. Projek tanaman pitaya turut diusahakan di dun ini melibatkan keluasan 40 ha dengan 30 peserta.
- III. Bagi industri hiliran berasaskan pertanian, terdapat 3 kumpulan pengembangan wanita (KPW) dan 53 orang pengusaha industri asas tani dibimbing untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup melalui perusahaan kerepek, makanan ringan, kraf dan bakeri.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : GOLONGAN MISKIN BANDAR

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah gagasan Kerajaan Negeri untuk membantu dan mengurangkan peratusan golongan miskin bandar dan apakah Kerajaan bercadang untuk meneliti semula kriteria Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan oleh Kerajaan Negeri ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri dalam usaha untuk membela nasib rakyat miskin di Negeri Selangor dengan mewujudkan program-program yang bersesuaian mengikut keperluan individu dan keluarga. Usaha ini diselaraskan bagi membantu mereka yang memerlukan dengan sasaran jangka panjang memastikan mereka dapat berdikari.

Antara program yang ditawarkan adalah seperti berikut :

1. Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan

Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor diwujudkan bertujuan membantu golongan sasar berdikari dan menambahbaik perusahaan atau bidang tertentu yang telah diusahakan bagi menambah pendapatan sedia ada. Program ini diselaraskan dengan memberi bantuan berbentuk peralatan dan mesin kepada pemohon yang layak diberi bantuan.

2. Program Kemahiran Teknikal

Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan Program Kemahiran Teknikal dengan kerjasama Kolej Internasional INPENS di Kuala Selangor dimana peluang melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran ini dibuka kepada seluruh pelajar miskin di Negeri Selangor untuk menyambung pengajian ke peringkat tertinggi dan ini diharap dapat mengelakkan jurang pendidikan dan masalah keciciran di kalangan pelajar.

3. Bantuan Kesihatan

Subsidi bagi Rawatan Hemodialisis untuk pesakit buah pinggang.

Bantuan pembelian kanta untuk pembedahan katarak.

Bantuan kos pembedahan sehingga RM2,000.00.

Derma peralatan sakit: Kerajaan Negeri menderma 1 mesin dialisis berharga RM50,000 kepada Persatuan Hemodialisis di Klang. 20 kerusi roda dan topang didermakan kepada individu yang memerlukan dengan kerjasama kerajaan negeri dan Kelab Rotary. Kerajaan negeri juga menyediakan bantuan kepada kanak-kanak yang memerlukan kerusi roda khas berharga RM2,000 hingga RM5,000 setiap satu.

4. Program Bantuan Niaga

Memberi bantuan peralatan, ruang dan peluang perniagaan khusus kepada peniaga kecil dan mereka yang berminat untuk memulakan perniagaan serta mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap bidang niaga.

Menyediakan Pakej bantuan niaga berbentuk kiosk dan produk MiMBAR Selangor kepada peserta bagi menambah pendapatan sampingan.

5. Program Mikrokredit

Memberi bantuan pinjaman mikrokredit **TANPA FAEDAH & CAJ PENGURUSAN** dari **RM1,000-RM5,000** dalam jangka masa pendek iaitu selama **18 bulan**.

Program ini diwujudkan khusus untuk **PENIAGA KECIL** menambah dana perniagaan dan mestilah mampu membayar semula pinjaman mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

6. Program Bantuan Kerja

Merupakan inisiatif baru yang mengambil dasar '**Workfare**' bagi membantu rakyat Selangor lebih berdikari dan dapat menjana pendapatan sampingan dengan tawaran pakej-pakej bantuan kerja yang disediakan.

7. Pakej MiMBAR Kleaner

MiMBAR Selangor menyediakan peralatan mencuci permaidani berjumlah RM9,000 kepada rakyat negeri Selangor yang menepati syarat-syarat kelayakan bagi menambahkan pendapatan sampingan. Pakej ini adalah secara berkumpulan yang terdiri daripada 3 orang. Namun jumlah pinjaman dan bayaran balik pinjaman adalah secara persendirian.

8. Program-program yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS)

LZS (MAIS) telah merangka agenda dalam membentuk asnaf yang bukan sahaja mengeluarkan diri daripada kepompong kemiskinan, tetapi juga dapat memenuhi keperluan rohani menjadi insan yang rabbani.

Berdasarkan pencapaian yang diperolehi bagi tempoh 5 tahun pemerintahan Pakatan Rakyat (2008-2013), Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk meminda Paras Garis Kemiskinan (PGK) sebanyak RM1,500.00 yang diguna pakai sejak ia diumumkan. Walau bagai mana pun, Kerajaan Negeri akan meneliti semula sekiranya terdapat kes-kes terpencil yang kritikal dan memerlukan bantuan daripada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

TAJUK: PEMBANGUNAN SUKAN DAN EKONOMI DI KALANGAN BELIA

99. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan tindakan yang telah dilaksanakan dan perancangan masa depan kerajaan negeri untuk meningkatkan pembangunan sukan dan ekonomi di kalangan belia di Negeri Selangor.

JAWAPAN :

- a) Tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam meningkatkan pembangunan sukan dan ekonomi di kalangan belia di Negeri Selangor adalah sebagaimana berikut :-
- 1) Dengan pembentukan budaya sukan dan pemantapan integrasi nasional menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh dan pencapaian kecemerlangan di peringkat antarabangsa;
 - 2) Dengan menggalakkan badan-badan sukan, badan bukan kerajaan (NGO) dan swasta mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi pembangunan industri sukan;
 - 3) Mempertingkatkan pengeluaran produk dan perkhidmatan sukan untuk penggunaan tempatan dan eksport;
 - 4) Meningkatkan pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan sukan melalui penyediaan insentif yang sesuai;
 - 5) Mempertingkatkan pemasaran dan promosi produk dan perkhidmatan sukan tempatan dan;
 - 6) Mempertingkatkan pelancongan sukan melalui lebih banyak penganjuran acara di peringkat antarabangsa.

Perancangan masa depan negeri dalam meningkatkan pembangunan sukan dan ekonomi di kalangan belia di Negeri Selangor iaitu dengan usaha Kerajaan untuk meletakkan sukan sebagai industri yang berperanan dalam memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi di samping menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Perancangan pertumbuhan sektor industri yang relevan dalam bidang sukan secara komprehensif dan menyeluruh termasuk aktiviti mengkomersialkan produk dan perkhidmatan, menjadikan bidang sukan sebagai satu kerjaya, mewujudkan peluang pekerjaan, memperkasakan bidang sukan bagi tujuan menjana pendapatan dan memberi pulangan kepada pelaburan dalam bidang ini. Perkembangan industri sukan akan dapat mengubah pendekatan sukan tidak akan hanya bergantung kepada bantuan dan sokongan Kerajaan semata-mata.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : BIASISWA MENTERI BESAR

100. Manifesto PRU-13 kerajaan negeri mahu melancarkan basiswa Menteri Besar bagi pelajar ijazah lanjutan melalui terbitan bon negeri untuk membentuk sebuah Bank Pemikir Negeri Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimakah konsep dan mekanisme pelaksanaan basiswa ini?
- b) Apakah bentuk basiswa yang ditawarkan negeri sebelum ini?

JAWAPAN :

- a) Buat masa ini belum dilancarkan Biasiswa Menteri Besar. Walaubagaimanapun Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) – MBI , dengan kerjasama kerajaan negeri dan anak-anak syarikatnya telah menubuhkan Tabung Pendidikan Anak-Anak Syarikat dan Badan-Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2012 , dimana dana terkumpul untuk Tabung Biasiswa ini adalah dari hasil sumbangan setiap anak syarikat dan Badan Berkanun dinegeri Selangor.

Biasiswa ini diberi kepada Warga Kerja dan Anak Warga Kerja syarikat , yang memenuhi syarat kelayakan untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti tempatan untuk kursus Sarjana Muda , Sarjana dan juga PHD.

Dengan pemberian peluang melanjutkan pelajaran ini akan memungkinkan terkumpulnya sekumpulan terpelajar dari kalangan anak negeri Selangor yang dapat dimunafaatkan membentuk ‘Selangor Brain Bank’ di masa akan datang

- b) Pada masa ini Kerajaan Negeri ada mengeluarkan basiswa melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan terbuka kepada anak kelahiran Selangor yang memenuhi syarat kelayakan .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK: MASALAH PENCEMARAN KILANG

101. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah sistem pemantauan Jabatan Alam Sekitar bagi mengatasi masalah pencemaran kilang-kilang di Hulu Selangor memandangkan JAS tidak mempunyai cawangan di daerah Hulu Selangor?

JAWAPAN :

- a) Penyelesaian masalah/ isu-isu pencemaran dan penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di kawasan Daerah Hulu Selangor dilaksanakan oleh Cawangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor yang berpejabat di Taman Perindustrian Batu Caves. Cawangan ini bertanggungjawab untuk memantau isu-isu pencemaran yang berada di bawah bidangkuasa Jabatan Alam Sekitar di Daerah Gombak dan Daerah Hulu Selangor. Selain dari itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor di Shah Alam juga akan memantau dan menjalankan penguatkuasaan ke atas premis-premis yang dileSENKEN oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu kilang kelapa sawit, kilang getah asli mentah dan premis kemudahan pengolahan serta pemerolehan kembali buangan terjadual.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)

TAJUK: PEMBANGUNAN BANDAR

102. Rangkaian sistem pengangkutan LRT dan MRT telah dikembangkan dalam Negeri Selangor.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang dan bersetuju menggariskan kawasan berhampiran dengan stesen LRT dan MRT sebagai kawasan berkepadatan tinggi?
- b) Sekiranya benar, adakan Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh kerajaan-kerajaan tempatan untuk membuat susulan pindaan pelan rancangan tempatan (Local Plan)?

JAWAPAN :

- a) Setakat ini, Kerajaan Negeri tiada sebarang cadangan bagi menggariskan mana-mana kawasan berhampiran dengan stesen LRT dan MRT sebagai kawasan berkepadatan tinggi. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri amat menggalakkan Pembangunan Berasaskan Transit (TOD) di Negeri Selangor. Di dalam Rancangan Struktur Negeri Selangor turut mencadangkan dasar khusus bagi memastikan pelaksanaan TOD dapat dicapai.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Selangor sedang menjalankan kajian khas kawasan berpotensi TOD di Selangor dengan memberi fokus di kawasan-kawasan stesen berdasarkan rel sedia ada dan yang telah komited. Kawasan-kawasan berhampiran dengan pusat TOD ini boleh dicadangkan untuk kepadatan tinggi atau menerapkan konsep pembangunan padat (*compact city*) dengan penyediaan kemudahan-kemudahan utama dan sokongan yang mencukupi.

Setelah kajian kawasan berpotensi TOD ini disiapkan dan dipersetujui di peringkat Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan akan menyeiras dan memperincikan melalui rancangan tempatan masing-masing.

- b) Tiada sebarang garis panduan disediakan untuk tujuan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK: SYABAS DAN PENGURUSAN AIR

103. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah terdapat geran Bantuan kepada usaha menyaman Syabas oleh rakyat?
- b) Apakah pihak Kerajaan Negeri mengenal pasti tindakan-tindakan Syabas yang melanggari perjanjian konsesi dan boleh menyebabkan terbatalnya konsesi tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan peruntukan geran bantuan kepada usaha yang dibuat oleh rakyat untuk menyaman Syabas. Justeru itu, mana-mana individu yang bercadang untuk menyaman SYABAS perlulah mengemukakan permohonan geran tersebut kepada Kerajaan Negeri.
- b) Obligasi yang sepatutnya dipenuhi oleh SYABAS jelas diperuntukkan di dalam Perjanjian Konsesi. Di samping itu, SYABAS juga terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Lesen Pembekalan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Perjanjian Konsesi SYABAS telah berkuat kuasa semenjak 01 Januari 2005.

Sepanjang tempoh berkuat kuasanya Perjanjian Konsesi SYABAS, terdapat beberapa tindakan dan tatalaku SYABAS yang telah dikenal pasti sebagai menjurus kepada pelanggaran Perjanjian Konsesi. Antara tatalaku yang paling ketara adalah kegagalan SYABAS mencapai target penurunan NRW (kehilangan hasil air) seperti mana yang telah termaktub dalam Perjanjian Konsesi.

Di dalam Perjanjian tersebut, SYABAS menjanjikan penurunan NRW kepada 19.98% pada tahun 2011 dengan perbelanjaan sebanyak RM784.1 juta. Namun kadar NRW pada tahun 2011 yang dapat dicapai oleh pihak SYABAS adalah melebihi 32% dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1,169.64 juta, jauh melebihi amaun yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. Ini membuktikan bahawa walaupun SYABAS telah diberikan peruntukan yang jauh melebihi amaun yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi, namun SYABAS masih gagal untuk menurunkan BRW kepada kadar yang sepatutnya.

Kegagalan menurunkan NRW kepada 19.98% seperti dijanjikan dalam perjanjian konsesi sebenarnya bukan berpunca dari kekurangan peruntukan tetapi berpunca dari kelemahan Syabas merancang dan melaksanakan program penurunan NRW secara berkesan. Kegagalan tersebut telah menyebabkan negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terlepas peluang untuk

mendapatkan penjimatan kira-kira 550 juta liter air sehari yang sepatutnya dihasilkan dari penurunan NRW seperti dijanjikan Syabas.

Selain itu, keengganan SYABAS mengemukakan maklumat dan data yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri Selangor juga telah menunjukkan ketidakpatuhan SYABAS kepada Perjanjian Konsesi.

Walaupun jelas pada hemat Kerajaan Negeri Selangor bahawa SYABAS terdapat tindakan dan tatalaku yang menjurus kepada ketidakpatuhan SYABAS terhadap Perjanjian Konsesi, Kerajaan Negeri Selangor tidak boleh mengambil apa-apa tindakan menamatkan Perjanjian Konsesi ini.

Keadaan ini adalah disebabkan terdapatnya peruntukan di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS yang jelas memperuntukkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor hanya boleh mengeluarkan Notis Ketidakpatuhan (*Default Notice*) kepada SYABAS setelah mendapat kebenaran dan persetujuan Kerajaan Persekutuan.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor telahpun beberapa kali melalui surat memaklumkan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) akan tatalaku SYABAS tersebut dan hasrat Kerajaan Negeri hasrat untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan Persekutuan bagi menamatkan Perjanjian Konsesi, namun tiada sebarang maklum balas diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah pernah menyarankan supaya Kerajaan Persekutuan memberi kebenaran kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi mengambil alih pengurusan dan operasi SYABAS atas alasan tindakan dan tatalaku SYABAS telah melanggar terma dan syarat yang telah diperuntukkan di dalam Perjanjian Konsesi. Namun saranan ini juga tidak dijawab oleh Kerajaan Persekutuan.

Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor berpandangan, penyelesaian ke atas SYABAS ini hanya boleh dicapai dengan memuktamadkan penstrukturkan semula industri perkhidmatan air di bawah Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkuuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Penang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK: KEDIAMAN MAMPU MILIK

104. Dalam PRU12 Pakatan Rakyat menjanjikan dalam manifesto untuk membantu setiap rakyat Selangor untuk mendapatkan kediaman sendiri.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Di dalam kawasan DUN Dengkil berapakah jumlah rakyat yang telah dibantu untuk memiliki rumah sendiri dari tahun 2008 hingga 2012?
- b) Berapakah jumlah rumah mampu milik yang telah dibina di Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2012?
- c) Bagaimanakah proses pemilihan untuk permohonan rumah mampu milik dilaksanakan?

JAWAPAN :

- a) Di dalam kawasan DUN Dengkil tiada rumah kos rendah atau rumah mampu milik yang dibina dari tahun 2008 hingga 2012. Ini kerana tiada pembangunan yang dilaksanakan oleh pemaju swasta. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mengenalpasti tapak-tapak tanah kerajaan yang sesuai untuk dibina rumah kos rendah atau rumah mampu milik dalam tempoh lima (5) tahun.
- b) Jumlah rumah mampu milik yang telah dibina dari tahun 2008 sehingga 2012 adalah sebanyak 1,682 unit. Projek-projek yang terlibat adalah seperti berikut:
 - i) Seksyen 3, Bandar Baru Bangi (PKNS) 124 unit
 - ii) Bandar Sg. Long, Kajang (Sukma Pesona Sdn. Bhd.) 136 unit
 - iii) Taman Selayang Mutiara, (Bukit Botak) (PKNS) 1,422

- c) Semua pemohon yang ingin membeli rumah mampu milik di Negeri Selangor hendaklah berdaftar dalam Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah Mampu Milik (SPPRM) di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Proses pemilihan pemohon-pemohon yang layak akan ditentukan melalui SPPRM mengikut kriteria pemarkahan yang telah ditetapkan. Nama-nama yang dipilih akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama Pemohon Rumah untuk disemak dan diperakukan oleh mesyuarat jawatankuasa sebelum dihantar kepada Setiausaha Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama Pemohon Rumah ini dianggotai oleh LPHS, wakil Pejabat SUK, wakil Pejabat Tanah/Daerah yang berkaitan dan wakil daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Seterusnya senarai nama yang telah diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri akan dikemukakan kepada pemaju berkenaan dan surat tawaran juga akan dihantar kepada pemohon-pemohon yang berjaya. Sekiranya tiada maklumbalas yang diterima dari pemohon dalam tempoh 2 bulan dari tarikh tawaran, maka pemohon berkenaan dianggap tidak berminat dengan tawaran tersebut dan pemaju boleh mengemukakan maklumbalas status tawaran kepada LPHS untuk dikemaskini dan senarai nama baru akan dikeluarkan kepada pemaju sebagai gantian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**


TAJUK: PROJEK *FREE WIFI*

105. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Bilakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan projek *wifi* percuma untuk seluruh Selangor?
- b) Adakah tender terbuka akan dijalankan untuk projek tersebut?
- c) Sila berikan butir-butir.

JAWAPAN :

- a) Sejak Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan program WiFi percuma di seluruh Negeri Selangor pada tahun 2010. Penggunaannya amat menggalakkan ia bertambah dari masa ke semasa. Penambahan pengguna ini meningkat dengan mendadak apabila kerajaan negeri memperluaskan lagi sebanyak 112 lokasi WiFi di seluruh Negeri Selangor dengan menggunakan peruntukan Geran Selangorku. Jadual di bawah menunjukkan pertambahan penggunaan WiFi percuma di seluruh Negeri Selangor



- b) Kerajaan Negeri telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma ini bermula pada tahun 2010 secara berperingkat. Jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan mengikut syarikat yang telibat adalah seperti jadual berikut.

Tahun 2010 - 2012				
Bil	Lokasi	Kos Setahun	Kos Keseluruhan	Syarikat yang Terlibat
1	Dataran Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
2	Kompleks PKNS Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
3	Seksyen 2 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
4	Seksyen 3 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
5	Seksyen 9 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
6	Kuala Kubu Bharu, Hukul Selangor	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
Tahun 2012				
7	112 Lokasi (56 DUN x 2 Lokasi)		RM 248,741.67 (9.05% drpd 2,747,959.86)	Extol Corporation (M) Sdn Bhd
	Jumlah Kos Keseluruhan		RM 572,741,67	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : PROJEK GERAN SELANGORKU

106. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak yang telah dibelanjakan dari keseluruhan RM 300 Juta yang diperuntukkan ?
- b) Berapa banyak NGO yang memperolehi manfaat dari program geran Selangorku khusus dalam program sosial dan penyuburan demokrasi ?

JAWAPAN :

- a) Isu Infrastruktur jelas mendapat lebih perhatian memandangkan permintaan terhadapnya sentiasa tinggi di mana sebanyak RM32.8 juta dibelanjakan dari peruntukan sebanyak RM50 juta. Ini diikuti dengan Infrastruktur Sukan sebanyak RM5.6 juta dan seterusnya Pengukuhan Demokrasi sebanyak RM4 juta. Butiran adalah seperti mana jadual berikut:

BIL	TAJUK GERAN	PERUNTUKAN	KOMITMEN	BAKI
1	INFRASTRUKTUR	50,000,000.00	32,848,040.15	17,151,959.85
2	INFRASTRUKTUR SUKAN	30,000,000.00	5,620,806.50	24,379,193.50
3	PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000,000.00	4,086,972.02	913,027.98
4	PEMERKASAAN WANITA	30,000,000.00	3,430,505.63	26,569,494.37
5	SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000,000.00	3,038,062.71	26,961,937.29
6	PENERANGAN MAKLUMAT NEGERI	10,000,000.00	1,681,300.12	8,318,699.88
7	KEUSAHAWANAN MUDA	30,000,000.00	1,507,757.20	28,492,242.80
8	PROGRAM PEJABAT KE RAKYAT	20,000,000.00	1,230,085.00	18,769,915.00
9	PROGRAM PENGUKUHAN BUDAYA	3,000,000.00	335,930.00	2,664,070.00
10	PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR	5,000,000.00	318,548.50	4,681,451.50
11	PEMBASMIAN RASUAH & PENYELEWENGAN	15,000,000.00	250,000.00	14,750,000.00
12	PROGRAM JANGKAAN KEHIDUPAN BANDAR	10,000,000.00	248,741.67	9,751,258.33
13	PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	22,000,000.00	202,276.38	21,797,723.62
14	PENINGKATAN KEHIDUPAN HIDUP RAKYAT	5,000,000.00	190,000.00	4,810,000.00
15	PENGENALAN GAJI MINIMA	10,000,000.00	50,000.00	9,950,000.00
16	DARI KEBAJIKAN KEPADA PEKERJA	20,000,000.00	0.00	20,000,000.00
17	KEHIDUPAN BANDAR	5,000,000.00	0.00	5,000,000.00

300,000,000.00 55,039,025.88 244,960,974.12

- b) NGO-NGO yang pernah terlibat menyumbang dalam program-program sosial serta penyuburan demokrasi Geran Selangorku termasuk:
- Pengenalan Gaji Minima – MTUC Bahagian Wilayah Persekutuan & Selangor.
 - Pembasmian Rasuah & Penyelewengan – Oversight & Whistleblower
 - Pemerkaasan Wanita – ABIM, IKD, Persatuan Penduduk, Pertubuhan Kebajikan dan Wanita Selangor, Yayasan Dar Al Qard Al Hassan Selangor.
 - Keusahawanan Muda – MSN Selangor, Persatuan Kebajikan Matahari Kuala Lumpur dan Selangor, Tabung Kebajikan dan Pendidikan ABIM, Penggerak Belia Tempatan.
 - Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar – Malaysian Conservation Alliance for Tigers, Pertubuhan Alam EcoKnights KL dan Selangor, Malaysian Nature Society.
 - Program Pengukuhan Budaya – Seniman Paksi Rakyat
 - Pengukuhan Demokrasi – Pusat Khidmat Masyarakat DUN-DUN di Selangor bagi kerja-kerja audit melalui Borang Kaji Selidik, Lawyer For Liberty.
 - Peningkatan Kehidupan Rakyat – Persatuan Sukan & Rekreasi OKU Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: CYBER CAFE

107. Terdapat “cyber cafe” yang diluluskan oleh PBT dan sebaliknya (beroperasi secara tidak sah), di mana terdapat unsur-unsur yang tidak sihat seperti judi dan sebagainya.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- Apakah tindakan yang diambil
- Sejauh mana keberkesanan terhadap tindakan yang diambil
- Terdapat juga pusat ini telah diambil tindakan tetapi terus beroperasi, apakah masalahnya?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan untuk memastikan pusat kafe siber mematuhi peraturan dan syarat lesen. Premis kafe siber yang tidak berlesen terutama yang melibatkan aktiviti perjudian akan dikenakan tindakan tegas termasuk tindakan sitaan dan penutupan premis.
- Keberkesanan terhadap tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah premis yang berlesen yang tidak mematuhi peraturan dan syarat lesen akan dibatalkan lesen mereka. Manakala bagi premis yang tidak berlesen akan dikenakan kompaun. Secara tidak langsung Pengwujudan premis yang tidak berlesen ini dapat dikurangkan dan seterusnya masalah gejala sosial dapat dikawal.
- Premis yang telah diambil tindakan namun ianya masih terus beroperasi kerana aktiviti yang dijalankan oleh premis-premis yang tidak berlesen ini mampu memberi pulangan yang menguntungkan. Meskipun ianya berisiko tinggi dan sering menghadapi tindakan sitaan, pemilik premis masih mampu untuk membayar kompaun atau denda. Barang sitaan yang disita oleh PBT boleh diambil semula apabila kompaun telah diselesaikan selaras dengan Undang-undang Kecil PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : MANIFESTO BIMBINGAN PERNIAGAAN

108. Manifesto PRU ke-12 Pakatan untuk memberi bimbingan perniagaan kepada golongan belia dan wanita muda.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah program keusahawanan dan bilangan dilatih dari 2008 hingga kini?
- Apakah ukuran untuk memastikan kejayaan program bimbingan ini?

JAWAPAN:

- Jumlah program keusahawanan yang telah dilaksanakan disepanjang tempoh 2010 hingga 2012 adalah seperti berikut:-

BIL	PROGRAM	2008	2009	2010	2011	2012
1.	Dana Industri Kampung	Rujukan berpandukan SKT anggaran perbelanjaan tahunan telah dibuat tetapi tiada maklumat diperolehi	90	89	99	
2.	Satu Kampung Satu Produk		37	7	15	
3.	Kursus Dan Motivasi Penerima Dana		1	6	1	
4.	Promosi Produk Usahawan di bawah SPPKS dan Dana Industri Kampung		15	10	3	
5.	Kursus Keusahawanan		15	3	9	
6.	Pemantauan Dana Industri Kecil		9	9	9	
7.	Selangor Ria/ Agrofest		1	1	1	

*SPPKS = SKIM PINJAMAN PERUSAHAAN KECIL SEDERHANA

Bilangan usahawan / bakal usahawan yang telah dilatih di sepanjang program di atas dilaksanakan adalah seperti berikut :-

BIL	PROGRAM	2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH
1	Seminar Usahawan						
	i) Peringkat Daerah					990	990
	ii) Peringkat PBT		951			2570	3521
	iii) Kontraktor					750	750
	iv) Siswazah (UNISEL)		115			490	605
	v) PKNS		112				112
	vi) Belia		185				185
2	Kursus Asas Keusahawanan						
	i) Penerima Dana IKS	144	93	90	89	99	515
3	ii) Pelajar (INPENS & UNISEL)				30	60	90
	Kursus Rancangan Perniagaan (Pelajar INPENS & UNISEL)				30	80	110
4	Kursus Usahawan Siswazah (Pelajar INSPENS & UNISEL)					80	80
5	Kursus Ternakan Air Tawar (Peserta PKPS)					92	92
6	Kursus "Train of Trainers"			70	151	37	258
7	Seminar Menimba Khazanah Pengalaman Bisnes				82		82
8	Kursus Teknik Pembungkusan Berkualiti (INSKEN) / SIRIM				20	15	35
9	Program "Go Halal"				37		37
10	Program Usahawan Automatif				18		18
11	Kursus dan Latihan Teknologi Rekabentuk Pembungkusan dan Pelabelan	46					46
12	Kursus Kepentingan Sistem Amalan Pengilang Yang Baik (GMP) dan Kepentingan Persijilan Halal	30					30
13	Seminar Halalan Toyyiban				150		150
Jumlah		220	1456	160	607	5263	7706

- b) Latihan yang diberikan adalah di dalam bentuk ceramah dan kursus. Sehubungan dengan itu, kejayaan sesuatu latihan itu dinilai berpandukan jumlah penyertaan dan kehadiran.

Bagi program-program yang tidak melibatkan latihan seperti Dana Industri Kampung, Promosi Produk Usahawan, lawatan ke premis perusahaan akan dijalankan sekali setahun. Hasil daripada lawatan dan temuduga yang dijalankan semasa lawatan, majoriti penerima bantuan (dana) dan peserta berpuas hati dan mengesahkan terdapat peningkatan pendapatan sebanyak 30% - 40%. Walaubagaimanapun, rekod dalam bentuk dokumen bagi peningkatan ini tidak dapat dikemukakan oleh penerima bantuan (dana) dan peserta kerana perusahaan mereka merupakan perusahaan industri kampung (secara kampung) dan tidak mempunyai buku aliran tunai dan penyata bank.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK: KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK

109. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- Adakah kempen ini telah mencapai matlamat untuk mengurangkan penggunaan bahan-bahan yang kurang mesra alam?
 - Apakah rancangan seterusnya untuk meningkatkan lagi kesedaran orang awam untuk mengurangkan penggunaan bahan-bahan yang kurang mesra alam?
 - Adakah penggunaan kotak makan “Stylofoam” akan terus diizinkan?

JAWAPAN :

- Matlamat kempen ‘Hari Tanpa Beg Plastik’ yang telah mula diperkenalkan di Selangor pada tahun 2010 telah tercapai. Ini terbukti selepas tiga (3) bulan kempen ini dijalankan sebanyak 54 pengusaha pasaraya telah menandatangani deklarasi dengan Kerajaan Negeri dan sekurang-kurangnya 2 juta beg plastik juga telah dijimatkan. Mengikut anggaran dan laporan yang diterima daripada pengusaha-pengusaha, lebih dari 5 juta beg plastik telah berjaya dikurangkan pada tahun pertama kempen ini dijalankan.

Pada hari ini, Kerajaan Negeri telah berjaya mendapatkan penglibatan hampir 100 peruncit di seluruh Negeri Selangor termasuk syarikat-syarikat besar yang mempunyai rangkaian cawangan di seluruh negeri, pusat membeli-belah, kedai-kedai secara individu dan juga restoran-restoran.

Untuk makluman, caj RM0.20 yang dikenakan bagi setiap beg plastik disalurkan kepada badan-badan kebaikan dan NGO yang ditentukan oleh pengusaha pasaraya. Sebagai contoh, Aeon Co. (M) Bhd. telah mengutip sebanyak RM 25,000 dalam masa dua bulan selepas kempen ini diperkenalkan dan kutipan tersebut telah disalurkan kepada program penanaman pokok di Selangor, manakala Ikea telah menyumbangkan hasil kutipan mereka kepada Malaysian Nature Society (MNS).

Pada tahun 2011, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melancarkan kempen ‘Hari Tanpa Beg Plastik’ di peringkat negara di mana kempen tersebut turut melibatkan bayaran 20 sen untuk beg plastik pada setiap hari Sabtu dan sekali gus kempen ini telah diambil alih oleh Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih lagi memantau dan bekerjasama dengan pengusaha pasaraya yang terlibat di Negeri Selangor.

- b) Kerajaan Negeri akan mengadakan kempen kesedaran secara berterusan bagi memastikan masyarakat setempat memahami kesan-kesan dan tanggungjawab mereka dalam penjagaan alam sekitar yang mampan. Antara usaha-usaha yang dilakukan bagi memastikan objektif kempen tercapai seperti mengadakan “roadshow” di kalangan masyarakat setempat dalam mempromosikan kempen tanpa beg plastik dengan menggalakkan masyarakat membawa beg sendiri ke pasaraya. Selain itu, Kerajaan Negeri turut bercadang untuk menambah hari pelaksanaan kempen ‘Hari Tanpa Beg Plastik’ daripada satu (1) hari kepada tiga (3) hari pada tahun hadapan.
- c) Kerajaan Negeri tidak mempunyai dasar khas bagi menghalang penggunaan polisterin di Selangor. Walau bagaimanapun, dalam usaha mengurangkan penggunaan polisterin, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah awal dengan memulakan kempen ‘Hari Tanpa Beg Plastik Dan Polistiren Di Bangunan – Bangunan Kerajaan Negeri Selangor’ pada setiap hari Jumaat bagi mendidik penjawat awam mengenai kesedaran alam sekitar. Pada hari tersebut, beg plastik dan bekas makanan polisterin tidak disediakan di kafeteria dan penjawat awam perlu membawa bekas makanan mesra alam sendiri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK: BANTUAN KEPADA GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH

110. Peningkatan kos sara hidup membebankan keluarga miskin yang di desa juga di bandar.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pelan tindakan kerajaan negeri bagi mengatasi kemiskinan desa dan kemiskinan Bandar yang semakin meningkat, seterusnya menimbulkan banyak masalah-masalah sosial lain?
- b) Bagaimana dapat dilaksanakan Sistem Pemberian Kupon Barang Asas bagi meringankan beban golongan miskin tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri dalam usaha untuk membasmi kemiskinan fokus kepada isu perumahan untuk orang miskin, penjanaan pendapatan, pendidikan dan kesihatan. Usaha ini diselaraskan bagi membantu mereka yang memerlukan dengan sasaran jangka panjang memastikan mereka dapat berdikari. Masalah-masalah sosial sering kali dikaitkan dengan golongan belia yang menghadapi masalah keciciran di bidang akademik atau tersepit di arus pembangunan. Dengan wujudnya Program Kemahiran Teknikal oleh Kerajaan Negeri, mereka berpeluang melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran sekali gus dalam mengurangkan masalah sosial.
- b) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk melaksanakan Sistem Pemberian Kupon Barang Asas kepada golongan miskin. Ini berdasarkan prinsip Kerajaan Negeri yang mahu melihat golongan ini lebih berdikari dan tidak hanya mengharapkan bantuan daripada kerajaan sepenuhnya. Landasan daripada itu, wujudnya program-program peningkatan pendapatan seperti Program Blueprint Pembasmian Kemiskinan, Program Bantuan Niaga, Program Mikrokredit, Pakej Mimbar dan juga program-program yang ditawarkan oleh Lembaga Zakat Selangor.

Walau bagaimana pun, pemberian hamper atau sumbangan ada dilaksanakan semasa perayaan-perayaan tertentu. Program ini bertujuan supaya dapat meringankan beban yang dihadapi oleh golongan miskin dan mewujudkan kemeriahinan dalam menyambut perayaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK: USAHA KERAJAAN SELANGOR DALAM MEMBANTU MENINGKATKAN EKONOMI MASYARAKAT KAMPUNG

111. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha kerajaan Selangor dalam membantu meningkatkan ekonomi masyarakat kampung?
- b) Apakah program-program yang telah, sedang dan yang akan dilaksanakan?

JAWAPAN :

- a) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri Selangor sedang merangka satu dasar iaitu Pembangunan Desa Bersepadu dan Mampan. Ini bertujuan bagi meningkatkan pendapatan penduduk di samping mewujudkan nilai keempunyaan penduduk bagi sesuatu kampung tersebut.
- b) Perkara ini masih diperingkat awal di mana segala kajian sedang dilakukan diperingkat akar umbi bagi memastikan segala perjalanan berhubung perkara ini berjalan seperti yang dilaksanakan mengikut perancangan yang telah dibuat.
- c) Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor telah melakukan pelbagai usaha bagi membantu meningkatkan ekonomi masyarakat kampung. Antara usaha yang telah dilakukan adalah Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel), Program Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR). Pada masa akan datang, dalam pelaksanaan projek pembangunan desa, di peringkat pertama akan diadakan bengkel yang akan dihadiri oleh Ketua Kampung, Setiausaha JKKK, Wakil Wanita dan juga Ahli Dewan Negeri kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : TANAH UNTUK INSTITUSI PENDIDIKAN

112. Manifesto Pakatan PRU-13 mahu memperuntukkan tanah untuk pembinaan sekolah agama rakyat, SJKC dan SJKT.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan sekolah tersebut yang masih perlu dibina mengikut keperluan semasa?
- b) Apakah mekanisme penyediaan tanah yang diperlukan?

JAWAPAN :

- a) Pada masa kini pihak Kementerian Pelajaran memfokuskan kepada pembinaan sekolah kebangsaan yang dapat diikuti oleh semua kaum sesuai dengan tujuan untuk perpaduan kaum. Mata Pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil boleh diwujudkan di sekolah-sekolah ini. Walau bagaimana pun SJKC dan SJKT boleh dibina dengan kelulusan Menteri Pelajaran.
- b) Untuk sekolah-sekolah kerajaan dibina di atas tanah serahan pemaju kepada pihak berkuasa negeri, yang dipohon pemberimilikan oleh Kementerian Pelajaran melalui Pesuruh Jaya Tanah Persekutuan. Jabatan Pelajaran biasanya merujuk kepada pelan susun atur yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Perancang.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : POLIS KEMUNITI

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah berkemungkinan kerajaan negeri mengusahakan dan memperluaskan "Polis Komuniti" yang dibiayai kerajaan negeri sebagai inisiatif bagi membanteras jenayah yang semakin membimbangkan ? Sila nyatakan dengan terperinci perancangannya.

JAWAPAN :

- a) **Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan 179.** Pelaksanaan Pasukan Keselamatan Kejiranan atau '*Community Policing*' adalah baru dilaksanakan bermula pada bulan April 2013. Pasukan ini diwujudkan di semua Kampung Tradisi, Kampung Baru/Bagan/Tersusun dan Komuniti India di Negeri Selangor yang dipantau oleh Pejabat Daerah/Tanah mengikut kawasan masing-masing. Sebagai langkah awal, setiap kampung diberikan peruntukan sebanyak RM5,000.00 setahun bagi pelaksanaan program ini. Objektif utama penubuhan Pasukan Keselamatan Kejiranan (*Community Policing*) di peringkat kampung ini adalah bagi membantu pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan luar bandar di Negeri Selangor.

Di samping itu, pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) juga telah melaksanakan program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) yang ditubuhkan di peringkat Resident Association (RA) dan Rukun Tetangga (RT). Pihak MBPJ telah memperuntukkan sebanyak RM350,000.00 bagi 70 PKKPJ yang telah mendapat kelulusan pada tahun 2013.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK: PENGURUSAN BANGUNAN

114. Banyak masalah pengurusan rumah kos rendah dihadapi oleh Jawatankuasa Pengurusan Bangunan JMB. Ketiadaan kewangan dan kemahiran mengurus bangunan di kalangan penduduk, gagal memastikan pengurusan yang baik.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah cara penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah di atas oleh semua pangsapuri kos rendah khususnya?

JAWAPAN :

- a) Pelbagai program dan skim bantuan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi meringankan beban ekonomi pembeli pangsapuri kos rendah di bandar seterusnya membantu pengurusan JMB agar lebih teratur dan terurus seperti berikut:
- i) **SAFWA 'Selangor Free Water Scheme'**
Program pemberian air percuma kepada penduduk pangsapuri kos rendah yang menggunakan meter air pukal melalui kaedah 'Lapor dan dapat'.
 - ii) **PERMAI 'Penyelesaian Migrasi Meter Air Individu'**
Penyelesaian dan pelaksanaan migrasi meter air pukal kepada meter air individu bagi pangsapuri bukan kos rendah (Kod 17) melalui *Task Force PERMAI*.
 - iii) **CERIA 'Caring Government For Residents Improvement Aid'**
Bantuan baikpulih rumah pangsapuri melalui kaedah perkongsian kos diantara Kerajaan Negeri dan Pihak Pengurusan Bangunan iaitu JMB/MC.
 - iv) **Pendakwaan**
Penguatkuasaan Akta 663 melalui tindakan pendakwaan kepada pemaju yang gagal menubuhkan JMB dan pembeli yang gagal membayar caj.
 - v) **Kempen BCH 'Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni'**
Memberi mesej dan kesedaran kepada penduduk pangsapuri agar menjalankan tanggungjawab mereka membayar caj penyenggaraan melalui aktiviti dan promosi yang dijalankan oleh pelbagai agensi.

- vi) SEROJA 'Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri Negeri Selangor'
Bantuan kerajaan negeri kepada JMB/MC sebagai insentif kepada penduduk yang bekerjasama menjaga keselamatan kawasan pangsapuri masing-masing

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : AYAM ENZIM

115. Pelbagai laporan dan dakwaan dalam isu ayam enzim atau ayam hormon dibangkitkan oleh orang ramai di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sikap dan pendirian Kerajaan Negeri terhadap isu ini?
- b) Jabatan atau agensi manakah di bawah Kerajaan Negeri yang ditugaskan untuk menyiasat isu ini?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah atau sedang diambil untuk mengesahkan/menafikan pelbagai dakwaan dalam isu ini?

JAWAPAN :

- a) Pendirian terhadap isu ini adalah Kerajaan Negeri membantah dengan keras dan sentiasa berusaha menghalang penggunaan enzim atau hormon dalam pemeliharaan ayam. Pendirian ini diambil bagi menjamin keselamatan makanan (food safety) dan kesihatan rakyat negeri ini. Gejala-gejala ini secara terang-terangan telah melanggar Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Akta Makanan 1993, Akta Racun 1997, dan beberapa peraturan kerajaan yang lain.
- b) Jabatan yang ditugaskan untuk menyiasat isu ini adalah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor dengan bantuan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Makmal Kesihatan Awam Veterinar di Salak Tinggi, Selangor.
- c) Langkah-langkah yang telah atau sedang diambil untuk menafikan pelbagai dakwaan dalam isu ini adalah :
 - i. Kenyataan akhbar telah dibuat oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia yang menafikan ayam daging di pasaran tempatan diberi makanan tambahan dengan enzim babi. Sehingga kini, ayam daging tempatan disahkan sihat untuk dimakan kerana pemantauan sering dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Perakuan ini juga disokong dalam akhbar yang sama oleh Prof. Dr. Zulkifli Idrus, pakar ternakan ayam yang juga Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Putra Malaysia, yang menyatakan pemberian enzim babi atau

suntikan lain tidak digunakan di Malaysia kerana kosnya yang mahal kerana harus dimport dari negara luar.

- ii. Sehingga kini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menguji beribu-ribu sampel yang diambil secara rawak daripada pusat-pusat penyembelihan, loji-loji pemprosesan, kontena-kontena daging ayam import dan pasar-pasar sebagai tindakan pro-aktif untuk mencegah ayam enzim atau ayam hormon memasuki pasaran tempatan. Setakat ini, tiada kes ayam enzim atau ayam hormon direkodkan. Pihak jabatan ini juga telah memusnahkan semua bekalan ayam yang melanggar peraturan-peraturan lain seperti mengandungi mikrob berbahaya mengandungi residu drug veterinar, berkонтaminan dengan pestisid dan logam berat serta memusnahkan produk yang ditambah aditif berbahaya.
- iii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah membuat pemerhatian ke atas banyak ladang ayam dan mendapati tempoh pemeliharaan ayam daging di negeri ini pada ketia ini adalah 35 hingga 42 hari iaitu satu tempoh pemeliharaan yang normal. Ini bertentangan dengan hipotesis menggunakan enzim atau hormon, tempoh pemeliharaan dapat dipendekkan kepada 28 hingga 30 hari sahaja.
- iv. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar sering menafikan penggunaan enzim dan hormon di samping mengesahkan status ayam daging tempatan masih selamat kepada orang ramai melalui pameran-pameran dan sesi bertemu pelanggan yang lain. Saranan umum yang sering diberikan kepada masyarakat adalah membeli ayam daging yang diketahui puncanya terutama mempunyai bungkusan yang lengkap dengan label pengeluar, logo HALAL dan logo VHM (Veterinary Health Mark) atau logo HACCP (Hazard Analysis and Critical Control Point).
- v. Kesimpulannya, Kerajaan Negeri menegaskan bahawa dakwaan ayam enzim atau ayam hormon ini merupakan satu isu lama (Harian Metro, Februari 2007) yang dikitar semula dalam media sosial pada masa kini. Semua pemantauan dan pendapat yang dibuat oleh pelbagai agensi dan institusi pengajian tinggi terutamanya Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menunjukkan gejala ini tidak berlaku di negara ini. Walau bagaimana pun, pihak Kerajaan Negeri akan terus memantau keselamatan dan kesucian bukan sahaja ayam daging malah semua produk haiwan yang lain demi kesejahteraan rakyat Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)

TAJUK: HAB HALAL

116. Manifesto PRU-13 Pakatan Selangor berhasrat menubuhkan sebuah Hab Halal dan pengeluaran ‘Persijilan Halal Negeri Selangor’

Bertanya kepada YAB Dato’ Menteri Besar :

- a) Apakah visi dan matlamat penubuhan Hab Halal ini?
- b) Apakah manfaat sosioekonomi untuk rakyat?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor mengambil perhatian akan peningkatan permintaan terhadap produk-produk Halal bukan sahaja daripada penduduk tempatan bahkan juga daripada luar negara. Justeru, Kerajaan Negeri menyedari akan keperluan menubuhkan Hab Halal peringkat negeri dan seterusnya membantu perkembangan ekonomi Negeri Selangor.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Selangor telah melihat ke arah hadapan dengan mewujudkan visi dan matlamat penubuhan Hab Halal iaitu bagi mewujudkan satu pusat sehenti bagi produk-produk halal melalui pengenalan eko-sistem Halal yang membolehkan penubuhan operasi yang lancar dan mengurangkan masa menunggu serta memastikan amalan dan prosedur yang ringkas dalam menjalankan perniagaan seperti makanan dan minuman, produk kecantikan dan farmaseutikal serta bahan-bahan mentah.

Melalui Persijilan Halal Negeri Selangor kelak, ia merupakan suatu pengiktirafan yang menunjukkan kehalalan sesuatu hasil makanan, minuman dan bahan gunaan orang Islam berdasarkan kepada hukum Syarak yang diamalkan dalam negeri Selangor. Ini bertujuan untuk mengatasi kekeliruan dan keraguan yang timbul dikalangan pengguna Islam berkaitan dengan kehalalan atau kesucian sesuatu makanan, minuman dan bahan gunaan yang dikeluarkan dalam negeri ini. Oleh itu, ia perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Garis Panduan Premis yang membuat penyediaan / pemprosesan / masakan makanan, minuman dan bahan gunaan orang Islam yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor dan semua pengusaha makanan,bahan gunaan dan pihak yang berkaitan yang dapat memenuhi kriteria-kriteria halal yang telah ditetapkan dalam "Garis Panduan" berkenaan layak untuk memohon Sijil Persijilan Halal Negeri Selangor.

- b) Selari dengan jumlah penduduk Islam di dunia yang mencapai 1.6 billion orang dan 60 peratus penduduk di Asia pada tahun 2010 telah menyaksikan peningkatan permintaan yang meluas terhadap produk-produk halal dan seterusnya telah merubah lanskap perniagaan Halal. Pasaran produk-produk halal telah berjaya meraih peningkatan pendapatan yang menggalakkan di peringkat global seperti di United Kingdom dengan nilai penjualan daging halal bernilai USD900 juta. Di Malaysia sendiri, pasaran produk-produk makanan Halal telah mencatat pendapatan sehingga US10 bilion.

Melihat kepada perkembangan semasa potensi dan permintaan produk makanan halal di dunia, ia dijangkakan terus meningkat. Kesannya banyak negara berlumba-lumba menawarkan diri menjadi pengeluar produk makanan halal dunia termasuklah negara jiran, Singapura. Oleh itu, Negeri Selangor sebagai salah sebuah negeri yang maju dan penyumbang utama kepada pendapatan Malaysia telah mengambil satu langkah ke hadapan bagi menjadi sebuah Halal Hab yang unggul di Malaysia dan Asia.

Pada masa kini, terdapat 2 Halal Hab yang telah wujud dan beroperasi di Negeri Selangor iaitu PKFZ Flagship Halal Zone dan Selangor Halal Hub, Pulau Indah. Port Klang Free Zone (PKFZ) merupakan satu pusat pengedaran kargo antarabangsa dan penyatuan bersepadu dengan keluasan 1,000 ekar yang berada di Pulau Indah, Port Klang dan dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Pelabuhan Klang (PKA). Kerajaan Negeri Selangor melalui anak syarikat Kerajaan Negeri, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) juga telah memberi tanggungjawab kepada Central Spektrum (M) Sdn. Bhd. bagi membangunkan Selangor Halal Hub di kawasan perindustrian seluas 1,000 ekar tanah di Pulau Indah, Port Klang.

Pembangunan kedua-dua Halal hab tersebut secara tidak langsung telah menyumbang kepada sosioekonomi Negeri Selangor di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Melalui penubuhan halal hab tersebut, ianya juga telah menarik minat dan membantu peniaga-peniaga bumiputera serta menawarkan perkongsian kemudahan termasuk pusat penyimpanan dan perniagaan.

Melalui pembangunan halal hab, ianya dapat memberikan peluang bukan sahaja sebagai pengeluar malah usahawan Muslim boleh turut menceburkan diri sebagai pemasar, pemborong, pengedar, peruncit, pembekal dan juga sebagai penyedia makanan halal, biarpun bersaiz kecil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: DASAR PENGURANGAN KADAR CUKAI TAKSIRAN KEPADA PEMILIK PETAK PANGSAPURI KOS RENDAH

117. Kerajaan telah melaksanakan Dasar Pengurangan Kadar Cukai Taksiran Kepada Pemilik Petak Pangsapuri Kos Rendah pada tahun 2012.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- Berapa banyak unit rumah yang telah menerima manfaat ini mengikut PBT sehingga sekarang?
- Adakah cara ini telah membantu mengurangkan tunggakan bayaran caj penyelenggaraan dan *sinking fund* di kalangan pemilik rumah pangsa kos rendah? Apakah statistiknya?

JAWAPAN :

- Berdasarkan statistik dari Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor berikut bilangan unit rumah yang telah menerima manfaat pelaksanaan Dasar Pengurangan Kadar Cukai Taksiran kepada pemilik petak pangsapuri kos rendah mengikut PBT sehingga 30 April 2013:

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah Pemilik Tuntut	Nilai Pengurangan 25% (RM)
1	MBSA	156	2,542.00
2	MBPJ	5	74.40
3	MPK	46	607.43
4	MPSJ	95	1,923.53
5	MPAJ	1,300	46,242.95
6	MPS	27	460.00
7	MPKJ	170	2,446.92
8	MPSP	14	194.75
9	MDKL	-	-
10	MDKS	-	-
11	MDHS	-	-
12	MDSB	-	-
JUMLAH		1,813	54,491.98

- b) Pelaksanaan pengurangan cukai taksiran kepada pemilik pangsapuri kos rendah tidak membantu dalam menangani masalah bagi mengurangkan tunggakan bayaran caj penyelenggaraan dan sinking fund di kalangan pemilik pangsapuri kos rendah. Kedua-dua maksud pembayaran adalah berbeza di mana cukai taksiran adalah untuk tujuan perkhidmatan perbandaran secara menyeluruh manakala caj penyelenggaraan adalah bagi bayaran penyelenggara harta bersama sahaja. Tiada Statistik tunggakan caj penyelenggaraan dan sinking fund pangsapuri kos rendah berikutnya Unit Pesuruhjaya Bangunan(COB) dalam kemas kini data dan kelewatan pihak pengurusan pangsapuri mengemukakan laporan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : ANAK-ANAK SYARIKAT SELANGOR

118. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:
- Senaraikan jumlah dividen dan sumbangan yang diberikan oleh Anak-anak Syarikat Selangor kepada Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2007-2012.
 - Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan Anak-anak Syarikat Sel adalah bersifat kompetitif, pada masa yang sama tidak menjelaskan sistem pasaran bebas yang sedia ada?
 - Senaraikan projek-projek sosial yang dilaksanakan oleh anak-anak syarikat Negeri Selangor bagi tahun 2008-2012 dan apakah strategi Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan Anak-anak syarikat Selangor melaksanakan projek sosial khasnya dalam bidang utama seperti perumahan,pertanian dan sebagainya bagi membantu golongan yang memerlukan.

JAWAPAN:

- Senarai jumlah dividen dan sumbangan yang diberikan oleh Anak-anak Syarikat Selangor kepada Kerajaan Negegi Selangor pada tahun 2007-2012 adalah seperti berikut:
 - Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) – Lampiran 1
 - Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) – Lampiran 2
 - Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) – Lampiran 3
- Langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan Anak-anak Syarikat Selangor adalah bersifat kompetitif, pada masa yang sama tidak menjelaskan sistem pasaran bebas yang sedia ada adalah dengan membuat pemantauan di peringkat pengurusan setiap Anak-anak Syarikat dan pemantauan juga dibuat di bawah Lembaga Pengarah Syarikat masing-masing dari semasa ke semasa

- c) Projek-projek sosial yang dilaksanakan oleh Anak-anak Syarikat Negeri Selangor bagi tahun 2008-2012 dan apakah strategi Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan Anak-anak Syarikat Selangor melaksanakan projek sosial khasnya dalam bidang utama seperti perumahan, pertanian dan sebagainya bagi membantu golongan memerlukan adalah seperti berikut:
- i) Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) – Lampiran 1
 - ii) Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) – Lampiran 2
 - iii) Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) – Lampiran 3

Kumpulan Darul Ehsan Berhad

- a) Sumbangan yang telah diberikan oleh Kumpulan Darul Ehsan (KDEB) dan anak syarikatnya, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) kepada Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2007 – 2012 adalah seperti di Jadual A (bawah).

		<u>2007</u>	<u>2008</u>	<u>2009</u>	<u>2010</u>	<u>2011</u>	<u>2012</u>	<u>TOTAL</u>
A	Projek Komuniti	343,000	236,000	302,000	21,600	1,277,000	-	2,179,600
B	Derma	738,862	1,212,233	197,000	100,000	-	301,954	2,550,049
C	20 meter padu Air Percuma	-	68,674,733	131,460,067	22,687,591	-	-	222,822,391
D	Tajaan Kepada Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS)	-	-	4,106,000				
E	Bayaran Zakat (Kumpulan)	3,232.000	3,850,000	537,000	528,078	501,716	1,111,294	9,760,088
F	Sumbangan Kepada Tabung Warisan Negeri Selangor	-	-	-	-	-	1,435,360	1,435,360
	Jumlah Sumbangan Kepada Kerajaan Negeri Selangor	4,313,862	73,972,966	136,602,067	23,337,270	1,778,716	2,848,608	242,853,488

Jadual A: Sumbangan kepada Kerajaan Negeri Selangor dari Tahun 2007 – 2012

- b) Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang tersenarai di Bursa Malaysia adalah terikat dengan peraturan dan terma-terma penyenaraian di Bursa. Anak syarikat memastikan segala transaksi syarikat adalah berdasarkan harga pasaran semasa dan urus niada adalah bersifat kompetitif.
- c) Projek sosial yang telah dilaksanakan oleh anak syarikat negeri Selangor merangkumi latihan keusahawanan, latihan kemahiran dan bantuan kewangan untuk memulakan perniagaan sendiri kepada rakyat Selangor yang menyertai program “Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor” (RKRS). Program latihan yang disediakan adalah seperti berikut:
- Penjagaan kanak-kanak
 - Bakeri
 - Perakaunan, pengauditan dan pencukaian
 - Percetakan segera
 - Operasi dan pengurusan halal
 - Pembangunan siswazah
 - Keusahawanan penternakan haiwan
 - Jahitan
 - Pemeringkatan marin
 - Mutawif
 - Perbankan dan kewangan Islam

- Pengurusan projek teknologi maklumat
- Juruteknik pelbagai kemahiran teknologi maklumat
- ADOBE Photoshop dan animasi
- Fiber ke rumah

Permodalan Negeri Selangor Berhad

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA YB. PUAN GAN PEI NEI (RAWANG)
SOALAN :
TAJUK : ANAK-ANAK SYARIKAT SELANGOR

LAMPIRAN 1

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
SENARAI PEMBAYARAN DIVIDEN YANG DIBERI KEPADA KERAJAAN NEGERI - MBI

TAHUN	BUTIR-BUTIR	JUMLAH (RM)
2007	5% final dividend less 28% tax (24,000,000 x 5% x 72%)	864,000.00
2008	5% final dividend less 28% tax (24,000,000 x 5% x 72%)	864,000.00
2009	5% final dividend less 25% tax (24,000,000 x 5% x 75%)	900,000.00
2010	10% final dividend less 25% tax (24,000,000 x 10% x 75%)	1,800,000.00
2011	10% final dividend less 25% tax (24,000,000 x 10% x 75%)	1,800,000.00
2012	10% final dividend less 25% tax (24,000,000 x 10% x 75%)	1,800,000.00
	JUMLAH	8,028,000.00

NOTA :

Semua bayaran dividen dari PNSB telah dibayar terus kepada Menteri Besar Selangor (Incorporation)

Lampiran 2

**SUMBANGAN-SUMBANGAN PNSB KEPADA PEKAWANIS/ BENDAHARI NEGERI SELANGOR/
PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR/ YAYASAN SELANGOR DAN LAIN-LAIN
TAHUN 2013**

JANUARI

BIL	TARIKH	PERKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	23.1.2013	MAULIS MAKAN MALAM PUSAT DAKWAH SERANTAU	PUSAT DAKWAH SERANTAU	10,000.00
2	23.1.2013	SUMBANGAN BAGI MENGANJURKAN PROGRAM 'TALK ON GAZA' - BY HARRY FEAR	YAYASAN SELANGOR	3,000.00
3	23.1.2013	SUMBANGAN SEMPENA TAHUN BARU CINA 2013 & PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA RUMAH-RUMAH KEBAJIKAN	COUNCIL OF JUSTICES OF THE PEACE OF SELANGOR KLANG DISTRICT	10,000.00
4	29.1.2013	SUMBANGAN UNTUK PEMBINAAN MASJID AL-MUSTAQIM DI BANDAR SERI PUTRA, BANGI	MASJID AL-MUSTAQIM	1,000.00
		JUMLAH		24,000.00

FEBRUARI

BIL	TARIKH	PERKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	4.2.2013	MEMOHON SUMBANGAN KEWANGAN UNTUK KOS PENGURUSAN DAN PENGOOPERASIANSAN PUSAT JAGAAN AL-FIKRAH MALAYSIA RUMAH KEBAJIKAN DI LOT 683, JALAN SEKOLAH, KG. SG. SERAMAT BATU 12 1/2, JALAN CHERAS KAJANG	PERSATUAN KEBAJIKAN AL-FIKRAH MALAYSIA	5,000.00
2	5.2.2013	BAYARAN SUMBANGAN SEMPENA TAHUN BARU CINA TAHUN 2013 ANJURAN PEKAWANIS	PEKAWANIS	100,400.00
3	5.2.2013	SPONSORSHIP "KEJOHANAN GOLF SELANGOR MASTER 2013"	PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR	200,000.00
4	7.2.2013	MEMBIAYAI KOS PEMASANGAN TANGLUNG DAN LAMPU HIASAN DI PEKAN SEKINCHAN, SEMPENA TAHUN BARU CINA.	ADUN (SEKINCHAN) Y.B. NG SUEE LIM	5,000.00
5	8.2.2013	MALAM PENGHARGAAN PELABUR NEGERI SELANGOR	Y.B. TERESA KOK (URUSFTIA SSIC)	10,000.00

6	21.2.2013	PERTANDINGAN LIGA BOLA SEPAK PIALA YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR TAHUN 2012 PERINGKAT MAULIS PERBANDARAN SELAYANG	PEJABAT MENTERI BESAR SEL.	5,000.00
7	25.2.2013	SUMBANGAN MEMBINA SURAU SEKSYEN 24, SHAH ALAM	PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU (PIBG)	2,000.00
	JUMLAH			327,400.00

MAC

BIL	TARIKH	PERIKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	1.3.2013	SUMBANGAN KEPADA PELAJAR DARI PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA UKUR BAHAN BAGI PROGRAM LAWATAN KE SHANGHAI	BENDAHARI UITM	1,000.00
2	1.3.2013	SUMBANGAN UNTUK FESTIVAL SAINS DAN ANGKASA 2013, UNISEL	KELAB BIOMESTA UNIVERSITI SEL.	3,000.00
3	13.3.2013	SUMBANGAN UNTUK TAJAMAN ANUGERAH GRADUAN TERBAIK DALAM KURSUS JURUTEKNIK SISTEM KOMPUTER BAGI MAULIS KONVOKESYEN KALI KE 17, INPEN	INPENS (SELANGOR) SDN. BHD	2,000.00
	JUMLAH			6,000.00

APRIL

BIL	TARIKH	PERIKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	3.4.2013	PERMOHONAN SUMBANGAN KHAS BAGI PROGRAM KEBAJIKAN DAN PENGUPAYAAN RAKYAT ANJURAN YAYASAN AMAN,	YAYASAN AMAN	60,000.00
2	29.4.2013	RHB BANK'S CENTENNIAL CHARITY GOLF CLASSIC 2013	RHB BANK CENTENNIAL CHARITY GOLF CLASSIC	4,000.00
	JUMLAH			64,000.00

JUN

BIL	TARIKH	PERKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	6.6.2013	SUMBANGAN UNTUK PROGRAM WAKAF AL-QURAN MUSHAR TARTIL SEMPENA SAMBUTAN JUBLI PERAK MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH.	MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH	5,000.00
2	6.6.2013	SUMBANGAN UNTUK PROJEK MEMBINA TEMBOK PAGAR SEKOLAH	SMK SEKSYEN 24 (2) S. ALAM	500.00
3	6.6.2013	SUMBANGAN UNTUK 'SCIENCE & TECHNOLOGY TOWER FUND' HIN HUA HIGH SCHOOL, KLANG	HIN HUA HIGH SCHOOL, KLANG	1,000.00
4	6.6.2013	SUMBANGAN UNTUK PERTANDINGAN REKAICTA & INOVASI - KOREA INTERNATIONAL WOMEN'S INVENTION EXPOSITION 2013' DI KOREA PADA 10-13/6/2013	PIBG SEK. MEN. KEB. SEKSYEN 24 (2)	500.00
		JUMLAH		7,000.00
		JUMLAH KESELURUHAN		428,400.00

KUMPULAN SEMESTA SDN BHD

- a) Semenjak memulakan operasi pada 2008, KSSB telah membuat bayaran dividen sebanyak RM29.5 juta kepada MBI untuk tahun kewangan 2008 hingga 2012. KSSB juga telah menyumbangkan sebanyak RM16.3 juta untuk program-program Kerajaan Negeri Selangor untuk tempoh yang sama.
- b) Perniagaan KSSB adalah berdasarkan pergerakan pasaran di mana harga jualan yang ditetapkan oleh KSSB adalah kompetitif mengikut kawasan dan tempoh masa yang tertentu.

KSSB juga menyokong sistem pasaran terbuka di mana kontraktor-kontraktor lombong pasir persendirian dan cucigali sungai dibenarkan untuk menjual pasir kepada pelanggan pada harga pasaran yang ditetapkan oleh mereka sendiri.

- c) KSSB tidak menjalankan projek sosial secara khusus. Namun untuk tempoh tahun kewangan 2008 hingga 2012, KSSB telah memberikan sumbangan sebanyak RM1.6 juta kepada sekolah-sekolah, rumah-rumah ibadat serta badan-badan kebajikan di bawah program sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Untuk tahun-tahun mendatang, KSSB akan meneruskan program CSR ini dan juga akan menjalankan beberapa projek sosial khususnya yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PROGRAM PENCEGAHAN BANJIR

119. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah program-program pencegahan banjir yang dirancang dalam masa jangka pendek dan jangka panjang di kawasan Meru?
- b) Berapakah anggaran kos perbelanjaan dan tempoh masa untuk menjalankan program tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor telah menyenaraikan program-program pencegahan banjir untuk jangka masa panjang dan pendek di dalam kawasan pekan Meru. Bagi cadangan program jangka pendek , Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Klang telah menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pengorekan di kiri dan kanan parit yang mana kerja-kerja penyelenggaraan tersebut dijalankan secara berkala dua kali setahun.

Manakala untuk program jangka panjang , Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor telah memasukkan cadangan projek bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Pekan Meru ke dalam Senarai Rancangan Malaysia ke-Sepuluh (RMK-10) . Komponen kerja yang dimasukkan ke dalam cadangan program RMK-10 tersebut adalah termasuk menaiktaraf parit tanah kepada parit konkrit, kerja ukur, pengalihan utiliti, serta menggantikan lintasan sempit seperti jambatan dan pembentung. Cadangan program ini amat diperlukan memandangkan saliran sedia ada tidak dapat menampung kuantiti air hujan yang banyak terutama ketika hujan turun berterusan melebihi dua jam.

- b) Kos perbelanjaan untuk cadangan jangka pendek bagi kedua-dua pusingan dalam tempoh setahun dianggarkan sebanyak RM 400,000.00. Manakala, anggaran kos perbelanjaan yang diperlukan untuk cadangan jangka panjang yang telah dimasukkan ke dalam RMK-10 adalah sebanyak RM 30 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)

TAJUK: JAMBATAN KETIGA KLANG

120. Manifesto PRU-13 Pakatan mahu membina Jambatan Ketiga Klang dengan harga RM300 juta.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan negeri terhadap projek ini?
- b) Apakah negeri menggunakan rizab untuk membiayai kos projek?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, perancangan pembinaan Jambatan Ke-3 Klang telah dibuat sebelum pilihanraya lagi. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 43/2012 bertarikh 5 Disember 2012 bersetuju supaya diadakan pertandingan merekabentuk Jambatan Ke-3 Klang. Vast Consultants Sdn Bhd selaku juara Pertandingan Rekabentuk Jambatan Ke-3 Klang telah dilantik sebagai pihak perunding kepada projek ini. Jangka masa yang diperuntukkan kepada pihak perunding bagi proses rekabentuk terperinci dengan mengambil kira konsep jambatan selaku mercu tanda dan ikon Klang Bandar Diraja adalah selama 8 bulan. Kerja-kerja diperingkat awalan seperti kerja ukur dan kerja tanah akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Proses tender akan diadakan pada bulan Februari 2014. Kerja – kerja pembinaan Jambatan Ke-3 Klang dijangka bermula pada bulan Jun 2014. Proses pembinaan adalah selama 24 bulan atau 2 tahun dan dijangka siap pada bulan Jun 2016.
- b) Adalah menjadi matlamat kerajaan negeri untuk menguruskan kewangan kerajaan negeri dengan cekap dan teratur agar segala dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebijakan rakyat negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Kerajaan Negeri Selangor pada pembentangan Bajet 2013 telah mengumumkan akan menggunakan rizab negeri, di antaranya , bagi melaksanakan pembinaan jambatan ketiga di Klang, melaksanakan penggunaan Storm Water di hiliran sungai sebagai sumber air terawat, membaiki dan menaik taraf sistem saliran di Negeri Selangor dan membina rumah mampu milik melalui projek "Rumah Mampu Milik Pasang Siap" (Prefabricated Packages Home).

Berdasarkan perancangan oleh pihak Jabatan Kerja Raya, proses tender bagi pembinaan Jambatan Ketiga Klang akan diadakan pada bulan Februari 2014. Kerja-kerja pembinaan Jambatan Ke-3 Klang dijangka bermula pada bulan Jun 2014. Proses pembinaan adalah selama 24 bulan atau 2 tahun dan dijangka siap pada bulan Jun 2016. Peruntukan bagi membiayai projek mulai tahun 2014 sehingga tahun 2016 akan disediakan secara tahunan dan dibayar mengikut laporan kemajuan kerja. Sekiranya terdapat pertambahan hasil di dalam tahun pelaksanaan maka peruntukan pembinaan ini akan ditambah oleh pertambahan hasil tersebut tanpa menggunakan rizab negeri yang sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

121. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan secara perbandingan kedudukan kewangan MAIS sejak 5 tahun yang lalu.
- b) Sila nyatakan secara terperinci apakah bidang perniagaan yang diceburi oleh MAIS ?
- c) Sila senaraikan anak-anak syarikat MAIS yang mencapai keuntungan dan juga yang mengalami kerugian sejak 5 tahun yang lalu.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : LRT KELANA JAYA KE PUTRA HEIGHT

122. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Perincikan status terkini pembinaan sambungan LRT Kelana Jaya ke Putra Heights.
- b) Apakah kerajaan negeri maklum tentang pampasan yang perlu dibayar kepada mereka yang terpaksa berpindah dan berapakah jumlahnya?
- c) Siapakah sebetulnya wakil kerajaan negeri yang memantau projek ini kerana aduan penduduk setempat banyak aspek keselamatan diabaikan oleh kontraktor?
- d) Huraikan apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan dalam menangani aduan penduduk sekitar.

JAWAPAN :

- a) Status pembinaan projek sambungan LRT Kelana Jaya sehingga kini adalah 80% siap. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan oleh Kerajaan Negeri terutamanya di Stesen 11 dan 12 yang berhampiran Taman Subang Alam, Seksyen 27 dan Putra Heights.
- b) **Tiada pampasan** yang perlu dibayar kerana tiada sebarang pengambilalihan rumah kediaman mahupun bangunan yang perlu diroboh untuk pembinaan projek sambungan LRT Kelana Jaya ke Putra Heights.
- c) **Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** merupakan wakil Kerajaan Negeri dalam memantau projek dan menyelesaikan aduan yang diterima daripada mana-mana pihak berhubung projek sambungan berkenaan. Dalam isu ini, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan sedia membantu menjadi perantara melalui pelbagai jabatan masing-masing.

- d) Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah keselamatan bagi memastikan semua aduan penduduk sekitar ditangani dengan segera. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah :-
- i. melantik perunding bebas untuk memberi pandangan (*second opinion*) serta cadangan bagi menyelesaikan isu ini dengan mengkaji dan meneliti keadaan permukaan tasik dan memastikan struktur tanah berkenaan kukuh untuk aktiviti pembinaan tiang dan cerucuk serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
 - ii. menurunkan paras air tasik kepada paras tanah sedia ada bagi mengukuhkan keadaan tebing tasik berkenaan serta mengarahkan agar pihak pemaju membina struktur longkang (*spillway*) kekal yang lebih besar bagi memudahkan pengaliran keluar air tasik.
 - iii. mengadakan beberapa sesi perbincangan dan pameran kepada pihak penduduk mengenai projek ini yang boleh diperolehi dari "*Project Information Centre*" yang bertempat di Aras CP2, Sunway Pyramid bermula 18 Februari 2013.
 - iv. mengarahkan pihak pemaju agar mengemaskini maklumat kemajuan projek di laman sesawang <http://www.lrtextension.com> untuk kemudahan orang awam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK: AIR

123. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- a) Air terawat dibekalkan melalui Wangsa Maju ke Ampang khususnya di Flat Desa Lembah Permai, kenapa selalu di Desa Lembah Permai apabila ketiadaan air, alasan yang diberikan tekanan air rendah?
 - b) Ketika masalah di wangsa maju kenapa pihak bekalan air tidak mengambil sahaja air dari "Ampang Intake" untuk diagihkan ke kawasan sekitar? Kenapa perlu ambil air di Selayang dan Gombak yang terlalu jauh?

JAWAPAN :

- a) Kawasan Lembah Permai termasuk Flat Lembah Permai menerima bekalan air terawat dari Loji Rawatan Air Ampang Intake dan Rumah Pam Wangsa Maju. Loji Rawatan Air Ampang Intake hanya mampu mengeluarkan bekalan air sebanyak 18 Juta Liter Sehari (JLH). Kepadatan penduduk di kawasan tersebut telah meningkat melebihi 10,000 orang. Kawasan Flat Lembah Permai terletak di kawasan tinggi. Justeru itu, apabila berlaku henti tugas loji Ampang Intake atau gangguan di Rumah Pam Wangsa Maju, maka kawasan Flat Lembah Permai akan turut terjejas.
- b) Loji Rawatan Air Ampang Intake hanya mampu mengeluarkan bekalan air sebanyak 18 Juta Liter Sehari (JLH). Kepesatan pembangunan di kawasan tersebut telah menyebabkan permintaan kepada air terawat semakin meningkat di mana ada kalanya pengeluaran air dari Loji ini juga tidak cukup untuk menampung permintaan kawasan setempat malahan terpaksa dibantu menggunakan bekalan dari Rumah Pam wangsa Maju.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK: PRESTASI KEWANGAN PBT

124. Pendapatan dan perbelanjaan setiap PBT penting untuk memastikan kebolehan mereka menyelenggarakan keperluan rakyat bandar.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik prestasi pendapatan dan perbelanjaan setiap PBT di Selangor dari 2008 hingga 2013?
- b) Berikan pecahan pendapatan dan perbelanjaan setiap PBT dari 2008 hingga 2013?
- d) Apakah strategi PBT untuk meningkatkan pendapatan dan mengawal perbelanjaan?

JAWAPAN:

- a) Statistik prestasi pendapatan dan perbelanjaan setiap PBT di Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2011 yang telah diaudit adalah seperti berikut:

(Lampiran A)
- b) Pecahan pendapatan dan perbelanjaan setiap PBT dari tahun 2008 sehingga 2011 adalah seperti berikut:

(Lampiran B1-B12)
- c) Cukai taksiran merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT Negeri Selangor. PBT juga memberi fokus untuk meningkatkan aktiviti hasil bukan cukai dalam usaha meningkatkan hasil yang ternyata akan memperkuuhkan rizab Majlis. Antaranya ialah dengan merancang pembangunan ekonomi setempat bagi menggalakkan pelesenan aktiviti penduduk, mengurus harta-harta majlis dengan lebih efisien (nilai sewaan yang kompetitif), penguatkuasaan (denda dan kompaun). Pengawalan perbelanjaan di majlis dengan mengamalkan konsep 'value for money' di mana semua perolehan kerja/barang adalah melalui proses sebut harga, tender atau pun undi. Pelaksanaan kerja/ pembelian barang adalah mengikut spesifikasi selain mengamalkan sikap jimat-cermat dengan menggunakan sumber dalaman Majlis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK: SEKOLAH RENDAH AGAMA DI DUN TERATAI

125. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memperkasakan Sekolah Rendah Agama di DUN Teratai?
 - Berapakah peruntukan yang telah diagihkan untuk perkara (a)?
 - Berapakah bilangan tenaga pengajar dan pelajar yang dapat manfaat daripada program yang telah dilaksanakan untuk Sekolah Agama DUN Teratai?

JAWAPAN :

- Rancangan Kerajaan Negeri untuk memperkasakan Sekolah Rendah Agama di DUN Teratai (SRA.Cheras Baru, KAFAI Al-Huda Bkt Teratai & KAFAI As-Salam):
 - Memberi ruang seluas-luasnya kepada para guru di ketiga-tiga Sekolah ini dan guru Jabatan Agama Islam Selangor keseluruhannya untuk menambah ilmu, kemahiran dan memperbaiki sikap melalui kursus yang JAIS sediakan atau Institut Awam yang ada di Negara ini.
 - Memberi halatuju yang jelas kepada pegawai, guru dan kakitangan kearah membina generasi yang menghayati Al- Quran melalui pendekatan yang Integrated dan Holistik
 - Meningkatkan keperluan prasarana supaya pembelajaran dapat dilaksanakan dalam suasana yang kondusif
- Peruntukan yang telah diagihkan ialah **1058 orang X RM615.43 = RM651,124.94**.
- Bilangan yang mendapat manfaat berkenaan di kalangan tenaga pengajar seramai **46 orang** dan pelajar **1058 orang**.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PELAKSANAAN PROJEK OLEH PEMAJU SWASTA

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a). Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menarik lebih banyak pemaju swasta untuk melaksanakan projek - projek pembangunan memandangkan aturan wajib pembangunan serta *capital contribution* yang dikenakan ke atas pemaju sentiasa berubah dan tidak konsisten ?

JAWAPAN:

a) **Pengenalan**

Capital contribution atau caj pemajuan didefinisikan sebagai jumlah bayaran yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan melalui Seksyen 32, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) kepada pemilik tanah kerana kelulusan perancangan yang menaikkan nilai tanahnya berbanding nilai tanah sebelum kebenaran merancang.

Terdapat 3 jenis perubahan yang boleh dikenakan caj pemajuan, di mana perubahan ini dapat menaikkan nilai tanah seperti di bawah:-

- i. Perubahan penggunaan tanah
- ii. Perubahan ketumpatan atau kepadatan (*density*)
- iii. Perubahan luas lantai (*plot ratio*)

Caj pemajuan di kenakan dengan mengikut peruntukan undang-undang seperti di bawah:-

- i. Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
 - Bahagian V Caj Pemajuan
 - Seksyen 32 (1) – (3)
 - Seksyen 34 (1)
- ii. Tatacara perlaksanaan caj pemajuan diperjelaskan dalam kaedah-kaedah Caj Pemajuan 2010 dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor pada 25/11/2010. Manakala perlaksanaan caj pemajuan adalah bergantung kepada Pihak Berkuasa Tempatan selepas dari keluar warta contohnya Majlis Perbandaran Klang (MPK) melaksanakan caj pemajuan bermula 1/4/2011

Penentuan kadar caj pemajuan

Peratusan yang dikenakan adalah berbeza bagi setiap kawasan iaitu 20% bagi kawasan Majlis Daerah dan 30% bagi Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran. **Amaun caj pemajuan adalah muktamad** dan tidak boleh tertakluk kepada rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah menurut Seksyen 33(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Manakala cara pengiraan caj pemajuan adalah seperti berikut :-

1) Perubahan Penggunaan Tanah

Perkara	Majlis Bandaraya/ Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
Nilai tanah berdasarkan penggunaan dalam hakmilik	RM w	RM w
Nilai tanah berdasarkan cadangan pemajuan dalam Rancangan Tempatan (RT)	RM x	RM x
Kenaikan nilai tanah	RM x – RM w = RM y	RM x – RM w = RM y
Amaun caj pemajuan yang perlu dibayar a) Secara sekaligus b) Secara ansuran	a) $30\% \times RM y = RM z$ b) $RM z + \text{bunga}^*$	a) $20\% \times RM y = RM z$ b) $RM z + \text{bunga}^*$

2) Perubahan ketumpatan (density)

Perkara	Majlis Bandaraya/ Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
Nilai tanah berdasarkan ketumpatan cadangan pemajuan yang dibenarkan dalam Rancangan Tempatan (RT) terdahulu	RM w	RM w
Nilai tanah berdasarkan ketumpatan cadangan pemajuan yang dibenarkan dalam Rancangan Tempatan (RT) baru	RM x	RM x

Kenaikan nilai tanah	$RM\ x - RM\ w = RM\ y$	$RM\ x - RM\ w = RM\ y$
Amaun caj pemajuan yang perlu dibayar a) Secara sekaligus b) Secara ansuran	a) $30\% \times RM\ y = RM\ z$ b) $RM\ z + \text{bunga}^*$	a) $20\% \times RM\ y = RM\ z$ b) $RM\ z + \text{bunga}^*$

3) Perubahan Luas Lantai (plot ratio)

Perkara	Majlis Bandaraya/ Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
Nilai tanah berdasarkan luas lantai cadangan pemajuan yang dibenarkan dalam Rancangan Tempatan (RT) terdahulu	RM w	RM w
Nilai tanah berdasarkan luas lantai cadangan pemajuan yang dibenarkan dalam Rancangan Tempatan (RT) baru	RM x	RM x
Kenaikan nilai tanah	$RM\ x - RM\ w = RM\ y$	$RM\ x - RM\ w = RM\ y$
Amaun caj pemajuan yang perlu dibayar a) Secara sekaligus b) Secara ansuran	a) $30\% \times RM\ y = RM\ z$ b) $RM\ z + \text{bunga}^*$	a) $20\% \times RM\ y = RM\ z$ b) $RM\ z + \text{bunga}^*$

Kaedah-kaedah Penilaian yang biasa digunakan bagi maksud caj pemajuan adalah :-

i. **Kaedah Perbandingan Terus (*comparison method*)**

Digunakan dalam menentukan nilai tanah di mana asasnya adalah untuk mencari persamaan atau sebaliknya melalui analisa urusniaga harta tanah serupa/sebanding.

ii. **Kaedah Nilai Baki (*Residual method*)**

Nilai Pembangunan Kasar (GDV)

(-) Kos Pembangunan Kasar (GDC)

(=) Nilai Tanah

Kepentingan caj pemajuan kepada PBT :-

- Kutipan caj pemajuan boleh menjadi satu sumber kewangan (hasil) kepada PBT selain dari cukai-cukai yang boleh dipunggut.
- Boleh menjadikan Rancangan Tempatan (RT) sebagai alat kawalan penting dalam mempengaruhi nilai tanah selain mengawal dan mencorakkan pembangunan sesuatu kawasan.
- Merupakan satu sumber yang dapat dilaburkan semula bagi faedah masyarakat.
- Digunakan oleh PBT untuk memajukan pembangunan Bandar dan kerja penyenggaraan kemudahan awam.

Merujuk kepada jadual pengiraan di atas caj pemajuan yang dikenakan adalah konsisten cuma kadar peratusan yang dikenakan berbeza mengikut Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah, ini kerana tekanan pembangunan adalah berbeza mengikut kawasan dan setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai tanggungjawab untuk penyenggaraan kawasan masing-masing mengikut keperluan dan permintaan penduduk. Ini dapat disimpulkan bahawa kawasan yang mempunyai tekanan pembangunan yang tinggi seperti di Lembah Klang dikenakan pada kadar 30% dan kawasan sebaliknya seperti di luar Lembah Klang dikenakan pada kadar 20%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK: MASALAH CF TAMAN TAMAN PERUMAHAN DAN PANGSAPURI

127. Antara masalah yang dihadapi oleh pembeli rumah adalah kegagalan pihak pemaju untuk memperolehi CF kerana kegagalan mematuhi beberapa syarat dan akhirnya mereka berlepas tangan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- Apakah langkah-langkah penyelesaian terhadap masalah CF?
- Apakah tindakan yang diambil untuk membantu pembeli yang terperangkap dengan masalah tersebut?
- Apakah tindakan susulan terhadap masalah CF Taman Desa Gemilang di Sg Pusu?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri Selangor selepas tahun 2007 tidak lagi mengeluarkan CF dan mengantikannya dengan Perakuan siap dan Pematuhan (CCC) . CCC dikeluarkan oleh Orang Utama yang Mengemukakan (Principle Submitting Person) iaitu arkitek profesional, jurutera profesional atau pelukis pelan bangunan.

Walau bagaimanapun bagi pembangunan yang melibatkan CF sebelum ini, langkah-langkah penyelesaian terhadap masalah CF adalah seperti berikut:-

- Mengaturkan mesyuarat teknikal bersama pemaju, perunding dan agensi teknikal bagi mengenal pasti masalah dan membincangkan kaedah penyelesaian serta khidmat nasihat / mempermudah cara tanpa mengetepikan prosedur.
- Mengemukakan status terkini kepada pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi membantu pembeli untuk mendapatkan CF.
- Mengenakan syarat yang minima bagi pengeluaran CF.
- Menbenarkan pengeluaran CF secara berfasa dengan syarat keperluan kemudahan asas disiapkan keseluruhan dengan persetujuan agensi teknikal.

- v. Menghalang pihak pemaju yang bermasalah untuk mengemukakan permohonan pembangunan baru sebelum isu CF yang tertangguh diselesaikan.
- b) Secara umumnya, masalah berkaitan CF ini melibatkan pembeli dan pemaju seperti yang tertakluk di dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Perlesenan) 1966 (Pindaan) 2002. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah badan yang bertanggungjawab di dalam memastikan pemaju menyiapkan sesuatu pembangunan itu.

Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri boleh memberi khidmat nasihat dari segi teknikal dan perundangan supaya mereka boleh mengetahui hak mereka sebagai seorang pembeli. Merujuk klaus 25, Akta Pemajuan Perumahan 2002 ada menyatakan tanggungjawab pemaju bagi mendapatkan Sijil Kelayakan Menduduki (CF). Walau bagaimanapun, sekiranya pemaju gagal atau tidak mematuhi mana-mana keperluan Jabatan teknikal luaran dan dalaman bagi memperoleh CF, pembeli mempunyai hak mengambil tindakan perundangan ke atas pemaju, Arkitek dan mana-mana orang lain yang berkenaan dengan pemajuan perumahan yang dibeli seperti yang dinyatakan di dalam klaus 7, Akta Pemajuan Perumahan 2002.

- c) Berikut adalah tindakan susulan terhadap masalah CF Taman Desa Gemilang:-
 - i. Status CF di Taman Desa Gemilang adalah Sijil Kelayakan Menduduki Sementara dan telah tamat tempoh pada 8 Disember 2012.
 - ii. Permohonan ini masih belum memiliki CF penuh kerana perunding masih belum mengemukakan surat sokongan dari IWK, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Taman & Rekreasi, MPS.
 - iii. Tindakan susulan – Jabatan Bangunan telah mengeluarkan surat peringatan kepada perunding untuk mengemukakan permohonan lanjut tempoh CF.
 - iv. Tanggungjawab perunding yang mengemukakan pelan bangunan untuk menyelesaikan masalah CF

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : SKIM AIR PERCUMA

128. Rakyat Selangor dijangka terus menikmati skim air percuma 20 meter padu pertama.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah halatuju jangka panjang skim tersebut?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri menampung kos skim untuk seterusnya?
- c) Apakah langkah untuk memastikan pengguna meter pukal turut menikmati skim ini?

JAWAPAN :

- a) Sebagaimana yang telah dijanjikan, Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan program pemberian 20 meter padu air percuma kepada rakyat Negeri Selangor selaras untuk merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor. Memandangkan terdapat kebaikan di dalam Skim pemberian air percuma ini, ia telah turut dijadikan sebagai janji-janji pilihan raya oleh Barisan Nasional di dalam kempen Pilihan Raya yang ke 13. Tambahan pula, Laporan Malaysian Water Industry Guide (MWIG) pada tahun 2009, 2011 dan 2012 menyatakan penggunaan per sambungan telah menunjukkan trend menurun sejak pelaksanaan Skim Air Percuma. Ini menunjukkan pemberian air percuma yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor tidak menjurus kepada pembaziran.
- b) Bagi meneruskan skim pemberian 20 meter padu air percuma, Kerajaan Negeri Selangor hendaklah memuktamadkan industri perkhidmatan air Negeri Selangor di bawah satu entiti yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri. Melalui kaedah ini, kawalan penuh boleh diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor ke atas operasi Syarikat SPV tersebut dan keuntungan serta kos operasi dapat dipantau secara telus dan berterusan.
- c) Untuk memastikan pengguna meter pukal dapat menikmati skim air percuma 20 meter padu, Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah berikut:

Pangsapuri Kos Rendah

Program “LAPOR DAN DAPAT” (dahulunya dikenali sebagai SISTEM KUPON”) diteruskan sehingga pangsapuri terbabit berjaya melaksanakan migrasi meter air individu.

Pangsapuri Bukan Kos Rendah

Skim PERMAI (Penyelesaian Migrasi Meter Air Individu) akan ditambahbaik dari semasa ke semasa bagi memastikan migrasi meter air individu dapat dilaksanakan dengan segera supaya pemberian air percuma boleh dibuat secara automatik kepada pangsapuri-pangsapuri bukan kos rendah ini.

Setakat 31 Mei 2013, berdasarkan rekod daripada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) dan Unit Pesuruhjaya Bangunan, Pihak Berkuasa Tempatan, statistik pelaksanaan migrasi meter air pukal kepada meter air individu adalah seperti berikut:

- | | |
|---|---------------------------------------|
| • Kawasan pangsapuri yang TELAH melaksanakan migrasi meter air individu | 206 kawasan
(56,844 unit) |
| • Kawasan pangsapuri yang BELUM melaksanakan migrasi meter air individu | 540 kawasan
(163,523 unit) |

Untuk menyelesaikan isu-isu pelaksanaan migrasi meter air individu secara komprehensif, *Task-Force Skim PERMAI* telah ditubuhkan pada bulan Jun 2012 di antara Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) bersama SYABAS. Mesyuarat *Task-Force* tersebut dibuat secara berkala supaya pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan

Pengurusan (MC) mendapat khidmat nasihat secara terus dan tepat daripada SYABAS berkenaan mekanisme pelaksanaan migrasi meter air individu. Sejumlah 106 kawasan pangsapuri terlibat dalam rundingan mesyuarat berkaitan sehingga bulan Januari 2013.

Kesinambungan daripada Mesyuarat *Task-Force PERMAI*, program turun padang “Klinik PERMAI” telah diadakan supaya rundingan dapat meliputi kumpulan sasar yang lebih meluas. Melalui 3 program Klinik PERMAI, 100 kawasan telah hadir berurus dengan SYABAS.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menetapkan kepada SYABAS untuk membuat penambahbaikan syarat perlaksanaan migrasi meter air invidu dengan menurunkan kuota persetujuan penduduk daripada 100 % kepada 50% (berdasarkan unit diduduki). Sejumlah 66 kawasan pangrupur yang telah dikenalpasti mendapat kelulusan teknikal SYABAS dan tiada tunggakan meter air pukal tetapi persetujuan penduduk hanya berjaya diperoleh sekitar 50% sehingga 85% telah dikemukakan untuk tindakan SYABAS seterusnya. Walau bagaimanapun, sehingga kini Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang maklumbalas berhubung kelulusan SYABAS bagi pelaksanaan migrasi meter air individu di kawasan-kawasan terbabit.

Selain itu, sebanyak 160 kawasan didapati masih belum membuat permohonan migrasi meter air individu dengan SYABAS. Antara faktor-faktor utama, permohonan migrasi meter air individu belum dibuat adalah seperti berikut:

- Tiada pengurusan bangunan yang sah yang menguruskan bangunan pangrupur terbabit;
- Badan Pengurusan Bersama tidak mahu melaksanakan migrasi meter air individu kerana ingin mengambil tindakan pemotongan bekalan air ke atas unit rumah pemilik yang mempunyai tunggakan caj; dan
- Kutipan caj yang rendah dan sumber kewangan yang kritikal sehingga pemaju, JMB atau MC tidak mampu membayai tunggakan bil air meter pukal yang tinggi dan kos kerja-kerja teknikal yang ditetapkan SYABAS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)**

TAJUK: MENAIKTARAF KEMUDAHAN ASAS

129. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf kemudahan-kemudahan di Masjid, termasuk menurap kawasan lapang di dalam Masjid mengikut susunan tahun 2008 sehingga bulan Mac, 2013 di kawasan DUN Telok Datok, Sijangkang dan Morib?

JAWAPAN :

- a) Agihan peruntukan untuk menaiktaraf kemudahan-kemudahan di Masjid bagi Daerah Kuala Langat (termasuk DUN Teluk Datuk, Sijangkang dan Morib) dari tahun 2008 sehingga 2013 adalah seperti berikut;

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN DISALURKAN (RM)
2008	130,000.00
2009	350,000.00
2010	2,012,326.11
2011	872,367.47
2012	825,072.34
APRIL 2013	325,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	4,514,765.92

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

TAJUK: PENUKARAN SYARAT GUNA TANAH RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

130. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah permohonan telah diterima dari pihak-pihak berkenaan untuk menukar syarat guna tanah kepada rumah ibadat bukan Islam dari 2008 sehingga 2013?
- b) Berapakah jumlah permohonan telah diluluskan dalam tempoh yang sama dan adakah premium untuk penukaran syarat tanah dikecualikan?
- c) Apakah sebab-sebab utama yang menyebabkan sesuatu permohonan itu tidak berjaya?

JAWAPAN :

- a) Sebanyak **16 permohonan** untuk menukar syarat guna tanah kepada rumah ibadat bukan Islam telah diterima dari tahun 2008 sehingga 2013 dan pecahannya mengikut daerah adalah seperti jadual berikut :

DAERAH	JUMLAH PERMOHONAN
Hulu Selangor	1
Hulu Langat	1
Kuala Selangor	1
Kuala Langat	2
Sabak Bernam	-
Petaling	-
Gombak	8
Klang	3
Sepang	-
JUMLAH	16

- b) Sebanyak **9 permohonan** telah diluluskan dari tahun 2008 sehingga 2013. Tiada pengecualian bagi bayaran premium untuk penukaran syarat tanah dan premium yang dikenakan adalah pada kadar nominal RM1,000.00/ selot mengikut Kaedah Tanah Selangor 2003 (pindaan 2005).

DAERAH	BILANGAN DILULUSKAN
Hulu Selangor	1
Hulu Langat	-
Kuala Selangor	-
Kuala Langat	1
Sabak Bernam	-
Petaling	-
Gombak	7
Klang	0
Sepang	-
JUMLAH	9

- c) Antara sebab utama tukar syarat tanah kepada rumah ibadat bukan Islam tidak diluluskan adalah kerana permohonan tersebut tidak selaras dengan ‘zoning’ yang telah ditetapkan di dalam RT (Rancangan Tempatan) Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: TADIKA

131. Terdapat banyak tadika kemas dan perpaduan beroperasi di Bangunan Kerajaan Negeri seperti di dewan dan juga di bangunan di bawah seliaan JMB.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan sewa terhadap tadika ini dan wajarkan JMB juga mengenakan bayaran terhadap tadika ini?
- b) Kenapa tidak kerajaan mengambil alih tadika ini dengan memperkembangkan Pra Sekolah JAIS yang yurannya mampu dibayar oleh rakyat berpendapatan rendah?

JAWAPAN :

- a) Ya, JMB wajar mengenakan sewa tersebut kerana tempat yang digunakan untuk operasi tadika kemas dan perpaduan adalah harta bersama yang perlu diurus dan disenggara JMB. Namun begitu, berdasarkan Seksyen 22 Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663], hasil sewa berkenaan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun Kumpulan Wang Penyenggaraan Bangunan JMB dan dinyatakan secara jelas dalam laporan audit akaun.
- b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai bidang kuasa ke atas sekolah-sekolah tadika Kemas dan Perpaduan. Ini kerana kedua-dua jenis tadikan ini adalah di bawah seliaan Jabatan Perpaduan Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kedua-dua buah jabatan ini adalah di dalam bidangkuasa Kerajaan Persekutuan. Namun begitu, Kerajaan Negeri tetap menawarkan Program Bantuan yuran RM 50 sebulan kepada para pelajar di kedua-dua tadika tersebut, di bawah Skim Tunas Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

132. Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia seharusnya menerajui industri pertanian.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- Bagaimakah sumbangan industri pertanian terhadap ekonomi negeri hari ini?
- Apakah kejayaan-kejayaan industri sektor pertanian Selangor sejak lima tahun lalu?
- Apakah langkah untuk memacu industri ini ke peringkat lebih tinggi?

JAWAPAN :

- Sumbangan Industri pertanian terhadap ekonomi negeri hari ini adalah dari segi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian bagi memenuhi keperluan makanan rakyat negeri Selangor. Berikut adalah data pengeluaran hasil tahun 2012 berbanding tahun 2011 serta purata peratus sara diri bagi Negeri Selangor.

Kategori Projek	Bil Peserta	Luas Bertanam (ha)	Luas Berhasil (ha)	Pengeluaran		Nilai Pengeluaran (RM)
				tan	Bil.	
Projek Kelompok	19,399	33,419.77	33,298.28	209,952.00	961,111	277,493,472.68
TKPM	352	1,903.56	1,817.57	28,181.86	748,702	31,042,539.44
Usahawan	430	733.62	717.70	10,409.59	246,215	17,916,991.99
Tanah Terbiar	5	6	6	16.00	0	46,000.00
Jumlah (2012)	20,186	36,062.95	35,839.55	248,559.44	1,956,028	326,499,004.11
Jumlah (2011)	16,128	28,104.54	27,627.14	196,863.94	2,182,192	255,626,770.61

Bil	Komoditi	Penggunaan Per Kapita (kg/orang/tahun)	Penggunaan Penduduk Selangor (tan/tahun)	Pengeluaran Selangor (tan/tahun)	% Sara Diri Negeri (SSL)
i.	Beras	79.1	422,825	133,956.00	31.68
ii.	Buah	93.4	499,265	73,880.43	14.80
iii.	Sayur	56.2	300,414	77,185.74	25.69
iv.	Kelapa	18.8	100,494	100,517.00	100.02
Purata Peratus Sara Diri Negeri					43.05

*Penduduk Selangor 2010 adalah seramai 5,345,454 (Sumber: Banci penduduk dan perumahan Malaysia, 2010)

- b) Kejayaan-kejayaan industri sektor pertanian Selangor sejak lima tahun lalu adalah:

Pada tahun 2012, Negeri Selangor telah menunjukkan prestasi yang baik dalam sektor pertanian dimana sektor ini berjaya mengeluarkan hasil pertanian yang merangkumi tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran, herba dan rempah ratus, florikultur, tanaman ladang, tanaman industri serta produk-produk hiliran berasaskan pertanian dengan jumlah pengeluaran sebanyak RM326.5 juta.

Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Negeri Selangor (TKPM) merupakan projek yang mencatatkan pengeluaran hasil dan pendapatan tertinggi berbanding TKPM lain di Malaysia pada tahun 2012 iaitu 26 ribu metrik tan dengan nilai RM31 Juta

Jelapang padi Negeri Selangor turut mencatatkan purata hasil tertinggi berbanding jelapang padi negeri lain iaitu 6.1 Mtan per hektar pada tahun 2012

Jadual : Pencapai TKPM Semenanjung Malaysia Tahun 2012

Negeri	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	N. Sembilan	P. Pinang	Pahang	Perak	Selangor	Terengganu
Pengeluaran (mt)	2,006	516.5	1,100.6	561.3	1,350.9	869.9	9,131.7	9,140.3	26,153.8	4,627.7
Nilai (RM) Juta	2.15	0.74	2.24	0.88	2.78	1.00	15.22	10.73	31.00	7.11
% Sumbangan Nilai Pengeluaran (RM) TKPM Malaysia	2.8	0.99	2.99	1.2	3.7	1.3	20.3	14.3	42.7	9.5

Jadual: Pencapaian Purata Pengeluaran Hasil Padi Malaysia Tahun 2009-2012

NEGERI	HASIL (MTAN/HA)						
	M1/20 09	M2/20 09	M1/20 10	M2/20 10	M1/20 11	M2/20 11	M1/20 12
Johor	3.48	4.08	3.93	3.76	3.84	3.76	4.10
Kedah	4.37	4.27	3.92	3.92	4.26	3.88	4.33
Kelantan	3.59	3.51	3.69	3.92	3.98	3.74	3.65
Melaka	1.64	3.83	2.13	2.61	3.15	3.64	3.41
N.Sembilan	3.64	3.74	3.48	4.61	3.15	3.25	4.14
Pahang	3.12	4.68	2.30	4.48	3.04	3.54	3.35
Perak	3.96	3.70	3.44	3.80	4.25	3.63	4.56
Perlis	4.65	4.40	4.24	4.33	4.60	4.34	5.00
P.Pinang	5.30	5.11	5.72	5.42	5.81	5.50	5.74
Selangor	5.41	5.47	5.52	5.71	6.05	5.76	6.15
Terengganu	4.10	4.23	4.25	4.45	4.24	4.46	4.14
Sem. Malaysia	4.31	4.20	4.04	4.17	4.43	4.09	4.57
Sabah	3.56	3.32	4.22	3.33	2.87	3.28	2.95
Sarawak	1.77	2.44	3.09	2.80	1.49	3.11	1.84
MALAYSIA	4.28	3.85	4.04	3.87	4.36	3.86	4.49

- c) Langkah untuk memacu industri ini ke peringkat lebih tinggi adalah memberi tumpuan kepada:

Pengeluaran Makanan; Tanaman Padi, Sayur-sayuran, dan Buah-buahan

Sebagai Negeri Industri dan hampir 80% adalah kawasan bandar, Selangor akan terus memberi tumpuan kepada pengeluaran makanan terutamanya bagi tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan kelapa. Teknologi moden, tepat dan sesuai dengan pengeluaran produk tertentu akan digunakan bagi menjaga penjadualan pengeluaran dan kualiti hasil pertanian.

Sistem fertigasi adalah sesuai bagi tanaman buah-buahan seperti melon dan sayur-sayuran bernilai tinggi. Walaupun teknologi pengeluaran ini memerlukan modal yang tinggi, namun ia sesuai dalam keadaan penggunaan tanah yang terhad dan pengguna dapat mengawal sepenuhnya operasi pengeluarannya melalui mekanisasi dan automasi.

Penerokaan terhadap teknologi ‘Natural Farming’ dalam penanaman sayur-sayuran dan padi membantu menghasilkan produk-produk pertanian yang selamat dan mesra alam akibat penggunaan racun dan baja kimia yang minima dan berhemah. Penggunaan bahan ‘Natural Farming’ menggantikan racun dan baja kimia yang mahal dapat membantu mengurangkan kos operasi petani.

Penggunaan mekanisasi yang sesuai dan tepat dalam penanaman padi terutamanya dalam kerja-kerja penyediaan tanah seperti penggunaan implement yang betul dalam pembajakan dan perataan. Mekanisasi perlu diberi tumpuan yang serius memandangkan aktiviti ini telah lama diamalkan tetapi masih tidak menepati syor dan teknologi terkini sehingga mengakibatkan penapakan benih padi masih belum mencapai kepadatan tanaman yang dikehendaki.

Pengenalan kepada sistem tanaman berbilang dikawasan kelapa dimana penanam kelapa digalakkan untuk menanam tanaman selingan seperti koko, nanas dan kopi bagi menggantikan tanaman selingan pisang yang telah dilanda wabak moko. Dengan ini dapat memaksimumkan penggunaan tanah serta memberi pendapatan sampingan kepada petani tersebut.

Pemasaran Hasil dan Tambah Nilai Produk Pertanian

Penglibatan pihak swasta seperti Syarikat Kerajaan Negeri dalam memacu pemasaran produk-produk pertanian dan mengukuhkan rantai bekalan makanan di Selangor. Penglibatan syarikat-syarikat ini sebagai ‘Anchor company’ dapat membimbing usahawan dalam mengurus perniagaan dan memasarkan hasil-hasil segar dan produk-produk yang diproses dan diberi nilai tambah

Berikutan populasi rakyat di negara kita yang semakin meningkat menyebabkan permintaan terhadap hasil dan produk pertanian semakin tinggi. Peluang ini perlu diambil sebaiknya oleh golongan usahawan tani dan syarikat-syarikat ini untuk bekerjasama dan mendapat manfaat yang lumayan darinya. Justeru itu luang pasaran perlu dilihat selain daripada saluran konvensional, melalui orang tengah dan pemborong ia itu melibatkan petani atau usahawan Industri asas tani (IAT) menjual terus ke pasaraya dan pengguna akhir secara kontrak.

Produk-produk makanan hasil dari ladang akan diberi nilai tambah melalui gredding, pembungkusan dan pemprosesan minima, manakala produk IAT akan diberi penjenamaan dan pembungkusan yang lebih menarik supaya dapat menawan pengguna kelas menengah dan tinggi.

Pembangunan Modal Insan

Dalam usaha melahirkan usahawan yang berjaya di bawah bimbingan Jabatan Pertanian akan memberi penekanan kepada Pembangunan modal insan yang lebih berdaya saing dan berkualiti. Peningkatan kemahiran & kepakaran usahawan pertanian dan industri asas tani melalui latihan, seminar dan bengkel meliputi bidang kemahiran keusahawanan, perakaunan, teknologi moden dan terkini serta penekanan kepada pembinaan modal insan yang bermotivasi dan berintegriti. Program ini akan mensasarkan latihan dan capacity building di kalangan pegawai pembimbing dan juga usahawan-usahawan yang akan melalui proses saringan awal.

Selain itu, program ini juga memberi pengiktirafan khusus kepada pemimpin tempatan yang memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan individu dan komuniti. Oleh kerana itu latihan juga akan diberikan kepada ahli-ahli jawatankuasa komuniti di kawasan tumpuan dengan penekanan kepada kemahiran kepimpinan, kemahiran berfikir dan juga pendedahan kepada konsep

Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset (Asset-Based Community Development (ABCD). Konsep ini penting dalam usaha pembangunan lestari di mana penghakupayaan dapat berlaku dengan penglibatan aktif pemimpin dan penduduk menggunakan aset setempat secara optimum.

Pensijilan Kualiti

Pengguna pada masa kini di Malaysia dan seluruh dunia didapati semakin peka kepada kesihatan dan keselamatan makanan. Permintaan terhadap produk makanan yang bebas dari bahan kimia merbahaya serta mesra alam semakin meningkat. Atas kesedaran itu, kerajaan negeri juga bertanggungjawab untuk mempromosi pertanian lestari untuk memastikan alam sekitar terus terpelihara dan kesihatan pengguna terjamin.

Pensijilan Amalan Ladang Baik (SALM) dan Skim Organik Malaysia (SOM) adalah salah satu usaha untuk memastikan pengeluaran makanan yang mengamalkan amalan pertanian yang baik dan menggunakan bahan kimia secara terkawal dan minima. Ladang-ladang yang berjaya melalui proses pemeriksaan ladang yang berkala akan diberi sijil SALM dan SOM serta disahkan telah mengamalkan amalan baik pertanian (GAP) dan menghasilkan produk organik.

Target Kerajaan Negeri adalah untuk meningkatkan jumlah penerima sijil SALM dan SOM supaya lebih banyak produk pertanian yang dijamin berkualiti dan selamat dapat dinikmati oleh rakyat Selangor. Kerajaan negeri juga ingin meningkatkan kesedaran dan mendidik pengguna memberi nilai pasaran yang tinggi bagi produk-produk premium ini supaya mendapat faedah dalam jangka masa panjang dari segi kesihatan. Usaha-usaha ini akan melibatkan pihak-pihak NGO yang berkaitan seperti persatuan pengguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK: MASALAH SAMPAH KEBUN DAN SAMPAH HARAM

133. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- Apakah langkah baru yang dirancang untuk mengatasi masalah kutipan sampah kebun dan sampah pukal di kawasan bandar?
 - Apakah statistik penguatkuasaan terhadap kejadian pembuangan sampah haram mengikut kawasan?

JAWAPAN :

- Antara langkah baru yang telah dijalankan di kawasan bandar adalah seperti:-
 - Menambah jadual kutipan sampah kebun dari dua (2) kali kepada lapan (8) kali dan sampah pukal 12 kali sebulan;
 - Menyediakan pasukan "*Wood Chipper*";
 - Menubuhkan unit "*Task Force*" atau unit "*Flying Squad*";
 - Menyediakan tapak pembuangan sampah serta tong RORO di kawasan pasar dan pembinaan; dan
 - Mengarahkan kontraktor menjalankan kerja-kerja kutipan sampah kebun atau pukal pada hari-hari tertentu.

b)

**STATISTIK PENGUATKUASAAN TERHADAP KEJADIAN PEMBUANGAN
SAMPAH HARAM**

PBT	TAHUN	
	2012	SEHINGGA MEI 2013
MBSA	129	43
MBPJ	95	18
MPSJ	26	50
MPKj	169	32
MPS	9	1
MPK	391	595
MPAJ	156	73
MPSp	21	15
MDKS	360	220
MDSB	12	3
MDHS	13	9
MDKL	48	27
JUMLAH	1,429	1,086

***sumber: Semua PBT, Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PEMULIHAN JALAN-JALAN UTAMA SELANGOR

134. Keadaan jalan-jalan utama yang berlubang mengundang bahaya dan kerosakan kepada kenderaan pengguna jalan raya.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah penurapan semula jalan-jalan dan penukaran lampu jalan kepada jenis LED yang lebih menjimatkan dan mesra alam dibuat?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman, kerajaan memang mengambil maklum keadaan jalan-jalan utama yang mengalami kerosakan. Ini adalah disebabkan kebanyakan jalan utama telah melebihi jangka hayat rekabentuk dan penambahan bilangan serta had muatan trafik. Sebanyak lebih kurang RM 70 juta setahun telah disediakan untuk menaiktaraf jalan-jalan yang rosak ini. Di antara jalan-jalan yang telah dinaiktaraf adalah seperti jadual di bawah:

Daerah	Jalan	Status
Petaling	Jalan Klang Lama	Siap
	Jalan Monfort	Siap
	Jalan Monterez	Siap
Klang	Jalan Haji Manan	Siap
	Jalan Haji Sirat	Siap
	Jalan Sungai Jati	Siap
Gombak	Jalan Greenwood	Siap
	Jalan Batu Caves	Siap
K. Selangor	Jalan Raja Muda Musa	Dalam pembinaan
H. Langat	Jalan Reko	Dalam pembinaan
Sepang	Jalan Jenderam	Dalam pembinaan

Penggunaan Lampu LED telah dimulakan dengan projek perintis iaitu di Jalan Putra Permai Ke Lebuhraya KL Putrajaya Fasa 1A (jalan sehala di Pekan Seri Kembangan dan jalan sekitar Seri Kembangan).

Penggunaan Lampu LED akan digunakan bagi semua projek baru dan bagi lampu-lampu sedia ada akan di ganti secara berperingkat mengikut keutamaan jalan dan peruntukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: PRASARANA ASAS SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA RAKYAT DAN
SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN**

135. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah usaha kerajaan Selangor membantu meningkatkan prasarana asas sekolah-sekolah agama rakyat dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan?
- b) Berapakah peruntukan kewangan yang telah dibelanjakan mengikut kategori berikut?

JAWAPAN :

- a) Usaha Kerajaan Negeri Selangor di dalam membantu meningkatkan prasarana asas sekolah-sekolah agama rakyat dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan, secara langsung adalah melalui Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor. Program ini telah dilaksanakan bermula pada tahun 2009 dengan peruntukan sebanyak RM 16 juta setiap tahun. Sebanyak RM 6 juta telah diperuntukan bagi Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Manakala sebanyak RM 4 Juta telah diperuntukkan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Jumlah keseluruhan bantuan yang telah diberikan bermula pada tahun 2009 sehingga Mei 2013 adalah sebanyak RM 76,711,915

- b) Peruntukan kewangan yang telah dibelanjakan mengikut kategori adalah seperti berikut:

JENIS SEKOLAH	TAHUN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
SAR	2009	5,425,972.00
	2010	2,294,000.00
	2011	4,744,000.00
	2012	8,794,800.00
	2013	6,293,000.00
	JUMLAH	27,551,772.00
SJKC	2009	6,000,000.00
	2010	4,165,000.00
	2011	5,855,000.00
	2012	6,000,000.00
	2013	4,485,000.00
	JUMLAH	26,505,000.00
SJKT	2009	3,957,726.00
	2010	538,310.00
	2011	3,466,032.00
	2012	4,000,000.00
	2013	3,998,385.00
	JUMLAH	15,960,453.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : GELANGGANG FUTSAL

136. Kerajaan Negeri sebelum ini telah membina banyak gelanggang futsal bagi memberi kemudahan kepada golongan belia menjalankan aktiviti riadah. Namun kini kebanyakan gelanggang futsal itu tidak lagi berada dalam keadaan yang baik.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan negeri terlepas pandang terhadap gelanggang-gelanggang futsal yang telah rosak dan perlu di selenggara?
- b) Apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri untuk mengatasi masalah berkenaan?
- c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambah bilangan gelanggang futsal?

JAWAPAN :

- a) Dalam isu ini, kerajaan negeri tidak terlepas pandang terhadap gelanggang-gelanggang futsal yang telah rosak. Bagi menangani masalah tersebut kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM800,000.00 untuk menaiktaraf/membuat pulih infrastruktur sukan termasuklah gelanggang futsal.
- b) Selain daripada memberi peruntukan sebanyak RM800,000.00, kerajaan negeri juga turut mengadakan pemantauan serta memastikan kualiti bahan yang digunakan dan proses kerja dalam projek membaik pulih kemudahan tersebut.
- c) Kerajaan negeri sentiasa terbuka kepada sebarang permohonan dan akan membuat pertimbangan berdasarkan keperluan dan kesesuaian tapak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**


TAJUK: WIFI PERCUMA

137. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Bagaimanakah perkembangan isu Wifi percuma yang sedang dan akan dilaksanakan di seluruh Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Sejak Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan program WiFi percuma di seluruh Negeri Selangor pada tahun 2010. Penggunaannya amat menggalakkan ia bertambah dari masa ke semasa. Penambahan pengguna ini meningkat dengan mendadak apabila kerajaan negeri memperluaskan lagi sebanyak 112 lokasi WiFi di seluruh Negeri Selangor dengan menggunakan peruntukan Geran Selangorku. Jadual di bawah menunjukkan pertambahan penggunaan WiFi percuma di seluruh Negeri Selangor



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

138. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan lokasi, harga dan jumlah unit rumah mampu milik yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008-2013.
- b) Senaraikan lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti untuk pembinaan rumah mampu milik bagi tahun 2013-2018 mengikut pecahan PBT dan apakah kriteria yang digunakan untuk menentukan sesuatu lokasi itu dipilih untuk pembinaan rumah mampu milik?
- c) Apakah strategi Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan rumah mampu milik yang mencukupi dibenarkan khasnya untuk golongan yang berpendapatan sederhana rendah (RM3,000-rm16,000) dapat membeli rumah yang selesa dengan harga yang berpatutan.

JAWAPAN:

- a) Secara keseluruhannya terdapat sebanyak 6 Projek Rumah Mampu Milik dengan bilangan unit rumah melebihi 2,495 unit yang telah dibina dan sedang dalam pembinaan yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri melalui anak syarikat seperti PKNS dan juga PNSB bagi tempoh tahun 2008 hingga tahun Mei 2013. Pecahan mengikut PBT adalah seperti berikut:

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Pemaju	Jumlah Unit
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	PKNS / Debbin Sdn. Bhd.	104
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	PNSB / Semponia Sdn. Bhd. & Country Wheel Sdn. Bhd.	236
3.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	PKNS	124
4.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	PKNS	1,422
5.	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	PKNS	129
6.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	PNSB	480
JUMLAH			2,495

- b) Selain projek yang telah berjalan dan telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri, beberapa Projek Mampu Milik telah dikenalpasti oleh PKNS untuk dilaksanakan dalam tempoh tahun 2013 hingga tahun 2021. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Projek	Unit
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Seksyen U10, Shah Alam	600
		Seksyen U12	850
2.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Kota Puteri	1,064
3.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang)	Selangor Science Park 2	840
		Antara Gapi	1,227
	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Bernam Jaya	5,000
		Jumlah	9,581

- c) Sebagai peringkat permulaan beberapa strategi telah dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri dalam memperbanyakkan dan mempergiatkan pembinaan rumah mampu milik iaitu;
- i) Mengkaji semula dasar perumahan sedia dengan dengan memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik Selangor. Dasar yang digunakan kini lebih menekankan kepada penyediaan rumah kos rendah (RM42,000.00), rumah kos sederhana rendah (RM72,000.00) dan rumah kos sederhana (RM100,000.00) dan pembentukan dasar baru kelak akan menekan kepada perumahan mampu milik yang lebih komprehensif dan menyeluruh dengan penyediaan rumah dari harga jualan bermula RM42,000.00 seunit sehingga kepada harga jualan tidak melebihi RM250,000.00 seunit. Dasar ini dijangka akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pertengahan September 2013.
 - ii) Memperkasakan peranan-peranan agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri seperti Lembaga Perumahan dan Hartanah dan Selangor (LPHS), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) untuk terlibat secara lebih giat lagi dalam pembinaan rumah mampu milik yang lebih selesa dan berkualiti pada harga mampu milik.
 - iii) Penetapan syarat kepada pemaju untuk turut sama terlibat dalam penyediaan rumah mampu sebagaimana penetapan syarat penyediaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana yang digunakan sebelum ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : KESELAMATAN AWAM

139. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam membangunkan "Polis Komuniti"?
 - Bagaimana Kerajaan Negeri boleh menggerakkan penguatkuasa PBT bagi menjaga keselamatan kejiranan?
 - Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi program pemasangan CCTV di PBT seluruh Selangor?

JAWAPAN :

- Pelaksanaan Pasukan Keselamatan Kejiranan atau 'Community Policing' adalah baru dilaksanakan bermula pada bulan April 2013. Pasukan ini diwujudkan di semua Kampung Tradisi, Kampung Baru/Bagan/Tersusun dan Komuniti India di Negeri Selangor yang dipantau oleh Pejabat Daerah/Tanah mengikut kawasan masing-masing. Sebagai langkah awal, setiap kampung diberikan peruntukan sebanyak RM5,000.00 setahun bagi pelaksanaan program ini. Objektif utama penubuhan Pasukan Keselamatan Kejiranan (Community Policing) di peringkat kampung ini adalah bagi membantu pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan luar bandar di Negeri Selangor.

Di samping itu, pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) juga telah melaksanakan program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) yang ditubuhkan di peringkat Resident Association (RA) dan Rukun Tetangga (RT). Pihak MBPJ telah memperuntukkan sebanyak RM350,000.00 bagi 70 PKKPJ yang telah mendapat kelulusan pada tahun 2013.

- Kerajaan Negeri melalui PBT telah menggerakkan penguatkuasa PBT untuk bekerjasama dengan pihak polis untuk melakukan rondaan bersama bagi menjaga keselamatan kawasan kejiranan.

- c) Kerajaan Negeri adalah dalam proses memasang sebanyak 414 CCTV di kawasan PBT seluruh Selangor dan pemasangannya dijangka siap dan akan digunakan sepenuhnya pada Oktober 2013. Jumlah CCTV yang dipasang oleh Kerajaan Negeri adalah lebih banyak dibandingkan dengan jumlah pemasangan CCTV oleh KPKT di 9 negeri yang melibatkan 25 PBT iaitu sejumlah 496 CCTV. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri sedang merangka dasar untuk melibatkan pihak swasta bagi memasang CCTV di luar premis perniagaan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : KEMUDAHAN KESIHATAN

140. Manifesto Pakatan PRU-13 untuk kemudahan kesihatan antaranya pemeriksaan kanser percuma untuk wanita dan penubuhan Tabung Dialisis Rakyat Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana kaedah pelaksanaan kemudahan kesihatan ini?
- b) Berapakah sasaran mereka yang dapat menikmatinya?

JAWAPAN:

Nota : Jawapan bagi pemeriksaan kanser percuma untuk wanita akan dijawab oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita.

- a) Skim Kesihatan Wanita (SKW) menawarkan skim pemeriksaan mammogram secara percuma kepada semua wanita Negeri Selangor yang berumur 35 tahun keatas. Wanita yang layak dibawa secara percuma ke lokasi di mana mereka akan diberi penerangan mengenai kesihatan dan prosedur pemeriksaan percuma kanser payu dara. Hasil pemeriksaan akan segera dimaklumkan kepada para wanita yang telah menjalani pemeriksaan tersebut.

Wanita yang didiagnosis menghidap kanser akan dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan susulan di hospital-hospital sama ada kerajaan atau pun swasta.

- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan tidak menyediakan Tabung Dialisis Rakyat Selangor memandangkan Pusat Dialisis Rakyat telah dibangunkan melalui *smart partnership* antara Kerajaan Negeri Selangor dan sebuah syarikat swasta di beberapa buah lokasi yang mana pembukaan pusat ini mendapat sambutan yang baik dari kalangan penduduk setempat.

Kerajaan Negeri telah melancarkan Skim Kesihatan Wanita di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor dengan peruntukan sebanyak RM1 juta setiap tahun bertujuan membantu kaum wanita membuat pemeriksaan kanser payudara (mammogram) secara percuma. Berikut adalah statistik penerima manfaat Skim Kesihatan Wanita Negeri Selangor:-

Statistik Terkini Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) Mengikut DUN
Sehingga 28 Februari 2013

PROGRAM : SKIM KESIHATAN
WANITA

PENERIMA FAEDAH (ORANG)											
Bil	DUN	Nama DUN	Daerah	2008	2009	2010	2011	2012	2013	JUMLAH	
1	N01	SUNGAI AIR TAWAR	Sabak Bernam			100	372	177		649	
2	N02	SABAK	Sabak Bernam			-	417	91		508	
3	N03	SUNGAI PANJANG	Sabak Bernam			26	710	228		964	
4	N04	SEKINCHAN	Sabak Bernam			25	286	146		457	
5	N05	HULU BERNAM	Hulu Selangor			-	108	49		157	
6	N06	KUALA KUBU BAHARU	Hulu Selangor			83	27	44		154	
7	N07	BATANG KALI	Hulu Selangor			223	166	98	30	517	
8	N08	SUNGAI BURONG	Kuala Selangor			59	438	81	26	604	
9	N09	PERMATANG	Kuala Selangor			-	325	242	13	580	

PENERIMA FAEDAH (ORANG)											
Bil	DUN	Nama DUN	Daerah	2008	2009	2010	2011	2012	2013	JUMLAH	
10	N10	BUKIT MELAWATI	Kuala Selangor			-	90	-		90	
11	N11	IJOK	Kuala Selangor		108	187	-	17	312		
12	N12	JERAM	Kuala Selangor		-	64	62		126		
13	N13	KUANG	Gombak		28	177	153		358		
14	N14	RAWANG	Gombak		110	120	60	11	301		
15	N15	TAMAN TEMPLER	Gombak		14	182	46		242		
16	N16	BATU CAVES	Gombak		75	248	58		381		
17	N17	GOMBAK SETIA	Gombak		57	195	28	17	297		
18	N18	HULU KELANG	Gombak		-	97	24		121		
19	N19	BUKIT ANTARABANGSA	Hulu Langat		37	115	-		152		
20	N20	LEMBAH JAYA	Hulu Langat		-	90	21		111		
21	N21	CHEMPAKA	Hulu Langat		75	136	-		211		
22	N22	TERATAI	Hulu Langat		96	273	18		387		

PENERIMA FAEDAH (ORANG)											
Bil	DUN	Nama DUN	Daerah	2008	2009	2010	2011	2012	2013	JUMLAH	
23	N23	DUSUN TUA	Hulu Langat			38	145	19		202	
24	N24	SEMENYIH	Hulu Langat			-	26	35		61	
25	N25	KAJANG	Hulu Langat			-	94	-		94	
26	N26	BANGI	Hulu Langat			-	35	-		35	
27	N27	BALAKONG	Hulu Langat			-	60	102		162	
28	N28	SERI KEMBANGAN	Petaling			127	230	34		391	
29	N29	SERI SERDANG	Petaling			42	201	30		273	
30	N30	KINRARA	Petaling			83	171	-		254	
31	N31	SUBANG JAYA	Petaling			26	390	116		532	
32	N32	SERI SETIA	Petaling			37	18	10		65	
33	N33	TAMAN MEDAN	Petaling			-	191	143	46	380	

PENERIMA FAEDAH (ORANG)										
Bil	DUN	Nama DUN	Daerah	2008	2009	2010	2011	2012	2013	JUMLAH
34	N34	BUKIT GASING	Petaling			-	37	-		37
35	N35	KAMPUNG TUNKU	Petaling			105	181	9		295
36	N36	DAMANSARA UTAMA	Petaling			-	37	14		51
37	N37	BUKIT LANJAN	Petaling			-	206	-		206
38	N38	PAYA JARAS	Petaling			14	199	62	26	301
39	N39	KOTA DAMANSARA	Petaling			33	195	13		241
40	N40	KOTA ANGGERIK	Petaling			-	100	89		189
41	N41	BATU TIGA	Petaling			17	167	89	35	308
42	N42	MERU	Klang			72	283	174		529
43	N43	SEMENTA	Klang			22	72	55		149
44	N44	SUNGAI PINANG	Klang			-	147	-		147

PENERIMA FAEDAH (ORANG)										
Bil	DUN	Nama DUN	Daerah	2008	2009	2010	2011	2012	2013	JUMLAH
45	N45	SELAT KLANG	Klang			157	191	67		415
46	N46	PELABUHAN KLANG	Klang			-	22	-		22
47	N47	PANDAMARAN	Klang			-	51	-		51
48	N48	KOTA ALAM SHAH	Klang			-	23	-		23
49	N49	SERI ANDALAS	Klang			35	815	189	72	1,111
50	N50	SRI MUDA	Klang			78	85	46		209
51	N51	SIJANGKANG	Kuala Langat			60	265	38		363
52	N52	TELUK DATUK	Kuala Langat			478	447	186		1,111
53	N53	MORIB	Kuala Langat			82	352	93		527
54	N54	TANJUNG SEPAT	Kuala Langat			66	509	115		690
55	N55	DENGKIL	Sepang			-	64	101	36	201
56	N56	SUNGAI PELEK	Sepang			-	408	50		458
57	Kakitangan kerajaan					-	77	133	23	233
JUMLAH				-	-	2,688	11,317	3,638	352	17,995

* Papsmear telah diadakan pada tahun 2012 dengan pembabitan 1000 orang wanita. Untuk tahun 2013 program ini belum dilaksanakan lagi.

- c) Pusat Dialisis Rakyat ditubuhkan bagi membantu masyarakat yang telah dikenalpasti dari kalangan golongan yang kurang berkemampuan dan bermastautin di Negeri Selangor. Sehingga akhir tahun 2012, seramai 53 orang yang telah menikmati manfaat ini dan Kerajaan Negeri juga akan memastikan golongan berkenaan akan dapat menikmati kemudahan ini selaras dengan visi Kerajaan Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK: PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

141. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil terhadap projek perumahan terbengkalai yang masih belum mempunyai kontraktor ataupun pemaju penyelamat?
- b) Apakah status terkini projek perumahan terbengkalai di Lembah Beringin?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah projek terbengkalai di Selangor walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad secara pentadbiran dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Kemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966.

Sehubungan itu, beberapa langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap projek perumahan terbengkalai yang masih belum mempunyai kontraktor ataupun pemaju penyelamat ke arah mengatasi masalah seperti berikut:

- i) **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri **telah dilaksanakan secara berjadual sejak tahun 2011** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai.

Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju atau sebaliknya. Setakat ini terdapat 19 projek telah dikenalpasti berpotensi dipulihkan di Negeri Selangor yang terdiri daripada 4 projek sedang dipulihkan oleh pemaju penyelamat atau kontraktor dan 15 projek dalam peringkat perbincangan dan persetujuan semua pihak terlibat dalam perlantikan pemaju penyelamat atau kontraktor.

- ii) **Mengurusetia perbincangan secara berkala bersama semua jabatan teknikal** dengan tujuan mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- iii) **Mengatur pertemuan dengan institusi kewangan** sebagai pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pembeli bagi menstruktur semula pembiayaan titian (bridging loan) supaya projek boleh diteruskan dan seterusnya menyelesaikan masalah kewangan pembeli.
- iv) Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, **perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) juga diatur dari masa ke semasa** untuk menyemak sama ada LPHS boleh mencadangkan mana-mana 'Liquidator'/Pegawai Penerima atau pemaju penyelamat atau kontraktor yang berwibawa bagi mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Sekiranya masih gagal mendapatkan pemaju/konraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.
- v) **Menilai semula kos pemulihan projek** tersebut khususnya bagi projek yang melibatkan kos yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu masih ingin diteruskan.
- vi) **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap harta tanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama. Selain itu, pengambilan tanah

juga dilaksanakan sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajikan secara tender.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, projek perumahan terbengkalai di Lembah Beringin telah dimajukan Lembah Beringin Sdn Bhd dah telah dikategorikan sebagai projek terbengkalai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan pada 31 Disember 2001. Lembah Beringin Sdn Bhd telah dikenakan perintah penggulungan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 17 Mac 2006 dan melantik Ferrier Hodgson MH Sdn Bhd sebagai pelikuidasi bagi mentadbir syarikat ini pada 11 November 2005.

Berikut adalah status kemajuan kerja di tapak ketika projek dikategorikan sebagai projek terbengkalai seperti di bawah:

Jenis Rumah	Harga Rumah (RM)	Tarikh SPJB	Peratus Kemajuan
RTDT (Flora)	RM 181,805.00	18/06/1996	65%
RTDT (Heart)	RM 106,332.00	28/09/1996	40%
RTDT (Iris)	RM 109,488.00	05/11/1996	65%
RTDT (Jasmine)	RM 111,888.00	24/03/1997	40%

Berdasarkan status terkini, pelikuidasi melalui surat bertarikh 17 Mei 2013 memaklumkan projek ini telah dijual kepada beberapa syarikat terlibat seperti Alam Casana Sdn Bhd, Farcoll Estate Sdn Bhd, Kasona Estate Sdn Bhd, Lintari Sdn Bhd, Nusa Merlin Sdn Bhd, Pancaran Lagenda Sdn Bhd, Purnari Sdn Bhd dan Woodside Land Sdn Bhd dalam menyelesaikan projek perumahan terbengkalai.

Walaubagaimanapun, syarikat yang terlibat dalam proses merangka rancangan pemulihan projek secara menyeluruh untuk dibincangkan dalam Mesyuarat **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang dipengerusikan oleh saya sendiri.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri akan senantiasa memastikan kepentingan dan hak pembeli terlibat tidak terjejas melalui pembelian tanah ini oleh syarikat berkenaan dengan adanya kerjasama dan penglibatan Pejabat Tanah dan Galian Selangor berhubung proses pindahmilik sehingga pengeluaran hakmilik individu terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : BANJIR

142. Banjir di Bandar Puteri, Kampung Johan Setia dan Kampung Bukit Naga Daerah Klang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah kolam tадahan di Bandar Botanik seluas 19 ekar akan disiapkan?
- b) Huraikan perancangan kerajaan negeri bagi menangani masalah banjir di Bandar Botanik, Kg Johan Setia, Taman Sentosa dan Kg Bukit Naga.
- c) Apakah kerajaan akan mewajibkan semua pemaju perumahan skala sederhana menyediakan kolam tадahan sendiri bagi mengatasi masalah banjir di kawasan taman perumahan?

JAWAPAN :

- a) Pembinaan dijangka dapat disiapkan pada Mei 2014. Pembinaan akan dilaksanakan oleh pihak pemaju Bandar Botanik, Tetuan Harum Intisari Sdn. Bhd.
- b) Majlis Perbandaran Klang – Cadangan untuk membina kolam tадahan di Alam Impian (6 ekar), Golden Villa (9 ekar) dan Jalan Raja Nong.

Dalam 'master plan' tebatan banjir kawasan tадahan Sungai Aur melibatkan kos berjumlah RM112 juta. Rekabentuk awalan telah disediakan hanya perlaksanaan secara berperingkat berasaskan peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan kerja.

Bagi kawalan banjir setiap cadangan pembangunan perlu mematuhi syarat-syarat garispanduan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA)

Pihak MBSA akan memohon peruntukan penyelenggaraan parit dalam kawasan kampung seperti Kg. Johan Setia dan Kg. Bukit Naga daripada Kerajaan Negeri dengan kekerapan penyelenggaraan 2 bulan sekali oleh pihak Majlis.

- c) Secara amnya, setiap pembangunan dengan keluasan 10 ekar atau lebih disyaratkan untuk menyediakan rezab kolam tadahan sebanyak 3% dari keluasan pembangunan . Bagi pembangunan kurang 10 ekar dikehendaki menyediakan takungan/tangki bawah tanah (*on site detention pond-OSD*) di setiap unit/premis bagi tujuan memperlakukan aliran air hujan ke longkang-longkang/parit awam untuk menghindarkan banjir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : GEJALA SOSIAL REMAJA

143. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- Berapakah kes-kes gejala sosial yang melibatkan remaja di Selangor pada tahun 2010, 2011 dan 2012?
- Apakah bentuk langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah gejala sosial ini?

JAWAPAN :

- Kes-kes gejala sosial (jenayah) yang melibatkan Remaja di Negeri Selangor ialah kes-kes seperti Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda. Di bawah jenayah kekerasan ialah bunuh, rogol, cabul kehormatan,samun/samun bersenjata api, samun tanpa senjata api, pemerasan, ugutan, jenayah, merusuh dan mendatangkan cedera. Manakala Jenayah Harta Benda ialah curi/ ragut dan pecah rumah. Statistik gejala sosial yang melibatkan remaja di Negeri Selangor adalah seperti berikut :

STATISTIK GEJALA SOSIAL (JENAYAH) MELIBATKAN REMAJA

TAHUN	2010	2011	2012
Jumlah Kes	2915	1811	795

****Sumber : Ibupejabat Polis Kontinjen Selangor**

Kes-kes gejala sosial berkaitan dadah yang melibat Pelajar Sekolah yang Positif Ujian Saringan Air Kencing bagi tahun 2010 Hingga 2012. Statistik adalah seperti berikut :

TAHUN	2010	2011	2012
Jumlah Kes	93	75	71

Data Orang Kena Pengawasan (OKP) yang terlibat dengan Dadah dan dikategorikan sebagai Remaja di Negeri Selangor tahun 2010 hingga 2012. Statistik adalah seperti berikut :

TAHUN	2010	2011	2012
Jumlah Kes	448	346	316

**** Sumber : Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Selangor**

- b) Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:
1. Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor 2013 hingga 2017:
 - i. Memberi fokus kepada lima (5) indikator pelaksanaan iaitu Pendidikan, Pencegahan, Pencelahan, Pemulihan dan Penguatkuasaan.
 - ii. Penyelesaian masalah secara holistik iaitu pendidikan, kewangan, pentadbiran, sosial dan agama.
 - iii. Pelaksanaan program menangani gejala sosial dilaksanakan melalui Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Peringkat Negeri, dan di peringkat daerah Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial daerah.
 2. Menyediakan Standard Operating Procedure (SOP) untuk menangani gejala sosial yang sistematik dan sehingga Mei 2013 *Standard Operating Procedure (SOP)* hampir 90% siap.
 3. Pusat Sehenti ini berperanan sebagai medium perhubungan di antara penduduk setempat dengan jabatan /agensi kerajaan yang berkaitan.
 4. Menyediakan Sistem Pengurusan Sosial E-GeMS yang telah dilancar oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor dan sistem ini berperanan untuk merekodkan semua data sosial Negeri Selangor di dalam satu sistem pangkalan data yang sistematik dan teratur serta mudah diakses.
 5. Kempen Anti Zina telah dijalankan yang melibat 9 daerah di Negeri Selangor. (Rujuk lampiran 1).

1. PROGRAM KEMPEN ANTI ZINA

Statistik OKT Program Kempen Anti Zina sepanjang 2010 hingga 2012

DAERAH	KEKERAPAN PROGARAM							
	SIRI 2	SIRI 3	SIRI 4	SIRI 5	SIRI 6	SIRI 7	SIRI 8	Jumlah
PETALING	28	25	36	20	10	40	10	169
KLANG	6	7	12	21	28	14	28	116
KUALA LANGAT	4	4	9	4	1	12	-	34
KUALA SELANGOR	2	2	18	3	2	3	4	34
GOMBAK	24	14	7	37	10	14	-	106
SEPANG	12	12	3	5	-	6	9	47
HULU LANGAT	40	4	12	12	10	12	10	100
SABAK BERNAM	2	2	1	4	2	-	2	13
HULU SELANGOR	-	1	1	10	-	2	49	63
JUMLAH	118	71	99	116	63	121	118	683

- a) Berdasarkan kepada jadual di atas jumlah kes tangkapan semasa pelaksanaan Kempen Anti Zina dari tahun 2010 hingga 2012 sebanyak 683 kes.
- b) Mengikut statistik 2010-2012 Daerah Petaling mencatatkan jumlah kes tangkapan paling tinggi berbanding daerah lain sebanyak 169 kes.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : MENUNAIKAN MANIFESTO

144. DYMM Tuanku Sultan Selangor ada bertitah mengingatkan parti yang dipilih rakyat agar menunaikan manifesto dengan adil berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perincian manifesto Pakatan untuk di laksana kerajaan negeri setelah PRU-13?
- b) Apakah penambahan manifesto berbanding PRU-12?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman dewan, Pakatan Rakyat mempunyai manifesto di peringkat pusat dan di peringkat negeri. Di peringkat negeri, Manifesto Pakatan Rakyat Selangor mempunyai 4 teras iaitu Ekonomi Rakyat, Kesejahteraan Rakyat, Persaudaraan Rakyat Menerusi aktiviti Keagamaan Dan Kebudayaan serta Kerajaan Rakyat. Kesemua kandungan manifesto tersebut kita rangka setelah mengambil kira faktor keupayaan semasa kerajaan negeri dan faktor implikasi kewangan. Untuk melihat penuh kandungan Manifesto Pakatan Rakyat Selangor tersebut, saya syorkan untuk Yang Berhormat Sungai Burong semak di portal rasmi kerajaan negeri www.selangorku.com di bawah tajuk Manifesto Rakyat: Pakatan Harapan Rakyat, 2013. Usah khuatir Yang Berhormat, seluruh kandungan manifesto tersebut original, bukan *copycat* daripada mana-mana manifesto orang lain. Ianya juga boleh di muat turun jika Yang Berhormat berminat untuk analisis manifesto tersebut satu persatu. Baiklah, di peringkat kerajaan negeri, kita bertekad untuk melaksanakan kesemua perincian manifesto Pakatan Rakyat Selangor yang telah diluncurkan sebelum PRU-13 yang lalu. Tambahan pula manifesto tersebut telah dipersetujui oleh ketua ketiga-tiga parti Pakatan Rakyat Selangor dan telah pun ditandatangani oleh mereka. Justeru menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk melaksanakan kesemua perincian dalam manifesto tersebut.

- b) Antara pertambahan manifesto PRU-13 berbanding PRU-12 ialah;
- 1) Di samping mengekalkan Air Percuma sebanyak 20 meter padu, Pakatan Rakyat Selangor juga bertekad untuk membuka peluang kepada rakyat Selangor memiliki saham air Selangor.
 - 2) Selain itu, berhubung dasar perumahan, kita telah mendapat rentak untuk memperkasakan dan memperbanyakkan lagi perumahan mampu milik untuk semua lapisan masyarakat Selangor. Untuk makluman dewan, Skim Perumahan Pekerja Ladang yang kita laksanakan sebelum ini tidak termasuk dalam kandungan manifesto pada tahun 2008. Namun kita usahakan juga pada sesi yang lalu setelah melihat pada keperluan yang sangat-sangat mendesak. Justeru setelah skim ini berjalan, kita lihat ianya mampu dikembangkan lagi untuk penggal kedua pentadbiran Pakatan Rakyat. Kerana itulah dalam manifesto 2013, kita bertekad, tidak hanya berpuas hati dengan pertambahan jumlah perumahan mampu milik sahaja, bahkan mewujudkan pula Skim Perumahan Rakyat khusus untuk pembeli yang menghadapi kesukaran mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan. Insya-Allah, ianya bukan kerja mudah, tapi kami bertekad untuk cekal merealisasikannya.
 - 3) Sebenarnya banyak lagi pertambahan yang kita senaraikan dalam Manifesto Pakatan Rakyat Selangor kali ini berbanding 2008. Antaranya menubuhkan "Hab Halal" di peringkat negeri, menubuhkan Perbadanan Keusahawanan Negeri Selangor, mewujudkan Tabung Pemberdayaan Wanita Selangor & Tabung Dialisis Rakyat Selangor yang mungkin menelan belanja kasar sekitar RM60juta. Malah tidak ketinggalan, kita juga berhasrat untuk meluluskan pembinaan tiga Kompleks Islam Bersepadu meliputi masjid, pusat pendidikan dan pusat komuniti. Dan untuk segala maklumat yang lebih *detail*, saya syorkan sekali lagi untuk Yang Berhormat Sungai Burong untuk buat perbandingan sendiri dalam 2 manifesto berkenaan. Insya-Allah, kita sedia untuk disemak atas setiap usaha yang kita lakukan. Keyakinan ini berasas memandangkan pada penggal yang lalu kita berjaya lunaskan sebanyak 96% kandungan manifesto 2008 dan pertambahan 6 lagi dasar, skim dan program yang berjaya kita laksanakan walaupun keenam-enam perkara tersebut tidak dimasukkan dalam manifesto pada tahun 2008. Justeru tohmahan-tohmahan yang menuduh kita tidak laksanakan kandungan manifesto 2008 merupakan suatu pembohongan yang mahu mengelirukan rakyat di negeri ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK: TEBING SUNGAI KAYU ARA TERHAKIS

145. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Apakah rancangan JPS Selangor untuk memperkuuhkan tebing Sungai Kayu Ara yang terhakis dan mengancam keselamatan penduduk di kawasan SS21/42A?
- b) Bilakah projek ini akan dilaksanakan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor merancang untuk melaksanakan kerja-kerja pengukuhan dan penstabilan tebing Sungai Kayu Ara yang terhakis serta boleh mengancam keselamatan penduduk di kawasan berhampiran. Bantuan pakar dari Bahagian Khidmat Pakar JPS Malaysia diperlukan bagi mereka bentuk kaedah pengukuhan tebing yang sesuai untuk digunakan di dalam rancangan kerja tersebut.

Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor mengambil pendekatan yang serius terhadap masalah tersebut dengan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sungai seperti membersihkan dan membuang segala halangan yang terdapat di dalam Sungai Kayu Ara bagi melancarkan aliran air sungai dan kerja-kerja tersebut telah siap dilaksanakan pada hujung bulan Mei 2013.

- b) Masalah hakisan tebing Sungai Kayu Ara adalah dalam perhatian dan keutamaan pihak JPS di mana kerja-kerja pengukuhan tebing yang terhakis akan dibuat secara sebut harga dan projek ini dijangka akan dimulakan dalam masa terdekat mengikut peruntukan sedia ada.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : HAK MILIK STRATA BAGI PEMILIK RUMAH PANGSA

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah hak milik strata khususnya bagi pemilik - pemilik rumah pangsa di Negeri Selangor yang rata - rata terdiri daripada golongan berpendapatan rendah ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor komited dalam mengurus tadbir masalah yang melibatkan pemilik – pemilik rumah pangsa yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

Bahagian hakmilik strata memberi keutamaan dalam Permohonan Pecah Bahagi Bangunan dengan permohonan yang lengkap akan diproses terlebih dahulu supaya proses pengeluaran hakmilik strata dapat dipercepatkan.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2002, memberi Pengurangan Bayaran Semasa Membuat Urusan Pindah milik Bagi Kali Pertama Ke atas Hakmilik Bangunan Bertingkat (Hakmilik Strata).

Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, MMKN 2/2002 yang bermesyuarat pada 9 Januari 2002 mengenai langkah – langkah dan tindakan yang perlu diambil sewaktu mengenakan pengurangan sebanyak 50% daripada fi bayaran di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk rumah Kos Rendah dan pengurangan sebanyak 20% bagi lain – lain kategori (bangunan bertingkat).

Bagi penambahbaikan di masa akan datang, kelulusan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) (Fasal 4) perkara 76 Perlembagaan Persekutuan masih dalam tindakan bagi menggantikan Akta 663 iaitu Pemansuhan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: MAIS DAN JAIS

147. Peranan MAIS dan JAIS.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Boleh terangkan apakah bidang tugas JAIS dan MAIS
- b) Adakah kerajaan bercadang untuk menyatukan kedua-dua jabatan dan majlis ini?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: PUSAT SUKAN DAN REKREASI

148. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto PRU-12 yang antara lain untuk membuka pusat sukan mini dan rekreasi untuk belia.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan statistik bilangan pusat sukan dan rekreasi belia telah dibina dari 2008 hingga 2013 mengikut daerah?
- b) Berapakah peruntukan yang telah digunakan untuk membina kemudahan tersebut?

JAWAPAN:

- a) dan b)

Berikut adalah pecahan bilangan kemudahan sukan dari tahun 2008 hingga 2013 berserta kos mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	BILANGAN PROJEK DAN KOS						
	2008	2009	2010	2011	2012		2013
					UPEN	GERAN SELANGORKU	
PETALING	1 (RM 15,000.00)	-	-	8 (RM 530,000)	21 (RM 1,012,000.00)	5 (RM 772,317.50)	1 (RM 179,500.00)
KLANG	-	-	-	36 (RM 1,567,089.99)	9 (RM 529,000.00)	2 (RM 321,432.50)	-
GOMBAK	1 (RM 12,000.00)	-	-	29 (RM 1,860,000.00)	22 (RM 614,000.00)	2 (RM 395,402.00)	-
HULU LANGAT	-	-	-	18 (RM 710,000.00)	15 (RM 359,900.00)	6 (RM 1,144,384.00)	-
SEPANG	-	-	-	20 (RM 987,100.00)	3 (RM 59,000.00)	1 (RM 169,686.00)	-
KUALA LANGAT	-	-	-	36 (1,355,000.00)	3 (RM 59,980.00)	4 (RM 673,266.10)	-
KUALA SELANGOR	-	1 (RM 5,000.00)	-	19 (RM 583,000.00)	8 (RM 240,000.00)	-	-
HULU SELANGOR	-	-	-	16 (RM 850,000.00)	8 (RM 197,000.00)	-	-
SABAK BERNAM	-	-	-	26 (RM 960,000.00)	-	-	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK: PENYELENGGARAAN TASIK-TASIK DI KAWASAN KEDIAMAN

149. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- Sila kemukakan butiran terperinci jumlah tasik di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya.
 - Terdapat banyak aduan yang diterima daripada penduduk setempat mengenai pencemaran tasik. Sila nyatakan tindakan yang telah diambil terhadap masalah penyelenggaraan tersebut?
 - Sila nyatakan apakah dasar negeri terhadap penyelenggaraan bekas tasik lombong (Ex-Mining Pond).

JAWAPAN :

- Jumlah tasik di kawasan MPSJ adalah sebanyak 9 iaitu :-
 - Tasik Subang Ria
 - Tasik Puchong Perdana
 - Tasik Wawasan
 - Tasik Sri Aman
 - Tasik Sri Serdang
 - Tasik Belakang IOI
 - Tasik Mutiara Puchong
 - Tasik Prima
- i) Pencemaran tasik berlaku disebabkan oleh 2 perkara iaitu kemasukan sampah dan kemasukan bahan/cecair mengganggu ke dalam badan air.
- ii) Sekiranya pencemaran berlaku disebabkan oleh sampah pihak MPSJ akan mengenal pasti saliran kemasukan air (inlet) ke tasik dan menyekat segala sampah-sarap. Pihak kontraktor pembersihan di tasik akan diarahkan untuk membuat kerja-kerja pembersihan di sekitar tasik dan dalam tasik.

- iii) Bagi pencemaran tasik yang disebabkan kemasukkan bahan/cecair mengganggu, tindakan berikut akan dilakukan:-
- Membuat siasatan mengenai punca pencemaran.
 - Mengenalpasti dari mana punca pencemaran tersebut.
 - Bekerjasama dengan JAS Selangor untuk melakukan siasatan.
 - Meminta JAS Selangor mengambil bacaan kualiti air tasik tersebut.
 - Menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap pihak yang menyebabkan pencemaran.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK: PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

150. Kelas tuisyen mingguan terpaksa dibatalkan kerana guru tiada disebabkan pembayaran elaun tertunggak berbulan-bulan lamanya. Ini menunjukkan kelemahan pengurusan PTRS yang berterusan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapa selepas 5 tahun PTRS beroperasi, masalah pembayaran elaun kepada koordinator, tenaga pengajar masih tidak dapat diatasi?
- b) Apakah penambahbaikan yang dilakukan bagi memastikan ramai pelajar berjaya dalam pelajaran dan lebih ramai dapat dibantu?

JAWAPAN :

- a) Operasi PTRS telah dilaksanakan melalui Pengurus yang dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk tempoh selama dua tahun iaitu pada tahun 2011 sehingga 2012. Berhubung dengan pembayaran, Kerajaan Negeri telah menyalurkan pembayaran kepada guru-guru, koordinator, melalui Pengurus yang dilantik. Berdasarkan maklumbalas yang telah diterima, tiada sebarang masalah pembayaran yang berlaku, dan proses pembayaran akan dilaksanakan sebaik sahaja, pihak Kerajaan Negeri menerima tuntutan daripada pihak pengurus.
- b) Beberapa penambahbaikan telah dilakukan bagi memastikan ramai pelajar yang berjaya di dalam pelajaran dan lebih ramai dapat dibantu , antaranya ialah :
 - i) Melaksanakan promosi penyertaan peserta PTRS seawal bulan Disember, pada tahun sebelum pelaksanaan.
 - ii) Melaksanakan ujian penilaian prestasi pelajar.
 - iii) Penambahbaikan kualiti nota pelajar yang dilaksanakan dari semasa ke semasa
 - iv) Mengadakan mesyuarat bersama coordinator sekurang-kurangnya sebulan sekali.
 - v) Mengadakan program-program tambahan seperti, Program Successful Intelligence, Pecutan Terakhir dan Solat Hajat Perdana, sebelum peperiksaan SPM berlangsung.

- vi) Mendapatkan kerjasama yang sepadu bersama ADUN setempat, bagi memantau keberkesanan pelaksanaan PTRS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PARAS GARIS KEMISKINAN (PGK)

151. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah PGK rasmi yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap pembasmian kemiskinan rakyat Selangor?
- c) Apakah program dan mekanisme pembasmian kemiskinan yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah RM1,500.00 sebulan dengan jumlah isi rumah seramai 5 orang.
- b) Dasar Kerajaan Negeri untuk pembasmian kemiskinan adalah untuk meningkatkan pendapatan rakyat Selangor melepas Paras Garis kemiskinan RM1,500.00.
- c) Kerajaan Negeri melalui program-program di bawah Jawatankuasa Tetap (Standco) telah merancang dan melaksanakan beberapa program yang dapat membasmi masalah kemiskinan di Negeri Selangor. Program-program tersebut adalah seperti berikut :-

1. Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin

Melalui Program Kerajaan Prihatin, bantuan rumah telah dibina dengan kos maksima sebanyak RM35,000.00 sementara itu bantuan baik pulih juga diwujudkan bagi membantu golongan sasar mendapat kemudahan tempat tinggal yang lebih selesa.

2. Program Kemahiran Teknikal

Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan Program Kemahiran Teknikal dengan kerjasama Kolej Internasional INPENS di Kuala Selangor dimana peluang melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran ini dibuka kepada seluruh pelajar miskin di Negeri Selangor untuk menyambung pengajian ke peringkat tertinggi dan ini diharap dapat mengelakkan jurang pendidikan dan masalah keciciran di kalangan pelajar terutama sekali pelajar luar bandar.

3. Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan

Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor diwujudkan bertujuan membantu golongan sasar berdikari dan menambahbaik perusahaan atau bidang tertentu yang telah diusahakan bagi menambah pendapatan sedia ada. Program ini diselaraskan dengan memberi bantuan berbentuk peralatan dan mesin kepada pemohon yang layak diberi bantuan.

4. Bantuan Kesihatan

Subsidi bagi Rawatan Haemodialisis untuk pesakit buah pinggang.

Bantuan pembelian kanta untuk pembedahan katarak.

Bantuan kos pembedahan sehingga RM2,000.00.

Derma peralatan sakit: Kerajaan Negeri menderma 1 mesin dialisis berharga RM50,000 kepada Persatuan Haemodialisis di Klang. 20 kerusi roda dan topang didermakan kepada individu yang memerlukan dengan kerjasama kerajaan negeri dan Kelab Rotary. Kerajaan negeri juga menyediakan bantuan kepada kanak-kanak yang memerlukan kerusi roda khas berharga RM2,000 hingga RM5,000 setiap satu.

5. Program Bantuan Niaga

Memberi bantuan peralatan, ruang dan peluang perniagaan khusus kepada peniaga kecil dan mereka yang berminat untuk memulakan perniagaan serta mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap bidang niaga.

Menyediakan Pakej bantuan niaga berbentuk kiosk dan produk MiMBAR Selagor kepada peserta bagi menambah pendapatan sampingan.

6. Program Microkredit

Memberi bantuan pinjaman mikrokredit **TANPA FAEDAH & CAJ PENGURUSAN** dari **RM1,000-RM5,000** dalam jangkamasa pendek iaitu selama **18 bulan**.

Program ini diwujudkan khusus untuk **PENIAGA KECIL** menambah dana perniagaan dan mestilah mampu membayar semula pinjaman mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

7. Program Bantuan Kerja

Merupakan inisiatif baru yang mengambil dasar '**Workfare**' bagi membantu rakyat Selangor lebih berdikari dan dapat menjana pendapatan sampingan dengan tawaran pakej-pakej bantuan kerja yang disediakan.

8. Pakej MiMBAR Kleaner

MiMBAR Selangor menyediakan peralatan mencuci permaidani berjumlah RM9,000 kepada rakyat negeri Selangor yang menepati syarat-syarat kelayakan bagi menambahkan pendapatan sampingan. Pakej ini adalah secara berkumpulan yang terdiri daripada 3 orang. Namun jumlah pinjaman dan bayaran balik pinjaman adalah secara persendirian.

9. Program-program yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS)

LZS (MAIS) telah merangka agenda dalam membentuk asnaf yang bukan sahaja mengeluarkan diri daripada kepompong kemiskinan, tetapi juga dapat memenuhi keperluan rohani menjadi insan yang rabbani.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)

TAJUK: KEBOLEHPASARAN BELIA

152. Kerajaan negeri harus melatih para belia bagi menambah kemahiran mereka agar dapat memperoleh pekerjaan

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan jumlah belia yang telah dilatih sepanjang 2008 hingga 2013?
- b) Apakah jenis latihan dan pihak yang bertanggungjawab melatih mereka?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mempunyai pelbagai latihan belia sama ada secara terbuka atau secara khususnya kepada golongan sasar. Latihan belia secara khusus kepada golongan belia ialah Latihan Kemahiran Teknikal di bawah Kolej INPENS yang mana pelajar yang keluarganya berpendapatan di bawah RM1,500.00. Sepanjang tahun 2008 hingga 2013, seramai 5623 belia telah dibantu seperti jadual di bawah:-

Tahun	Bilangan Belia Yang Dilatih
2008	850
2009	941
2010	983
2011	915
2012	969
2013	965

Mengikut rekod yang diberikan, peluang pekerjaan yang berjaya Selain daripada itu, terdapat juga latihan-latihan kemahiran secara umum yang boleh disertai oleh belia yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Tetap Usahawan, Jawatankuasa Tetap Pertanian, Jawatankuasa Tetap Wanita dan Jawatankuasa Tetap Belia.

b) Kolej INPENS bertanggungjawab dalam melatih mereka dan jenis-jenis latihan yang ditawarkan adalah seperti berikut :

- 1) Pembuat Pakaian Wanita;
- 2) Sistem Komputer;
- 3) Juruteknik Penyelenggaraan dan Penyamanan Udara;
- 4) Juruteknik Elektrik;
- 5) Pendawai Elektrik;
- 6) Juruteknik Kenderaan Motor;
- 7) Juruteknik Elektronik Industri;
- 8) Juru kecantikan;
- 9) Juruteknik Motosikal;
- 10) Pendandan Rambut.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : PENGUATKUASA DI PBT

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri mengenai pelaksanaan cadangan penambahan jumlah pegawai penguatkuasa di PBT bagi melakukan rondaan di kawasan kediaman berikutan kegagalan PDRM dalam tugasnya untuk membanteras jenayah.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sedang melihat semula keperluan penambahan jumlah pegawai penguatkuasa bagi melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan terutama bagi PBT bertaraf bandaraya dan perbandaran. Walaubagaimanapun pertambahan pegawai penguatkuasa tersebut adalah tertakluk di atas kemampuan PBT itu sendiri. Tugas untuk membanteras jenayah adalah di bawah bidang kuasa PDRM, namun pihak PBT sentiasa memberi kerjasama dengan pihak PDRM dalam melakukan rondaan bersama di kawasan-kawasan kediaman tertentu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : SISTEM TEBATAN BANJIR SELANGOR

154. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah strategi dan senaraikan perancangan sistem tebatan banjir untuk Negeri Selangor bagi tahun 2013-2018 mengikut pecahan daerah memandangkan pembangunan yang pesat seta keadaan cuaca yang berubah memerlukan infrastruktur tebatan banjir yang terbaik bagi mengatasi kejadian banjir dan banjir kilat.
- b) Senaraikan jumlah caruman parit dan longkang Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2007-2013 serta jumlah peruntukan yang disalurkan mengikut pecahan daerah dan projek bagi tahun 2008-2013.

JAWAPAN:

- a) Pada Tahun 2010 Jabatan Pengairan dan Saliran telah menyenaraikan projek-projek baru Rancangan Tebatan Banjir bagi Permohonan RMKe-10 yang bermula dari tahun 2011 hingga 2015. Perancangan yang dibuat adalah merangkumi kesemua daerah di Negeri Selangor yang mana kawasan yang sering berlaku banjir kilat adalah diberi keutamaan.

Antara skop projek tebatan banjir yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- i) Menaiktaraf Sungai
- ii) Melebar dan Mendalamkan Sungai
- iii) Membina Kolam Takungan Banjir (melibatkan pengambilan balik tanah)
- iv) Membina Kunci Air dan Meninggikan Benteng Sungai
- v) Membina Ban dan lain-lain

Kos RM Ke-10 yang dipohon (tahun 2013 -2015) adalah RM188,800,000.00. Senarai Projek RMKe-10 ditunjukkan dalam jadual 1 seperti di lampirkan.

Jadual 1 : Senarai Program / Projek Baru RMKe-10

Bil	Tajuk Projek	Anggaran Peruntukan RMKe-10			
		Tahun 2013	Peruntukan yang diluluskan tahun 2013	Tahun 2014	Tahun 2015
	Daerah Sepang	5,000,000	700,000	3,100,000	1,500,000
39	Rancangan Mencegah Banjir , Menaliktaraf 'U' Drain Pekan Sg. Pelek	1,000,000	0	100,000	0
40	Rancangan Tebatan Banjir Parit Masjid Jenderam Hillir	1,000,000	200,000	1,000,000	500,000
41	Rancangan Tebatan Banjir Sg. Limau Manis	1,000,000	300,000	1,000,000	500,000
42	Rancangan Tebatan Banjir Pulau Meranti	2,000,000	200,000	1,000,000	500,000
	RTB Daerah Kuala Selangor	4,300,000	300,000	1,000,000	200,000
44	RTB Tanjung Karang K. Selangor	2,800,000	300,000	1,000,000	200,000
45	RTB Benteng Kg. Lubok Kg. Bukit Belimbang, Kuala Selangor	1,500,000	0	0	0
	RTB Daerah Hulu Selangor	2,600,000	0	1,500,000	500,000
46	RTB Sg. Choh	700,000	0	200,000	0
47	RTB Hulu Yam	900,000	0	300,000	0
43	RTB Sg. Bernam	1,000,000	0	1,000,000	500,000
	RTB Daerah Sabak Bernam	4,000,000	0	0	0
44	RTB Kawasan Sg. Panjang, Sabak Bernam	4,000,000	0	0	0

- b) Berikut adalah senarai jumlah kutipan caruman parit yang diterima oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor bagi tahun 2009-2013:

**JUMLAH KUTIPAN CARUMAN PARIT YANG DITERIMA DARI
JANUARI 2009 SEHINGGA APRIL 2013**

Tahun	Jumlah Kutipan yang Diterima
2009	6,761,820.87
2010	10,725,756.29
2011	15,677,548.87
2012	23,472,138.75
2013	10,981,973.15
JUMLAH	67,619,237.93

Berikut adalah senarai pecahan peruntukan dan projek-projek di bawah caruman parit mengikut daerah-daerah bagi Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor :-

SENARAI PECAHAN PERUNTUKAN DAN PROJEK-PROJEK DIBAWAH CARUMAN PARIT DARI TAHUN 2010 SEHINGGA MEI 2013

BIL	Bahagian/ Daerah	NAMA PROJEK	SILING DILULUSKAN (RM)
	Gombak	Projek Taman Garing, Rawang	32,952,092.20 2,500,000.00
	Gombak	Projek RTB Bandar Rawang	1,798,000.00
	Gombak	Kerja-kerja Menaiktaraf Sg Rajah, Mukim Rawang Daerah Gombak	3,201,892.20
	BSMA	Bengkel Caruman Parit	50,000
	BSMA	Kajian Batu 9, Sijangkang	500,000
	Klang	RTB Telok Menegun, Klang	500,000
	Klang	RTB Pandamaran, Klang	500,000
	Hulu Langat	Kerja-kerja Membina Semula Jambatan Di Jalan 2A, Kampung Lembah Jaya Utara Mukim Ampang	500,000
	Hulu Langat	Kerja-kerja Membaikpulih Semula Tebing Sungai Seputih Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Sepanjang 80 meter Di Taman Pandan Mewah Height, Mukim Ampang	2,000,000
	Petaling	Kerja-kerja Bagi Membaiki Tebing Sungai Penchala Dari Jasmin Tower Hingga SS2 Mall Serta Kerja-kerja Berkaitan	4,000,000
	Sepang	Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Banjir Di Kg. Ampar Tenang, Mukim Dengkil	500,000
	Kuala Langat	Operasi Penyelenggaraan Perangkap Sampah Di Bukit Changgang dan Labuhan Dagang	500,000
		a) Kerja-kerja pengeluaran sampah dan penyelenggaraan	

	<p>perangkap sampah (Log Boom) bagi bulan Januari 2012 di Kg. Bukit Serdang 1/1/2012 - 31/1/2012</p> <p>b) Kerja-kerja pengeluaran sampah dan penyelenggaraan perangkap sampah (Log Boom) bagi bulan Januari 2012 di Kg. Layang Labi 1/1/2012 - 31/1/2012</p> <p>c) Kerja-kerja pengeluaran sampah dari Sg. Langat dan penyelenggaraan perangkap sampah (Log Boom) peringkat 1 di Kg. Bukit Serdang, Kuala Langat 1/2/2012 - 31/7/2012</p>	
	<p>d) Kerja-kerja pengeluaran sampah dari Sg. Langat dan penyelenggaraan perangkap sampah (Log Boom) peringkat 1 di Kg. Layang Labi, Kuala Langat 1/1/2012 - 31/7/2012</p> <p>e) Kerja-kerja membaiki 'Log Boom' serta kerja berkaitan di Kg. Bukit Serdang 15/6/2012 - 31/7/2012</p> <p>f) Kerja-kerja membaiki 'Log Boom' serta kerja berkaitan di Kg. Layang Labi 15/6/2012 - 31/7/2012</p> <p>g) Kerja-kerja pengeluaran sampah dari Sg. Langat dan penyelenggaraan perangkap sampah (Log Boom) peringkat 2 di Kg. Bukit Serdang 14/8/2012 - 31/12/2012</p> <p>h) Kerja-kerja pengeluaran sampah dari Sg. Langat dan penyelenggaraan perangkap sampah (Log Boom) peringkat 2 di Kg. Layang Labi 1/2/2012 - 31/7/2012</p>	
MPK	<p>Projek Pencegahan Banjir Di Kawasan Tadahan Teluk Gadong, Sungai Aur dan Sungai Puluh-MTES</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Cadangan membina pembentung berkembar di persimpangan Jln Raja Nong, Jln Kebun Nenas, Taman Sentosa Klang Selatan 2. Cadangan membina pembentung berhampiran persimpangan Jln Batu Unjur/Persiaran Batu Nilam Bayu Perdana, Klang Selatan 3. Cadangan kerja-kerja mengorek dan melebarkan kolam serta memasang pintu kawalan air (flap gate) di kolam Bukit Tinggi Klang 4. Cadangan mengorek dan melebarkan parit di Lebuh Pendamar, Klang Selatan. 5. Cadangan kerja-kerja menaiktaraf pembentungan 	4,000,000

		<p>dan longkang di Jalan Sri Damak 10, Taman Sri Andalas, Klang Selatan</p> <p>6. Cadangan menaiktaraf longkang di Jln Tun Razak, Taman Sri Andalas, Klang Selatan</p> <p>7. Cadangan kerja-kerja membina kolam tadahan bawah tanah di Taman Bayu Perdana, Klang Selatan</p>	
	Klang	<p>8. Cadangan kerja menaiktaraf parit dan pembentung di Persiaran Sg. Keramat, Taman Klang Utama, Klang Utara</p> <p>9. Cadangan kerja-kerja kawalan banjir di Jln Tengku Kelana, Bandar Klang Selatan, Selangor</p> <p>Projek Pencegahan Banjir Di Kawasan Tadahan Teluk Gadong, Sungai Aur dan Sungai Puluh-MTES</p> <p>a) kerja menaiktaraf dan melebar Sg. Teluk Gadong Besar di Kg. Delek di Kg. Raja Uda dan kerja berkaitan di sempadan Tanah Tol dan Kubur Kg. Raja Uda sebelum landasan keretapi bagi mencegah banjir Daerah Klang</p> <p>b) Kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih ban Sg. Aur di Bandar Botanik, Klang</p> <p>c) kerja menaiktaraf dan melebarkan tapak cadangan kolam takungan dan membaikpulih ban Sg. Aur di Taman Botanik Jalan Banting dan kerja-kerja berkaitan bagi mencegah banjir, daerah Klang</p> <p>d) Kerja-kerja membekal dan memasang Automasi Pintuair bagi sistem data pintuair (Geo-Matrix Model 212r) dan kerja yang berkaitan di daerah Klang</p>	1,000,000
BPME		Membekal dan memasang 'portable pumps & acoustic treated power packs lengkap dengan aksesori	1,202,200
Hulu Langat		<p>Kerja-kerja segera Mengorek Sungai akibat banjir di Mukim Hulu Langat</p> <p>a) Kerja-kerja pembaikan tebing Sg. Langat, Kg. Dusun Tua Seberang (Nadi Cemerlang)</p> <p>b) Kerja-kerja pembaikan tebing Sg. Langat, Kg. Rantau Panjang (Nenneth Enterprise)</p> <p>c) Pembaikan tebing menggunakan softrock di Sg. Ampang, Lembah Jaya</p>	500,000
Hulu Langat		Kerja Membaikpulih dan penstabilan tebing Sg. Ampang	400,000.00

		kawasan perkelahan Bukit Belacan, Mukim Ampang	
PROJEK PROJEK BARU 2013			
	Kuala Langat	Projek Tebatan Banjir di Lembangan Sg. Langat	2,200,000.00
	Petaling	Kerja-kerja Menaiktaraf Saliran Sg. Kayu Ara dan kerja berkaitan di Taman Mayang / Lily Apartment	500,000.00
	Petaling	Kerja-kerja Membina Salinan Konkrit Sg. Hampar dan Kerja Berkaitan di Jalan Kg. Baru Sg. Buloh	500,000.00
	Petaling	Kerja-kerja Melebar dan Mendalam Kolam Serdang (online) dan Kerja berkaitan di Serdang Seri Kembangan	500,000.00
	H. Selangor	Kerja-kerja Menaiktaraf Saliran Serta Kerja Berkaitan di Sg. Masin, Mukim Batang Kali	500,000.00
	H. Selangor	Kerja-kerja Menaiktaraf Saliran Serta Kerja Berkaitan di Sg. Choh, Mukim Serendah	500,000.00
	Sepang	Menaiktaraf Dasar dan Memulihkan Tebing Sg. Rasau dan Kerja Berkaitan	1,000,000.00
	Sepang	Kerja-Kerja Menaiktaraf Tebing dan Ban Sg. Langat dan kerja berkaitan	500,000.00
	Hulu Langat	Kerja-kerja Menaiktaraf Sg. Lemas Kg. Sg. Ramal, Mukim Kajang	100,000.00
	Gombak	Menaiktaraf Sg. Rawang (Missing Link) dan kerja-kerja Berkaitan di Kg. Kenanga Mukim Rawang	3,000,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PASAR BESAR KLANG

155. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah tegas yang akan diambil oleh pihak MPK bagi mengatasi masalah peniaga asing yang berniaga dikaki lima seawal jam 5:00 pagi di Pasar Besar Klang, memandangkan mereka masih berniaga dengan bebas seolah-olah penguatkuasa MPK tidak wujud dan tidak berkesan dalam tindakan mereka?

JAWAPAN :

- a) Isu warga asing adalah di bawah kuasa Imigresen dan Peniaga Tempatan melindungi pekerja asing ini. Pihak MPK bersama pihak Imigresen sentiasa meneruskan pemantauan dan operasi. Pada masa sama operasi yang diadakan juga kerap kali merampas/menyita barang-barang perniagaan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : PEMBANGUNAN ORANG ASLI

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Bilakah tanah-tanah rizab Orang Asli di Hulu Selangor hendak digazetkan ?
 - b) Senaraikan program pembangunan sosioekonomi Orang Asli di Hulu Selangor yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri daripada tahun 2008 hingga 2012.
 - c) Senaraikan pembangunan sosioekonomi Orang Asli di Hulu Selangor yang telah dirancang oleh kerajaan Negeri bagi tahun 2013.

JAWAPAN:

- a) Terdapat sebanyak 15 permohonan pewartaan tanah rizab Orang Asli di daerah Hulu Selangor.
Tanah Rizab Orang Asli yang telah diwartakan adalah seperti berikut:
 - i) Kg Orang Asli Tun Abdul Razak Kuala Kubu Bharu, Mukim Ampang Pechah seluas 8.08 hektar. Telah diwartakan pada 10.10.1985.
 - ii) Kg Orang Asli Changkat Bintang, Sg Selisek Mukim Hulu Bernam seluas 97.17b hektar. Telah diwartakan pada 22.9.1930.

Manakala lain-lain permohonan untuk pewartaan masih di dalam tindakan penyediaan pelan ukur dari Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Jawapan bagi soalan (b) dan (c) disediakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli dan pihak dewan masih belum menerima sebarang jawapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: PROGRAM PEMUTIHAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN DAN KILANG HARAM DI KAWASAN PETALING JAYA

157. Difahamkan bahawa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) tidak dapat membaharui lesen perniagaan tahun 2013 untuk premis perniagaan yang berada di bawah program pemutihan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah kerajaan tidak memberi dapat memberi ulasan sama ada tempoh pemutihan dilanjutkan atau tidak kepada MBPJ?
- b) Bukankah benar jikalau kerajaan dapat melanjutkan tempoh dan menetapkan dasar-dasar yang lebih mesra peniaga untuk memutihkan tempat perniagaan mereka?

JAWAPAN :

- a) Proses untuk mengeluarkan lesen bagi kawasan pemutihan tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Negeri.
- b) Keputusan Kerajaan Negeri

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

158. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Huraikan status semasa Penggerak Belia Tempatan (PeBT)
- b) Berapakah kos keseluruhan bagi membiayai program ini untuk seluruh daerah di Selangor sejak ia dimulakan hingga Mac 2013?
- c) Nyatakan jumlah Pengurus PeBT dan ahli jawatankuasanya untuk seluruh Selangor mengikut pecahan PBT.
- d) Apakah kerajaan mencapai matlamat penubuhannya?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 12 Jun 2013, status Pengurus Penggerak Belia Tempatan (PeBT) yang masih aktif adalah 230 orang. Seramai 289 orang dilantik bagi sesi 2012/2013 dan akan tamat pada 19 Januari 2014. Setiap pengurus mewakili setiap zon di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam Jawatankuasa Induk Penggerak Belia Tempatan (PeBT) – Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Penggerak Belia Tempatan (PeBT) masih lagi ditubuhkan selaras dengan hasrat YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam usaha menggerakkan program-program pembangunan belia secara menyeluruh di seluruh negeri Selangor. Ia juga bertindak sebagai jentera pelaksana kerajaan negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.

- b) Kos keseluruhan bagi membiayai program ini untuk seluruh daerah di Selangor sejak ia dimulakan sehingga Mac 2013 ialah seperti berikut:-

TAHUN	KOS
2010	3,500,000.00
2011	3,300,000.00
2012	3,500,000.00
MAC 2013	1,000,000.00

- c) Jumlah Pengerusi PeBT adalah 289 orang dan setiap pengerusi wajib mempunyai 10 orang ahli jawatankuasa bagi setiap zon yang telah dipengerusikan. Maka, jumlah keseluruhan adalah 2,890 orang penggerak di seluruh Negeri Selangor. Setiap PBT mempunyai 24 Zon.
- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 10 Jun 2013 telah menolak soalan ini.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK: TANAH YAYASAN SELANGOR

159. Tanah dibawah pentadbiran Kerajaan Negeri yang diamanahkan kepada Yayasan Selangor di Hulu Bernam terdapat sebuah lapangan terbang haram.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah lapangan terbang ini “Bernam River Airfield” masih beroperasi dan apakah faedahnya terhadap Kerajaan Negeri?
- b) Kerjasama antara Yayasan Selangor dan “Syarikat Aviation Development Sdn Bhd” telah lari dari matlamat asal, apakah bentuk tindakan yang telah diambil?

JAWAPAN :

a) dan b)

Pada tahun 2007 Yayasan Selangor telah memasuki perjanjian usahasama dengan Aviation Development Corporation (ADC) untuk pembangunan termasuk pembinaan Bernam River Airfield . Namun pihak ADC gagal menyiapkan keseluruhan projek tersebut tetapi hanya menyiapkan Airfield sahaja. Secara keseluruhan projek ini gagal disiapkan dan tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan tetapi masih beroperasi diatas tanah berstatus pertanian.

Oleh itu pihak Yayasan Selangor telah membatalkan perjanjian bersama Aviation Development Corporation (ADC) ini pada 2010 atas dasar kegagalan pihak ADC memauti terma dan syarat perjanjian malahan gagal mendapat kelulusan pembangunan dari pihak Majlis Daerah Hulu Selangor. Kes ini telah dibawa ke mahkamah dan masih belum diputuskan oleh mahkamah . Buat masa ini status perjanjian kekal status quo sehingga keputusan perbicaraan penuh ditentukan oleh hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 30hb Ogos 2013

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: PENDAPATAN PERTANIAN

160. Selangor melalui manifesto PRU-13 berhasrat menambah pendapatan golongan petani, penternak dan nelayan melalui pemodenan industri berkaitan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- Apakah purata pendapatan golongan petani, penternak dan nelayan Selangor?
- Apakah antara teknologi moden untuk manfaat tiga kelompok tersebut?

JAWAPAN :

- Petani atau pengusaha pertanian di Negeri Selangor terbahagi kepada dua golongan iaitu petani dan pengusaha tanaman serta pengusaha IAT. Purata pendapatan golongan petani Negeri Selangor mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	BILANGAN PESERTA	PURATA PENDAPATAN PESERTA (RM/ BULAN)
GOMBAK	101	1,354.74
HULU LANGAT	117	2,742.67
HULU SELANGOR	97	10,719.66
KLANG	188	1,554.91
KUALA LANGAT	312	2,210.02
KUALA SELANGOR	4,952	1,126.99
PETALING	30	1,355.48
SABAK BERNAM	12,401	992.78
SEPANG	212	1,929.22
JUMLAH	18,410	1,130.98

- b) Manakala, purata pendapatan bagi pengusaha IAT mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	BILANGAN PESERTA	PURATA PENDAPATAN USAHAWAN (RM/ BULAN)
GOMBAK	35	6,315.40
HULU LANGAT	77	2,349.82
HULU SELANGOR	66	5,947.56
KLANG	81	7,608.97
KUALA LANGAT	110	4,303.77
KUALA SELANGOR	96	1,637.31
PETALING	45	65,025.99
SABAK BERNAM	166	3,906.38
SEPANG	44	20,125.53
JUMLAH	720	9,029.98

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PELANCONGAN

161. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan jumlah bilangan pelancong domestik dan luar yang datang melawat Selangor sehingga bulan Jun tahun 2013 mengikut pecahan daerah ?
- b) Sila senaraikan 20 destinasi pelancongan yang paling digemari oleh para pelancong dan nyatakan apakah kaedah promosi yang dilakukan oleh Tourism Selangor ?
- c) Sila nyatakan apakah insentif dan bantuan yang akan disalurkan kepada Dun Sekinchan khususnya dalam usaha mempromosi dan menjadikan ia sebagai Destinasi Agro-Pelancongan yang unik ?

JAWAPAN:

- a) Tourism Selangor telah mengumpul statistik kehadiran pelancong ke Negeri Selangor bagi tahun 2010 hingga 2012, walau bagaimanapun statistik kehadiran tersebut tidak menunjukkan kehadiran mengikut daerah-daerah dalam negeri Selangor. Statistik bagi tahun 2013 masih dalam proses pengumpulan maklumat.

Statistik tersebut hanya menunjukkan kedatangan pelancong daripada dalam dan luar negara ke negeri Selangor. Statistik kehadiran pelancong domestik dan luar negara ke negeri Selangor bagi pada tahun 2010 hingga 2012 mengikut daerah adalah seperti berikut:

	2010	2011	2012
Pelancong Domestik	3,245,659	3,314,714	3,440,835
Pelancong Asing	2,588,199	2,725,704	2,850,856
Jumlah	5,833,858	6,040,418	6,291,697

Sumber : Tourism Information Center, KLIA

- b) Negeri Selangor kini boleh berbangga dengan produk dan destinasi pelancongannya kerana dengan promosi berterusan yang dilakukan oleh Negeri Selangor melalui agensi pelaksananya iaitu Tourism Selangor mula menampakkan hasil apabila produk dan destinasi pelancongan di Negeri Selangor semakin dikenali dan menjadi pilihan percutian oleh para pelancong dalam dan luar negara.

Pada awal kempen ‘Selangor Shines’ dijalankan, terdapat 10 destinasi pelancongan yang terkenal dan sering menjadi tarikan utama pelancong apabila mereka berkunjung ke Negeri Selangor. Sehingga kini jumlah destinasi tersebut semakin bertambah.

Berikut adalah 20 destinasi di Negeri Selangor yang popular dikalangan pelancong dari dalam dan luar negara:

Bil.	Destinasi Pelancongan	Daya Tarikan
1.	Sunway Lagoon, Petaling Jaya	<ul style="list-style-type: none"> • Taman Tema Air • ‘One stop centre’ bagi hiburan, membeli-belah, hospital, pendidikan dan lain-lain
2.	Batu Caves, Gombak	<ul style="list-style-type: none"> • Perayaan Thaipusam • Tempat beribadat terbesar bagi masyarakat India
3.	Kelip-Kelip, Kuala Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Menyaksikan keindahan hidupan kerlip-kerlip pada waktu malam
4.	Masjid Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam	<ul style="list-style-type: none"> • Kecantikan dan keunikian seni bina islam • Tempat beribadat bagi umat Islam • Merupakan masjid terbesar dan terunggul di Malaysia dan di Asia Tenggara
5.	Sepang Gold Coast, Sepang	<ul style="list-style-type: none"> • Menawarkan pengalaman percutian yang indah dengan tinggal di chalet-chalet di atas air yang menganjur ke Selat Melaka dan binaan chalet yang menyerupai pokok palma (dilihat dari udara) seperti sebuah resort yang terdapat di negara Timur Tengah.
6.	Dong Zen Monastery Temple, Kuala Langat	<ul style="list-style-type: none"> • Tempat beribadat bagi penganut agama Buddha yang setiap tahun menganjurkan pelbagai aktiviti seperti ‘Pesta Tanglung’ serta mempunyai landskap cantik dan bersih.

7.	Forest Research Institute Of Malaysia (FRIM), Kepong	<ul style="list-style-type: none"> Tempat beriadah serta menjadi kunjungan bagi penggemar mahupun pengkaji flora dan fauna serta mempunyai hutan hujan yang tertua di Malaysia.
8.	Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz , Klang	<ul style="list-style-type: none"> Sebuah muzium yang serba indah yang memaparkan sejarah yang amat bernilai mengenai kehidupan dan pemerintahan Institusi Diraja Negeri Selangor.
9.	Bukit Malawati, Kuala Selangor	<ul style="list-style-type: none"> Sebuah kota peninggalan kerajaan Melayu Selangor yang menyimpan pelbagai cerita sejarah, misteri dan juga menempatkan makam Diraja Selangor. Juga merupakan tempat bagi mencerap anak bulan serta Rumah Api yang dibina pada 1907 dan beroperasi hingga kini bagi pengguna Selat Melaka.
10.	Hutan Lipur Kanching, Rawang	<ul style="list-style-type: none"> Merupakan tempat paling popular bagi aktiviti riadah bersama keluarga sambil mandi manda di air terjun yang airnya sejuk dan menyegarkan.
11.	I-City Shah Alam, Shah Alam	<ul style="list-style-type: none"> Menyaksikan keindahan pelbagai lampu LED yang berwarna warni serta aktiviti bermain salji di 'snow walk', galeri seni dan permainan taman tema air yang menyeronokkan.
12.	Kidzania, Damasara Mutiara	<ul style="list-style-type: none"> Taman tema 'indoor' bagi kanak-kanak yang mempunyai pelbagai aktiviti yang mendedahkan mereka kepada kehidupan sebenar apabila mereka dewasa kelak. Hanya terdapat beberapa buah taman tema seperti ini diseluruh dunia.
13.	Morib Gold Coast, Kuala Langat	<ul style="list-style-type: none"> Sebuah resort yang mempunyai pelbagai aktiviti riadah bersama keluarga serta sebuah mini taman tema air.

14.	Litar Formula One, Sepang	<ul style="list-style-type: none"> Litar Formula Satu bagi kejohanan lumba motor dan kereta formula satu peringkat antarabangsa dan antara litar yang terbaik di dunia.
15.	Pusat Membeli Belah GM, Klang	<ul style="list-style-type: none"> Pusat membeli belah barang secara borong yang sangat terkenal.
16.	Genting Strawberry Leisure Farm, Genting Highlands (Dalam sempadan Hulu Selangor)	<ul style="list-style-type: none"> Kebun tanaman buah strawberi yang sangat terkenal dan turut menyajikan pelbagai makanan diperbuat daripada buah strawberi. Pengunjung boleh memetik sendiri buah tersebut. Serta terdapat juga tanaman sayur, ternakan madu lebah serta kebun cendawan.
17.	Hutan Lipur Sungai Chongkak, Hulu Langat	<ul style="list-style-type: none"> Sebuah resort yang terletak di dalam hutan semulajadi dan mempunyai chalet untuk disewa. Boleh menjalankan aktiviti seperti hari keluarga serta program perkhemahan juga kem motivasi. Mempunyai sungai yang bersih serta sesuai untuk mandi manda dan berkelah bersama keluarga maupun teman-teman.
18.	Jalan Tengku Kelana, Klang (Little India)	<ul style="list-style-type: none"> Tempat yang amat popular yang menempatkan pelbagai kedai serta gerai yang menjual pelbagai keperluan bagi masyarakat India Amat sibuk menjelang perayaan Deepavali.
19.	Homestay Selangor	<ul style="list-style-type: none"> Negeri Selangor mempunyai 15 buah homestay yang berlesen yang menawarkan pengalaman suasana kehidupan kampung yang aman dan tenteram serta pelbagai aktiviti budaya dan kraftangan kampung yang cantik dan bernilai.
20.	Genting Highlands (Dalam sempadan pentadbiran Hulu Selangor)	<ul style="list-style-type: none"> Sebuah taman tema yang terletak di tanah tinggi yang terkenal diseluruh dunia dan menawarkan pelbagai aktiviti permainan serta membeli belah.

- c) Sekinchan ialah sebuah pekan kecil di daerah Sabak Bernam yang mempunyai banyak keistimewaan dan daya tarikan tersendiri dari aspek pelancongan. Kerajaan Negeri Selangor dan Tourism Selangor telah banyak membantu terutama dari aspek promosi dan publisiti agar Sekinchan terus dikenali oleh pelancong-pelancong domestik dan antarabangsa.

Faktor-faktor yang menyebabkan para pelancong melawat Sekinchan adalah kerana keunikannya yang terletak berhampiran dengan persisiran pantai. Selain itu, Sekinchan juga dikelilingi dengan kebun buah-buahan dan tanaman-tanaman yang boleh menarik lebih ramai pelancong ke Sekinchan. Buah-buahan segar seperti mangga, ciku dan nangka yang enak dan manis serta hasil tanaman seperti jagung, keladi dan ubi kayu sentiasa boleh didapati hampir sepanjang tahun.

Sekinchan juga terkenal dengan keindahan sawah padi yang indah saujana mata memandang. Kemeriahan lebih terasa apabila tiba musim menuai dimana saat ini amat dinantikan oleh pengunjung-pengunjung untuk melihat sendiri proses menuai padi.

Selain produk pertanian, Sekinchan juga begitu sinonim dengan hasil laut yang segar dan terdapat juga industri kecil seperti pembuatan udang kering, ikan masin, keropok, kek ikan dan bebola ikan turut menjadi tarikan kedatangan pelancong.

Berdasarkan ciri-ciri keistimewaan yang terdapat di Sekinchan, Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor telah membantu dalam banyak aspek terutama dalam mempromosikan destinasi ini samada di peringkat tempatan maupun antarabangsa. Berikut adalah beberapa tindakan yang telah dilakukan oleh Tourism Selangor dalam membantu mempromosikan Sekinchan seperti :

- 1) Menyediakan risalah pelancongan
 - Selangor Breakaway
 - Risalah Pelancongan daerah Sabak Bernam
 - Selangor Vision
- 2) Membawa wartawan dan pengamal media melalui Selangor Shines Fam Tour 2010 dan 2011.
- 3) Membawa delegasi agensi pelancongan dari Singapura melalui Fam Tour Agensi Pelancongan dari Singapura.
- 4) Promosi melalui laman web TSSB.
- 5) Promosi Pelancongan dalam dan luar negara

- Roadshow Selangor Shines seluruh negara
- Kembara Selangor Shines sekolah menengah dan IPTA / IPTS seluruh Selangor
- MASUM / SMIFT
- Roadshow Selangor Shines Pantai Timur 2012

6) Promosi Luar Negara

Tahun 2012	Tahun 2013 (Sehingga Jun 2013)
1) AsianTravel Mart, Dubai	1) Asean Tourism Forum Laos
2) International Travel Business Asia, Singapura	2) Asian Travel Mart,Dubai
3) International Travel Expo, Vietnam	3) Roadshow India
4) Abacus Holiday Fair, Brunei	
5) Voyage Expo, India	
6) International Travel Fair, Taiwan	
7) Selangor Meets China	
8) Selangor Meets Indonesia	

7) Tajaan penerbitan ‘ Sekinchan Tourist Book ’ 2011 dan 2012

Sekinchan Tourist Book sangat membantu pelancong-pelancong untuk mendapatkan maklumat-maklumat pelancongan yang berada di Sekinchan.

Walaupun Sekinchan mempunyai pelbagai keistimewaan dari aspek pelancongan namun pelbagai tindakan perlu diambil bagi memastikan ianya terus dikenali. Semua penggiat industri dan penggerak utama pelancongan di Sekinchan perlu mencari inisiatif bagi memastikan Sekinchan terus dikenali disamping mewujudkan produk-produk baru pelancongan bagi memastikan kesinambungan aktiviti pelancongan di kawasan ini.

Tourism Selangor akan terus memainkan peranan penting dalam mempromosikan Sekinchan sebagai destinasi pelancongan yang unik di Selangor. Antara tindakan yang akan terus dilakukan adalah seperti berikut :

- 1) Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor akan meneruskan semua aktiviti promosi yang telah dijalankan samada di dalam maupun pun luar negara untuk memperkenalkan semua produk pelancongan di negeri Selangor termasuklah Sekinchan. Tourism Selangor juga akan sentiasa mengkaji pasaran baru yang sesuai bagi mempromosikan Sekinchan kerana bukan semua siri promosi luar negara yang disertai sesuai untuk mempromosikan agro pelancongan yang terdapat di Sekinchan.

- 2) Tourism Selangor melalui laman web rasmi akan sentiasa mempromosikan Sekinchan dan memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat.
- 3) Pada masa-masa akan datang Tourism Selangor juga akan membawa lawatan-lawatan para media mahupun lain-lain ‘fam tour’ serta agensi-agensi pelancongan dalam dan luar negara bagi mempromosikan Sekinchan secara terus kepada ‘key players’ dan agensi-agensi pelancongan.
- 4) Tourism Selangor juga akan terus mempromosikan Sekinchan dengan menggunakan medium yang sesuai samada melalui media cetak, mahupun elektronik untuk memastikan golongan sasar dapat menerima maklumat berkaitan destinasi ini.
- 5) Tourism Selangor juga akan membawa dan menganjurkan acara-acara yang akan menjadikan Sekinchan sebagai lokasi penganjuran mahupun persinggahan para peserta.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah Kerajaan Negeri melalui PBT bercadang untuk menerokai teknologi baru pengurusan sisa pepejal yang lebih efektif dan mesra alam ?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah dengan menerokai beberapa teknologi baru seperti loji "**Material Recovery Facility**" (MRF), loji **pengkomposan**, loji "**Waste to Energy**" dan seumpamanya. Kerajaan Negeri juga sedang meneliti cadangan untuk memulih tapak pelupusan secara terbuka kepada tapak pelupusan sanitari dan tapak pelupusan lengai yang baru. Di samping itu juga kempen-kempen untuk menggalakkan kitar semula juga giat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bertujuan untuk mengurangkan kadar sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : HAB HALAL

163. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Bila dan di manakah sebuah Halal Hab di peringkat negeri akan dibangunkan?
 - Adakah pembangunan dan pengendaliannya terus di bawah jabatan Kerajaan Negeri ataupun di bawah MBI?
 - Pihak manakah yang akan memberi akreditasi dan persijilan bagi produk-produk tersebut?

JAWAPAN :

- Pasaran produk halal adalah terbuka luas dan Kerajaan Negeri menyedari akan keperluan menubuhkan Hab Halal peringkat negeri dan seterusnya membantu perkembangan ekonomi Negeri Selangor.

Sebuah Halal Hab di peringkat negeri Selangor telah dibangunkan dan telah beroperasi secara rasmi pada tahun 2003 iaitu Selangor Halal Hab Pulau Indah (SHHPI) yang terletak di Pulau Indah. Ianya merupakan satu kawasan industry yang kondusif untuk pengeluaran produk Halal dan juga salah satu Halal Hab yang pertama diwujudkan di Malaysia bagi aktiviti industri hulu dan industri hiliran (up-stream and downstream).

Secara keseluruhan, kawasan ini berkeluasan 1,000 ekar untuk dibangunkan dengan kilang berteknologi tinggi dan moden bagi memenuhi peningkatan permintaan produk halal daripada pasaran tempatan dan antarabangsa. Di dalam fasa 1, terdapat 10 pelabur telah melabur di SHHPI dengan nilai pelaburan berjumlah RM1,050 juta bagi pengeluaran produk Halal seperti barang berdasarkan minyak sawit, makanan beku, kek, makanan kering dan produk herba. Manakala di dalam fasa 2, 12 pelabur telah turut serta melabur di SHHPI dengan nilai pelaburan berjumlah RM1,895 juta . Seterusnya, pembangunan SHHPI bagi fasa 3 akan melibatkan baki 300 ekar yang dalam perancangan untuk dibangunkan.

- b) Pada masa kini, terdapat 2 Halal Hab yang telah wujud dan beroperasi di Negeri Selangor iaitu PKFZ Flagship Halal Zone dan Selangor Halal Hub, Pulau Indah. Port Klang Free Zone (PKFZ) merupakan satu pusat pengedaran kargo antarabangsa dan penyatuan bersepadu dengan keluasan 1,000 ekar yang berada di Pulau Indah, Port Klang dan dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Pelabuhan Klang (PKA). Kerajaan Negeri Selangor melalui anak syarikat Kerajaan Negeri, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) juga telah memberi tanggungjawab kepada Central Spektrum (M) Sdn. Bhd. bagi membangunkan Selangor Halal Hub di kawasan perindustrian seluas 1,000 ekar tanah di Pulau Indah, Port Klang.
- c) Pembangunan halal hab adalah di bawah seliaan Halal Industry Development Corporation (HDC) bagi memudahkan status pembangunan dan menyediakan status HALMAS. HALMAS merupakan satu pengiktirafan yang diberikan kepada pengendali Kawasan Industri Halal (*Halal Park*) yang telah mematuhi kesemua peraturan dan keperluan yang telah ditetapkan di bawah HDC bagi pembangunan Kawasan Industri Halal (*Halal Park*). Sekiranya HALMAS status diperolehi, pengendali hab halal, industri dan pengendali logistik layak untuk memohon insentif yang diberikan HDC dan Kementerian Kewangan dalam membantu ahli-ahli sedia ada dan bakal ahli di dalam industri Halal.

Melalui Persijilan Halal Negeri Selangor kelak, iaanya merupakan suatu pengiktirafan yang menunjukkan kehalalan sesuatu hasil makanan, minuman dan bahan gunaan orang Islam berdasarkan kepada hukum Syarak yang diamalkan dalam negeri Selangor. Ini bertujuan untuk mengatasi kekeliruan dan keraguan yang timbul di kalangan pengguna Islam berkaitan dengan kehalalan atau kesucian sesuatu makanan, minuman dan bahan gunaan yang dikeluarkan dalam negeri ini. Oleh itu, ia perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Garis Panduan Premis yang membuat penyediaan / pemprosesan / masakan makanan, minuman dan bahan gunaan orang Islam yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor dan semua pengusaha makanan,bahan gunaan dan pihak yang berkaitan yang dapat memenuhi kriteria-kriteria halal yang telah ditetapkan dalam "Garis Panduan" berkenaan layak untuk memohon Sijil Persijilan Halal Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK: PERTUMBUHAN HOTEL BAJET

164. Hotel-hotel bajet didapati banyak dibina semenjak akhir-akhir ini.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Nyatakan jumlah hotel bajet mengikut PBT dari 2008 hingga 2013?
- b) Apakah garis panduan atau prosedur untuk membuka hotel bajet?
- c) Sejauh manakah sumbangan hotel bajet terhadap industri pelancongan?

JAWAPAN :

- a) Berikut adalah jumlah hotel bajet mengikut PBT dari 2008 hingga 2013:

BIL	PBT	HOTEL BAJET					
		2008	2009	2010	2011	2012	2013
1.	MBSA	-	1	4	4	1	-
2.	MBPJ	1	2	10	15	17	8
3.	MPK	-	1	4	3	5	9
4.	MPAJ	2	4	4	4	1	2
5.	MPSJ	TIADA MAKLUMBALAS					
6.	MPS	3	5	17	19	23	30
7.	MPKJ	4	4	4	2	4	1
8.	MPSP	TIADA MAKLUMBALAS					
9.	MDKL	2	2	-	1	2	-
10.	MDHS	TIADA MAKLUMBALAS					
11.	MDKS	8	1	8	2	1	0

12.	MDSB	12	1	3	3	1	-
	JUMLAH	32	24	54	55	55	50

- b) Setiap PBT di negeri Selangor menggunakan Undang-Undang Kecil Hotel (2007) sebagai garis panduan yang merangkumi perkara-perkara asas bagi aktiviti pengeluaran lesen hotel bajet seperti syarat-syarat lesen serta tindakan penguatkuasaan terhadap hotel-hotel bajet di dalam kawasan PBT.

Antara syarat-syarat utama yang perlu dipatuhi oleh pengusaha hotel bajet sebelum lesen operasi dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah :

- i. Mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang.
- ii. Mendapatkan kelulusan pelan bangunan dan pelan kejuruteraan serta CCC atau CFO.
- iii. Mematuhi syarat dan keperluan daripada Jabatan Bomba terutamanya dari aspek keselamatan kebakaran

Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah PBT yang mengenakan syarat-syarat tambahan terhadap pengusaha hotel bajet termasuk mengemukakan salinan pendaftaran dengan Kementerian Pelancongan dan Persatuan Hotel Bajet Malaysia serta mematuhi syarat-syarat garis panduan hotel bajet yang dikeluarkan oleh PBT.

- c) Sumbangan hotel bajet terhadap industri pelancongan adalah seperti berikut:-

- i. Menyediakan Kemudahan Penginapan.

Kewujudan hotel bajet ini dapat memberi kemudahan penginapan dengan kadar yang rendah dan selesa kepada pengunjung dan pelancong yang mengunjungi destinasi pelancongan di sesuatu kawasan. Kemudahan sebegini memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah untuk mengunjungi sesuatu lokasi.

- ii. Menjana Ekonomi Penduduk

Kewujudan hotel bajet ini dapat meningkatkan pendapatan peniaga di sekitar kawasan hotel bajet tersebut seperti restoran, pusat membeli belah, kedai dobi, kedai serbaneka dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK: KEMUDAHAN ASAS

165. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- Bilakah kerja-kerja menaiktaraf persimpangan antara Jalan Cemara 1 dengan Jalan Cheras Hartamas 4 dilaksanakan?
 - Apakah tindakan susulan pemantauan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri selepas kerja pembaikan cerun dilakukan di Pangsapuri Mutiara, Taman Bukit Permai dalam bulan April 2013?
 - Apakah mekanisme Kerajaan Negeri untuk memastikan tekanan air cukup untuk bekalan air di DUN Teratai?

JAWAPAN :

- Kerja-kerja menaiktaraf persimpangan antara Jalan Cemara 1 dengan Jalan Cheras Hartamas 4 telah disyaratkan kepada pembangunan Tetuan BHL Gemilang Sdn Bhd (Dahulu dikenali sebagai Jaguh Gemilang Sdn Bhd). Pelan Infrastruktur bagi pembangunan ini telah diluluskan pada 27hb Jun 2012 melalui Mesyuarat Jawatankuasa OSC MPAJ, Bil 13/2012 bertarikh 22hb Jun 2012. Kerja-kerja menaiktaraf persimpangan akan dilaksanakan bersekali dengan pembangunan berkenaan seperti syarat-syarat kelulusan dalam pelan Kebenaran Merancang.
- Bagi cerun yang telah disenaraikan sebagai cerun berisiko ianya dimasukkan di dalam senarai inventori cerun yang dipantau oleh Bahagian Cerun, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Ianya telah dijadikan sebagai S.O.P dan telah di ISO oleh MPAJ. Lokasi yang dinyatakan di atas iaitu di Pangsapuri Mutiara adalah termasuk dalam senarai lokasi yang dipantau oleh MPAJ secara berkala dan berjadual. Jika terdapat sebarang perubahan dan tanda awal kegagalan erun, maka MPAJ akan melaksanakan pembaikan bergantung kepada kemampuan kewangan majlis. Setakat ini tiada kerosakan ditemui terhadap kerja yang telah dilaksanakan.

- c) Kawasan DUN Teratai mendapat bekalan air dari Rumah Pam Wangsa Maju. Kejadian henti tugas di Rumah Pam Wangsa Maju adalah berlaku kerana SYABAS tidak berkemampuan dan tidak kompeten di dalam mengendalikan rumah pam tersebut. Pada masa yang sama, SYABAS juga tidak mempunyai kakitangan yang mahir dalam mengendalikan Rumah pam Wangsa Maju hingga menyebabkan kerapnya berlaku henti tugas Rumah Pam tersebut sehingga menyebabkan gangguan bekalan air termasuk kawasan Dun Teratai.

Penyelesaian menyeluruh ke atas semua masalah yang menimpa penduduk DUN Teratai ini adalah melalui penstrukturkan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor melalui Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Selain dari itu, beberapa projek sumber air tambahan telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi, antaranya adalah seperti berikut:-

i. **Loji Rawatan Air Sg Labu / KLIA Alternative Water Supply Scheme**

Projek ini dioperasikan oleh Konsortium Air Selangor Berhad (KASB) bermula pada 01 Julai 2012 dan boleh mengeluarkan air sebanyak **105 JLH**.

ii. **Membaik pulih Kapasiti Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1 (SSP1)**

Kerja-kerja membaik pulih ini telah siap sepenuhnya pada 31 Mac 2013 dan kapasiti pengeluaran Loji Rawatan Air Sg Selangor Fasa 1 (SSP1) dapat ditingkatkan pengeluaran dari 760 JLH kepada 950 JLH, iaitu peningkatan sebanyak **190 JLH**.

iii. **Projek Mitigasi 2**

Untuk menambah baik sistem agihan air bagi membolehkan air terawat diagihkan kepada pengguna. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2015.

Pada masa yang sama juga, Kerajaan Persekutuan telah memberikan bantuan kewangan kepada SYABAS untuk mengatasi masalah Rumah Pam Wangsa Maju. Dijangkakan kerja-kerja menaik taraf Rumah Pam ini akan siap sepenuhnya dalam bulan Februari 2014. Dengan siapnya kerja-kerja menaik taraf tersebut, ia dapat meningkatkan kapasiti kadar pengepaman sedia ada di rumah pam dan dengan ini tekanan air di kawasan DUN Teratai dapat dipulihkan.

Selain dari pelaksanaan projek-projek di atas, Kerajaan Negeri Selangor juga menggesa agar SYABAS dapat mengurangkan kadar NRW. Di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS, SYABAS menjanjikan penurunan NRW kepada 20% pada tahun 2011 dengan perbelanjaan sebanyak RM784.1 juta. Namun kadar NRW pada tahun 2011 yang dapat dicapai oleh pihak SYABAS adalah **melebihi 32%** dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM995.70 juta, jauh melebihi amaun yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. (Setakat April 2013, kadar NRW ditunjukkan sebanyak 35%)

Ini membuktikan bahawa walaupun SYABAS telah diberikan peruntukan yang jauh melebihi amaun yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi, namun SYABAS masih gagal untuk menurunkan NRW kepada kadar yang sepatutnya. Kegagalan tersebut telah menyebabkan negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terlepas peluang untuk mendapatkan penjimatan kira-kira 663 JLH yang sepatutnya dihasilkan dari penurunan NRW seperti dijanjikan Syabas. Kapasiti 663JLH itu adalah lebih kurang jumlah air yang dikeluarkan oleh Loji Sungai Semenyih yang dianggarkan boleh menampung keperluan 353,000 akaun atau dari bilangan orang, boleh menampung penggunaan untuk seramai 1.2 juta orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: KITAR SEMULA BAHAN BUANGAN & PENJAGAAN ALAM SEKITAR

166. Masalah sampah masih belum dapat ditangani oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana bahan buangan tersebut boleh dimanfaatkan melalui Program Kitar Semula "Waste to Wealth", mengurangkan sampah dan pada masa yang sama memberi pendapatan kepada penduduk?

JAWAPAN :

- a) Masalah sampah di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah dalam keadaan terkawal berikutan jumlah aduan yang semakin berkurangan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tetap mengambil berat masalah ini dengan melaksanakan pelbagai kempen seperti kempen kitar semula bahan buangan "Waste to Wealth". PBT telah melaksanakan beberapa program kitar semula seperti:-

(i) Program Penyediaan Fasiliti Pusat Kitar Semula

Menggunakan konsep '*buy back*' iaitu setiap penghantaran barang kitar semula ke semua pusat kitar semula akan menerima insentif wang ringgit secara terus daripada pihak operator.

(ii) Program Kitar Semula Minyak Masak

Program ini disertai oleh pengusaha premis makanan dan medan selera awam. Setiap peserta yang menyertai program ini akan diberikan insentif wang ringgit (mengikut kuantiti minyak masak terpakai yang dikumpulkan) setiap kali kutipan dilakukan oleh kontraktor.

(iii) Program Kompos Komuniti

Melalui program ini, PBT akan memberikan tong kompos percuma dan setiap peserta turut diajar kaedah melakukan pengkomposan untuk dilaksanakan di rumah masing-masing. Manfaat yang diperoleh peserta ialah baja kompos percuma hasil daripada aktiviti pengkomposan sisa organik yang mereka lakukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: AIR SELANGOR

167. Penstrukturran semula air Selangor.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sejauh mana perkembangan pengambilalihan air dari SYABAS?
- b) Jika penstrukturran ini berjaya, berapa lamakah masa yang akan diambil bagi mengatasi masalah yang sedia berbangkit?

JAWAPAN :

- a) Langkah untuk menyusun semula Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor adalah selaras dengan hasrat dan matlamat Kerajaan Persekutuan untuk menyusun semula industri perkhidmatan air ke arah satu perkhidmatan yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan. Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 21/2007 yang bersidang pada 11 Julai 2007, telah bersetuju dengan penyusunan semula Pemegang Konsesi Air Selangor di bawah satu konsortium yang akan diterajui oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB).

Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) melalui surat bertarikh 11 Februari 2008 telah memaklumkan Kerajaan Negeri Selangor bahawa melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Januari 2008 telah menimbangkan dan memutuskan:-

- i) supaya KDEB mengambil alih operari dan penyelenggaraan bagi rawatan dan pembekalan air di Negeri Selangor,Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya termasuk Loji Langat 2; dan
- ii) supaya Kerajaan Negeri Selangor bekerjasama dengan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dalam melaksanakan penstrukturran semula perkhidmatan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya secara holistik. KDEB akan menjadi peneraju utama dalam konsortium baru.

Pada 22 Januari 2008, PAAB telah memberikan taklimat kepada Kerajaan Negeri Selangor menerangkan mengenai peranan PAAB di dalam penstrukturran semula industri perkhidmatan air negara.

Rundingan dan perbincangan telah diadakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan KTTHA semenjak tahun 2008. Beberapa siri perbincangan juga telah diadakan di antara YAB Dato' Menteri Besar Selangor dengan YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air bermula dari 20 April 2009.

Bagi merealisasikan cadangan penstrukturkan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih Syarikat Konsesi Air sebanyak tiga (3) kali iaitu:-

- i) 13 Februari 2009 pada nilai sebanyak RM5,709 juta;
- ii) 25 Jun 2009 pada nilai sebanyak RM9,218 juta; dan
- iii) 31 Januari 2010 pada nilai sebanyak RM9,227 juta.

Dalam menetapkan kos yang diperlukan untuk pengambilalihan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan harga berpatutan yang tidak membebangkan pengguna di samping tidak merugikan mana-mana pihak. Elemen-elemen yang telah diambil kira dalam membuat penilaian harga tawaran adalah:-

- i) jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh pemegang saham di dalam Syarikat Konsesi Air;
- ii) tempoh pelaburan yang telah dibuat;
- iii) jumlah hutang yang ditanggung;
- iv) PAAB akan mengambil alih aset air dari SPV Air pada nilai aset bersamaan dengan 1 kali Nilai Buku (1x Book Value); dan
- v) pulangan keuntungan sebanyak 12%

Harga yang ditawarkan kepada Pemegang Konsesi adalah mengandungi nilai aset, nilai ekuiti dan liabiliti termasuk bon yang ditanggung oleh Pemegang Konsesi yang berkaitan khusus dengan perkhidmatan air sahaja. Harga yang ditawarkan adalah anggaran sahaja. Harga sebenar akan ditentukan selepas proses *due diligence* disempurnakan. Sebarang perbezaan dan/atau ketidakstesenian ke atas nilai yang dianggarkan selepas proses *due diligence* disempurnakan, maka nilai sebenar yang akan dibayar kepada Pemegang Konsesi akan diselaraskan sebagaimana patut.

Sekiranya tawaran tersebut tidak dipersetujui oleh syarikat konsesi dari segi tawaran, maka Kerajaan Negeri Selangor akan merujuk perkara berkaitan nilai tersebut kepada Badan Timbang Tara Bebas Antarabangsa (*Independent International Arbitration*). Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa rujukan kepada Badan Timbang Tara Bebas ini adalah bertujuan untuk menentukan *fair market value* di mana semua pemegang saham di dalam syarikat konsesi akan dibayar pampasan yang adil dan munasabah. Tidak ada mana-mana pihak yang akan mengalami kerugian dari pelaburan yang telah mereka buat di dalam industri tersebut.

Kerajaan Negeri Selangor telah menulis kepada Kerajaan Persekutuan mengenai hasrat untuk memuktamadkan penstruktur semula ini. Kerajaan Negeri beranggapan surat YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air melalui bertarikh 06 Februari 2013 merupakan kebenaran dari Kerajaan Persekutuan membenarkan Kerajaan Negeri Selangor mengemukakan tawaran kepada Pemegang Konsesi Air Negeri Selangor,

Lanjutan dari surat YB Menteri tersebut, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 20 Februari 2013 telah bersetuju supaya Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) mengemukakan tawaran kepada semua Pemegang Konsesi Air Negeri Selangor bagi mengambil alih syarikat konsesi air dalam usaha untuk memuktamadkan penstruktur semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

KDEB adalah syarikat milik Kerajaan Negeri yang paling sesuai untuk melaksanakan Model Holistik Negeri Selangor memandangkan KDEB, melalui anak syarikatnya milik penuhnya iaitu Konsortium Air Selangor Sdn Bhd memiliki lesen perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (“SPAN”). Ini akan memudahkan sebarang urusan pengeluaran lesen oleh SPAN pada masa akan datang.

Bagi melaksanakan Model Holistik Negeri Selangor tersebut, KDEB akan mengambil alih 100% kepentingan ekuiti di dalam Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (“SYABAS”), Puncak Niaga Sdn Bhd (“PNSB”), Titisan Modal Sdn Bhd (“TMSB”) yang mengusai kepentingan di dalam Konsortium ABASS Sdn Bhd (“ABASS”) dan Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad (“SPLASH Holdings”) yang menguasai kepentingan di dalam Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn Bhd (“SPLASH”).

Terma dan syarat kepada tawaran tersebut adalah seperti berikut:-

- 1) Nilai tawaran yang akan dibuat kepada kesemua Pemegang Konsesi Air adalah berjumlah RM9.6b;
- 2) Nilai tawaran tersebut adalah setelah mengambil kira pulangan ekuiti Pemegang Konsesi iaitu sebanyak 12% setahun dan juga nilai Aset-Aset Air yang akan disuntik kepada Pengurusan Aset Air Berhad (“PAAB”).
- 3) Kadar pulangan ekuiti 12% adalah dikira sehingga 31 Disember 2012 (tanpa “Compounding”) dan setelah ditolak dengan dividen yang telah dibayar sebelum ini;
- 4) Ekuiti yang akan diambilalih termasuklah semua bentuk instrumen pelaburan dan sumbangan daripada pemegang saham e.g. saham biasa, saham keutamaan, pendahuluan dan juga mengambil kira instrument hutang-ekuiti (debt-equity instruments) sekiranya berkaitan.
- 5) Dari segi liabiliti yang akan di ambil alih, tawaran tersebut juga merangkumi pengambilalihan kesemua hutang-hutang berkaitan industri yang ditanggung oleh Pemegang Konsesi seperti:-
 - i) Bond-Bond samaada yang telah diambil alih oleh Acqua SPV Berhad (“Acqua SPV”) atau yang masih berada di pasaran modal;
 - ii) Pinjaman berpenggal, atau;
 - iii) Pinjaman Kerajaan (jika berkaitan).
- 6) PAAB akan membuat keputusan ke atas pembayaran lebihan Nilai Buku Aset ke atas liabiliti, dan sekiranya bersetuju akan dibayar terus oleh kepada Pemegang Konsesi.
- 7) Bayaran nilai tawaran akan dibuat secara tunai.
- 8) Nilai tawaran akhir adalah tertakluk kepada proses “due diligence” yang akan dibuat.
- 9) Syarat-syarat lain termasuklah segala kelulusan yang perlu diperolehi oleh Pemegang Konsesi seperti kelulusan pemegang-pemegang saham, kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan dan semua agensi berkaitan, kelulusan daripada Kerajaan Negeri Selangor dan semua agensi berkaitan serta kelulusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Acqua SPV dan juga pembiaya kewangan (jika berkaitan).

Lanjutan dari tawaran yang dikemukakan oleh KDEB pada 20 Februari 2013, beberapa siri perbincangan telah diadakan di antara KDEB dan Pemegang Saham SPLASH iaitu Gamuda Berhad, The Sweet Water Alliance Sdn Bhd dan Viable Chip Sdn Bhd pada 25 Februari 2013.

Pada 28 Februari 2013, satu perbincangan telah diadakan oleh KDEB dan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad yang merupakan Pemegang Saham majoriti di dalam Titisan Modal Sdn Bhd.

Perbincangan juga telah diadakan pada 01 Mac 2013 di antara KDEB dan Puncak Niaga Holdings Berhad ("Puncak Holdings"). Puncak Holdings merupakan pemegang saham di dalam SYABAS dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd.

Selain dari mengadakan perbincangan, Puncak Holdings juga telah mengemukakan surat kepada KDEB pada 27 Februari 2013 bagi meminta penjelasan berhubung tawaran yang dikemukakan oleh KDEB, di mana melalui surat bertarikh 04 Mac 2013, KDEB telah mengemukakan penjelasan kepada Puncak Holdings antaranya seperti berikut:-

Bil	Penjelasan yang diminta oleh Puncak Holdings	Penjelasan oleh KDEB
i.	Keadaan apabila nilai aset air melebihi jumlah liabiliti tertunggak terhadap Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)	Merujuk kepada keadaan yang berlaku di Johor dan Melaka, perbezaan nilai tersebut akan dibayar oleh PAAB kepada Pemilik Aset. Nilai sebenar yang akan dibayar kepada Pemegang Konsesi hanya akan ditentukan selepas proses <i>due diligence</i> .
ii.	Nilai tawaran belum mendapat persetujuan dari PAAB	Rundingan rasmi dengan PAAB akan dimulakan oleh KDEB setelah semua Pemegang Konsesi Air bersetuju secara dasar di atas pengambilalihan tersebut.
iii.	Perkara berkaitan dengan persetujuan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri	Garis panduan yang dikeluarkan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) memerlukan syarikat mendapatkan kelulusan perubahan saham/pegangan selepas semua

Bil	Penjelasan yang diminta oleh Puncak Holdings	Penjelasan oleh KDEB
		persetujuan ke atas tawaran telah dimuktamadkan, dalam hal ini , persetujuan Puncak Holdings ke atas tawaran oleh KDEB diperlukan terlebih dahulu sebelum permohonan kelulusan EPU,JPM boleh diperoleh.
iv.	Kaedah penilaian ke atas aset dan liabiliti yang dibuat dalam menentukan nilai tawaran	Dalam perbincangan dengan wakil dari Puncak Holdings pada 01 Mac 2013, KDEB telah mengemukakan butiran terperinci serta kaedah penilaian yang dibuat dalam menentukan nilai tawaran.
v.	Kesediaan KDEB/Kerajaan Negeri Selangor dalam menyediakan dana bagi tujuan pengambilalihan ini	Kerajaan Negeri bersedia untuk membiayai sebarang lebihan nilai aset yang mungkin timbul susulan proses penstruktur semula ini.

Setelah pembentukan Kerajaan baru pada 06 Mei 2013, Kerajaan Negeri telah menulis surat kepada YAB Perdana Menteri Malaysia dan YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air, di mana melalui surat bertarikh 12 Jun 2013, YB Menteri bersedia untuk mengadakan pertemuan dengan YAB Dato' Menteri Besar bagi membincangkan mengenai penstruktur semula ini. Kerajaan Negeri Selangor masih menunggu tarikh untuk perbincangan dengan YB Menteri.

Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa penstruktur semula industri perkhidmatan air menggunakan Model Holistik hendaklah dimuktamadkan dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan air di Negeri Selangor dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan di samping kadar tarif munasabah yang tidak membebankan pengguna.

- b) Penstruktur semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor sekiranya dimuktamadkan, ia tidak akan menjelaskan operasi pembekalan air sedia ada tetapi hanya melibatkan pertukaran kepada Pemegang Saham di dalam syarikat konsesi air. Namun demikian, proses *due diligence* sebagaimana dalam proses pengambilalihan industri lain, ia akan mengambil masa mencapai hingga tiga (3) tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : TEKNOLOGI & INOVASI

168. Teknologi dan inovasi baru penting untuk menjana ekonomi kukuh dan berdaya saing.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar teknologi dan inovasi negeri?
- b) Apakah langkah negeri untuk meningkatkan penggunaan teknologi dan membudayakan inovasi?

JAWAPAN:

- a) dan b)

Sebagai sebuah negeri maju, Selangor akan mengamalkan dasar Sains, Teknologi dan Inovasi yang progresif dengan memfokuskan kepada Sains, Teknologi dan Inovasi kontemporari yang bertaraf tinggi, yang akan meningkatkan lagi aktiviti, produktiviti dan kualiti perindustrian, perkhidmatan dan pertanian. Adaptasi teknologi hijau dan penggunaan tenaga boleh baharu ‘renewable’ akan diberi keutamaan agar perkembangan perindustrian, perkhidmatan dan pertanian menjadi ‘sustainable’ dan memelihara alam sekitar. Sains, Teknologi dan Inovasi yang akan meningkatkan perindustrian hala, akan diberi keutamaan supaya Negeri Selangor menjuarai bidang yang berpotensi besar ini.

Perpindahan teknologi tinggi kepada perindustrian kecil dan sederhana (IKS) akan dirancang melalui program-program yang dibantu oleh kerajaan. Bantuan daripada segi penggunaan Sains, Teknologi dan Inovasi untuk pembangunan industri desa juga akan diberi tumpuan.

Bagi memangkinkan kemajuan di bidang Sains, Teknologi dan Inovasi, kerajaan akan memberikan galakan kepada syarikat atau individu yang berjaya di dalam reka cipta, inovasi dan penyelidikan. Perkongsian pintar di antara kerajaan, industri dan universiti akan diwujudkan, bagi menjadikan dasar Sains, Teknologi dan Inovasi ini lebih realistik. Adalah diharapkan dasar ini akan meningkatkan lagi kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK: KELULUSAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG

169. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Senaraikan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan nisbah plot melebihi yang dibenarkan oleh Rancangan Tempatan tau Piawaian Perancangan sejak 2008?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap kelulusan tersebut?

JAWAPAN :

- a) Tiada kelulusan Kebenaran Merancang diberikan kepada permohonan yang tidak mematuhi nisbah plot dibenarkan di dalam kedua-dua Rancangan Tempatan di Petaling Jaya iaitu Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2.
- b) Tidak berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN RM500 RIBU PROJEK-PROJEK KECIL DUN 2012

170. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah prestasi keseluruhan pelaksanaan projek-projek kecil setiap DUN di bawah peruntukan RM500 ribu bagi 2012?
- b) Bagaimanakah pemantauan/audit dijalankan bagi memastikan spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan dipenuhi?
- c) Adakah Kerajaan Negeri akan menyediakan laporan penuh tentang pencapaian tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM500,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Ribu Sahaja)** bagi **56 kawasan Dewan Negeri Selangor** dengan jumlah keseluruhan **RM28,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Lapan Juta Sahaja)** untuk melaksanakan projek infrastruktur kecil dan perkhidmatan perbekalan. Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada semua sembilan (9) Pejabat Daerah di negeri Selangor pada 14 September 2012.

Selaras dengan dasar Kerajaan Negeri iaitu *value for money* yang bertujuan untuk memastikan setiap peruntukan yang diluluskan dibelanjakan dengan berhemah, pelaksanaan bagi setiap projek yang diluluskan ini perlu melalui proses sebutharga.

Sehingga 31 Mei 2013, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah meluluskan sebanyak 893 buah projek kepada sembilan (9) Pejabat Daerah dengan nilai keseluruhan berjumlah RM26,688,108.52.

Daripada jumlah keseluruhan projek itu, 883 telah selesai dan siap dilaksanakan manakala baki 10 projek masih di peringkat pelaksanaan. Perincian keseluruhan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- b) Bagi pelaksanaan dan pemantauan projek infrastruktur kecil dan perkhidmatan bekalan di bawah peruntukan RM500,000 kepada setiap kawasan Dewan Negeri Selangor (DUN), Garis Panduan Pelaksanaan Projek-projek Kecil telah disediakan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) seperti di **Lampiran B**.

Dalam hal ini, UPEN telah menerima pelbagai jenis projek yang diperlukan di peringkat daerah, namun ada diantaranya berada di luar skop garis panduan tersebut. Apabila keadaan ini berlaku, pihak UPEN akan menyelaras bersama pihak Pejabat Daerah dengan mencadangkan kepada pihak Pejabat Daerah untuk menukar tajuk projek yang lebih sesuai bagi memastikan projek yang diluluskan akan memberi manfaat kepada rakyat di negeri Selangor.

Dari aspek pemantauan dan pemeriksaan fizikal, ianya akan dilakukan oleh unit teknikal pihak Pejabat Daerah selaku wakil Pengguna Projek bagi memastikan ianya menepati spesifikasi sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam *Bill Of Quantity* (BQ).

- c) Setiap projek pembangunan yang menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri perlu dipantau dari sudut pelaksanaan fizikal dan aspek pematuhan tatacara kewangan khususnya yang melibatkan perbelanjaan peruntukan.

Dalam hal ini, pihak UPEN akan sentiasa memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan termasuk Projek Infrastruktur dan Perbekalan di bawah peruntukan RM500,000 setiap kawasan Dewan Negeri Selangor melalui laporan kemajuan dan prestasi perbelanjaan yang akan dikemukakan oleh Pejabat Daerah dan laporan itu akan dibentangkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) merangkap Pengarah UPEN. Jawatankuasa ini akan memastikan segala projek dilaksanakan mengikut jadual serta menyelesaikan masalah-masalah yang mungkin timbul sekiranya terdapat kelewatan dalam pelaksanaan projek.

**LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN DAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL MENGIKUT DAERAH
BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 31 MEI 2013
(PERUNTUKAN RM500,000.00 SETIAP DUN)**

BIL.	DAERAH	BIL. DUN	SILING PERUNTUKAN (RM)	KELULUSAN		PERBELANJAAN		BAKI PERUNTUKAN	STATUS PELAKSANAAN				
				BIL. PROJEK	JUMLAH (RM)	BIL. PROJEK	JUMLAH (RM)		BM	DP	IJ	LJ	SS
1	PETALING	14	7,000,000.00	165	5,752,439.02	165	5,220,036.92	532,402.10	1	3	0	4	157
2	KLANG	9	4,500,000.00	96	4,458,591.60	96	3,893,077.69	565,513.91	0	0	0	0	96
3	GOMBAK	6	3,000,000.00	100	2,885,090.00	100	2,553,862.16	331,227.84	1	0	0	1	98
4	HULU LANGAT	9	4,500,000.00	211	4,486,387.00	211	3,991,913.48	494,473.52	0	0	0	0	211
5	SEPANG	2	1,000,000.00	38	1,000,000.00	38	999,963.50	36.50	0	0	0	0	38
6	KUALA LANGAT	4	2,000,000.00	110	2,097,338.90	110	1,568,226.63	529,112.27	0	0	0	0	110
7	KUALA SELANGOR	5	2,500,000.00	46	2,604,377.00	46	2,206,993.91	397,383.09	0	0	0	0	46
8	HULU SELANGOR	3	1,500,000.00	62	1,499,960.00	62	1,458,530.22	41,429.78	0	0	0	0	62
9	SABAK BERNAM	4	2,000,000.00	65	1,903,925.00	65	1,501,039.60	402,885.40	0	0	0	0	65
JUMLAH		56	28,000,000.00	893	26,688,108.52	893	23,393,644.11	3,294,464.41	2	3	0	5	883


LAMPIRAN B

GARIS PANDUAN BAGI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL

- 1) Skop penggunaan peruntukan tersebut adalah bagi perkara seperti berikut:
 - i. pembinaan titi/ jambatan kecil;
 - ii. *culvert*;
 - iii. jeti kecil;
 - iv. parit/ longkang;
 - v. jalan kampung/ jalan pertanian (termasuk menampal jalan);
 - vi. mengecat bangunan, peralatan dan lain-lain kemudahan;
 - vii. pembinaan termasuk penyelenggaraan pagar, pondok kawalan dan pintu keluar masuk kawasan;
 - viii. penyelenggaraan lantai dan dinding bangunan;
 - ix. penyelenggaraan bumbung, atap, saluran air hujan dan sistem kalis air;
 - x. menyelenggara dan membaiki tandas, sistem paip air, sistem kumbahan dan pembentungan;
 - xi. membaiki/ pendawaian semula elektrik tidak termasuk kerja-kerja penyamanan udara;
 - xii. penyelenggaraan longkang dan sistem perparitan dalam kawasan;
 - xiii. pembinaan dan penyelenggaraan landskap sedia ada dan bersesuaian;
 - xiv. pembinaan dan penyelenggaraan rekreasi dan sukan, dan
 - xv. lain-lain perbelanjaan melibatkan bekalan peralatan (cth: pembelian peralatan elektrik, pembelian sejadaah dan sebagainya).

- 2) Perbelanjaan ke atas bekalan tidak melebihi 20 peratus daripada jumlah peruntukan (terhad kepada RM100,000.00).
- 3) Kerja-kerja dan perbekalan hendaklah dilaksanakan mengikut prosedur kewangan semasa.
- 4) Projek-projek kecil ini hendaklah dilaksanakan pada tahun ini dan perlulah disegerakan mengikut keutamaan projek.
- 5) Laporan kemajuan dan prestasi bagi setiap projek hendaklah disediakan oleh Pegawai Daerah dan dikemukakan kepada Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN dan sesalinan kepada Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan Negeri secara berkala untuk tujuan pemantauan.

CARTA ALIR PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL DAERAH



MAKLUMAT TAMBAHAN
UNTUK
YAB DATO MENTERI BESAR SELANGOR

PERINCIAN PROJEK BERDASARKAN STATUS PELAKSANAAN

STATUS : LEWAT JADUAL

BIL.	DAERAH	DUN	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)	CATATAN
1	PETALING	SUBANG JAYA	Cadangan bagi membekal dan memasang lampu jalan dan lampu limpah untuk kawasan lapang di antara SS 14/8F dan SS 14/ 8G, di SS 14, Subang Jaya	32,000.00	Tarikh Mula : 22/2/2013 Tarikh Siap : 22/3/2013 Status : Pengesahan akhir oleh MPSJ bagi kerja pemasangan meter TNB
		SUBANG JAYA	Cadangan bagi membekal dan memasang lampu limpah di Tempat Letak kereta di antara Masjid Al-Mukminum dan Balai Masyarakat USJ 2 / 4 S (Dicadangkan 2 Tiang Lampu Limpah)	22,020.00	Tarikh Mula : 22/2/2013 Tarikh Siap : 13/3/2013 Status : Menunggu kerja-kerja pemasangan meter oleh TNB
		DAMANSARA UTAMA	Cadangan bagi kerja – kerja membina dan memasang pagar serta lampu spot light dan yang bersangkutan sekitar Taman permainan Taman Mayang Jaya, SS 26 Damansara Utama	120,000.00	Tarikh Mula : 18/3/2013 Tarikh Siap : 24/4/2013 Status : Kelewatan disebabkan kontraktor perlu menukar jenis lampu limpah berdasarkan spesifikasi MBPJ
		BUKIT LANJAN	Cadangan pembelian 20 Tong sampah Besi dan 30 Buah Tong Sampah Biasa untuk Kampung Sungai Kayu Ara	16,500.00	Kontraktor asal telah menarik diri dengan alasan harga kos meningkat mengikut kadar harga semasa. Tarikh Mula : 14/5/2013 Tarikh Siap : 3/6/2013
2	GOMBAK	HULU KELANG	Membina gelanggang silat di Taman Desa Keramat	20,000.00	Tarikh Mula : 27/3/2013 Tarikh Siap : 8/5/2013 Kontraktor : Asda Enterprise Status : Dalam pelaksanaan dan dipantau rapi oleh PTD Gombak
JUMLAH				210,520.00	

PERINCIAN PROJEK BERDASARKAN STATUS PELAKSANAAN

STATUS : BELUM MULA

BIL.	DAERAH	DUN	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)	CATATAN
1	PETALING	KAMPUNG TUNKU	Cadangan bagi membaik pulih gelanggang bola keranjang, membina bumbung termasuk pemasangan lampu dan kerja-kerja lain yang bersangkutan di Jalan 20/19, Petaling Jaya	190,000.00	Dalam proses sebutharga semula kerana kontraktor asal yang telah dilantik pada 15 April 2013 telah menarik diri melalui surat bertarikh 22 April 2013 dengan alasan harga kos meningkat mengikut kadar harga semasa
2	GOMBAK	BATU CAVES	Membina Dewan Di Kg Gombak Permai	150,000.00	Menunggu pengesahan DUN bagi tapak projek
JUMLAH				340,000.00	

STATUS : DALAM PELAKSANAAN

BIL.	DAERAH	DUN	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)	CATATAN
1	PETALING	SERI SERDANG	Cadangan kerja memasang jubin lantai di ruang belakang Surau Nurul Falakh Aman Bestari, Batu 12, Puchong	30,000.00	Permohonan tambahan (projek baru) dan telah diluluskan pada 20 Mei 2013 Tarikh Mula : 7/6/2013 Tarikh Siap : 16/7/2013
		SERI SETIA	Cadangan bagi membina pagar gelanggang futsal di Apartment Damai PJS 8, Bandar Sunway	22,600.00	UPEN telah luluskan permohonan melalui surat bertarikh 20 Mei 2013. Tarikh Mula : 7/6/2013 Tarikh Siap : 26/6/2013 Kontraktor : Intan Jati Construction & Trade
		SUBANG JAYA	Cadangan bagi membina 8 kebuk sampah yang besar di Blok A hingga Blok H (Pangsapuri Angsana, USJ 1)	76,000.00	Kontraktor asal telah menarik diri dengan alasan harga kos meningkat mengikut kadar harga semasa. Tarikh Mula : 14/5/2013 Tarikh Siap : 21/6/2013 Kontraktor : Tekno Asli
JUMLAH				128,600.00	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK :INOVASI DAN BAKAT BARU

171. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan program dan insentif yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menggalakkan inovasi dalam pelbagai bidang kepada warga negeri Selangor.
- b) Senaraikan jumlah tawaran peluang pekerjaan dan jawatan yang disediakan oleh Anak-anak Syarikat/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Selangor kepada mereka yang berbakat serta mendapat biasiswa atau pinjaman Kerajaan Negeri Selangor.
- c) Senaraikan Anak-anak Syarikat/Jabatan/Agensi Kerajaan yang menyediakan biasiswa kepada warga negeri Selangor yang ingin melanjutkan pelajaran di luar negara dan syarat permohonan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menggalakkan percambahan budaya inovasi dalam kalangan warga Negeri Selangor. Antara program-program dan insentif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan ialah:-

1. Program Jejak Inovasi

Program ini merupakan julung kali diadakan pada tahun 2013. Ia akan diadakan sebanyak 2 kali penganjuran. Siri yang pertama telah diadakan pada 12 hingga 14 April, 2013 yang lalu bertempat di Aeon Bukit Tinggi, Klang bersekali dengan pelaksanaan Program Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Siri yang kedua dijangka akan diadakan pada bulan Oktober akan datang bersempena dengan penganjuran Karnival Sains dan Inovasi serta Sambutan Hari Inovasi Negeri Selangor.

Program Jejak Inovasi ini diperkenalkan dengan hasrat untuk mempromosi dan memperkenalkan hasil-hasil dan produk-produk inovasi daripada orang perseorangan, belia, pertubuhan, institusi pendidikan, jabatan dan agensi kerajaan. Antara pengisian di sepanjang program berlangsung ialah seperti pameran dan pertunjukan hasil / produk inovasi, pertandingan reka cipta produk inovasi, pendaftaran Rakan Inovasi Negeri Selangor, pertandingan mewarna inovasi dan pelbagai pengisian lain.

2. Karnival Sains dan Inovasi Negeri Selangor

Program Karnival Sains dan Inovasi Negeri Selangor merupakan julung kali diperkenalkan mulai tahun 2013 ini. Penganjuran karnival ini bertujuan untuk mempromosi dan menggalakkan perkembangan inovasi dalam kalangan masyarakat. Ia juga dianjurkan dengan hasrat untuk memperkenalkan dan menyemai minat masyarakat terhadap kepentingan dan membangunkan potensi diri melalui aktiviti-aktiviti inovasi. Karnival ini dijangka akan diadakan pada bulan Oktober akan datang dengan pengisian seperti pameran dan jualan hasil / produk inovasi, pertandingan dan pertunjukan hasil / produk inovasi, pertandingan reka cipta produk inovasi, pertandingan mencipta logo Rakan Inovasi Selangor, penyampaian Anugerah Tokoh Inovasi Negeri Selangor, penyampaian hadiah Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) Negeri Selangor, penyampaian hadiah Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (AISAS) dan Sambutan Hari Inovasi Negeri Selangor.

Karnival itu kelak juga akan diselitkan dengan pengisian seperti Sehari Bersama Angkasawan Negara, program bual bicara inovasi dan seminar bertemakan sains dan inovasi.

3. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Negeri Selangor

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Negeri Selangor adalah khusus bagi semua jabatan / agensi kerajaan di Negeri Selangor. Konvensyen KIK ini dianjurkan bertujuan untuk :-

- 3.1 Melahirkan warga kerja yang berfikiran kreatif dan inovatif dalam menghasilkan inovasi;
- 3.2 Memperkenalkan sistem dan cara kerja baru serta menjana kecemerlangan organisasi melalui pendekatan kreativiti, inovasi dan penciptaan nilai (*value creation*);
- 3.3 Memupuk kerjasama di kalangan warga organisasi dan mengeratkan perhubungan di antara pekerja dengan pihak pengurusan; dan
- 3.4 Membolehkan organisasi menghasilkan satu (1) sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan menepati kehendak pelanggan.

Pertandingan dipecahkan kepada dua (2) kategori iaitu Teknikal dan Pengurusan. Hadiah-hadiah yang ditawarkan ialah seperti berikut:-

Johan	-	RM 9 000.00 Piala Iringan Sijil Penghargaan
Naib Johan	-	RM 7 000.00 Piala Iringan Sijil Penghargaan
Ketiga	-	RM 5 000.00 Piala Iringan Sijil Penghargaan
Saguhati	-	RM 1 500.00 Sijil Penghargaan

4. Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (AISAS)

Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (AISAS) telah diperkenalkan kali pertama pada tahun 2010 yang bertujuan bagi memberi peluang kepada kakitangan atau jabatan-jabatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Selangor dalam mencetus idea baru yang kreatif dan inovatif ke arah penambahbaikan penyampaian perkhidmatan sedia ada. Objektif AISAS adalah untuk:

- 4.1 Memberi pengiktirafan kepada Hasil inovasi yang diperkenalkan atau dicipta oleh kakitangan atau jabatan-jabatan negeri Selangor.
- 4.2 Mengenalpasti dan memperkenalkan hasil-hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah jabatan-jabatan lain di negeri Selangor.
- 4.3 Menggalakkan warga kerja dalam melaksanakan pelbagai pembaharuan dan penambahbaikan berimpak tinggi di jabatan masing-masing.
- 4.4 Sebagai *platform* kepada kakitangan dan jabatan dalam membudayakan kerja cemerlang, kreatif dan berinovatif.
- 4.5 Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.
- 4.6 Menyemarakkan persaingan yang sihat di kalangan warga kerja Pentadbiran Kerajaan Selangor ke arah

memperbaiki amalan pengurusan organisasi secara keseluruhan.

Pertandingan dipecahkan kepada dua (2) kategori iaitu Kumpulan Kecil dan Jabatan. Hadiah-hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

Kategori Kumpulan Kecil

Johan -	RM 6 000.00 dan sijil
Naib Johan -	RM 4 000.00 dan sijil
Ketiga -	RM 3 000.00 dan sijil

Kategori Jabatan

Johan -	RM 11 000.00 dan sijil
Naib Johan -	RM 8 000.00 dan sijil
Ketiga -	RM 6 000.00 dan sijil

- b) Berikut adalah jumlah tawaran peluang pekerjaan yang disediakan oleh Anak Syarikat Negeri / Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Selangor kepada mereka yang berbakat yang mana keutamaan diberikan kepada anak-anak kelahiran Selangor.

	Jumlah Anak syarikat/ Jabatan / Agensi	Jumlah Perjawatan	Jumlah Kekosongan
Jabatan dan Agensi	25	8557	1123
Pihak Berkuasa Tempatan	12	8429	988
Badan Berkanun Negeri	6	1535	446
Anak Syarikat Negeri	12	470	29
JUMLAH	55	18991	2586

* Data perjawatan dan kekosongan adalah setakat 31 Mei 2013

Jumlah perjawatan yang disediakan oleh Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Selangor adalah bagi kumpulan sokongan. Anak Syarikat Negeri / Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Selangor menawarkan peluang pekerjaan secara terbuka kepada pemohon yang berkelayakan. Namun pemohon yang mendapat tajaan biasiswa atau pinjaman pelajaran Kerajaan Negeri akan diberi keutamaan.

- c) Jawapan disediakan oleh pihak MBI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : INDUSTRI PASIR

172. Industri pasir menjadi salah satu pendapatan utama untuk negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- Berapakah pendapatan hasil pasir negeri dari tahun 2008 hingga 2013?
- Apakah hala tuju dan sasaran industri pasir untuk tahun-tahun mendatang?
- Bagaimanakah untuk memastikan hasil pasir benar-benar dinikmati rakyat?

JAWAPAN :

- Semenjak KSSB mula beroperasi pada September 2008 hingga Mei 2013, prestasi royalti pasir yang dibayar oleh KSSB kepada Kerajaan Negeri dan pendapatan jualan KSSB adalah seperti berikut;

Pendapatan		2008 (Aktaun Berudit) (Sept - Dis)	2009 (Aktaun Berudit)	2010 (Aktaun Berudit)	2011 (Aktaun Berudit)	2012 (Aktaun Berudit)	2013 (Jan - Mei)	Jumlah 2008- 2013
Royalti Dilbayer (PTD)	RM	525,000	5,132,307	10,296,404	16,051,005	8,621,144	4,470,414	45,605,744
Jumlah Jualan (RM)	RM	1,321,371	31,028,285	61,301,231	81,317,529	63,153,120	26,699,324	214,617,713

- Sejajar dengan peningkatan permintaan pasir dari industri pembinaan, KSSB akan berusaha untuk meningkatkan pengeluaran pasir dengan membuka lombong-lombong dan kawasan-kawasan operasi baru dari semasa ke semasa.

Sasaran utama pasaran pasir adalah untuk projek-projek pembinaan lebuhraya-lebuhraya yang baru seperti Sungai Besi – Ulu Kelang Expressway (SUE), West Coast Highway, Kuala Lumpur Outer Ring Road (KLORR) projek MRT dan projek-projek pembinaan yang lainnya.

- c) Hasil royalti dari pasir merupakan salah satu dari pendapatan yang disatukan Kerajaan Negeri. Ianya digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk pembelajaran mengurus dan pembelajaran pembangunan untuk kepentingan rakyat Selangor. Semenjak tahun 2008 hingga Mei 2013, royalti yang telah dibayar oleh KSSB kepada Kerajaan Negeri adalah RM45.6 juta.

Di samping itu, semenjak tahun 2008 hingga Mei 2013, KSSB telah memberikan sumbangan sebanyak RM16.3 juta kepada program-program Kerajaan Negeri yang telah dinikmati oleh rakyat seperti program Jom Shopping.

Untuk tempoh tersebut juga, KSSB telah memberikan sumbangan sebanyak RM1.7 juta kepada sekolah-sekolah, rumah-rumah ibadat serta badan-badan kebajikan di bawah program sumbangan Tanggungjawab Sosial Koperat (CSR).

KSSB juga telah membuat bayaran dividen sebanyak RM29.50 juta kepada MBI yang mana jumlah ini turut digunakan oleh MBI bagi program-program Kerajaan Negeri untuk kepentingan rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)**

TAJUK: PENYELENGGARAAN TAPAK KUBUR DAN KEMUDAHAN AWAM

173. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri mengambil alih urusan penyelenggaraan tapak perkuburan India di Sungai Sedu, Jalan Klang-Banting, Kuala Langat, Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan membina krematorium awam untuk kemudahan semua lapisan masyarakat di DUN Telok Datok?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk mengambil alih penyelenggaraan tapak perkuburan India di Sungai Sedu, Jalan Klang-Banting, Kuala Langat, Selangor.
- b) Kerajaan negeri melalui Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah mengenal pasti satu tapak untuk pembinaan krematorium di Jalan Sungai Buaya, Ladang Jugra di Lot 513 dan Lot 514, Mukim Jugra seluas 6 ekar. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih lagi mengkaji kos pembinaan krematorium tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : NAIK TARAF KAMPUNG LOMBONG KLANG

174. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan status terkini permohonan naik taraf Kampung Lombong dalam Daerah Klang.
- b) Bila tarikh ia akan diberi taraf sebagai kampung tradisi
- c) Kenapa berlaku kelewatan naik taraf kampung ini walaupun ia sudah diluluskan pada tahun 1990-an?
- d) Apakah tindakan kerajaan dalam meluluskan permohonan tanah penduduk kampung ini yang telah lama tertangguh

JAWAPAN :

a), b) dan c)

Cadangan penubuhan JKKK Kampung Lombong telah diusahakan oleh Jawatankuasa Penyelaras Kemajuan Kampung (JPKK) sejak Tahun 1990. Sehubungan dengan itu, Pihak Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Klang telah mengemukakan kertas cadangan penubuhan JKKK Kampung Lombong kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (PSM) Negeri Selangor pada 10 Ogos 2011 yang lepas untuk perhatian pihak Kerajaan Negeri bagi mempertimbangkan permohonan berkenaan selari dengan maksud menaiktaraf Kampung Lombong sebagai Kampung Tradisi yang baharu dalam Daerah Klang.

Untuk makluman, Pihak Pejabat Daerah dan Tanah Klang tiada halangan dan menyokong penuh permohonan tersebut kerana pemecahan sempadan Kampung Lombong dengan Jalan Kebun akan memudahkan lagi urusan pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Klang serta JKKK Kampung Jalan Kebun

- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 10 Jun 2013 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PENGUATKUASAAN RUMAH URUT HARAM

175. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- Berapa banyak rumah urut haram yang di wujudkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sejak tahun 2008 di Meru?
- Sejauh mana pihak MPK, JAIS, Polis, Imigresen dan TNB bekerjasama dalam usaha membanteras kegiatan rumah urut haram ini di Meru dan apakah bentuk tindakan agensi-agensi tersebut?

JAWAPAN :

- Statistik rumah urut yang wujud di Meru sejak tahun 2008 hingga Mei 2013 seperti berikut:

BIL	PBT	BILANGAN RUMAH URUT					
		2008	2009	2010	2011	2012	2013
1	MPKLANG	-	-	3	8	8	9
	JUMLAH	-	-	3	8	8	9

- Operasi penguatkuasaan dijalankan secara bersepada antara Majlis Perbandaran Klang dan Polis Di Raja Malaysia dan kadangkala turut dibantu pihak Imigresen bagi memastikan pemilik tidak menggunakan Pendatang Tanpa Izin sebagai pekerja serta penyalahgunaan permit oleh pekerja itu sendiri. Selain itu, operasi bersepada turut dijalankan bersama-sama pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Tindakan yang diambil adalah:

- Sita dan kompaun sekiranya beroperasi tanpa lesen.
- Pekerja tanpa izin dan menyalahgunakan Pas Lawatan Kerja akan ditangkap dan tindakan lanjut oleh pihak Imigresen.
- memastikan pengunjung atau pekerja yang beragama Islam di ambil tindakan di bawah peruntukan yang dilaksanakan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : AKUJANJI MENTERI BESAR

176. Y.A.B. Menteri Besar telah melafazkan 10 aku janji sewaktu majlis angkat sumpah sebagai Menteri Besar.

Bertanya kepada Y.A.B.. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perincian isi kandungan aku janji tersebut?
- b) Bagaimanakah pentadbiran Menteri Besar dapat menunaikan aku janji tersebut?
- c) Apakah para EXCO juga terikat dengan aku janji tersebut?

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan perincian pada akujanji berkenaan:
 - 1. Memelihara dan menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara.
 - 2. Memelihara dan melindungi kesucian dan keagungan agama Islam sebagai agama negeri dan kepercayaan orang Islam dari diganggu gugat oleh mana-mana pihak pada masa yang sama menghormati hak agama lain diamalkan oleh orang bukan beragama Islam.
 - 3. Memelihara kedaulatan institusi Raja dan mempertahankannya dari dicemari dan dari diganggu gugat oleh mana-mana pihak.
 - 4. Mematuhi segala arahan dan ketetapan yang dikeluarkan oleh DYMM Sultan Selangor dari masa ke semasa termasuk adab dan tatatertib semasa berada di istana dan ketika istiadat rasmi istana dilangsungkan.
 - 5. Memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan pada masa yang sama kepentingan sah kaum lain seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.
 - 6. Melaksanakan tugas dengan integriti yang tinggi, penuh rasa tanggungjawab, amanah, jujur dan ikhlas.
 - 7. Mendahulukan rakyat sebagaimana selagi mana ianya tidak menjelaskan kepentingan kestabilan, kemakmuran dan keselamatan negara.

8. Memastikan kestabilan, kemakmuran dan keselamatan negeri di tahap yang tertinggi dan memelihara hubungan baik dengan kerajaan persekutuan dan juga dengan negeri-negeri lain dalam persekutuan.
 9. Memelihara jawatan yang dipegang dari dicemari dengan perlakuan-perlakuan yang menyalahi undang-undang.
 10. Memastikan perpaduan antara kaum dengan menitikberatkan semangat muhibah, tolak-ansur dan kerjasama antara kaum demi menjamin kestabilan dan keharmonian rakyat berbilang kaum di negeri Selangor.
- b) Hakikatnya pentadbiran negeri sejak dari awal menerima mandat pada tahun 2008 lagi telah pun mengamalkan apa yang telah termaktub dalam akujanji tersebut. Justeru lafaz akujanji sewaktu angkat sumpah kali ini adalah simbolik pada penegasan dan komitmen kita untuk meneruskan dan memantapkan lagi budaya pentadbiran sebelum ini yang sememangnya selari dengan akujanji berkenaan.
- c) Ya, para EXCO juga terikat dengan akujanji tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: PELABUR ASING

177. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Bagaimanakah usaha-usaha kerajaan negeri dalam hal penarikan pelabur asing ke Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam hal penarikan pelabur asing ke Negeri Selangor adalah seperti berikut; -
- i. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
 - ii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
 - iii. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.
 - iv. Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
 - v. Menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
 - vi. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
 - vii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
 - viii. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.

- ix. Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan.
- x. Pengajuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara
- xi. Bekerjasama dengan pihak swasta dan dewan-dewan perniagaan dalam dan luar negara bagi menarik pelaburan dan menggalakkan aktiviti pelaburan.
- xii. Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenalpasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi.
- xiii. Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan bagi memudahcara dan membantu para pelaburan dalam proses pelaburan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: TANAH REZAB

178. Terdapat premis-premis perniagaan di tepi-tepi jalan sungai yang mencacatkan pemandangan diatas tanah-tanah rezab JKR dan juga JPS (tanpa lesen dan hasil dikutip oleh individu tertentu)

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Bilakah agaknya tanah-tanah ini akan diberi milik (TOL) kepada PBT supaya kutipan sewa dan juga lesen dapat dikeluarkan
- b) Jika tidak apakah bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap pemilik-pemilik yang tidak sah ini?
- c) Tidakkah kerajaan bercadang untuk menyediakan penempatan baru yang tersusun dan premis lama yang tidak sah ini dirobohkan?

JAWAPAN :

- a) Permohonan TOL bagi premis-premis perniagaan di atas tanah-tanah rizab kerajaan seperti rizab jalan dan rizab sungai tidak diluluskan kecuali bagi permohonan TOL bagi tujuan kediaman selaras dengan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.3/2013, Lesen Pendudukan Sementara (LPS) hanya diberikan bagi tujuan kediaman sahaja.
- b) Tindakan penguatkuasaan bagi pencerobohan tanah kerajaan akan dijalankan berdasarkan Pekeliling Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Malaysia, Pekeliling Kemajuan Pengurusan Pentadbiran Tanah Bilangan 2/1998 : Panduan Pengurusan Tindakan Penguatkuasaan adalah seperti berikut :
 - i. Tindakan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 akan diambil untuk mengusir pemilik-pemilik yang menduduki tanah rizab secara tidak sah yang mana pengeluaran notis di bawah Seksyen 431 (1) dan (2) KTN 1965 secara pentadbiran dipatuhi ;
 - ii. Tempoh notis tersebut bergantung kepada keperluan / keutamaan kes. Notis penyampaian mesti disertakan bukti penyampaian agar tidak menimbulkan keraguan mana-mana pihak ;
 - iii. Kerjasama dari agensi-agensi seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Jabatan Bekalan Air (SYABAS) diperlukan untuk melakukan proses pemotongan bekalan kemudahan asas dan pemantauan daripada pasukan penguatkuasaan ;
 - iv. Tindakan pengusiran secara paksa akan dilakukan apabila tempoh notis

- Iuput dan / atau tidak dipatuhi oleh pemilik tanah ;
- v. Pemilik tanah akan diberi tempoh munasabah untuk meroboh sendiri binaan tanpa kelulusan ;
 - vi. Jika gagal tindakan meroboh akan dilakukan. Semasa tindakan perobohan dilakukan bantuan pegawai polis diperlukan untuk bertugas di tempat operasi.
- c) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memberi penempatan kepada pengusaha-pengusaha perniagaan di atas tanah rizab kerajaan. Walau bagaimanapun, perancangan masih belum dapat dilaksanakan tertakluk kepada kesesuaian lokasi oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PROGRAM 'COMMUNITY POLICING'

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan program '*Community Policing*' di Negeri Selangor memandangkan kadar jenayah yang kian meningkat ?

JAWAPAN:

- a) **Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan 179.** Pelaksanaan Pasukan Keselamatan Kejiranan atau '*Community Policing*' adalah baru dilaksanakan bermula pada bulan April 2013. Pasukan ini diwujudkan di semua Kampung Tradisi, Kampung Baru/Bagan/Tersusun dan Komuniti India di Negeri Selangor yang dipantau oleh Pejabat Daerah/Tanah mengikut kawasan masing-masing. Sebagai langkah awal, setiap kampung diberikan peruntukan sebanyak RM5,000.00 setahun bagi pelaksanaan program ini. Objektif utama penubuhan Pasukan Keselamatan Kejiranan (*Community Policing*) di peringkat kampung ini adalah bagi membantu pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan luar bandar di Negeri Selangor.

Di samping itu, pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) juga telah melaksanakan program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) yang ditubuhkan di peringkat Resident Association (RA) dan Rukun Tetangga (RT). Pihak MBPJ telah memperuntukkan sebanyak RM350,000.00 bagi 70 PKKPJ yang telah mendapat kelulusan pada tahun 2013.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

180. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) antaranya berperanan memajukan sosioekonomi rakyat khasnya Bumiputera.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pencapaian PKNS sepanjang tahun 2008 hingga 2013?
- b) Siapakah yang telah mendapat manfaat hasil program dan projek PKNS?
- c) Apakah agenda PKNS bagi tahun mendatang?

JAWAPAN :

- a) Sepanjang tahun 2008 hingga Mei 2013, PKNS telah mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM1.75 billion. PKNS memperolehi keuntungan tertinggi pada tahun 2011 iaitu sebanyak RM420 juta sejak penubuhan PKNS.

Sejak mengamalkan tender terbuka, sebutharga dan perlantikan perunding di Bahagian Perolehan yang ditubuhkan pada 1 Jun 2011, PKNS telah dapat menjimatkan kos sebanyak RM113.9 juta (15.5%) sehingga Disember 2011. Pada tahun 2012 pula, penjimatan yang dilakukan oleh PKNS melalui bahagian ini adalah sebanyak RM98.4 juta (10.4%) sehingga Disember 2012.

PKNS telah memeterai perjanjian integriti pada 23 Mac 2011 dengan Transparency International Malaysia (TI-M), badan yang bebas dan badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang komited dalam memerangi rasuah. Perjanjian ini membawa PKNS ke tahap yang lebih tinggi atau setaraf dengan syarikat-syarikat korporat yang lain. Ia secara langsung meningkatkan kesedaran di kalangan penjawat awam dan pihak-pihak berkaitan yang berurusan dalam perkara-perkara berkaitan dengan perolehan kerajaan dan dapat menghapuskan amalan rasuah.

Selain daripada itu, pencapaian PKNS dapat dilihat melalui program-program seperti berikut:

1. Mewujudkan peluang pemilikan harta dengan harga kompetitif

Sejak penubuhan PKNS, kuota penjualan harta tanah disasarkan bagi Bumiputera (70%) dan Bukan Bumiputera (30%). Pengenalan projek harta tanah baru dalam tempoh 2008-2013 memberikan peluang kepada rakyat Selangor khususnya memiliki harta tanah berkualiti pada harga bebasputan. Dalam tempoh berkenaan, PKNS telah membina sebanyak 8,792 unit rumah, 1,387 unit kedai dan 74 unit kilang/industri berjumlah 10,253 unit keseluruhannya.

2. Program Keusahawanan

Peluang kepada usahawan dan kontraktor kecil dan sederhana untuk menceburi pengurusan kerja-kerja kontrak PKNS dipermudahkan melalui program-program seperti berikut:

- i. Sub-kontraktor Bumiputera
- ii. Vendor Incubator Payung
- iii. PHASER
- iv. Akademi MPPB
- v. Vio by PKNS
- vi. Dari tahun 2008 – 2013, PKNS telah membelanjakan sebanyak RM13.5 juta bagi membiayai program-program keusahawanan.

3. Pusat Pertumbuhan Baru

Di sebalik tanggapan umum, PKNS telah mula membeli tanah pada harga pasaran sejak tahun 1996. Pada tahun 2007 dan 2010, PKNS telah membeli tanah di Sepang berkeluasan 1,255 ekar yang dinamakan **Taman Sains Selangor 2 (TSS2)** dengan harga RM274 juta. Sehingga kini, PKNS telah membelanjakan lebih RM800 juta bagi kos pembelian tanah dan infrastruktur tambahan.

4. Projek Rumah Mampu Milik (Rumah IDAMAN PKNS)

PKNS memperkenalkan Rumah IDAMAN yang mampu dimiliki pada harga berpatutan tidak melebihi RM150,000, lebih rendah daripada harga pasaran. Rumah IDAMAN PKNS adalah projek mesra pengguna, menyediakan kemudahan untuk golongan orang kelainan upaya (OKU) dan warga emas bagi memudahkan pergerakan mereka dengan rekabentuk yang mengambil kira ciri-ciri OKU. Fasa awal Rumah IDAMAN PKNS telah siap sepenuhnya pada Mac 2013 di Bukit Botak sebanyak 1,422 unit kediaman berkembar. Unit standard bagi rumah berkembar ini

ditawarkan pada harga RM99,000 dengan rekabentuk moden serta keluasan lantai 850 kps dan dilengkapi 3 bilik tidur serta 2 bilik air. Sehingga 2013, jumlah rumah mampu milik telah dibina adalah sebanyak 2,611 unit.

5. Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

- i. Pembayaran Zakat
 - a) PKNS telah membayar zakat perniagaan kepada MAIS yang dimanfaatkan kepada asnaf-asnaf di negeri Selangor
 - b) Dalam tempoh 2008 – 2013, PKNS telah menyumbang zakat perniagaan sebanyak RM25.3 juta.
- ii. Tabung Warisan
 - a) Sebagai agensi kerajaan negeri, PKNS juga telah memberi dividen kepada kerajaan dalam bentuk Tabung Warisan
 - b) Dalam tempoh 2008 – 2013, PKNS telah menyumbang sebanyak RM23.2 juta kepada tabung tersebut.
- iii. Kerajaan Prihatin
 - a) PKNS membantu Kerajaan Negeri Selangor dalam menyediakan peruntukan bagi membina rumah prihatin untuk membantu rakyat yang tidak mampu memiliki rumah.
 - b) Walaupun peruntukan masih belum mencukupi bagi membantu rakyat yang memohon rumah di bawah program berkenaan, ia sekurang-kurangnya dapat memperlihatkan kesungguhan PKNS dalam membantu rakyat terutama bagi golongan berpendapatan rendah.
 - c) Dalam tempoh 2008 – 2013, PKNS telah menyumbang sebanyak RM4.5 juta untuk membaikpulih dan membina semula rumah prihatin di Selangor.
- iv. Projek Penyelenggaraan dan lain-lain sumbangan
 - a) Dalam tempoh 2008-2013, PKNS telah menampung sebanyak RM26.2 juta bagi projek penyelenggaraan dan lain-lain. Salah satu sumbangan terbesar PKNS adalah sebanyak RM7 juta untuk membaikpulih lif dan mengelat pangaspuri, RM5.2 juta kepada Pembinaan Asrama Sesia dan RM5 juta untuk Yayasan Pendidikan Negeri Selangor.

6. Bangunan Komersial yang Telah Siap

Jumlah bangunan komersial yang telah siap dibina oleh PKNS dari tahun 2008 hingga 2013 adalah sebanyak 6,463 unit yang melibatkan 5,959 unit kedai dan 504 unit kilang.

- b) PKNS telah membina rumah kos rendah, kos sederhana dan kos tinggi berjumlah 8,792 unit bagi tempoh 2008 hingga Jun 2013 dengan pemilikan 70% oleh Bumiputera dan 30% Bukan Bumiputera

Peranan PKNS Dalam Membantu Sosio-Ekonomi Bumiputera di Selangor 2008-2013 adalah seperti jadual di bawah:

BIL	PERKARA	BUMIPUTERA	BUKAN BUMIPUTERA	JUMLAH
1	Bilangan Tenaga Kerja PKNS	954 (94.5%)	56 (5.5%)	1,010
2	Bilangan penjualan unit rumah kedai dan kilang (PKNS)	5,365 (80.2%)	1,325 (19.8%)	6,690
3	Bilangan penjualan unit rumai kedai dan kilang (pengswastaan)	3,716 (76.4%)	1,148 (23.6%)	4,864
4	Bilangan penyewa ruang niaga di kompleks	715 (82.1%)	155 (17.8%)	870
5	Bilangan kontraktor	66 (100%)	-	66
6	Bilangan perunding	153 (98.6%)	5 (3.2%)	158
7	Bilangan peguam	24 (82.8%)	5 (17%)	29
8	Bilangan sub-kontraktor berwibawa	76 (100%)	-	76
9	Bilangan vendor	23 (100%)	-	23
10	Bilangan peserta GROW	180 (100%)	-	180
11	Bilangan peserta Akademi MPPB	5,598 (100%)	-	5,598
12	Bilangan peserta Vio by PKNS	160 (100%)	-	160
	JUMLAH	17,030 (86.3%)	2,964 (13.7%)	19,724

- c) Mempertingkatkan lagi prestasi kewangan melalui projek-projek high-end supaya keuntungan yang diperolehi digunakan untuk pembinaan rumah mampu milik Selangor melalui *cross-subsidise*. Setakat ini, projek high-end yang di dalam perancangan pembinaan ialah Datum Jelatek, Datum In-City @ PJ West, Datum Sports City, Datum PJ @ Section 14, PJ Sentral Garden City, Datum SACC, Datum Regalia, Datum Educity, Datum Bangi dan Datum Imperial.

PKNS juga akan memperhebatkan usaha untuk membina sebanyak 30,000 unit Rumah Mampu Milik menjelang 2030 untuk golongan yang berpendapatan rendah dan meneruskan projek-projek ekonomi.

PKNS telah meningkatkan ketelusan dan kecekapan menerusi Sistem Integriti Korporat bagi mengurangkan amalan rasuah di semua peringkat jabatan untuk memastikan semua urusan di bawah PKNS adalah 100 peratus bersih dan bebas dari sebarang unsur yang tidak diingini.

PKNS juga meneruskan agenda transformasi dengan peningkatan produktiviti menerusi rekabentuk moden dan menarik, pengukuhan sumber manusia dan penerapan sistem kualiti bertaraf antarabangsa.

Manakala agenda PKNS di dalam Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) adalah tertumpu kepada:

1) Pendidikan

PKNS dalam cadangan untuk menjalankan kerjasama dengan JAIS bagi membaikpulih dan menaiktaraf Maahad Tahfiz Integrasi Wat Turoth Selangor, Bagan Terap Sabak Bernam. Objektif kerjasama ini adalah bagi melahirkan pelajar-pelajar yang boleh menguasai Kurikulum Turoth, Kurikulum Azhari, Kurikulum Tahfiz, Kurikulum Teknik atau Teknologi dan Kurikulum Kebangsaan. Perkara ini juga secara tidak langsung membantu pihak JAIS menyediakan tempat/kuota kerana permintaan untuk memasuki Sekolah Agama Islam adalah terhad.

2) Komuniti dan Kebajikan Sosial

Bertepatan dengan visi PKNS “Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan, Merealisasi Impian” PKNS telah merangka untuk menyediakan fasiliti yang lengkap bagi projek perumahan Bukit Botak atau Selayang Mutiara. Antara fasiliti yang akan disediakan ialah masjid, dewan orang ramai, tempat menunggu bas dan sebagainya.

3) Penubuhan Yayasan PKNS

Penubuhan Yayasan PKNS adalah untuk menjalankan kerja-kerja kebajikan bagi membantu golongan masyarakat yang kurang berkemampuan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)

**TAJUK: LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN
SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN**

181. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah untuk mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di kawasan luar bandar yang mana Pejabat Daerah atau Jabatan Kerajaan menghadapi kekurangan tenaga kerja contohnya Pejabat Daerah Hulu Selangor tidak mempunyai Jurutera manakala kekosongan juruteknik kawasan JPS Hulu Selangor tidak diisi.

JAWAPAN :

- a) Waran Perjawatan di semua Pejabat Daerah/ Tanah tidak memperuntukkan jawatan Jurutera. Namun, Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor mempunyai satu (1) Penolong Jurutera dan empat (4) Juruteknik bagi melaksanakan projek-projek pembangunan luar bandar. Satu mesyuarat dengan semua Pejabat Daerah Tanah (PDT) telah diadakan pada Februari 2013 bagi membincangkan keperluan Jurutera ditempatkan di PDT. Berdasarkan maklum balas yang diterima, tiada keperluan untuk mewujudkan jawatan Jurutera di PDT kerana Penolong Jurutera dan Juruteknik sedia ada memadai untuk melaksana dan memantau projek pembangunan luar bandar. Tambahan pula, projek-projek sedia ada adalah berskala kecil iaitu tidak melebihi RM500,000 dan juga tidak mempunyai spesifikasi dan skop kerja yang terlalu kompleks.

Berhubung kekosongan juruteknik kawasan JPS Hulu Selangor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUK telah membuat pengisian pada 1 Mac 2013 seramai dua puluh (20) orang yang ditempatkan di JPS Selangor dan pengisian seterusnya dijadualkan pada 1 Julai 2013 seramai lapan (8) orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PEMBINAAN PASAR BARU BAGIPASAR PAGI JALAN OTHMAN

182. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah cadangan Pasar Pagi Jalan Othman dinaiktarafkan atau dibina sebuah pasar baru dengan kemudahan yang lebih baik serta membanteras peniaga haram akan dilaksanakan? Bila?

JAWAPAN :

- a) Pihak Majlis masih dalam peringkat kajian/perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf pasar dan gerai di Jalan Othman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : GERAN SELANGORKU RM300 JUTA

183. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- Apakah prestasi keseluruhan pelaksanaan projek-projek Geran Selangorku berjumlah RM300 juta bagi 2012?
- Apakah faktor-faktor yang menghalang sebahagian peruntukan disalurkan kepada beberapa segmen dalam program Geran Selangorku?
- Apakah rancangan Kerajaan Negeri menyalurkan baki RM300 juta sehingga Disember 2013?

JAWAPAN :

- Peruntukan Geran Selangorku banyak dibelanjakan bagi menagani isu-isu Infrastruktur memandangkan permintaan terhadapnya sentiasa tinggi dimana sebanyak RM32.8 juta dibelanjakan dari peruntukan sebanyak RM50 juta. Ini diikuti dengan Infrastruktur Sukan sebanyak RM5.6 juta dan seterusnya Pengukuhan Demokrasi sebanyak RM4 juta. Butiran adalah seperti mana jadual berikut:

BIL	TAJUK GERAN	PERUNTUKAN	KOMITMEN	BAKI
1	INFRASTRUKTUR	50,000,000.00	32,848,040.15	17,151,959.85
2	INFRASTRUKTUR SUKAN	30,000,000.00	5,620,806.50	24,379,193.50
3	PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000,000.00	4,086,972.02	913,027.98
4	PEMERKASAAN WANITA	30,000,000.00	3,430,505.63	26,569,494.37
5	SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000,000.00	3,038,062.71	26,961,937.29
6	PENERANGAN MAKLUMAT NEGERI	10,000,000.00	1,681,300.12	8,318,699.88
7	KEUSAHAWANAN MUDA	30,000,000.00	1,507,757.20	28,492,242.80
8	PROGRAM PEJABAT KE RAKYAT	20,000,000.00	1,230,085.00	18,769,915.00
9	PROGRAM PENGUKUHAN BUDAYA	3,000,000.00	335,930.00	2,664,070.00
10	PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR	5,000,000.00	318,548.50	4,681,451.50
11	PEMBASMIAN RASUAH & PENYELEWENGAN	15,000,000.00	250,000.00	14,750,000.00
12	PROGRAM JANGKAAN KEHIDUPAN BANDAR	10,000,000.00	248,741.67	9,751,258.33
13	PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	22,000,000.00	202,276.38	21,797,723.62
14	PENINGKATAN KEHIDUPAN HIDUP RAKYAT	5,000,000.00	190,000.00	4,810,000.00
15	PENGENALAN GAJI MINIMA	10,000,000.00	50,000.00	9,950,000.00
16	DARI KEBAJIKAN KEPADA PEKERJA	20,000,000.00	0.00	20,000,000.00
17	KEHIDUPAN BANDAR	5,000,000.00	0.00	5,000,000.00

300,000,000.00 55,039,025.88 244,960,974.12

b) Punca utama permohonan ditolak ialah:

- Isu infrasturktur:
 - permohonan bertindih dengan peruntukan MARRIS atau dalam pelaksanaan JKR Negeri,
 - dalam perhatian dan akan dilaksanakan oleh Agensi Persekutuan yang lain,
 - lokasi tapak bermasalah (tanah persendirian atau rizab JPS, Sungai, TNB, KTM, LRT)
 - Melebihi had peruntukan bagi setiap DUN (RM1 juta)
- Bukan Infrastruktur:
 - Cadangan program tidak menepati semangat asal geran tersebut.
 - Program tidak menjurus memberi manfaat terus kepada golongan yang disasarkan contohnya kos yang tinggi untuk perunding atau pengurus program.

c) Program-program di bawah Geran Selangorku akan diteruskan, dan pelaksanaannya akan ditambah baik berdasarkan beberapa kekurangan yang telah dikenalpasti sebelum ini contohnya kekurangan tenaga mahir bagi melakukan kerja-kerja audit.

Kualiti permohonan yang diterima bertambah baik manakala pihak pelaksana seperti PBT dan PTD juga telah memahami dengan jelas kriteria-kriteria yang telah digariskan bagi pengurusan sebutharga serta pemantauan pelaksanaan projek.

Selain meneliti permohonan baru, permohonan-permohonan yang di'kiv' sebelum ini juga akan disemak semula jika masih relevan keperluannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: KOMPLEKS ISLAM BERSEPADU

184. Manifesto PRU-13 Pakatan Selangor berhasrat menubuhkan 3 Kompleks Islam Bersepadu bagi permohonan masjid baru.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah matlamat dan konsep Kompleks Islam Bersepadu ini?
- b) Bagaimanakah pembiayaan pembinaan kompleks ini?

JAWAPAN :

- a) Kompleks Islam Bersepadu yang dirancang adalah bermatlamat menjadikan masjid sebagai pusat komuniti yang memenuhi kehendak syarak dan mesra masyarakat. Ia berkonsep memperkasa program komuniti di perkaranan masjid dengan memanfaatkan logistik dan lokaliti bagi masjid yang bersesuaian.
- b) Kompleks Islam Bersepadu ini dirancang untuk dibiayai sebahagiannya oleh Kerajaan Negeri dan pembiayaan wakaf orang ramai selain daripada inisiatif kewangan lain yang diusahakan oleh Jawatankuasa Pembinaan Masjid yang berkaitan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK: KUMPULAN SEMESTA SDN BHD (KSSB)

185. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Adakah semua perjanjian di antara KSSB dan kontraktor sedia diakses oleh orang awam?
- b) Adakah KSSB menerbitkan laporan kewangan tahunan? Kalau ya, di mana?

JAWAPAN :

- a) Surat tawaran kontrak/perjanjian di antara KSSB dan kontraktor-kontraktor lantikan KSSB buat pada masa ini tidak boleh diakses oleh orang awam. Terdapat terma-terma yang merupakan maklumat terpilih (privilege information) di antara KSSB dan kontraktor.

Namun, sekiranya maklumat berkenaan diperlukan oleh pihak berkuasa, ianya boleh diperolehi secara terus dari KSSB.

- b) Buat pada masa ini KSSB tidak menerbitkan Laporan Tahunan untuk edaran umum. Namun, seperti mana yang disyaratkan oleh undang-undang, KSSB menyediakan Laporan Akaun Beraudit setiap tahun kewangan yang mana ianya difaiklan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Maklumat berkenaan prestasi kewangan KSSB boleh diperolehi oleh umum dengan membuat semakan dengan SSM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : SISTEM PENGANGKUTAN AWAM

186. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah peruntukan/subsidi yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat bagi menyediakan perkhidmatan bas berbentuk sosial mengikut pecahan PBT di Negeri Selangor, bagi tahun 2007-2013 dan apakah kriteria yang digunakan untuk menentukan sesuatu jajaran perkhidmatan bas adalah perkhidmatan bas sosial?
- b) Senaraikan jajaran perkhidmatan bas sosial mengikut pecahan PBT bagi tahun 2007-2013
- c) Apakah strategi Kerajaan Negeri Selangor bagi merancang serta mengintegrasikan sistem pengangkutan awam di kawasan Lembah Klang demi menyenangkan orang awam dan mengurangkan kesesakan lalu lintas dan Jabatan manakah yang terlibat dalam perancangan tersebut.

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini **TIADA PERUNTUKAN / SUBSIDI** yang diberikan kepada PBT di Negeri Selangor bagi perkhidmatan bas sosial. Namun, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) hanya memperuntukkan subsidi yang dipanggil Interim Stage Bus Support Fund (ISBSF) kepada operator bas yang disahkan layak sahaja. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan seperti di **Lampiran 1**.

SPAD telah menggariskan **kriteria** yang digunakan untuk menentukan sesuatu jajaran perkhidmatan sosial melalui dua (2) objektif iaitu jajaran mestilah mendapat sasaran 40% perkongsian mod pengangkutan awam dan mempunyai kesalinghubungan (connectivity) yang efisen untuk rakyat. Sehubungan dengan itu, laluan bas yang dicadangkan akan menyediakan kapasiti yang akan membolehkan sasaran 40% dapat dicapai dan menghubungkan sekurang-kurangnya 80% kawasan berkependudukan.

- b) Senarai jajaran perkhidmatan bas sosial di kawasan PBT adalah seperti di **Lampiran 2**.

- c) Antara strategi yang dijalankan adalah dengan mewujudkan **pelan induk bersepadu** iaitu mod pengangkutan rel, darat dan lebuhraya diintegrasikan mengikut jenis dan jajaran. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Penyelaras Teknikal Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) peringkat Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor serta ahli terdiri dari Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD) Negeri Selangor, Jabatan-Jabatan Teknikal Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan SPAD adalah bertanggungjawab bagi aspek perancangan pengangkutan awam di Negeri Selangor dan kini sedang menjalankan kajian terhadap daerah projek perintis yang telah dipilih iaitu di Daerah Kuala Langat bermula pada bulan Jun 2013 lalu.

Lampiran 1

REKOD ISBSF SETAKAT PADA 21 JUN 2013

BIL.	PENGUSAHAH BAS	NEGERI OPERASI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	De A'lfa City Bus Sdn Bhd	Selangor	503,147.00
2	Seranas Sdn Bhd	Selangor	4,691,302.00
3	Wawasan Sutera Travel & Tours Sdn Bhd	Selangor	2,351,400.00
4	Sepang Omnibus Co Sdn Bhd	Selangor	42,959.00
5	Faro Resources (M) Sdn Bhd	Selangor	28,512.00
6	Sri Theven Travel & Tours Sdn Bhd	Selangor	45,623.00
JUMLAH BESAR (RM)			7,662,943.00

***sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD)

Lampiran 2

PBT	KENYATAAN	CATATAN
MBSA	<p>1. Sebanyak 8 buah syarikat bas yang beroperasi :-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rapid KL Sdn. Bhd. - MetrobusNationwide Sdn. Bhd. - Selangor Omnibus Co. Berhad - Seranas Sdn. Bhd. - Sendut Sdn. Bhd. - Syarikat Lima Sepakat Sdn. Bhd. - Abdullah b. Nadi dan Rakan-Rakan - Mawar Merah Logistic Sdn. Bhd. <p>2. Mempunyai sebanyak 23 laluan bas sedia ada yang ada.</p>	<p>Laluan bas yang aktif.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. U62 (Klang – Sunway Piramid) 2. U64 (Sri Muda – Pasaraya Kota) 3. U65 (Alam Megah – Pasaraya Kota) 4. U80 (Sek.2 (UiTM), Shah Alam – Pasaraya Kota) 5. U81 (Mah Sing – Pasaraya Kota) 6. E4 (Klang – Jln Sultan Mohd) 7. T526 (Tmn Alam Megah – Sek.15, Shah Alam) 8. T527 (Subang Mas – Sek.15, Shah Alam) 9. T528 (Sri Muda – Hentian Bas Bandar Shah Alam) 10. T529 (Hentian Bas Bandar Shah Alam – Sek.16 & 17 via Komuter) 11. T530 (Kota Kemuning – Sri Muda) 12. T601 (Klang – Hentian Bas Bandar Shah Alam) 13. T602 (Sek.11, 9, 8, 6, 4 – Hentian bas Bandar Shah Alam) 14. T603 (UiTM (Kolej Meranti/Kolej Jati Sek.2 – UiTM (Kampus Utama) 15. T604 (Sek.7 - UiTM (Kampus Utama) 16. T605 (Puncak Perdana – Sek.2, UiTM) 17. T607 (Ara Damansara/Lembah Subang – LRT Kelana Jaya) 18. T608 (Bkt Subang – Subang Perdana) 19. T610 (Subang Bestari/Mah Sing – Subang Perdana) 20. 407 (Klang – PKNS, Shah Alam) 21. 154 (Klang – Tmn Sri Muda) 22. 9A (Kompleks PKNS, Shah Alam (Tasik) – Klang) 23. 9B (Kompleks PKNS, Shah Alam (depan BSN) – Klang)
MBPJ	1. Perkhidmatan Bas Komuniti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sekitar kawasan Petaling Jaya Utara (PJu) 2. Petaling Jaya Selatan (PJS).
MPSJ	<p>1. Sebanyak 2 buah syarikat bas yang beroperasi :-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rapid KL Sdn. Bhd. - MetrobusNationwide Sdn. Bhd <p>2. Mempunyai sebanyak 28 laluan bas sedia ada</p>	<p>Laluan bas yang aktif.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. U60 (Puchong Utama – Pasar Seni) 2. U70 (Puchong Prima – Pasar Seni) 3. U76 (Subang Parade – Pasar Seni) 4. T506 (Taman Kinrara – Tesco/IOI Mall) 5. T507 (Bandar Kinrara – Tesco/IOI Mall) 6. T510 (Puchong Prima – Puchong Utama) 7. T511 (Puchong Prima – IOI) 8. T513 (Puchong Utama – Saujana Puchong) 9. T515 (Pulau Meranti – Puchong Utama)

		<p>10. U62 (Bandar Klang – Sunway Pyramid)</p> <p>11. U63 (USJ 8/Subang Mewah – Pasar Seni)</p> <p>12. U67 (USJ 8/Taipan – Pasar Seni)</p> <p>13. U69 (Putra Perdana – Pasar Seni via Bt. 14)</p> <p>14. T523 (USJ 8 – Subang Parade)</p> <p>15. T416 (UPM/Tmn Sri Serdang – KTM Serdang)</p> <p>16. U423 (Puncak Jalil – Kota Raya)</p> <p>17. U42 (Putrajaya Sentral – KTM Serdang)</p> <p>18. T508 (Tmn Wawasan,Puchong – IOI Mall)</p> <p>19. T509 (Puchong Utama – IOI Mall)</p> <p>20. M10 & M13 (melalui NPE, Bulatan Kewajipan, Persiaran Kewajipan, Persiaran kemajuan Subang, Persiaran Tujuan, Persiaran Murni, Persiaran Mulia, Persiaran Subang Mewah, Jln Mulia, Persiaran Subang Permai, Jln Subang Permai, Jln Subang 3, Persiaran Subang Indah dan Jln Jengka)</p> <p>21. M8, M17 & M68 (melalui Jln Serdang Jaya, Jln Serdang Raya, Jln Utama, Jln Besar, Jln Raya Lima, Jln 4/1, Jln Raya Enam, Jln Sri Serdang, Jln Sri Serdang Utara, Jln 18/4, Jln 18/2A, Jln 18/7, Persiaran Universiti 2, Lebuh Universiti, Jln Kolej Pertanian Serdang, BESRAYA, Jln Putra Permai, Jln Indah, Persiaran Equine Perdana, Jln PP 1, Hospital Serdang, SKVE, Jln Pinggiran Putra 1/1, Persiaran Putra Permai Murni, Jln PP 3, Jln PP 40, Jln Raya Empat, Jln 18/28, dan Jln PP 2.</p> <p>22. M19, M20, M21 & M58 (melalui Jln Puchong, LDP, Jln Merbuk, Jln Bandar Puchong Jaya, Lebuh Bestari, Jln Puteri 7/1, Jln Puteri 7/8, Jln Industri Pusat Bandar Puchong, Jln PPU 1, Persiaran Puchong Perdana, Persiaran Puchong Permai, Jln Ayer Hitam, Persiaran Saujana Puchong, Jln Utama 2/5, Jln Utama 2/7, Jln Tmn Tasik Prima, Lingkaran Putra Prima, KESAS, Jln Bkt Puchong, Jln BP 6, Jln BP 7/6, Jln Puchong Utama 6/1 dan Jln Puchong Utama 3.</p>
MPKj	<p>1. Sebanyak 8 buah syarikat bas yang beroperasi :-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rapid KL Sdn. Bhd. - MetrobusNationwid e Sdn. Bhd. - Syarikat Hafeena - Syarikat Desa Melenia - Syarikat Road Liner - Syarikat CityLiner - Syarikat UPTOWN - Syarikat LE TRANS 	<p>1. Tmn Makmur</p> <p>2. Tmn Taming Mutiara</p> <p>3. Tmn Ikhlas</p> <p>4. Tmn Desa Budiman</p> <p>5. Tmn Bkt Permai</p> <p>6. Kaw. Perindustrian Taming Jaya</p> <p>7. Kaw. Perindustrian Selesa Jaya</p> <p>8. Tmn JadeHills</p> <p>9. Tmn Mesra</p> <p>10. Tmn Saujana Impian</p> <p>11. Tmn Kantan Permai</p> <p>12. Tmn Saujana Damai</p> <p>13. Jln Bukit</p> <p>14. Kg. Sg. Ramal Dalam</p> <p>15. Bandar Tasik Kesuma</p> <p>16. Bandar Rinching</p>

	<p>2. Mempunyai sebanyak 7 laluan bas sedia ada.</p>	<p>17. Tmn Tasik Semenyih 18. Bandar Seri Putra 19. Bandar Bukit Mahkota 20. Bandar Teknologi Kajang 21. Tmn Harmoni 22. Sunway Semenyih</p>
MPS	<p>1. Sebanyak 1 syarikat bas yang beroperasi :- - Selangor Omnibus Sdn. Bhd.</p> <p>2. Mempunyai sebanyak 1 laluan bas yang tidak aktif.</p> <p>Mempunyai 1 laluan bas yang aktif.</p>	<p>Laluan yang aktif.</p> <p>1. Pekan Kuang - Simpang Kuang - Bukit Rahman Putera</p>
MPK	<p>1. Sebanyak 11 buah syarikat bas yang beroperasi :- - Konsortium Transnasional Berhad Cityliner - Permata Kiara Sdn. Bhd. - Wawasan Sutera Travel&Tours Sdn. Bhd. - GitoTranslink Sdn. Bhd. - MetrobusNationwide Sdn. Bhd. - Rapid KL Sdn. Bhd. - Handal Ceria Sdn. Bhd. - Ilham Untung Sdn. Bhd. - JadiniHoldings Sdn. Bhd. - MJH Transport Sdn. Bhd. - Seranas Sdn. Bhd.</p> <p>2. Mempunyai sebanyak 21 laluan yang aktif.</p>	<p>Cadangan laluan sosial baru.</p> <p>1. Banting – Kuala Lumpur (melalui Jambatan Kota) 2. Pel. Klang – Kuala Lumpur (melalui Jambatan Kota) 3. Banting – Klang Sentral (melalui Jambatan Kota) 4. Klang Sentral – Kuala Lumpur 5. Banting – Kuala Lumpur (melalui Jambatan Musaeddin) 6. Pel. Klang – Kuala Lumpur (melalui Jambatan Musaeddin) 7. Banting – Klang Sentral (melalui Jambatan Musaeddin) 8. Shah Alam – Bandar Klang – Klang Sentral 9. Shah Alam – Bandar Klang 10. Shah Alam – Bandar Klang (melalui Komuter Kubang Badak) 11. Klang Sentral – SunwayLagoon 12. Kuala Selangor/Kapar – Klang Sentral 13. Klang Sentral – Meru/Puncak Alam 14. Klang Sentral – Tmn. Klang Utama 15. Kuala Selangor – Klang Sentral (melalui Persiaran Dato' Hamzah) 16. Klang Sentral – Tmn EngAnn& Bandar Baru Klang – Pusat Bandar 17. Klang Sentral – Bkt. Kuda – Pusat Bandar 18. Klang Sentral – Klang Perdana 19. Pel. Klang – Klang Sentral (melalui Jambatan Musaeddin) 20. Pel. Klang – Klang Sentral (melalui Jambatan Kota) 21. Klang Sentral – Kg. Delek (Jln. Yadi)</p>

MPAJ	<p>1. Sebanyak 3 buah syarikat bas yang beroperasi :-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rapid KL Sdn. Bhd. - MetrobusNationwide Sdn. Bhd - Setara Jaya <p>2. Mempunyai sebanyak 39 laluan bas sedia ada yang aktif.</p> <p>Mempunyai sebanyak 7 cadangan laluan sosial baru.</p>	<p>1. Laluan Bas Utama antara Terminal Putera (Tmn. Permata) (melalui Jln Lingkaran tengah 2, Pandan Indah, Jln Ampang, Jln Wawasan Ampang dan Jln Pandan Indah)</p> <p>2. Laluan Bas Pengantara Laluan 1 (melalui Jln Cempaka, Jln Cahaya, Jln Dagang Besar, Jln Ampang, Jln Merdeka, Jln Mewah dan Jln Cahaya 1)</p> <p>3. Laluan Bas Pengantara 2 (melalui Jln Bunga Raya, Jln Pandan Ilmu, Jln Pandan Utama, Jln Pandan Makmur, Jln Pandan Indah, Jln Pandan Indah 6/1, Jln Bunga Kemboja 11, Jln Desa Ampang, Jln Wawasan Ampang, Jln Ikan Emas, Lrg. Ikan Emas 6, Jln Tasik Tambahan 1, Jln Tmn Putera dan Jln Ampang)</p> <p>4. Laluan Bas Pengantara Laluan 2 (melalui Jln Sg. Sering, Jln Ukay Perdana, Jln Ukay Perdana 3, Jln Ukay Perdana 4, Jln Kelab Ukay Utama, Jln Kelab Ukay 3 dan Jln Bkt Antarabangsa)</p> <p>5. Laluan Bas Pengantara Laluan 3 (melalui Jln Bunga Raya, Jln Bunga Kemboja 11, Jln Bunga Kemboja 1, Jln Bunga Tanjung 6A, Jln Pandan Mewah Utara, Jln Pandan Indah dan Jln Hulu Langat)</p> <p>6. Laluan Bas Pengantara Laluan 4 (melalui Jln Kuari, Jln Bunga Melati 6, Jln Teratai ½, Jln Tmn Putera dan Jln Hulu Langat)</p> <p>7. Laluan Bas Pengantara Laluan 4 (melalui Jln 2, Tmn TAR, Jln Kolam Air, Jln Memanda 11, Jln Memanda 10, Jln Memanda 9 dan Jln Memanda 7/1)</p>
MPSp	<p>1. Bas yang beroperasi :-</p> <ul style="list-style-type: none"> - DTS Cyberjaya - Rapid KL <p>2. Mempunyai sebanyak 17 laluan bas sedia ada yang aktif.</p>	<p>Laluan bas yang aktif.</p> <p>DTS Cyberjaya</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Cyberjaya – KL Sentral 2. Cyberjaya – Ampang Point – Melawati – Terminal Putera / LRT Gombak 3. Cyberjaya – KTM Serdang – Bukit Jalil – Terminal Bersepadu Selatan (BTS) 4. Cyberjaya – One Utama – Kpong 5. Cyberjaya – Bukit Tinggi – Klang (South) – Klang Parade 6. Cyberjaya – Nilai – Seremban 7. Cyberjaya – Puchong (Tesco Bus Stop) – Kelana Jaya (LRT Bus Stop) 8. Cyberjaya – Shah Alam (Wisma Masalam) 9. Cyberjaya – Subang Jaya (Summit)

		<p>Rapid KL</p> <p>10. Putra Perdana – Pasar Seni 11. Cyberjaya Transport Terminal – Hub Bus Putrajaya Sentral 12. Pulau Meranti – Puchong Utama</p> <p>Lain-lain</p> <p>13. Nilai – KLIA 14. Sungai Pelek – Nilai – Kuala Lumpur 15. LCCT – KL Sentral 16. KLIA – KL Sentral 17. Putra Perdana (Taman Mas) – Kuala Lumpur</p>
MDKS	<ol style="list-style-type: none"> Sebanyak 7 buah syarikat bas yang beroperasi :- <ul style="list-style-type: none"> - Rapid KL Sdn. Bhd. - MetrobusNationwide Sdn. Bhd - ParkMay Berhad - Wawasan Sutera Travel&Tours Sdn. Bhd. - Kuala Selangor Omnibus Co. Bhd. - Mara Liner Tanjung Malim - Cityliner Sdn. Bhd. Mempunyai sebanyak 7 laluan bas sedia ada yang aktif. 	<p>Laluan bas yang aktif.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kuala Selangor – Klang 2. Kuala Selangor – Klang – Kuala Lumpur 3. Kuala Selangor – Bandar Klang 4. Sungai Tengi – Bestari Jaya – Kuala Selangor 5. UiTM Puncak Alam – Klang Sentral – Seksyen 7, Shah Alam 6. Puncak Alam – Bandar Klang 7. Saujana Utama – Kuala Lumpur
MDSB	<ol style="list-style-type: none"> Sebanyak 2 buah syarikat bas yang beroperasi :- <ul style="list-style-type: none"> - Cityliner Sdn. Bhd. - Sabak Bernam Express Mempunyai sebanyak 2 laluan bas yang aktif. 	<p>Laluan yang aktif.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jln Persekutuan E5, Kuala Lumpur – Sabak Bernam – Lumut 2. Jln Persekutuan,E5 Klang – Sabak Bernam – Teluk Intan

MDHS	<p>1. Sebanyak 4 buah syarikat bas yang beoperasi :-</p> <ul style="list-style-type: none"> - MARA - MetrobusNationwide Sdn. Bhd. - Pahang Lin Siong - UPTOWN <p>Mempunyai sebanyak 2 laluan yang aktif.</p>	<p>Laluan yang aktif.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kuala Kubu Bharu – Tg. Malim 2. Kuala Kubu Bharu – Rawang
MDKL	<p>1. Sebanyak 4 buah syarikat bas yang beoperasi :-</p> <ul style="list-style-type: none"> - MARA - MetrobusNationwid e Sdn. Bhd. - Pahang Lin Siong - UPTOWN <p>Mempunyai sebanyak 2 laluan yang aktif.</p>	<p>Laluan yang aktif.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Banting – Putrajaya 2. Banting – KLIA 3. Banting – Sri Cheding 4. Banting – Kuala Lumpur 5. Banting – Klang

***sumber: Semua PBT, Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : ANAK TIDAK SAH TARAF

187. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa ramaikah bilangan anak-anak tidak sah taraf(anak luar nikah) yang telah didaftarkan di Negeri Selangor dari tahun 2011 dan 2012 dan apakah peratus pecahan mengikut bangsa?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah masalah ini?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, anak tidak sah taraf yang telah didaftarkan di Negeri Selangor bagi tahun **2011** adalah seramai **7,283** orang dan tahun **2012** adalah seramai **7,608** orang. Peratus pecahan mengikut bangsa bagi anak tak sah taraf di Negeri Selangor adalah sebanyak:

TAHUN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
2011	35%	8%	21%	36%
2012	36%	8%	17%	39%

Jabatan Pendaftaran Negara hanya bertanggungjawab untuk mendaftarkan kelahiran kanak-kanak yang berlaku di Malaysia samada dalam kategori anak sah taraf ataupun anak tidak sah taraf. Walau bagaimanapun, langkah-langkah pencegahan bagi masalah anak tidak sah taraf adalah di luar bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara.

MAKLUMAT TAMBAHAN

TAHUN 2011	MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN		JUMLAH KESELURUHAN	
	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%
	2559	35%	558	8%	1504	21%	2662	36%	7283	100%

TAHUN 2012	MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN		JUMLAH KESELURUHAN	
	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%
	2739	36%	633	8%	1269	17%	2967	39%	7608	100%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: KESESAKAN JALAN RAYA

188. Masalah kesesakan lalu lintas di jalan utama lembah Klang dan kawasan-kawasan bandar terutamanya di waktu puncak.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di jalan-jalan raya utama di lembah Klang dan dalam kawasan-kawasan bandar terutamanya di waktu-waktu puncak supaya dengan langkah-langkah tersebut dapat mengurangkan kepayahan dan trauma yang dihadapi oleh pengguna-pengguna jalan raya terutamanya golongan pekerja dan penjawat awam akibat kesesakan lalu lintas tersebut.

JAWAPAN :

- a) Kesesakan lalulintas di jalan-jalan utama dan kawasan bandar sekitar Lembah Klang terutamanya pada waktu puncak berpunca daripada:
- i) Kadar Trafik yang tinggi terutamanya di waktu puncak melebihi 10,000 unit kenderaan sejam (passenger car unit per hour, pcu/hr) melebihi kapasiti jalan sedia ada.
 - ii) Keadaan jalan-jalan yang rosak dan beralun disebabkan melebihi jangka hayat rekabentuk (20 tahun).
 - iii) Terdapat banyak persimpangan yang berdekatan antara satu sama lain.
 - iv) Kewujudan gerai, kedai dan bengkel haram di dalam rizab jalan JKR.
 - v) Kehadiran kenderaan berat terutamanya pada waktu puncak.
 - vi) Kenderaan berat yang diletakkan secara tidak tersusun dibahu jalan.
 - vii) Kerosakan lampu isyarat (disebabkan oleh vandalisme, litar pintas).
 - viii) Ketidaklancaran perjalanan kenderaan disebabkan adanya simpang lampu isyarat.

Oleh itu, perancangan untuk mengatasi kesesakan trafik bagi program jangka pendek dan jangka panjang telah dirangka seperti berikut:

Jangka Pendek:

- i) Untuk meningkatkan kapasiti kenderaan jalan dan juga masalah persimpangan, beberapa jalan telah dan sedang dinaiktaraf. Dianggarkan 55 km. Diantaranya jalan-jalan tersebut ialah Jalan Reko (B17) di Kajang, Jalan Klang Lama di Petaling, Jalan Montere, sebahagian Jalan Rawang Tasik Puteri (B27), Persiaran Kuala Selangor di Shah Alam, Jalan Raja Muda Musa (B42) di Kuala Selangor, Jalan Meru Puncak Alam di Klang, sebahagian Jalan Jenderam (B48) di Sepang dan Jalan Sungai Panjang (B44) di Sabak Bernam.
- ii) Melaksanakan program *Intelligent Traffic Light System* (ITS) bagi mengesan kerosakan lampu isyarat dengan cepat melalui sistem pesanan ringkas. Bagi tujuan ini, projek perintis telah dilaksanakan di daerah Petaling.
- iii) Melaksanakan program ‘*Green wave*’ untuk memastikan kelancaran perjalanan kenderaan. Ianya telah dilaksanakan di Jalan Persekutuan 5 di Kuala Selangor, Jalan Monford TTDI Jaya daerah Petaling, Laluan Persekutuan 1 Pekan Kajang, Persiaran Raja Muda Musa di Shah Alam dan di Laluan Persekutuan FT 3215 di Pekan Seri Kembangan

Jangka Panjang:

- i) Menyokong serta meluluskan rancangan pembinaan Lebuhraya oleh Kerajaan Persekutuan iaitu:
 1. Lebuhraya Pantai Barat (WCE)
 2. Lebuhraya Damansara Shah Alam (DASH)
 3. Lebuhraya Serdang-Kinrara-Putrajaya (SKIP)
 4. Lebuhraya Sg. Besi-Ulu Klang (SUKE)
 5. Lebuhraya Kinrara Damansara (KIDEX)
 6. Kuala Lumpur Outer Ring Road (KLORR)
- ii) Memberi kerjasama kepada Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan pengangkutan awam iaitu LRT dari Kelana Jaya ke Puchong dan juga MRT dari Sg. Buloh ke Kajang.
- iii) Membina Jambatan Ke-3 Klang
- iv) Mencadangkan kepada pihak PBT untuk membuat penguatkuasaan ke atas gerai-gerai haram yang dibina dan juga kenderaan berat yang diletakkan di bahu jalan.
- v) Mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan untuk menghalang kenderaan berat daripada menggunakan jalan utama pada waktu puncak.
- vi) Membuat kajian lalulintas secara menyeluruh untuk Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK: KAWALAN ANJING / KUCING LIAR

189. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- Sila nyatakan berapa ekor anjing dan kucing liar yang telah ditangkap oleh 12 PBT sepanjang tahun 2012.
 - Adakah negeri merancang untuk mengadakan satu tapak khas untuk simpanan sementara anjing / kucing liar yang ditangkap oleh PBT?
 - Sila nyatakan kaedah tangkapan anjing / kucing yang digunakan oleh setiap PBT.

JAWAPAN :


- a) Berikut adalah jumlah tangkapan anjing dan kucing sepanjang tahun 2012 bagi setiap PBT di Negeri Selangor.

PBT	Jumlah Tangkapan Anjing	Jumlah Tangkapan Kucing
MBSA	1003	240
MBPJ	120	88
MPK	5,624	327
MPAJ	1205	-
MPSJ	1307	246
MPKJ	128	-
MPS	2010	237
MPSP	789	30
MDKL	1,176	59
MDKS	Tiada Maklumat	
MDHS	Tiada Maklumat	
MDSB	30	-
JUMLAH	13,392	1,227

- b) Kerajaan negeri melalui beberapa PBT telahpun mempunyai tapak khas untuk simpanan sementara anjing dan kucing yang di tangkap. Pusat simpanan ini beroperasi dan dikendalikan oleh PBT. Walau bagaimanapun, terdapat PBT yang tidak mempunyai tempat kurungan khas di mana haiwan tersebut di hantar ke NGO seperti '*Paws Animal Welfare Society*' (PAWS). Jadual berikut adalah lokasi tempat simpanan haiwan di PBT:

PBT	LOKASI PUSAT SIMPANAN HAIWAN
MBSA	Sedang mengenalpasti tapak cadangan
MBPJ	Hantar ke PAWS
MPK	Lot 1, Lebuh Sultan Mohamed 1, Kawasan Perindustrian Bandar Sultan Sulaiman
MPKJ	Tapak Semaian Lanskap, Bangi
MPAJ	Tiada tempat simpanan khas menggunakan khidmat kontraktor yang dilantik
MPSJ	Pusat Kurungan Haiwan MPSJ di Taman Perindustrian Puchong Utama, Puchong.
MPS	Klinik Kembiri di Pusat Intergrated Rawang.
MPSP	Jalan Besar, Batu 1, Sepang Selangor
MDKL	Stor Telok Datok
MDSB	Tiada tempat simpanan khas menggunakan sangkar untuk menangkap dan akan melupuskan sekiranya pemilik haiwan tidak menuntut haiwan tersebut

- c) Terdapat pelbagai kaedah yang digunakan oleh PBT untuk menangkap anjing dan kucing liar. Di antara kaedah tersebut adalah seperti berikut:

KAEDAH TANGKAPAN ANJING	KAEDAH TANGKAPAN KUCING
<ul style="list-style-type: none"> i. Menggunakan kaedah sumpitan pelali (xylazine) yang disumpit menggunakan blow pipe ii. Penggunaan tali penjerut pada pole iii. Pemasangan perangkap iv. Pemasangan umpan 	<ul style="list-style-type: none"> i. Penangkapan secara terus ke atas kucing menggunakan jaring atau tangan ii. Pemasangan umpan 

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : MASALAH PENYALURAN AIR OLEH SYABAS KE PROJEK PEMBANGUNAN BARU

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah penyaluran air oleh SYABAS ke projek - projek pembangunan baru untuk memastikan pembangunan Negeri Selangor tidak terbantut ?

JAWAPAN:

- a) Tanggungjawab pihak SYABAS di bawah Perjanjian Konsesi hanyalah untuk membekalkan dan mengagihkan air terawat di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. SYABAS telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai Agensi Perakuan (*Certify Agency*) bagi tujuan menyemak dan meluluskan pelan-pelan sistem pembekalan air baru yang dikemukakan oleh Pemaju Hartanah. Peranan SYABAS sebagai Agensi Perakuan tersebut adalah setakat memberikan ulasan teknikal dan seterusnya meluluskan pelan-pelan pembangunan projek bekalan air sahaja.

Sebagai *Certify Agency*, SYABAS telah menangguhkan dalam memberikan kelulusan ke atas permohonan merancang projek-projek pembangunan baru atas dakwaan ketidakcukupan air di Selangor.

Justeru itu, Kerajaan Negeri mengambil langkah positif untuk mengatasi masalah penangguhan kelulusan projek-projek pembangunan baru oleh SYABAS dengan mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk meneruskan untuk meluluskan Kebenaran Merancang ke atas permohonan pemaju hartanah sekiranya pelan-pelan yang dikemukakan adalah teratur dari segi teknikal dan boleh dilaksanakan mengikut asas kejuruteraan dan guna tanah, tanpa mengambil kira dakwaan ketidakcukupan air yang didakwa oleh SYABAS.

Namun demikian, sekiranya permohonan Pemaju Hartanah tersebut tidak mendapat sokongan dari SYABAS atas alasan masalah teknikal, maka permohonan Pemaju tersebut perlu disemak semula oleh Pemaju Hartanah berkenaan bagi memastikan semua syarat teknikal telah dipatuhi.

Kerajaan Negeri Selangor berpandangan, penyelesaian ke atas SYABAS ini hanya boleh dicapai dengan memuktamadkan penstruktur semula industri perkhidmatan air di bawah Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkuuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Penang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PENIAGA WARGA ASING

191. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah masih ramai peniaga-peniaga asing yang bermiaga secara bebas di jalan teratai tanpa di ambil tindakan bersepada yang serius oleh pihak MPK?
- b) Apakah faktor-faktor yang menghalang tindakan tegas boleh di ambil ke atas mereka sehingga penguatkuasaan MPK di lihat seolah-olah hilang kuasa terhadap mereka?

JAWAPAN :

- a) Hasil kajian ada terdapat 14 gerai di sepanjang jalan tersebut.
- b) Usaha untuk tindakan penyitaan telah dibuat beberapa kali namun begitu peniaga tersebut dilindungi oleh warga tempatan yang berkepentingan . Cubaan untuk merobohkan struktur gerai haram tersebut telah ditangguhkan beberapa kali kerana desakan pihak tertentu dan menjelang Pilihanraya 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : JANJI MANIFESTO

192. Manifesto PRU ke-12 Pakatan Selangor mengemukakan 31 perkara meliputi soal urustadbir berwibawa, sosial dan kebajikan rakyat, kesihatan rakyat, ekonomi rakyat dan keselamatan rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- Apakah kerajaan negeri berhasrat menggugurkan manifesto PRU-12 yang gagal dilaksanakan?
- Apakah manifesto yang masih diteruskan oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN :

- Untuk makluman Yang Berhormat Kuang, sepanjang pentadbiran yang lalu, kita telah berjaya melaksanakan sebahagian besar kandungan manifesto 2008 yang merangkumi aspek Pentadbiran, Sosial Dan Kebajikan Rakyat, Kesihatan Rakyat, Ekonomi Rakyat serta Keselamatan Rakyat:

Bil.	Manifesto PR Selangor 2008	Status Pelaksanaan	Pelaksanaan Oleh Kerajaan Negeri
1.	Pentadbiran Memastikan Exco dan ADUN sentiasa bersih daripada penyelewengan sepanjang perkhidmatan	Selesai	Selcat (menyiasat setiap perbelanjaan ADUN)
2.	Menubuhkan badan khas untuk menyiasat segala penyelewengan yang berlaku berkaitan pentadbiran tanah dan sumber-sumber negeri	Selesai	-Selcat -Enakmen FOI & SELESA -reklasifikasi dokumen OSA
3.	Memberhentikan projek-projek membazir yang merugikan dan tidak memberi manfaat secara langsung kepada rakyat	Selesai	-Tutup BALKIS -Penamatan perkhidmatan Alam Flora

	Sosial Dan Kebajikan Rakyat		
4.	Air percuma untuk warga Selangor	Selesai	Air percuma untuk 20 meter padu yang pertama untuk meter individu
5.	Memberi hadiah sebanyak RM1,000 seorang kepada setiap anak Selangor sebaik menerima tawaran kemasukan ke mana-mana Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	Selesai	Setakat Disember 2012 seramai 32,727 penerima dengan kos RM31,948,076
6.	Memberi bantuan atau biasiswa menurut merit kepada anak Selangor di semua peringkat pendidikan	Selesai	Biasiswa Yayasan Selangor
7.	Membuka tabung permulaan bernilai RM100 bagi setiap kelahiran anak Selangor	Selesai	-Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) -Setakat Disember 2012, seramai 60,352 penerima dengan kos RM6,035,200
8.	Memberikan pendidikan pra-sekolah percuma kepada anak Selangor berusia 5 – 6 tahun	Dalam Pelaksanaan	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)
9.	Mengurangkan beban ibu bapa yang menghantar anak-anak ke nurseri tanpa had bilangan dengan memberi subsidi antara RM50 – RM100 seorang	Dalam Pelaksanaan	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si Kembar)
10.	Mencarumkan skim perlindungan insurans (takaful) warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan anak yatim	Selesai	-Skim Mesra Usia Emas (SMUE) -Setakat Disember 2012, seramai 36,511 penerima dengan kos RM87,572,500
11.	Memberikan elauan ibu tunggal yang layak menurut tanggungan masing-masing	Dalam Pelaksanaan	Melalui Pejabat Exco YB Rodziah
12.	Memberi elauan khas antara RM150 – RM250 sebulan untuk wanita tanpa pekerjaan tetap yang memilih untuk menjadi suri rumah bagi menjaga anak-anak kecil mereka (di bawah 12 tahun)	Dalam Pelaksanaan	Dilaksana dengan pindaan oleh kerajaan negeri

13.	Memastikan setiap keluarga memiliki sebuah rumah dalam	Dalam Pelaksanaan	-Skim Perumahan Mampu Milik -Berjumlah 11,001 unit yang telah siap dibina. -Untuk 2014 – 2018, PKNS akan membina 9,481 unit lagi
14.	Mewujudkan institusi untuk menyelaraskan hal-ehwal agama selain agama Islam demi mewujudkan perpaduan dan persefahaman antara kaum dan agama	Akan Dimaklumkan	
	Kesihatan Rakyat		
15.	Memberi cuti bergaji selama 90 hari bagi wanita bersalin (kakitangan kerajaan negeri)	Selesai	Setakat Disember 2012, seramai 30 orang yang telah memanfaatkannya
16.	Memberi cuti selama 14 hari kepada suami (kakitangan kerajaan negeri) bagi menjaga isteri yang baru bersalin	Selesai	Setakat Disember 2012, hanya seorang penerima yang menggunakan manfaat ini
17.	Memberi cuti bergaji selama satu bulan bagi wanita (kakitangan kerajaan negeri) yang kematian suami	Selesai	Dilaksana sebagai satu usaha empati kepada kakitangan wanita yang terlibat
18.	Menyediakan perkhidmatan perubatan di hospital kerajaan dan pengangkutan awam percuma kepada semua warga emas yang berusia 65 tahun ke atas	Dalam Pelaksanaan	Skim Pemeriksaan Mata Percuma bakal dilancarkan oleh kerajaan negeri
	Ekonomi Rakyat		
19.	Memudahkan dan mempercepatkan kelulusan dan pembaharuan lesen perniagaan	Dalam Pelaksanaan	-Sistem online -Sistem LBLS untuk percepatakan urusan tanah
20.	Mengurangkan cukai pintu rumah kediaman sebanyak 20% dan cukai premis komersial sebanyak 10%	Dalam Pelaksanaan	-Premium tanah sebanyak RM1,000 -Kerajaan negeri memberi diskaun 20% - 25% bayaran cukai pintu kepada semua penghuni rumah kos rendah

21.	Membela kehidupan rakyat miskin terutama petani dan nelayan bagi memperoleh pendapatan minimum RM1,200 sebulan	Selesai	-Program meningkatkan hasil padi -Statistik terkini sebanyak 55% petani berpendapatan antara RM1,000 – RM1,500 dan sebanyak 16% berpendapatan lebih RM1,500
22.	Keselamatan Rakyat Menguatkuasa dan memantau projek-projek pembangunan agar mematuhi syarat-syarat perlindungan alam sekitar bagi mengelakkan kejadian seperti tanah runtuh dan banjir	Selesai	-Telah mengarahkan agar dikaji setiap cerun bukit -Pemasangan sebanyak 414 CCTV di 12 PBT yang menelan belanja RM117.2juta
23.	Mengkaji semula sistem Rukun Tetangga untuk diganti dengan sistem baru yang lebih berkesan di bawah penyeliaan PBT	Sedang Dilaksanakan	Satu skim rondaan keselamatan akan dilaksanakan seluruh Selangor bawah program kerajaan negeri bagi menjamin keselamatan dan keselesaan penghuni selaras dengan kempen Pangsapurku Bersih, Ceria & Harmoni
24.	Mewujudkan pusat khidmat sehenti bagi menangani kes-kes jenayah dan keganasan terhadap wanita	Selesai	Menempatkan <i>one-stop-centre</i> di lokasi-lokasi berpotensi jenayah

Jika diamati, hanya satu sahaja perkara yang masih dalam status ‘Akan Dimaklumkan’. Bakinya adalah berstatus ‘Selesai’ dan ‘Sedang Dilaksanakan’. Justeru jika di congak peratus keseluruhannya, kita telah melaksanakan 96% kandungan manifesto 2008. Dan untuk makluman dewan juga, kerajaan negeri telah laksanakan lebih daripada apa yang ditawarkan dalam manifesto 2008. Program-program tersebut termasuklah:

- Tabung Anak Pekerja Ladang
- Skim Mikrokredit (SkimSel dan MiMBAR)
- Program pendidikan (SPIES, GEMS, Tuisyen Rakyat)
- Skim Perumahan Pekerja Ladang
- Bantuan pengurusan bangunan, lif dan pusat komuniti
- Pemulihan rumah terbengkalai

Sungguhpun begitu, masih terdapat juga pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang telah mengambil kesempatan untuk mengelirukan rakyat dan menyebabkan segelintir daripada mereka ini telah bertindak untuk menyaman kerajaan negeri. Namun demikian, sebagai sebuah kerajaan yang demokratik, kita mengalu-alukan saman yang telah dibuat oleh rakyat negeri Selangor. Butiran saman yang difaiklan adalah seperti berikut:

- 1) 10 November 2010 – Kes saman RM471.64 juta Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) terhadap Kerajaan Negeri Selangor berhubung perjanjian konsesi bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2009 yang dibuat menerusi Tetuan Soo Thien Ming
- 2) 11 September 2012 – Kes saman 711 pengguna air Selangor menuntut ganti rugi sebanyak RM405,270 daripada Kerajaan Negeri Selangor berhubung tunggakan air percuma yang difaiklan oleh Tetuan Kamarudin dan Partners melalui peguam Kamarudin Ahmad
- 3) November 2012 – Kes saman RM5.858 juta 2,019 suri rumah di Selangor terhadap Kerajaan Negeri Selangor bagi menuntut elaun khas sebagaimana yang terdapat dalam manifesto 2008 yang difaiklan menerusi peguam Kamarudin Ahmad

Namun demikian, pada tanggal 14 Mei 2013, Mahkamah Rayuan Putrajaya telah membatalkan saman sivil yang difaiklan oleh 2,019 ibu tunggal di Selangor berhubung pembayaran elaun RM100 kepada mereka seperti terkandung dalam manifesto 2008. Peguam kami juga memaklumkan terdapat 2 lagi kes yang melibatkan seorang warga emas yang mendakwa tidak menerima skim insurans sebanyak RM2,500 dan pemilik rumah yang mendakwa tidak menerima program air percuma telah menggugurkan saman mereka. Kita bersetuju dan mahkamah mengarahkan pihak berkenaan untuk membayar kos sebanyak RM1,000 kepada kerajaan negeri.

- b) Kesemua polisi yang terdapat dalam manifesto 2008 telah kita kembangkan dan perbaiki hasil pelaksanaannya supaya menjadi lebih baik untuk sesi kepimpinan kali ini. Contohnya, pemberian 20 meter padu air percuma. Kali ini kita bertekad untuk membuka peluang kepada rakyat Selangor untuk memiliki saham air Selangor. Dan perkara ini jika pihak Yang Berhormat teliti telah terdapat dalam manifesto 2013.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : SKIM GUARDED & GATE COMMUNITY

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Mencadangkan supaya satu jawatankuasa khas ditubuhkan untuk mengkaji semula dan menambahbaik dari masa ke semasa garis panduan skim “Guarded & Gate Community” yang sedia ada supaya keselamatan di kawasan kediaman lebih terjamin di samping mengurangkan perselisihan antara penduduk semasa pelaksanaan skim tersebut.

JAWAPAN :

- a) Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 2/2011 yang bersidang pada 19 Julai 2011 telah membuat keputusan supaya semua PBT di Negeri Selangor menggunakan Garis Panduan Konsep Skim Komuniti Berpagar (“Gated Community”) dan Skim Perumahan Berpengawal (“Guarded Community”) yang disediakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Walaupun secara dasarnya garis panduan ini telah menetapkan bilangan persetujuan penduduk seramai 75%, namun pelaksanaannya yang “**mendirikan (sebarang bentuk) halangan kepada jalan-jalan awam**” masih lagi bertentangan dari aspek perundungan berdasarkan Seksyen 136(2) dan Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 46, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Seksyen 80, Akta Pengangkutan Jalan 1987 serta Seksyen 26 Jadual G, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966.

Dalam hal ini, garis panduan yang disediakan oleh LPHS mengambilkira semua pertimbangan tersebut termasuk pertimbangan pelanggaran perundungan sedia ada di tahap yang minimum sebagai panduan kepada PBTdi Negeri Selangor dalam meluluskan Skim Pembangunan “Guarded Community” mahupun Skim Pembangunan “Gated Community”.

LPHS juga dari masa ke semasa akan membuat penambahbaikan garis panduan ini disamping PBT juga turut sama memberikan output dan pandangan terhadap penambahbaikan tersebut. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri berpandangan jawatankuasa khas ini perlu ditubuhkan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan ianya kerana melibatkan isu masyarakat setempat dan ahli-ahli majlis perlu terlibat dalam urusan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : KADAR JENAYAH DI NEGERI SELANGOR

194. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

- Senaraikan indeks jenayah (mengikut kategori) mengikut setiap daerah di Selangor bagi tahun 2007-2013.
- Apakah perancangan dan strategi Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan keselamatan penduduk Selangor adalah terjaga memandangkan banyak aduan diterima daripada penduduk yang menyatakan mereka rasa tidak selamat?

JAWAPAN:

a) dan b)

Indeks jenayah (mengikut kategori) di Selangor bagi tahun 2007 – 2013.

BIL	DAERAH J/KEKERASAN	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	JUM
1	BUNUH	147	185	139	173	138	169	69	1020
2	ROGOL	609	643	675	651	507	422	162	3669
3	SAMUN BERKAWAN SENJATAPI	29	50	22	6	199	13	6	325
4	SAMUN BERKAWAN TANPA SENJATAPI	3033	7848	7635	5863	4986	5837	2580	37782
5	SAMUN SENJATAPI	83	19	8	4	19	2	0	135
6	SAMUN TANPA SENJATAPI	5818	1399	1045	888	847	701	348	11046
7	MENCEDERAKAN	1602	1562	1527	1460	1543	1179	494	9367
	JUM.KEKERASAN	11321	11706	11051	9045	8239	8323	3659	63344
JENAYAH HARTABENDA									
1	CURI	10131	8869	8550	7056	6013	4448	2204	47271
2	CURI MOTOLORI / VAN	2157	2714	2378	2501	6014	1763	2283	19810
3	CURI MOTOKAR	4368	5458	4394	5088	12486	5813	5347	42954
4	CURI MOTOSIKAL	18962	17711	15466	13542	2453	13332	891	82357
5	RAGUT	2855	1840	2030	1189	804	727	468	9913
6	PECAH RUMAH CURI	8798	9454	10574	9668	8514	6356	3155	56519
	JUM.HARTABENDA	47271	46046	43392	39044	36284	32439	14348	258824
	JUMLAH BESAR	58592	57752	54443	48089	44523	40762	18007	322168

Pada tahun 2007 jumlah kes jenayah indeks berjumlah sebanyak 58,592 kes. Kes jenayah kekerasan mencatatkan sebanyak 11,321 kes manakala kes jenayah harta benda sebanyak 47,271 kes pada tahun 2007. Bagi tahun 2008 sebanyak 57,752 kes telah dilaporkan. Kes jenayah kekerasan mencatatkan sebanyak 11,706 kes manakala jenayah harta benda sebanyak 46,046 kes bagi tahun 2008. Pada tahun 2009 menunjukkan penurunan. Di mana sebanyak 54,443 kes jenayah indeks dicatatkan. Sebanyak 11,051 kes jenayah kekerasan dicatatkan dan kes jenayah harta benda sebanyak 43,392 kes dilaporkan. Bagi tahun 2010 sebanyak 48,089 kes jenayah indeks telah dicatatkan. Bagi kes jenayah kekerasan mencatatkan sebanyak 9,045 kes manakala sebanyak 39,044 kes bagi jenayah harta benda pada tahun 2010. Sebanyak 44,523 kes jenayah indeks telah dicatatkan pada tahun 2011 yang mana ia menunjukkan penurunan. Bagi jenayah kekerasan mencatatkan sebanyak 8,239 kes dan jenayah harta benda sebanyak 36,284 kes telah dicatatkan pada tahun 2011. Untuk tahun 2012 sebanyak 40,762 kes dilaporkan. Kes jenayah kekerasan telah mencatatkan sebanyak 8,323 kes telah dilaporkan manakala kes jenayah harta benda mencatatkan sebanyak 32,439 kes telah dilaporkan pada tahun 2012. Bagi tahun 2013 sebanyak 18,007 kes dilaporkan dari tempoh Januari hingga Mei. Kes jenayah kekerasan mencatatkan sebanyak 3,659 kes dan kes jenayah harta benda sebanyak 14,348 kes bagi tempoh yang sama untuk tahun 2013.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : ISYTIHAR HARTA

195. Terdapat gesaan agar para EXCO kerajaan negeri Selangor mengisyiharkan harta masing-masing sebagai bukti ketelusan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Y.A.B Menteri Besar dan barisan EXCO telah mengisyiharkan harta mereka?
- b) Apakah langkah kerajaan negeri Selangor untuk memastikan EXCO tidak menyeleweng?

JAWAPAN :

- a) Ya, saya dan semua barisan EXCO kerajaan negeri Selangor sudah pun membuat pengisyiharan harta. Maklumat-maklumat tersebut akan kita muat turun secara online bermula Isnin, 1 Julai 2013.
- b) Selama ini kerajaan negeri Pakatan Rakyat sentiasa mengutamakan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dan pentadbiran negeri. Semua projek kerajaan negeri pada setiap standco perlu dilakukan secara tender terbuka atau sebut harga. Dengan cara ini bukan sahaja kita dapat elak rasuah dan pegawai kerajaan tidak menyeleweng malah kita pastikan rakyat dapat nilai sebenar wang (*value for money*).

Bahkan kita sentiasa bekerjasama dengan SPRM dan pihak polis sendiri untuk memastikan tatakelola yang baik ini berterusan. Kerajaan negeri juga berhasrat untuk menjalin hubungan kerja yang erat dengan pihak Transparency International (TI) dalam usaha menambahbaik proses pengisyiharan harta yang telah diusahakan sebelum ini.

Selain daripada itu, sejak awal Pakatan Rakyat mentadbir Selangor, Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan atau SELCAT telah ditubuhkan. Tujuan SELCAT antara lain adalah untuk mengesan sebarang penyelewengan kerajaan pada masa dahulu dan masa kini. Tiada seorang pun, termasuk ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) terkecuali dari disiasat oleh SELCAT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: LESEN PERNIAGAAN TERHADAP KLIA, LCCT, KLIA2 DAN PEMILIK-
PEMILIK KONSESI TOL LEBUHRAYA**

196. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan akan mengenakan cukai pintu dan lesen perniagaan terhadap premis perniagaan dan tred yang dijalankan di KLIA, LCCT, KLIA2 dan pemilik-pemilik konsesi tol lebuhraya?
- b) Jika ya, mengapakah ini tidak dilakukan pada masa dahulu dan hanya dilakukan pada masa sekarang?

JAWAPAN :

- a) Pihak MPSepang telah melesenkan premis-premis bagi aktiviti perniagaan dan tred bermula pada tahun 1998. Walau bagaimanapun, pihak MPSepang tidak mengeluarkan sebarang lesen bagi konsesi tol lebuhraya.

Pihak Majlis telah mengenakan cukai taksiran ke atas semua bangunan – bangunan di dalam kawasan 10km x 10km KLIA Sepang iaitu sebanyak 28 unit.

Bagi bangunan – bangunan milik Kerajaan Persekutuan juga turut dikenakan caruman membantu kadar (CMK). Jumlah CMK yang disumbang Kerajaan Persekutuan sebanyak RM511,896.67 untuk 7 unit bangunan.

Manakala, 4 unit bangunan – bangunan milik pemegang konsesi lebuhraya juga telah dikenakan cukai bagi taksiran. Jumlah keseluruhan kenaan cukai bagi KLIA dan pemegang konsesi lebuhraya adalah sebanyak RM11,278,823.01 setahun.

- b) Cukai pintu dan lesen perniagaan telah dikuatkuasakan oleh MPSepang di KLIA, LCCT, KLIA2 sejak bangunan – bangunan ini siap dibina dan mendapat CFO mengikut peraturan/ undang – undang sedia ada. Cukai taksiran dan lesen perniagaan telah mula dikenakan di KLIA sejak 1998 dan seterusnya berperingkat – peringkat mengikut tarikh bangunan – bangunan ini siap dan operasi perniagaan dimulakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)**

TAJUK: PERUNTUKAN OLEH KERAJAAN NEGERI

197. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk mencuci parit mengikut susunan tahun dari 2008 sehingga bulan Mac, 2013 di kawasan DUN Teluk Datuk, Sijangkang dan Morib?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk menurap Jalan Kampung mengikut susunan tahun dari 2008 sehingga bulan Mac, 2013 di kawasan DUN Teluk Datuk, Sijangkang dan Morib?

JAWAPAN :

- a) Bagi tahun 2009 hingga 2012, Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah RM71,414,950.98 bagi melaksanakan 2,643 projek infrastruktur kecil di luar bandar .

Daripada jumlah ini, sejumlah **1,140** buah projek telah dilaksanakan bagi tujuan membina dan menaiktaraf jalan luar bandar dengan jumlah keseluruhan sebanyak **RM 28,808,087.93**. Perincian pelaksanaan bilangan projek membina dan menaiktaraf jalan luar bandar mengikut tahun dan daerah adalah seperti **JADUAL 1** di bawah:

JADUAL 1:
Perincian Peruntukan Membina dan Menaiktaraf Jalan Luarbandar Mengikut
Tahun dan Daerah di Negeri Selangor

Bil	Daerah	Tahun				Jumlah
		2009	2010	2011	2012	
1.	Petaling	375,000.00	408,710.00	709,000.00	2,293,550.00	3,786,260.00
2.	Klang	338,000.00	743,644.50	627,849.00	3,991,691.60	5,701,185.10
3.	Gombak	130,000.00	801,000.00	310,000.00	886,337.96	2,127,337.96
4.	Hulu Langat	230,353.50	343,056.00	288,989.27	2,256,400.00	3,118,798.77
5.	Sepang	160,000.00	411,500.00	427,300.00	1,173,200.00	2,172,000.00
6.	Kuala Langat	100,000.00	510,000.00	395,000.00	715,900.00	1,720,900.00
7.	Kuala Selangor	210,000.00	451,189.70	706,353.55	2,240,585.00	3,608,128.25
8.	Hulu Selangor	40,000.00	500,000.00	424,000.00	821,759.35	1,785,759.35
9.	Sabak Bernam	258,680.00	971,556.00	964,535.00	2,592,947.50	4,787,718.50
Jumlah		1,842,033.50	5,140,656.20	4,853,026.82	16,972,371.41	28,808,087.93

- b) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bersedia untuk memacu pertumbuhan ekonomi ke arah tahap yang lebih tinggi setiap tahun. Bagi meningkatkan lagi pertumbuhan dan pembangunan kawasan bandar dan luar bandar, Kerajaan Negeri telahpun menyusun pelbagai perancangan dan strategi dalam melestarikan aspek pembangunan yang terbaik. Pelbagai usaha pembangunan khususnya bagi pembangunan luar bandar antaranya dalam membina dan menaiktaraf kemudahan kalan luarbandar akan terus dilaksanakan demi menjamin pembangunan yang seimbang di kawasan bandar dan luar bandar.

Dalam hal ini lazimnya, Kerajaan Negeri tidak menyediakan sejumlah peruntukan khusus bagi tujuan membina serta menaiktaraf kemudahan jalan luar bandar kepada setiap daerah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan tahunan secara menyeluruh kepada semua sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Melalui peruntukan ini, permohonan boleh dikemukakan oleh Pejabat Daerah kepada pihak Kerajaan Negeri berdasarkan keperluan dan juga tahap kritikal sesuatu kawasan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

198. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan jumlah kutipan Zakat Negeri Selangor sejak 5 tahun yang lalu.
- b) Sila nyatakan secara perbandingan jumlah kutipan Zakat Negeri Selangor dengan Negeri-negeri yang lain sejak 5 tahun yang lalu.
- c) Sila nyatakan berapakah jumlah asnaf yang layak menerima bantuan Zakat daripada Lembaga Zakat Negeri sejak 5 tahun yang lalu dan nyatakan kriteria yang ditetapkan ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kutipan zakat di Negeri Selangor sejak 5 tahun yang lalu (2008-2012) adalah seperti berikut:

Jumlah Kutipan Zakat di Negeri Selangor untuk Tempoh Lima Tahun

Tahun	Jumlah (RM)
2008	244,472,884
2009	283,787,046
2010	336,674,526
2011	394,103,904
*2012	451,325,027

**Nota: Data belum audit*

b)

Perbandingan Kutipan Zakat Mengikut Negeri-Negeri Untuk Tempoh Lima Tahun

Negeri	*2012	2011	2010	2009	2008
Selangor	451,325,027.00	394,103,904.00	336,934,522.00	283,648,722.00	244,409,628.00
Wilayah Persekutuan	410,382,592.88	348,882,925.85	282,676,073.93	248,803,798.22	211,364,697.68
Johor	171,939,397.69	137,469,741.18	122,336,032.00	109,231,254.93	100,373,539.79
Pahang	102875834.89	82689384.43	80,874,869.71	71,868,302.65	57,935,146.89
Kedah	106,471,950.65	106,084,292.22	76,497,139.51	67,578,342.14	53,202,300.24
Terengganu	107,076,267.25	88,274,932.37	76,447,878.23	73,524,193.31	66,200,415.14
Kelantan	113,164,244.70	94,083,475.87	70,373,328.79	66,522,450.31	58,167,095.10
Perak	Tiada maklumat diperolehi	86,113,585.24	69,639,500.87	67,189,291.45	56,962,446.06
Pulau Pinang	58,210,589.91	49,237,537.61	53,239,132.91	47,952,153.34	41,764,273.00
Negeri Sembilan	61,367,843.87	54,021,712.78	50,201,121.23	42,275,136.39	37,409,710.68
Sarawak	Tiada maklumat diperolehi	44,126,087.93	39,143,055.60	36,915,094.91	36,099,969.34
Perlis	78,912,426.00	62,314,430.00	38,091,506.00	25,253,015.10	23,134,583.00
Melaka	43,512,071.67	37,930,357.61	34,011,770.13	30,721,955.12	26,905,934.29
Sabah	Tiada maklumat diperolehi	33,891,152.97	32,856,749.96	25,388,088.73	23,799,155.06

**Nota: Data belum audit*

- c) Bilangan asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan zakat dari Lembaga Zakat Selangor (LZS) sejak 5 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

Bilangan Asnaf Fakir dan Miskin untuk Tempoh Lima Tahun

Tahun	Bil. Asnaf (Keluarga)
2008	18,635
2009	21,621
2010	23,488
2011	21,630
2012	26,069

Kriteria penilaian asnaf fakir dan miskin yang diguna pakai oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) adalah berdasarkan kepada Fatwa Sistem Pengurusan Agihan Zakat Negeri Selangor. Kriteria asnaf fakir dan miskin adalah seperti berikut:

Kriteria Asnaf Fakir

1. Beragama Islam dan menetap di Negeri Selangor.
2. Mempunyai pekerjaan yang tidak halal dan berusaha mencari pekerjaan yang halal.
3. Ada pekerjaan atau pendapatan tetapi tidak mencapai 50 peratus had kifayah.
4. Hilang keupayaan diri untuk bekerja dan menyara kehidupan diri dan/atau tanggungannya.
5. Wanita atau anak-anak yang hilang tempat bergantung atau teraniaya¹.
6. Tua/uzur/sebatang kara/cacat dan tiada upaya untuk menyara hidup.

¹ Contoh:

- i. Ditinggalkan suami tanpa cerai.
- ii. Suami masuk penjara/pusat serenti.
- iii. Menunggu keputusan penceraian dari Mahkamah Syariah.
- iv. Suami ghaib tanpa memberi nafkah.
- v. Suami tidak bertanggungjawab pada nafkah.
- vi. Suami meninggal dunia, sementara menunggu keputusan Amanah Raya.
- vii. Diceraikan suami atau tidak menerima nafkah.

7. Sakit kronik yang memerlukan kos perubatan yang tinggi atau sakit kronik yang berpanjangan.
8. Cacat atau sakit kronik yang berupaya menyara hidup tetapi tidak mencukupi separuh had kifayah.
9. Mendapat bantuan daripada mana-mana pihak tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan diri dan tanggungan.

Kriteria Asnaf Miskin

1. Beragama Islam dan menetap di Negeri Selangor.
2. Ada harta tetapi hasil tidak mencukupi.
3. Mempunyai harta atau pendapatan halal boleh menampung 50 peratus untuk keperluan diri atau keperluan diri dan tanggungan.
4. Mendapat bantuan daripada mana-mana pihak tetapi tidak mencukupi had kifayah.
5. Wanita atau anak-anak yang hilang tempat bergantung atau teraniaya.²
6. Cacat atau sakit kronik yang berupaya menyara hidup tetapi tidak mencukupi had kifayah.
7. Ada harta yang boleh menampung keperluan asasi dan boleh dimanfaatkan tetapi tidak mencukupi.

Namun begitu, selain dua asnaf yang disebutkan di atas, terdapat enam lagi asnaf yang sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran layak menerima bantuan zakat iaitu mualaf, amil, fisabilillah, gharimin, riqab dan ibnu sabil.

² Contoh:

- i. Ditinggalkan suami tanpa cerai.
- ii. Suami masuk penjara/pusat serenti.
- iii. Menunggu keputusan perceraian dari Mahkamah Syariah.
- iv. Suami ghaib tanpa memberi nafkah.
- v. Suami tidak bertanggungjawab pada nafkah.
- vi. Suami meninggal dunia, sementara menunggu keputusan Amanah Raya.
- vii. Diceraikan suami atau tidak menerima nafkah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK: PELARIAN WARGA MYANMAR DI SELANGOR

199. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam menangani pelarian warga Myanmar yang pegang kad UN tinggal di Selangor?
 - Apakah yang patut Kerajaan Negeri buat untuk menangani kadar populasi pelarian warga Myanmar yang semakin meningkat, terutamanya di DUN Teratai?
 - Berapakah bilangan pelarian warga Myanmar yang pegang kad UN tinggal di DUN Teratai sehingga bulan Mei 2013?

JAWAPAN :

- Isu pelarian warga Myanmar di Selangor adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Pelarian warga Myanmar yang memegang kad UN adalah di bawah penyeiliaan UNHCR yang juga merupakan agensi pelarian UN. UNHCR berperanan melindungi hak pelarian, menggalakkan kesejahteraan mereka dan membantu dalam penyelesaian jangka lama.
- Isu pelarian warga Myanmar di Selangor adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kaedah penyelesaian jangka lama di bawah UNHCR adalah:-
 - Penghantaran pulang secara sukarela
 - Integrasi tempatan
 - penempatan semula

Sebarang aduan bolehlah disalurkan terus kepada wakil UNHCR di Malaysia seperti berikut:-

Alamat	:	570, Jalan Bukit Petaling, P.O. Box 10185 50706 Kuala Lumpur
Telefon	:	03-2118 4800
Faks	:	03-2118 4800
E-mel	:	mlslu@unhcr.org

- c) Berpandukan maklumat yang diperolehi daripada UNCHR, dianggarkan seramai 27,706 warga pelarian Myanmar yang berada di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK: RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA 2

200. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- Apakah tindakan dan jangka masa yang diambil untuk membetulkan Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2 ?
 - Apakah implikasi kepada pemilik tanah yang terlibat dalam pembetulan?
 - Apakah implikasi kewangan kepada kerajaan?

JAWAPAN :

- Majlis sedang menjalankan proses pengubahan terhadap laporan Rancangan Tempatan 2 (RTPJ2) yang telah diluluskan oleh MMKN pada 11 Ogos 2010. Cadangan pengubahan ini dikenali sebagai RTPJ2 pengubahan (1), telah dibincangkan di peringkat Majlis dan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk kebenaran bagi menjalankan proses pengubahan di bawah Akta 172.
- Selepas pindaan diwartakan, pemilik tanah boleh mengemukakan permohonan untuk Kebenaran Merancang bagi mengemukakan cadangan pembangunan mengikut piawaian perancangan yang telah ditetapkan.
- Tiada implikasi kepada kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PROJEK LANGAT 2

201. Projek loji rawatan air Langat 2 masih tertangguh walaupun kerajaan negeri beberapa kali menyatakan komitmen penyelesaian.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek?
- b) Adakah kerajaan negeri menetapkan tempoh akhir penyelesaian?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor masih kekal berpendirian bahawa penyelesaian isu Skim LRA 2 perlu dilihat bersekali dengan memuktamadkan segera penstruktur semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor berdasarkan kepada Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mencapai kadar tarif yang munasabah. Persetujuan dan kelulusan arahan pembangunan akan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi Projek Langat 2 setelah penstruktur semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor di bawah Model Holistik dimuktamadkan.
- b) Persetujuan dan kelulusan arahan pembangunan akan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi Projek Langat 2 setelah penstruktur semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor di bawah Model Holistik dimuktamadkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK: DENDA LEWAT NOTIS E

202. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Adakah pengecualian denda lewat bagi setiap Notis E yang dikeluarkan kepada pemilik pegangan yang dikenakan cukai taksiran kurang daripada RM100.00 setahun oleh Kerajaan Negeri digunakan oleh semua PBT?
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat memberikan kuasa kepada PBT untuk menentukan denda lewat Notis E. Jika tidak, nyatakan sebab?

JAWAPAN :

- a) dan b)

Majlis Daerah Hulu Selangor tidak maklum akan dasar ini. Oleh itu, Majlis Daerah Hulu Selangor tidak melaksanakannya.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: STATUS PENYELENGGARAAN KERUNTUHAN JAMBATAN BERTINGKAT PERSIMPANGAN DI PUSAT SAINS SELANGOR 2, CYBERJAYA

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status kerja - kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh PKNS untuk memperbaiki keruntuhan jambatan persimpangan bertingkat di Pusat Sains Selangor 2, Cyberjaya yang menghala ke Lebuh Raya Elit ?

JAWAPAN:

- a) Status kerja-kerja pembaikan yang dijalankan oleh PKNS untuk memperbaiki jambatan bertingkat yang telah runtuhan di persimpangan SSP2 Cyberjaya pada 28 Februari 2013.
- 1) Kerja-kerja yang telah dijalankan selepas kejadian jambatan runtuhan adalah pembersihan kawasan kejadian telah siap dilaksanakan pada 19 Mac 2013 meliputi:
 - i. Kerja-kerja mengeluarkan sisa struktur/bahan binaan
 - ii. Mengalihkan sementara perkhidmatan sedia ada iaitu bekalan air, kerja-kerja elektrikal dan telekom agar tiada gangguan ke atas para pengguna
 - 2) Menutup kawasan kejadian dari pihak umum dengan mendirikan *hoarding*.
 - 3) Menyediakan laluan lencongan trafik
 - 4) Melantik perunding bebas bagi menyiasat punca kejadian secara bersama oleh PKNS dan PLUS dengan kerjasama pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia dan UPEN.

Sehingga kini, perlantikan perunding adalah diperingkat akhir dan kerja-kerja dijangka bermula pada akhir Jun 2013 dengan tempoh siasatan selama 13 minggu. Hasil siasatan ini juga akan digunakan untuk mengkaji kestabilan keseluruhan struktur jambatan sediaada disamping membantu menentukan kaedah terbaik untuk pembinaan semula struktur jambatan baru. Pada masa yang sama, dokumen tender pembinaan jambatan baru turut disediakan dan dalam peringkat penyediaan deraf terakhir.

Cadangan jadual perancangan kerja untuk membina semula jambatan yang runtuh di SSP2 Cyberjaya adalah seperti berikut:

Bil	Bulan	Perkara
1	Jun – Sep 2013	Siasatan, penemuan dan pembentangan oleh perunding bebas yang dilantik
2	Okt 2013	Urusan panggilan tender
3	Nov 2013	Kerja pembinaan dimulakan (tempoh pembinaan selama 8 bulan)

Sementara itu, untuk kerja-kerja penyelenggaraan di tapak telah dijalankan untuk memastikan kawasan berkenaan selamat dan bersih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK: BENTENG SUNGAI PENCHALA

204. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Apakah peruntukan JPS untuk memperbaiki benteng Sungai Penchala (Pangsapuri Bistari) yang telah runtuh lama?
- b) Mengapa projek ini masih belum ditenderkan?
- c) Bilakah projek ini akan disiapkan?

JAWAPAN :

- a) Projek bagi memperbaiki benteng Sungai Penchala (Pangsapuri Bistari) akan dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan caruman parit yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Iklan untuk tender projek memperbaiki benteng Sungai Penchala ini telah disiarkan pada 4hb April 2013 manakala tarikh tutup adalah pada 2 Mei 2013.
- c) Status terkini bagi projek ini adalah dalam proses penilaian tender. Projek ini dijangka akan disiapkan dalam tempoh 18 bulan selepas tarikh mula kerja dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: SAHAM AIR SELANGOR

205. Manifesto PRU-13 Pakatan ada menyatakan rancangan rakyat Selangor memiliki Saham Air Selangor

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rasional dan kaedah pelaksanaan saham ini?
- b) Apakah faedah kepada pemilik saham?
- c) Adakah skim ini menepati peruntukan akta-akta sedia ada?

JAWAPAN :

- a) (jawapan ini juga menjawab soalan (Saham Air untuk Rayat) oleh YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Klang)

Dengan mengambil kira mandat yang diberikan oleh rakyat Negeri Selangor dan dalam usaha untuk merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor untuk kepentingan rakyat Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor telah merancang sekiranya penstrukturkan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor dimuktamadkan, rakyat Negeri Selangor yang juga merupakan pengguna perkhidmatan air akan diberikan pegangan saham di dalam SPV Air yang ditubuhkan.

Pemberian saham tersebut adalah untuk memberi peluang kepada semua rakyat untuk turut mempunyai suara di dalam memberikan pandangan dan penambahbaikan dalam industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

Langkah sedemikian rupa boleh memberi kesan kepada budaya rakyat dalam mengamalkan sikap bertanggung jawab terhadap aset dan perkhidmatan air dan sekaligus memupuk rasa tanggung jawab untuk tidak membazir kepada sumber air sedia ada serta semangat cintakan alam sekitar di mana rakyat akan menjadi lebih bertanggung jawab dalam menjaga kebersihan sungai-sungai yang merupakan sebahagian dari sumber air mereka.

Namun demikian, nilai dan mekanisme pemberian saham air kepada rakyat akan diperhalusi setelah penstrukturkan semula dimuktamadkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)

TAJUK: PERKHIDMATAN “FEEDER BUS” DI STESEN LRT

206. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan adakah syarat untuk memberi perkhidmatan “Feeder Bus” dimasukkan ke Kebenaran Merancang (KM) bagi stesen LRT.
- c) Apakah langkah-langkah negeri untuk memastikan Syarikat Prasarana akan memberi perkhidmatan “Feeder Bus” di setiap stesen LRT?

JAWAPAN :

- a) Tiada sebarang syarat yang digariskan agar perkhidmatan memberi “Feeder Bus” dimasukkan ke Kebenaran Merancang (KM) bagi stesen LRT kerana pihak Prasarana dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah mengambil kira keperluan untuk menyediakan perkhidmatan perantaraan “Feeder Bus” dan teksi antara stesen LRT.

Walau bagaimanapun, laluan awal perkhidmatan perantaraan untuk setiap stesen telah dikaji dan dikenalpasti. Laluan awal ini akan dikemaskini sebelum perkhidmatan LRT bermula untuk mengambil kira pembangunan terkini.

- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Selangor telah diarah bagi menyediakan Pelan Rancangan Bersepadu Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Justeru itu, pihak JPBD juga telah diminta untuk menyelaras perkhidmatan “Feeder Bus” yang terletak di bawah bidang kuasa pihak SPAD dan MOT. Pihak Prasarana juga telah menyatakan komitmen penuh kepada pihak SPAD dan MOT untuk menyediakan perkhidmatan “Feeder Bus” di setiap stesen LRT.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : GERAN SELANGORKU

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah projek infrastruktur di bawah Geran Selangorku yang telah dilaksanakan sehingga kini. Sila nyatakan jumlah projek yang telah diluluskan dan dilaksanakan di dalam kawasan Balakong disertakan dengan nilainya.

JAWAPAN :

- a) Setakat Jun 2013, sebanyak RM32,848,040 telah dibelanjakan bagi projek-projek Infrastruktur di bawah Geran Selangorku.

ANALISA DUN: STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR & INFRASTRUKTUR SUKAN (LULUS / KIV) GERAN SELANGORKU

N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR			Perbelanjaan			INFRA SUKAN			Perbelanjaan		
			Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutuharga		Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutuharga	

DISUSUN MENGIKUT TURUTAN KOD DUN (N)

1 PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Air Tawar
2 PTD Hulu Sabak Bernam	Sabak Bernam
3 PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Panjang
4 PTD Hulu Sabak Bernam	Sekinchan
5 PTD Hulu Selangor	Hulu Bernam
6 PTD Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu
7 PTD Hulu Selangor	Batang Kali
8 PTD Kuala Selangor	Sungai Burong
9 PTD Kuala Selangor	Permatang
10 PTD Kuala Selangor	Bukit Malawati
11 PTD Kuala Selangor	Ijok
12 PTD Kuala Selangor	Jeram
PTD Kuala Selangor	Jeram & Ijok
13 PTD Gombak	Kuang
14 PTD Gombak	Rawang
15 PTD Gombak	Taman Templer
16 PTD Gombak	Batu Caves
17 PTD Gombak	Gombak Setia
18 PTD Gombak	Hulu Kelang
19 PTD Gombak	Bukit Antarabangsa
20 PTD Hulu Langat	Lembah Jaya
21 PTD Gombak	Cempaka
22 PTD Gombak	Teratai
23 PTD Hulu Langat	Dusun Tua
24 PTD Hulu Langat	Semenyih
25 PTD Hulu Langat	Kajang
26 PTD Hulu Langat	Bangi
27 PTD Hulu Langat	Balakong
28 PTD Petaling	Sri Kembangan
29 PTD Petaling	Sri Serdang
30 PTD Petaling	Kinrara
31 PTD Petaling	Subang Jaya
32 PTD Petaling	Sri Setia
33 PTD Petaling	Taman Medan
34 PTD Petaling	Bukit Gasing
35 PTD Petaling	Kampung Tunku
36 PTD Petaling	Damansara Utama
37 PTD Petaling	Bukit Lanjan
38 PTD Petaling	Paya Jaras
39 PTD Petaling	Kota Damansara
40 PTD Petaling	Kota Anggerik
41 PTD Petaling	Batu Tiga
42 PTD Petaling	Meru
43 PTD Klang	Sementa
44 PTD Klang	Sungai Pinang
45 PTD Klang	Selat Klang
46 PTD Klang	Pelabuhan Klang
47 PTD Klang	Pandamaran
48 PTD Klang	Kota Alam Shah
49 PTD Petaling	Sri Andalas
50 PTD Petaling	Sri Muda
51 PTD Kuala Langat	Sijangkang
52 PTD Kuala Langat	Telok Datok
53 PTD Kuala Langat	Morib
54 PTD Kuala Langat	Tanjung Sepat
55 PTD Sepang	Dengkil
56 PTD Sepang	Sungai Pelek

9	20	29	764,418	9	764,418	0	20	20	0	0	0	0	0	0
3	71	74	137,298	3	137,298	0	0	0	0	0	0	0	0	0
1	0	1	146,250	1	146,250	0	1	1	0	0	0	0	0	0
4	4	8	236,985	4	236,985	0	0	0	0	0	0	0	0	0
3	17	20	222,586	3	222,586	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2	21	23	366,715	2	366,715	0	2	2	0	0	0	0	0	0
1	34	35	0	0	80,000	1	9	10	175,721	1	175,721	1	175,721	1
3	20	23	160,098	3	160,098	1	2	3	197,302	1	197,302	1	197,302	1
11	2	13	1,100,260	11	1,100,260	1	3	4	184,179	1	184,179	1	184,179	1
5	1	6	737,430	5	737,430	1	0	1	160,200	1	160,200	1	160,200	1
10	1	11	828,519	10	828,519	1	15	16	180,546	1	180,546	1	180,546	1
8	31	39	938,332	8	938,332	1	6	7	188,430	1	188,430	1	188,430	1
1	0	1	42,861	1	42,861	0	0	0	0	0	0	0	0	0
3	0	3	481,789	3	481,789	1	0	1	198,058	1	198,058	1	198,058	1
3	2	5	258,641	3	258,641	1	2	3	197,317	1	197,317	1	197,317	1
3	48	51	451,675	3	451,675	1	13	14	187,874	1	187,874	1	187,874	1
6	68	74	913,537	6	913,537	1	6	7	169,106	1	169,106	1	169,106	1
4	9	13	500,740	4	500,740	1	1	2	134,961	1	134,961	1	134,961	1
8	10	18	1,541,747	8	1,541,747	1	20	21	194,502	1	194,502	1	194,502	1
3	2	5	966,158	3	966,158	1	0	1	200,000	1	200,000	1	200,000	1
4	5	9	663,013	2	1,047,864	1	1	2	196,396	1	196,396	1	196,396	1
2	11	13	422,167	2	422,167	1	2	3	190,792	1	190,792	1	190,792	1
2	13	15	467,640	2	467,640	1	3	4	144,507	1	144,507	1	144,507	1
3	6	9	155,085	3	155,085	1	7	8	182,716	1	182,716	1	182,716	1
0	3	3	0	0	0	1	0	1	174,000	1	174,000	1	174,000	1
7	11	18	1,195,970	7	1,195,970	1	11	12	184,294	1	184,294	1	184,294	1
2	4	6	685,745	2	685,745	1	1	2	198,575	1	198,575	1	198,575	1
2	6	8	443,210	2	443,210	0	2	2	0	0	0	0	0	0
1	1	2	485,722	1	485,722	0	2	2	0	0	0	0	0	0
2	12	14	242,619	2	242,619	1	5	6	137,843	1	137,843	1	137,843	1
4	10	14	741,581	2	984,023	0	2	2	0	0	0	0	0	0
2	9	11	679,310	2	679,310	0	1	1	0	0	0	0	0	0
1	0	1	253,509	1	253,509	0	16	16	0	0	0	0	0	0
4	6	10	630,361	4	630,361	0	0	0	0	0	0	0	0	0
0	0	0	0	0	0	0	7	7	0	0	0	0	0	0
1	4	5	411,470	1	411,470	0	0	0	0	0	0	0	0	0
0	0	0	0	0	0	1	2	3	168,041	1	168,041	1	168,041	1
3	0	3	186,586	3	186,586	1	2	3	167,820	1	167,820	1	167,820	1
2	3	5	432,546	2	432,546	1	4	5	151,836	1	151,836	1	151,836	1
3	5	8	879,084	3	879,084	1	2	3	154,727	1	154,727	1	154,727	1
1	7	8	225,474	1	225,474	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2	0	2	343,030	2	343,030	0	0	0	0	0	0	0	0	0
10	50	60	1,052,554	10	1,052,554	1	0	1	160,164	1	160,164	1	160,164	1
1	24	25	222,600	1	222,600	0	0	0	0	0	0	0	0	0
5	40	45	1,185,785	5	1,185,785	0	3	3	0	0	0	0	0	0
2	83	85	622,015	2	622,015	0	5	5	0	0	0	0	0	0
2	1	3	124,760	1	174,760	0	1	1	0	0	0	0	0	0
1	6	7	135,413	1	135,413	0	0	0	0	0	0	0	0	0
1	9	10	342,705	1	342,705	0	0	0	0	0	0	0	0	0
9	4	13	924,305	7	1,202,144	1	4	5	158,749	1	158,749	1	158,749	1
16	89	105	2,392,787	16	2,392,787	0	9	9	0	0	0	0	0	0
9	6	15	983,660	9	983,660	1	1	2	179,853	1	179,853	1	179,853	1
9	33	42	1,329,361	9	1,329,361	1	0	1	177,698	1	177,698	1	177,698	1
8	35	43	947,676	8	947,676	1	0	1	171,020	1	171,020	1	171,020	1
2	5	7	166,614	2	166,614	1	0	1	183,895	1	183,895	1	183,895	1
4	41	45	508,717	3	671,158	0	0	0	0	0	0	0	0	0
3	51	54	308,120	3	371,357	1	12	13	169,686	1	169,686	1	169,686	1

Manakala bagi DUN Balakong, 443,210 telah dibelanjakan bagi kerja-kerja Infrastruktur sepermulaan jadual di bawah:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : GERAI PERNIAGAAN

208. Gerai atau kiosk perniagaan penting sebagai tapak permulaan untuk usahawan baru bermiaga.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan bilangan gerai dan kiosk yang telah disediakan sejak 2008 hingga 2013 mengikut PBT?
- Apakah gerai / kiosk yang disediakan strategik untuk bermiaga?
- Berapakah caj sewa yang dikenakan?

JAWAPAN:

- Berikut adalah bilangan gerai dan kiosk yang telah disediakan sejak 2008 hingga 2013 mengikut PBT :

BIL	PBT	GERAI					
		2008	2009	2010	2011	2012	2013
1.	MBSA	-	12	-	-	-	-
2.	MBPJ	1286	1286	1286	1286	1286	1286
3.	MPK	-	-	-	-	-	-
4.	MPAJ	-	-	-	-	-	-
5.	MPSJ	380	380	380	426	426	430
6.	MPS	TIADA MAKLUMBALAS					
7.	MPKj	400	400	398	398	374	374
8.	MPSp	267	267	267	388	388	389
9.	MDHS	TIADA MAKLUMBALAS					
10.	MDKL	1124	1134	1169	1169	1185	1185
11.	MDKS	127	127	127	127	127	127
12.	MDSB	-	-	32	-	2	-
JUMLAH		3584	3606	3659	3794	3788	3791

BIL	PBT	KIOSK					
		2008	2009	2010	2011	2012	2013
1.	MBSA	-	-	-	26	-	-
2.	MBPJ	124	124	124	124	124	124
3.	MPK	-	-	-	-	-	-
4.	MPAJ	-	-	-	-	-	-
5.	MPSJ	276	276	276	268	268	268
6.	MPS	TIADA MAKLUMBALAS					
7.	MPKj	56	54	54	54	54	54
8.	MPSp	-	-	-	26	26	26
9.	MDHS	TIADA MAKLUMBALAS					
10.	MDKL	-	-	19	19	28	28
11.	MDKS	-	-	-	-	-	-
12.	MDSB	-	-	18	-	-	-
JUMLAH		456	454	491	517	500	500

- b) Gerai / kiosk yang Majlis sediakan adalah bagi tujuan penempatan penjaja-penjaja berselerak di sesuatu kawasan supaya lebih tersusun dan terkawal. Lokasi pembinaan kiosk adalah berdasarkan kajian yang mana lokasi tersebut adalah strategik dan menjadi tumpuan penjaja dan pengunjung di sesebuah kawasan. Walau bagaimanapun terdapat sebahagian penjaja yang lebih suka bermiaga di tempat yang tidak dibenarkan dan merbahaya berbanding bermiaga di gerai / kiosk walaupun ditawarkan untuk bermiaga di gerai / kiosk yang disediakan.

c) Kadar sewa gerai yang dikenakan oleh PBT adalah seperti berikut :

Bil	PBT	Kategori	Kadar Sewa Gerai (Ringgit)
1.	MBSA	Sewa Gerai	RM50.00/ sebulan
		Sewa Kiosk	RM50.00/ sebulan
2.	MBPJ	Gerai (ikut tempat)	RM95.00- RM300.00/
		Kiosk (ikut tempat)	RM30.00- RM 150.00/
3.	MPK	TIADA KAITAN	
4.	MPAJ	TIADA MAKLUM BALAS	
5.	MPSJ	Gerai UPEN	RM50.00 sebulan
		Gerai MPSJ	RM150.00 hingga RM250.00
		Peniaga makanan / minuman	RM30.00 / sesi / bulan
		Peniaga buah-buahan	RM100.00 / bulan
		Surat khabar / bunga	RM10.00 / sesi / bulan
6.	MPS	TIADA MAKLUM BALAS	
7.	MPKj	Gerai Medan Selera	RM150.00- RM600.00/ seunit
		Gerai UPEN	RM 50.00/ seunit
		Gerai PLB	RM 50.00/ seunit
8.	MPSp	Medan Selera/ Medan Niaga	RM150.00 – RM200 .00
		Gerai	RM40.00 - RM70.00
		Kedai PLB	RM20.00 - RM200.00
		Kiosk	RM60.00
9.	MDHS	TIADA MAKLUM BALAS	
10.	MDKL	Gerai/ Kiosk	RM 30.00- RM300.00/
11.	MDKS	Anggaran sewa dari RM 20.00 hingga RM 300.00	
12.	MDSB	Gerai (ikut tempat)	RM200.00/ sebulan
		Kiosk (ikut tempat)	RM30.00/ sebulan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: PETALING JAYA ELEVATED CITY

209. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangan terbaru projek pembangunan sebuah asrama pekerja yang boleh menampung sehingga 10,000 orang pekerja di Seksyen SS 8, Petaling Jaya di bawah projek Petaling Jaya Elevated City yang dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)?
- b) Bukankah lebih baik jikalau PKNS pada masa yang sama membangunkan kawasan perumahan mampu milik di tempat yang sama?

JAWAPAN :

a) dan b)

Pembangunan Perumahan Mampu Milik tidak dapat dipertimbangkan untuk kawasan ini berdasarkan faktor-faktor seperti kos tanah yang tinggi dan tapak cadangan terletak di dalam kawasan perindustrian. Selain itu, tapak ini juga telah dikategorikan untuk kegunaan 'Komersial'.

PKNS setakat ini telah membayar premium ke atas tanah tersebut berjumlah RM77,091,598.00. Manakala kos keseluruhan premium dan pampasan yang telah dibayar PKNS berjumlah RM160,091,598.00.

Western Digital kini sedang dalam proses memusatkan operasi mereka di Malaysia dan ini dizahirkan dengan pelaburan awalan berjumlah RM50 juta dan juga pembinaan kompleks asrama pekerja mereka yang dianggarkan bernilai RM165 juta.

Projek ini memenuhi keperluan "Workers Accommodation: Processes and Standards" yang ditetapkan International Finance Corporation dan European Bank untuk pembinaan semula dan pembangunan.

Dengan standard antarabangsa pembinaan projek ini, ia akan menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di kawasan ini dan mencipta peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) bersyarat diberikan kepada tapak cadangan Fasa Pembinaan Bangunan Asrama atau Pangsapuri Servis telah diterima pada 13 Mac 2013.

Kerja membersihkan tapak telah mula dilaksanakan dan jangkaan pembinaan bermula melibatkan kerja menanam cerucuk pada bulan September 2013 dan jangkaan blok pertama projek akan siap dilaksanakan pada akhir tahun 2015 bergantung kepada penyelesaian masalah perjanjian sewabeli tanah dengan pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Objektif utama pembangunan ini adalah untuk memudahkan pelabur membuat *reinvestment* dan menjana pembangunan ekonomi (*economic development*) serta mencipta peluang pekerjaan. PKNS amat menyokong objektif itu dengan membina asrama pekerja-pekerja kilang di kawasan SS8, Petaling Jaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK: AGENDA WANITA MALAYSIA DI PERINGKAT NEGERI

210. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah melaksanakan Agenda Wanita Malaysia yang mana di bawah bidang kuasa Negeri dan bagaimana dengan perancangan tahun 2014 di DUN Teratai?
- b) Berapakah peruntukan 2013 yang telah diagihkan untuk melaksanakan Agenda Wanita Malaysia, di peringkat negeri dan di peringkat DUN Teratai?

JAWAPAN :

- a) Agenda Wanita Malaysia adalah agenda Pakatan Rakyat yang akan dilaksanakan apabila Pakatan Rakyat mentadbir kerajaan persekutuan Malaysia di Putrajaya. Ia mengandungi beberapa fokus yang sedia diimplementasikan oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Kerajaan Negeri Selangor ketika pentadbiran Pakatan Rakyat pada penggal yang lalu. Fokus-fokus tersebut ialah penubuhan Pusat Wanita Berdaya di seluruh negeri Selangor, skim mikrokredit membantu usahawan-usahawan kecil wanita, penjagaan kesihatan menerusi Skim Kesihatan Wanita dan usaha-usaha advokasi dalam kesihatan mental dan reproduktif serta pembangunan semula Pusat Krisis Sehenti (OSCC) dan usaha-usaha advokasi mengenai hak, undang-undang dan keselamatan wanita.

Banyak lagi usaha-usaha sedia ada Kerajaan Negeri Selangor di bawah kendalian program-program MES (Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor) dan portfolio-portfolio lain seperti Jawatankuasa Tetap Kebajikan yang seiring dengan Agenda Wanita Malaysia.

Di antara program-program yang telah dan akan berterusan dilaksanakan ialah Tawas, Tunas, SiKembar, Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang, Program Tuisyen Rakyat, penubuhan pusat-pusat dialisis, advokasi gender dan bajet peka gender, SKIMSEL, MIMBAR, WALA, skim bantuan kemudahan pembelian rumah pertama, dan lain-lain lagi.

Kesemua skim-skim Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk dinikmati oleh rakyat secara langsung. Rakyat di DUN Teratai seperti juga DUN-DUN yang lain akan berfungsi untuk terus menyebarluaskan segala skim kerajaan negeri kepada rakyat.

- b) Tiada apa-apa peruntukan diberikan untuk melaksanakan Agenda Wanita Malaysia di peringkat negeri atau DUN Teratai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : AKHBAR SELANGOR TIMES

211. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah peranan utama Akhbar tersebut ?
- b) Sila perjelaskan apakah punca utama penerbitan Akhbar tersebut diberhentikan ?
- c) Sila nyatakan secara *detail* apakah tindakan yang bakal dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu penerbitan semula Akhbar tersebut dalam bentuk dan format yang sama ?

JAWAPAN:

- a) Peranan Selangor Times sama seperti peranan Selangorkini iaitu menyebarkan maklumat yang betul kepada rakyat di negeri Selangor. Bezanya hanyalah akhbar ini berbahasa Inggeris dan disasarkan kepada penduduk di kawasan bandar.
- b) Untuk makluman dewan, pengeluaran akhbar Selangor Times merupakan usaha yang dibuat oleh Koridor Mesra Sdn. Bhd dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat dan bukan berasaskan keuntungan. Kerajaan negeri tidak mengeluarkan wang perpendaharaan negeri untuk keluaran atau percetakan akhbar Selangor Times. Ianya 100% usaha komersial pihak berkenaan. Operasi Selangor Times adalah melalui sumbangan dari penderma dan jualan iklan oleh syarikat-syarikat. Namun dua bulan sebelum PRU-13, pihak Koridor Mesra Sdn. Bhd. Telah memaklumkan kepada Pejabat Menteri Besar bahawa mereka tidak mempunyai dana yang cukup dan terpaksa memberhentikan pengeluaran akhbar Selangor Times. Kerajaan Negeri tiada halangan di atas keputusan tersebut.
- c) Buat masa ini, pihak kerajaan berhasrat untuk memberi tanggungjawab kepada anak syarikat negeri, Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) untuk menerbitkan akhbar berbahasa Inggeris untuk Selangor kerana ianya lebih efektif dari sudut kos dan pengurusan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)

TAJUK: JENAYAH DAN KESELAMATAN AWAM

212. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk meneruskan usaha untuk menubuhkan unit polis bantuan?
- b) Apakah langkah kerajaan negeri ke arah pemutihan komuniti berpagar yang menutup beberapa jalan untuk tujuan keselamatan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri belum bercadang untuk meneruskan usaha menubuhkan unit polis bantuan memandangkan permohonan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan polis bantuan ditolak oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri melalui PBT di Selangor sering mengadakan kerjasama bersama PDRM dalam memastikan keselamatan awam terpelihara.
- b) Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 2/2011 yang bersidang pada 19 Julai 2011 telah membuat keputusan supaya semua PBT di Negeri Selangor menggunakan Garis Panduan Konsep Skim Komuniti Berpagar ('Gated Community') dan Skim Perumahan Berpengawal ('Guarded Community') yang disediakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Walaupun secara dasarnya garis panduan ini telah menetapkan bilangan persetujuan penduduk seramai 75%, namun pelaksanaannya yang "**mendirikan (sebarang bentuk) halangan kepada jalan-jalan awam**" masih lagi bertentangan dari aspek perundungan berdasarkan Seksyen 136(2) dan Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 46, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Seksyen 80, Akta Pengangkutan Jalan 1987 serta Seksyen 26 Jadual G, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966.

Dalam hal ini, garis panduan yang disediakan oleh LPHS mengambil kira semua pertimbangan tersebut termasuk pertimbangan pelanggaran perundungan sedia ada di tahap yang minimum sebagai panduan kepada PBT di Negeri Selangor dalam meluluskan Skim Pembangunan "Guarded Community" mahupun Skim Pembangunan "Gated Community".

Oleh yang demikian, sebarang ketidakpatuhan terhadap Garis Panduan yang telah disediakan ini, PBT berhak untuk mengambil sebarang langkah penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri berpandangan, kaedah rundingan antara persatuan penduduk yang bersetuju dan yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan ini bersama-sama PBT merupakan kaedah yang terbaik dalam menyelesaikan permasalahan ini yang mana akhirnya satu keputusan menang-menang tanpa mengkompromi aspek keselamatan dapat dihasilkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)

TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK

213. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila menyatakan lokasi rumah mampu milik yang telah dirancang dan akan dibina oleh Kerajaan Negeri mengikut susunan tahun ia dibina, jumlah unit, keluasan dan harga mengikut Daerah masing-masing di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Y.B, Kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) telah merancang serta mensasarkan pembinaan rumah mampu milik sebanyak 11,356 unit menjelang tahun 2021. Pembinaan rumah mampu milik ini akan dibina secara berfasa iaitu Fasa 1 akan dibina dalam tahun 2010 hingga 2013 adalah sebanyak 1,775 unit manakala Fasa 2 sebanyak 9,581 unit yang akan dibina dalam tahun 2014 hingga 2021. Pecahan perincian projek mengikut tahun dan jenis rumah adalah seperti berikut :
- b)
i) Fasa 1 (2010 – 2013)

Daerah	Projek	Unit
Petaling	Seksyen U12, Shah Alam	104
	Sutera Damansara, Sg Buloh	236
Gombak	Kg Seri Temenggung	418
	Seksyen 5, Kota Puteri	198
Klang	Jalan Md Sidin	210
Hulu Selangor	Antara Gapi	129
Sabak Bernam	Pusat Rehat & Rawat Ladang Air Manis	480
Jumlah		1,775

ii) Fasa 2 (2014 – 2021)

Daerah	Projek	Unit
Petaling	Seksyen U10, Shah Alam	600
	Seksyen U12	850
Gombak	Kota Puteri	1,064
Sepang	Selangor Science Park 2	840
Hulu Selangor	Antara Gapi	1,227
	Bernam Jaya	5,000
Jumlah		9,581

Untuk makluman Y.B juga, secara umumnya harga jualan rumah mampu milik yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada masa ini adalah dalam lingkungan RM85,000.00 hingga RM150,000.00 seunit untuk keluasan di antara 850 kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: PERBELANJAAN WIFI PERCUMA

214. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan ke atas Wifi percuma yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor setakat ini?

JAWAPAN

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma ini bermula pada tahun 2010 secara berperingkat. Jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan mengikut syarikat yang terlibat adalah seperti jadual berikut.

Tahun 2010 - 2012				
Bil	Lokasi	Kos Setahun	Kos Keseluruhan	Syarikat yang Terlibat
1	Dataran Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
2	Kompleks PKNS Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
3	Seksyen 2 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
4	Seksyen 3 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
5	Seksyen 9 Shah Alam	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
6	Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor	RM 18,000.00	RM 54,000.00	JARING Communications Sdn Bhd
Tahun 2012				
7	112 Lokasi (56 DUN x 2 Lokasi)		RM 248,741.67 (9.05% drpd 2,747,959.86)	Extol Corporation (M) Sdn Bhd
	Jumlah Kos Keseluruhan		RM 572,741.67	

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHRU)

TAJUK: BANJIR KILAT

215. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku di sesuatu kawasan tertentu?
- b) Apakah bantuan bencana diberikan kepada mangsa-mangsa yang kerap kali dilanda oleh banjir kilat. Jika tidak, nyatakan sebab?

JAWAPAN :

- a) Cadangan langkah-langkah MDHS bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku dengan :
 - i) Memperbaiki sistem saliran yang sedia ada di kawasan serta membina kolam takungan air sementara yang dengan longkang saiz yang mencukupi sebelum mengalir keluar ke parit/sungai utama.
 - ii) Menaiktaraf longkang sedia ada dan melakukan kerja-kerja pembersihan longkang dengan lebih kerap dan sistematik.
- b) Pihak Majlis bersedia memberikan bantuan berupa tenaga kerja dan peralatan bagi membantu mangsa-mangsa banjir melakukan kerja-kerja pemindahan ke lokasi selamat dan pembersihan kawasan yang terlibat dengan kelodak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK: PENGURUSAN TRAFIK DI LEMBAH KLANG

216. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Apakah usaha-usaha dan rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu meringankan kesesakan jalan raya di Lembah Klang?

JAWAPAN :

- a) Pelbagai usaha yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi membantu meringankan masalah kesesakan jalan raya di Lembah Klang. Antara usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah dengan memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor yang memberi tumpuan khas kepada enam (6) teras pembangunan yang akan dilaksanakan termasuk memperluaskan sistem pengangkutan awam.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dalam menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) yang bertujuan bagi menyelaras perancangan pengangkutan awam secara bersepadu dengan melibatkan pengintegrasian antara mod pengangkutan (teksi, bas, rel, dan udara).

Pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Selangor juga telah mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk :-

- i. menetapkan kadar pemilikan kenderaan persendirian dan pengangkutan awam dengan nisbah 50:50;
- ii. menyokong cadangan pembinaan pembangunan MRT dan LRT;
- iii. menggalakkan pembangunan berdasarkan transit (TOD) dengan memberi penekanan kepada 'compact city';

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK: LESEN PERNIAGAAN SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA

217. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan berapa PBT yang telah mewajibkan syarikat konsesi lebuhraya untuk memohon lesen perniagaan dan lesen iklan?
- b) Sila nyatakan berapa syarikat konsesi lebuhraya yang telah membuat bayaran lesen perniagaan dan lesen iklan.
- c) Apakah tindakan yang akan diambil untuk syarikat konsesi lebuhraya yang masih belum mengemukakan permohonan lesen perniagaan dan lesen iklan?

JAWAPAN :

- a) Hanya terdapat satu (1) PBT iaitu **Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)** yang telah mewajibkan agar semua syarikat konsesi lebuhraya di bawah pentadbiran majlis untuk memohon lesen perniagaan dan lesen iklan.
- b) Sehingga kini masih TIADA syarikat konsesi yang telah membuat bayaran lesen perniagaan dan lesen iklan. Bagaimanapun Keputusan Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 2/2013 pada 27 Februari 2013 telah meluluskan Penetapan Kadar Bayaran Lesen Perniagaan dan Iklan bagi Pejabat Urusan / Operasi Plaza Tol Lebuhraya di dalam kawasan pentadbiran MPSJ.
- c) Sekiranya syarikat konsesi lebuhraya masih belum mengemukakan sebarang permohonan lesen perniagaan dan lesen iklan, pihak majlis boleh memulakan proses tindakan mahkamah di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007 dan Undang-undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : PEMULIHAN KILANG HARAM

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Berapakah jumlah kilang haram yang telah berjaya dalam proses pemutihan mulai 2008 sehingga kini?
- Berapakah peningkatan hasil cukai pintu dan tanah melalui pemutihan kilang-kilang tersebut ?

JAWAPAN :

- Sebanyak **945 permohonan** kilang haram telah diluluskan untuk tukar syarat tanah kepada industri dalam proses pemutihan dari tahun 2008 sehingga kini dan pecahannya mengikut daerah adalah seperti dalam jadual berikut :

Bil	Daerah	Jumlah lot yang terlibat	Permohonan Tukar Syarat	Permohonan lulus
1	Sabak Bernam	15	9	6
2	Kuala Selangor	34	19	12
3	Klang	434	46	23
4	Petaling	985	749	679
5	Hulu Langat	467	152	152
6	Gombak	44	0	0
7	Sepang	44	2	1
8	Hulu Selangor	18	3	2
9	Kuala Langat	209	87	70
Jumlah		2250	1067	945

- Setakat ini, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah Daerah tidak merekodkan peningkatan hasil kutipan cukai pintu oleh pihak PBT dan kutipan hasil cukai tanah oleh pihak PTD daripada kilang-kilang haram yang telah diluluskan tukar syarat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: PERMOHONAN MEMBINA KOLUMBARIUM DI PETALING JAYA

219. Persatuan Perkuburan Cina Petaling Jaya telah memohon kepada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling untuk membina kolumbarium di sebidang tanah berdekatan dengan tapak mereka untuk menyelesaikan masalah kekurangan tanah kubur di Petaling Jaya.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangan terkini memandangkan perkara ini telah dikemukakan oleh pemohon sejak lebih dua tahun yang lalu?
- b) Mengapakah Pejabat Tanah dan Daerah mengambil masa begitu lama untuk memproses permohonan ini?

JAWAPAN :

- a) Pihak pentadbiran sudah menyediakan Kertas Ringkasan bagi kelulusan pewartaan tapak ini.
- b) Walaubagaimanapun pihak pentadbiran sedang menunggu pelan ukur baru yang perlu dikemukakan oleh pemohon bagi tapak Kolumbarium dan Krematorium tersebut kerana tapak yang dipohon sebelum ini didapati telah masuk ke sempadan simpanan jalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN BEKALAN AIR NEGERI SELANGOR

220. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini usaha penstrukturana tersebut ?
- b) Sila huraikan secara terperinci perancangan yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan tetap cenderung membela Syarikat kroni daripada rakyat .
- c) Sila perincikan rancangan Kerajaan Negeri untuk memberi saham air kepada rakyat sekiranya berjaya menyusun semula industri air Negeri Selangor.

JAWAPAN:

- a) (Jawapan ini juga menjawab soalan (a) (Air Selangor) oleh YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Langkah untuk menyusun semula Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor adalah selaras dengan hasrat dan matlamat Kerajaan Persekutuan untuk menyusun semula industri perkhidmatan air ke arah satu perkhidmatan yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan. Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 21/2007 yang bersidang pada 11 Julai 2007, telah bersetuju dengan penyusunan semula Pemegang Konsesi Air Selangor di bawah satu konsortium yang akan diterajui oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB).

Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) melalui surat bertarikh 11 Februari 2008 telah memaklumkan Kerajaan Negeri Selangor bahawa melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Januari 2008 telah menimbangkan dan memutuskan:-

- i) supaya KDEB mengambil alih operari dan penyelenggaraan bagi rawatan dan pembekalan air di Negeri Selangor,Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya termasuk Loji Langat 2; dan
- ii) supaya Kerajaan Negeri Selangor bekerjasama dengan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dalam melaksanakan penstrukturana semula perkhidmatan air di Negeri

Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya secara holistik. KDEB akan menjadi peneraju utama dalam konsortium baru.

Pada 22 Januari 2008, PAAB telah memberikan taklimat kepada Kerajaan Negeri Selangor menerangkan mengenai peranan PAAB di dalam penstrukturran semula industri perkhidmatan air negara.

Rundingan dan perbincangan telah diadakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan KTTHA semenjak tahun 2008. Beberapa siri perbincangan juga telah diadakan di antara YAB Dato' Menteri Besar Selangor dengan YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air bermula dari 20 April 2009.

Bagi merealisasikan cadangan penstrukturran tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih Syarikat Konsesi Air sebanyak tiga (3) kali iaitu:-

- i) 13 Februari 2009 pada nilai sebanyak RM5,709 juta;
- ii) 25 Jun 2009 pada nilai sebanyak RM9,218 juta; dan
- iii) 31 Januari 2010 pada nilai sebanyak RM9,227 juta.

Dalam menetapkan kos yang diperlukan untuk pengambilalihan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan harga berpatutan yang tidak membebankan pengguna di samping tidak merugikan mana-mana pihak. Elemen-elemen yang telah diambil kira dalam membuat penilaian harga tawaran adalah:-

- i) jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh pemegang saham di dalam Syarikat Konsesi Air;
- ii) tempoh pelaburan yang telah dibuat;
- iii) jumlah hutang yang ditanggung;
- iv) PAAB akan mengambil alih aset air dari SPV Air pada nilai aset bersamaan dengan 1 kali Nilai Buku (1x Book Value); dan
- v) pulangan keuntungan sebanyak 12%

Harga yang ditawarkan kepada Pemegang Konsesi adalah mengandungi nilai aset, nilai ekuiti dan liabiliti termasuk bon yang ditanggung oleh Pemegang Konsesi yang berkaitan khusus dengan perkhidmatan air sahaja. Harga yang ditawarkan adalah anggaran sahaja. Harga sebenar akan ditentukan selepas proses *due diligence* disempurnakan. Sebarang perbezaan dan/atau ketidaksetepatan ke atas nilai yang dianggarkan selepas proses *due diligence*

disempurnakan, maka nilai sebenar yang akan dibayar kepada Pemegang Konsesi akan diselaraskan sebagaimana patut.

Sekiranya tawaran tersebut tidak dipersetujui oleh syarikat konsesi dari segi tawaran, maka Kerajaan Negeri Selangor akan merujuk perkara berkaitan nilai tersebut kepada Badan Timbang Tara Bebas Antarabangsa (*Independent International Arbitration*). Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa rujukan kepada Badan Timbang Tara Bebas ini adalah bertujuan untuk menentukan *fair market value* di mana semua pemegang saham di dalam syarikat konsesi akan dibayar pampasan yang adil dan munasabah. Tidak ada mana-mana pihak yang akan mengalami kerugian dari pelaburan yang telah mereka buat di dalam industri tersebut.

Kerajaan Negeri Selangor telah menulis kepada Kerajaan Persekutuan mengenai hasrat untuk memuktamadkan penstruktur semula ini. Kerajaan Negeri beranggapan surat YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air melalui bertarikh 06 Februari 2013 merupakan kebenaran dari Kerajaan Persekutuan membenarkan Kerajaan Negeri Selangor mengemukakan tawaran kepada Pemegang Konsesi Air Negeri Selangor,

Lanjutan dari surat YB Menteri tersebut, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 20 Februari 2013 telah bersetuju supaya Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) mengemukakan tawaran kepada semua Pemegang Konsesi Air Negeri Selangor bagi mengambil alih syarikat konsesi air dalam usaha untuk memuktamadkan penstruktur semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

KDEB adalah syarikat milik Kerajaan Negeri yang paling sesuai untuk melaksanakan Model Holistik Negeri Selangor memandangkan KDEB, melalui anak syarikatnya milik penuhnya iaitu Konsortium Air Selangor Sdn Bhd memiliki lesen perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ("SPAN"). Ini akan memudahkan sebarang urusan pengeluaran lesen oleh SPAN pada masa akan datang.

Bagi melaksanakan Model Holistik Negeri Selangor tersebut, KDEB akan mengambil alih 100% kepentingan ekuiti di dalam Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS"), Puncak Niaga Sdn Bhd ("PNSB"), Titisan Modal Sdn Bhd ("TMSB") yang mengusai kepentingan di dalam Konsortium ABASS Sdn Bhd ("ABASS") dan Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad ("SPLASH Holdings") yang menguasai kepentingan di dalam Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn Bhd ("SPLASH").

Terma dan syarat kepada tawaran tersebut adalah seperti berikut:-

- a) Nilai tawaran yang akan dibuat kepada kesemua Pemegang Konsesi Air adalah berjumlah RM9.6b;
- b) Nilai tawaran tersebut adalah setelah mengambil kira pulangan ekuiti Pemegang Konsesi iaitu sebanyak 12% setahun dan juga nilai Aset-Aset Air yang akan disuntik kepada Pengurusan Aset Air Berhad (“PAAB”).
- c) Kadar pulangan ekuiti 12% adalah dikira sehingga 31 Disember 2012 (tanpa “Compounding”) dan setelah ditolak dengan dividen yang telah dibayar sebelum ini;
- d) Ekuiti yang akan diambilalih termasuklah semua bentuk instrumen pelaburan dan sumbangan daripada pemegang saham e.g. saham biasa, saham keutamaan, pendahuluan dan juga mengambil kira instrument hutang-ekuiti (debt-equity instruments) sekiranya berkaitan.
- e) Dari segi liabiliti yang akan di ambil alih, tawaran tersebut juga merangkumi pengambilalihan kesemua hutang-hutang berkaitan industri yang ditanggung oleh Pemegang Konsesi seperti:-
 - i. Bond-Bond samaada yang telah diambil alih oleh Acqua SPV Berhad (“Acqua SPV”) atau yang masih berada di pasaran modal;
 - ii. Pinjaman berpenggal, atau;
 - iii. Pinjaman Kerajaan (jika berkaitan).
- f) PAAB akan membuat keputusan ke atas pembayaran lebihan Nilai Buku Aset ke atas liabiliti, dan sekiranya bersetuju akan dibayar terus oleh kepada Pemegang Konsesi.
- g) Bayaran nilai tawaran akan dibuat secara tunai.
- h) Nilai tawaran akhir adalah tertakluk kepada proses “due diligence” yang akan dibuat.
- i) Syarat-syarat lain termasuklah segala kelulusan yang perlu diperolehi oleh Pemegang Konsesi seperti kelulusan pemegang-pemegang saham, kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan dan semua agensi berkaitan, kelulusan daripada Kerajaan Negeri Selangor dan semua agensi berkaitan serta kelulusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Acqua SPV dan juga pembiaya kewangan (jika berkaitan).

Lanjutan dari tawaran yang dikemukakan oleh KDEB pada 20 Februari 2013, beberapa siri perbincangan telah diadakan di antara KDEB dan Pemegang Saham SPLASH iaitu Gamuda Berhad, The Sweet Water Alliance Sdn Bhd dan Viable Chip Sdn Bhd pada 25 Februari 2013.

Pada 28 Februari 2013, satu perbincangan telah diadakan oleh KDEB dan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad yang merupakan Pemegang Saham majoriti di dalam Titisan Modal Sdn Bhd.

Perbincangan juga telah diadakan pada 01 Mac 2013 di antara KDEB dan Puncak Niaga Holdings Berhad ("Puncak Holdings"). Puncak Holdings merupakan pemegang saham di dalam SYABAS dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd.

Selain dari mengadakan perbincangan, Puncak Holdings juga telah mengemukakan surat kepada KDEB pada 27 Februari 2013 bagi meminta penjelasan berhubung tawaran yang dikemukakan oleh KDEB, di mana melalui surat bertarikh 04 Mac 2013, KDEB telah mengemukakan penjelasan kepada Puncak Holdings antaranya seperti berikut:-

Bil	Penjelasan yang diminta oleh Puncak Holdings	Penjelasan oleh KDEB
i.	Keadaan apabila nilai aset air melebihi jumlah liabiliti tertunggak terhadap Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)	Merujuk kepada keadaan yang berlaku di Johor dan Melaka, perbezaan nilai tersebut akan dibayar oleh PAAB kepada Pemilik Aset. Nilai sebenar yang akan dibayar kepada Pemegang Konsesi hanya akan ditentukan selepas proses <i>due diligence</i> .
ii.	Nilai tawaran belum mendapat persetujuan dari PAAB	Rundingan rasmi dengan PAAB akan dimulakan oleh KDEB setelah semua Pemegang Konsesi Air bersetuju secara dasar di atas pengambilalihan tersebut.
iii.	Perkara berkaitan dengan persetujuan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri	Garis panduan yang dikeluarkan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) memerlukan syarikat mendapatkan kelulusan perubahan saham/pegangan selepas semua persetujuan ke atas tawaran telah

Bil	Penjelasan yang diminta oleh Puncak Holdings	Penjelasan oleh KDEB
		dimuktamadkan, dalam hal ini , persetujuan Puncak Holdings ke atas tawaran oleh KDEB diperlukan terlebih dahulu sebelum permohonan kelulusan EPU,JPM boleh diperoleh.
iv.	Kaedah penilaian ke atas aset dan liabiliti yang dibuat dalam menentukan nilai tawaran	Dalam perbincangan dengan wakil dari Puncak Holdings pada 01 Mac 2013, KDEB telah mengemukakan butiran terperinci serta kaedah penilaian yang dibuat dalam menentukan nilai tawaran.
v.	Kesediaan KDEB/Kerajaan Negeri Selangor dalam menyediakan dana bagi tujuan pengambilalihan ini	Kerajaan Negeri bersedia untuk membiayai sebarang lebihan nilai aset yang mungkin timbul susulan proses penstruktur semula ini.

Setelah pembentukan Kerajaan baru pada 06 Mei 2013, Kerajaan Negeri telah menulis surat kepada YAB Perdana Menteri Malaysia dan YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air, di mana melalui surat bertarikh 12 Jun 2013, YB Menteri bersedia untuk mengadakan pertemuan dengan YAB Dato' Menteri Besar bagi membincangkan mengenai penstruktur semula ini. Kerajaan Negeri Selangor masih menunggu tarikh untuk perbincangan dengan YB Menteri.

Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa penstruktur semula industri perkhidmatan air menggunakan Model Holistik hendaklah dimuktamadkan dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan air di Negeri Selangor dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan di samping kadar tarif munasabah yang tidak membebankan pengguna.

- b) Memandangkan industri perkhidmatan air di Negeri Selangor semakin berada dalam keadaan yang membimbangkan baik dari segi operasi dan kewangan, Kerajaan Negeri Selangor berharap agar perbincangan dengan Kerajaan Negeri Selangor dalam waktu yang terdekat ini bagi menyelesaikan keadaan tersebut berpaksikan kepada matlamat untuk memuktamadkan penstrukturkan semula di bawah Model Holistik dengan berlandaskan perundangan sedia ada dan mengutamakan kepentingan rakyat serta tidak merugikan mana-mana pihak yang terlibat dalam industri ini.

Berdasarkan kepada kenyataan media oleh YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air, jelas menunjukkan kesediaan Kerajaan Persekutuan untuk berbincang dan membantu Kerajaan Negeri Selangor dalam hal perkara berkaitan industri bekalan air di negeri Selangor tanpa mengambil kira fahaman politik yang ada.

Justeru itu, sehingga pertemuan dengan Kerajaan Persekutuan diadakan, Kerajaan Negeri Selangor bersedia menjalinkan kerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan dalam menjayakan matlamat menyusun semula industri perkhidmatan air negeri Selangor berteraskan semangat pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2005 yang menitikberatkan supaya industri ini diurus secara holistik sebagai langkah untuk membendung masalah pengurusan operasi perkhidmatan air yang tidak cekap dan untuk mencapai kadar kenaikan tarif yang tidak melampau dan secara serentak berbincang kaedah perlaksanaan yang terbaik bagi pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 dalam usaha untuk mencapai satu penyelesaian yang menguntungkan semua pihak terutamanya rakyat yang merupakan pengguna air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

- c) Dengan mengambil kira mandat yang diberikan oleh rakyat Negeri Selangor dan dalam usaha untuk merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor untuk kepentingan rakyat Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor telah merancang sekiranya penstrukturran semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor dimuktamadkan, rakyat Negeri Selangor yang juga merupakan pengguna perkhidmatan air akan diberikan pegangan saham di dalam SPV Air yang ditubuhkan.

Pemberian saham tersebut adalah untuk memberi peluang kepada semua rakyat untuk turut mempunyai suara di dalam memberikan pandangan dan penambahbaikan dalam industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

Langkah sedemikian rupa boleh memberi kesan kepada budaya rakyat dalam mengamalkan sikap bertanggung jawab terhadap aset dan perkhidmatan air dan sekaligus memupuk rasa tanggung jawab untuk tidak membazir kepada sumber air sedia ada serta semangat cintakan alam sekitar di mana rakyat akan menjadi lebih bertanggung jawab dalam menjaga kebersihan sungai-sungai yang merupakan sebahagian dari sumber air mereka.

Namun demikian, nilai dan mekanisme pemberian saham air kepada rakyat akan diperhalusi setelah penstrukturran semula dimuktamadkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK: PELUPUSAN SAMPAH MODEN DAN SISA PEPEJAL

221. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam isu pelupusan akhir sisa pepejal?
 - Adakah pusat *incinerator* – pusat pelupusan sampah moden akan ditubuhkan di Negeri Selangor?
 - Di mana lokasi itu dan berapakah anggaran bagi perkara (b)?

JAWAPAN :

- Pihak Kerajaan Negeri sedang merancang untuk mewujudkan sistem pelupusan sisa pepejal yang lebih baik, bersepadu dan terancang. Tapak pelupusan sanitari sedia ada akan disokong dengan sistem sokongan seperti "Material Recovery Facility" (MRF), Loji Pengkomposan atau "Waste to Energy Plant". Kebanyakan sistem tersebut merupakan kaedah mengitar semula sisa buangan, penghasilan baja serta sumber tenaga elektrik. Sistem sokongan ini bukan sahaja dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan malah membantu meningkatkan ekonomi serta peluang pekerjaan di Negeri Selangor.
- Kerajaan Negeri Selangor telah pun melakukan kajian teknikal dan kewangan serta kesesuaian untuk membangunkan loji *incinerator* atau seumpamanya bagi melupuskan sisa pepejal. Kajian mendapat perbelanjaan modal dan kos operasi adalah tinggi. Kerajaan sedang memperhalusi sistem tersebut. Beberapa tempat sesuai telah dikenal pasti sesuai untuk dibangunkan loji *incinerator* seperti di tapak-tapak pelupusan sampah yang telah ditutup serta kawasan-kawasan perindustrian. Kerajaan Negeri menyedari akan kepentingan teknologi moden ini memandangkan kaedah pelupusan secara sanitari melibatkan penggunaan tanah yang agak besar serta masalah kekurangan tanah di Negeri Selangor di masa hadapan.
- Loji *Incinerator* boleh dibangunkan di mana-mana kawasan mengikut kesesuaian sumber sisa pepejal yang akan dilupuskan. Namun begitu ia tertakluk kepada kelulusan Jabatan Alam Sekitar, iaitu hasil daripada kajian "*Detail Environment Impact Assessment*" (DEIA) yang dijalankan. Keluasan tanah yang diperlukan adalah sejumlah 20-30 ekar. Anggaran kos bagi sebuah *incinerator* berkapasiti 1,000tan sehari adalah sebanyak RM800juta hingga RM1billion dengan anggaran yuran "*tipping*" sebanyak RM150 – RM200 per tan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)**

TAJUK: PERUNTUKAN SJK CINA DAN SJK TAMIL

222. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada setiap SJK Cina dan SJK Tamil mengikut susunan Tahun sejak 2008 sehingga bulan Mac 2013 mengikut daerah masing-masing di Negeri Selangor.

JAWAPAN :

a)

JENIS SEKOLAH	TAHUN	DAERAH	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
SJKC	2009	PETALING	240,000.00
		KLANG	980,000.00
		GOMBAK	100,000.00
		HULU LANGAT	250,000.00
		SEPANG	50,000.00
		KUALA LANGAT	230,000.00
		KUALA SELANGOR	270,000.00
		HULU SELANGOR	100,000.00
		SABAK BERNAM	225,000.00
	2010	PETALING	1,610,000.00
		KLANG	670,000.00
		GOMBAK	150,000.00
		HULU LANGAT	350,000.00
		SEPANG	500,000.00

SJKC		KUALA LANGAT	200,000.00
		KUALA SELANGOR	130,000.00
		HULU SELANGOR	225,000.00
		SABAK BERNAM	330,000.00
	2011	PETALING	440,000.00
		KLANG	530,000.00
		GOMBAK	130,000.00
		HULU LANGAT	390,000.00
		SEPANG	110,000.00
		KUALA LANGAT	180,000.00
		KUALA SELANGOR	280,000.00
		HULU SELANGOR	325,000.00
		SABAK BERNAM	345,000.00
	2012	PETALING	637,500.00
		KLANG	696,000.00
		GOMBAK	140,000.00
		HULU LANGAT	215,000.00
		SEPANG	110,000.00
		KUALA LANGAT	140,000.00
		KUALA SELANGOR	249,000.00
		HULU SELANGOR	230,000.00
		SABAK BERNAM	335,000.00
	2013	PETALING	385,000.00
		KLANG	490,000.00
		GOMBAK	110,000.00

		HULU LANGAT	355,000.00
		SEPANG	370,000.00
		KUALA LANGAT	120,000.00
		KUALA SELANGOR	170,000.00
		HULU SELANGOR	100,000.00
		SABAK BERNAM	185,000.00
SJKT	2009	PETALING	523,634.20
		KLANG	701,548.00
		GOMBAK	178,982.00
		HULU LANGAT	156,983.00
		SEPANG	98,000.00
		KUALA LANGAT	122,643.00
		KUALA SELANGOR	252,110.00
		HULU SELANGOR	148,028.00
		SABAK BERNAM	30,000.00
	2010	PETALING	106,530.00
		KLANG	103,570.00
		GOMBAK	55,460.00
		HULU LANGAT	43,310.00
		SEPANG	36,840.00
		KUALA LANGAT	83,820.00
		KUALA SELANGOR	57,600.00
		HULU SELANGOR	48,180.00
		SABAK BERNAM	3,000.00

JENIS SEKOLAH	TAHUN	DAERAH	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
SJKT	2011	PETALING	842,950.00
		KLANG	780,966.00
		GOMBAK	195,650.00
		HULU LANGAT	312,380.00
		SEPANG	287,472.00
		KUALA LANGAT	289,330.00
		KUALA SELANGOR	226,220.00
		HULU SELANGOR	462,480.00
		SABAK BERNAM	-
	2012	PETALING	629,800.00
		KLANG	658,747.00
		GOMBAK	266,958.00
		HULU LANGAT	196,000.00
		SEPANG	65,000.00
		KUALA LANGAT	332,500.00
		KUALA SELANGOR	1,002,050.00
		HULU SELANGOR	226,560.00
		SABAK BERNAM	65,500.00
	2013	PETALING	636,000.00
		KLANG	735,747.00
		GOMBAK	144,458.00
		HULU LANGAT	250,000.00

	SEPANG	135,000.00
	KUALA LANGAT	671,300.00
	KUALA SELANGOR	508,050.00
	HULU SELANGOR	354,060.00
	SABAK BERNAM	5,000.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)

TAJUK: HAK MILIK STRATA

223. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- Berapakah pembangunan berstrata yang masih belum menerima hak milik strata selepas serahan kunci?
 - Apakah tindakan penguatkuasaan yang diambil kepada pemaju bersalah?
 - Perincikan statistik penguatkuasaan tersebut?

JAWAPAN :

- a) Pembangunan berstrata yang masih belum menerima hakmilik strata selepas serahan kunci ialah sebanyak **370 skim** yang terdiri daripada kos rendah dan juga lain – lain kategori. Ini melibatkan hampir **500,000 petak atau unit**.

Jumlah ini adalah berdasarkan aduan yang diterima dari pengadu yang terdiri daripada Orang Awam dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Buat masa ini, Unit penguatkuasaan Strata akan mengambil tindakan setelah mendapat kelulusan daripada Majlis Tanah Negara melalui pemberitahuan warta yang masih dalam tindakan menguatkuasakan Akta baru, Akta Hakmilik Strata pindaan 2013 yang disiarkan dalam warta bertarikh 7 Februari 2013.

Akta Hakmilik Strata pindaan 2013 tersebut merangkumi proses kerja penguatkuasaan Strata yang lebih teratur dan komprehensif bagi menjalankan penguatkuasaan secara amnya di Malaysia dan khusus di Negeri Selangor Darul Ehsan.

- Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 10 Jun 2013 telah menolak soalan ini.**
- Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 10 Jun 2013 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: PROJEK RUMAH MAMPU MILIK

224. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan Projek Rumah Mampu Milik untuk penduduk-penduduk DUN Sg. Pelek?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pentadbir Tanah Daerah (PTD) bagi kawasan Lembah Klang ketika ini masih lagi mengenalpasti tanah-tanah milik Kerajaan Negeri yang strategik untuk dibangunkan dengan Projek Perumahan Mampu Milik Selangor.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan khusus bagi penyediaan rumah mampu milik di DUN Sg. Pelek.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHRU)

TAJUK: KILANG-KILANG TANPA KEBENARAN

225. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Senaraikan kilang-kilang tanpa kebenaran di kawasan perindustrian Ulu Yam Lama.
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan proses pemutihan kilang-kilang tersebut.

JAWAPAN :

- a) Senarai kilang-kilang tanpa kebenaran di kawasan perindustrian Ulu Yam Lama adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran A.
- b) Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan proses pemutihan kilang-kilang tersebut antaranya:
 1. Penurunan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk mempercepatkan proses permohonan tukar syarat dan meminda syarat nyata tanah iaitu dengan menubuhkan Jawatankuasa Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Daerah yang dipengerusikan oleh Pentadbir Tanah bagi meluluskan permohonan yang tidak bercanggah dengan zon yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan segera di Pejabat Tanah.
 2. Bagi luar zon yang ditetapkan diturun kuasa kepada pengurus Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram bagi mempercepatkan proses permohonan-permohonan tukar syarat dan meminda syarat nyata tanah.
 3. Penurunan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk mempercepatkan proses permohonan tukar syarat dan meminda syarat nyata tanah iaitu dengan menubuhkan Jawatankuasa Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Daerah yang dipengerusikan oleh Pentadbir Tanah bagi meluluskan permohonan yang tidak bercanggah dengan zon yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan segera di Pejabat Tanah.
 4. Bagi luar zon yang ditetapkan diturun kuasa kepada pengurus Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram bagi mempercepatkan proses permohonan-permohonan tukar syarat dan meminda syarat nyata tanah.

Maklumat Tambahan:

Dasar terkini Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam Bil. 6/2013 ialah insentif diberikan potongan 50% berdasarkan Pekeliling PTGS Bil. 6/2006 masih dikekalkan. Tempoh bayaran sekarang ialah 3 bulan dan 1 bulan tambahan yang dikenakan dengan kadar faedah sebanyak 3%.

Kesimpulan seperti berikut :

Dasar di atas dikekalkan, walau bagaimanapun telah diputuskan bahawa pemilik tanah yang menukar syarat tanah mereka daripada pertanian kepada perindustrian dikehendaki membayar 30% dalam tempoh tersebut sebagai satu syarat untuk membolehkan mereka diberi peluang membayar secara ansuran dalam tempoh 8 bulan. Bilangan ansuran akan diputuskan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, peranan Pentadbir Tanah bagi melaksanakannya dan memantau pembayaran ansuran berkenaan apabila ia diputuskan kelak.

LAPORAN KEMAJUAN PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT DAERAH
PERMOHONAN TUKAR SYARAT TANAH DAN MEMINDA SYARAT NYATA TANAH

DAERAH	BIL. LOT	BIL. PERMOHONAN		KEPUTUSAN				DALAM TINDAKAN	PERMIT KHAS SEMENTARA			PREMIUM TAMBAHAN (RM)	
		BIL.	%	LULUS	TOLAK	TANGGUH	BATAL PERMOHONAN		2009	2010	2011	TELAH BAYAR (RM)	BELUM BAYAR (RM)
PETALING	985	828	84,06%	686	5	-	9	127	-	-	-	106.292.645,96	72.979.729,50
KLANG	434	74	17,05%	55	2	2	-	9	125	-	-	10.553.407,00	
GOMBAK	44	27	61,36%	19	-	-	-	8	-	-	-	-	-
HULU LANGAT	336	160	47,62%	158	-	-	-	2	-	-	-	65.230.743,30	4.137.452,00
KUALA LANGAT	209	88	42,11%	71	15	1	-	3	-	-	-	7.045.448,50	1.495.466,00
SEPANG	44	2	4,55%	1	-	1	-	-	-	-	-	133.256,25	-
HULU SELANGOR	17	10	58,82%	5	1	-	-	4	-	-	-	432.011,10	-
KUALA SELANGOR	34	6	17,65%	5	1	-	-	-	-	-	-	592.657,70	
SABAK BERNAM	15	2	13,33%	-	1	-	-	1	-	-	-	-	-
JUMLAH	2.118	1.197	56,52%	1000	25	4	9	154	125	0	0	190.280.169,81	78.612.647,50

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK: ANCAMAN JENAYAH

226. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Apakah usaha-usaha dan rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu memelihara keselamatan rakyat Selangor daripada ancaman kes-kes jenayah yang sekian berleluasa?

JAWAPAN :

- a) PDRM sentiasa melihat secara positif dan sentiasa bersiap sedia untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk menangani sebarang ancaman jenayah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)

TAJUK: KESESAKAN LALU LINTAS DI PERSEKITARAN LEBUHRAYA LDP DAN KESAS

227. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan berapa persimpangan baru yang telah dirancangkan di Lebuhraya LDP dan KESAS?
- b) Apakah kedudukan terkini untuk rancangan persimpangan baru ke Bukit Tandang (Puchong Jaya) dari lebuhraya KESAS?
- c) Apakah langkah-langkah negeri sekiranya syarikat konsesi lebuhraya tidak memberi kebenaran untuk membina persimpangan baru yang amat diperlukan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas setempat?

JAWAPAN :

- a) Hasil daripada maklumat yang diperolehi, pihak konsesi **Lebuhraya LDP** dalam perancangan bagi membina enam (6) persimpangan bertingkat baru di Kelana Jaya, PJS7 & PJS9, IOI (persimpangan bertingkat pusingan-U), Taman Perindustrian Puchong, dan Kg. Bharu Puchong. Manakala pihak konsesi **Lebuhraya KESAS** memaklumkan tiada sebarang cadangan bagi membina persimpangan baru.
- b) Pihak konsesi Lebuhraya KESAS tidak mempunyai sebarang rancangan bagi membina persimpangan baru ke Bukit Tandang (Puchong Jaya) dari Lebuhraya KESAS.
- c) Mengikut Akta 231 (Perbadanan 1980), pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mempunyai kuasa dalam membina persimpangan baru selain menyelia dan merekabentuk, pembinaan, pengawalan, mengenakan dan mengutip tol, dan membuat peruntukan-peruntukan berkenaan dengan perkara yang berkaitan. Namun selepas Dasar Penswastaan Negara, peranan pihak LLM telah berubah kepada satu badan yang bertanggungjawab mengawalselia pembangunan dan pengurusan lebuhraya bertol di Malaysia.

Oleh yang demikian, jika sekiranya terdapat permohonan bagi membina persimpangan baru, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pihak LLM bagi melihat kesesuaian sama ada persimpangan tersebut dapat mengurangkan kesesakan lalulintas kawasan setempat. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan :-

- i. mengarahkan pihak konsesi lebuhraya bagi membentangkan cadangan persimpangan yang dirancang.
- ii. memanggil semua agensi / jabatan teknikal yang berkaitan bagi memberikan komen dan ulasan terhadap persimpangan tersebut.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah projek perumahan yang terbengkalai di Selangor dan sila nyatakan lokasinya?
- b) Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk membantu pembeli rumah tersebut?

JAWAPAN :

- a) Jumlah projek perumahan yang terbengkalai sehingga 31 Mei 2013 adalah sebanyak 123 projek yang melibatkan 35,111 unit di Negeri Selangor seperti berikut:

NO	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
1	MBSA	9	-	9	3,561
2	MBPJ	3	-	3	1,932
3	MPK	26	-	26	2,697
4	MPSJ	6	-	6	2,738
5	MPAJ	8	-	8	3,282
6	MPKj	14	-	14	5,122
7	MPS	9	1	10	3,148
8	MPSp	8	-	8	3,208
9	MDKS	8	2	10	3,691
10	MDHS	9	5	14	4,707
11	MDKlgt	15	-	15	1,025
JUMLAH		115	8	123	35,111

Manakala senarai lokasi projek perumahan terbengkalai sehingga 31 Mei 2013 di Negeri Selangor adalah seperti di **lampiran 1**.

- b) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha mengatasi masalah projek terbengkalai di Selangor walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad secara pentadbiran dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Sehubungan itu, beberapa langkah dan tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk membantu pembeli rumah tersebut untuk menyelesaikan projek terbengkalai seperti berikut:
- i. **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri **telah dilaksanakan secara berjadual sejak tahun 2011** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurussetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan senantiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi.
 - ii. **Mengurusetia perbincangan secara berkala dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal** dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
 - iii. **Mengatur pertemuan dengan institusi kewangan** sebagai pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju dan pembeli bagi menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) dan pinjaman akhir (*end-financing*) supaya projek boleh diteruskan dan seterusnya menyelesaikan masalah kewangan pemaju dan pembeli. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.

- iv. Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, **perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) juga diatur dari masa ke semasa** untuk menyemak sama ada LPHS boleh mencadangkan mana-mana ‘*Liquidator*’/Pegawai Penerima yang berwibawa mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah ‘*Liquidator*’/Pegawai Penerima pula **perbincangan dijalankan bersama ‘*Liquidator*’/Pegawai Penerima terbabit** bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- v. **Menilai semula kos pemulihan dan mengkaji feasibility projek** tersebut khususnya bagi projek yang melibatkan kenaikan kos yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu masih ingin diteruskan.
- vi. **Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak di kalangan mereka** supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan projek perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- vii. **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.
- viii. **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap hartaanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama. Selain itu, pengambilan tanah juga dilaksanakan sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajukan secara tender.

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

SENARAI PROJEK TERBENGKALAI (MBSA)

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/ AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO KAD PENGENALAN	BILANGAN UNIT	JENIS (TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan Rumah Kos Rendah, Jalan Pluto U5/158, Seksyen U5, Shah Alam	Tetuan Unique Creation Sdn. Bhd.	840 Unit	Rumah Pangsa Kos Rendah	40%
2	Projek Pembinaan Pangsapuri Kos Rendah dan Kos Sederhana Subang Bestari, Bandar Pinggiran Subang, Seksyen U4, Shah Alam, H.S.(D) No. 110897, P.T. No. 35078, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling	Tetuan Juta Permai Sdn. Bhd.	672 Unit RKR 760 Unit RKS	Pangsapuri Kos Rendah Pangsapuri Kos Sederhana	40%
3	Projek Pembinaan Pangsapuri Rimau Indah, Fasa 3, Di bawah Geran No. 36409, Lot No. 3783, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Bukit Rimau Development Sdn. Bhd. Pelikuidasi : Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)	591 Unit	Pangsapuri Kos Rendah (Penempatan Setinggan)	10% (Fasa 3) & 90% (Fasa 4)
4	Projek Pembinaan Pangsapuri Andorra, Seksyen 25, Taman Sri Muda, Shah Alam	Tetuan Newacres Sdn. Bhd. (Digulung) Pelikuidasi : Hals & Associates	160	Pangsapuri Kos Sederhana	90%
5	Projek Perumahan Taman Bukit Impian Di atas Plot F, Bukit Cherakah, Mukim Bukit Raja, Seksyen U10, Shah Alam	Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.	121 Unit	Rumah Lot Banglo	20%
6	Projek Pembinaan Untuk Penempatan Semula Setinggan Fasa 1 Rumah Pangsa Kos Rendah Sri Bunga Raya, 1 Blok 12 Tingkat (153 Unit), 6 Unit Kedai, 1 Dewan, 1 Tadika No.4, Jalan Gram U19/16, Seksyen U19, Shah Alam	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)	153 Unit Pangsapuri & 6 Unit Kedai 6 Pejabat	Rumah Pangsa Kos Rendah	70%
7	Projek Perumahan Di U10 Height, Seksyen U10, P.T. 3696, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling	Tetuan Restige Group Sdn. Bhd.	130 Lot Banglo, 14 Unit Rumah Berkembar, 60 Unit Rumah Pangsa Kos Rendah & 10 Unit Kedai Pejabat	Rumah Banglo 1 Tingkat & Kos Rendah	5%
8	Projek Perumahan Taman Muhamad 2, Mukim Klang, Daerah Klang,	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.	30 unit	Rumah Berkembar 1 Tingkat	80%
9	Projek Perumahan Berkembar Satu Tingkat Plot 5. Lot3159, Taman Desa Sri Baiduri, Mukim Klang H.S (M) 37153 PT No. 97024, Kg. Melayu, Jalan Kebun, Mukim Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd	14 unit	Rumah Berkembar 1 Tingkat	80%

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI (MBPJ)

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/ AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO. KAD PENGENALAN	BILANGAN UNIT	JENIS(TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan 304 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana 1 Blok Tempat Letak Kereta di atas Lot PT 9195, Jalan PJS 2, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan TD Management Sdn. Bhd. (Digulung) Masteron Sdn. Bhd.	304 Unit	Rumah Pangsa Kos Sederhana & Tempat Letak Kereta	70%
2	Pembangunan 300 Unit Pangsapuri Kos Sederhana (Fasa 2) di atas Sebahagian Tanah Kerajaan CP 51554, Kampung Sungai Kayu Ara, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Antara Vista Sdn. Bhd	300 Unit	Pangsapuri Kos Sederhana	35%
3	Pembangunan 5 Blok Pangsapuri Perkhidmatan Kos Tinggi (4 Bintang Platinum Damansara) 3 ½ Tingkat Basemen Dan 2 Tinggi Ruang Letak Kereta, Podium, 8 Unit Kedai, Rumah Kelab, Kolam Renang, Surau, Pondok Pengawal, Rumah Sampah, Bilik Pam, Genset Dan Pencawang Elektrik Di Atas Lot Pt 1428, Seksyen Pju 1, Petaling Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Dataran Mantin Sdn. Bhd. Pelikuidasi : Pricewaterhouse Cooper Sdn. Bhd. / Ferrier Hodgson Sdn. Bhd.	1,328	1,320 unit Pangsapuri dan 8 unit Kedai	60%

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI (MPK)

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU / AHLI LEMBAGA PENGARAH& NO. KAD PENGENALAN / PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS (TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan yang Mengandungi 4 Blok Rumah Kos Sederhana 2 Tingkat di atas Lot 6978, (Taman Sri Aman) Kampung Idaman, Mukim Klang	Tetuan Integrated Land Recources Sdn. Bhd. Tetuan Teng Kong Enterprise Sdn. Bhd. (Digulung)	63 Unit	Rumah Teres	80%
2	Projek Pembinaan Pangsapuri 6 Tingkat dengan Tempat Letak Kereta di Tingkat Bawah, di atas Lot 2377 (Geran 4963), Jalan Dato' Amar, Klang	Tetuan Marl One Development Sdn. Bhd.	44 Unit	Pangsapuri	90%
3	Projek Perumahan Taman Tradisi Indah, Bandar Pinggiran Shah Alam Di Atas Lot No. 4185, Geran Mukim 5343, Mukim Klang, Daerah Klang 50 Unit Rumah Teres Satu Tingkat dan 1 Unit Pencawang Elektrik di atas Lot PT 84927-Lot PT 84978, Lot Asal 4965, Jalan Masjid Sultan 9C/KS13, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Fifth Marine Development Sdn. Bhd.	50 Unit	Rumah Teres	80%
4	Projek Pembinaan Pangsapuri di atas HS(M) 30776 - 30784 PT 66434 - 66442, Lengkungan Kampung Nelayan, Taman Sri Nelayan, Mukim Klang	Tetuan Sheikh Mah Development Sdn. Bhd. Tetuan Pesaka Intisari (M) Sdn. Bhd.	470 Unit	Pangsapuri	90%
5	Projek Pembinaan 2 Blok Pangsapuri Anggerik 5 Tgkt (150 Unit) dengan surau, dewan serbaguna diatas lot PT85358, 5 unit kedai 2 Tkt diatas Lot PT85353-PT85357, seunit pencawang elektrik diatas Lot PT85359 (lot Asal 1730) Jalan Sungai Udang KS 3, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan FSK Development Sdn. Bhd.	155 Unit	Pangsapuri	70%
6	Projek Perumahan dan Perniagaan Fasa 1, yang Mengandungi 36 Unit Rumah Teres, 66 Unit Rumah Berkembar, 46 Unit Kedai, 92 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, 29 Unit Kedai dan 58 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, 155 Unit Kos Rendah dan 40 Unit Pangsapuri Kos Sederhana Rendah di atas Lot PT 68738 PM 7794 & Sebahagian Lot PT 68739 PM 7793 Mukim Klang	Tetuan Perkasa Indera Sdn. Bhd.	522 Unit	Rumah Teres, Rumah Berkembar, Kedai Pangsapuri, Pangsapuri Kos Rendah & Sederhana.	40%
7	Projek Perumahan 13 Unit Rumah Deret 1 Tingkat di atas Lot 13567, 13568, 13569, 13570, 13571 hingga 13579, Taman Bukit Kapar, Daerah Klang	Tetuan Decor Mewah Sdn. Bhd. Tetuan OISB Construction Sdn. Bhd.	13 Unit	Rumah Deret	80%
8	Projek Perumahan 14 Unit Rumah Teres Setingkat, 7 unit Banglo Setingkat, 1 Pencawang Elektrik Fasa 2 di atas Lot 44782, Jalan TaRMizi, Rantau Panjang, Mukim Kapar, Klang (Taman Hijrah 2)	Tetuan Lembah Jejak Sdn. Bhd.	21 Unit	Rumah Teres Dan Banglo	90%
9	Projek Pembinaan Fasa 2 Apartment 1 Blok 9 Tingkat (109 Unit) dan Lain-lain Kemudahan di atas Lot PT 5124 dan 5125 (Taman Mutiara), Pulau Indah, Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	109 Unit	Apartment	90%
10	Projek Perumahan di atas Lot 5128, Pulau Indah, Daerah Klang (Pangsapuri Yamin Height)	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	227 Unit	Apartment Servis	80%
11	Projek Perumahan di atas Lot 5740 dan 5741, Pulau Indah, Daerah Klang (Indah Height)	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	420 Unit	Apartment Servis	0%
12	Projek Perumahan Rumah Teres Dua Tingkat dikenali sebagai Desa Bukit Delima, di bawah Hakmilik G.M. No. 2142, Lot No. 5450, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)	30 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat	35%
13	Projek Perumahan 54 Unit, Jalan Dusun Meru, di bawah Hakmilik No. EMR 4548, No. Lot 2754, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Ikhtiar Corporation Sdn. Bhd.	54 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat	90%
14	Projek Perumahan Taman Desa Sri Nilam, di atas Lot 5255, Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	30 Unit	Rumah Teres Berkembar	5%
15	Projek Perumahan di Taman Desa Sri Siantan, H.S.(M) 30600, GM 4519, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	22 Unit	Rumah Teres Berkembar 1 Tingkat	5%

16	Projek Perumahan Desa Sri Damai 3, Di atas Hakmilik No GM 2484, No Lot 3057, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	—	Rumah Teres	—
17	Projek Perumahan Rumah Teres 1 Tingkat di Tanah No. Lot EMR 8665, Lot 3834, EMR 7309, Lot 560, Telok Gadong, Klang (Sungai Pinang)	Tetuan Lurah Pantas Sdn. Bhd. Tetuan Menang Murni Sdn. Bhd.	160 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat	5%
18	Projek Perumahan Andaman 2, di atas Lot PT 17561, Kampung Nelayan, Telok Gong, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd.	30 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat	100%
19	Taman Cahaya, Batu 5 1/2, Jalan Meru Di Atas EMR No 3469, Lot 2129, Mukim Kapar, Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	154 unit	Rumah Teres	5%
20	Projek Perumahan Taman Sri Kencana, GM 3850 Lot 2757, Mukim Kapar, Daerah Klang	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd. (pemaju lama) Binalif Bina Sdn. Bhd.(pemaju baru)	35 Unit	Rumah Teres	80%
21	Projek Perumahan Taman Meru 1, 24 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat Diatas GM 64, Lot 3756, Jalan Kopi, Meru, Mukim Kapar, Daerah Klang	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd. (pemaju lama) Binalif Bina Sdn. Bhd.(pemaju baru)	24 Unit	Rumah Berkembar 1 Tingkat	180%
22	Projek Perumahan Bagi Pembinaan 38 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Taman Meru Ria 2, Di Atas GM 3928 Lot 3750, Jalan Belimbang, Meru, Mukim Kapar, Daerah Klang	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd. (pemaju lama) Binalif Bina Sdn. Bhd.(pemaju baru)	38 Unit	Rumah Teres	80%
23	Projek Perumahan Taman Desa Teratai, Di Atas P.M 2954, Lot 3170, Jalan Kebun, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Lasah Emas Sdn. Bhd.	26 Unit	Rumah Berkembar 1 Tingkat	20%
24	Projek Perumahan Taman Desa Pelangi Di Atas Lot 2664 GM 4769, Mukim Kapar, Daerah Klang	Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)	—	Rumah Teres	—
25	Projek Perumahan Desa Maru, Lot 23678 Mukim Kapar, Daerah Klang	Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)	—	Rumah Teres	—
26	Projek Perumahan Taman Setia Indah, Diatas Hakmilik No. HS(M) 43220, No. PT 119181, Sungai Pinang, Pulau Indah, Mukim Klang	SPS Setia Sdn. Bhd.	—	Rumah Teres	—

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI (MPSJ)

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/AHLI LEMBAGA & NO. KAD PENGENALAN	BILANGAN UNIT	JENIS(TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan 202 Unit, Saujana Puchong (Rumah Teres Satu Tingkat) Di atas Lot PT 50610, HS(D) 143296, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Expand Factor Sdn. Bhd.	202 Unit	Rumah Teres Satu Tingkat	65%
2	Projek Perumahan 42 Unit Rumah Teres 2 Tingkat dan 1 Pencawang Elektrik di atas Sebahagian Lot 48729 (16929), Mukim Petaling, Daerah Petaling (Lestari Putra Dahulu Dikenali Sebagai Lestari Puchong-Camelia)	Tetuan Lestari Puchong Sdn. Bhd. Tetuan Talam Corporation Sdn. Bhd.	42 Unit	Rumah Teres Dua Tingkat	—
3	Projek Perumahan 260 Unit Rumah Berkembar & 2 Unit Pencawang Elektrik Fasa 19, Rumah Teres 2 Tingkat (20x70') Fasa 9F, 9B & 9C, 3 & 6 Blok Rumah Pangsa Kos Sederhana Fasa 16, Kedai/Pejabat Fasa 21, 11 Blok Bangunan Fasa 10C, Kedai/Pejabat Fasa 21 Di atas Sebahagian Lot 51439, Taman Puncak Jalil, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.	741 Unit	Rumah Berkembar, Rumah teres 2 Tingkat, Rumah Pangsa Kos Sederhana & Kedai Pejabat	80%
4	Projek Pembinaan Kondominium (Coral Vista) 600 Unit, Subang Permai USJ, PT 11070-11073 Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Coral Land Corp. Sdn. Bhd.	600 Unit	Kondominium	25%
5	Projek Pembinaan Pusat Perniagaan Pejabat Podium Perniagaan Projek Pembangunan Newgate Avenue, H.S.(D)108340, No.PT.3466, Jalan Hicom Puchong, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Solarglow Sdn. Bhd. (Dibawah "Receivership" iaitu Pricewaterhouse Coopers Sdn Bhd.)	1,153 unit	Pusat Perniagaan Pejabat & Perumahan	60%
6	Pembangunan Bercampur, Menara Rajawali 18 Tingkat, SS 15 Subang Jaya, Diatas HS(D) 27124, PT 9274, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Link Ventures Sdn. Bhd.	—	—	—

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI (MPAJ)

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO. KAD PENGENALAN / PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS(TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan Taman Kencana Fasa 3, Ampang	Tetuan Syarikat Jaya Kencana Sdn. Bhd. (Digulung)	48 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat (2.28 Ekar)	20%
2	Cadangan Menyiapkan Rancangan Perumahan 1 Blok, 10 Tingkat Dan 2 Blok 9 Tingkat Rumah Pangsa Kos Sederhana Di Atas Lot Pt4992, Kg. Pasir Tambahan Hulu Klang, Daerah Gombak, Selangor. (Estana Court Condominium)	Tetuan Promista Development Sdn. Bhd. (Digulung)	426 Unit	Rumah Pangsa Kos Sederhana (7.098 ekar)	40%
3	Projek Perumahan Nusa Mewah Villa Kondominium, Bukit Pandan HD(D) 66845 PT 2926, Mukim Ampang, Daerah Ulu Langat	Tetuan Mudi Angkasa Sdn. Bhd.	360 Unit	Kondominium	70%
4	Projek Perumahan Taman Sri Angsana Hilir	Tetuan Kabra Holdings Sdn. Bhd. (Digulung)	165 Unit	Rumah Pangsapuri	60%
5	Projek Perumahan Saga Suria, Taman Saga Ampang, Di atas Geran No. HS(M) No. 24026, PT No. 26745, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Tegas Sejati Sdn. Bhd.	400 Unit	Rumah Pangsa Kos Rendah 5 Tingkat	75%
6	Projek Pembinaan 1,609 Unit Pangsapuri Ukay Bestari, Mukim Ampang, Daerah Gombak	Damai Bistari Sdn. Bhd.	1609 Unit	Pangsapuri kos Rendah	30%
7	Projek Perumahan 174 Unit Rumah Teres 2 Tingkat, Pandan Bestari, Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak	Supreme Precious Sdn. Bhd.	174 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat	-
8	Projek Pembinaan 100 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana Ukay Indah Kondominium di Sg. Sering, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak	Scenic Marina Sdn. Bhd.	100 Unit	Pangsapuri Kos Sederhana	-

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI (MPKJ)

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/AHLI LEMBAGA & NO. KAD PENGENALAN/ PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS(TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan Taman Serosa Kajang, 413 (Rumah Teres 2 Tingkat Kos Sederhana, Pangsapuri 16 Tingkat Kos Sederhana dan pangsapuri 13 Tingkat Kos Rendah) di atas Lot 4454 & 1297, Mukim Kajang, Hulu Langat.	Tetuan Serosa Resources Sdn. Bhd. (Digulung)	413 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat Kos Sederhana, Pangsapuri 16 Tingkat Kos Sederhana & Pangsapuri 13 Tingkat Kos Rendah	10%
2	Projek Perumahan Bandar Puncak Damai Semenyih (Bandar Putri Jaya), 2658 Unit Mengandungi 1000 Unit Pangsapuri Kos Rendah, 1000 Unit Kos Sederhana Rendah, 600 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, 40 Unit Rumah Kedai 1½ Tingkat dan 18 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat di atas Tanah Seluas 501.50 Ekar, Mukim Ulu Semenyih, Daerah Hulu Langat	Tetuan Duta Nilai Sdn. Bhd. (Digulung)	2,658 Unit	Pangsapuri Kos Rendah , Pangsapuri Kos Sederhana. Rumah Kedai 1 1/2 Tingkat & Kedai Pejabat 2 Tingkat	10%
3	Projek Perumahan Kos Rendah & Penempatan Semula Setinggan MPKJ Mengandungi 500 Unit Pangsapuri Kos Rendah Dengan Dewan/Tadika & Pencawangan Elektrik di Tingkat Bawah di atas Tanah Kerajaan Kampung Sungai Tangkas Kajang (Taman Kelisa Ria, Kampung Keramat Tangkas, Jalan Reko), Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan TJ Plaza Sdn. Bhd.	500 Unit	Perumahan Kos Rendah (Pangsapuri)	80%
4	Projek Pembinaan Di Taman Kajang Villa Yang Mengandungi 1 Blok RPKR 12 Tgk, 900 Unit Kediaman, 16 Unit Dewan, Pejabat Komuniti & 1 Pencawangan Elektrik Di Atas Tanah Seluas 10.54 Ekar, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	Vistabell Sdn. Bhd. Pemaju : Villaraya Management Sdn Bhd (Digulung)	660 Unit	Rumah Pangsa Kos Rendah	90%
5	Projek Perumahan Taman Lingkaran Nur, 52 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Batu 12, Jalan Cheras, 43000 Kajang	Tetuan Saktimuna Sdn. Bhd. (Digulung) Tetuan Lingkaran Nur Sdn. Bhd.	108 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat	—
6	Projek Perumahan Taman Teratai di atas Lot 1640 Yang Mengandungi 70 Unit (28 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis A & 42 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis B di atas Tanah Seluas 4.53 Ekar, Kg. Sg. Ramal, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan ZM Development Sdn. Bhd. (Digulung)	70 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat (4.53 Ekar)	100%
7	Projek Perumahan di Taman Padang Tembak Yang Mengandungi 29 Unit Rumah Teres 2 Tingkat di atas sebahagian Lot 613 (10.54 ekar), Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Happy Home Development Sdn. Bhd.	29 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat	80%
8	Projek Perumahan di Taman Semenyih Jaya Yang Mengandungi 6 Unit Rumah Sesebuah Setingkat & 30 Unit Rumah Deret Setingkat, Lot 1621, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ample Development Sdn. Bhd.	36 Unit	Rumah Sesebuah Setingkat & Rumah Deret Setingkat	100%
9	Projek Perumahan Taman Titiwangsa (Pembesaran Kg.) Yang Mengandungi 80 Unit Rumah Teres Kos Rendah 1 Tingkat dan 8 Unit Kedai 1 Tingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Imbuhan Murni Sdn. Bhd.	87 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat	100%
10	Projek Perumahan 407 Unit Rumah Kos Rendah, Sederhana dan Rumah Kedai di Taman Sri Raya, Batu 9, PT14681 - 14722 dan PT 10224-10228 Cheras	Tetuan Kausar Corporation Sdn. Bhd. (Digulung)	408 Unit	Rumah Kos Rendah 2 TKT, Rumah Kos Rendah 1 TKT, Rumah Kos Sederhana Rendah 1 TKT, Rumah Teres Kos Sederhana 1 TKT, & Rumah Kedai 1 1/2 Tingkat. (29.9 Ekar)	0%
11	Projek Perumahan Taman Ihram Perdana Sejoli, HS (D) 40113, PT 5520, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ukiran Mutu Sdn. Bhd. Tetuan Safa Corporation Sdn. Bhd.	132 Unit	Rumah Berkembang 1 Tingkat	0%
12	Projek Perumahan Evergreen Homes Di atas HS (M) 6672, PT 9307, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Averise Acres Holdings Sdn. Bhd	21 Unit	Rumah Teres	85%
13	Projek Perumahan Terbengkalai Taman Nusa Lestari (Rumah Banglo) Di Atas Hakmilik Induk GM 219 (EMR 4873), Lot 3022, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Kamara Land Sdn. Bhd.	—	Rumah Banglo	—
14	Projek Perumahan Taman Sri Puteri 4 Rumah Teres Dua Tingkat DI Atas Pm 237, Lot 4947 Mukim Setapak, Daerah Hulu Langat	Tetuan Nurangkanai Development Sdn. Bhd.	—	Rumah Teres	—

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI (MPS)

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/ AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO. KAD PENGENALAN/ PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS(TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Pembinaan Pangsapuri Gombak Perdana Villa 10 Tingkat, 222 Unit Seluas 1.737 Ekar, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Aga Development Sdn. Bhd. (Digulung) Pelikuidasi : Ferrier Hodgson MH Sdn. Bhd.	222 Unit	Pangsapuri	90%
2	Projek Pembinaan Pangsapuri Bandar Baru Kundang, 192 Unit (3 Blok Pangsapuri Beserta Penthouse 8 Tingkat), HS (M) 7622, PT 19315 dan HS (M) 6744, PT 9316, Seluas 5.7 Ekar, Mukim Rawang, Daerah Gombak	Tetuan Nilai Idaman Sdn. Bhd.	192 Unit	Pangsapuri	90%
3	Pembangunan Taman Selayang Mutiara (Rancangan Semula Kawasan Setinggan Bukit Botak), 1,406 Unit Rumah Teres Berkembar dan 498 Unit Rumah Pangsa Kos Rendah 5 Tingkat, Mukim Batu, Daerah Gombak	Tetuan Delpuri Corporation Sdn. Bhd.	1,406 Unit Rumah Teres Berkembar dan 498 Unit Rumah Pangsa Kos Rendah 5 Tingkat	Rumah Teres Berkembar & Pangsa Kos Rendah	50%
4	Pembangunan Kampung Tengah, 246 Unit (Apartment Kos Sederhana Jenis A,B,C,D & E 18 Tingkat), Keluasan 1.68 Ekar Di atas Lot 1874, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Kemuncak Laksana Sdn. Bhd.	246 Unit	Apartment Kos Sederhana	100%
5	Projek Pembinaan Pangsapuri Kos Rendah (Taman Bayu) Di bawah Geran No.29858, Lot No.2980, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Tegoh Timber & Properties Sdn. Bhd.	—	Pangsapuri Kos Rendah	0%
6	Pemberimanikan Tanah Kerajaan Di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara Seluas 35.565 Hektar Di atas Lot 3883 & 5060, Batu 291/2, Jalan Batu Arang Ke Batang Berjuntai, Mukim Rawang, Daerah Gombak (Rancangan Perkampungan Secara Berkelompok & Tersusun Kampung Kiai Hj. Arshad)	Tetuan Aramin Sdn. Bhd.	359 Unit	Rumah Sesebuah Kos Sederhana Rendah	60%
7	Projek Astana Square Pangsapuri Perkhidmatan, Di Atas HS(D) 21817 PT 1985, Bandar Selayang	Tetuan Sedaya Sdn. Bhd. Pelikuidasi : GTC Corporate Advisory Sdn. Bhd.	176 Unit	Pangsapuri Perkhidmatan	90%
8	Projek Perumahan Taman Jasa Murni, GM622, 623 dan 624, Lot 2146, 2148 & 2150, Sungai Tua, Mukim Batu, Daerah Gombak	Tetuan Intelligent Mission Sdn. Bhd. Tuan Tanah : Epic Quest Sdn. Bhd.	49 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat, Rumah Bandar 2 Tingkat	0%
9	Projek Perumahan Taman Pusu, Rumah Teres 1 Tingkat P.M 338 Lot No. 4935, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Q-Vista Sdn. Bhd	—	—	—
10	Projek Perumahan Taman Garing, Mukim Rawang, Daerah Gombak	Tetuan Q-Vista Sdn. Bhd	—	—	—

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI (MPSp)

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO. KAD PENGENALAN/ PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS(TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Pembangunan Bercampur, Taman Kenanga, Bandar Baru Salak Tinggi, 1904 Unit Kediaman & 46 Unit Komersial Seluas 354.6 Ekar Di atas Lot-Lot 3121,3123 & 3467, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Tetuan Kumpulan Sepang Utama Sdn. Bhd. (Digulung) (In Liquidator - Tetuan Ernst & Young Sdn. Bhd.) Pelikuidasi : GTC Associates Sdn. Bhd.	2,130 Unit	Kondominium, Apartment, Pangapuri Kos Rendah, Rumah Teres 2 Tingkat, Kedai Pejabat, & Rumah Kedai	40%
2	Projek Pembinaan 527 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana 7 Tingkat, Seluas 5 ekar, Taman Topaz, Dengkil	Tetuan Perangsang Tin Consolidated Sdn. Bhd. (Digulung) (In Liquidator - Tetuan Hals & Associates Sdn. Bhd.) Pelikuidasi : Bina Puri Sdn. Bhd.	787 Unit	Rumah Pangsa Kos Sederhana	80%
3	Projek Perumahan Putra Perdana (La Cottage), 187 Unit Rumah Teres Dua Tingkat (18'x65'), HS(D) 2487 PT 6250, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Tetuan Metro Tegas Sdn. Bhd. Pelikuidasi : Rim bun Corporate Advisory	187 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat	89%
4	Projek Perumahan Seri Setia Height, Plot No.13, Lot 921, Mukim Labu, Daerah Sepang	MBO Mega Development	21 Unit	Rumah Berkembar Setingkat	20%
5	Projek Perumahan Taman Desa Sinar Salak Membina 26 Unit Rumah Berkembar Dan 4 Unit Banglo Di P.M. 3000, Lot 1635, Mukim Labu, Daerah Sepang	Ikatan Darma Sdn. Bhd.	30 Unit	Rumah Berkembar & Banglo	85%
6	Projek Perumahan Rumah Sesebuah Desa Meranti, Di Atas GM 142 (EMR 6225), Lot 4406, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Karisma Housing Development Sdn. Bhd.	25 Unit	Rumah Sesebuah Setingkat	—
7	Projek Perumahan Taman Indra Indah, Di Bawah Hakmilik Induk GM 1121, Lot 2712, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Teratai Seroja Corporation Sdn. Bhd.	—	—	—
8	Projek Perumahan Taman Desa Salak Gemilang (Fasa 2), Lot 2241 PM 386, Mukim Labu, Daerah Sepang	MBO Mega Development Tuan Tanah : Amat Bin Karto	28 Unit	Rumah Teres Satu Tingkat (RM 65,000)	50%-80%

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI (MDKS)

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/ AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO.KAD PENGENALAN/ PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS (TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Pembangunan Bercampur (Fasa 1 Alam Mutiara), 924 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Seluas 38.01 Ekar Di atas Sebahagian Lot-Lot PT 9142-PT9151. Rancangan Revolusi Hijau Peringkat 2 (RRHP II), Mukim Cherakah, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	Tetuan MZ Development Sdn. Bhd. (Digulung) Pemilik Tanah: Mujur Zaman Sdn Bhd.	924 Unit	Rumah Teres 2 Tingkat	45%
2	Projek Perumahan Taman Cahaya 2, 24 Unit Rumah Teres Satu Tingkat Harga Sederhana & 127 Unit Kos Rendah Di atas Lot 349 & 350, Mukim Batang Berjuntai, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Rui Development Sdn. Bhd.	151 Unit	Rumah Kos Sederhana Rendah Rumah Kos Rendah	RKSR - 20% RKR - 35%
3	Projek Perumahan Di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah Di Taman Sungai Yu Indah, Sungai Yu, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor (499 unit RKR 1 tkt & 11 Kedai 1 tkt)	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd. Setiausaha Kerajaan Selangor & (Perbadanan PNSB)	499 Unit	Rumah Teres Kos Rendah 1 Tingkat Kedai 1 Tingkat	70%
4	Projek Perumahan Taman Kelisa (Tambahan), 46 Unit (RS 1 Tingkat 20 Unit-Lot 373 & RS 2 Tingkat 26 Unit-Lot 378) Seluas 4.17 Ekar Di atas Lot 373 dan 378, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung) Pelikuidasi : Ferrier Hodgson MH Sdn. Bhd.	46 Unit	Rumah Kos Sederhana 1 Tingkat Rumah Kos Sederhana 2 Tingkat	80%
5	Projek Perumahan Taman Seri Wangi Di Atas Lot 103, Mukim Tanjong Karang, Jln Sungai Tengi Kiri, Bandar Tanjong Karang, (28 Unit R/Teres 1 Tkt, 44 Unit R/Teres 2 Tkt & 1 Unit Pencawang Elektrik	Tetuan K.A Resources Sdn. Bhd. (Lama) & Tetuan Mentera Dagang Sdn.Bhd. (Baru).	72 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat Rumah Teres 2 Tingkat	10%
6	Projek Perumahan 154 Unit Rumah Teres Kos Rendah Di Taman Damai (Taman Damai II), Tanjung Karang (Fasa 1) Di atas Sebahagian Lot 1872 & Lot 1857, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Koperasi Seri Kota Bukit Cherakah Sdn. Bhd.	154 Unit	Rumah Teres Kos Rendah	80%
7	Projek Pembesaran Kampung Di atas Tanah Seluas 216 Ekar, 1282 Unit (RS 1 Tingkat 1012 Unit, RS 1 Tingkat 242 Unit, RK 1 Tingkat 28 Unit), Kampung Bukit Kerayong, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Bumi Circle Sdn. Bhd.	1282 Unit	Rumah Sesebuah 1 Tingkat Rumah Kembar 1 Tingkat Rumah Teres 1 Tingkat	45%
8	Projek Pemberimanian Tanah Secara Terancang Di bawah Program Pembesaran Kampung, Taman Desa Mawar Seluas 128.7 Ekar Di atas Lot P.T. 1175, Kampung Sungai Yu, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan JKK Sungai Yu Tetuan Fokus Perkasa Sdn. Bhd. Tetuan Lian Feng Construction Sdn. Bhd.	499 Unit	Rumah Kos Rendah & Rumah Kedai	—
9	Projek Perumahan Taman Setia Budi, 13 Unit R/Teres 2 Tingkat & 13 Unit R/Kedai 2 Tkt & 38 Unit R/Teres 1 Tingkat Diatas Lot Asal 1222, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd.	64 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat, 2 Tingkat dan Rumah Kedai 2 Tingkat.	90%
10	Projek Perumahan Taman Delima Merah, Jalan Lintang, Kampung Tengah, Daerah Kuala Selangor	Syahira Development Sdn. Bhd	—	—	—

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI (MDHS)

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU/ AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO. KAD PENGENALAN/ PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS (TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan Desa Beruntung, 913 Unit RKR Setingkat, Mukim Ulu Yam, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Prospell Development Sdn. Bhd. (Digulung)	913 Unit	Rumah Kos Rendah 1 Tingkat	50%
2	Projek Perumahan Lembah Beringin, PT 610, 6502, 863 & 864, Jalan Kerling, Mukim Sungai Gumut, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Lembah Beringin Sdn. Bhd. (Digulung)	902 Unit	Rumah Teres Satu Tingkat, Rumah Tersatu Setengah Tingkat, Rumah Ters Dua Tingkat	50%
3	Projek Perumahan Bandar Baru Serendah, 79 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Manco Sdn. Bhd.	79 Unit	Rumah Teres Satu Tingkat	90%
4	Projek Perumahan 400 Unit Rumah Teres Setingkat Di Fasa 16A, Bukit Sentosa 3, Di Atas Sebahagian Lot 353 Dan 1729, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.	400 Unit	Rumah Teres Setingkat	70% (60 unit sahaja dari 400 unit)
5	Projek Pembesaran Kampung Desa Beringin Di atas Tapak Baru, Jalan Kampung Jawa, Batu Dua Kuala Kerling, Mukim Kerling, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Modulex Sistem (M) Sdn. Bhd. (Pejabat Tanah & Daerah Hulu Selangor) Tetuan JK Kampung Jawa	200 Unit	184 Unit Rumah Semi-D & 16 Unit Kedai	40%
6	Projek Pemberimanikan Tanah Secara Terancang Di bawah Program Pembesaran Kampung Melayu Rasa Di Lot 1783, 109 Unit Rumah Banglo, Jalan Ampang Pechah, Mukim Rasa, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Litar Jaya Sdn. Bhd.	109 Unit	Rumah Banglo	55%
7	Projek Pembesaran Kampung Desa Bukit Bujang (Fasa 2 - 461 unit), HS(M) 2199, PT 1310, Kampung Ampang Pechah, Kuala Kubu Bharu, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Rampai Budi Jaya Sdn. Bhd.(Nama Lama) & ARK Development Sdn.Bhd (Nama Baru)	461 Unit	Rumah Teres Satu Tingkat	30%
8	Projek Perumahan Tanah Lot Banglo No.2527 & 2528 dan 2529 & 2530 (The Genting Valley), Jalan Desa Rening, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Jade San Reality Sdn. Bhd. (Digulung)	680 Unit	Rumah Banglo	0%
9	Projek Perumahan 131 Unit Rumah Teres Kos Sederhana 1½ Tingkat dan 16 Unit Rumah Teres Kos Rendah 2 Tingkat Dengan 1 Pencawang Elektrik di atas Lot 484 & 487, Mukim Hulu Bernam Dalam Daerah Hulu Selangor (Taman Malim Mas), Mukim Hulu Bernam, Daerah Hulu Selangor	Tetuan JK-NBA Ventures Sdn. Bhd. (Digulung)	147 Unit	Rumah Teres	80%
10	Projek Pembesaran Kampung Koskan, 43 Unit Rumah Banglo Setingkat, Jalan Sungai Buaya, Sungai Choh, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Ehsanibu Sdn. Bhd.	43 Unit	Rumah Banglo 1 Tingkat (534 Persegi)	60%
11	Projek Perumahan Dibawah Skim Pemilikan Secara Terancang Projek Pembesaran Kampung Mukim Serendah (Serendah Perdana), Yang Mengandungi 130 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat Jenis A, 48 Unit Rumah Berkembar Jenis B, 40 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat Jenis C, 90 Unit Rumah Banglo 1 Tingkat Jenis D, 210 Unit Rumah Banglo 1 Tingkat Jenis E, 32 Unit Rumah Banglo 1 Tingkat Jenis F, 2 Unit Pencawang Elektrik & 1 Unit Surau Bagi Program Pembesaran Kampung Di atas Tanah Kerajaan Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Kamsu Sdn. Bhd.	550 Unit	Rumah Berkembar 1 Tingkat, Rumah Banglo 1 Tingkat.	5%
12	Projek Erina Heights, Mukim Ulu Yam, Daerah Ulu Selangor	Tetuan Coral Vista Sdn. Bhd	Fasa 1 = 49 Unit Fasa 2 = 152 Unit	Rumah Banglo	80%
13	Projek Perumahan Di Atas Hakmilik Geran 39220, Lot 2496 Dan Geran 39221, Lot 2565, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	Peninsular Park Sdn. Bhd. (Digulung)	-	-	-
14	Projek Perumahan Taman Impiana, 22 Unit Rumah Banglo Setingkat, Di Atas H.S.(M) 358, PT 671, Kampung Bharu Sejantung, Mukim Kuala Kalumpang, Daerah Ulu Selangor	Oridua Construction Sdn. Bhd.	22 Unit	Rumah Banglo Setingkat	80%

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

SENARAI PROJEK MASIH TERBENGKALAI (MDKL)

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU / AHLI LEMBAGA PENGARAH & NO. KAD PENGENALAN / PASPORT	BILANGAN UNIT	JENIS (TYPE) DAN SAIZ BINAAN	PERATUS SIAP PEMBINAAN
1	Projek Perumahan 54 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Taman Nuri Indah di atas HS(M) 6465 PT 7414, Jalan Banting, Olak Lempit-Dengkil, Bukit Changgang,Mukim Tanjung 12, Daerah Kuala Langat	Tetuan Konsortium Nuri Sdn. Bhd. (Digulung)	54 unit (3 Ekar)	Rumah Teres Satu Tingkat	65%
2	Projek Perumahan 139 Unit Rumah Teres 1 Tingkat & 146 Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 1B, 3B, 1C, 3A, 3B) Di Bandar Saujana Putra di atas Sebahagian PT 8594 Lot 20407, Mukim Tanjung 12, Daerah Kuala Langat	Tetuan Galian Juta Sdn. Bhd.	285 Unit	Rumah Teres 1 Tingkat	80%
3	Projek Perumahan Bandar Saujana Putra, 237 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Di atas Lot PT.17325, Fasa 5A dan 5B Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat (Projek Talam Corporation Berhad)	Tetuan Sanjung Hemat Sdn. Bhd.	237 Unit	Rumah Teres Satu Tingkat	100%
4	Projek Perumahan Di Atas Lot 175 Dan 12163, Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Jamaras (M) Sdn. Bhd.	27 Unit	Rumah Berkembar 2 Rumah Banglo 2 Tingkat	—
5	Projek Perumahan 70 Unit Rumah Teres Satu Tingkat, Lot 2204, Tempat Batu 14 Tanjung Dua Belas, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Aghniyak Builders Sdn. Bhd.	70 Unit	Rumah Teres Satu Tingkat	5%
6	Projek Perumahan 24 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat, (Taman Desa Sri Jentayu 1) di atas Plot 15, LM 276 Lot 4324, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat : Shabbir Consultant	24 Unit	Rumah Berkembar 1 Tingkat	80%
7	Projek Perumahan 25 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat (Taman Visi Nusa) di atas Lot 2092, Bukit Changgang, Mukim Tanjung 12,Daerah Kuala Langat	Tetuan Visi Nusa Corporation Sdn. Bhd.	25 Unit	Rumah Sesebuah Satu Tingkat	90%
8	Projek Perumahan 70 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat, Taman Sijangkang Perdana Di Atas GM 2073, Lot 679, Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Pemaju - Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd.(Digulung) (459943-U) Simpulan Cemerlang Sdn Bhd (Vendor/Penjual) Pelikuidasi : Mustapharaj Sdn. Bhd.	70 unit	Rumah Teres 1 Tingkat	15%
9	Projek Perumahan Lot-Lot Banglo, Jalan Manggis, Batu 9, Di Atas Hakmilik Asal GM 1989, Lot 1647, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.	29 Unit	Lot Banglo	10%
10	Projek Perumahan Taman Desa Sri Saujana 1, 44 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat dan 2 Unit Rumah Sesebuah Di Atas Lot 2159 GM 2751, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. Dato' Dr Rahmat Hidayat Bin Yusop (730423-71-5003) & Lisanuddin Bin Yusop (861204-43-6899) Pemaju Penyelamat : Shabbir Consultant	46 Unit	44 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat dan 2 Unit Rumah Sesebuah	25%
11	Projek Perumahan Taman Desa Perwira, 42 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Di Atas Hakmilik Induk No. PM 2392, Lot 7736, Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)	42 Unit	Rumah Berkembar 2 Tingkat	—
12	Projek Perumahan Taman Desa Lestari, 28 Unit Di Atas Hakmilik Individu, Bukit Kemandol, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Lasah Emas Sdn. Bhd.	28 unit	—	—
13	Projek Taman Langat Utama 3, Di atas Hakmilik Individu, HS(M) 16314 PT 17272, Rancangan Tanah Belia Bukit Changgang, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Dahria Corporation Sdn. Bhd.	30 Unit	Banglo Satu Tingkat	20%
14	Projek Perumahan Rumah Berkembar Setingkat, Di bawah Pegangan Geran Induk, HS(M) 11973, PT No. 14269, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Sure Meridien Sdn. Bhd.	30 Unit	Rumah Berkembar Setingkat	60%
15	Projek Perumahan Berkembar Setingkat Di Bawah Pegangan Geran Induk LM 188, Lot 4208, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.	28 unit	Rumah Berkembar Setingkat	80%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MBPJ) 2007

229. Kerajaan telah meluluskan pindaan kepada Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBPJ) pada tahun 2007 dengan mengenakan kadar fi perlesenan yang lebih tinggi mengikut saiz premis dan bentuk perniagaan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Bukankah sebahagian daripada kenaikan ini mengakibatkan kenaikan lebih daripada tiga kali ganda untuk peniaga kecil dan ianya wajar dipinda agar bayaran fi tidak terlalu membebankan para peniaga kecil?
- b) Jika ya, bila dan bagaimanakah kerajaan akan melakukannya?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman peniaga kecil adalah di bawah Undang-undang Kecil Penjaja (MBPJ) 2007. Ianya tidak terlibat cadangan pindaan kadar lesen di MBPJ dan masih menggunakan kadar fi lama.
- b) Tidak berkaitan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : MASALAH TOL DAN PELANTAR IKAN

230. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah dasar terkini Kerajaan Negeri khususnya tentang kelulusan tanah-tanah TOL ?
- b) Sila senaraikan jumlah pelantar ikan yang dikenakan tindakan saman oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) di daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor angkara tidak mempunyai kelulusan TOL.
- c) Sila nyatakan apakah kaedah menang –menang yang bakal dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan pelantar ikan di kawasan Bagan Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil tindakan dan menambah baik proses kelulusan tanah-tanah TOL dengan mengekalkan pekeliling dan amalan Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dalam usaha untuk membantu pengeluaran tanah-tanah Lesen Pendudukan Sementara (TOL).
 - i) Tapak Kediaman :
Kerajaan Negeri Selangor telah memaklumkan permohonan Lesen Pendudukan Sementara bagi tujuan kediaman ke atas tapak diduduki bagi tahun 2013 dan kuasa melulus diturunkan kepada Pentadbir Tanah Daerah melalui Arahan PTGS Bil.3/2013 (*seperti di lampiran*).
 - ii) Papan Iklan :
Berdasarkan Pekeliling Bil.2/2013 (*seperti di lampiran*)
 - iii) Pondok Pengawal :
Berdasarkan Pekeliling Bil.1/2013 (*seperti di lampiran*)
 - iv) Pekeliling PTGS Bil.7/2011 :
Permohonan LPS ke atas tanah kerajaan mengikut data yang ada, tidak ada lagi kelulusan TOL ke atas kegunaan pelantar ikan. Kewujudan yang ada adalah kegunaan persendirian secara tidak sah/ tidak ada kelulusan TOL.

- b) Tindakan yang diambil oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) adalah berdasarkan kesalahan di bawah Seksyen 43(1) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 kerana tidak mempunyai Kebenaran Bertulis bagi tujuan pembinaan jeti dan bukanlah kerana tidak mempunyai TOL. Ini terpakai bagi mana-mana pembinaan struktur jeti baru. Untuk makluman, keperluan untuk memperolehi TOL adalah merupakan salah satu syarat Kebenaran Bertulis LUAS. Ianya adalah penting untuk tujuan penyelarasan dengan Pejabat Daerah/Tanah terutamanya bagi mengelakkan Kebenaran Bertulis LUAS dikeluarkan terhadap pendudukan di atas tanah Kerajaan Negeri secara haram.

Sebanyak 7 buah jeti telah dikenakan tindakan oleh LUAS di Negeri Selangor, mengikut daerah seperti berikut :-

- i) Sabak Bernam – 5 buah
- ii) Kuala Langat – 2 buah
- iii) Lain-lain Daerah – 0

Untuk 7 jeti tersebut, 13 notis, 3 kompaun dan 3 surat arahan perobohan telah dikeluarkan di bawah peruntukan :-

- i) Seksyen 43(1) Enakmen LUAS 1999 iaitu kegagalan memperolehi Kebenaran Bertulis LUAS bagi pembinaan jeti – 9 notis dan 1 kompaun;
- ii) Seksyen 70(1) Enakmen LUAS 1999 iaitu kegagalan memperolehi kebenaran LUAS bagi pembinaan struktur dalam jarak 50 meter dari tebing sungai – 2 notis;
- iii) Seksyen 100(1) Enakmen LUAS 1999 iaitu arahan pemberian maklum – 1 notis;
- iv) Seksyen 50(2) Enakmen LUAS 1999 iaitu arahan perobohan struktur aktiviti pengubahan sumber (i.e. jeti) – 3 surat arahan;
- v) Seksyen 50(3) Enakmen LUAS 1999 iaitu kegagalan mematuhi surat arahan perobohan – 2 kompaun; dan
- vi) Peraturan 28(1)(a) Peraturan-Peraturan Navigasi Jalan Air Pedalaman (Negeri Selangor) 2012 iaitu kegagalan mendapatkan lesen navigasi jalan air pedalaman – 1 notis

Untuk makluman juga, satu peraturan berkenaan aktiviti Pengubahan Sumber akan dikuatkuasakan oleh LUAS setelah diwartakan kelak.

- c) Semenjak April 2006, urusan pemberian lesen Kebenaran Bertulis Aktiviti Jeti diuruskan oleh LUAS dengan menguatkuaskan peruntukan Enakmen LUAS 1999. Semua urusan berkaitan pengurusan jeti ini dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Jeti Negeri Selangor yang turut dianggotai oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Laut, Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor, Jabatan Alam Sekitar Selangor, Lembaga Pelabuhan Klang, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah, serta jabatan-jabatan lain yang berkaitan. Bermula September 2008, jeti-jeti komersial di dalam had pelabuhan dikawalselia oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) sementara diluar kawasan had pelabuhan masih di bawah kawaseliaan LUAS.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 15/2012 yang bersidang pada 26 April 2012 memutuskan “untuk menangguhkan permohonan bagi menaiktaraf jeti pendaratan ikan di Negeri Selangor bagi Jabatan Perikanan Selangor membuat kajian ke atas keutamaan dan keperluan jeti-jeti di Daerah Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Kajian tersebut perlu mengambil kira antara lain *mapping* penempatan dan piawaian penyeragaman saiz jeti. Jabatan Perikanan Negeri Selangor, Lembaga Urus Air Selangor dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Selangor diminta untuk menyelaraskan kerja-kerja *mapping* tersebut”.

Selaras dengan keputusan tersebut, inventori dan pengumpulan data telah dilaksanakan. Surat kepada semua Pentadbir Tanah dan Daerah untuk memberikan maklumat senarai tanah milikan dan Lesen Menduduki Sementara (LMS) yang diberikan atas tujuan pembinaan jeti dan pelantar ikan. Surat memohon senarai dan lokasi jeti juga telah dikeluarkan kepada Jabatan Perikanan Selangor dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Selangor bagi tujuan yang sama. LUAS juga telah menjalankan inventori di lapangan selain pengumpulan data secara ‘desktop’.

Antara permasalahan yang dikenalpasti adalah semua jeti yang telah dibina tidak mempunyai LMS dan kelulusan Kebenaran Merancang (KM) di mana kelulusan daripada Pejabat Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan merupakan syarat utama bagi Kebenaran Bertulis Aktiviti Jeti daripada LUAS.

Maklumat inventori jeti nelayan yang lengkap bagi seluruh Negeri Selangor akan dibentangkan kepada pihak Kerajaan Negeri bagi mendapatkan keputusan dasar mengenai hala tuju pengurusan jeti dan tindakan lanjut ke atas jeti sedia ada. LUAS juga dalam usaha untuk menyediakan garis panduan pengurusan jeti melibatkan semua aspek saiz dan rekabentuk untuk digunakan pada masa hadapan.

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/2013**

**GARIS PANDUAN PENGETAHUAN LESEN PENDUDUKAN
SEMENTARA DI BAWAH SEKSYEN 65 KANUN TANAH NEGARA
1965 BAGI MAKSLUD KEGUNAAN PONDOK PENGAWAL**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah berhubung garis panduan berkaitan pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di bawah seksyen 65 Kanun Tanah Negara, 1965 (KTN) bagi struktur yang melibatkan pondok pengawal bagi kawasan Taman Perumahan yang tidak tertakluk di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 (AHS) selaras dengan Cabutan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 6 / 2013 bertarikh 13 Februari 2013 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 7 / 2013 bertarikh 20 Februari 2013 .

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Konsep pembangunan komuniti berpagar oleh pemilik rumah bertujuan sebagai langkah pencegahan kes jenayah seperti kes kecurian disamping bertujuan untuk mengurangkan jumlah kenderaan luar yang keluar masuk tanpa sebarang hala tuju di kawasan terbabit.
- 2.2 Fungsi utama komuniti berpagar ini hanya menjurus kepada keselamatan sahaja dan tidak melibatkan urusan lain seperti kutipan sampah dan penyelenggaraan kawasan-kawasan seperti padang permainan dan kawasan lapang.
- 2.3 Kewujudan konsep pembangunan ini bermula dengan dua cara iaitu :
 - i) Wujud berdasarkan cadangan dan konsep pembangunan yang dilaksanakan pemaju sebelum wujudnya AHS. (Pelaksanaan konsep komuniti berpagar melalui AHS hanya terpakai pada tahun 2007 selepas pindaan AHS). Pembinaan pondok pengawal telah wujud terlebih dahulu dan disarankan kepada penduduk untuk ditadbir bersama-sama atau sebagai satu badan penduduk yang diiktiraf.

- ii) Kewujudan berdasarkan kepada penubuhan persatuan penduduk (sama ada berdaftar atau tidak berdaftar). Kewujudan parameter kawalan dan pondok pengawal adalah inisiatif penduduk dan tiada sebarang kebenaran pembangunan diperolehi dalam mendirikan pondok pengawal. Untuk makluman kewujudan adalah selepas pemilikan individu telah diperolehi.
- 2.4 Isu pembangunan komuniti berpagar yang wujud di bawah AHS adalah **TIDAK** berkaitan dengan isu ini memandangkan kaedah pembangunannya telah dikawal melalui peruntukan undang-undang dan telah jelas kuasa pentadbirannya bagi skim-skim yang ada dibawahnya.
- 2.5 Dalam memastikan pelaksanaan skim komuniti berpagar ini mempunyai kawalan, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengemukakan kertas cadangan Garis Panduan Pembangunan Skim Komuniti Berpagar. MMKN pada 4 Oktober 2008 dimana bersetuju dengan garis panduan tersebut. Pihak LPHS telah membuat edaran garis panduan tersebut kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan orang ramai melalui hebahan dan buku edaran.

2.6 Walaubagaimanapun kewujudan Garis Panduan ini tidak menyelesaikan kesemua masalah berbangkit dalam perlaksanaan komuniti berpagar ini. Melalui Garis Panduan tersebut menetapkan beberapa perkara berikut bagi membolehkan komuniti dilaksanakan. Walaubagaimanapun cadangan tersebut menyebabkan pihak pemilik kediaman dan perumahan tidak bersetuju iaitu :

- i) Setiap komuniti yang dibangunkan perlu membuat ikatan Waad (*Deed of Mutual Covenant*) ditandatangani oleh pembeli dan dipersetujui oleh PBT.
- ii) Komuniti perlu bertangungjawab di atas penyelenggaraan Rezab Jalan, Lampu Jalan, Taman Permainan, longkang dan lain-lain perkara yang sebelum ini diselenggara oleh PBT.

2.7 Perkara asas yang diutamakan di dalam komuniti berpagar adalah kawalan keselamatan dan tidak melibatkan tentang kawalan di atas penyelenggaraan. Ini kerana pihak pemilik rumah masih perlu membayar bayaran cukai pintu kepada PBT dalam jumlah yang penuh walaupun ikatan Waad tersebut dipersetujui oleh penduduk dengan PBT.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Kuasa Melulus

3.1.1 Kuasa melulus bagi permohonan LPS adalah terletak di bawah bidang kuasa Pentadbir Tanah mengikut seksyen 66 KTN.

3.2. Tatacara Permohonan

3.2.1 Ulasan Teknikal

- i) Setiap permohonan yang dikemukakan untuk kelulusan pondok pengawal hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada PBT yang berkaitan selaras dengan fungsi PBT sebagai pihak yang mengawal pembangunan dikawasan berkaitan.

- ii) Saiz, luas pondok pengawal dan kedudukannya adalah ditentukan sepenuhnya oleh PBT. Walaubagaimanapun, jika wujud pertindihan dengan hakmilik tanah yang telah didaftarkan maka Pentadbir Tanah berhak menolak permohonan tersebut dengan

memaklumkan secara bertulis kepada pemohon dan juga pihak PBT.

- iii) Pentadbir Tanah hanya perlu mendapatkan ulasan teknikal daripada pihak PBT sahaja untuk kelulusan tersebut.

3.2.2 Pihak Yang Boleh Mengemukakan Permohonan

- i) Hanya Persatuan Penduduk sahaja yang boleh mengemukakan permohonan bagi maksud pondok pengawal ini. Permohonan pondok pengawal secara individu hendaklah ditolak oleh Pentadbir Tanah.
- ii) Semua permohonan hendaklah tertakluk kepada seksyen 43 KTN. Merujuk kepada Persatuan Penduduk bagi maksud ini, Pentadbir Tanah mestilah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi :
 - a) Persatuan Penduduk adalah persatuan yang berdaftar dengan pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).
 - b) Perlembagaan Persatuan Penduduk tersebut membenarkan persatuan memiliki

harta tidak alih selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 43 (b) KTN.

3.2.3 Tempoh Masa Pembaharuan Lesen Pendudukan Sementara

- i) Tempoh masa pembaharuan LPS adalah tertakluk kepada seksyen 67 (3) KTN dengan **PENGECUALIAN** tempoh pembaharuan tidak tertakluk kepada tiga (3) kali pembaharuan.

3.2.4 Kadar Bayaran LPS

- i) Kadar bayaran permohonan LPS adalah kekal iaitu **RM 10** selaras dengan Kaedah-Kaedah Tanah Selangor, 2003
- ii) Kadar bayaran untuk kelulusan LPS adalah berjumlah **RM 100.00** setahun.
- iii) Kadar deposit LPS adalah berjumlah **RM 300.00**.

4. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN DI ATAS PENGELOUARAN LPS BAGI TUJUAN PONDOK PENGAWAL

- 4.1 Berdasarkan seksyen 80 Akta Pengangkutan Jalan, 1987 menjelaskan bahawa menjadi satu kesalahan meletakkan halangan seperti bonggol jalan, tali, wayar, takal atau radas dan sebagainya di atas jalan melainkan pihak yang berhak ke atasnya dengan memberikan amaran yang cukup berkaitan dengan halangan tersebut.
- 4.2 Selaras dengan itu adalah diingatkan kepada Pentadbir Tanah bahawa kelulusan LPS hanya melibatkan pondok kawalan keselamatan sahaja dan tidak melibatkan halangan jalan.
- 4.3 Maka, semua kelulusan yang diberikan oleh Pentadbir Tanah perlu dimaklumkan terma peringatan kepada pemegang lesen terlibat secara bertulis melalui surat kelulusan.


5. PENGECUALIAN

- 5.1 Merujuk kepada Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bil. 1 / 2012 telah memaklumkan sebarang penjualan pelan yang telah dikategorikan sebagai rezab kerajaan perlu dihentikan serta merta.

- 5.2 Selaras dengan itu, semua penjualan pelan bagi maksud permohonan LPS untuk tujuan pondok pengawal sahaja dibenarkan memandangkan kesemua pondok tersebut terletak di atas rezab kerajaan.
- 5.3 Penjualan pelan bagi maksud selain pondok pengawal adalah kekal sepetimana Arahan PTGS Bil. 1 / 2012.

6. TARIKH KUATKUASA DAN PEMAKAIAN

- 6.1 Pelaksanaan arahan dalam Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.



(DATO' KAMARULZAMAN BIN JAMIL)

D.P.M.S,S.I.S,A.I.S,P.P.T

Pengarah Tanah dan Galian

Negeri Selangor Darul Ehsan

Bertarikh : 14.3.2013

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 2/2013**

**LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) BAGI TUJUAN
PAPAN IKLAN (BILLBOARD)**

1. TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah, berkenaan dengan kuasa melulus dan kadar bayaran Lesen Pendudukan Sementara (LPS) bagi tujuan Papan Iklan (Billboard). Perkara ini telah dipertimbangkan dan diluluskan melalui Kertas MMK. No.6/8/2013 oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 9/2013 bertarikh 6 Mac 2013 dan kertas pindaan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 12/2013 bertarikh 25 Mac 2013.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam Bilangan 1/2013 pada 31 Januari 2013, telah membincangkan isu mengenai Lesen Pendudukan Sementara bagi tujuan Papan Iklan.
- 2.2 Isu yang dibangkitkan adalah mengenai kadar bayaran LPS yang dikenakan melalui Pekeliling PTG 7/2011 yang

dikuatkuasakan pada 20 Julai 2011 dan kuasa bagi melulus permohonan LPS.

- 2.3 Melalui Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Selangor bil. 1/2012 yang berkuatkuasa mulai 16/8/2012, semua Pejabat Tanah dan Daerah dan Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) telah diarahkan memberhentikan penjualan pelan tanah rizab kerajaan kepada orang awam bagi tujuan permohonan pemberimilikan tanah dan LPS. Arahan ini menyebabkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak boleh memohon LPS bagi tujuan papan iklan.
- 2.4 Kini, kebanyakan struktur binaan papan iklan yang telah didirikan di atas rizab kerajaan (rizab jalan) adalah tidak sah kerana PBT tidak boleh memohon LPS untuk memperbaharui LPS dan permohonan baru juga tidak boleh dikemukakan ke Pejabat Tanah Daerah.
- 2.5 Sehubungan itu, YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah mengarahkan Pengarah Tanah Dan Galian Selangor supaya menyemak semula kadar bayaran dan syarat-syarat ke atas permohonan LPS bagi papan iklan (billboard) yang telah digunakan melalui Pekeliling PTGS Bil 7/2011 supaya kadar bayaran LPS diselaras berdasarkan kedudukan tanah yang terletak di dalam kawasan bandar, pekan dan desa.

**3. KAE DAH PERLA KSANAAN KELULUSAN LESEN
PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) BAGI TUJUAN PAPAN
IKLAN**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 9/2013 bertarikh 6 Mac 2013 dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 12/2013 bertarikh 25 Mac 2013 telah meluluskan pindaan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 7/2011 ke atas syarat-syarat dan kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) bagi tujuan Papan Iklan (Billboard) seperti berikut:-

**3.1 Kuasa Melulus Lesen Pendudukan Sementara (LPS)
dan Penguatkuasaan bagi Tujuan Papan Iklan
(Billboard)**

3.1.1 Pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara, tertakluk kepada apa-apa arahan yang bertentangan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan kepada peruntukan-peruntukan mana-mana kaedah di bawah Seksyen 14(b) Kanun Tanah Negara, dikeluarkan atau diperbaharui bagi pihak PBN. merujuk Seksyen 66(a) dan (c) Kanun Tanah Negara.

- 3.1.2 Pentadbir Tanah diberi kuasa melulus Lesen Pendudukan Sementara (LPS) bagi tanah seluas kurang dari 3 ekar bagi tujuan papan iklan.
- 3.1.3 Semua permohonan baru LPS di atas tanah rizab kerajaan **kecuali** bagi tujuan papan iklan perlu ditolak diperingkat Pentadbir Tanah Daerah melalui “Summary Rejection”.
- 3.1.4 Semua permohonan baru dan memperbaharui LPS di atas tanah kerajaan **kecuali** bagi tujuan papan iklan dikemukakan untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES).
- 3.1.5 Pejabat Tanah dan Daerah dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dibenarkan menjual pelan tanah rizab kerajaan kepada pihak PBT bagi permohonan Lesen Pendudukan Sementara bagi tujuan papan iklan sahaja.

3.2 Penguatkuasaan LPS Papan Iklan

- 3.2.1 Penguatkuasaan terhadap papan iklan tanpa kebenaran adalah di bawah kuasa Pentadbir Tanah Daerah.

3.2.2 Penguatkuasaan ke atas pematuhan syarat-syarat dan aspek teknikal bagi papan iklan yang telah diluluskan LPS adalah di bawah kuasa Pihak Berkuasa Tempatan.

3.3 Kadar Bayaran LPS Papan Iklan

3.3.1 Kadar bayaran LPS bagi tujuan papan iklan dikenakan berdasarkan Kaedah Tanah Selangor 2003 (pindaan 2005) merujuk Kaedah ke 22 Item 9 seperti berikut:

Tanah Pekan / Bandar	Tanah Desa	Pesisir Pantai dan Dasar Laut / Sungai	Bayaran Deposit
RM 2,000 (10mp dan kurang)	RM 2,000 (10mp dan kurang)	RM 2,000 (10mp dan kurang)	RM 5,000
RM 3,000 (10mp dan ke atas)	RM 3,000 (10mp dan ke atas)	RM 3,000 (10mp dan ke atas)	

3.3.2 Deposit hanya dipulangkan setelah ditolak baki kos pemulihan tapak jika sekiranya pemohon tidak membuat pemulihan tapak.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1.1 Pelaksanaan arahan dalam pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

4.1.2 Pejabat Tanah Daerah dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dibenarkan menjual pelan tanah rizab kerajaan untuk permohonan Lesen Pendudukan Sementara bagi tujuan papan iklan sahaja.

4.1.3 Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1 Tahun 2012 masih dikuatkuasakan dan kebenaran menjual pelan tanah rizab kerajaan bagi tujuan papan iklan sahaja.

4.1.4 Garis panduan dan kelulusan bagi Lesen Pendudukan Sementara (LPS) ke atas lain-lain tujuan selain papan iklan melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 7 Tahun 2011 adalah dikekalkan.

(DATO' KAMARULZAMAN BIN JAMIL)

D.P.M.S, S.I.S, A.I.S, P.P.T

Pengarah Tanah dan Galian

Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

Tarikh: 27/5/2013

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/2013

Lesen Pendudukan Sementara (LPS) Bagi Tujuan Kediaman

Arahan ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah (PTD) berhubung keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 8/2013 yang diadakan pada 27 Februari 2013 melalui kertas MMK. No. 6/8/2013 yang disahkan oleh MMKN ke 9/2013 pada 6 Mac 2013 ("Keputusan tersebut"). MMKN telah menimbang dan meluluskan semakan semula kadar bayaran dan kelulusan LPS bagi tujuan kediaman.

2. Berdasarkan Keputusan tersebut, kuasa melulus diturunkan kepada PTD bagi meluluskan permohonan LPS bagi tujuan kediaman ke atas tapak yang diduduki oleh pemohon untuk permohonan pada tahun 2013 sahaja. PTD diminta melaporkan kepada Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi (MTES) status permohonan kelulusan pada setiap bulan. Semua PTD hendaklah menggunakan format laporan seperti di **LAMPIRAN A**. Selain itu, permohonan LPS di atas tanah rizab kerajaan perlulah ditolak diperingkat PTD melalui "Summary Rejection".

3. Kadar bayaran LPS bagi tujuan kediaman adalah seperti kadar yang telah ditetapkan di dalam Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003, merujuk kepada Kaedah 22 Item 1 seperti berikut:-

Kegunaan	Tanah Bandar atau Pekan	Tanah Desa	Pesisir Pantai dan Dasar Laut / Sungai	Deposit
Kediaman	RM100.00 setiap plot	RM80.00 setiap plot	RM50.00 setiap plot	-

4. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua PTD adalah diarahkan mematuhi keputusan yang telah ditetapkan.

(DATO' KAMARULZAMAN BIN JAMIL)

D.P.M.S,S.I.S,A.I.S,P.P.T

Pengarah Tanah dan Galian

Negeri Selangor Darul Ehsan

Tarikh :

7/6/2013

Fail: Bil (25) dlm. PTGS/CR 02/00/2000

LAMPIRAN A**LAPORAN STATUS LPS BAGI TUJUAN KEDIAMAN
DAERAH:** _____

Bulan : _____ 2013

Bil.	Nama Pemohon	No. Fail.	Keluasan	Lokasi	Mukim/Pekan /Bandar	Status	Tempoh		Catatan
							Lulus / Tolak	Tarikh Mula	

*Pada ruangan Catatan, sila nyatakan keadaan semasa tanah dan ulasan mengenai kesesuaian tanah untuk pertimbangan pemberimanikan tanah dibawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)

TAJUK: PEMBANGUNAN DAN TANAH RUNTUH DI BUKIT GASING

231. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Selangor untuk menyuarakan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan menjaga keimbangan dan kepentingan penduduk Bukit Gasing, Petaling Jaya terhadap pemajuan di Kuala Lumpur yang mungkin mengakibatkan tanah runtuh?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan mengesyorkan penubuhan jawatankuasa bersama antara Selangor dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menyelaras aktiviti-aktiviti pembangunan bagi kawasan bersempadan antara Negeri Selangor dan Kuala Lumpur

Di peringkat Negeri Selangor, kerajaan negeri melalui JPBD Negeri Selangor sedang menyediakan kajian semula Rancangan Struktur Negeri Selangor. Salah satu pendekatan yang dilaksanakan dalam kajian ini adalah dengan rundingan yang melibatkan kawasan yang bersempadan Negeri Selangor termasuklah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kajian ini diperingkat Laporan Tinjauan yang dijangka siap pada Februari 2014. Proses rundingan dilaksanakan semasa penyediaan Laporan Awal sehingga cadangan bagi pembentukan dasar dan strategi pembangunan negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK: SKIM MERAKYATKAN EKONOMI

232. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan skim merakyatkan ekonomi yang masih dijalankan bagi tahun 2013?
- b) Nyatakan skim merakyatkan ekonomi baru yang akan dijalankan bagi tahun 2014?
- c) Nyatakan peruntukan baru untuk perkara (b)

JAWAPAN :

- a) Sejak Pakatan Rakyat mentadbir Negeri Selangor, mulai Mac 2008, satu agenda besar, "Hasil Negeri untuk Rakyat" telah dirangka dan dilaksanakan dengan segera melalui program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Pada permulaan, 7 Agenda Merakyatkan ekonomi telah dilaksanakan. Ia kemudian ditambah berperingkat-peringkat mengikut keperluan agar "Hasil Negeri untuk Rakyat" dapat dipenuhi secara maksimum.

Berikut merupakan skim merakyatkan ekonomi yang masih dijalankan bagi tahun 2013:

1. Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)
2. Hadiah anak masuk universiti
3. Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang
4. Pusat Tuisyen Rakyat
5. Skim Kesihatan Wanita (MammoSel)
6. Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)
7. Pusat Dialisis Rakyat
8. Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)
9. Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)
10. Skim Mesra Usia Emas
11. Kemudahan Cuti Tambahan
12. Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (m^3) Pertama
13. Program Peningkatan Hasil Batuan & Mineral
14. Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)
15. Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)
16. Skim Bantuan Wanita (TUNAS)

- b) Program "Merakyatkan Ekonomi Selangor" atau MES telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga sekarang. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri masih meneruskan program-program yang sedia ada yang telah dilancarkan secara berperingkat sejak ianya diperkenalkan. Ini adalah bagi memastikan perlaksanaan program dapat dijalankan dengan efektif dan manfaatnya dapat dinikmati bersama oleh semua golongan dan kaum di Negeri Selangor.
- c) Peruntukan bajet bagi pelaksanaan Agenda Rakyat Selangor ini telah dimasukkan bersekali dalam bajet tahunan di bawah MES dan segala pelan tindakan yang bakal dilaksanakan akan dimasukkan sekali bersama-sama program MES secara berperingkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)**

TAJUK: PROGRAM MEMBASMI KEMISKINAN

233. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah peruntukan telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri dalam Program Membasmi Kemiskinan di DUN Teluk Datuk?
- b) Berapakah jumlah keluarga miskin tegar, OKU atau bujang telah didaftarkan dan diberikan bantuan di DUN Teluk Datuk?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri dalam usaha untuk membasmi kemiskinan fokus kepada isu perumahan untuk orang miskin, penjanaan pendapatan, pendidikan dan kesihatan. Usaha ini diselaraskan bagi membantu mereka yang memerlukan dengan sasaran jangka panjang memastikan mereka dapat berdikari. Pembahagian peruntukan bagi Program Blueprint Pembasmian Kemiskinan dan Program Kerajaan Prihatin adalah seperti berikut :-
 - i) Program Blueprint Pembasmian Kemiskinan dan Program Kerajaan Prihatin adalah berdasarkan permohonan daripada DUN Teluk Datuk
 - ii) Lain-lain bantuan program pula berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan selaras dengan lain-lain DUN
- b) Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Langat bagi DUN Teluk Datuk adalah seperti berikut:-
 - i) Bantuan Am seramai 155 orang
 - ii) Bantuan Orang Tua seramai 175 orang
 - iii) Bantuan Kanak-Kanak seramai 158 orang
 - iv) Elaun Pekerja Cacat seramai 21 orang
 - v) Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar seramai 18 orang
 - vi) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja seramai 60 orang
 - vii) Bantuan Anak Pelihara seramai 1 orang

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK: PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG AMPANG PECAH (TAMAN DESA BUKIT BUJANG)

234. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Status terkini Projek Pembesaran Kampung Ampang Pecah (Taman Desa Bukit Bujang) dan nyatakan langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu 96 unit rumah dan infrastruktur yang telah siap 90% supaya ia tidak menjadi satu lagi projek terbengkalai.

JAWAPAN :

- a) Isu pembangunan 96 unit rumah dan infrastruktur yang tertangguh di Projek Pembesaran Kampung Ampang Pecah (Taman Desa Bukit Bujang) telah dibentang di Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) dan kerajaan negeri melalui MMKN bil. 13/2013 bertarikh 3 April 2013, bersetuju supaya Majlis Daerah Hulu Selangor menyediakan semula pelan perancangan bagi projek pembesaran kampung tersebut dengan syarat cadangan pembangunan tersebut ditawarkan secara tender dan Tetuan ARK Dev. Sdn. Bhd. kontraktor asal projek ini juga boleh memohon tawaran tender tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK: PERMOHONAN TOL

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Bilakah Pejabat Tanah boleh mengeluarkan TOL kepada MBPJ yang telah lama memohon tanah untuk membina tempat letak kereta di kawasan LRT Kelana Jaya dan LRT Taman Bahagia?

JAWAPAN :

- a) Pejabat Tanah Petaling telah mengeluarkan kelulusan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) kepada pihak MBPJ berdasarkan kelulusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 37/2011 pada 7 Disember 2011 dan telah disahkan pada MMKN ke 38/2011 pada 14 Disember 2011.

Surat kelulusan TOL telah dikeluarkan kepada MBPJ pada 20 Jun 2012 setelah tertangguh untuk mendapatkan ulasan dan syarat daripada pihak TNB (bertarikh : 01/06/2012) dan untuk mendapatkan jumlah bayaran setelah dikira nilai tanah semasa daripada JPPH (bertarikh : 24/05/2012)

Bayaran yang dikenakan berjumlah RM 24,000.00 setahun dan bayaran wang cagarang sebanyak RM 48,000.00 (jumlah bayaran adalah mengikut nilai semasa daripada JPPH)

Walaubagaimanapun, Lesen Pendudukan Sementara tidak dapat dikeluarkan kerana MBPJ mengemukakan rayuan untuk pengurangan jumlah bayaran yang telah dikenakan kepada mereka. Kertas Ringkasan bagi tujuan rayuan pengurangan bayaran yang telah disediakan untuk tindakan lanjut pentadbiran.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : TAPAK PELUPUSAN SAMPAH

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Jumlah tapak pelupusan sampah di Selangor yang berkelulusan dan tidak berkelulusan dan dimanakah lokasinya?
- b) Apakah perancangan kerajaan untuk menangani masalah tapak pelupusan sampah tidak berkelulusan yang kian berleluasa dan menyebabkan pelbagai masalah tempatan.

JAWAPAN :

- a) Pada masa ini, Kerajaan Negeri Selangor mempunyai **sembilan (9)** buah tapak pelupusan iaitu dua (2) buah tapak pelupusan sanitari, sebuah *transfer station* sampah, tiga (3) buah tapak pelupusan sisa lengai dan tiga (3) buah tapak pelupusan sampah secara terbuka. Tapak-tapak tersebut adalah seperti di **Lampiran 1**.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa tapak pelupusan yang beroperasi secara haram. Namun pihak Kerajaan Negeri tiada maklumat tepat mengenainya, contohnya di Jalan Nenas Sungai Kertas, Sg. Pusu, Rahman Putra, dan Sg. Bakau di Majlis Daerah Hulu Selangor.

- b) Masalah pembuangan sampah haram ini adalah berikutan tapak pelupusan yang berada jauh dari kawasan berkenaan serta kapasiti sampah yang melampau menyebabkan kelewatan kutipan. Selain daripada itu ada sesetengah penduduk lewat mengeluarkan sampah dan yang merumitkan sampah ditinggalkan di dalam kawasan rumah yang berkunci. Kos *Tipping Fee* yang tinggi juga menyebabkan sampah berkenaan di buang di tempat-tempat yang tidak sepatutnya. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membanteras dan memantau pusat pelupusan sampah haram ialah:-
- i. Menggiatkan lagi operasi pemantauan dan penguatkuasaan bagi membanteras kegiatan pembuangan sampah haram, selain itu ada PBT yang telah menubuhkan "*Unit Flying Squad*" bagi melakukan aktiviti pemantauan secara berkala;
 - ii. Penguatkuasaan oleh agensi-agensi berkenaan ke atas individu yang membuka, mengurus dan membuang sampah di tapak-tapak sampah haram;
 - iii. Penstrukturkan semula kawasan penyeliaan berpandukan kepada tenaga kerja yang ada;
 - iv. Pemantauan oleh Bahagian Kawal Selia, Jabatan Kesihatan Persekutaran dan Penguatkuasaan Undang-Undang.

Lampiran 1

Tapak Pelupusan	Kapasiti	Tahun Operasi	Jangka hayat	Kendalian
Tapak Pelupusan Sanitari Jeram, Kuala Selangor	2700 tan/hari	2007	Sehingga Disember 2016	Worldwide Holdings Berhad
Tapak Pelupusan Sanitari Tanjung Duabelas,Kuala Langat.	400 tan/hari	2010	Sehingga tahun 2050	Worldwide Holdings Berhad
Transfer Station Seksyen 21, Shah Alam	1200 tan/hari	2007	Konsesi Selama 25 Tahun	Worldwide Holdings Berhad
Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil	200 tan/hari	2004	Konsesi selama 20 tahun	Worldwide Holdings Berhad.
Tapak Pelupusan Sisa Lengai Kuang	120 tan/hari	2007	Konsesi selama 20 tahun	Worldwide Holdings Berhad.
Tapak Pelupusan Sisa Lengai Sg. Kertas	20 tan/hari	2011	Konsesi selama 10 tahun	Worldwide Holdings Berhad.
Tapak Pelupusan Secara Terbuka Bukit Beruntong	100-120 tan/sehari	2007	Sehingga tahun 2018	Majlis Daerah Hulu Selangor
Tapak Pelupusan Secara Terbuka Sungai Sabai	80-100 tan/sehari	2001	Sehingga tahun 2018	Majlis Daerah Hulu Selangor
Tapak Pelupusan Secara Terbuka Panchang Bedena	60 tan/sehari	1984	Sehingga tahun 2023	Majlis Daerah Sabak Bernam

***sumber: Worldwide Holdings Berhad & PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: MINYAK MASAK TERPAKAI

237. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah insentif atau galakan yang disediakan oleh kerajaan negeri untuk memastikan minyak masak terpakai dapat diguna semula untuk menghasilkan biodiesel daripada ianya diguna semula oleh peniaga tidak bertanggungjawab untuk menghasilkan minyak masak berkualiti rendah?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri tidak menyediakan sebarang insentif bagi pengumpulan minyak masak terpakai bagi tujuan penghasilan biodiesel. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengadakan kempen sejak tahun 2011 iaitu kempen kesedaran bahaya menggunakan minyak masak berulang kali (faktor kanser), pelupusan minyak masak terpakai yang tidak dipantau (pencemaran) dan manusia (pemprosesan kepada minyak masak kualiti rendah). Selain itu, pihak PBT turut membekalkan tong-tong minyak masak terpakai dan hanya dijual kepada urusetia/kontraktor yang dilantik oleh PBT contohnya di Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN BERAMPUR AIR MANIS OLEH PNSB

238. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan projek tersebut dapat dilaksanakan ?
- b) Sila senaraikan secara detail berapakah unit rumah kos rendah (mampu milik) yang akan dibina dalam cadangan projek tersebut ?
- c) Sila huraikan berapakah jumlah kos projek pembangunan tersebut termasuk kos pembinaan R&R (Rehat Dan Rawat)?

JAWAPAN:

- a) Projek ini telah pun mendapat kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (KM) daripada Majlis Daerah Sabak Bernam pada 24 Februari 2013 dan kini PNSB sedang di dalam tindakan membuat pindaan terhadap pelan kelulusan ini dan kerja-kerja pembinaan akan dijalankan setelah semua pelan pindaan mendapat kelulusan.
- b) Sebanyak 480 unit rumah mampu milik telah dicadangkan (belum dimuktamadkan).
- c) Anggaran kos projek pembangunan termasuk kos pembinaan R&R (Rehat dan Rawat) ini secara keseluruhannya adalah RM 90 juta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)**

TAJUK: MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR

239. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk menaik taraf / pemberian infrastruktur Taman Permainan / Rekreasi mengikut susunan tahun dari 2008 sehingga bulan Mac,2013 dan menyenaraikannya mengikut susunan Daerah Negeri Selangor?

JAWAPAN :

Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM3,489,574.06 bagi tahun 2008 sehingga 2013. Peruntukan tersebut adalah untuk menaiktaraf/pemberian infrastruktur Taman Permainan/Rekreasi di Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat sahaja.

BIL	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	2008	MAKLUMAT TIDAK DIPEROLEHI
2	2009	1,335,690.00
3	2010	600,000.00
4	2011	657,524.00
5	2012	520,290.06
6	2013	376,070.00
JUMLAH KESELURUHAN		3,489,574.06

Perincian untuk senarai projek dan jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dari tahun 2008 sehingga 2013 dapat dirujuk di lampiran A.

SENARAI PROJEK DAN JUMLAH PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2008

PBT	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
MBSA		
MBPJ		
MPKLANG		
MPAJ		
MPSJ	TIADA MAKLUMAT DIPEROLEHI UNTUK TAHUN 2008	
MPS		
MPKj		
MPSp		
MDKL		
MDHS		
MDKS		
MDSB		

SENARAI PROJEK DAN JUMLAH PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2009

PBT	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
MBSA		TIADA PERUNTUKAN BAGI PBT INI
MBPJ		
MPKLANG	1. Menaiktaraf taman Permainan kanak-kanak. 2. Menyalurkan peruntukan bantuan ke MPK : -Gazebo. -Pembakaian taman kanak-kanak. 3. Menyalurkan peruntukan bantuan ke MPK : -Bumbung gelanggang bola keranjang. -Lampu high mast.	100,000.00 40,000.00 50,000.00 150,000.00 200,000.00
MPAJ	1.Menaiktaraf taman permainan kanak-kanak.	100,000.00
MPSJ		TIADA PERUNTUKAN BAGI PBT INI
MPS	1.Menaiktaraf taman permainan kanak-kanak.	100,000.00
MPKj	1.Menaiktaraf taman permainan kanak-kanak.	100,000.00
MPSp	1.Menaiktaraf taman permainan kanak-kanak	100,000.00
MDKL	1.Menaiktaraf taman permainan kanak-kanak.	99,840.00
MDHS	1.Menaiktaraf taman permainan kanak-kanak.	100,000.00
MDKS	1.Menaiktaraf taman permainan kanak-kanak.	100,000.00

MDSB	1.Menaiktaraf taman permainan kanak-kanak.	95,850.00
JUMLAH KESELURUHAN		1,335,690.00

SENARAI PROJEK DAN JUMLAH PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2010

PBT	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
MBSA		
MBPJ		
MPKLANG		
MPAJ	TIADA PERUNTUKAN UNTUK PBT INI	
MPSJ		
MPS		
MPKj		
MPSp	1.Cadangan menaiktaraf gelanggang bola keranjang di Sungai Pelek,Sepang.	200,000.00
MDKL	1.Menaiktaraf taman kanak-kanak.	100,000.00
MDHS	1.Menaiktaraf taman kanak-kanak.	100,000.00
MDKS	1.Menaiktaraf taman kanak-kanak.	100,000.00
MDSB	1.Menaiktaraf taman kanak-kanak.	100,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		600,000.00

SENARAI PROJEK DAN JUMLAH PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2011

PBT	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
MBSA		
MBPJ		
MPKLANG		
MPAJ	1.Cadangan kerja-kerja membina sebuah gelanggang futsal, bola jaring dan badminton/takraw di kawasan lapang bersebelahan Flat Dato' Ahmad Razali.	80,000.00
MPSJ	1.Pembinaan bumbung gelanggang bola keranjang di Jalan 2,Taman Universiti Indah, Seri Kembangan.	100,000.00
MPS		
MPKj		
MPSp	1.Membekal dan memasang alat permainan kanak-kanak di Taman Meranti Indah, Taman Kristal, Taman Sri Bayu dan Taman Sri Dengkil. 2.Kerja-kerja membina penahan bola dan penyelenggaraan padang bola sepak di Pekan Salak.	96,260.00 33,300.00
MDKL	1.Membuat pulih Stadium Jugra, Kuala Langat.	100,000.00
MDHS		
MDKS		
MDSB	1.Membina gelanggang baru 4 dalam 1 futsal,bola jaring dan badminton serta sepak takraw : -Pekan Sg. Air Tawar, Sabak. -Terminal Rakyat, Sg. Panjang. 2.Membuat pulih gelanggang bola keranjang di Sungai Besar.	73,982.00 73,982.00 100,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		657,524.00

SENARAI PROJEK DAN JUMLAH PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2012

PBT	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
MBSA		
MBPJ	TIADA PERUNTUKAN BAGI PBT INI	
MPKLANG	1.Cadangan membina 2 buah Gazebo di Kompleks Sukan Pandamaran. 2.Cadangan untuk membina Taman Kanak-Kanak di kawasan : -Flat MPK, Port Klang. -Flat Bunga Raya, Port Klang.	40,000.00 30,000.00 30,000.00
MPAJ		
MPSJ		
MPS	TIADA PERUNTUKAN BAGI PBT INI	
MPKj		
MPSp		
MDKL	1.Cadangan menaiktaraf alatan permainan kanak-kanak dan kemudahan rekreasi di taman-taman perumahan dalam kawasan MDKL di 7 lokasi : -Jalan Pulasan 5, Taman Seri Medan, Telok Panglima Garang. -Jalan Laksamana 7, Taman Desawira, Telok Panglima Garang. -Jalan Utama 53, Taman Jaya Utama, Telok Panglima Garang. -Jalan Sungai Nangka 41,Taman Banting Mewah. -Jalan Delima 2, Taman Delima, Banting. -Lorong Jentayu 7,Taman Banting Jaya. -Jalan BB 2/10, Taman Banting Baru.	22,222.00 22,222.00 22,222.00 22,222.00 22,222.00 22,222.00 22,222.00
MDHS		
MDKS	TIADA PERUNTUKAN BAGI PBT INI	

MDSB	1. Cadangan kerja-kerja membina gelanggang baru 3 dalam 1 Futsal, Badminton dan Sepak Takraw di:- -Taman Bedena Jaya,Sungai Besar	84,736.06
	2.Cadangan kerja-kerja menaiktaraf alat permainan kanak-kanak di 6 lokasi : -Taman Bakti/ Desa, Sungai Besar. -Taman Perpaduan, Sabak Bernam. -Taman Seri Nakhoda, Bagan Nakhoda Omar. -Taman Berjaya, Sabak. -Taman Muhibbah 1. -Taman Sekinchan Jaya	30,000.00 30,000.00 30,000.00 30,000.00 30,000.00 30,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		520,290.06

SENARAI PROJEK DAN JUMLAH PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2013

PBT	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
MBSA		
MBPJ		
MPKLANG		
MPAJ	<p>1.Cadangan kerja-kerja membekal, memasang alat permainan kanak-kanak dan kerja-kerja yang berkaitan di Jalan AU5C/15,Taman Lembah Keramat (DUN HULU KELANG).</p> <p>2.Kerja-kerja membekal, memasang alat permainan kanak-kanak dan kerja-kerja membaikpulih gelanggang bola keranjang di tapak sedia ada di Padang perbandaran Pandan Indah.</p> <p>(Cek peruntukan masih belum diedarkan sehingga sesalinan Surat Setuju Terima yang ditandatangani diserahkan kepada SPBT)</p>	<p>30,000.00</p> <p>35,000.00</p>
MPSJ		
MPS		
MPKj	1. Membapkulih padang bola sepak di Taman Seri Jelok, Mukim Kajang.	30,000.00
MPSp	<p>1.Cadangan kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan awam di Taman Awam Aman Putra dan Taman Awam Bandar Baru Salak Tinggi.</p> <p>2.Cadangan menaiktaraf gelanggang bola keranjang di Taman Mesra Dengkil.</p> <p>3.Cadangan menaiktaraf gelanggang bola keranjang di Taman Prima Tropika.</p> <p>(Cek peruntukan masih belum diedarkan sehingga sesalinan Surat Setuju Terima yang ditandatangani diserahkan kepada SPBT)</p>	<p>16,260.00</p> <p>19,970.00</p> <p>19,840.00</p>
MDKL		
MDHS		
MDKS		

MDSB	1.Cadangan menaiktaraf Taman Permainan Kanak-Kanak di 9 lokasi : -Hadapan Petronas Sg Besar - Pantai Nakhoda Bagan Nakhoda Omar -Taman Aman Sabak -Taman Bedena, Sg Besar -Taman Padu Permai 1, Sg. Besar -Taman Penggawa, Sg. Besar -Taman Raya, Sabak -Taman Seri, Sg. Besar -Taman Seri Sekinchan	25,000.00 25,000.00 25,000.00 25,000.00 25,000.00 25,000.00 25,000.00 25,000.00 25,000.00
(Cek peruntukan masih belum diedarkan sehingga sesalinan Surat Setuju Terima yang ditandatangani diserahkan kepada SPBT)		
JUMLAH KESELURUHAN		376,070.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHRU)**

TAJUK: RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

240. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Nyatakan jumlah rumah ibadat bukan Islam yang ditolak permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada bangunan (rumah ibadat bukan Islam) sejak 2008;
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk membantu pemilik yang telah membina bangunan rumah ibadat bukan Islam di atas tanah kegunaan pertanian.

JAWAPAN :

- a) Sebanyak 1 permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada bangunan (rumah ibadat bukan Islam) yang ditolak sejak tahun 2008.
- b) Kerajaan Negeri membantu pemohon mengubah syarat tanah dan premium tukar syarat di kenakan sebanyak RM 1,000.00 perhektar (mengikut Kaedah Tanah Selangor). Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada zoning kawasan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : PERBADANAN KEUSAHAWANAN NEGERI SELANGOR

241. Manifesto PRU-13 Pakatan bercadang untuk mewujudkan Perbadanan Keusahawanan Negeri Selangor bagi pendidikan dan latihan keusahawanan.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimakah struktur dan kaedah operasi perbadanan ini?
- b) Apakah hala tuju dan sasaran perbadanan ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan di bawah Seksyen Sektoral, Unit Perancang Ekonomi Negeri bersama-sama Y.B. EXCO Pembangunan Usahawan dalam tindakan bagi merangka hala tuju, struktur dan operasi Perbadanan Keusahawanan Negeri Selangor.
- b) Sebagai makluman, unit Usahawan di bawah Seksyen Sektoral ditugaskan untuk mengumpul maklumat dari agensi yang berkaitan yang sebahagian kecil terdapat di agensi-agensi lain seperti Pejabat Pertanian, MARDI, KDEB dan lain-lain.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK: KUTIPAN SAMPAH

242. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -
- Sila nyatakan jumlah aduan berkenaan sampah di MBPJ dari 2008 ke 2013.
 - Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kualiti servis kutipan sampah?

JAWAPAN :

- Jumlah aduan berkenaan sampah di MBPJ dari tahun 2008 hingga 2013 seperti di **Lampiran 1**.
- Langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kutipan sampah adalah seperti berikut:-
 - Mengambil alih pengurusan sisa pepejal daripada syarikat AFSB dan diuruskan oleh PBT;
 - Melantik kontraktor-kontraktor kerja kutipan sisa pepejal melalui proses tender terbuka;
 - Melantik wakil dari Jawatankuasa Penduduk bagi membuat pengesahan kerja yang telah dilaksanakan;
 - Mengkaji semula syarat-syarat lantikan kontraktor;
 - Keperluan-keperluan asas dan utama yang perlu ada bagi kontraktor yang akan dilantik;
 - Memastikan kontraktor yang dipertanggungjawab menjalankan tugas/kerja dengan baik dan sempurna;
 - Keperluan peralatan dan logistik bagi Jabatan/Bahagian yang bertanggungjawab menguruskan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam; dan
 - Menilai semula kekuatan kakitangan Jabatan/Bahagian yang bertanggungjawab di dalam penurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Lampiran 1

**JUMLAH ADUAN KUTIPAN SAMPAH DI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
DARI TAHUN 2008 HINGGA APRIL 2013**

Bulan / Tahun	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	JUMLAH
2008	63	78	59	60	65	40	65	58	79	94	89	90	840
2009	130	133	110	143	169	145	153	125	114	213	102	137	1674
2010	165	81	86	91	59	82	97	59	100	115	131	135	1201
2011	138	126	113	134	140	233	191	338	523	470	582	664	3652
2012	542	339	1046	477	420	527	437	413	409	522	516	459	6107
2013	523	369	367	477									1736

***sumber: Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK: PERANCANGAN ASPEK AGAMA DAN KEBUDAYAAN DI DUN TERATAI

243. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan untuk aspek agama dan kebudayaan di DUN Teratai bagi tahun 2013?
- b) Berapakah peruntukan yang diagihkan untuk perkara (a)?
- c) Sejauh manakah perancangan tersebut dilaksanakan?

JAWAPAN :

- a) Tiada perancangan untuk aspek agama dan kebudayaan di DUN Teratai bagi tahun 2013.
- b) Tiada peruntukan yang diajukan untuk perkara (a).
- c) Tiada pelaksanaan dibuat berikutan tiada perancangan berhubung aspek agama dan kebudayaan di DUN Teratai.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : MASALAH BANJIR DI KAWASAN KAMPUNG BATU11 CHERAS

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Perancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah banjir di kawasan Kampung Baru 11 Cheras dan sekitarnya yang berlaku setiap kali hujan lebat.

JAWAPAN :

- a) Pihak Kerajaan melalui JPS Malaysia telah melantik Juruperunding SCG Consultant Sdn Bhd untuk melaksanakan kajian "STORMWATER MANAGEMENT AND DRAINAGE MASTER PLAN STUDY FOR MAJLIS PERBANDARAN KAJANG" yang telah disiapkan pada 2010.

Di dalam kajian tersebut, Pihak Perunding mengesyorkan supaya sistem saliran dalam kawasan tersebut dinaiktaraf dan cadangan pembinaan Kolam Tadahan Banjir.

Pada masa ini, Sungai Cheras yang berhampiran Kampung Batu 11 ini masih boleh menampung kapasiti air dan Jabatan Pengairan dan Saliran melaksanakan kerja-kerja cucigali mendapan kelodak mengikut keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK: BEKALAN AIR

245. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- Apakah langkah-langkah yang sedang diambil dan akan diambil untuk mengurangkan insiden dan aduan bekalan air terputus dan tekanan air rendah yang sering menjadi aduan rumah kediaman?
- Apakah pantauan yang dilaksanakan terhadap aduan kepada PUSPEL?

JAWAPAN :

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 27/2012 yang bersidang pada 25 Julai 2012 dan telah disahkan oleh MMKN ke 28/2012 pada 01 Ogos 2012 telah menimbang dan meluluskan penubuhan Jawatan Kuasa Pemantauan Bekalan Air yang dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi memantau secara harian perkhidmatan SYABAS dan kedudukan semasa bekalan air kepada pengguna termasuk meninjau sendiri di tapak masalah kekurangan bekalan air yang dicanangkan oleh SYABAS. Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS). ABASS akan melantik pasukan pemantau untuk membantu Kerajaan Negeri Selangor dalam memantau operasi SYABAS. Kos pelantikan pasukan pemantau oleh ABASS akan ditanggung oleh ABASS dan kemudiannya diserapkan di dalam kos pengambilalihan SYABAS oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Pemantauan yang dibuat oleh Jawatan Kuasa tersebut adalah meliputi semua perkara yang berkaitan dengan industri perkhidmatan air termasuk air mentah seperti berikut:-

- Memantau Pengeluaran air harian bagi setiap loji air, paras empangan dan jumlah hujan;
- Memantau dan menyiasat dari sudut teknikal kebolehan dan keupayaan loji-loji rawatan air sedia ada dalam mengeluarkan air terawat pada tahap optimum dengan mengambil kira kesediaan yield sungai sedia ada;
- Memantau dan menganalisis permintaan air berdasarkan bil air (*metered consumption*) dari Januari 2012 hingga sekarang;

- iv. Memantau dan menganalisis permintaan dan keupayaan pembekalan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya termasuk unjuran permintaan dan pembekalan air yang disediakan oleh SYABAS;
- v. Memantau dan menganalisis maklumat mengenai paras kolam utama(balancing reservoir - terminal reservoir -service reservoir) serta menganalisis langkah-langkah yang boleh diambil bagi memastikan paras kolam ini dapat ditingkatkan;
- vi. Mengenal pasti kawasan-kawasan kritikal (*water stressed areas*) termasuk memantau dengan rapi kedudukan pembekalan air di kawasan tersebut dan menganalisis punca-punca utama (micro) yang menyebabkan kawasan tersebut mengalami masalah air serta menasihati Kerajaan Negeri dalam menyediakan langkah-langkah penyelesaian ke atas masalah tersebut;
- vii. Memantau dan menganalisis maklumat terperinci mengenai rangkaian paip air utama termasuk kolam air hingga ke kawasan yang bermasalah khususnya serta mengenal pasti langkah-langkah penambahbaikan yang boleh dibuat mengenai rangkaian paip dalam usaha untuk memastikan bekalan air dari loji rawatan sedia ada dapat dibekalkan kepada pengguna;
- viii. Memantau dan menganalisis serta mengenal pasti langkah-langkah bagi menangani masalah bekalan air termasuk Emergency response plan yang disediakan oleh pihak SYABAS; dan
- ix. Memantau dan menganalisis pelaksanaan projek-projek mitigasi yang sedang/akan dilaksanakan termasuk memberi dan ulasan teknikal kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam perkara berkaitan perancangan dan pembangunan bekalan air termasuk mengkaji keberkesanan program NRW sedia ada.

Selain dari pemantauan oleh Jawatan kuasa ini, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pelaksanaan Projek Mitigasi 2 bagi tujuan mengatasi masalah kekangan sistem agihan sedia ada. Mengikut skop Mitigasi 2 yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, penambahbaikan ke atas rumah pam Bukit Gasing dan rumah pam Matang Pagar dapat mengatasi masalah kekangan sistem agihan ini.

Namun demikian, Kerajaan Negeri Selangor berpandangan, penyelesaian ke atas SYABAS ini hanya boleh dicapai dengan memuktamadkan penstruktur semula industri perkhidmatan air di bawah Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkuuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Penang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.